



LAPORAN
BERSEPADU
2025

KEMAJUAN BERTERASKAN TUJUAN

Asas Laporan Ini


Kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Bersepadu 2025 Kumpulan Perbankan RHB (“RHB” atau “Kumpulan”).

Laporan ini memberikan gambaran menyeluruh dan telus mengenai perjalanan penjaan nilai kami sepanjang tahun lalu, yang mencerminkan komitmen berterusan kami dalam menyampaikan hasil yang mampan kepada pemegang taruh serta pandangan seimbang dan holistik terhadap prestasi perniagaan, keutamaan strategik, dan hala tuju jangka panjang kami. Melalui pendekatan bersepadu ini, pemegang taruh dapat menilai dengan lebih baik daya tahan, potensi pertumbuhan, dan keupayaan kami untuk menjana nilai yang berterusan.

Laporan Bersepadu kami menggabungkan elemen utama yang membentuk pendekatan perniagaan dan prestasi kami, termasuk:

- Perkara material yang mempengaruhi strategi dan kejayaan jangka panjang kami
- Objektif strategik dan pendekatan kami terhadap penjaan nilai
- Rangka kerja pengurusan risiko dan modal yang menyokong daya tahan dan kestabilan
- Struktur tadbir urus korporat dan mekanisme akauntabiliti yang memelihara kepercayaan dan ketelusan
- Gambaran menyeluruh mengenai prestasi kewangan dan bukan kewangan

Perspektif bersepadu ini mengukuhkan komitmen kami terhadap penjaan nilai bersama, selaras dengan tujuan kami untuk merealisasikan kemajuan bagi semua pihak.



PRINSIP PANDUAN RANGKA KERJA <IR>

Prinsip Panduan	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Tumpuan Strategik & Orientasi Masa Hadapan	●	●	●	●	●	●	●
Kesalinghubungan Maklumat	●	●	●	●	●	●	●
Hubungan dengan Pemegang Taruh	●	●	●	●	●	●	●
Materialiti	●	●	●	●	●	●	●
Kejelasan	●	●	●	●	●	●	●
Kebolehpercayaan & Kelengkapan	●	●	●	●	●	●	●
Ketekalan & Kebolehbandingan	●	●	●	●	●	●	●

ELEMEN KANDUNGAN RANGKA KERJA <IR>

Elemen Kandungan	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Gambaran Keseluruhan Organisasi & Persekitaran Luaran	●	●	●	●	●	●	●
Tadbir Urus	●	●	●	●	●	●	●
Model Perniagaan	●	●	●	●	●	●	●
Risiko & Peluang	●	●	●	●	●	●	●
Strategi & Peruntukan Sumber	●	●	●	●	●	●	●
Prestasi	●	●	●	●	●	●	●
Prospek	●	●	●	●	●	●	●
Asas Penyediaan	●	●	●	●	●	●	●

Petunjuk:

● Dipatuhi Sepenuhnya ●●●●● Dipatuhi Sebahagian

MENINGKATKAN KETELUSAN DAN PENGLIBATAN PEMEGANG TARUH

Sebagai sebuah institusi kewangan yang bertanggungjawab, kami mengiktiraf kepentingan komunikasi yang jelas, konsisten dan bermakna dengan semua pemegang taruh. Laporan ini menyediakan:

- Pendedahan bersepadu yang mencerminkan pemikiran holistik serta menunjukkan bagaimana strategi kami diterjemahkan kepada penjana nilai yang mampan.
- Maklumat yang telus dan berguna untuk membuat keputusan bagi membolehkan pelabur, pemegang saham dan pengawal selia menilai prestasi kewangan dan bukan kewangan kami secara menyeluruh.
- Wawasan mengenai impak kami terhadap pelanggan, pekerja, pembekal dan komuniti, sekali gus menegaskan komitmen kami terhadap perbankan yang bertanggungjawab dan keterangkuman kewangan.

KEBOLEHCAPAIAN DIGITAL DAN AMALAN LESTARI

Selaras dengan agenda transformasi digital serta komitmen kami terhadap kelestarian, kami mempertingkatkan kebolehcapaian pelaporan serta memperkukuh amalan pemeliharaan alam sekitar dalam penyediaan laporan kami.

- Kami telah memperkukuh rujukan silang serta navigasi yang lancar merentas laporan kami, sekali gus meningkatkan pengalaman pengguna secara keseluruhan dan membolehkan pemegang taruh mengakses maklumat yang berkaitan dengan lebih cekap.
- Format digital interaktif dan penerbitan elektronik yang boleh dimuat turun disediakan bagi menggalakkan kebolehcapaian yang lebih meluas serta mengurangkan penggunaan kertas.
- Bagi meminimumkan jejak alam sekitar, kami menghadkan cetakan laporan, bagi memastikan bahan yang digunakan diperolehi secara bertanggungjawab dan mesra alam, selaras dengan komitmen kami penuh terhadap kelestarian.

RANGKAIAN LAPORAN KAMI

Laporan Bersepadu Kumpulan Perbankan RHB 2025 berfungsi sebagai laporan utama kami, yang memberikan gambaran menyeluruh yang holistik mengenai prestasi, strategi dan usaha penjana nilai jangka panjang Kumpulan. Laporan ini dilengkapi dengan pendedahan tambahan secara dalam talian serta dokumen sokongan yang menyediakan akses komprehensif kepada maklumat kewangan dan bukan kewangan yang berkaitan. Penyediaan laporan ini berpandukan peruntukan berkanun, amalan terbaik serta rangka kerja kawal selia yang berkenaan, bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian pelaporan tempatan dan antarabangsa.

IR

Laporan Bersepadu



Memberikan gambaran menyeluruh mengenai prestasi dan prospek Kumpulan bagi tahun 2025, berpandukan:

- Akta Syarikat 2016
- Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia ("MMLR")
- Dasar Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia
- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG") oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (Jan 2021) di bawah Yayasan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS")
- Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia (Edisi Ke-4)
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia

FR

Laporan Kewangan



Membentangkan set penuh penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit, yang disediakan selaras dengan:

- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
- Akta Syarikat 2016
- Dokumen Dasar dan Garis panduan Bank Negara Malaysia
- Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
- Bursa Malaysia MMLR

SR

Laporan Kelestarian



Memberikan ulasan menyeluruh mengenai prestasi kelestarian Kumpulan, termasuk perkara material serta pendedahan berkaitan iklim, selaras dengan piawaian pelaporan kelestarian global dan kawal selia. Laporan ini menggariskan kemajuan kami dalam memenuhi komitmen kelestarian merentasi spektrum ESG, termasuk perjalanan kami menuju Sifar Bersih.

Pada tahun 2025, kami menerbitkan Sisipan Kelestarian Dalam Talian yang berasingan, yang mengandungi maklumat tambahan serta data prestasi berkaitan perkara material kami. Sisipan ini boleh diakses melalui di laman sesawang korporat kami.

Asas Laporan Ini

SKOP DAN SEMPADAN

Laporan ini meliputi tempoh dari 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan merangkumi semua operasi serta inisiatif RHB di seluruh Rantau Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara ("ASEAN"). Laporan ini membentangkan pandangan bersepadu mengenai hala tuju strategik, aktiviti perniagaan dan hasil prestasi kami, di samping menyerlahkan inisiatif yang melibatkan serta mewujudkan nilai kepada pemegang taruh utama kami, termasuk pelanggan, pekerja, pelabur, pengawal selia dan komuniti secara keseluruhan.

MATERIALITI DAN PERKARA MATERIAL

Kandungan laporan ini disediakan berdasarkan perkara material yang telah dikenal pasti, yang mencerminkan bidang utama perniagaan kami dengan impak paling signifikan terhadap prestasi operasi, hasil ESG serta penjana nilai kepada pemegang taruh. Perkara material ini menjadi panduan kepada keutamaan kewangan dan bukan kewangan kami, membentuk pendekatan kami terhadap pengurusan risiko dan peluang serta menjadi asas kepada pembangunan dan pelaksanaan strategi kami.

Seperti yang diperincikan pada halaman 58 hingga 61, perkara material kami ditentukan melalui proses penilaian berstruktur yang mengambil kira perspektif pemegang taruh serta impak terhadap perniagaan. Dengan mengenal pasti dan menangani keutamaan ini, kami memperkukuh keupayaan kami untuk menyampaikan nilai yang mampan, memenuhi jangkaan pemegang taruh yang sentiasa berkembang pesat serta mengukuhkan daya tahan dan pertumbuhan jangka panjang.

KENYATAAN BERORIENTASIKAN MASA HADAPAN

Laporan ini mengandungi kenyataan yang berorientasikan masa hadapan, termasuk yang berkaitan dengan keutamaan, strategi serta prospek masa hadapan kami. Kenyataan tersebut adalah berasaskan andaian dan jangkaan semasa serta tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian, yang sebahagian besarnya berada di luar kawalan Kumpulan. Keputusan sebenar mungkin berbeza secara ketara daripada yang dinyatakan atau tersirat. Kenyataan ini tidak disahkan oleh juruaudit luar atau pihak bebas.

Kenyataan ini hendaklah dibaca dalam konteks keadaan ekonomi, pengawalseliaan dan pasaran semasa, serta mencerminkan strategi, kedudukan dan prospek Kumpulan pada tarikh penerbitan laporan ini.

KELULUSAN KEPIMPINAN

Pengurusan Kanan RHB Bank mengesahkan tanggungjawab terhadap integriti dan kebolehpercayaan Laporan Bersepadu ini. Selepas melalui semakan yang menyeluruh, pihak pengurusan berpuas hati bahawa laporan ini merangkumi perkara-perkara material utama yang berkaitan dengan keupayaan Kumpulan untuk menjana nilai dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Kami yakin bahawa pendedahan yang disediakan menggambarkan secara adil dan menyeluruh prestasi kami, keutamaan strategik serta tindakan yang sedang kami laksanakan untuk menunaikan komitmen kami kepada pemegang taruh.



Dato' Mohd Rashid Mohamad
Pengaroh Urusan Kumpulan /
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

IKON NAVIGASI

MODAL KAMI

- FC** Modal Kewangan
- MC** Modal Pembuatan
- IC** Modal Intelek
- SRC** Modal Sosial dan Perhubungan
- HC** Modal Insan
- NC** Modal Semula Jadi

TONGGAK STRATEGIK

- BS** Terbaik dalam Perkhidmatan
- HP** Keuntungan yang Tinggi
- RP** Bertanggungjawab & Bermatlamat

TONGGAK KELESTARIAN TERAS

- SRF** Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab
- ANZ** Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050
- EGP** Menerapkan Amalan Baik
- EEC** Memperkaya dan Memperkasa Komuniti

PEMEGANG TARUH KAMI

- BD** Lembaga Pengarah
- SS** Pembekal dan Penyedia Perkhidmatan
- CU** Pelanggan
- FI** Rakan Industri Kewangan
- EM** Pekerja
- BP** Rakan Niaga
- SI** Pemegang Saham dan Pelabur
- RA** Agensi Penarafan
- RE** Pengawal Selia
- AN** Penganalisis
- CO** Komuniti
- ME** Media

RISIKO UTAMA

- CR** Risiko Kredit
- SNC** Risiko Ketidapatuhan Syariah
- MR** Risiko Pasaran
- TCR** Risiko Teknologi dan Siber
- IBR** Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan/ Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan
- RNC** Risiko Ketidapatuhan Kawal Selia
- RR** Risiko Reputasi
- LR** Risiko Kecairan
- CPR** Risiko Rasuah
- OR** Risiko Operasi
- SR** Risiko Kelestarian

PERKARA MATERIAL

- GB** Tadbir Urus Perniagaan yang Baik
- SC** Rantaian Bekalan yang Mampan
- DC** Perlindungan Data dan Keselamatan Siber
- T** Bakat
- SF** Perkhidmatan Kewangan Lestari
- EHS** Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja
- FI** Keterangkuman Kewangan
- DO** Kepelbagaian dan Peluang yang Saksama
- DI** Pendigitalan dan Pelaburan dalam Teknologi
- CE** Memperkaya dan Memperkasa Komuniti
- CX** Pengalaman Pelanggan
- CC** Perubahan Iklim
- FC** Layanan Adil kepada Pelanggan Kewangan
- ES** Pengawasan Alam Sekitar

Di Dalam Laporan Ini

Gambaran Keseluruhan RHB Bank Berhad

Ini Adalah RHB	4
Apa yang Kami Lakukan: Segmen Perniagaan Teras	6
Kehadiran Kami: Jejak Serantau Kami	8
Tawaran Pelaburan yang Menarik	10
• Sorotan Kewangan	10
• Sorotan Perniagaan	10
• Sorotan Kelestarian	11
Anugerah dan Pengiktirafan	12
Apa yang Membezakan Kami, Pembentangan Indeks, Kedudukan	13
Struktur Korporat Kumpulan	14
Peristiwa Penting Tahun 2025	16

Wawasan Kepimpinan

Perutusan Pengerusi Kami	18
Dari Meja Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kami	21

Penciptaan Nilai

Pendekatan Kami terhadap Penjana Nilai	24
Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami	26
Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami	30
Bagaimana Kami Mengagihkan Nilai yang Dicipta	43

Perbincangan dan Analisis Pengurusan

Ulasan Strategik

Ulasan Ekonomi dan Prospek	44
Ulasan Sektor Perbankan dan Prospek	47
Trend Pasaran	50
Perkara Material	58
Risiko Utama dan Pengurangan	62
Strategi Kami	76
Petunjuk Prestasi Utama	82

Ulasan Prestasi

Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan	83
Ringkasan 5 Tahun Kewangan Kumpulan	86
Sorotan Kewangan Kumpulan 5 Tahun	87
Analisis Segmen	88
Prestasi Suku Tahunan	88
Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan	89
Aset dan Liabiliti Berfaedah Utama	89
Penyata Nilai Tambah	90
Pengagihan Nilai Tambah	90
Pengurusan Modal	91
Penarafan Kredit	93
Pengurusan Kunci Kira-kira	94
Perhubungan Pelabur	95
Prestasi Harga Saham	97

Ulasan Perniagaan

Perbankan Komuniti Kumpulan	98
Perbankan Borong Kumpulan	101
Perbankan Korporat & Perniagaan Kumpulan	108
Perniagaan Antarabangsa Kumpulan	113
Perniagaan Syariah Kumpulan	121
Insurans Kumpulan	125

Kenyataan Kelestarian

Penyataan Kelestarian	128
Pendekatan Kelestarian Kami	131
Pendedahan Berkaitan Iklim	133
Kemajuan Kelestarian	135
Pencapaian Kelestarian	140
Melaksanakan Komitmen ke Arah Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050	142

Kepimpinan

Maklumat Korporat	144
Sekilas Pandang Lembaga Pengarah	144
Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan	145
Profil Pengerusi Syarikat Operasi Utama	149
Profil Jawatankuasa Syariah	150
Pengurusan Kanan Kumpulan	152
Struktur Organisasi Kumpulan	154

Tadbir Urus Kami

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat	155
Pematuhan Kumpulan	172
Laporan Jawatankuasa Syariah	174
Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah	175
Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan	181
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman 2025	182

Maklumat Pemegang Saham

Analisis Pegangan Saham	192
Perubahan Modal Saham	193
Perubahan dalam Modal Saham	194
Senarai Tiga Puluhan (30) Pemegang Saham Utama	195
Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama	197
Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-60	198
Borang Proksi	



Tema dan Rasional Kulit Laporan

Kupayaan kami telah dibentuk sepanjang beberapa dekad yang lalu, berasaskan kepercayaan yang dipupuk secara berterusan dari hari ke hari. Seumpama pohon yang teguh berdiri, daya tahan kami telah ditempa melalui perubahan geopolitik dan diuji oleh ketidakpastian pasaran. Teras perjalanan kami dipacu oleh kepercayaan serta sokongan tidak berbelah bahagi daripada pelanggan dan komuniti yang kami khidmati.

Pada hari ini, warisan tersebut menjadi pemangkin kepada momentum pertumbuhan kami. PROGRESS27 menetapkan hala tuju yang jelas, memperkukuh wawasan kami serta memperkasa asas digital kami. Kami melangkah ke hadapan dengan tujuan yang jelas, memastikan kelestarian bukan sekadar matlamat, tetapi teras yang terjalin kukuh dalam setiap amalan harian kami.

Ke-**60**

Mesyuarat Agung Tahunan RHB Bank Berhad



Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Ballroom 2, Aras 3, Sayap Timur, Jalan Pinang, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia



Rabu, 6 Mei 2026



10.00 pagi

BAGAIMANA KAMI BOLEH TERUS MENAMBAH BAIK PELAPORAN KAMI

Kami berusaha untuk mengekalkan penglibatan yang adil dan telus dengan semua pemegang taruh kami, kerana pandangan dan maklum balas mereka boleh dapat menambah baik pendekatan dan kandungan pelaporan RHB secara signifikan. Sila hubungi pasukan Perhubungan Pelabur kami sekiranya anda mempunyai sebarang komen dan maklum balas.



investor.relations@rhbgroup.com



Imbas kod QR untuk melihat Laporan Bersepadu 2025 kami

Ini Adalah RHB

Kumpulan Perbankan RHB merupakan penyedia perkhidmatan kewangan serantau terkemuka yang komited untuk memberikan perkhidmatan yang mampan – buat pelanggan, komuniti serta perniagaan kami. Dengan asas yang kukuh serta dedikasi terhadap kecemerlangan, kami akan terus berkembang dan menjadi unggul melalui inovasi, perkhidmatan berpusatkan pelanggan dan penyelesaian berteraskan nilai.

Kami Berpandukan Penyata Tujuan kami

Memacu Kemajuan untuk Semua

Untuk Menepati Janji Jenama Kami

Bersama-sama Menempa Kemajuan

Dengan kepercayaan dan sokongan daripada pelanggan serta pemegang taruh kami, RHB telah berkembang menjadi sebuah institusi kewangan terkemuka – menyediakan rangkaian perkhidmatan komprehensif merangkumi perbankan runcit, korporat dan perniagaan, perbankan borong serta produk insurans di seluruh Malaysia dan enam negara ASEAN yang lain.

Kekuatan kami berteraskan warisan yang menjangkau lebih daripada satu abad. Sepanjang beberapa dekad, kami telah membina keupayaan yang mantap serta pemahaman pasaran yang mendalam, sekali gus memperkukuh keupayaan kami memahami perubahan jangkaan dan membolehkan kami bertindak dengan jelas, tangkas dan bermatlamat. Legasi ini terus menjadi sumber inspirasi kami untuk memperkasa individu, perniagaan dan komuniti agar terus maju – melalui inovasi berterusan serta penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Seiring kami melangkah ke hadapan, kami kekal komited untuk menjana nilai jangka panjang melalui tindakan yang terancang dan libat urus yang bermakna. Kami menterjemahkan kemajuan kepada impak yang berkekalan – memperkukuh daya tahan kewangan, memperluas akses, serta menyumbang secara positif kepada komuniti yang kami khidmati, pada masa kini dan untuk generasi akan datang.



Janji jenama kami, Bersama Kita Menempa Kemajuan, mencerminkan komitmen ini, berteraskan sejarah kami, diperkukuh melalui pencapaian semasa, serta dipandu oleh tanggungjawab yang kami pikul ke arah masa hadapan.


Marilah kita melangkah ke hadapan dengan aspirasi dan keyakinan – membina masa hadapan yang lebih makmur, bersama.

Disokong oleh Nilai-Nilai Kami

Professional (Profesional) **R**espect (Hormat) **I**ntegrity (Integriti) **D**ynamic (Dinamik) **E**xcellence (Kecemerlangan)

Sertai kami dalam membina masa hadapan yang lebih makmur untuk semua!




Pusat Perhubungan Pelanggan
 Tel : +603 9206 8118
 Emel : customer.service@rhbgroup.com

Apa yang Kami Lakukan: Segmen Perniagaan Teras

PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN

SIAPA YANG KAMI BERI KHIDMAT DAN APA YANG KAMI TAWARKAN

Kami menawarkan rangkaian komprehensif penyelesaian kewangan konvensional dan patuh Syariah yang direka untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan kami. Perkhidmatan perbankan runcit hujung ke hujung kami merangkumi Pengurusan Kekayaan, Bankasurans, Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Kenderaan, Pembiayaan ASB, Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit serta Deposit.

BIDANG KEKUATAN DAN KELEBIHAN DAYA SAING

- Rakan perbankan yang dipercayai dan boleh diakses melalui pelbagai saluran, memastikan pengalaman pelanggan yang lancar.
- Menyampaikan cadangan nilai yang berdaya saing dan inovatif yang didorong oleh kecemerlangan perkhidmatan serta disesuaikan dengan keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang pesat.

SUMBANGAN KEPADA PRESTASI KUMPULAN

Pinjaman Kasar

2025	2024
RM130 bilion	RM122 bilion

Deposit daripada Pelanggan

2025	2024
RM94 bilion	RM89 bilion

PERBANKAN BORONG KUMPULAN

SIAPA YANG KAMI BERI KHIDMAT DAN APA YANG KAMI TAWARKAN

Kami menyediakan penyelesaian kewangan bersepadu yang menyeluruh merangkumi pasaran modal, perbankan transaksi serta perkhidmatan pelaburan, meliputi pelanggan korporat, institusi dan pelabur di seluruh Malaysia dan rantau ASEAN lebih luas. Tonggak perniagaan strategik kami termasuklah Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global, Perbankan Transaksi Kumpulan, Perbankan Pelaburan Kumpulan (termasuk Pengurusan Aset dan Pemegang Amanah), serta Liputan Pelanggan, yang disokong oleh wawasan pasaran yang komprehensif dan mendalam daripada pasukan Ekonomi dan Penyelidikan kami. Ini membolehkan kami menyediakan penyelesaian bersepadu, berpusatkan pelanggan dan didorong oleh wawasan.

BIDANG KEKUATAN DAN KELEBIHAN DAYA SAING

- Memanfaatkan kepakaran pasaran, platform inovatif serta kehadiran serantau yang kukuh untuk membantu pelanggan mengakses serta mengurus peluang dan cabaran dalam pasaran tempatan dan serantau.
- Menyampaikan pengalaman perbankan borong yang berpusatkan pelanggan, disokong oleh hubungan yang kukuh dengan pelanggan, liputan bersepadu serta penyelesaian yang disesuaikan bagi memenuhi keperluan unik setiap pelanggan.

SUMBANGAN KEPADA PRESTASI KUMPULAN

Pinjaman Kasar dan Aset

2025	2024
RM68 bilion	RM63 bilion

Deposit daripada Pelanggan

2025	2024
RM31 bilion	RM34 bilion

PERBANKAN KORPORAT DAN PERNIAGAAN KUMPULAN

SIAPA YANG KAMI BERI KHIDMAT DAN APA YANG KAMI TAWARKAN

Segmen perniagaan baharu yang ditubuhkan pada tahun 2025, Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan ("GCBB") termasuk Perbankan Korporat Kumpulan, Perbankan Komersial dan Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS").

- Perbankan Korporat Kumpulan menyediakan perkhidmatan kepada syarikat besar yang tersenarai, syarikat multinasional, entiti dan agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan, dengan menawarkan rangkaian lengkap penyelesaian pembiayaan konvensional dan patuh Syariah serta perkhidmatan sokongan lain.
- Perbankan Komersial menyediakan perkhidmatan yang serupa kepada syarikat kecil dan sederhana, sama ada tersenarai atau tidak, sekali gus merapatkan jurang antara syarikat besar dan PKS.
- Perbankan PKS memberi tumpuan kepada perusahaan kecil dan sederhana dengan menyediakan pelbagai penyelesaian pembiayaan, transaksi dan khidmat nasihat bagi menyokong pertumbuhan perniagaan serta operasi harian mereka.

BIDANG KEKUATAN DAN KELEBIHAN DAYA SAING

- Rakan kewangan dipercayai dengan kepakaran pasaran yang diiktiraf, serta pengetahuan khusus mengikut sektor, dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang disesuaikan dan sokongan nasihat yang menyeluruh kepada pelanggan bukan runcit. yang komprehensif kepada pelanggan bukan runcit.
- Platform digital yang inovatif, menawarkan sambungan terus Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi ("API") dengan penyedia penyelesaian perniagaan pihak ketiga menerusi RHB SME e-Solution, serta permohonan pembiayaan dalam talian untuk PKS melalui RHB SME Online Financing, yang kedua-duanya merupakan yang pertama dalam kalangan bank di Malaysia.
- Peneraju pasaran dalam menyokong agenda pertumbuhan PKS nasional melalui Skim Pembiayaan Bank Negara Malaysia.

SUMBANGAN KEPADA PRESTASI KUMPULAN

Pinjaman Kasar dan Aset

Perbankan Kumpulan Korporat

2025	2024
RM52 bilion	RM50 bilion

Deposit daripada Pelanggan

2025	2024
RM47 bilion	RM50 bilion

Perbankan Komersial

2025	2024
RM11 bilion	RM10 bilion

2025	2024
RM5 bilion	RM4 bilion

Perbankan PKS

2025	2024
RM28 bilion	RM28 bilion

2025	2024
RM39 bilion	RM36 bilion

PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN

SIAPA YANG KAMI BERI KHIDMAT DAN APA YANG KAMI TAWARKAN

Kami mengurus operasi perbankan komersial serantau RHB merangkumi lima pasaran utama ASEAN, termasuk Singapura, Kemboja, Thailand, Laos dan Brunei. Kami disokong oleh kepakaran serta keupayaan ibu pejabat kami di Malaysia, di samping memanfaatkan rangkaian tempatan yang kukuh bagi menyediakan penyelesaian yang disesuaikan dengan keperluan pelanggan kami, merangkumi pembiayaan peribadi dan perniagaan, deposit, pengurusan kekayaan serta produk dan perkhidmatan perbendaharaan.

BIDANG KEKUATAN DAN KELEBIHAN DAYA SAING

- Menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang komprehensif menerusi pendekatan setempat yang disasarkan kepada segmen pasaran utama.
- Membolehkan akses kepada pasaran dan kewangan merentasi lima negara ASEAN melalui rangkaian serantau yang kukuh.

SUMBANGAN KEPADA PRESTASI KUMPULAN

Pinjaman Kasar

2025	2024
RM34 bilion	RM34 bilion

Deposit daripada Pelanggan

2025	2024
RM37 bilion	RM37 bilion

PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN

SIAPA YANG KAMI BERI KHIDMAT DAN APA YANG KAMI TAWARKAN

Kami menawarkan rangkaian luas penyelesaian kewangan patuh Syariah merangkumi segmen Runcit, PKS, Korporat dan Komersial, disokong oleh perkhidmatan Pengurusan Kekayaan serta Perbankan Pelaburan. Tawaran kami turut menyokong pemeraksanaan sosioekonomi, pendidikan dan literasi kewangan, mencerminkan komitmen kami dalam memajukan perkhidmatan kewangan Islam yang inklusif, mudah diakses serta berasaskan nilai.

BIDANG KEKUATAN DAN KELEBIHAN DAYA SAING

- Menyediakan rangkaian lengkap perkhidmatan kewangan patuh Syariah termasuk segmen Runcit, PKS, Korporat, Komersial, Perbankan Pelaburan dan Pengurusan Kekayaan.
- Menyesuaikan penyelesaian kami bagi memenuhi keperluan sektor utama serta menyokong keutamaan negara, termasuk perkhidmatan kerajaan, pendidikan tinggi dan pemuliharaan marin.
- Dipandu oleh prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI"), dalam memacu impak sosial yang positif serta memperkasa agenda kelestarian.

SUMBANGAN KEPADA PRESTASI KUMPULAN

Pembiayaan Kasar

2025	2024
RM100 bilion	RM91 bilion

Deposit daripada Pelanggan

2025	2024
RM96 bilion	RM89 bilion

INSURANS KUMPULAN

SIAPA YANG KAMI BERI KHIDMAT DAN APA YANG KAMI TAWARKAN

Kami menyediakan rangkaian komprehensif insurans am serta penyelesaian berkaitan yang direka untuk memenuhi keperluan perlindungan pelanggan runcit dan korporat. Melalui inovasi berteraskan pelanggan, kami menawarkan perlindungan yang boleh dipercayai, perkhidmatan yang berdaya respons serta akses digital yang dipertingkatkan, bagi memastikan rakyat Malaysia dilindungi secara menyeluruh pada setiap peringkat kehidupan.

BIDANG KEKUATAN DAN KELEBIHAN DAYA SAING

- Menyediakan saluran perkhidmatan yang mudah diakses melalui rangkaian seluruh negara yang merangkumi 14 cawangan, lebih 600 cawangan Pos Malaysia serta lebih 2,000 pejabat ejen yang sah.
- Memanfaatkan automasi dan pendigitalan bagi menawarkan proses yang dipermudah, tempoh pemrosesan yang lebih pantas serta pengalaman pelanggan yang lebih lancar.
- Memenuhi keperluan perlindungan individu dan perniagaan melalui penyelesaian insurans yang mantap dan boleh dipercayai, termasuk perlindungan Kebakaran, Kemalangan Diri dan Kenderaan.

SUMBANGAN KEPADA PRESTASI KUMPULAN

Premium Bertulis Kasar

2025	2024
RM848 juta	RM914 juta

Jumlah Keseluruhan Polisi bagi Produk Insurans Utama

Motor, Kebakaran dan Kemalangan Diri

2025	2024
791,476 polisi	748,950 polisi

Kehadiran Kami: Jejak Serantau Kami



MALAYSIA

- Perniagaan Perbankan Komuniti: Perbankan Runcit
- Perniagaan Perbankan Borong: Perbankan Pelaburan, Korporat, Komersial, Perbendaharaan dan Pasaran Global, Pengurusan Aset, Perbankan Urus Niaga dan Ekonomi
- Perniagaan Syariah
- Perniagaan Antarabangsa
- Perniagaan Insurans

Jumlah Pendapatan
RM7.7 bilion
(2024: RM7.5 bilion)

Pekerja
11,661

Cawangan/Pejabat
255



SINGAPURA

- Perbankan Runcit
- Perbankan Komersial
- Perbankan Korporat & Pelaburan
- Perbendaharaan

Jumlah Pendapatan
SGD255.4 juta
(2024: SGD259.9 juta)

Pekerja
646

Cawangan/Pejabat
6



INDONESIA

- Pasaran Modal dan Sekuriti

Jumlah Pendapatan
IDR202.3 bilion
(2024: IDR186.6 bilion)

Pekerja
142

Cawangan/Pejabat
24

Kami beroperasi di
tujuh negara
ASEAN, dengan
tenaga kerja
melebihi
12,000 orang.


LAOS

- Perbankan Runcit
- Perbankan Komersial & Korporat

Jumlah Pendapatan
LAK50.0 bilion
(2024: LAK49.2 bilion)

Pekerja
51

Cawangan/Pejabat
3


THAILAND

- Perbankan Korporat
- Perbendaharaan

Jumlah Pendapatan
THB335.9 juta
(2024: THB474.9 juta)

Pekerja
70

Cawangan/Pejabat
1


KEMBOJA

- Perbankan Runcit
- Pasaran Modal dan Sekuriti
- Perbankan Komersial & Korporat

Jumlah Pendapatan
USD32.8 juta
(2024: USD23.5 juta)

Pekerja
363

Cawangan/Pejabat
13


BRUNEI

- Perbankan Runcit
- Perbankan PKS & Komersial

Jumlah Pendapatan
BND4.0 juta
(2024: BND4.5 juta)

Pekerja
34

Cawangan/Pejabat
1

Kami mengendalikan rangkaian sebanyak **303** cawangan dan pejabat di seluruh rantau ini.

Tawaran Pelaburan yang Menarik

SOROTAN KEWANGAN

Jumlah Pendapatan
RM8.8 bilion
(2024: RM8.6 bilion)

Nisbah Kos kepada Pendapatan
47.3%
(2024: 46.7%)

Keuntungan Bersih
RM3.4 bilion
(2024: RM3.1 bilion)

Pulangan atas Ekuiti
10.5%
(2024: 10.0%)

Jumlah Aset
RM358 bilion
(2024: RM350 bilion)

Pendapatan Asas Sesaham
77.13 sen
(2024: 72.02 sen)

Pinjaman Kasar
RM251 bilion
(2024: RM238 bilion)

Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar
1.41%
(2024: 1.47%)

Deposit daripada Pelanggan
RM253 bilion
(2024: RM250 bilion)

Nisbah CASA
30.4%
(2024: 27.6%)

Ekuiti Pemegang Saham
RM34 bilion
(2024: RM32 bilion)

Nisbah Jumlah Modal
17.6%
(2024: 19.0%)

SOROTAN PERNIAGAAN

Pelanggan perbankan dalam talian
>3.0 juta
(2024: >2.9 juta)

Mencatat skor kepuasan pelanggan sebanyak 75% bagi perbankan mudah alih

Urus Niaga Saluran Digital
94.5%
(2024: 92.2%)

Memperluas asas bagi pelanggan segmen mewah dan mewah massa sebanyak 13.6%

Polisi insurans ESG dilancarkan
>100,000 polisi
(2024: 97,509 polisi)

Mencapai pemprosesan terus bagi 4 aplikasi produk utama

Menjana penjimatan kos berjumlah RM158 juta melalui inisiatif pengoptimuman kos, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi.

Kedudukan dalam Perkhidmatan Pemegang Amanah untuk Terbitan Bon
#1
(2024: No.1)

SOROTAN KELESTARIAN

KEWANGAN LESTARI DAN BERTANGGUNGJAWAB

**Jumlah Kumulatif
Perkhidmatan Kewangan
Mampan yang Dimobilisasikan**

~RM60.0 bilion

(2024: RM42.0 bilion)



**Aset di bawah Pengurusan
Lestari dan
Bertanggungjawab**

RM1.2 bilion

(2024: RM1.2 bilion)



**Skor
Promoter
Bersih**

+28

(2024: +24)



MENERAPKAN AMALAN BAIK

**Perwakilan wanita dalam
pengurusan tertinggi dan kanan**

39.9%

(2024: 35.3%)



**Pelaburan dalam pembelajaran
dan pembangunan**

RM30.3 juta

(2024: RM30.9 juta)



**Purata jam latihan bagi
setiap pekerja**

34 jam

(2024: 29 jam)



MEMPERKAYA DAN MEMPERKASA KOMUNITI

**Pelajar yang Didaftarkan
dalam program MySISWA**

>148,000

(2024: >162,000)



**PKS¹ yang diperkasa melalui
inisiatif RHB #JomBiz**

352 PKS

(2024: 251 PKS)



**Pelajar terlibat melalui
program RHB X-Cel**

>3,400 pelajar

(2024: >2,000 pelajar)



¹ Perusahaan mikro, kecil dan sederhana

KOMITED UNTUK MENCAPAI SIFAR BERSIH MENJELANG 2050

**Pengurangan dalam
pelepasan yang dibiayai
berbanding garis dasar
2022²**

13.2%

(2023: 6.7%)



**Pelanggan CCPT³
kategori C3 beralih
kepada C1 atau C2⁴**

12.5%³



**Pengurangan dalam
pelepasan CHG operasi
berbanding garis dasar
2016**

49.9%

(2024: 45.5%)



² Data pelepasan yang dibiayai dilaporkan setakat 31 Disember 2024, dengan kelewatan 12 bulan berikutan ketersediaan data daripada pelanggan dan pelabur. RHB sedang mempertingkatkan infrastruktur data secara aktif untuk memperkemas pendedahan pada masa hadapan.

³ Merujuk kepada klasifikasi Taksonomi Berasaskan Prinsip dan Perubahan Iklim Bank Negara Malaysia ("BNM") ("CCPT").

⁴ Penunjuk baharu yang dipantau bermula tahun 2025.

Anugerah dan Pengiktirafan



Persidangan dan Anugerah Tadbir Urus Korporat ASEAN

- 5 Syarikat Tersenarai Awam Terbaik di Malaysia
- 50 Syarikat Tersenarai Awam Terbaik ASEAN

Anugerah Risiko ASEAN

- Pemenang – Budaya Risiko

Anugerah Institusi Kewangan Tahunan ke-19 Alpha Southeast Asia 2025

- Bank Terbaik bagi Perbankan Urus Niaga di Malaysia
- Bank Terbaik bagi Pembiayaan Perdagangan Berstruktur dan Komoditi Serantau

Anugerah Perbankan Korporat & Kewangan & Pelaburan Asia

- Urus Niaga IPO Terbaik – Singapura (RHB Singapura)

Anugerah Perbankan dan Kewangan Terbaik Asia

- Inisiatif Pengurusan Risiko Terbaik – Malaysia

The Bank of New York Mellon Corporation (“BNY Mellon”)

- Anugerah Pemprosesan Terus (“STP”) 2024

Persatuan Pusat Perhubungan Asia Pasifik

- Emas – Operasi Pusat Perhubungan
- Perak – Penglibatan Pekerja

Persatuan Pusat Perhubungan Malaysia (“CCAM”)

- Korporat – Anugerah Perak bagi Inovasi Digital (Penggunaan Automasi Terbaik)

Anugerah Euromoney

- Urus Niaga Pembiayaan Projek Islam Terbaik di Asia 2025

Anugerah Inovasi Perbankan Runcit Global

- Inisiatif Perbankan Mudah Alih Terbaik – Malaysia
- Kecemerlangan dalam Inovasi Digital – Malaysia
- Perkhidmatan Chatbot Interaktif Terunggul oleh Bank Runcit
- Inisiatif Hubungan Pelanggan & Penglibatan Jenama Terunggul (RHB Singapore)
- Inisiatif Pemasaran Terunggul bagi Produk Baharu (RHB Singapore)
- Inisiatif Perbankan Digital Terbaik – Singapura (RHB Singapore)

HR Dalam Talian – Anugerah Pengalaman Pekerja

- Akademi Pembelajaran Dalaman Terbaik – Perak
- Program Kepimpinan Wanita Terbaik – Perak
- Program ESG Terbaik – Perak
- Kecemerlangan dalam Pembangunan Kepimpinan – Perak
- Kecemerlangan dalam Pengurusan Bakat – Perak

Anugerah Insurans Asia

- Inovasi Produk Insurans Terbaik (Malaysia) – Penjagaan Kanser

Anugerah LSEG Lipper Fund

- RHB Bond Fund – Dana Bon MYR Terbaik Malaysia (Provident) (3 & 5 Tahun)
- RHB Dana Hazeem – Dana Aset Campuran MYR Konservatif Terbaik Malaysia (Islamik) (3 & 5 Tahun)
- RHB GoldenLife Today – Dana Aset Campuran MYR Konservatif Terbaik Malaysia (Konvensional) (3 Tahun)
- RHB Islamic ASEAN Megatrend Fund – Dana Ekuiti ASEAN Terbaik Malaysia (Islamik) (3 Tahun)
- RHB KidSave Trust – Dana Aset Campuran MYR Fleksibel Terbaik Malaysia (Konvensional) (3 Tahun)
- RHB Leisure, Lifestyle & Luxury Fund – Dana Ekuiti Sektor Pengguna Diskresionari Terbaik Malaysia (5 Tahun)
- RHB Malaysia Dividend Fund – Dana Pendapatan Ekuiti Malaysia Terbaik (3 & 5 Tahun)

Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia 2025 oleh Payments Network Malaysia

- Bank E-Pembayaran Terbaik
- National Scam Response Centre (“NSRC”) – Anugerah Vanguard of Vigilance

Anugerah Tadbir Urus dan Kelestarian Kebangsaan

- Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan – Kedudukan #3

Anugerah Kecemerlangan Digital PIKOM (“PDEA”)

- Penggunaan Digital – Anugerah Pengguna Aplikasi Mudah Alih (Kategori Korporat)
- Projek Transformasi Digital Cemerlang – Anugerah Pengguna (Kategori Korporat)

Anugerah Asia Trailblazer Perbankan Runcit Antarabangsa

- Bank Runcit Terbaik – Malaysia
- Kecemerlangan dalam Pengiktirafan Pekerja
- Kecemerlangan dalam Perbankan Internet
- Kecemerlangan dalam Perbankan PKS
- Kemajuan Terbaik dalam Amalan Kelestarian

Anugerah Produk Runcit Berstruktur Asia

- Prestasi Terbaik, Asia Selatan & Asia Tenggara (RHB Singapore)
- Prestasi Terbaik, Singapura (RHB Singapore)

Anugerah Perniagaan Antarabangsa Singapore Business Review

- Perbankan (RHB Singapore)

Anugerah Global Kecemerlangan dalam Kewangan Runcit oleh The Asian Banker

- Inisiatif Pengalaman Pelanggan Terbaik di Asia Pasifik

Anugerah The Asset Triple A Islamic Finance

- Sukuk SDG Terbaik – Malaysia Rail Link RM1.5 bilion Sukuk Murabahah SDG

Anugerah Bank Digital

- Inisiatif Wawasan Pelanggan Terbaik
- Perkhidmatan Chatbot Interaktif Terunggul oleh Bank Runcit
- Inisiatif Perbankan Mudah Alih Terbaik
- Kecemerlangan dalam Inovasi Digital

Apa Yang Membezakan Kami

Kepimpinan Kelestarian

Kami menyepadukan kelestarian merentas operasi, aktiviti pembiayaan dan inisiatif pemerksaan komuniti, sekali gus memacu perubahan yang bermakna ke arah masa hadapan yang lebih lestari.

Kecemerlangan Berpusatkan Pelanggan

Kami memupuk hubungan yang bermakna dengan memahami keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang pesat serta menyediakan penyelesaian kewangan yang disesuaikan bagi menjana nilai yang berkekalan.

Warisan yang Dipercayai

Berpandukan warisan yang kukuh dan berteraskan kepercayaan, kami kekal teguh dalam komitmen untuk memelihara kesejahteraan kewangan pelanggan kami, hari ini dan untuk generasi akan datang.

Penyelesaian Digital Inovatif

Kami meningkatkan pengalaman perbankan menerusi penyampaian penyelesaian digital yang lancar, selamat dan inovatif, sekali gus menawarkan kemudahan serta nilai yang lebih tinggi kepada pelanggan kami.

Memperkasa Pertumbuhan

Kami menyediakan kepakaran dan peluang kewangan, yang memperkasa individu serta perniagaan untuk berkembang maju, mencapai kejayaan dan merealisasikan aspirasi mereka.

Perwakilan Indeks



FTSE4Good

Skor 4.1, peningkatan daripada 3.8 pada tahun 2024

MSCI
ESG RATINGS

AA

CCC B BB BBB A AA AAA

Meningkat daripada 'A' kepada 'AA'

S&P Global

Skor 47/100, peningkatan daripada 46/100 pada tahun 2024

Kedudukan

Nisbah Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1")

Tempat Pertama

Pertumbuhan Keuntungan Bersih*

Tempat Pertama

Pertumbuhan Pinjaman Domestik*

Tempat Kedua

Pertumbuhan Pinjaman Runcit Domestik*

Tempat Ketiga

Pasaran Modal Hutang - Bon**

Tempat Ketiga

Pasaran Modal Hutang - Sukuk**

Tempat Ketiga

Penggabungan & Pemerolehan - Nilai**

Tempat Ketiga

Skor Promoter Bersih ("NPS")


Tempat Kedua

* Berdasarkan pertumbuhan tahun ke tahun dalam kalangan 6 bank teratas di Malaysia menurut saiz aset

** Sumber: RHB, Bloomberg dan Dealogic; berdasarkan nilai bagi perniagaan Perbankan Pelaburan di Malaysia

Struktur Korporat Kumpulan

pada 28 Februari 2026



Nota:

* Syarikat dorman

¹ Syarikat memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 15 September 2023.

² Syarikat memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 16 Ogos 2024.

³ Syarikat memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 16 Februari 2011.

⁴ Syarikat memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 30 Jun 2017.

⁵ Syarikat memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 27 Disember 2021.


⁶ Pegangan saham langsung sebanyak 20.00% setiap satu dimiliki oleh:

- (i) RHB Investment Bank Berhad;
- (ii) RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd;
- (iii) RHB Nominees (Asing) Sdn Bhd;
- (iv) RHB Futures and Options Sdn Bhd; dan
- (v) RHB Bank Berhad.

⁷ Syarikat memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 30 September 2020.

⁸ Syarikat memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 28 Mac 2012.

⁹ Syarikat memulakan permohonan bagi pembubaran dan penamatan secara sukarela pada 25 Jun 2020.



Peristiwa Penting Tahun 2025

Kumpulan Perbankan RHB melaksanakan pelbagai inisiatif utama merentasi perniagaan dan pasaran operasinya, mencerminkan kemajuan berterusan dalam keutamaan strategiknya. Usaha ini tertumpu kepada memperkukuh perniagaan teras, memperluas kehadiran serantau, memajukan kewangan mampan serta menjana nilai jangka panjang.



10 FEBRUARI

MAJLIS ANUGERAH PROGRAM #JOMBIZ 2025

RHB mengiktiraf usahawan mikro dalam Majlis Anugerah #JomBiz, sekali gus menonjolkan peranannya dalam menyediakan pembiayaan, pembangunan kapasiti serta bimbingan.



9 APRIL

PERSIDANGAN PELABURAN ASEAN 2025

RHB bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), Kumpulan Affin serta CGS International Securities Malaysia untuk menjadi tuan rumah Persidangan Pelaburan ASEAN 2025.

18 APRIL

RHB BEKERJASAMA DENGAN PERSATUAN EJEN PELANCONGAN DAN PENGEMBARAAN MALAYSIA ("MATTA")

RHB bekerjasama dengan MATTA untuk tahun keempat berturut-turut sebagai Penaja Platinum Eksklusif bagi MATTA Fair.



10 JULAI

RHB DAN IJN BEKERJASAMA UNTUK MEMPERLUAS AKSES PENJAGAAN KESIHATAN SERTA RANGKUMAN KEWANGAN

RHB dan Institut Jantung Negara ("IJN") memeterai satu Perjanjian Strategik untuk bekerjasama dalam pelbagai inisiatif merangkumi penjagaan kesihatan, pendidikan kesihatan dan kewangan, serta kesejahteraan komuniti, dengan matlamat untuk memperluas capaian dan menyokong lebih ramai rakyat Malaysia di seluruh negara.



20 JULAI

RHB ISLAMIC MENJALIN PAKATAN STRATEGIK DENGAN AMANAH RAYA BERHAD

RHB Islamic Bank bekerjasama dengan Amanah Raya bagi meneroka segmen pengurusan kekayaan Islam yang berkembang pesat di Malaysia.



1 OGOS

PERKONGSIAN EKSKLUSIF BANKASURANS DENGAN TOKIO MARINE LIFE DAN TAKAFUL MALAYSIA

RHB memperkukuh strategi pengagihan insuransnya melalui perkongsian eksklusif jangka panjang dengan Tokio Marine Life dan Takaful Malaysia.



7 OGOS

RHB DAN MRL MENGAKTIFKAN EKOSISTEM KEWANGAN ESG 360°

RHB bekerjasama dengan Malaysia Rail Link ("MRL") untuk mengaktifkan Ekosistem Kewangan ESG 360° RHB-MRL, sekali gus memajukan agenda kewangan mampan.



29 OGOS

PERKONGSIAN HARTANAH RHB-OSK MEMPERLUAS AKSES RAKYAT MALAYSIA KEPADA HARTANAH PRIMA DI LUAR NEGARA

RHB bekerjasama dengan OSK Property untuk memperkenalkan penyelesaian Pembiayaan Hartanah Luar Negara bagi pembeli Malaysia.



13 SEPTEMBER

RHB CLEAN-A-THON 2025 MENGERAKKAN LEBIH 700 SUKARELAWAN DI TELUK BAHANG, PULAU PINANG

RHB menggerakkan lebih daripada 700 sukarelawan, mengumpulkan lebih setengah tan sisa dari kawasan pesisir pantai dan kawasan sekitarnya di Teluk Bahang, Pulau Pinang.

11 OKTOBER

EDISI KE-10 RHB LEKAS HIGHWAY RIDE 2025

RHB LEKAS Highway Ride 2025 menandakan edisi ke-10 dengan penyertaan lebih 6,000 penunggang basikal.



2 DISEMBER

PERKONGSIAN BANK RASMI RHB - PARKCITY YEAR-END LIGHT FESTIVAL 2025

RHB mengambil bahagian sebagai rakan bank rasmi, sekali gus memperkukuh penglibatan komuniti dan keterlihatan jenama melalui acara awam berskala besar yang mempromosikan kelestarian dan hubungan sosial.





TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
Pengerusi

Perutusan Pengerusi Kami

Pemegang Taruh yang Dihormati,

Tahun 2025 merupakan tahun penting bagi RHB apabila kami merealisasikan aspirasi strategik melalui pelaksanaan yang fokus dan berdisiplin. Di seluruh Kumpulan, usaha kami dipandu oleh tiga aspirasi: menjadi Terbaik dalam Perkhidmatan, mencapai Keuntungan yang Tinggi, serta kekal Bertanggungjawab dan Berteraskan Tujuan dalam setiap tindakan yang diambil. Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa usaha berterusan kami untuk merealisasikan matlamat ini mula membuahkan hasil yang ketara. Sepanjang tempoh 12 bulan yang lalu, kami mencatatkan kemajuan yang konsisten dan bermakna dalam pelaksanaan keutamaan strategik, sekali gus mengukuhkan komitmen kami terhadap penjanaan nilai mampan serta meletakkan kami pada kedudukan yang baik untuk masa hadapan.

Teras kepada momentum ini ialah pelan hala tuju strategik tiga tahun kami, PROGRESS27. Pada tahun 2025, Kumpulan melaksanakan penambahbaikan strategik terhadap struktur organisasinya bagi memperkukuh daya saing serta meningkatkan kecekapan operasi. Inisiatif ini merangkumi penubuhan Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan bagi mempercepat pertumbuhan segmen bukan runcit Kumpulan, di samping penajaran semula Perbankan Borong Kumpulan untuk memperluas liputan pelanggan serta meningkatkan pendapatan berasaskan yuran. Seiring dengan itu, kami memperkukuh kerjasama strategik dan memperhalusi tawaran nilai kepada segmen keutamaan, terutamanya melalui peluasan penglibatan dalam ekosistem pendidikan tinggi menerusi kerjasama strategik bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Tumpuan strategik yang lebih jelas ini diterjemahkan kepada pencapaian yang boleh diukur dan berkualiti tinggi. Keuntungan bersih meningkat sebanyak 7.8%, manakala pulangan ke atas ekuiti ("ROE") bertambah baik kepada 10.5%, mencerminkan pelaksanaan yang berdisiplin serta kecekapan operasi yang terus dipertingkatkan. Pencapaian ini mengukuhkan lagi keupayaan RHB untuk menyesuaikan diri dan terus berprestasi dalam persekitaran yang berubah, sekali gus memperkukuh keupayaan kami untuk mengharungi cabaran semasa dan masa hadapan serta terus menjaga nilai mampan kepada pemegang taruh.

MENGEMUDI PERSEKITARAN YANG SEMAKIN DINAMIK DENGAN BERKESAN

Persekitaran global pada tahun 2025 menunjukkan asas yang semakin kukuh, walaupun ketidakpastian geopolitik dan dasar masih wujud. Kadar inflasi yang semakin sederhana serta peralihan ke arah dasar monetari yang lebih akomodatif membantu menstabilkan pasaran kewangan, melonggarkan keadaan pembiayaan dan menyokong keyakinan perniagaan. Pada peringkat domestik, keadaan ekonomi Malaysia terus mempamerkan daya tahan yang memberangsangkan. Pertumbuhan ekonomi disokong oleh permintaan domestik yang sihat, aliran pelaburan yang stabil serta inisiatif sektor awam yang berterusan. Kestabilan pasaran buruh turut memperkukuh corak penggunaan yang konsisten, dan dengan inflasi yang kekal terkawal, aktiviti ekonomi berkembang dalam landasan yang stabil dan boleh diramal.

Dalam persekitaran ini, Kumpulan kekal fokus dan berdaya tahan. Kami mengekalkan pendekatan yang berdisiplin dalam pengurusan portfolio, memperkukuh asas pembiayaan serta memperluas strategi kepelbagaian pendapatan, khususnya melalui pengurusan kekayaan dan bankasurans. Pada masa yang sama, kami memperketat disiplin kos dan memacu penambahbaikan produktiviti yang disasarkan. Langkah-langkah strategik ini membolehkan RHB mengekalkan kualiti pendapatan, meneruskan momentum pertumbuhan, serta kekal berdaya tahan dalam menghadapi landskap global yang sentiasa berubah.

TADBIR URUS YANG MEMACU PRESTASI

Di RHB, kami percaya bahawa prestasi cemerlang hendaklah berteraskan integriti tinggi. Pada tahun 2025, kami meningkatkan standard tadbir urus, pengurusan risiko serta integriti di seluruh Kumpulan. Polisi berkaitan tatakelakuan utama, termasuk Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan yang dikemas kini serta Garis Panduan Hadiah & Hospitaliti Kumpulan, dilaksanakan di seluruh pejabat serantau bagi memastikan piawaian dan akauntabiliti yang konsisten dalam operasi kami.

Pihak Lembaga Pengarah kekal komited dalam memastikan pengawasan yang berkesan dan relevan. Selain mesyuarat rasmi, Pengarah turut meluangkan masa dalam sesi pembelajaran berfokus dan sesi dialog bagi mengikuti perkembangan jangkaan semasa serta risiko yang baharu. Pembaharuan perspektif secara berterusan ini membolehkan Lembaga Pengarah menilai secara kritis, membimbing dengan yakin serta membuat

keputusan secara jelas dan berkesan dalam persekitaran yang pantas berubah.

Bagi memastikan PROGRESS27 dapat diterjemahkan kepada hasil yang boleh diukur, kami memperkukuh disiplin pelaksanaan. Strategi ini disokong oleh lapan program teras, masing-masing diterajui oleh pemimpin yang bertanggungjawab, disokong oleh pasukan pelaksanaan yang tangkas serta berpandukan pencapaian berperingkat yang jelas dalam tempoh beberapa tahun. Pelaksanaan ini dipantau rapi oleh pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah bagi memastikan risiko dikenal pasti lebih awal dan tindakan intervensi diambil tepat pada masanya. Kami juga memperkenalkan insentif kepada pasukan program yang mencapai sasaran bagi memastikan fokus berterusan di samping tanggungjawab operasi harian.

Kami turut mencapai kemajuan ketara dalam agenda kepelbagaian dan keterangkuman. Berpandukan komitmen untuk mencapai 33.3% penyertaan wanita dalam Pengurusan Tertinggi dan Kanan menjelang 2027, perwakilan wanita dalam kalangan pimpinan kanan mencapai 39%, melebihi sasaran lebih awal daripada jangkaan. Wanita turut mewakili 30% daripada keanggotaan Lembaga Pengarah sepanjang tahun. Selain itu, kami dengan bangganya melancarkan *Women Impact Network* bagi memperkukuh sokongan, akses dan peluang kepada wanita di seluruh Kumpulan, sekali gus memperkukuh pembangunan kepimpinan yang inklusif dan bersedia untuk masa hadapan.

MEMPERKASA KELESTARIAN DENGAN TUJUAN YANG JELAS

Dalam persekitaran yang semakin menuntut aspek kemampanan, pertimbangan alam sekitar dan sosial semakin mempengaruhi cara kami memacu pertumbuhan, mengagihkan modal serta mengurus risiko. Di bawah PROGRESS27, kemampanan bukan sekadar objektif sokongan; sebaliknya merupakan pemacu utama strategi jangka panjang kami. Setelah mencapai dan melepasi sasaran di bawah Strategi Kemampanan 2022, kami mengemas kini serta menentu ukur semula Petunjuk Prestasi Utama ("KPI") agar sejajar dengan hala tuju strategik Kumpulan sehingga tahun 2027.

Kami kini berpandukan kepada empat aspirasi utama:

- Memobilisasi RM90 bilion dalam Perkhidmatan Kewangan Mampan menjelang 2027 (di mana kira-kira RM60 bilion atau 67% daripada sasaran dicapai).
- Mencapai operasi neutral karbon menjelang 2030 dan pelepasan sifar bersih menjelang 2050.
- Memperkasa 2.5 juta individu dan perniagaan sasaran di seluruh ASEAN menjelang 2027.
- Mengekalkan sekurang-kurangnya 33.3% perwakilan wanita dalam pihak Pengurusan Tertinggi dan Kanan.

MENTERJEMAHKAN PRESTASI KEPADA NILAI BERSAMA

Pelan hala tuju strategik kami direka untuk mengekalkan momentum – bukan sahaja dari segi prestasi, tetapi juga bagaimana prestasi tersebut dapat dikongsi. Ketika kami melaksanakan keutamaan pertumbuhan dan daya tahan, kami kekal komited untuk memastikan pencapaian ini diterjemahkan kepada nilai yang nyata dan mampan kepada semua pemegang taruh yang memberikan kepercayaan kepada kami.

Bagi Pemegang Saham: Kami kekal komited terhadap pengurusan modal yang berdisiplin serta pulangan yang konsisten. Seiring dengan prestasi kewangan yang kukuh, Kumpulan Perbankan RHB mengisytiharkan jumlah dividen sebanyak 50 sen sesaham, yang mewakili nisbah pembayaran dividen sebanyak 65% serta hasil dividen sebanyak 6.5%.

Perutusan Pengerusi Kami

**Nisbah
Pembayaran
Dividen:
65%**

**>200,000
individu dan
perusahaan
dibantu**

**RM30 juta
latihan dan
pembangunan**

**444,984 jam
bagi tujuan
pembelajaran
merentasi tenaga kerja**

Bagi Pelanggan: Kecemerlangan perkhidmatan kekal menjadi keutamaan Kumpulan. Kami berjaya menyelesaikan 99% aduan dan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Perjanjian Tahap Perkhidmatan, dengan mencapai tahap kepuasan pelanggan sebanyak 85% selepas setiap penyelesaian yang dilaksanakan. Pada masa yang sama, kami turut mencatatkan peningkatan kukuh sebanyak empat mata dalam Skor Promoter Bersih, sekali gus mengekalkan kedudukan kami di tempat kedua dalam kalangan bank di Malaysia dan mencerminkan tahap kepercayaan dan kepuasan pelanggan yang semakin kukuh.

Bagi Komuniti: Sepanjang tahun 2025 sahaja, lebih daripada 200,000 individu dan perusahaan menerima manfaat melalui program komuniti kami, menjadikan jumlah kumulatif melebihi 1.5 juta. Melalui inisiatif yang merangkumi literasi kewangan, akses digital, pemerkasaan belia, dan sokongan perusahaan mikro, kami terus komited dalam memperluas peluang serta memperkukuh daya tahan sosial dan ekonomi di seluruh rantau ini.

Bagi Warga Kerja: Kumpulan Perbankan RHB melaburkan sebanyak RM30 juta dalam latihan dan pembangunan, dengan menyediakan lebih daripada 400,000 jam pembelajaran kepada seluruh tenaga kerja. Program yang dilaksanakan turut diperluaskan merangkumi latihan komprehensif dalam bidang kemampunan dan kecerdasan buatan ("AI"), bagi memastikan pekerja kekal tangkas serta berkeupayaan memberikan perkhidmatan cemerlang dalam landskap digital yang semakin berkembang.

MENGEKALKAN MOMENTUM MENUJU TAHUN 2026

Tahun akan datang dijangka akan dicorakkan oleh keadaan global yang sederhana namun tidak sekata. Asas ekonomi Malaysia kekal kukuh, disokong oleh inflasi yang stabil serta aktiviti domestik yang berdaya tahan. Walaupun kadar faedah dijangka kekal agak stabil, dinamik pembiayaan serta persaingan industri akan terus mempengaruhi pengurusan margin dalam sektor ini. Dari sudut positif, sentimen pelabur dan aktiviti pasaran modal berpotensi memberikan momentum baharu, khususnya dalam aliran pengurusan kekayaan dan khidmat nasihat.

Pada masa yang sama, landskap operasi turut berdepan dengan kerumitan. Kemajuan pesat dalam teknologi dan AI sedang mengubah jangkaan pelanggan serta model persaingan, di samping meningkatkan keperluan terhadap keselamatan, tadbir urus dan daya tahan operasi. Perkembangan geopolitik pula kekal dinamik, dengan potensi mempengaruhi aliran perdagangan serta keyakinan perniagaan secara keseluruhan. Walaupun trend kualiti aset semasa kekal stabil, kami kekal berwaspada terhadap potensi tekanan dalam segmen tertentu.

Dalam persekitaran ini, keyakinan perlu berteraskan asas yang kukuh. PROGRESS27 dirangka secara teliti untuk memperkukuh kualiti serta daya tahan prestasi kami merentas kitaran ekonomi. Ini memperkemas fokus kami terhadap pertumbuhan mampan, kepelbagaian sumber pendapatan serta pengurusan kos yang lebih berdisiplin, sekali gus memastikan kami tidak bergantung sepenuhnya kepada keadaan yang menggalakkan untuk mencapai hasil. Setelah mencatatkan prestasi yang berdaya tahan pada tahun 2025, pihak Lembaga Pengarah kekal yakin bahawa RHB melangkah ke tahun 2026 dengan asas yang lebih kukuh serta hala tuju yang jelas ke arah penjaan nilai mampan dalam jangka panjang.

PENGHARGAAN

Pertumbuhan kami yang konsisten dan mampan terus disokong oleh warga kerja yang komited serta kekuatan hubungan yang kami bina. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemegang taruh utama yang menyumbang kepada kejayaan berterusan kami.

Kepada pemegang saham, terima kasih atas kepercayaan dan keyakinan yang berterusan terhadap hala tuju strategik kami. Sokongan padu anda mendorong kami untuk terus meningkatkan standard serta menyampaikan nilai jangka panjang yang lebih bermakna.

Kepada pelanggan dan rakan niaga, kami menghargai kesetiaan serta kerjasama erat yang terjalin. Kami kekal komited sepenuhnya untuk memenuhi keperluan anda serta memupuk hubungan yang saling menguntungkan.

Kepada pihak pengawal selia, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas bimbingan dan pemantauan yang berterusan. Penglibatan anda amat penting dalam memastikan kami terus menegakkan standard tertinggi dalam tadbir urus, pematuhan dan kecemerlangan industri.

Kepada Ahli Lembaga Pengarah dan pasukan Pengurusan Kanan, kepimpinan, bimbingan serta hala tuju strategik anda penting dalam mengharungi persekitaran yang dinamik serta memacu pertumbuhan mampan. Dan kepada seluruh warga kerja Kumpulan Perbankan RHB, anda merupakan tunjang kejayaan kami serta pemangkin utama di sebalik pencapaian yang diraih.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin merakamkan penghargaan setulusnya kepada Puan Ong Ai Lin, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan kami, yang tidak akan menawarkan diri untuk pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-60 akan datang selepas hampir sembilan tahun berkhidmat dengan penuh dedikasi. Kepakaran beliau, khususnya dalam bidang keselamatan siber, serta pengawasan yang teliti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Kumpulan, di samping sumbangan beliau sebagai ahli Lembaga RHB Islamic Bank dan Jawatankuasa Risiko Lembaga, akan sentiasa dikenang dan amat dihargai.

Sepanjang tahun ini juga, kami mengalu-alukan dua ahli baharu ke Jawatankuasa Syariah, iaitu Profesor Madya Dr. Nor Fahimah Mohd Razif dan Encik Mohd Bahroddin Badri. Kedua-duanya membawa kepakaran yang amat luas dalam bidang penasihat dan tadbir urus Syariah, dan kami yakin pandangan serta pengalaman mereka akan terus memperkukuh rangka kerja pengawasan Syariah Kumpulan.

Seiring pelaksanaan inisiatif strategik kami, komitmen berterusan terhadap inovasi, kemampunan dan kecemerlangan meletakkan kami pada kedudukan yang kukuh untuk merebut peluang yang mendatang. Bersama-sama, kita terus membina masa hadapan yang berteraskan pertumbuhan mampan dan nilai yang berkekalan.



Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
Pengerusi
Kumpulan Perbankan RHB

Dari Meja Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kami

Pemegang Taruh yang Dihormati,

Pada tahun 2025, sektor perbankan berdepan landskap yang mencabar serta persaingan yang sengit. Dalam persekitaran ketidaktentuan ekonomi yang berterusan, tekanan margin yang ketara, serta jangkakan pelanggan yang semakin meningkat, Kumpulan Perbankan RHB kekal memberi tumpuan kepada faktor dalam kawalan kami – iaitu mempercepat inovasi, meningkatkan kecekapan digital, serta memacu pertumbuhan yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Saya amat berbangga untuk melaporkan bahawa fokus yang konsisten ini membolehkan kami mencatatkan prestasi yang berdaya tahan, di samping terus menjana nilai mampan kepada pelanggan, pemegang saham serta komuniti yang kami khidmati.

Ketahanan operasi dan pelaksanaan yang lebih mantap ini bukan berlaku secara kebetulan; sebaliknya, pencapaian ini merupakan hasil langsung daripada pelan hala tuju strategik tiga tahun kami, PROGRESS27. Dengan menetapkan keutamaan yang lebih jelas, memperkenalkan sasaran yang boleh diukur, serta memperkukuh akauntabiliti di setiap peringkat Kumpulan, strategi ini mentransformasikan asas operasi kami. Melalui lapan program transformasi yang berfokus, strategi ini berjaya merealisasikan aspirasi bercita tinggi kepada pencapaian kewangan yang lebih kukuh serta kemajuan yang nyata. Dengan asas yang kini jauh lebih kukuh serta momentum perniagaan yang semakin meningkat, RHB berada pada kedudukan yang teguh untuk mengharungi ketidaktentuan masa hadapan serta merebut peluang secara proaktif dalam memacu pertumbuhan mampan dalam jangka panjang.

DATO' MOHD RASHID MOHAMAD

Pengarah Urusan Kumpulan /
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan,
Kumpulan Perbankan RHB

Dari Meja Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kami

**Jumlah
Pendapatan:**
RM8.8 bilion

**Keuntungan
Bersih:**
RM3.4 bilion

**Pulangan
Ekuiti:**
10.5%

**Kos
Simpanan:**
RM158 juta

**Nisbah
CASA:**
30.4%

MENGHARUNGI LANDSKAP OPERASI YANG KOMPLEKS

Persekitaran operasi global pada tahun 2025 menguji ketangkasan institusi kewangan di seluruh dunia. Pertumbuhan ekonomi global sederhana sekitar 3.2%, dipengaruhi oleh perkembangan geopolitik yang berterusan serta ketidakpastian perdagangan yang kompleks. Pada masa yang sama, tahap persaingan dalam sektor perbankan serantau meningkat dengan ketara. Tekanan margin berlarutan berikutan dinamik pembiayaan yang semakin ketat, manakala perubahan teknologi yang pesat meningkatkan jangkaan pelanggan ke arah pengalaman perbankan yang lebih lancar, bersifat peribadi dan berteraskan digital. Selain itu, persaingan harga yang berterusan menyempitkan margin faedah bersih ("NIM") di seluruh rantau.

Sebaliknya, keadaan ekonomi domestik Malaysia masih kekal sebagai contoh daya tahan yang kukuh. Mengatasi cabaran global, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") negara meningkat melebihi jangkaan kepada 5.2% dengan perkembangan yang kukuh mencerminkan daya tahan ekonomi domestik yang berterusan dan pasaran buruh yang stabil.

TAHUN PENCAPAIAN KEWANGAN YANG KETARA

Dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar ini, RHB mencatatkan kemajuan yang kukuh. Melalui disiplin yang tinggi dalam mengurus margin, kualiti aset serta pengagihan modal, jumlah pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 2.0% kepada RM8.8 bilion. Keuntungan bersih meningkat sebanyak 7.8% kepada RM3.4 bilion, mencerminkan kekuatan asas operasi teras kami. Pulangan ke atas ekuiti bertambah baik kepada 10.5%, berbanding 10.0% pada tahun 2024, manakala nisbah pinjaman terjejas kasar ("GIL") menurun sebanyak enam mata asas kepada 1.41% (2024: 1.47%). Prestasi ini mencerminkan disiplin kewangan yang konsisten serta kekuatan asas operasi kami.

Bagi mengekalkan trajektori ini dan meraih sinergi yang lebih besar di seluruh Kumpulan, kami mengambil langkah tegas untuk memperkukuh model operasi secara berstruktur. Ini termasuk penubuhan Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan melalui penggabungan beberapa kumpulan perniagaan strategik bagi memacu sinergi yang lebih besar, meningkatkan pengurusan hubungan serta memperluas penembusan dalam segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS"). Seiring itu, Perbankan Borong Kumpulan disusun semula dengan menggabungkan aktiviti pendapatan bukan berasaskan faedah di bawah satu platform yang lebih bersepadu dan cekap. Kami menyatukan fungsi penjenamaan, pemasaran, komunikasi korporat, impak sosial serta pengalaman pelanggan di bawah satu struktur yang padu bagi memastikan penyampaian nilai kepada pelanggan yang lebih konsisten, berbeza dan selaras dengan janji jenama kami. Seiring dengan penajajaran dalaman ini, kami memperkukuh platform pertumbuhan jangka panjang, khususnya melalui pembaharuan kerjasama strategik bankasurans dan bankatakaful dengan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. dan Takaful Malaysia untuk tempoh 20 tahun lagi. Pembaharuan penting ini mengukuhkan keupayaan khidmat nasihat kami serta menjamin potensi pendapatan berasaskan yuran untuk jangka masa panjang.

MEMPERTINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Agenda PROGRESS27 berteraskan aspirasi kami untuk menjadi yang Terbaik dalam Perkhidmatan. Menyadari bahawa kesetiaan pelanggan merupakan asas kepada kemampunan jangka panjang, pendekatan kami

berteraskan "RHB Way" yang dibina atas tiga komitmen perkhidmatan: Membina Kepercayaan, Memudahkan Urusan Pelanggan dan Menjana Nilai. Pada Februari 2026, kami memperkukuh lagi pendekatan ini dengan memperkenalkan piawaian tingkah laku perkhidmatan yang lebih jelas, bagi meningkatkan akauntabiliti, kerjasama dan daya respons, disokong oleh mekanisme maklum balas masa nyata.

Komitmen kami terhadap inovasi dan pendekatan berpusatkan pelanggan menghasilkan beberapa penambahbaikan yang pertama di pasaran pada tahun 2025. Kami melancarkan aplikasi perbankan mudah alih yang dipertingkatkan dengan antara muka yang lebih intuitif, serta memperkenalkan 'widget' perbankan mudah alih pertama di Malaysia bagi meningkatkan kemudahan akses harian. Kami turut memperkenalkan penyelesaian pembiayaan automotif fleksibel yang pertama di Malaysia, yang direka khusus untuk memberikan fleksibiliti pembayaran balik yang lebih tinggi kepada pelanggan. Selain itu, melalui automasi dalam proses akhir hari, kami berjaya melanjutkan waktu operasi cawangan daripada 4.15 petang kepada 5.00 petang berkuat kuasa 1 Januari 2026, sekali gus meningkatkan akses perkhidmatan kepada pelanggan. Saya amat berbangga untuk melaporkan bahawa tumpuan berterusan kami terhadap kecemerlangan perkhidmatan dan pelanggan menghasilkan pencapaian yang ketara. Sepanjang tahun, Skor Promoter Bersih kami meningkat sebanyak empat mata, meletakkan kami pada kedudukan kedua dalam industri, sekali gus mencerminkan tahap sokongan pelanggan yang lebih kukuh.

Pada tahun 2025, RHB turut menerima pengiktirafan sebagai Best E-Payments Bank di Malaysia Excellence in E-Payments Awards 2025 oleh PayNet, di samping menerima anugerah berprestij *Vanguard of Vigilance Award* daripada National Scam Response Centre. Pengiktirafan ini membuktikan keberkesanan kami dalam melindungi dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan, sekali gus mencerminkan kekuatan kawalan dalaman dan pengurusan risiko kami serta memperkukuh hala tuju inovasi digital dalam menyediakan pengalaman yang lancar, selamat, dan dipercayai.

MEMACU KECEKAPAN STRUKTUR DAN PERTUMBUHAN

Usaha kami untuk mencapai Keuntungan yang Tinggi distrukturkan secara strategik dengan memberi tumpuan kepada pemaksimuman nilai melalui kecekapan operasi dan pertumbuhan berdisiplin, bukan sekadar didorong oleh tekanan harga. Melalui penstrukturan semula menyeluruh perjalanan pelanggan serta pengurangan kos penyampaian perkhidmatan, kami berjaya merealisasikan penjimatan kos sebanyak RM158 juta pada tahun 2025. Ini merupakan pencapaian awal yang kukuh ke arah sasaran pengoptimuman kos sebanyak RM800 juta bagi tempoh tiga tahun PROGRESS27, yang dinaik taraf daripada sasaran awal sebanyak RM500 juta. Salah satu inisiatif utama ialah pelaksanaan *voicebot* bagi kutipan kad kredit berasaskan AI, yang berjaya mengurangkan kos kutipan sebanyak 40%, di samping mengekalkan kawalan dan pengawasan manusia.

Selain kawalan kos, keuntungan kami turut disokong oleh pertumbuhan deposit dalam segmen berpulangan tinggi. Baki Akaun Semasa dan Simpanan ("CASA") meningkat sebanyak 11.6%, sekali gus meningkatkan nisbah CASA kepada 30.4% (2024: 27.6%). Pada masa yang sama, pertumbuhan pinjaman domestik berkembang sebanyak 6.2%, mengatasi purata industri sebanyak 4.8%, mencerminkan keberkesanan strategi pertumbuhan kami yang berdisiplin dan berfokus.

KEMAMPANAN BERTERASKAN TUJUAN

Prestasi tinggi yang berterusan perlu diseimbangkan dengan integriti tinggi serta tujuan yang jelas. Aspirasi kami untuk menjadi sebuah organisasi yang Bertanggungjawab dan Berteraskan Tujuan mencerminkan komitmen mendalam dalam membina model perniagaan mampan yang menghasilkan impak positif dan berkekal kepada masyarakat. Menjelang akhir tahun 2025, portfolio Perkhidmatan Kewangan Mampan ("SFS") kami mencapai kira-kira RM60 bilion, bersamaan 67% daripada sasaran RM90 bilion menjelang 2027. Kini, lebih 20% jumlah aset kami diklasifikasikan di bawah kategori C4 atau lebih baik dalam Taksonomi Berasaskan Prinsip Perubahan Iklim ("CCPT") Bank Negara Malaysia, mencerminkan integrasi pembiayaan hijau yang kukuh dalam portfolio teras kami.

Kami turut memperkukuh platform pembiayaan mampan melalui pelancaran Rangka Kerja Pembiayaan Mampan dan Peralihan serta Ekosistem Pembiayaan ESG MRL 360°, di samping melaksanakan transaksi pembelian semula merentas mata wang berasaskan penggunaan hasil mampan yang pertama di Malaysia. Sokongan kepada PKS dalam perjalanan peralihan mereka kekal sebagai pembeza utama bagi RHB. Melalui kerjasama strategik dengan peneraju peralihan tenaga seperti Tenaga Nasional Berhad dan PETRONAS, kami menyediakan khidmat nasihat, audit tenaga yang komprehensif serta penyelesaian pembiayaan yang disesuaikan bagi membantu PKS mempercepat penerapan amalan mampan. Di peringkat dalaman, kami mewajibkan latihan kemampunan untuk semua kakitangan, disokong oleh pembelajaran ESG tahunan, bagi memastikan seluruh tenaga kerja Kumpulan bergerak seiring dengan agenda ini.

MEMPERKASA WARGA KERJA MELALUI TEKNOLOGI

Tonggak strategik kami dipacu oleh penggunaan pintar teknologi, data dan memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) untuk meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan. Cerapan masa nyata kini meningkatkan penglibatan pelanggan, manakala analitik lanjutan memperkukuh keupayaan kami dalam menguruskan kutipan, pengurusan portfolio serta ekosistem pencegahan pengubahan wang haram ("AML") dan pengesanan sebarang aktiviti penipuan. Bagi mempercepat momentum ini, kami menubuhkan unit AI khusus dalam bahagian Teknologi untuk mengenal pasti serta memperluaskan penggunaan kes berimpak tinggi. Sebagai contoh, dalam operasi pembiayaan perumahan, AI digunakan untuk menyemak dan mengekstrak data daripada sejumlah besar dokumen pelanggan dengan ketepatan hampir 99%, sekali gus mengurangkan pemprosesan manual, memperkukuh kawalan audit serta mempercepat masa pemprosesan untuk pelanggan.

Seiring pelaksanaan teknologi ini, termasuk penggunaan Copilot di seluruh Kumpulan bagi menyokong produktiviti harian, kami turut memberi tumpuan untuk memastikan warga kerja berkembang seiring. Program peningkatan kemahiran semula RECHARGE mencerminkan komitmen ini. Pada tahun 2025, seramai 60 pekerja yang terkesan akibat automasi dilatih semula dan ditempatkan dalam bidang pertumbuhan tinggi seperti AML, bagi memastikan peralihan yang bermaruah dan berteraskan tujuan.

MENGEKALKAN MOMENTUM MENUJU TAHUN 2026 DAN SETERUSNYA

Menjelang tahun 2026, kami menjangkakan perkembangan geopolitik dan turun naik pasaran akan menjadi ciri utama persekitaran luaran. Namun begitu, prospek Malaysia dijangka kekal kukuh. Pelaburan infrastruktur yang berterusan serta inisiatif nasional dijangka menyokong pelaburan langsung asing, merangsang permintaan dalam sektor keutamaan serta menjana kesan limpahan ekonomi yang menyokong peluang pekerjaan dan pertumbuhan korporat.

Dalam persekitaran ini, RHB akan memperkukuh dan mengembangkan pendapatan faedah bersih dengan menumpukan kepada segmen berpulangan tinggi, khususnya PKS pasaran pertengahan dan syarikat bersaiz sederhana, di samping mengekalkan kualiti aset yang berhemah. Pada masa yang sama, kami akan mempergiat usaha meningkatkan pendapatan bukan berasaskan faedah melalui pengukuhan pengurusan kekayaan, bankasurans, penyelesaian kekayaan secara Islamik, serta koridor perniagaan merentas sempadan antara Malaysia dan Singapura. Dalam Perbankan Runcit, kami akan membina momentum pertumbuhan dengan memberi tumpuan kepada demografik pelanggan mewah dan separa mewah.

Bagi memastikan pelaksanaan yang sepenuhnya, sasaran PROGRESS27 disepadukan dalam KPI pengurusan kanan, manakala kualiti perkhidmatan menjadi agenda tetap dalam setiap mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan. Selain melaksanakan pelan semasa secara berfokus, kami mula merangka asas strategik untuk fasa seterusnya selepas 2028 bagi memastikan RHB mengekalkan momentum pertumbuhan pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Walaupun tahun 2025 dipenuhi dengan pelbagai cabaran, usaha berterusan dan semangat kolektif warga kerja serta rakan kongsi telah memastikan pencapaian yang membuahkan hasil.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga RHB atas dedikasi, profesionalisme dan komitmen sepanjang tahun. Ketahanan serta keyakinan anda terhadap visi bersama merupakan asas utama kejayaan ini, sekaligus menghidupkan strategi kami secara nyata. Saya turut merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan dalam Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan atas kepimpinan dan komitmen mereka dalam memacu Kumpulan ke hadapan, khususnya melalui penglibatan aktif serta hubungan rapat dengan pasukan barisan hadapan.

Kami amat menghargai kepercayaan dan kesetiaan pelanggan, serta peluang yang diberikan untuk menyokong perjalanan peribadi dan perniagaan anda. Penghargaan dirakamkan kepada rakan niaga kami yang terus menyumbang melalui kerjasama dan komitmen dalam menghasilkan penyelesaian yang inovatif dan bermakna.

Saya turut merakamkan penghargaan kepada pihak pengawal selia dan agensi kerajaan atas bimbingan serta sokongan berterusan. Kerjasama ini membantu kami mengharungi landskap kawal selia yang kompleks dengan lebih jelas dan yakin.

Kami amat menghargai kepercayaan berterusan para pemegang saham, dan kekal komited untuk memberikan pulangan yang mampan serta nilai jangka panjang yang setimpal dengan kepercayaan tersebut.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah atas bimbingan serta sokongan yang tidak berbelah bahagi. Kebijaksanaan dan kepimpinan mereka amat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan strategi serta penajanaan nilai mampan yang berterusan kepada semua pemegang taruh.

Bersama-sama, dengan bimbingan berterusan daripada Lembaga Pengarah, kami membina RHB yang lebih kukuh, berimpak tinggi dan bersedia untuk masa hadapan.



Dato' Mohd Rashid Mohamad
Pengarah Urusan Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Kumpulan Perbankan RHB

Pendekatan Kami ke Arah Penciptaan Nilai

Kami menjana nilai melalui pendekatan bersepadu yang mengambil kira keadaan pasaran, sumber modal, keutamaan pemegang taruh, perkara material, pengurusan risiko serta pelaksanaan strategi kami. Dengan menyelaraskan elemen-elemen ini, kami memandu keputusan kami dan berusaha untuk menyampaikan nilai mampan jangka panjang kepada pemegang taruh kami.

01

PENILAIAN DAN ANALISIS PERSEKITARAN

Kami sentiasa memantau perubahan politik, sosioekonomi dan alam sekitar di peringkat tempatan, serantau dan global yang boleh mempengaruhi operasi kami.

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 44 hingga 46.](#)

02

MENGENAL PASTI RISIKO DAN PELUANG

Kami mengurus risiko dan peluang yang mempengaruhi bidang perniagaan utama dan perkara material kami melalui rangka kerja pengurusan risiko serta matlamat strategik kami.

CR Risiko Kredit	SNC Risiko Ketidakpatuhan Syariah
MR Risiko Pasaran	TCR Risiko Teknologi dan Siber
IBR Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan/ Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan	RNC Risiko Ketidakpatuhan Kawal Selia
LR Risiko Kecairan	RR Risiko Reputasi
OR Risiko Operasi	CPR Risiko Rasuah
	SR Risiko Kelestarian

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 62 hingga 75.](#)

03

MEMUPUK HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG TARUH

Kami menghargai pemegang taruh kami dan berusaha untuk membina kerjasama yang kukuh serta bermakna bagi menyokong pertumbuhan dan kejayaan bersama.

BD Lembaga Pengarah	SS Pembekal dan Penyedia Perkhidmatan
CU Pelanggan	FI Rakan Industri Kewangan
EM Warga Kerja	BP Rakan Niaga
SI Pemegang Saham dan Pelabur	RA Agensi Penarafan
RE Pengawal Selia	AN Penganalisis
CO Komuniti	ME Media

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 30 hingga 42.](#)

04

MEMFOKUSKAN PERKARA YANG PALING PENTING

Kami memberi tumpuan kepada perkara yang paling penting dengan menggunakan maklum balas pemegang taruh serta keutamaan perniagaan untuk membentuk matlamat dan sasaran strategik kami.

GB Tadbir Urus Perniagaan yang Baik	SC Rantaian Bekalan Lestari
DC Perlindungan Data dan Keselamatan Siber	T Bakat
SF Perkhidmatan Kewangan Mampan	EHS Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja
FI Keterangkuman Kewangan	DO Kepelbagaian dan Peluang Saksama
DI Pendigitalan dan Pelaburan Teknologi	CE Pembangunan dan Pemerkasaan Komuniti
CX Pengalaman Pelanggan	CC Perubahan Iklim
FC Layanan Adil kepada Pelanggan Kewangan	ES Pengawasan Alam Sekitar

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 58 hingga 61.](#)

05

MEMACU PELAKSANAAN ESG

Komitmen kami untuk menjana nilai jangka panjang kepada pemegang taruh memacu penyepaduan pertimbangan ESG dan iklim merentas operasi kami. Ini dipandu oleh Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian kami, yang menggariskan bidang tumpuan utama serta komitmen kami terhadap amalan lestari.

SRF Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab
ANZ Pencapaian Sifar Bersih Menjelang 2050
EGP Menerapkan Amalan Terbaik
EEC Memperkaya dan Memperkasa Komuniti

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 128 hingga 143.](#)

06

MENTERJEMAHKAN STRATEGI KEPADA TINDAKAN

PROGRESS27 membimbing RHB dalam mengurus perkara material, risiko dan peluang, sambil memanfaatkan enam modal utama. Pelan tiga tahun ini memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan cemerlang, memacu pertumbuhan mampan dan mewujudkan nilai jangka panjang.

Memacu Kemajuan melalui Penjajaran Tiga Objektif Strategik:



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 76 hingga 81.

07

MENGOPTIMUMKAN MODAL UNTUK PERTUMBUHAN LESTARI

Operasi kami bergantung kepada enam modal utama yang kami laburkan dan urus secara aktif. Kami mengamalkan pendekatan pertumbuhan yang seimbang dengan membuat pertimbangan sewajarnya bagi mencapai hasil terbaik.

- FC Modal Kewangan
- IC Modal Intelek
- HC Modal Insan
- MC Modal Fizikal
- SRC Modal Sosial dan Hubungan
- NC Modal Semulajadi

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 26.

08

MEWUJUDKAN NILAI UNTUK IMPAK POSITIF

Kami memberi tumpuan kepada penciptaan nilai berkekalan untuk pemegang taruh kami, termasuk pelanggan, pemegang saham, pekerja dan komuniti secara keseluruhan. Dengan meneliti kemajuan melalui Petunjuk Prestasi Utama ("KPI"), kami memastikan akauntabiliti dan keselarasan dengan matlamat jangka panjang, seterusnya menyokong kemajuan bersama ke arah masa depan yang mampan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 82.



Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami

MODAL KAMI . . .

. . . MENYOKONG PENAMBAHAN NILAI

INPUT

FC MODAL KEWANGAN

RHB memanfaatkan asas modal yang kukuh dan pelbagai bagi menyokong pembiayaan, pencairan dan pertumbuhan mampan.

- Jumlah aset: RM358 bilion
- Portfolio sekuriti: RM90 bilion
- Deposit daripada pelanggan: RM253 bilion
- Ekuiti pemegang saham: RM34 bilion
- Permodalan pasaran: RM34 bilion
- Nisbah Ekuiti Tahap 1 Biasa ("CET1"): 15.2%
- Nisbah jumlah modal: 17.6%

MC MODAL FIZIKAL

RHB memanfaatkan rangkaian fizikal yang meluas serta infrastruktur digital moden untuk menyampaikan perkhidmatan perbankan secara cekap.

- 303 pejabat dan cawangan di seluruh ASEAN
- 1,406 terminal layan diri di Malaysia (ATM, CDM, mesin deposit cek, mesin kitar semula tunai dan mesin deposit syiling)

IC MODAL INTELEK

RHB memanfaatkan kekuatan jenama, pengetahuan institusi dan keupayaan digital yang tertanam untuk memacu inovasi dan daya tahan.

- Lebih 20 titik sentuhan pelanggan digital
- Lebih 100 tahun dalam industri perbankan
- Kehadiran jenama yang kukuh di pasaran utama
- Perkongsian strategik serta penerimaan piawaian dan pensijilan baharu

HC MODAL INSAN

RHB bergantung kepada tenaga kerja yang berkemahiran, pelbagai dan berdaya saing untuk menyampaikan perkhidmatan perbankan yang berpusatkan pelanggan serta bertanggungjawab.

- Tenaga kerja: 12,967 pekerja
- RM30.3 juta dilaburkan dalam pembelajaran dan pembangunan
- Lebih 20 inisiatif penglibatan pekerja

SRC MODAL SOSIAL & HUBUNGAN

RHB membina kepercayaan melalui hubungan jangka panjang dengan pelanggan, inisiatif inklusi kewangan serta penglibatan pemegang taruh.

- Pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan merentas produk dan perkhidmatan
- Program literasi kewangan untuk komuniti
- Inisiatif pemerikasaan pendidikan untuk belia
- Sokongan keusahawanan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana ("PMKS")
- Inisiatif sukarelawan pekerja dan penglibatan komuniti
- Perkongsian dengan NGO, kolej, universiti dan rakan ekosistem
- Dasar perolehan inklusif yang mengutamakan pembekal tempatan

NC MODAL SEMULAJADI

RHB menggunakan sumber tenaga dan air dalam operasinya sambil menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon melalui pembiayaan mampan.

- Penggunaan elektrik: Kira-kira 36,000 MWh
- Penggunaan air: Kira-kira 137,000 m³
- Jumlah terkumpul Perkhidmatan Kewangan Mampan terkumpul yang digerakkan: ~RM60.0 bilion

PROGRESS27

KEUTAMAAN STRATEGIK



Perkhidmatan Terbaik



Keuntungan Tinggi



Bertanggungjawab & Berteraskan Tujuan

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 76 hingga 81.

TREND PASARAN UTAMA

- 01 Percepatan Digital dan Transformasi Teknologi
- 02 Perubahan Cara Bekerja dan Jangkauan Pekerja
- 03 Peningkatan Pengaruh Faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
- 04 Peningkatan Persaingan daripada Teknologi Kewangan (FinTech)
- 05 Peluasan Bahagian Pasaran Mudah Alih dan Penerimaan Pembayaran Digital
- 06 Peningkatan Tuntutan Tadbir Urus, Pematuhan dan Peraturan
- 07 Perubahan Keperluan dan Keutamaan Pelanggan
- 08 Perkembangan Geopolitik dan Ekonomi

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 50 hingga 57.

TONGGAK KELESTARIAN



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 135 hingga 139.

PERKARA MATERIAL

TADBIR URUS

- GB** Tadbir Urus Perniagaan yang Baik
- DC** Perlindungan Data dan Keselamatan Siber

EKONOMI

- SF** Perkhidmatan Kewangan Mampan
- FI** Keterangkuman Kewangan
- DI** Pendigitalan dan Pelaburan Teknologi
- CX** Pengalaman Pelanggan
- FC** Layanan Adil kepada Pelanggan Kewangan
- SC** Rantaian Bekalan Lestari

SOSIAL

- T** Bakat
- EHS** Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja
- DO** Kepelbagaian dan Peluang yang Saksama
- CE** Pengayaan dan Pemerikasaan Komuniti

ALAM SEKITAR


- CC** Perubahan Iklim
- ES** Pengawasan Alam Sekitar

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman 58 hingga 61.

PERNYATAAN TUJUAN > **MEMACU KEMAJUAN UNTUK SEMUA**

JANJI JENAMA > **BERSAMA KITA MENEMPA KEMAJUAN**

... A K T I V I T I P E N C I A T A N N I L A I . . .



Pinjaman Kasar:
RM251 bilion
(2024: RM238 bilion)

Premium Bertulis Kasar ("GWP"):
RM848 juta
(2024: RM914 million)

Aset di bawah Pengurusan ("AUM"):
RM57 bilion
(2024: RM54 bilion)

Nisbah Kos kepada Pendapatan:
47.3%
(2024: 46.7%)

Pulangan ke atas Ekuiti:
10.5%
(2024: 10.0%)

Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami

... NILAI KEPADA PEMEGANG TARUH.

HASIL	HASIL NILAI JANGKA PANJANG KEPADA PEMEGANG TARUH KAMI	BAGAIMANA KAMI BERINTERAKSI
<p>FC MODAL KEWANGAN</p> <p>RHB memperkukuh kualiti pendapatan, daya tahan kewangan dan pulangan kepada pemegang saham.</p> <ul style="list-style-type: none"> Pinjaman kasar: RM251 bilion (2024: RM238 bilion) Aset di bawah Pengurusan ("AUM"): RM57 bilion (2024: RM54 bilion) Premium Bertulis Kasar ("GWP"): RM848 juta (2024: RM914 juta) Pulangan ke atas Ekuiti ("ROE"): 10.5% (2024: 10.0%) Nisbah pembayaran dividen: 65% (2024: 60%) 	<p>Kami memperuntukkan modal secara berhemat bagi mengekalkan keuntungan, memperkukuh daya tahan kunci kira-kira dan memberikan pulangan yang menarik, selaras dengan aspirasi PROGRESS27 untuk mencapai keuntungan tinggi dan pertumbuhan berdisiplin.</p>	<p>Kami memanfaatkan menyalurkan modal kewangan merentasi aktiviti pembiayaan, pelaburan dan pendanaan bagi menyokong pertumbuhan pelanggan serta membolehkan pelaburan dalam keupayaan digital, pembangunan bakat dan inisiatif kelestarian.</p>
<p>MC MODAL FIZIKAL</p> <p>RHB mencapai penyampaian perkhidmatan yang berskala dan kos efektif melalui penerimaan digital dan pengoptimuman operasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> Nisbah kos kepada pendapatan ("CIR"): 47.3% (2024: 46.7%) 94.5% transaksi melalui saluran digital (2024: 92.2%) Transaksi ATM: 84,397,210 (2024: 68,237,117) Transaksi mesin deposit tunai: 16,486,085 (2024: 16,078,543) Pelanggan perbankan dalam talian meningkat kepada 3.4 juta (2024: >2.9 juta) Penjimatan kos sebanyak RM158 juta melalui peningkatan kecekapan 	<p>Kami mempertingkatkan platform digital dan fizikal bagi menyediakan pengalaman perbankan yang lebih pantas, lancar dan mudah, selaras dengan matlamat kami untuk menjadi peneraju dalam Perkhidmatan Terbaik.</p>	<p>Platform digital, rangkaian cawangan dan infrastruktur operasi kami membolehkan penyampaian perkhidmatan kewangan yang selamat dan cekap, di samping menyokong perjalanan pelanggan yang lancar serta produktiviti operasi.</p>
<p>IC MODAL INTELEK</p> <p>RHB memperkukuh kecekapan operasi, keupayaan inovasi dan kematangan pengurusan risiko melalui automasi dan pemodenan sistem.</p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai jenama: USD916 juta (2024: USD793 juta) 78.2% sistem dimodenkan (2024: 75%) Rangka kerja tadbir urus dan pengurusan risiko diperkukuh 	<p>Kami memperkukuh keupayaan data, analitik dan inovasi bagi meningkatkan pembuatan keputusan, pengurusan risiko dan pembangunan produk, seterusnya membolehkan pertumbuhan yang mampan dan menguntungkan.</p>	<p>Rangka kerja tadbir urus, keupayaan data dan pengetahuan institusi kami menyokong pembuatan keputusan yang bermaklumat, memperkukuh pengurusan risiko serta membolehkan pembangunan penyelesaian kewangan yang inovatif.</p>
<p>HC MODAL INSAN</p> <p>RHB membina tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan, berdaya saing dan sejajar dengan tujuan organisasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> 444,984 jam latihan (34 jam setiap pekerja) (2024: 392,871 jam latihan) Skor Penglibatan Mampan: 89% (2024: 87%) Kadar pengekalan pekerja: 85.5% (2024: 85.4%) Kepelbagaian tenaga kerja: 60.4% wanita, 39.6% lelaki (2024: Wanita: 60% Lelaki: 40%) 	<p>Kami membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berteraskan tujuan yang dilengkapi dengan keupayaan untuk menyampaikan kecemerlangan perkhidmatan, berinovasi secara bertanggungjawab dan memacu daya tahan organisasi jangka panjang.</p>	<p>Pekerja kami menterjemahkan strategi kepada tindakan dengan menyampaikan perkhidmatan cemerlang, membina hubungan pelanggan yang dipercayai serta memacu transformasi operasi dan digital.</p>
<p>SRC MODAL SOSIAL DAN HUBUNGAN</p> <p>RHB memperkukuh kepercayaan dengan pelanggan, komuniti dan pembekal, seterusnya mengukuhkan francais dan hubungan dengan pemegang taruh.</p> <ul style="list-style-type: none"> Skor Promoter Bersih ("NPS") (Malaysia): +28 (Kedudukan #2) (2024: +24, Kedudukan #2) NPS (Singapura): +50 (Kedudukan #1) (2024: +29, Kedudukan #1) 1,545,927 individu dan perniagaan diperkasa secara kumulatif melalui program impak sosial 936,632 pelajar institusi pengajian tinggi disokong secara kumulatif 228,198 individu dicapai melalui program literasi kewangan (2024: 157,253) 1,073 PMKS diperkasa secara kumulatif melalui RHB #JomBiz (2024: 721) 19,460 penerima manfaat melalui inisiatif komuniti Perbelanjaan pembekal tempatan: RM818 juta (2024: RM677 juta) >2,000 pekerja terlibat dalam aktiviti sukarelawan, menyumbang 1,216 jam 	<p>Kami memperkukuh hubungan yang dipercayai dengan pelanggan, rakan kongsi dan komuniti melalui penyampaian penyelesaian yang memenuhi keperluan sebenar serta menyokong penyertaan ekonomi inklusif.</p>	<p>Hubungan kukuh dengan pelanggan, rakan kongsi, pengawal selia dan komuniti membolehkan kami menyediakan penyelesaian kewangan yang relevan serta memperluas penyertaan ekonomi inklusif.</p>
<p>NC MODAL SEMULAJADI</p> <p>RHB memajukan komitmen Sifar Bersih sambil mengurangkan pelepasan operasi dan pelepasan yang dibiayai.</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurangan 49.9% pelepasan gas rumah hijau ("GHG") operasi berbanding garis asas 2016 (2024: 45.5%) Pengurangan 13.2% pelepasan yang dibiayai berbanding garis asas 2022 (2023: 6%) 	<p>Kami mengintegrasikan kelestarian dalam keputusan perniagaan dan pembiayaan bagi menyokong peralihan bertanggungjawab ke arah ekonomi rendah karbon sambil mewujudkan nilai berkekalan untuk masyarakat.</p>	<p>Kami menyalurkan modal kepada pembiayaan mampan serta mengurus penggunaan sumber dalam operasi bagi memastikan aktiviti perniagaan sejajar dengan keutamaan alam sekitar.</p>

Nota: Data pelepasan yang dibiayai dilaporkan setakat 31 Disember 2024, dengan kelewatan 12 bulan disebabkan ketersediaan data daripada pelanggan dan pelaburan.

Disokong oleh

TADBIR URUS MENYELURUH

Berasaskan prinsip Syariah, kami komited untuk mengekalkan tahap integriti tertinggi dalam setiap keputusan dan tindakan harian, dalam usaha kami untuk memperkasakan komuniti dan negara.

NILAI KAMI >

P
PROFESIONAL

R
HORMAT

I
INTEGRITI

D
DINAMIK

E
KECEMERLANGAN

TINDAKAN UNTUK MENINGKATKAN HASIL

Mengekalkan pengurusan kunci kira-kira yang berhemat serta pengoptimuman portfolio bagi mengekalkan ketahanan pendapatan dan nilai jangka panjang kepada pemegang saham.

Memperkuhkan keupayaan perbankan omni-saluran dan infrastruktur operasi bagi menyokong penyampaian perkhidmatan yang cekap dan boleh dipercayai.

Mempertingkatkan keupayaan maklumat perusahaan dan seni bina teknologi bagi menyokong inovasi, keputusan berasaskan data dan ketepatan operasi.

Memperkuhkan keupayaan organisasi melalui pembangunan keupayaan yang disasarkan, pembangunan kepimpinan dan budaya prestasi.

Memperluas penglibatan pemegang taruh dan ekosistem kolaboratif bagi memperkuhkan kekuatan francais dan kerelevanan pelanggan.

Memperluas pembiayaan mampan dan peralihan serta meningkatkan kecekapan tenaga dan sumber dalam operasi bagi mempercepat pengurangan pelepasan.

PERTUKARAN

Penyampaian keuntungan yang lebih kukuh dan pertumbuhan pinjaman yang disasarkan memerlukan peruntukan modal yang berdisiplin serta pengambilan risiko yang terpilih. Walaupun penekanan kepada kualiti aset dan kekuatan modal boleh memperlahankan pengembangan jangka pendek, ia menyokong pulangan mampan dan daya tahan kewangan dalam jangka panjang.

Kemajuan platform digital meningkatkan kelajuan, kemudahan dan kecekapan operasi, sekali gus mengukuhkan aspirasi kami untuk menyediakan perkhidmatan bertaraf terbaik. Pada masa yang sama, kami menyeimbangkan pecutan digital dengan pelaburan berterusan dalam titik sentuhan fizikal bagi mengekalkan kebolehcapaian dan kepercayaan pelanggan.

Peningkatan keupayaan data, analitik dan automasi memperkuhkan pemeribadian perkhidmatan serta produktiviti operasi. Pelaburan ini mungkin meningkatkan kos jangka pendek, namun ia penting untuk mengekalkan daya saing dan keuntungan jangka panjang.

Membina tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan memerlukan pelaburan berterusan dalam kemahiran, kepimpinan dan cara kerja baharu. Walaupun transformasi tenaga kerja memerlukan masa dan sumber, ia membolehkan pekerja menyampaikan kecemerlangan perkhidmatan dan menyokong prestasi organisasi jangka panjang.

Pengembangan inklusi kewangan dan penguatan perkongsian ekosistem memperdalam hubungan pelanggan serta impak kepada masyarakat. Walaupun inisiatif ini mungkin tidak memberikan pulangan kewangan segera, ia memperkuhkan kepercayaan, kerelevanan dan kekuatan francais dalam jangka panjang.

Menghadkan pendedahan kepada sektor berintensiti pelepasan tinggi dan melabur dalam inisiatif kelestarian mungkin memberi kesan kepada pulangan jangka pendek serta meningkatkan kos, namun ia memperkuhkan daya tahan jangka panjang dan pertumbuhan yang bertanggungjawab.

PEMEGANG SAHAM BERKAITAN

SI

SI

CU

SI

RE

CU

EM

CO

SI

CO

UNSDG BERKAITAN



Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami

Kami berinteraksi dengan pemegang taruh utama melalui platform berstruktur bagi memahami jangkaan serta keutamaan mereka yang sentiasa berkembang pesat. Pandangan yang diperoleh digunakan untuk memaklumkan strategi dan proses pembuatan keputusan kami, sekali gus membolehkan kami memperkukuh hubungan serta menyampaikan nilai mampan kepada pemegang taruh dan perniagaan.

Kualiti Hubungan	Kekerapan Penglibatan
Tiada Hubungan Sedia Ada Hubungan Lemah Hubungan Telah Terjalin - Ruang untuk Penambahbaikan Hubungan Berkualiti Baik Hubungan Kukuh Hubungan Cemerlang	D Harian B Dua Kali Setahun W Mingguan Q Suku Tahunan M Bulanan A Tahunan T Dua Kali Setahun R Mengikut Keperluan

BD LEMBAGA PENGARAH

Kualiti Hubungan:

Lembaga Pengarah merupakan badan tadbir urus tertinggi Kumpulan, yang dipertanggungjawabkan untuk menetapkan hala tuju strategik, menyediakan pengawasan yang berkesan terhadap Pengurusan, serta melindungi kepentingan jangka panjang pemegang saham dan pemegang taruh lain.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Penglibatan dengan Lembaga Pengarah memudahkan pengawasan yang kukuh terhadap strategi, daya tahan kewangan, pengurusan risiko dan piawaian tadbir urus. Melalui perbincangan aktif dan pelaksanaan pertimbangan bebas, Lembaga mengemudi penciptaan nilai lestari, memperkukuh akauntabiliti serta meningkatkan keyakinan pemegang saham terhadap prestasi jangka panjang dan integriti korporat Kumpulan.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Mesyuarat luar lokasi berkala antara Lembaga dan Pengurusan	A R
Penyertaan dalam sesi perkongsian pengetahuan, forum dan persidangan untuk mengikuti perkembangan trend industri dan isu tadbir urus	R
Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga bagi membincangkan isu utama seperti prestasi, risiko, audit dan kelestarian	M R
Penglibatan melalui acara korporat yang dianjurkan oleh Kumpulan atau acara luar	R
Perbincangan bebas tanpa kehadiran Pengurusan bagi memudahcara dialog berkaitan tadbir urus dan keberkesanan Lembaga	A R

KEBIMBANGAN UTAMA

- Kelestarian kewangan, termasuk kecukupan modal, kualiti aset dan kecairan.
- Keberkesanan tadbir urus dan pengurusan risiko dalam menghadapi persekitaran tidak menentu, kompleks dan tidak pasti ("VUCA").
- Reputasi dan kepercayaan pemegang saham.

RISIKO

- Ahli Lembaga mungkin menghadapi cabaran untuk sentiasa mengikuti perkembangan pesat dalam rangka kerja kelestarian, keperluan kawal selia dan perubahan pasaran, yang berpotensi mewujudkan jurang dalam pembuatan keputusan strategik.
- Kepelbagaian atau kepakaran yang terhad dalam kalangan Lembaga boleh menghadkan keupayaan untuk menangani isu kompleks dan yang sedang berkembang, termasuk risiko dan peluang berkaitan ESG.
- Pengawasan tadbir urus yang tidak mencukupi boleh mengakibatkan ketidakpatuhan, ketidakcekapan operasi dan peningkatan risiko reputasi.

TINDAKAN

- Melaksanakan semakan kewangan dan modal secara berkala bagi membolehkan pengawasan tepat pada masanya terhadap kecukupan modal, daya tahan kecairan dan kualiti aset.
- Memperkukuh rangka kerja tadbir urus dan pengurusan risiko melalui penambahbaikan selera risiko, keberkesanan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga, model Tiga Garis Pertahanan, serta pengenalpastian dan pengurusan risiko baharu yang lebih baik.
- Memperkukuh pengawasan terhadap amalan dan budaya Kumpulan serta penglibatan pemegang saham bagi mengekalkan reputasi dan keyakinan pemegang saham.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Peluang untuk membentuk hala tuju strategik institusi kewangan terkemuka dengan menyumbang kepakaran bagi memastikan daya tahan, inovasi dan keselarasan dengan jangkaan pemegang taruh dalam landskap kewangan yang sentiasa berkembang pesat.
- Pengiktirafan dan kepuasan daripada memperjuangkan kecemerlangan tadbir urus serta penciptaan nilai mampan, di samping mempengaruhi keputusan yang memberi impak bermakna kepada komuniti, pelanggan dan ekonomi secara keseluruhan.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Menyediakan kepimpinan strategik dan hala tuju berpandangan jauh, memastikan Kumpulan berada pada kedudukan kukuh untuk pertumbuhan mampan jangka panjang dan daya saing pasaran.
- Memperkukuh kepercayaan dan keyakinan pemegang taruh melalui pematuhan kepada tadbir urus kukuh, amalan beretika dan akauntabiliti di semua peringkat Kumpulan.
- Memacu prestasi perniagaan yang optimum melalui pengawasan aktif, pemantauan berterusan terhadap risiko dan peluang utama serta pembuatan keputusan berasaskan data.

INISIATIF PERNIAGAAN

Semakan berkala dilaksanakan dan berpandukan perkara berikut:

- Terma Rujukan Lembaga
- Manual Tadbir Urus Lembaga
- Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan untuk Pengarah

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- 10 ahli Lembaga Pengarah dan 15 ahli Pengurusan menghadiri pelbagai latihan serta sesi perkongsian pengetahuan berkaitan tadbir urus, risiko dan pematuhan, kelestarian dan ESG, transformasi digital, keselamatan siber serta perkembangan ekonomi semasa.
- Mengekalkan perwakilan wanita sebanyak 30% dalam Lembaga Pengarah.
- Mengadakan 14 mesyuarat Lembaga pada tahun 2025 bagi Lembaga Pengarah Kumpulan Perbankan RHB, membincangkan perkara strategik, kewangan, risiko, kelestarian dan tadbir urus.

Modal: **FC** **SRC**

Perkara Material: **GB** **DC** **SF** **FI** **FC** **DO** **CC** **ES**

SDGs:    

CU PELANGGAN

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Pelanggan merupakan teras perniagaan kami, yang mana kepercayaan, kesetiaan dan kepuasan mereka menjadi asas kepada kehadiran pasaran dan pertumbuhan lestari kami.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Penglibatan dengan pelanggan membolehkan kami menjangka dan memenuhi jangkaan yang sentiasa berkembang pesat terhadap pengalaman perbankan yang lancar, selamat dan mudah diakses. Kami berinteraksi dengan pelanggan sebagai rakan strategik, bukan sekadar penerima perkhidmatan – bagi bekerjasama dalam membangunkan penyelesaian kewangan yang relevan, meningkatkan kualiti kehidupan, memperkukuh daya tahan kewangan dan mengukuhkan nilai jangka panjang. Penglibatan pelanggan yang berkesan memastikan RHB kekal relevan, berdaya saing dan dipercayai.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Titik sentuhan fizikal di cawangan, pusat jualan dan pusat perbankan premier	D R
Saluran khusus bagi penyelesaian perkhidmatan, advokasi pelanggan dan maklum balas, seperti Pusat Perhubungan Pelanggan dan Pasukan Penyelesaian Aduan Berpusat	D R
Komunikasi merentasi saluran dalam talian, digital dan fizikal termasuk e-mel, media sosial, surat dan notis	R D W
Penglibatan secara individu (bersemuka atau maya) dengan Pengurusan Kanan, Pengurus Perhubungan, Pengurus Cawangan, Pegawai Perbankan Peribadi atau Pegawai Perkhidmatan Pelanggan	R Q A
Acara rangkaian pelanggan seperti seminar, forum, sambutan perayaan, acara penghargaan, kempen atau jelajah, sesi minum petang dan koktel	M Q A
Saluran alternatif seperti tinjauan pelanggan, kumpulan fokus dan inisiatif reka bentuk perkhidmatan	R

KEBIMBANGAN UTAMA

- Jangkaan terhadap pengalaman perbankan yang lancar, selamat dan boleh dipercayai, khususnya melalui saluran dalam talian dan mudah alih.
- Perlindungan terhadap ancaman keselamatan siber, penipuan kewangan dan pelanggaran privasi data.
- Proses kelulusan pinjaman dan pembiayaan yang tepat pada masanya dan cekap.
- Tempoh pemrosesan perdagangan, kemudahan penggunaan serta kepelbagaian perkhidmatan dan ciri merentasi platform digital seperti Reflex.
- Pulangan simpanan yang kompetitif dalam persekitaran ekonomi tidak menentu.
- Liputan cawangan yang lebih luas untuk meningkatkan kebolehcapaian.

RISIKO

- Pelanggaran privasi data dan ancaman keselamatan siber yang boleh menjejaskan kepercayaan pelanggan.
- Gangguan kebolehpercayaan sistem dan akses digital yang menjejaskan kesinambungan perkhidmatan.
- Tekanan kewangan dalam kalangan pelanggan yang boleh meningkatkan risiko pembayaran balik dan kegagalan bayaran.
- Aktiviti perubahan wang haram atau penipuan yang boleh menimbulkan risiko kawal selia dan reputasi.
- Persaingan daripada penyedia perkhidmatan kewangan tradisional dan bukan tradisional.

TINDAKAN

- Menyeragamkan rangka kerja Pengalaman Pelanggan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang konsisten merentasi semua saluran.
- Menubuhkan saluran komunikasi yang kukuh untuk pencegahan penipuan dan perlindungan privasi data, disokong oleh pemantauan keselamatan 24/7 serta sistem tindak balas insiden.
- Melaksanakan platform dan penyelesaian digital yang komprehensif bagi meningkatkan pengalaman pelanggan dan pengurusan penipuan.
- Melancarkan kempen Deposit dan Pinjaman dengan kadar yang kompetitif.
- Menjalankan usaha penambahbaikan sistem perdagangan.
- Memberi tumpuan yang dipertingkatkan kepada pelanggan komersial dan korporat berskala besar.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- **Membina Kepercayaan** – melalui komunikasi telus, perlindungan privasi data yang kukuh dan kualiti perkhidmatan yang konsisten.
- **Menyediakan Kemudahan** – melalui akses digital yang lancar, pengalaman omni-saluran bersepadu serta masa pemrosesan yang lebih pantas.
- **Mewujudkan Nilai** – melalui penyelesaian tersuai, pulangan kompetitif, sokongan perancangan kewangan dan ganjaran kesetiaan.
- Akses lebih luas kepada produk inovatif berpusatkan pelanggan serta platform digital seperti RHB Reflex, RHB Investment Lab dan aplikasi goWave yang dipertingkatkan, termasuk pembukaan akaun rentas sempadan di Malaysia, Singapura dan Kemboja.
- Produk dan perkhidmatan mampu milik yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelanggan yang kurang mendapat perkhidmatan.

Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Kesetiaan pelanggan yang lebih kukuh, reputasi jenama yang dipertingkatkan dan pendedahan risiko yang berkurangan.
- Kecekapan operasi yang lebih tinggi, penglibatan yang meningkat serta pertumbuhan yang berskala.
- Pertumbuhan hasil dan pemahaman pelanggan yang lebih mendalam bagi mengukuhkan kelebihan daya saing.
- Kadar penukaran yang lebih tinggi melalui pengalaman pelanggan yang lebih lancar dan menarik.
- Memperkukuh kesetiaan dan meluaskan bahagian pasaran merentasi segmen utama dengan memenuhi keperluan yang berkembang pesat.
- Akses kepada pasaran baharu dan aliran pendapatan tambahan melalui inisiatif inklusi kewangan.

INISIATIF PERNIAGAAN

Terus mematuhi dasar dan inisiatif dalaman bagi memastikan penglibatan pelanggan yang kukuh dan berkesan:

- Piagam Perkhidmatan Pelanggan.
- Piagam Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan RHB ("FTFC").
- Dasar Pengurusan Aduan Kumpulan Perbankan RHB.
- Buku Panduan RHB Way.
- Program Pengiktirafan RHB Way.
- Program Suara Pelanggan.
- Tinjauan Pelanggan Tahunan.
- Tinjauan Keberkesanan Pelanggan Dalaman.
- Program Pemulihan Pelanggan.

Penambahbaikan utama merentas pasaran termasuk:

- Pelancaran Perkhidmatan Kiriman Wang Rentas Sempadan yang membolehkan pemindahan segera antara akaun RHB Singapura dan RHB Malaysia.

- Pengembangan keupayaan Reflex termasuk Kod Respons Pantas Singapura ("SGQR"), PayNow, penempatan deposit tetap serta navigasi yang diperkemas.
- Penambahbaikan aplikasi mudah alih goWave dan penawaran Premier.
- Kempen deposit, inisiatif pembiayaan semula pinjaman perumahan dan penawaran perkhidmatan penggajian.
- Pembukaan akaun rentas sempadan untuk penduduk Brunei serta pengukuhan kerjasama serantau.
- Penggunaan insentif rujukan tunai bagi pinjaman gadai janji untuk ejen hartanah serta kerjasama promosi untuk memasarkan pinjaman gadai janji RHB di Brunei.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Mengekalkan kedudukan NPS di tempat ke-2 di Malaysia pada 2025, dengan skor meningkat sebanyak 4 mata daripada +24 kepada +28, mengatasi purata industri (+3 mata).
- Mencapai 99.5% SLA bagi penyelesaian aduan dan 98.8% SLA bagi permintaan perkhidmatan.
- Mencapai kadar onboarding digital sebanyak 99%.
- Transaksi digital merangkumi 94.5% daripada jumlah transaksi.
- Mencatat peningkatan volum transaksi susulan pelancaran Perkhidmatan Kiriman Wang Rentas Sempadan.
- Melempi 1,000 pelanggan Perbankan Premier dan membuka 70 akaun pelbagai mata wang semasa acara Julai 2025.
- Meluluskan pinjaman gadai janji berjumlah BND 8.3 juta melalui rujukan.
- Menerima Digital CX Award 2025 – Best Customer Insights Initiative dan TAB Global Excellence in Retail Finance Awards 2025 – Best Customer Experience Initiative in Asia Pasifik.

Modal: **FC IC MC SRC**

Perkara Material: **DC DI CX FC**

SDGs: 

EM PEKERJA

Kualiti Hubungan: 

Pekerja merupakan tulang belakang Kumpulan. Kemahiran, dedikasi dan komitmen mereka adalah teras kepada pencapaian keutamaan strategik kami serta mengekalkan prestasi jangka panjang.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan pekerja bagi menyelaraskan strategi PROGRESS27 Kumpulan dengan keupayaan tenaga kerja, memperkukuh pemilikan terhadap tujuan, nilai dan jangkaan prestasi RHB, serta memupuk budaya berprestasi tinggi, inklusif dan bersedia untuk masa hadapan.

Melalui penglibatan yang berterusan dan bermakna, kami berhasrat untuk:

- membangunkan kemahiran kritikal dan keupayaan kepimpinan
- meningkatkan pengalaman serta kesejahteraan pekerja
- memupuk akauntabiliti dan kerjasama
- memperkasa warga kerja untuk memacu pertumbuhan mampan, produktiviti dan penciptaan nilai jangka panjang.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Saluran media sosial dalaman RHB dan platform komunikasi dalaman	A	R
Platform Ask GMD untuk penglibatan langsung antara kepimpinan dan pekerja (Sedang Berjalan)	A	R
Platform RHB Top Leaders Connect	A	
Melalui Intranet RHB (SharePoint, MyLink2HR, sistem @HR) dan e-mel korporat (Sedang Berjalan)	Q	
Sesi GMD Chat dan sesi town hall suku tahunan oleh Pengurusan Kanan Kumpulan di seluruh rantau	Q	
Forum Kepimpinan Kanan Kumpulan dan sesi GMD Live	Q	R
Saluran aduan rasmi dan sulit (Sedang Berjalan)	R	
Inisiatif Penglibatan Bersempena Musim Perayaan	R	

Aktiviti sosial, sukan dan rekreasi, termasuk majlis makan malam tahunan	A
Tinjauan Penglibatan Pekerja Tahunan ("EES") dan Tinjauan Keberkesanan Pelanggan Dalaman ("ICES")	A
Kumpulan kerja industri dan kawal selia, sesi taklimat, forum, persidangan serta kertas rundingan	R
Inisiatif Kesejahteraan Pekerja	R
Penglibatan dengan pengawal selia berkaitan produk dan perkhidmatan baharu, atau inisiatif, dasar, keputusan strategik serta rangka kerja kawal selia	R

KEBIMBANGAN UTAMA

- Membangunkan keupayaan masa hadapan serta memperkukuh budaya organisasi.
- Memastikan Cadangan Nilai Pekerja yang relevan dan berdaya saing.
- Meningkatkan kecekapan melalui pengalaman pekerja yang dipacu teknologi.

RISIKO

- Ketidakselarasan antara keupayaan tenaga kerja dan keperluan perniagaan yang sentiasa berkembang pesat, yang menjejaskan kecekapan dan pelaksanaan strategi.
- Penurunan tahap penglibatan dan pengalaman pekerja, yang memberi kesan kepada tarikan, pengkalan, moral dan prestasi.
- Sistem dan proses yang tidak cekap atau berpecah-pecah, meningkatkan kerumitan, kos dan ketidakkonsistenan dalam pengalaman pekerja.

TINDAKAN

- Melancarkan Kompetensi Teras RHB serta memperbaharui Nilai P.R.I.D.E. bagi membudayakan kemahiran masa hadapan, memperkukuh keselarasan budaya, memandu pembuatan keputusan serta mengintegrasikan nilai secara konsisten sepanjang kitaran hayat pekerja.
- Mempertingkatkan Cadangan Nilai Pekerja ("EVP") agar sejajar dengan tujuan RHB dan PROGRESS27, dengan memperkukuh kejelasan berkaitan perkembangan kerjaya, pembelajaran, fleksibiliti, kepimpinan dan kesejahteraan. Inisiatif ini disokong oleh laluan pembelajaran berstruktur, program pembangunan kepimpinan, pengaturan kerja fleksibel serta inisiatif kesejahteraan holistik.
- Memanfaatkan platform HR berasaskan AI dengan analitik lanjutan bagi mengautomatiskan dan mengoptimumkan proses pengurusan tenaga kerja, meningkatkan kebolehpercayaan data serta menyediakan pengalaman pekerja yang lebih diperibadikan dan pintar.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Pengalaman dan kebolehpasaran pekerja yang dipertingkatkan melalui akses kepada pembangunan berterusan, platform inklusif serta sistem HR moden yang menyokong perkembangan kerjaya, kerelevanan kemahiran dan kesiapsiagaan masa hadapan.
- Tahap inklusiviti, kepercayaan dan penglibatan yang lebih kukuh melalui komunikasi telus, akses kepada kepimpinan serta rangkaian pekerja yang memupuk rasa kebersamaan dan perwakilan.
- Kesejahteraan dan kelestarian kerja yang lebih baik melalui inisiatif kesejahteraan holistik, amalan kerja fleksibel serta sokongan kesihatan mental.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Tenaga kerja yang berdaya tahan dan berprestasi tinggi, dengan saluran kepimpinan yang lebih kukuh, produktiviti yang meningkat serta keupayaan penyesuaian yang lebih tinggi bagi menyokong keutamaan strategik.
- Kecekapan operasi dan tadbir urus yang dipertingkatkan melalui proses yang diperkemas, pemahaman tenaga kerja yang lebih baik serta pembuatan keputusan berasaskan data.
- Jenama majikan yang lebih kukuh dan mampan, sekali gus mengukuhkan kedudukan RHB sebagai majikan pilihan dalam pasaran bakat yang kompetitif.

INISIATIF PERNIAGAAN

Terus melaksanakan inisiatif pembangunan dan penglibatan yang disasarkan merentasi semua kumpulan pekerja:

- Program *Signature* Kepimpinan.
- Program Pengurus RHB.
- Program *Associate* Pengurusan
- Bengkel *Leadership Elevate*.
- *Women Impact Network* dan Program Kepimpinan Wanita.
- Program Mentor dan Peralihan Persaraan.
- Dasar Pengaturan Kerja Fleksibel.
- Program Kesejahteraan Pekerja dan EAP.
- Platform *Ask GMD*.
- Dana Kemanusiaan RHB, Dana Bencana Alam dan Dana Kebajikan Pekerja.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Menyampaikan lebih 45 sesi kaunseling di bawah Program Bantuan Pekerja ("EAP").
- Menyediakan akses kepada platform kesejahteraan digital premium, membolehkan perjalanan kesejahteraan yang diperibadikan termasuk bimbingan kesihatan, penjejakan aktiviti dan ganjaran.
- Melatih 1,500 pengurus dalam kepimpinan inklusif dan pembinaan budaya pasukan yang bermakna.
- Berjaya menganjurkan Mini Olimpik Kumpulan yang pertama, memperkukuh penglibatan serta kerjasama merentas fungsi.
- Menubuhkan platform kepimpinan wanita formal pertama RHB – Rangkaian Impak Wanita ("WIN").
- Mencatat peningkatan skor penglibatan pekerja (+2 mata berbanding TK2024).
- Melaburkan RM30.3 juta dalam pembelajaran dan pembangunan pekerja, melibatkan 12,967 pekerja dan 444,984 jam latihan.

Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami

SI PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Pemegang saham dan pelabur menyediakan modal serta keyakinan yang menjadi asas kepada pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Pemegang saham dan pelabur memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan mampan. Bagi menyokong perkara ini, Kumpulan menyediakan pendedahan yang tepat pada masanya dan telus bagi membolehkan keputusan pelaburan yang bermaklumat. Penglibatan yang konsisten memperkukuh keyakinan terhadap tadbir urus, strategi dan daya tahan kewangan kami, mengukuhkan kepercayaan pemegang saham, mengekalkan akses berterusan kepada modal serta menyokong penjaan nilai jangka panjang.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Mesyuarat Agung Tahunan & Khas ("AGM/EGM")	A R	Komunikasi dalam talian melalui e-mel, laman web korporat dan media sosial	R
Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan tahunan	Q A	Pengumuman Bursa Malaysia	Q R
Mesyuarat dan sesi taklimat dengan penganalisis dan pengurus dana	Q R	Laporan Tahunan/Laporan Bersepadu	A
Jelajah pelabur, persidangan dan perbincangan meja bulat	R	Laporan Kelestarian	A

KEBIMBANGAN UTAMA

- Prospek pendapatan dan dividen, keutamaan strategik masa hadapan serta kemajuan strategi korporat PROGRESS27 Kumpulan.
- Kemajuan dalam perjalanan kelestarian Kumpulan, termasuk kesan kewangan daripada risiko dan peluang ESG.
- Amalan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko.
- Keterbatasan peluang untuk menghadiri AGM secara fizikal.
- Tahap penyertaan pemegang saham yang rendah dalam mesyuarat agung.

TINDAKAN

- Melaksanakan penglibatan berkala dengan pemegang saham dan pelabur untuk berkongsi kemas kini mengenai perkembangan prestasi kewangan, keutamaan strategik serta kemajuan di bawah PROGRESS27.
- Mengekalkan struktur tadbir urus kelestarian yang kukuh dengan pelaporan telus mengenai pencapaian kelestarian serta implikasi kewangan inisiatif ESG.
- Memperkukuh tadbir urus korporat dan pematuan jenayah kewangan, merangkumi anti-rasuah, anti-penyelenggaraan dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT").
- Mengadakan AGM secara hibrid bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kemudahan kepada pemegang saham.
- Menyediakan masa yang mencukupi untuk pemegang saham mengemukakan soalan semasa mesyuarat agung.

RISIKO

- Hakisan keyakinan pelabur akibat kegagalan mencapai sasaran KPI, kelemahan tadbir urus atau pelaksanaan komitmen kelestarian yang tidak mencukupi.
- Pendedahan yang meningkat kepada risiko berkaitan ESG dalam portfolio perbankan, yang berpotensi menjejaskan kualiti aset dan prestasi kewangan jangka panjang.
- Prestasi kewangan yang lemah akibat pengurusan risiko yang tidak berkesan atau keadaan pasaran yang tidak menggalakkan, yang boleh menjejaskan keuntungan, pulangan kepada pemegang saham dan penciptaan nilai jangka panjang.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Pulangan yang menarik dan mampan berasaskan pengurusan kewangan yang kukuh serta amalan tadbir urus yang mantap.
- Pilihan pelaburan yang berdaya tahan dengan pengurusan risiko ESG secara proaktif, di samping memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu bagi menyokong penciptaan nilai jangka panjang.
- Penyertaan pemegang saham yang lebih meluas dalam mesyuarat agung melalui format hibrid, membolehkan kehadiran secara fizikal atau maya serta pemahaman yang lebih mendalam terhadap perkara yang dibincangkan.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Peningkatan modal dan kecairan bagi menyokong pertumbuhan perniagaan yang mampan serta inovasi.
- Kedudukan modal dan kecairan yang lebih kukuh bagi menyokong pengembangan strategik dan penciptaan nilai jangka panjang.
- Pengawasan dan penelitian yang dipertingkatkan terhadap operasi dan aktiviti syarikat yang material dan penting untuk kelestarian jangka panjang.

INISIATIF PERNIAGAAN

- Unit Perhubungan Pelabur yang khusus mengurus penglibatan dan komunikasi dengan komuniti pelabur. Maklumat lanjut boleh didapati dalam bahagian Perhubungan Pelabur di halaman 95 hingga 96.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Mengisytiharkan dividen sebanyak 50 sen sesaham, bersamaan nisbah pembayaran 65% bagi tahun 2025.
- Mencatat Pulangan ke atas Ekuiti ("ROE") sebanyak 10.5% bagi tahun 2025.
- Mengekalkan kedudukan modal yang kukuh dengan nisbah Ekuiti Tahap 1 Biasa ("CET1") sebanyak 15.2% dan Nisbah Jumlah Modal sebanyak 17.6%.
- Harga saham meningkat sebanyak 19% pada tahun 2025, meletakkan RHB antara saham berprestasi terbaik di Bursa Malaysia (RM7.71 pada 31 Disember 2025 berbanding RM6.48 pada 31 Disember 2024).
- Mencapai Pulangan Pemegang Saham Keseluruhan 1 Tahun sebanyak 26.7% pada 31 Disember 2025, tertinggi dalam kalangan 6 bank teratas.
- Merekodkan nisbah Harga kepada Nilai Buku sebanyak 1.0x pada 31 Disember 2025, menunjukkan penilaian saham yang saksama.
- Seramai 768 pemegang saham hadir secara fizikal di lokasi AGM ke-59 manakala 1,285 menyertai secara maya melalui kemudahan Penyertaan Jarak Jauh dan Pengundian Elektronik ("RPEV"). Secara keseluruhan, 2,053 pemegang saham ini mewakili 2,740,492,343 saham, bersamaan kira-kira 62.86% daripada jumlah pegangan saham syarikat.

RE PENGAWAL SELIA

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Pengawal selia mengawasi dan menyelia Kumpulan bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang, piawaian kawal selia dan keperluan kehematan, seterusnya melindungi kestabilan sistem kewangan serta kepentingan pemegang taruh.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Penglibatan kami dengan pengawal selia dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas penyeliaan serta memastikan amalan dan tafsiran kami kekal sejajar dengan jangkaan dan piawaian kawal selia.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Mesyuarat berkala, sesi penyeliaan dan sesi rundingan bersama pengawal selia

R

Penyerahan laporan berkala dan kemas kini kepada pengawal selia

W

Penyertaan dalam sesi taklimat kawal selia, bengkel dan dialog industri

Q

KEBIMBANGAN UTAMA

- Sekiranya amalan dan tafsiran tidak sejajar dengan jangkaan kawal selia, terdapat risiko ketidakpatuhan terhadap dasar serta peningkatan risiko kepada organisasi.

TINDAKAN

- Meningkatkan kemahiran kakitangan Pematuhan Kumpulan melalui penyertaan atau pendaftaran dalam pensijilan berkaitan pematuhan.

RISIKO

- Ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan boleh mengakibatkan penalti kewangan, implikasi perundangan serta kerosakan reputasi, sekali gus menjejaskan kepercayaan pemegang saham dan keyakinan pasaran.
- Tahap kesedaran yang terhad terhadap perkembangan kawal selia dan keperluan baharu boleh menyebabkan kelewatan, jurang pematuhan serta gangguan operasi.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Penyeliaan yang berkesan melalui penglibatan yang telus dan pelaporan kawal selia yang tepat pada masanya, memastikan keperluan pematuhan difahami dan dipenuhi.
- Keyakinan yang diperkukuh terhadap tahap pematuhan RHB melalui pematuhan konsisten kepada jangkaan kawal selia serta amalan beretika.
- Kredibiliti dan hubungan jangka panjang dengan pengawal selia yang diperkukuh melalui ketelusan, jaminan serta keselarasan dengan piawaian undang-undang dan industri yang berkembang pesat.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Hala tuju kawal selia yang jelas yang memperkukuh tadbir urus, pengurusan risiko dan daya tahan organisasi dalam persekitaran dinamik.
- Kepercayaan pelanggan dan kestabilan kewangan yang berterusan melalui amalan pematuhan yang berdisiplin.
- Piawaian tadbir urus yang diperkukuh bagi menyokong persekitaran perniagaan yang kukuh dan keyakinan pemegang taruh jangka panjang.

INISIATIF PERNIAGAAN

- Melaksanakan inisiatif melalui Pematuhan Kumpulan bagi memperkukuh tadbir urus, disiplin operasi dan budaya berasaskan kesedaran risiko.
- Mengintegrasikan pematuhan dalam operasi harian melalui program kesedaran dan penglibatan.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Menganjurkan *Compliance Compass 2025* bertemakan “*Navigate to Comply*”, yang menekankan pematuhan sebagai tanggungjawab bersama di seluruh Kumpulan. Program ini melibatkan pekerja secara fizikal dan maya, menyediakan pandangan praktikal mengenai risiko pematuhan utama serta amalan terbaik industri melalui ceramah, pameran dan aktiviti interaktif, di samping memupuk kerjasama dengan pengawal selia, agensi penguatkuasaan dan rakan industri.
- Melaksanakan latihan pematuhan di seluruh Kumpulan serta menerbitkan bahan pembelajaran bagi membudayakan pemikiran pematuhan yang kukuh.
- Menjalankan semakan pematuhan merentasi unit perniagaan untuk mengenal pasti risiko kawal selia dan memacu penambahbaikan proses.
- Di bawah Program Peningkatan Keupayaan AML/CFT/CPF RHB (“RACE”), cawangan dan subsidiari serantau telah melaksanakan keupayaan utama dalam bidang berikut:

i) Strategi & Budaya

- Strategi dan budaya seluruh Kumpulan disampaikan secara menyeluruh dari peringkat atasan ke semua cawangan dan subsidiari serantau.

ii) Tadbir Urus & Keupayaan Sokongan

- Memperkukuh proses tadbir urus bagi perkara AML/CFT melalui Jawatankuasa AML Kumpulan sebagai platform penasihat;
- Mempertingkatkan kompetensi AML/CFT serta latihan berasaskan peranan;
- Melaksanakan Pernyataan Selera Risiko AML (“RAS”) serta memperkukuh pelaporan risiko AML/CFT.

iii) Proses dan Kawalan

- Melaksanakan metodologi Penarafan Risiko Produk AML (“PRR”).
- Memperluas liputan senario Pemantauan Transaksi (“TM”) dan mengoptimumkan penjaanaan amaran TM.
- Menambah baik pengumpulan data dan mengautomatiskan penjaanaan laporan CTR.
- Membolehkan saringan pembayaran menyeluruh melalui hab SWIFT SAA (Infrastruktur).
- Memperkukuh saringan dan kawalan bagi Pembiayaan Perdagangan.

iv) Sistem, Data & Keupayaan Digital

- Melaksanakan sepenuhnya keupayaan sistem AML Kumpulan.
- Mempertingkatkan tadbir urus dan pengurusan data (berkaitan data CDD).
- Melaksanakan penyelenggaraan/pengumpulan data pelanggan/CRP serta pelaporan dalam AML Datamart.

Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami

CO KOMUNITI

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Komuniti merupakan elemen penting dalam kelestarian jangka panjang kami. Kami memperkasa mereka melalui produk, perkhidmatan dan inisiatif impak sosial dengan meningkatkan keupayaan kewangan, memperluas akses kepada penyelesaian kewangan serta memperkukuh daya tahan komuniti – seterusnya menyokong pertumbuhan sosioekonomi inklusif dan penciptaan nilai mampan.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan komuniti bagi mempromosikan inklusi kewangan, menyokong gerakan sosial serta memperkukuh daya tahan dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan dan golongan rentan. Pendekatan kami memberi tumpuan kepada menangani jurang dalam akses, kemampuan dan keupayaan melalui program berstruktur, perkongsian strategik serta amalan perbankan yang bertanggungjawab.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Interaksi dan kerjasama dengan organisasi bukan berasaskan keuntungan dan pertubuhan bukan kerajaan ("NGO"), persatuan, perusahaan sosial serta agensi kerajaan melalui Program Pemerksaan Komuniti

R

Komunikasi dalam talian (e-mel, laman web korporat dan media sosial)

R

Aktiviti penglibatan komuniti secara fizikal dan maya

R

Platform digital inovatif serta perkhidmatan perbankan mudah alih yang mempromosikan kebolehcapaian kewangan

R

KEBIMBANGAN UTAMA

- Akses terhad kepada perkhidmatan kewangan mampu milik serta sokongan keupayaan kewangan.
- Halangan kepada pendidikan dan pembangunan kemahiran dalam kalangan kumpulan yang kurang mendapat perkhidmatan.
- Cabaran yang dihadapi oleh perniagaan mikro dalam mendapatkan pembiayaan, pengetahuan dan peluang pertumbuhan.
- Akses terhad kepada perkhidmatan kewangan asas serta bantuan kewangan kecemasan semasa dan selepas bencana alam.

TINDAKAN

- Memperkukuh kepercayaan pemegang taruh dan reputasi jenama melalui hasil impak sosial yang konsisten dan boleh diukur.
- Memperluas francais pelanggan melalui penglibatan yang lebih mendalam dengan segmen kurang mendapat perkhidmatan dan segmen baharu muncul.
- Meningkatkan kredibiliti organisasi melalui amalan perbankan bertanggungjawab yang menyokong daya tahan komuniti.
- Memperkukuh kedudukan sebagai institusi kewangan berteraskan tujuan yang menyumbang kepada penciptaan nilai mampan jangka panjang.

RISIKO

- Keterbatasan sambungan atau infrastruktur yang menjejaskan akses kepada perkhidmatan kewangan serta pelaksanaan program.
- Tahap literasi kewangan yang rendah menjejaskan kesejahteraan kewangan jangka panjang.
- Cabaran sosioekonomi yang meningkatkan risiko penarikan diri daripada program.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Memperluas inklusi kewangan melalui platform digital dan perkongsian ekosistem.
- Memperluas program keupayaan kewangan kepada segmen kurang mendapat perkhidmatan dan golongan rentan.
- Memperkukuh kesiapsiagaan dan sokongan pemulihan bencana melalui pendekatan kolaboratif.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Memperkukuh kepercayaan pemegang taruh dan reputasi jenama melalui hasil impak sosial yang konsisten dan boleh diukur.
- Memperluas francais pelanggan melalui penglibatan yang lebih mendalam dengan segmen kurang mendapat perkhidmatan dan segmen baharu muncul.
- Meningkatkan kredibiliti organisasi melalui amalan perbankan bertanggungjawab yang menyokong daya tahan komuniti.
- Memperkukuh kedudukan sebagai institusi kewangan berteraskan tujuan yang menyumbang kepada penciptaan nilai mampan jangka panjang.

INISIATIF IMPAK SOSIAL

RHB memperkasa pelbagai komuniti melalui produk, perkhidmatan dan inisiatif kami:

- RHB MySISWA (*Akses Kewangan untuk Individu*).
- RHB Smart Money (*Literasi Kewangan untuk Individu*).
- RHB Access (*Inklusi Digital untuk Individu*).
- RHB Elevate (*Pembangunan Keupayaan untuk Perniagaan*).
- RHB e-Solutions (*Pendigitalan untuk Perniagaan*).
- Program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel (*Bantuan Tuisyen & Biasiswa Pengajian Tinggi untuk Individu*).
- RHB #JomBiz (*Pemerksaan Perniagaan Mikro*).
- RHB SME Empower dan sokongan penggunaan RHB e-Solutions.
- RHB #Empower (*Pembangunan Keupayaan untuk Belia Neurodivergen*).
- Touch Hearts & Touch Hearts 360 (*Bantuan komuniti, bantuan banjir, kesukarelawanan*).
- RHB BEST-BYOB (*Kewangan Sosial untuk Usahawan Mikro*).

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Lebih daripada 40,000 individu diperkasa melalui RHB Smart Money, menyokong peningkatan literasi kewangan.
- 3,465 pelajar menyertai Program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel, menyokong akses kepada pendidikan dan kemajuan akademik.
- 352 PMKS diperkasa melalui RHB #JomBiz dengan latihan berstruktur dan pembiayaan permulaan bagi memperkukuh kapasiti serta potensi pertumbuhan perniagaan.
- 42 inisiatif berasaskan sekolah dilaksanakan di bawah RHB Touch Hearts di seluruh Malaysia dan rantau ini, memberi manfaat kepada lebih 8,000 individu melalui literasi kewangan, bengkel peningkatan kemahiran pelajar serta penambahbaikan infrastruktur terpilih.

SS PEMBEKAL & PENYEDIA PERKHIDMATAN

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Pembekal dan penyedia perkhidmatan kami merupakan rakan penting dalam rantaian nilai, memainkan peranan penting dalam menyokong operasi serta memperkukuh keupayaan kami untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan pembekal bagi menggalakkan amalan yang memperkukuh daya tahan dan kecekapan operasi, serta memastikan perniagaan kami disokong oleh rakan yang mematuhi piawaian lestari dan beretika.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Penglibatan rasmi untuk berkongsi Pelan Hala Tuju RHB	A	Lawatan ke premis pembekal	R
Penglibatan rasmi dan tidak rasmi semasa proses perolehan	D	Proses tender dan mekanisme maklum balas pembekal	R
Sesi perkongsian Kod Tatakelakuan Pembekal RHB	A		

KEBIMBANGAN UTAMA

- Tahap kemesraan pengguna sistem e-perolehan.
- Dasar dan keperluan yang mempengaruhi kelayakan pembekal, termasuk jangkaan berkaitan perolehan mampan.
- Perlindungan maklumat sulit dalam kontrak dan pengaturan perniagaan.

TINDAKAN

- Menambah baik sistem e-perolehan secara berterusan bagi meningkatkan fungsi, kemudahan penggunaan dan kecekapan.
- Menyediakan sokongan melalui sesi panduan dan perkongsian pengetahuan bagi membantu pembekal memahami proses dan keperluan perolehan dengan lebih baik.
- Menyampaikan latihan kepada vendor dan pembekal – termasuk kesedaran Anti-Rasuah dan Penyelewangan – sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan pembekal RHB.
- Memperkukuh perlindungan kerahsiaan dengan memasukkan klausa kerahsiaan yang jelas dalam kontrak serta memberikan jaminan berterusan kepada pembekal.

RISIKO

- Tahap pemahaman yang terhad mengenai amalan kelestarian dalam kalangan pembekal, yang boleh menjejaskan kemajuan ke arah aspirasi kelestarian menyeluruh RHB.
- Tingkah laku tidak beretika oleh vendor yang boleh mendedahkan RHB kepada kerugian kewangan serta risiko reputasi.
- Ketidakpatuhan terhadap klausa anti-rasuah dan konflik kepentingan RHB, yang boleh membawa kepada implikasi undang-undang dan kewangan kepada Kumpulan.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Proses tadbir urus yang telus dengan penekanan kepada konsistensi dan keadilan.
- Potensi untuk membangunkan perkongsian strategik jangka panjang dengan kerjasama yang dipertingkatkan.
- Akses kepada peluang perniagaan yang lebih luas melalui kontrak dan inisiatif perolehan RHB.
- Sokongan terhadap kesihatan kewangan dan kestabilan pembekal melalui aliran tunai yang lebih terancang dan tepat pada masanya.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Pembangunan kerjasama sinergistik yang memperkukuh keupayaan inovasi dan kecekapan operasi RHB.
- Kedudukan daya saing yang dipertingkatkan melalui akses kepada pembekal berkualiti tinggi, kepakaran khusus dan pandangan pasaran.
- Kualiti produk dan perkhidmatan yang lebih baik melalui perkongsian strategik dengan pembekal serta amalan perolehan yang mantap.
- Kerjasama dalam penambahbaikan proses dan inisiatif pendigitalan bagi meningkatkan kecekapan, kebolehskalaan, keberkesanan kos serta amalan perolehan.

INISIATIF PERNIAGAAN

- Pelaksanaan Garis Panduan Perolehan Kumpulan yang dikemas kini.
- Program orientasi berstruktur untuk vendor baharu.
- Bengkel reka bentuk bersama penyelesaian bagi menggalakkan penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pembekal.
- Sesi penglibatan berkala bagi memperkukuh hubungan dan keselarasan dengan pembekal.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Berjaya menganjurkan *Vendor Engagement Day 2025*, menghimpunkan lebih 200 vendor utama dan rakan strategik untuk berkongsi perkembangan PROGRESS27, Strategi Teknologi Jangka Panjang Kumpulan serta keutamaan Perolehan Strategik.
- Melaksanakan sesi latihan secara maya dan bersemuka bagi membantu vendor memenuhi keperluan Kod Tatakelakuan Pembekal RHB ("CoC") serta memperkukuh amalan perolehan bertanggungjawab.
- Jumlah perbelanjaan pembekal mencecah RM942 juta, dengan 87% diperuntukkan kepada pembekal tempatan.

Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami

FI RAKAN INDUSTRI KEWANGAN

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Rakan industri kewangan merangkumi bank, institusi kewangan dan badan industri yang bekerjasama dengan kami untuk memperkukuh piawaian industri, memacu inovasi serta menggalakkan amalan yang bertanggungjawab.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan rakan industri kewangan bagi memupuk kerjasama, bertukar pandangan serta menggalakkan amalan terbaik yang memperkukuh daya tahan dan daya saing sektor kewangan. Melalui penyertaan aktif dalam platform industri, kami menyokong inovasi, memajukan agenda kelestarian serta menyumbang kepada pembangunan pasaran yang bertanggungjawab.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Forum dan acara industri, termasuk persidangan, perbincangan meja bulat dan kumpulan kerja **A**

Penyertaan dan keahlian dalam persatuan serta jawatankuasa industri **D**

KEBIMBANGAN UTAMA

- Keperluan kawal selia berkaitan ESG dan iklim yang sentiasa berkembang pesat.
- Peningkatan ancaman keselamatan siber, risiko penipuan dan scam yang menjejaskan ekosistem kewangan.

RISIKO

- Persaingan yang semakin sengit bagi bahagian pasaran yang berpotensi menjejaskan keuntungan.
- Peningkatan kerjasama yang boleh mewujudkan pendedahan kepada risiko undang-undang anti-persaingan jika tidak ditadbir dengan sewajarnya.

TINDAKAN

- Menetapkan rangka kerja, dasar dan garis panduan yang kukuh bagi mengurangkan risiko ESG.
- Memperkukuh kerjasama industri serta inisiatif perkongsian pengetahuan untuk menangani ancaman keselamatan siber dan risiko jenayah kewangan.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Hubungan yang saling menguntungkan yang menggalakkan perkongsian pengetahuan.
- Keupayaan industri yang lebih kukuh serta peluang untuk inovasi secara kolaboratif.

- Penyaluran aliran kewangan yang lebih berkesan bagi menyokong pembangunan nasional yang mampan.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Kepimpinan pasaran yang diperkukuh serta keterlihatan usaha kelestarian.
- Peningkatan pengetahuan industri, kepakaran dan keupayaan dalam kalangan pekerja.
- Kepercayaan dan kredibiliti yang lebih tinggi terhadap RHB sebagai peneraju dalam perbankan mampan.

INISIATIF PERNIAGAAN

- Keahlian aktif dalam persatuan dan jawatankuasa industri seperti *Joint Committee on Climate Change* ("JC3").
- Set dasar dan kawalan dalaman bagi menyokong kerjasama dan penglibatan yang bertanggungjawab:
 - Dasar Anti-Rasuah dan Penyelewengan Kumpulan;
 - Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan;
 - Pendirian Kumpulan terhadap Arang Batu serta komitmen Tiada Penebangan Hutan, Tiada Tanah Gambut dan Tiada Eksploitasi ("NDPE"); dan
 - Rangka Kerja dan Garis Panduan Pembiayaan Mampan dan Peralihan.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Kerap menyertai acara industri dan perbincangan kumpulan kerja sepanjang tahun 2025.

Modal: **SRC** **NC**

Perkara Material: **GB** **SF** **DI** **CC** **ES**

SDGs: 

BP RAKAN NIAGA

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Rakan niaga merangkumi sekutu korporat strategik, pengedar, institusi kewangan serta rakan ekosistem yang menyokong pengembangan pasaran, inovasi produk dan penciptaan nilai merentasi segmen dan geografi.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan rakan niaga bagi mewujudkan nilai bersama, meningkatkan daya tahan serta meluaskan capaian pasaran melalui kerjasama strategik. Perkongsian ini memperkukuh ekosistem kami, menyokong pertumbuhan mampan serta membolehkan penyampaian penyelesaian kewangan inovatif merentasi segmen perbankan runcit, komersial dan pelaburan. Dalam Perbankan Pelaburan Kumpulan, pakatan strategik memperkukuh keupayaan penjaanaan urus niaga dan capaian rentas sempadan, seterusnya menyokong mandat bernilai tinggi dalam pasaran modal ekuiti dan hutang.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Penyertaan dalam forum industri peringkat tinggi, kumpulan kerja dan persidangan pelabur bagi menyelaraskan pandangan mengenai trend khusus sektor seperti peralihan tenaga dan infrastruktur digital **Q**

Jelajah pelabur, persidangan dan perbincangan meja bulat **R**

Mesyuarat atau perbincangan berkala **R** **M** **Q**

Komunikasi dalam talian dan digital melalui e-mel, kemas kini laman web korporat atau media sosial **R**

KEBIMBANGAN UTAMA

- Penjajaran strategi perniagaan dengan keutamaan strategik utama.
- Keperluan untuk memperkukuh kerjasama dan penglibatan pemegang saham bagi memacu pertumbuhan ekonomi serta peralihan kepada ekonomi mampan rendah karbon.
- Memperluas pengaruh melalui inisiatif advokasi bersama.
- Ketidaktentuan dasar perdagangan global yang menjejaskan perniagaan dan pasaran modal di ekonomi sedang pesat membangun.

TINDAKAN

- Mengekalkan penyertaan aktif dalam persatuan industri dan dewan perniagaan bagi memperkukuh kerjasama serta advokasi bersama.
- Bekerjasama dengan Dai-ichi Life untuk menawarkan insurans hayat (melalui model rujukan) dan Pembiayaan Perlindungan Pinjaman, sekali gus meningkatkan perlindungan pelanggan dan nilai produk.
- Mengurangkan ketidaktentuan pasaran melalui pengenalan instrumen lindung nilai (Derivatif Korporat, Autocallable) serta mempelbagaikan sumber pendapatan melalui mandat infrastruktur domestik yang berdaya tahan dan penyenaian intra-serantau (Singapura/China).

RISIKO

- Amalan tidak beretika atau ketidakpatuhan rakan niaga terhadap dasar dan keperluan undang-undang RHB, yang boleh menimbulkan risiko reputasi, perundangan dan kewangan.
- Tahap kesedaran kelestarian yang terhad dalam kalangan rakan niaga, yang boleh menjejaskan kerjasama jangka panjang dan reputasi jenama.
- Kelewatan dalam kelulusan kawal selia yang boleh menjejaskan kemasukan pasaran serta kehilangan kelebihan sebagai peneraju awal.
- Kebergantungan tinggi kepada mandat tertentu yang memerlukan penyampaian yang cemerlang, di mana kegagalan dalam satu urusan niaga utama boleh menjejaskan mandat masa hadapan.
- Ketidakupayaan untuk menyelaraskan kerjasama dengan bank serantau atau penaja kewangan dalam sindikasi, yang berpotensi menyebabkan kegagalan urusan niaga atau pendedahan kepada risiko penjaminan.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Perkongsian strategik jangka panjang yang sejajar dengan matlamat bersama dan kejayaan kolektif.
- Kerjasama dalam projek dan mandat yang memacu pertumbuhan perniagaan serta pengembangan pasaran.
- Peningkatan kematangan dan kecairan pasaran melalui pengenalan instrumen inovatif dan penyelesaian berstruktur, yang memberi manfaat kepada rakan seperti pengawal selia dan Bursa.
- Penyelesaian nasihat dan pembiayaan projek yang disesuaikan bagi menyokong pembangunan infrastruktur dan matlamat ekonomi kerajaan negeri.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Pakatan strategik yang diperkukuh bagi mewujudkan persekitaran kolaboratif dan berteraskan inovasi.
- Akses kepada kepakaran, pengetahuan dan kemahiran bernilai melalui kerjasama.
- Kelebihan daya saing yang dipertingkatkan dalam pasaran melalui perkongsian yang berkesan.

- Pembudayaan kepercayaan dan saling menghormati yang memudahkan inovasi berasaskan nilai serta kejayaan bersama.
- Penjana pendapatan berasaskan yuran melalui pelancaran perkongsian yang berjaya, termasuk daripada Derivatif Korporat, Autocallable dan pendapatan faedah SMF.
- Kejayaan memperoleh urusan niaga utama dan penyenaian IPO syarikat asing (Singapura/China) yang mengukuhkan kedudukan RHB sebagai bank pelaburan serantau bertaraf terkemuka.

INISIATIF PERNIAGAAN

- Bekerjasama dengan pengawal selia untuk melancarkan instrumen inovatif dalam pasaran yang kurang mendapat perkhidmatan, khususnya di Kemboja ("CSX") dan Indonesia.
- Menubuhkan pasukan liputan khusus untuk memperkukuh hubungan dengan Ekuiti Persendirian ("PE"), Dana Kekayaan Berdaulat ("SWF") dan rakan perbankan bagi sindikasi pinjaman.
- Menyelaraskan pasukan liputan dalaman untuk menyasarkan projek sektor awam berimpak tinggi, khususnya dengan kerajaan negeri dan zon ekonomi khas.
- Melaksanakan penambahbaikan sistem yang membuka laluan kepada penawaran produk baharu serta meningkatkan pengalaman pelanggan.
- Melaksanakan inisiatif penggajian dan menjalin perkongsian bankasurans dengan Dai-ichi Life di Kemboja, serta memperkukuh perbankan harian melalui penyelesaian pembayaran berasaskan KHQR, dwimata wang dan rentas sempadan.
- Bekerjasama dengan ejen hartanah dan pemaju di Brunei bagi menyokong pembiayaan berkaitan hartanah dan pemerolehan pelanggan.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Mencapai jualan kenderaan bukan nasional sebanyak RM1.7 bilion pada tahun 2025 melalui perkongsian strategik dengan pengedar serta jelajah kesedaran.
- Bekerjasama dengan OSK Property untuk melancarkan Pembiayaan Hartanah Luar Negara, menawarkan akses kepada hartanah kediaman di Melbourne, Australia.
- Memperluas capaian digital melalui kerjasama dalam platform kad kredit dan pembiayaan peribadi (contohnya, RinggitPlus, iMoney, Jirnexu) serta pembiayaan automotif (contohnya, Perodua, Volvo, BYD). Sehingga Disember 2025, sebanyak 38,900 kad digital diluluskan, RM371.5 juta pembiayaan peribadi disalurkan, RM42.8 juta pembiayaan perumahan diterima, dan RM10.2 juta pembiayaan automotif disalurkan.
- Melalui kerjasama dengan Dai-ichi Life, menjana pendapatan yuran rujukan serta meningkatkan pembezaan produk melalui Pembiayaan Perlindungan Pinjaman.
- Di Brunei, meluluskan pembiayaan gadai janji berjumlah BND 8.3 juta melalui rujukan.
- Berjaya melancarkan sub-bon pertama di Kemboja.
- Menerbitkan waran Waran Put pertama di Indonesia serta waran *deep strike* yang menyasarkan pelabur jangka panjang.
- Mengoperasikan liputan Penaja Kewangan di Singapura bagi memperkukuh penglibatan dengan dana serantau.
- Memperoleh mandat pembiayaan projek bersama Kerajaan Negeri Sarawak serta mengambil bahagian dalam urusan niaga mercu tanda Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ").

Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami

RA AGENSI PENARAFAN

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Agensi penarafan menilai secara bebas kekuatan kewangan, kecukupan modal dan profil risiko Kumpulan, yang mempengaruhi keyakinan pelabur, kos pembiayaan serta akses kepada pasaran modal.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan agensi penarafan bagi memastikan pendedahan yang telus, tepat pada masanya dan komprehensif mengenai prestasi kewangan, kedudukan modal, kualiti aset serta amalan pengurusan risiko kami. Penglibatan proaktif menyokong penilaian kredit yang tepat, memperkukuh keyakinan pasaran serta mengekalkan keupayaan kami untuk mengakses pasaran modal hutang secara cekap.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan tahunan	Q A
Mesyuarat dan sesi taklimat bersama agensi penarafan	R
Komunikasi dalam talian melalui e-mel, laman web korporat dan media sosial	R
Semakan dan penilaian penarafan	A

KEBIMBANGAN UTAMA

- Ketelusan dan ketepatan pendedahan kewangan, termasuk struktur modal, kualiti aset dan kecairan, bagi mengekalkan keyakinan pelabur.
- Keberkesanan amalan tadbir urus korporat, dengan penekanan kepada pematuhan, pengurusan risiko dan kawalan dalaman.
- Kejelasan dan kemajuan inisiatif kelestarian, termasuk kesan risiko dan peluang ESG terhadap prestasi kewangan dan strategi.

TINDAKAN

- Menyediakan pendedahan terperinci mengenai kecukupan modal, kualiti aset dan kecairan dalam laporan bagi memastikan ketelusan serta memupuk kepercayaan pelabur.
- Memperkukuh amalan tadbir urus dan memastikan keselarasan dengan amalan terbaik industri bagi meningkatkan keyakinan.
- Mengekalkan penglibatan berkala dengan pemegang taruh mengenai perjalanan kelestarian RHB, termasuk penyediaan maklumat berkaitan implikasi kewangan risiko dan peluang ESG.

RISIKO

- Pendedahan kepada ketidakpastian pasaran dan perubahan dalam kriteria penarafan.
- Kesan negatif yang berpotensi akibat ketidakpatuhan terhadap peraturan ESG yang semakin berkembang pesat.
- Risiko reputasi akibat prestasi kewangan yang tidak konsisten atau kelemahan tadbir urus.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Pelaporan prestasi kewangan dan kelestarian yang telus dan konsisten selaras dengan piawaian global serta amalan terbaik.
- Amalan tadbir urus yang kukuh bagi menyokong penilaian penarafan yang objektif.
- Penglibatan proaktif yang meningkatkan kejelasan terhadap strategi, prestasi dan kedudukan risiko.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Kedudukan pasaran dan keyakinan pelabur yang lebih kukuh disokong oleh penarafan yang stabil dan positif.
- Keupayaan yang dipertingkatkan untuk mengakses pembiayaan dan pasaran modal secara cekap melalui kekuatan penarafan yang berterusan serta kepercayaan pemegang taruh.

INISIATIF PERNIAGAAN

- Unit Perhubungan Pelabur yang khusus mengurus penglibatan dengan agensi penarafan serta menyelia proses semakan penarafan kredit tahunan. Maklumat lanjut boleh didapati dalam bahagian Perhubungan Pelabur di halaman 95 hingga 96.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- RAM Rating Services Berhad mengekalkan penarafan institusi kewangan jangka panjang RHB Bank pada AA1 dan penarafan jangka pendek pada P1 dengan prospek stabil.
- Moody's Investors Service mengekalkan penarafan deposit bank jangka panjang RHB Bank pada A3, penarafan deposit bank jangka pendek pada P-2 serta penilaian asas kredit pada baa1, dengan prospek stabil.

Modal: FC SRC

Perkara Material: DC SF FI SC EHS DO CC ES

SDGs:



AN PENGANALISIS

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Penganalisis menyediakan liputan penyelidikan bebas serta pandangan terhadap prestasi, strategi dan prospek Kumpulan, yang mempengaruhi sentimen pelabur dan persepsi pasaran.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan penganalisis bagi memastikan komunikasi yang tepat pada masanya, telus dan komprehensif mengenai prestasi kewangan, hala tuju strategik serta prospek pertumbuhan Kumpulan. Penglibatan yang konsisten menyokong liputan penyelidikan yang bermaklumat, meningkatkan pemahaman pasaran terhadap asas perniagaan kami serta memperkukuh keyakinan pelabur.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan tahunan	Q	A
Mesyuarat dan sesi taklimat bersama penganalisis dan pengurus dana	Q	R
Jelajah pelabur, persidangan dan perbincangan meja bulat		R
Komunikasi dalam talian melalui e-mel, laman web korporat dan media sosial		R
Pengumuman Bursa Malaysia	Q	R

KEBIMBANGAN UTAMA

- Keupayaan Kumpulan untuk menyesuaikan strategi dengan keadaan pasaran dan trend industri yang sentiasa berubah.
- Ketepatan dan kebolehpercayaan panduan kewangan dalam memenuhi jangkaan pelabur dan pengawal selia.

TINDAKAN

- Menyediakan kemas kini berkala mengenai keutamaan strategik serta penjarangan dengan trend pasaran semasa bagi menunjukkan keupayaan penyesuaian dan daya tahan.
- Menyampaikan pendedahan kewangan yang konsisten, pandangan berasaskan data serta pemantauan prestasi bagi meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan.

RISIKO

- Pelaporan yang tidak tepat atau tidak lengkap boleh menjejaskan keyakinan pelabur.
- Ketidakselarasan dengan trend pasaran boleh menyebabkan peluang pertumbuhan terlepas.
- Ketidakpatuhan kawal selia boleh menjejaskan reputasi RHB serta menghakis kepercayaan penganalisis dan pelabur.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Akses kepada maklumat yang tepat pada masanya, telus dan komprehensif bagi menyokong penyelidikan objektif, cadangan bermaklumat serta penilaian yang tepat.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Hubungan yang kukuh dengan penganalisis serta komuniti pelabur yang lebih luas.
- Keterlihatan pasaran dan kredibiliti yang dipertingkatkan melalui penglibatan yang konsisten serta pendedahan prestasi yang boleh dipercayai.

INISIATIF PERNIAGAAN

- Unit Perhubungan Pelabur yang khusus mengurus penglibatan dan komunikasi dengan penganalisis. Maklumat lanjut boleh didapati dalam bahagian Perhubungan Pelabur di halaman 95 hingga 96.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Berinteraksi dengan 17 penganalisis.
- Menamatkan TK2025 dengan 13 penganalisis memberikan penarafan "Beli", 3 penganalisis memberikan penarafan "Pegang" dan 1 penganalisis memberikan penarafan "Jual".

Modal:  

Perkara Material:  

SDGs: 

Penglibatan Pemegang Taruh dan Penciptaan Nilai Kami

ME MEDIA

Kualiti Hubungan: ●●●●●

Media merupakan saluran utama dalam menyampaikan prestasi, strategi dan inisiatif Kumpulan, membentuk persepsi awam serta mempengaruhi keyakinan pemegang saham.

TUJUAN PENGLIBATAN (MENGAPA KAMI BERINTERAKSI)

Kami berinteraksi dengan media bagi memastikan pelaporan yang tepat, tepat pada masanya dan seimbang mengenai prestasi kewangan, keutamaan strategik serta inisiatif kelestarian kami. Penglibatan media secara proaktif meningkatkan ketelusan, memperkukuh kepercayaan awam serta memanfaatkan platform media untuk capaian yang lebih luas kepada pemegang saham.

PLATFORM & KEKERAPAN PENGLIBATAN

Siaran media dan pengumuman korporat	M	R
Temu bual media melalui e-mel, panggilan video, telefon atau secara bersemuka	R	
Sesi taklimat media dan sidang akhbar	Q	R
Komunikasi dalam talian melalui e-mel, laman web, media sosial dan WhatsApp	W	R
Aktiviti tidak formal untuk membina hubungan seperti jamuan makan tengah hari, sambutan perayaan dan lawatan ke organisasi media	A	R

KEBIMBANGAN UTAMA

- Ketepatan dan ketepatan masa maklumat yang dikongsi dengan media.
- Konsistensi komunikasi bagi memastikan pelaporan yang seimbang.
- Akses kepada kemas kini utama RHB berkaitan prestasi dan kelestarian.
- Tahap daya respons semasa krisis atau perkembangan mendesak.

TINDAKAN

- Menyediakan kemas kini berkala dan sesi taklimat media bagi memastikan penyebaran maklumat yang tepat dan tepat pada masanya.
- Mengekalkan mesej yang jelas dan konsisten merentasi semua saluran komunikasi.
- Memudah cara penglibatan media secara proaktif bagi memastikan ketelusan terhadap inisiatif utama.
- Memperkukuh kerjasama melalui liputan khas dan temu bual eksklusif.

RISIKO

- Salah tafsir atau pelaporan tidak tepat yang boleh menjejaskan reputasi.
- Mesej komunikasi yang tidak konsisten atau terhad yang boleh melemahkan hubungan dengan media.
- Kelewatan dalam menangani pertanyaan media yang menjejaskan kualiti liputan dan kepercayaan pemegang taruh.
- Publisiti negatif akibat kekurangan sokongan semasa situasi krisis.
- Pengurusan hubungan media yang tidak berkesan yang boleh menyebabkan kehilangan platform untuk mempromosikan produk, perkhidmatan serta kempen atau inisiatif RHB, sekali gus menjejaskan pertumbuhan perniagaan.

PELUANG

Nilai yang Dijana untuk Pemegang Taruh

- Akses kepada kemas kini yang tepat pada masanya dan relevan mengenai prestasi, strategi serta inisiatif kelestarian RHB.
- Peluang kerjasama dalam perkongsian pandangan industri, ulasan pakar atau kepimpinan pemikiran.
- Komunikasi yang jelas dan konsisten yang menyokong pelaporan yang tepat dan objektif.
- Hubungan profesional dan kepercayaan yang diperkukuh antara pihak media dan warga kerja RHB.

Nilai yang Dijana untuk RHB

- Keterlihatan jenama yang dipertingkatkan serta persepsi awam yang positif.
- Hubungan yang diperkukuh dengan pemegang taruh utama melalui media, termasuk pelanggan dan pelabur.
- Kepercayaan dan kredibiliti yang meningkat melalui penglibatan media yang konsisten dan telus.
- Penambahbaikan komunikasi krisis dan pengurusan reputasi.

INISIAF PERNIAGAAN


- Penganjuran acara rangkaian media bagi memperkukuh hubungan, meningkatkan kerjasama serta menyediakan kemas kini berkala mengenai perkembangan terkini dan hala tuju strategik Kumpulan.

PENUNJUK PENCIPTAAN NILAI & SOROTAN/PENCAPAIAN

- Melaksanakan pendekatan proaktif dalam penglibatan media bagi menyediakan kemas kini tepat pada masanya serta mengekalkan ketelusan.
- Bekerjasama dengan rakan media untuk berkongsi pandangan mengenai trend industri dan usaha kelestarian, sekali gus memperkukuh kedudukan RHB sebagai peneraju pemikiran.
- Memupuk hubungan jangka panjang dengan organisasi media bagi memperkukuh keterlihatan jenama dan reputasi.
- Mengekalkan mesej yang jelas dan konsisten bagi menyokong pelaporan yang tepat dan seimbang.

Bagaimana Kami Mengagihkan Nilai yang Dicipta

Nilai yang kami jana diagihkan merentasi ekosistem pemegang taruh kami secara seimbang dan terarah. Dalam melaksanakannya, kami berusaha memenuhi kepentingan pekerja, pemegang saham dan ekonomi secara keseluruhannya, di samping terus memperkukuh Kumpulan untuk masa hadapan. Ini mencerminkan kepercayaan kami bahawa penciptaan nilai harus menjana impak sosial positif serta memacu kemajuan bermakna untuk semua pihak yang kami khidmati.



* Termasuk kepentingan bukan kawalan

Ulasan Ekonomi dan Prospek

SOROTAN EKONOMI ASEAN

Keadaan ekonomi di seluruh ASEAN pada tahun 2025 adalah bercampur, dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik yang berterusan, perubahan landskap perdagangan serta peningkatan ketidakpastian berkaitan tarif yang menekan persekitaran luaran. Walaupun berdepan cabaran ini, inflasi yang stabil, keadaan monetari yang akomodatif serta sokongan dasar kerajaan membantu mengekalkan permintaan domestik yang berdaya tahan di rantau ini. Sehubungan itu, pertumbuhan KDNK secara keseluruhan kekal stabil pada tahun 2025, sekali gus menyokong prospek yang optimistik namun berhati-hati bagi tahun 2026 di pasaran utama RHB di ASEAN.

MALAYSIA

DATA MAKRO UTAMA

Pertumbuhan KDNK (%)



Inflasi (%)



Dasar Monetari (%)



LANDSKAP OPERASI 2025

Perkembangan Positif

- Prestasi perdagangan dan pembuatan yang lebih baik, disokong oleh permintaan global yang kukuh dan pertumbuhan berterusan dalam eksport Elektrik dan Elektronik ("E&E").
- Aktiviti ekonomi domestik kekal kukuh, disokong oleh pelaburan yang stabil, perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan dan tahap inflasi yang terkawal.
- Dasar monetari yang akomodatif dan langkah kerajaan yang proaktif menyokong keyakinan perniagaan dan kestabilan ekonomi secara keseluruhan.

Perkembangan Negatif

- Risiko makroekonomi yang masih berterusan, termasuk potensi perubahan dasar perdagangan A.S. dan dinamik perdagangan serantau.
- Kemungkinan pengenalan levi khusus sektor, terutamanya ke atas industri semikonduktor, mencetuskan ketidakpastian dalam industri.

PROSPEK 2026

- **Permintaan Domestik yang Kukuh akan Menyokong Pertumbuhan KDNK** – Kami mengekalkan ramalan pertumbuhan KDNK 2026 pada 4.7%, disokong oleh pengukuhan permintaan domestik dan dasar kerajaan yang terus menyokong. Aktiviti domestik dijangka kekal sebagai pemacu pertumbuhan utama, disokong oleh pelaburan yang stabil, penggunaan swasta yang berdaya tahan dan langkah fiskal yang proaktif. Dari segi luaran, prospek kekal cerah dengan kekuatan yang berterusan dalam eksport E&E serta kepelbagaian asas produk dan destinasi eksport Malaysia.
- **Inflasi Akan Meningkat dalam Julat Jangkaan** – Inflasi diunjurkan meningkat kepada 1.8% pada tahun 2026, sejajar dengan paras tertinggi dalam julat rasmi 1.3% hingga 2.0%. Peningkatan ini mencerminkan permintaan domestik yang lebih kukuh, disokong oleh aktiviti pelaburan yang stabil, penggunaan yang berdaya tahan dan pengembangan langkah-langkah fiskal.
- **OPR Dijangka Kekal Stabil** – Kami menjangkakan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada tahun 2026 akan kekal pada 2.75%. Dasar monetari dijangka kekal berasaskan data dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") akan datang, dengan keputusan dipacu oleh perkembangan dalam dasar perdagangan global dan kesannya terhadap prestasi luaran Malaysia, di samping kemampuan momentum penggunaan domestik.

SINGAPURA

DATA MAKRO UTAMA

Pertumbuhan KDNK (%)



Inflasi

	2024	2025	2026
Headline CPI (%)	2.4	0.9	1.5
Core CPI (%)	2.8	0.7	1.5

Dasar Monetari (%)

	2024	2025	2026
	1.5%		0.5%
\$SNEER	dengan +/- 2.0%	*	dengan +/- 2.0%

*Januari 2025: MAS melonggarkan parameter dasarnya. \$SNEER pada kecerunan kenaikan +1.0% (daripada 1.5% sebelumnya) dengan jalur +/-2.0%. April 2025: MAS melonggarkan parameter dasarnya. \$SNEER pada kecerunan kenaikan +0.5% (daripada 1.0% sebelumnya) dengan jalur +/-2.0%. Julai dan Oktober 2025: Tiada perubahan dasar monetari. \$SNEER kekal pada kecerunan kenaikan +0.5% dengan jalur +/-2.0%.

LANDSKAP OPERASI 2025

Perkembangan Positif

- Aktiviti pengilangan dan berkaitan perdagangan yang berdaya tahan pada separuh kedua tahun 2025.
- Landskap ekonomi global dan domestik yang semakin baik dalam keadaan monetari global yang semakin pulih.
- Langkah fiskal kerajaan yang berterusan yang menyokong kestabilan ekonomi secara keseluruhan.

Perkembangan Negatif

- Peningkatan tarif baharu yang mencetuskan gangguan perdagangan global yang lebih luas.
- Ketegangan geopolitik yang meningkat memberi kesan pada sentimen perniagaan.
- Risiko berterusan dasar monetari yang lebih ketat daripada jangkaan yang meningkatkan kos pembiayaan dan memperlahankan aktiviti ekonomi.

PROSPEK 2026

- **Permintaan Luaran Kekal Menyokong** – Kami mengunjurkan pertumbuhan KDNK Singapura akan menyederhana kepada 3.0% pada tahun 2026 susulan pertumbuhan 5.0% pada tahun 2025. Permintaan luaran dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh kekuatan berterusan dalam sektor pembuatan dan berkaitan perdagangan. Tinjauan optimistik ini disokong oleh peningkatan dinamik perdagangan, keadaan monetari global yang akomodatif dan momentum ekonomi yang berterusan lanjutan daripada prestasi yang lebih kukuh daripada jangkaan pada separuh kedua tahun 2025.
- **Inflasi Meningkat tetapi Masih dalam Julat Ramalan** – Kedua-dua inflasi utama dan inflasi teras dijangka meningkat kepada 1.5% pada tahun 2026, tetapi masih dalam julat ramalan rasmi Pihak Berkuasa Monetari Singapura ("MAS") iaitu 1.0% - 2.0%. Kami melihat risiko inflasi cenderung meningkat, disokong oleh prospek ekonomi yang positif berasaskan permintaan domestik yang kukuh dan keadaan luaran yang baik, di samping kesan asas yang rendah daripada inflasi pada tahun 2025.
- **Dasar Monetari Dijangka Kekal** – MAS dijangka mengekalkan kedudukan dasar monetari semasanya sekurang-kurangnya sehingga separuh pertama tahun 2026, susulan dua pelonggaran dasar pada Januari dan April 2025 dan tempoh jeda pada Julai dan Oktober. MAS mengekalkan parameter dasarnya dalam mesyuarat MPC Januari 2026. Dengan S\$NEER diunjurkan meningkat pada kecerunan sederhana +0.5% dalam jalur $\pm 2.0\%$, dan inflasi teras dijangka menurun ke arah 2.0% menjelang Julai 2026, tiada sebab jangka pendek untuk sebarang pelarasan dasar, dan ini mengukuhkan pandangan bahawa MAS akan kekal pada hala tuju sekarang ini. Walau bagaimanapun, kami tidak menolak kemungkinan berlaku pengetatan pada separuh kedua tahun 2026 sekiranya tekanan inflasi meningkat tahun hadapan.

INDONESIA

DATA MAKRO UTAMA

Pertumbuhan KDNK (%)



Inflasi (%)



Dasar Monetari (%)



LANDSKAP OPERASI 2025

Perkembangan Positif

- Ledakan dalam industri minyak sawit meningkatkan pendapatan eksport dan pendapatan luar bandar.
- Eksport komoditi stabil, disokong oleh permintaan global yang tinggi.
- Defisit akaun semasa berkurangan apabila prestasi perdagangan bertambah baik.
- Inflasi utama kekal terkawal sekitar 2%.

Perkembangan Negatif

- Protes di seluruh negara memberi kesan pada penggunaan, jualan runcit dan keyakinan pengguna.
- Kelewatan dalam peruntukan dan penggunaan fiskal melemahkan sentimen perniagaan.
- Ketidaktentuan pasaran kewangan berterusan, yang dilihat daripada aliran keluar bon yang berterusan dan kelemahan rupiah.

PROSPEK 2026

- **Pertumbuhan Kekal Sejalan dengan Trend Jangka Panjang** – Kami mengunjurkan pertumbuhan KDNK Indonesia sebanyak 5.0% pada tahun 2026, secara amnya sejalan dengan trend jangka panjangnya. Penggunaan dan pelaburan isi rumah dijangka kekal sebagai tonggak pertumbuhan utama, disokong oleh kestabilan pasaran buruh dan pengembangan ekonomi yang sederhana. Di peringkat luaran, momentum eksport berkemungkinan akan menjadi lemah di tengah-tengah aktiviti perindustrian global yang lebih lemah, ketidakpastian yang berterusan dalam perdagangan antarabangsa dan kesan permintaan pembelian awal yang semakin berkurangan dari tahun 2025.
- **Tekanan Inflasi Dijangka Meningkat** – Bagi tahun 2026, inflasi utama diunjurkan pada 2.5% dan inflasi teras pada 2.3%, yang mencerminkan peningkatan sederhana dalam tekanan harga. Jangkaan ini adalah berdasarkan tiga faktor utama. Asas inflasi yang rendah pada suku pertama 2025 berikutan diskaun tarif elektrik sementara dijangka secara mekanikal akan meningkatkan bacaan inflasi tahun ke tahun ("YoY"), harga makanan yang tidak menentu akan terus meningkatkan Indeks Harga Pengguna ("IHP"), dan pelarasan gaji minimum yang lebih tinggi akan meningkatkan lagi tekanan tolakan kos.
- **Dasar Monetari Akan Lebih Menyokong Pertumbuhan** – Kami masih mengekalkan jangkaan bahawa Bank Indonesia ("BI") akan melaksanakan dua pemotongan kadar tambahan 25 mata asas pada tahun 2026 yang akan menurunkan kadar dasar kepada 4.25%. Ruang untuk dasar jangka pendek masih dikekang oleh keperluan untuk menstabilkan rupiah di tengah-tengah ketidakpastian pasaran yang meningkat. Oleh itu, pemotongan kadar BI selanjutnya berkemungkinan akan mengikut rapat perubahan Kadar Dana Persekutuan, yang dijangka akan mengalami perubahan pada suku kedua 2026.

Ulasan Ekonomi dan Prospek


THAILAND

DATA MAKRO UTAMA

Pertumbuhan KDNK (%)



Inflasi (%)



Dasar Monetari (%)



LANDSKAP OPERASI 2025

Perkembangan Positif

- Prestasi berdaya tahan daripada sektor pertanian.
- Momentum eksport dan pelaksanaan awal dalam sektor pembuatan menyokong pertumbuhan ekonomi.
- Pemulihan sektor pelancongan semakin kukuh, didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan ketibaan daripada pasaran bukan China.

Perkembangan Negatif

- Pertikaian sempadan Kemboja memberi kesan pada aliran perdagangan, aktiviti pelancongan dan keyakinan perniagaan.
- Ketidakpastian politik yang timbul akibat perubahan pentadbiran yang kerap melemahkan sentimen.
- Peningkatan nilai baht Thailand mengurangkan daya saing eksport dan sektor pelancongan.
- Tekanan deflasi menandakan keadaan permintaan domestik yang lemah.

PROSPEK 2026

- **Pertumbuhan Dijangka Pulih Namun Risiko Masih Tinggi** – Kami menjangkakan KDNK Thailand akan berkembang sebanyak 2.0% pada tahun 2026, mencerminkan pemulihan secara beransur-ansur akibat daripada keadaan yang tidak menggalakkan dari segi luaran dan domestik. Dari segi luaran, pertumbuhan dijangka sederhana berikutan permintaan teknologi global yang perlahan, impak daripada eksport lebih awal yang semakin menurun dan pengukuhan berterusan baht Thailand. Di peringkat domestik, permintaan dijangka kekal rapuh, dikekang oleh hutang isi rumah yang tinggi, pertumbuhan gaji yang sederhana dan sentimen pengguna yang berhati-hati. Perbelanjaan dan pelaburan awam dijangka berperanan sebagai penstabil.
- **Inflasi Kekal Rendah di Tengah-tengah Permintaan yang Rendah** – Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat secara sederhana kepada 0.6% pada tahun 2026, daripada -0.1% pada tahun 2025, manakala inflasi teras dijangka kekal stabil sekitar 1.0%. Harga makanan dan tenaga yang semakin stabil, merangkumi sebahagian besar daripada bakul pengguna, akan menyumbang pada persekitaran inflasi rendah yang berterusan. Inflasi makanan berkemungkinan kekal rendah, disokong oleh pengeluaran pertanian yang stabil dan rantai bekalan domestik yang bertambah baik. Komponen tenaga terus memberi tekanan deflasi, dibantu oleh harga tenaga global yang rendah dan langkah bantuan kos sara hidup kerajaan yang berterusan.
- **Dasar Monetari Dijangka Menjadi Lebih Akomodatif** – Dari segi dasar, kami menjangkakan Bank of Thailand ("BoT") akan mengekalkan kadar dasar pada 1.00% sehingga akhir tahun 2026. Asas andaian kami adalah kitaran pelonggaran berakhir pada 1.00%, dengan pemotongan selanjutnya bergantung pada kemerosotan material dalam keadaan ekonomi. Walaupun masih ada risiko penurunan pertumbuhan, namun kadar semasa ini sudah akomodatif. Pemotongan kadar selanjutnya mungkin hanya akan berlaku dalam keadaan kejutan penurunan pertumbuhan yang ketara.

Ulasan Sektor Perbankan dan Prospek

SOROTAN INDUSTRI PERBANKAN

Sektor perbankan menunjukkan daya tahan pada tahun 2025 meskipun dalam persekitaran operasi yang tidak menentu dan mencabar, terutamanya pada separuh pertama tahun ini. Pertumbuhan pinjaman perniagaan menyederhana sementara permintaan isi rumah kekal positif. Kejatuhan kadar penanda aras dan keadaan kecairan yang lebih ketat dalam pasaran tertentu memberi tekanan margin. Dalam keadaan ini, kualiti aset kekal stabil secara amnya dan tahap permodalan kekal kukuh. Untuk masa hadapan, keadaan kecairan yang semakin baik, pelonggaran dasar monetari dan rangsangan kerajaan yang bersasar dijangka akan menyokong prospek operasi yang lebih baik pada tahun 2026.



MALAYSIA

Petunjuk Utama	Perkembangan Positif pada 2025	Perkembangan Negatif pada 2025	Prospek
Pertumbuhan Pinjaman dan Deposit	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun dalam situasi turun naik dan tidak menentu, pinjaman dalam sistem perbankan pada tahun 2025 menunjukkan peningkatan yang baik sebanyak 4.8% tahun ke tahun ("YoY") walaupun menurun jika dibandingkan dengan pertumbuhan sebanyak 5.5% YoY yang dicatatkan pada tahun 2024. Pinjaman isi rumah menyokong pertumbuhan keseluruhan dengan pengembangan sebanyak 5.3% YoY (2024: 6.0%). Pinjaman isi rumah bernilai besar – terutamanya pinjaman untuk pembelian kereta penumpang (+6.8% YoY berbanding +8.5% YoY pada tahun 2024) dan pinjaman perumahan (+5.9% YoY daripada 6.9% pada tahun 2024) – merupakan penyumbang utama kepada pengembangan tersebut. Sementara itu, pertumbuhan deposit dalam sistem perbankan meningkat sedikit kepada 3.4% YoY pada bulan Disember daripada 3.0% YoY pada tahun 2024, didorong oleh aliran masuk deposit yang lebih kukuh daripada perniagaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan pinjaman bukan isi rumah menurun kepada 4.1% YoY daripada 5.0% pada tahun 2024, mencerminkan pinjaman yang lebih perlahan daripada sektor seperti kewangan, insurans dan aktiviti perniagaan. Walaupun pertumbuhan deposit adalah lebih baik, namun deposit terus ketinggalan dalam pengembangan pinjaman. 	<ul style="list-style-type: none"> Kami menjangkakan pertumbuhan pinjaman dalam sistem perbankan akan meningkat pada tahun 2026 kepada 5-6%. Petunjuk utama, termasuk permohonan dan kelulusan pinjaman, mengisyaratkan saluran yang sihat untuk segmen bukan isi rumah, menyokong pertumbuhan yang lebih kukuh apabila pengeluaran pinjaman dibuat. Sebaliknya, permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah adalah stabil, yang mungkin menandakan pertumbuhan pinjaman isi rumah yang lebih sederhana pada masa hadapan. Pertumbuhan deposit dijangka meningkat, namun mungkin kekal lebih perlahan berbanding pertumbuhan pinjaman.
Kecairan	<ul style="list-style-type: none"> Penampakan kecairan kekal kukuh, dengan nisbah perlindungan kecairan pada 155%, jauh melebihi paras minimum kawal selia sebanyak 100%. Pada Mei 2025, Bank Negara Malaysia ("BNM") mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun ("SRR") kepada 1.0% daripada 2.0%, dengan itu melepaskan kira-kira RM19 bilion ke dalam sistem perbankan. Hal ini menyediakan bank dengan kecairan tambahan untuk digunakan dalam aset yang menghasilkan faedah dan membantu mengurangkan tekanan pendanaan yang kompetitif di tengah-tengah permintaan pinjaman yang berterusan. 	<ul style="list-style-type: none"> Nisbah pinjaman-kepada-deposit ("LDR") sistem perbankan terus meningkat kepada 89% daripada 87.8% pada akhir 2024 apabila pertumbuhan pinjaman mengatasi deposit. 	<ul style="list-style-type: none"> LDR sistem perbankan mungkin meningkat lagi pada 2026 jika pertumbuhan pinjaman terus melebihi pertumbuhan deposit. Sekiranya permintaan pinjaman meningkat lebih kukuh daripada yang dijangkakan, senario ini boleh menyebabkan persaingan yang lebih sengit untuk segmen deposit. Walau bagaimanapun, bank-bank dijangka akan terus mempelbagaikan sumber pendanaan dengan memanfaatkan pendanaan bukan deposit yang memiliki banyak kecairan.
Margin Faedah Bersih ("NIM")	<ul style="list-style-type: none"> Jangkaan awal pemotongan kadar dasar, ditambah dengan pengurangan SRR, mengakibatkan penurunan 25 mata asas dalam kadar antara bank 3 bulan antara Disember 2024 hingga Jun 2025. Keadaan ini membantu menurunkan kos pendanaan bank, yang ditampikan melalui sedikit penurunan dalam kos purata berwajaran dana kepada 2.72% pada Jun 2025 daripada 2.77% pada Disember 2024. 	<ul style="list-style-type: none"> Margin sektor dijangka mengalami sedikit penurunan pada tahun 2025 disebabkan oleh: <ul style="list-style-type: none"> pengurangan OPR Julai, di mana pelarasan kadar pinjaman pada mulanya mengatasi pengurangan kos pendanaan disebabkan oleh perbezaan masa dalam penetapan semula harga aset dan liabiliti sensitif faedah; pencairan hasil daripada pinjaman baharu yang berharga di bawah purata buku sedia ada; dan kadar penanda aras dan dasar yang lebih rendah di seluruh rantau, yang memberi kesan kepada bank yang mempunyai operasi di luar negara. 	<ul style="list-style-type: none"> Kami menjangkakan NIM sektor akan stabil pada tahun 2026 apabila impak tertanggung daripada OPR yang lebih rendah mula dirasai melalui pelarasan kos deposit dan pendanaan, di samping pembiayaan semula dan peralihan liabiliti ini. Bagi bank yang mempunyai operasi serantau, kadar penanda aras dan dasar yang lebih rendah pada tahun 2025 sepatutnya akan mengurangkan kos pendanaan pada tahun 2026, sekali gus menyokong margin kumpulan.

Ulasan Sektor Perbankan dan Prospek

Petunjuk Utama	Perkembangan Positif pada 2025	Perkembangan Negatif pada 2025	Prospek
Kualiti Aset	<ul style="list-style-type: none"> Kualiti aset pada keseluruhannya kekal kukuh, dengan nisbah pinjaman terjejas kasar ("GIL") sistem perbankan pada 1.37% berbanding 1.44% pada Disember 2024. GIL isi rumah menurun kepada 1.03% daripada 1.08% pada akhir 2024 dalam keadaan asas pinjaman isi rumah yang berkembang. GIL perniagaan bertambah baik kepada 1.88% daripada 1.98%, didorong oleh penurunan nilai yang lebih rendah dalam sektor pembuatan, pembinaan, kewangan, insurans, aktiviti perniagaan serta perlombongan dan kuari. 	<ul style="list-style-type: none"> Cabaran pembayaran balik masih berterusan dalam kalangan segmen kecil peminjam, terutamanya PKS. Walaupun terdapat peningkatan dalam nisbah GIL isi rumah, namun pinjaman kereta penumpang terjejas meningkat. Begitu juga, GIL perniagaan meningkat dalam sektor seperti perdagangan borong dan runcit, pengangkutan, komunikasi, penyimpanan dan utiliti. Perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan berkurangan kepada 84.8% daripada 92.0% pada akhir tahun 2024. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira rizab pengawalseliaan, jumlah nisbah perlindungan kerugian pinjaman berada pada 129% pada Disember 2025, secara amnya lebih stabil berbanding Disember 2024 dan melebihi purata 114% bagi tempoh 2015-2019. 	<ul style="list-style-type: none"> Sesetengah portfolio mungkin akan terus menghadapi cabaran pembayaran balik, walau bagaimanapun keadaan ini dijangka tidak sistemik dan tidak akan melemahkan kualiti aset keseluruhan secara nyata. Kos kredit dijangka kekal stabil hasil tindakan berterusan bank-bank yang mengamalkan lapisan pengurusan dan amalan peruntukan yang berhemat.
Modal	<ul style="list-style-type: none"> Sistem perbankan kekal mempunyai modal yang mencukupi, dengan nisbah ekuiti biasa tahap 1 ("CET1") sebanyak 14.2% dan jumlah nisbah aset berlawanan risiko sebanyak 17.8%. Bank mendapat manfaat daripada keuntungan penilaian ke atas pegangan bon yang didorong oleh penurunan hasil bon domestik. 	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun perkembangan tarif AS menimbulkan kebimbangan dan ketidakpastian, namun BNM menilai bahawa julat hasil yang berpotensi akan kekal dalam ambang ujian tekanan. 	<ul style="list-style-type: none"> Prospek ekonomi Malaysia kekal kukuh, sekali gus menyokong penjanaan modal dan keuntungan bank. Bagi bank yang menerima pakai garis panduan Pendekatan Standard Basel III ("SA") untuk risiko kredit, keperluan modal yang lebih rendah dijangka akan memberikan peningkatan kepada nisbah modal.

SINGAPURA

Petunjuk Utama	Perkembangan Positif pada 2025	Perkembangan Negatif pada 2025	Prospek
Pertumbuhan Pinjaman dan Deposit	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan mendapat momentum, meningkat kepada 5.0% YoY daripada 4.6% YoY pada 2024. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh pinjaman pengguna yang berkembang 7.5% YoY (2024: 2.9% YoY), disokong oleh permintaan untuk barangan berharga tinggi seperti kereta dan perumahan. Walaupun pertumbuhan deposit menyederhana kepada 6.1% YoY daripada 7.5% YoY pada 2024, baki Akaun Semasa Akaun Simpanan ("CASA") meningkat dengan kukuh sebanyak 11.7% YoY (2024: 9.0% YoY) disebabkan oleh aliran masuk kecairan yang kukuh. 	<ul style="list-style-type: none"> Pinjaman kepada perniagaan menurun kepada 4.0% YoY daripada 5.3% YoY pada tahun 2024. Pinjaman kepada sektor seperti pertanian, perlombongan dan kuari, pembinaan dan pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi menurun, menyumbang kepada kadar pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih perlahan. 	<ul style="list-style-type: none"> Ekonomi Singapura dijangka kekal kukuh, disokong oleh permintaan luaran yang berdaya tahan, walaupun ada sedikit penurunan pertumbuhan berbanding tahun 2025. Sehubungan itu, pertumbuhan pinjaman sistem perbankan pada tahun 2026 diunjurkan menurun kepada sekitar 3.5%-4.0%. Persekitaran kadar faedah yang rendah sepatutnya terus menyokong permintaan pinjaman daripada pengguna dan perniagaan. Pertumbuhan deposit dijangka kekal sihat, disokong oleh aliran masuk kecairan yang berterusan.
Kecairan dan NIM	<ul style="list-style-type: none"> Keadaan kecairan kekal mencukupi dengan disokong oleh aliran masuk yang kukuh dan pertumbuhan deposit yang sihat. Pertumbuhan CASA yang kukuh membolehkan bank menggantikan deposit berkos tinggi dengan baki CASA berkos rendah, sekali gus mengurangkan kesan kadar penanda aras yang lebih rendah. Nisbah pinjaman-berbanding-deposit bukan bank bagi bank-bank perdagangan terus menurun kepada 67.7% daripada 68.4% pada tahun 2024, mencerminkan aliran masuk kecairan yang kukuh. 	<ul style="list-style-type: none"> Purata Kadar Semalaman Singapura ("SORA") bagi 3 bulan jatuh melebihi 180 mata asas pada tahun 2025, didorong oleh gabungan Kadar Dana Persekutuan A.S. ("FFR") yang lebih rendah serta aliran masuk kecairan, antara faktor lain. Keadaan ini memberi tekanan kepada pulangan dan NIM bank. Akibatnya, NIM bank-bank Singapura dianggarkan mengalami pemampatan dua digit pada tahun 2025. 	<ul style="list-style-type: none"> Kecairan bank di Singapura dijangka kekal kukuh pada tahun 2026, disokong oleh aliran masuk yang berterusan. Walaupun NIM berkemungkinan kekal di bawah tekanan, namun pemampatan dijangka berkurangan kepada aras sekitar satu digit. Penurunan kadar penanda aras dijangka kurang teruk berbanding tahun 2025 dan bersama-sama dengan kesan penetapan semula harga deposit yang tertangguh, faktor-faktor ini sepatutnya membantu mengurangkan kesan sebarang pemotongan FFR A.S. selanjutnya.

Petunjuk Utama	Perkembangan Positif pada 2025	Perkembangan Negatif pada 2025	Prospek
Kualiti Aset	<ul style="list-style-type: none"> Kualiti aset di seluruh sistem perbankan kekal kukuh, dengan nisbah pinjaman tidak berbayar ("NPL") sektor menurun kepada 1.1% pada Disember 2025 daripada 1.31% pada akhir 2024. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh prestasi yang lebih baik dalam sektor pinjaman pengguna dan sektor seperti pembuatan, pembangunan dan pembinaan serta perdagangan am. 	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun secara keseluruhannya semakin baik, namun terdapat beberapa peningkatan NPL perniagaan dalam sektor seperti pertanian, perlombongan dan kuari. 	<ul style="list-style-type: none"> Kualiti aset dijangka kekal stabil pada tahun 2026 dalam persekitaran aktiviti ekonomi yang berdaya tahan. Prospek ini disokong oleh usaha bank untuk memperkukuh perlindungan kerugian pinjaman pada tahun 2025, yang secara proaktif meningkatkan perlindungan dan menurunkan nilai cagaran bagi sektor seperti hartanah komersial.
Modal	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan kukuh dalam pendapatan bukan faedah bermodal kecil, ditambah dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan, mengukuhkan kedudukan modal bank-bank Singapura. Dengan tahap permodalan yang kukuh, bank-bank memulakan program untuk memberi ganjaran kepada pelabur melalui pulangan modal yang merangkumi dividen pulangan modal dan pembelian balik saham. 	<ul style="list-style-type: none"> Dengan jangkaan pertumbuhan pinjaman yang sederhana dan pendapatan bukan faedah yang berterusan, penjana modal dijangka kekal sihat. 	<ul style="list-style-type: none"> Keadaan ini sepatutnya menyokong aktiviti pembelian balik saham yang berterusan dan dividen yang lebih tinggi dan/atau dividen pulangan modal daripada bank-bank.


INDONESIA

Petunjuk Utama	Perkembangan Positif pada 2025	Perkembangan Negatif pada 2025	Prospek
Pertumbuhan Pinjaman dan Deposit	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan deposit meningkat kepada sekitar paras dua digit rendah daripada pertumbuhan satu digit pada tahun 2024. Peningkatan ini didorong oleh gabungan suntikan kecairan oleh kerajaan Indonesia dan kadar penanda aras Bank Indonesia ("BI") yang lebih rendah. 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan pinjaman sektor sedikit lebih perlahan pada tahun 2025 berbanding pertumbuhan hampir angka belasan pada tahun 2024. Penurunan ini mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih lemah dan keadaan kecairan yang lebih ketat yang dihadapi oleh bank-bank pada awal tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> Kami menjangkakan pertumbuhan pinjaman akan meningkat pada tahun 2026, disokong oleh program rangsangan kerajaan seperti Koperasi Desa Merah Putih dan Program Makanan Percuma, selain peningkatan dalam permintaan pinjaman korporat. Keadaan kecairan yang semakin pulih sepatutnya akan menyokong pengembangan pinjaman.
Kecairan dan NIM	<ul style="list-style-type: none"> Keadaan kecairan mula pulih pada separuh kedua tahun 2025 apabila beberapa siri pemotongan kadar BI berkuat kuasa. Mengikut anggaran kami, nisbah pinjaman berbanding deposit ("LDR") menurun kepada 90% pada Disember 2025 daripada 94% setahun sebelumnya. Selaras dengan peningkatan kecairan, trend NIM baru-baru ini menunjukkan bahawa tekanan margin mula stabil daripada tahapnya pada awal tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> Bank menghadapi keadaan kecairan yang lebih ketat pada awal tahun 2025, didorong oleh gabungan kadar penanda aras BI yang agak tinggi dan persaingan sengit untuk deposit, terutamanya daripada instrumen pendapatan tetap yang memberikan hasil yang lebih tinggi seperti Sekuriti Rupiah Bank Indonesia ("SRBI"). Akibatnya, NIM bank-bank Indonesia menyusut kepada kira-kira 5.3% pada Disember 2025 daripada 5.5% dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. 	<ul style="list-style-type: none"> Gabungan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan rangsangan kerajaan yang berterusan dijangka akan menyokong pertumbuhan deposit dan menambah baik keadaan kecairan. Apabila kekangan kecairan berkurangan dan kesan kadar penanda aras BI yang lebih rendah sampai kepada kos deposit, kos pendanaan dijangka akan menurun pada tahun 2026 dan memberikan impak positif kepada NIM.
Kualiti Aset	<ul style="list-style-type: none"> Kedudukan NPL dan pinjaman berisiko ("LAR") adalah ketara lebih baik berbanding kedudukan semasa tempoh COVID. Nisbah NPL pinjaman pelaburan meningkat kepada 1.40% daripada 1.48% pada tahun 2024. 	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku sedikit penurunan kualiti aset dalam portfolio tertentu terutamanya dalam segmen PKS dan segmen pengguna berpendapatan rendah. Akibatnya, NPL modal kerja meningkat sedikit kepada 2.64% daripada 2.57% pada tahun 2024, manakala NPL pengguna meningkat kepada 2.37% daripada 1.90% pada tahun 2024. 	<ul style="list-style-type: none"> Kualiti aset dijangka bertambah baik pada tahun 2026, disokong oleh keadaan ekonomi yang stabil dan inisiatif kerajaan yang berterusan untuk merangsang aktiviti ekonomi. Bencana di Sumatera mungkin memberi kesan kepada LAR beberapa bank, terutamanya yang berada di Aceh (seperti Bank Syariah Indonesia), namun risiko sektor sepatutnya masih boleh diurus.
Modal	<ul style="list-style-type: none"> Bank-bank Indonesia kekal mempunyai modal yang baik, disokong oleh nisbah ekuiti biasa tahap 1 ("CET1") dan jumlah modal yang kukuh. Selaras dengan ini, pembayaran dividen terus menunjukkan trend yang lebih tinggi. 		<ul style="list-style-type: none"> Kami menganggarkan pendapatan sektor akan meningkat semula pada tahun 2026 dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit rendah susulan penguncupan yang berlaku pada tahun 2025. Keadaan ini dijangka menyokong pengumpulan modal selanjutnya dan mengekalkan pembayaran dividen di seluruh sektor ini.

Trend Pasaran

RHB memantau dengan teliti trend pasaran utama yang membentuk persekitaran perbankan dan operasi, dengan mengenal pasti implikasinya terhadap strategi, profil risiko dan prestasi jangka panjang. Dengan memanfaatkan pandangan yang tepat pada masanya dan sentiasa peka terhadap perkembangan pelanggan, teknologi, kawal selia dan makroekonomi yang sentiasa berubah, kami bertindak balas secara proaktif untuk mengekalkan daya saing dan memberikan nilai yang dipertingkatkan kepada pemegang taruh.

TREND 1: Pecutan Digital, Inovasi & Transformasi Teknologi

HURAIAN

Inovasi digital berkembang daripada fungsi pemboleh kepada pemacu utama pertumbuhan untuk industri perbankan. Trend yang lebih luas seperti AI generatif, seni bina asli awan dan ekosistem pemacu nilai membentuk semula cara bank menyampaikan perkhidmatan. Perkembangan ini dizahirkan dalam pelan tindakan Kumpulan, meletakkan RHB dalam kedudukan bersedia untuk merebut peluang pertumbuhan yang semakin berkembang melalui transformasi yang dipacu teknologi.

POTENSI IMPAK

- Peningkatan permintaan untuk perkhidmatan kewangan yang inovatif dan sentiasa tersedia.
- Peningkatan keperluan untuk analitik data lanjutan bagi memperkukuh pengurusan risiko, meningkatkan pencegahan penipuan dan melindungi pengalaman pelanggan secara proaktif.
- Peningkatan jangkaan pelanggan terhadap perkhidmatan peribadi pada skala besar, dengan perkhidmatan perbankan semakin ditanda aras berbanding tawaran peribadi daripada platform bukan bank dan gaya hidup.

RISIKO UTAMA

- Penipuan dan scam perbankan yang semakin canggih, termasuk ancaman *deepfake* dan berbantuan AI.
- Risiko hilang kerelevanan dan bahagian pasaran jika inovasi digital tidak memenuhi jangkaan pelanggan dan penanda aras industri.

PELUANG

- Pembelajaran berterusan dan pematangan chatbot AI serta keupayaan dikuasakan AI yang lain akan menyokong pertumbuhan pemacu perniagaan dan kecekapan operasi.
- Memperkukuh kedudukan RHB dalam ekosistem perbankan digital sahaja melalui pelaburan yang besar dalam Boost Bank.

RESPONS

- Memajukan budaya digital-dahulu melalui penyampaian *Agile* yang lebih matang, penubuhan model produk-operasi digital yang disatukan dan kerjasama dengan pemain teknologi kewangan (*fintech*) serta ekosistem platform untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang disepadukan.
- Keupayaan analitik dan AI lanjutan meningkatkan keupayaan kami untuk mengesan risiko baharu muncul, memperibadikan tawaran dan menjangka tingkah laku pelanggan.
- Memperkukuh langkah pencegahan penipuan yang diwajibkan oleh BNM, termasuk pengenalan aplikasi dalam talian yang selamat untuk memperkukuh daya tahan kami terhadap ancaman keselamatan.
- Aplikasi digital Pembiayaan Peribadi layan diri 24/7 kami kini menjanjikan notifikasi Kelulusan Secara Prinsip ("AIP") masa nyata, yang menyumbang 26% kepada jumlah jualan digital pada tahun 2025.
- Mengubah operasi kutipan dengan Penyelesaian AI Suara lanjutan yang membolehkan perbualan dua hala semula jadi dalam bahasa tempatan yang memacu produktiviti dan kecekapan.

Hasil dicapai termasuk:

- Jumlah pengguna digital meningkat lebih 16% pada TK2025, meningkat kepada 3.4 juta daripada 2.9 juta pada TK2024.
- Jumlah transaksi digital meningkat kepada 94.5% pada TK2025 (2024: 92.2%), menunjukkan penerimaan digital yang lebih kukuh dan memperkukuh daya saing Kumpulan dalam landskap digital yang semakin meluas.

Penyelesaian kami mendapat pengiktirafan industri melalui dua anugerah daripada The Digital Banker pada tahun 2025:

- Kecemerlangan dalam Inovasi Digital.
- Perkhidmatan Chatbot Interaktif Cemerlang oleh Bank Runcit.

PROSPEK

Kumpulan akan terus mengutamakan inovasi yang dipacu teknologi, termasuk seni bina awan, pemodenan sistem legasi dan memahami keperluan pelanggan secara lebih mendalam dari perspektif perkhidmatan. Pada masa yang sama, kami menyasarkan untuk menetapkan sasaran yang boleh diukur bagi pembiayaan digital mampan menjelang 2026. Melalui analitik digital, platform dan perkongsian yang dipertingkatkan, kami akan memperkukuh keupayaan untuk memantau metrik kemampanan dan menyediakan penyelesaian digital yang menyokong pelanggan dalam peralihan ke arah operasi yang lebih mampan.

Modal: FC IC HC MC SRC

Perkara Material: DC FI DI CX FC T

Tonggak Strategik: BS

Risiko Utama: OR TCR RNC RR

TREND 2: Cara Kerja dan Jangkaan Pekerja yang Berubah-ubah

HURAIAN

Landskap tenaga kerja mengalami perubahan struktur, didorong oleh peningkatan jangkaan pekerja kerja yang bermakna, fleksibiliti, kerelevanan kemahiran dan kepimpinan inklusif. Penggunaan model kerja digital dan berasaskan AI yang semakin pesat mengubah cara kerja direka bentuk dan dilaksanakan. Pekerja semakin mengutamakan laluan kerjaya yang diperibadikan, kepimpinan yang telus dan persekitaran yang menyokong kesejahteraan sepanjang pelbagai peringkat kehidupan. Sebagai tindak balas, RHB mengembangkan strategi sumber manusianya untuk membina tenaga kerja yang tangkas, bersedia untuk masa depan, berasaskan kemahiran dan disokong oleh reka bentuk kerja yang bermatlamat, keputusan pengurusan bakat yang dipacu data dan budaya tempat kerja yang inklusif.

POTENSI IMPAK

- Meningkatkan persaingan untuk kemahiran khusus dan bersedia untuk masa hadapan, meningkatkan tekanan terhadap tarikan, pembangunan dan pengekalan bakat.
- Jangkaan yang lebih tinggi terhadap fleksibiliti, matlamat dan keterangkuman yang membentuk semula cara kerja diurus, diukur dan dialami.
- Jurang kemahiran yang tidak ditangani berpotensi untuk mengekang produktiviti, inovasi dan daya tahan operasi dalam tempoh sederhana hingga panjang.

RISIKO UTAMA

- Kehilangan pengetahuan institusi dan keupayaan kritikal akibat pengurangan pekerja, terutamanya di peringkat pengurusan kanan.
- Penurunan keberkesanan dan kerjasama tenaga kerja sekiranya amalan kepimpinan, Kepelbagaian, Ekuiti & Rangkuman ("DEI") serta inisiatif pengalaman pekerja tidak selari dengan jangkaan yang sentiasa berubah.
- Berlaku ketidakselarasan antara keupayaan tenaga kerja dan keperluan perniagaan masa hadapan yang akan memberi kesan pada pelaksanaan keutamaan strategik.

PELUANG

- Pembangunan saluran bakat dalaman yang lebih kukuh dan lapisan penggantian, dengan itu mengurangkan pergantungan pada pengambilan pekerja luaran.
- Peningkatan produktiviti dan inovasi melalui penggunaan kemahiran yang bersedia untuk masa depan dan model tenaga kerja yang tangkas.
- Pengukuhan kedudukan RHB sebagai organisasi yang progresif dan inklusif, yang memperkukuh kemampuan bakat jangka panjang.

RESPONS

- Memanfaatkan analitik HR dan pandangan tenaga kerja yang didayakan AI untuk mereka bentuk semula peranan, meningkatkan julat kawalan dan menyokong model kerja yang lebih fleksibel, bermatlamat dan produktif, termasuk pengaturan pekerjaan alternatif.
- Melabur dalam inisiatif peningkatan kemahiran dan kemahiran semula yang berterusan bagi membangunkan tenaga kerja yang dinamik, beralih ke arah pengurusan bakat berasaskan kemahiran yang disokong oleh papan pemuka bakat bersepadu yang meliputi laluan kerjaya yang diperibadikan, mobiliti dalaman dan perancangan penggantian.
- Memperkukuh Cadangan Nilai Pekerja melalui kemajuan kerjaya yang lebih jelas, amalan kepimpinan inklusif dan inisiatif kesejahteraan yang disasarkan untuk memacu penglibatan dan prestasi yang mampan.
- Menggunakan alatan dan rangka kerja tadbir urus berasaskan data untuk meningkatkan akauntabiliti kepimpinan, ketelusan bakat dan pembuatan keputusan tenaga kerja pada skala besar.

PROSPEK

Untuk masa hadapan, RHB percaya jangkaan tenaga kerja akan berkembang, dan hal ini memerlukan tumpuan berterusan terhadap keupayaan kepimpinan, ketangkasan tenaga kerja dan pengurusan bakat berasaskan data. Keutamaan utama termasuk memperkukuh kepimpinan inklusif dan beretika, meningkatkan strategi penglibatan untuk tenaga kerja berbilang generasi, penggunaan AI dan analitik tenaga kerja yang lebih mendalam untuk menjangka keperluan kemahiran dan mengembangkan inisiatif DEI untuk mempercepat perkembangan bakat kepelbagaian serta memperkukuh tingkah laku inklusif di seluruh organisasi.

Modal: **IC** **HC** **SRC**

Perkara Material: **CX** **T** **DO** **EHS**

Tonggak Strategik: **BS**

Risiko Utama: **OR** **RR**

Trend Pasaran

TREND 3: Pengaruh Faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus yang Semakin Meningkat

HURAIAN

Pertimbangan ESG yang semakin penting membentuk semula jangkaan pelanggan dan memacu perubahan ketara di seluruh sektor kewangan. RHB bertindak balas terhadap landskap yang berkembang pesat ini dengan menerapkan pertimbangan ESG ke dalam proses pengurusan risiko, aktiviti perniagaan, strategi dan pembuatan keputusan kami. Dengan berbuat demikian, kami berhasrat untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang mampan dan bertanggungjawab, yang menjana nilai jangka panjang kepada perniagaan dan pelanggan kami, di samping mewujudkan impak positif yang bermakna untuk pemegang taruh kami.

POTENSI IMPAK

- Keperluan kawal selia dipertingkatkan untuk mengintegrasikan aspek berkaitan kelestarian dan iklim ke dalam pengurusan risiko dan aktiviti perniagaan.
- Keperluan yang semakin meningkat untuk penyelesaian kewangan mampan yang inovatif dan bersasar serta penglibatan yang lebih mendalam dengan pelanggan dan komuniti.
- Jangkaan yang semakin tinggi daripada pemegang taruh luaran terhadap pendedahan tentang kelestarian yang kukuh, telus dan boleh dipercayai.

RISIKO UTAMA


- Peningkatan risiko ketidakpatuhan kawal selia akibat daripada keperluan kelestarian dan berkaitan iklim.
- Pengurusan ESG dan risiko iklim yang tidak memadai boleh meningkatkan jenis risiko lain, termasuk risiko kredit dan operasi.
- Pengawasan dan kawalan yang tidak mencukupi terhadap pendedahan kelestarian boleh meningkatkan risiko pencucian hijau.

PELUANG

- Mempamerkan kepimpinan pasaran dengan membangunkan produk dan perkhidmatan kewangan mampan yang inovatif.
- Bekerjasama secara strategik dengan pelanggan untuk menyokong penerapan amalan perniagaan mampan di seluruh rangkaian bekalan.
- Memperluas inisiatif penglibatan komuniti untuk memperkukuh tanggungjawab sosial dan menggalakkan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab.

RESPONS

- Menggerakkan kira-kira RM60 bilion secara kumulatif dalam perkhidmatan kewangan mampan bagi menyokong peralihan ke arah ekonomi yang lebih mampan.
- Membangunkan dan melancarkan Rangka Kerja Kewangan Mampan dan Peralihan untuk memperkukuh tadbir urus dan pengurusan risiko ESG.
- Melancarkan penyelesaian kewangan mampan yang inovatif, termasuk Deposit ESG dan Program Kewangan Perdagangan Mampan.
- Menubuhkan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan, menerapkan pertimbangan risiko berkaitan iklim ke dalam dasar, rangka kerja dan garis panduan yang berkaitan.
- Secara kumulatif memperkasa lebih 1.5 juta penerima manfaat melalui program impak sosial kami, yang menyokong rangkuman kewangan dan daya tahan komuniti.

 Untuk maklumat komprehensif tentang pendekatan keseluruhan kami terhadap pengurusan ESG, sila rujuk Laporan Kelestarian 2025 kami.

PROSPEK

RHB akan meningkatkan perkhidmatan kewangan yang mampan, meluaskan penawaran produk ESG dan mengeratkan hubungan dengan pelanggan untuk menyokong perjalanan peralihan. Pada masa yang sama, kami akan menyahkarbon operasi dan portfolio kami serta memperkukuh integrasi kelestarian dalam aktiviti dan operasi perniagaan kami.

Modal: **FC** **IC** **SRC** **NC**

Perkara Material: **GB** **SF** **CE** **CC** **ES**

Tonggak Strategik: **RP**

Risiko Utama: **SR** **RNC** **CR** **OR** **RR**

TREND 4: Peningkatan Persaingan daripada Teknologi Kewangan (*FinTech*)

HURAIAN

Peningkatan tawaran daripada *fintech* matang memberikan kesan dua hala bagi bank tradisional kerana ia meningkatkan persaingan dan pada masa yang sama menawarkan peluang kerjasama. Ketika kami mengharungi landskap kewangan yang berubah-ubah, keutamaan kami kekal sama – menawarkan penyelesaian yang selamat, relevan dan dipercayai kepada pelanggan selaras dengan pilihan dan aspirasi kewangan mereka yang sentiasa berubah.

POTENSI IMPAK

- Peningkatan persaingan dalam bidang utama seperti perkhidmatan pembayaran.
- Peningkatan jangkaan pelanggan yang didorong oleh pemperibadian dikuasakan AI dan pengalaman pengguna yang lancar, yang meningkatkan standard untuk menyampaikan pembezaan nilai.
- Keperluan lebih besar untuk kerjasama rapat dengan rakan kongsi *fintech* bagi melindungi integriti data dan keselamatan pelanggan dalam ekosistem yang dikongsi.

RISIKO UTAMA

- Pendedahan yang lebih tinggi terhadap privasi data, kecenderungan, pematuhan dan risiko penyalahgunaan yang timbul daripada perkongsian dan platform yang didayakan teknologi.
- Persaingan yang semakin sengit untuk pelanggan generasi digital lebih muda yang berpotensi memberi kesan pada pemerolehan dan pengekalan pelanggan.

PELUANG

- Meluaskan jangkauan dan penglibatan digital terutamanya dalam segmen pelanggan yang lebih muda dan lebih celik digital.
- Memanfaatkan inovasi dan kerjasama dengan *fintech* untuk memperkukuh kedudukan daya saing.

RESPONS

- Meningkatkan komitmen untuk memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti dan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berpusatkan pelanggan.
- Menyedari bahawa kedudukan bank digital adalah berbeza berbanding bank konvensional, maka RHB akan melabur dalam Boost Bank untuk mengukuhkan kewujudannya dalam ekosistem perbankan digital dan untuk memastikan pertumbuhan dalam segmen generasi digital.

PROSPEK

Untuk kekal berdaya saing, kami perlu mengimbangi ketangkasan inovasi *fintech* dengan daya tahan dan kepercayaan yang berkaitan dengan perbankan tradisional. Pada masa yang sama, kami akan melabur dalam analitik, pengautomasian dan keselamatan siber termaju bagi menawarkan pengalaman perbankan yang selamat dan dipacu oleh perkhidmatan yang memenuhi jangkaan pelanggan yang sentiasa berubah sambil mengekalkan keuntungan jangka panjang kami.

Modal: **FC** **IC** **MC** **SRC**

Perkara Material: **DC** **FI** **DI** **CX**

Tonggak Strategik: **BS**

Risiko Utama: **TCR** **OR** **RR**

Trend Pasaran

TREND 5: Mengembangkan Bahagian Pasaran Mudah Alih dan Penerimaan Pembayaran Digital

HURAIAN

Aplikasi perbankan mudah alih berkembang menjadi aset penting yang bukan sahaja berfungsi sebagai saluran untuk perkhidmatan perbankan asas tetapi sebagai platform komunikasi utama, dompet digital, pemacu jualan dan alat penyampaian perkhidmatan. Seiring dengan peningkatan penerimaan digital, RHB berusaha untuk meletakkan platform mudah alihnya di tengah-tengah penglibatan pelanggan di seluruh Malaysia dan di luar negara.

POTENSI IMPAK

- Ancaman keselamatan siber yang semakin meningkat memerlukan peningkatan berterusan langkah-langkah keselamatan untuk melindungi data pelanggan dan mencegah penipuan.
- Keperluan yang semakin meningkat untuk menerapkan pemikiran inovasi digital yang kukuh dan kerjasama rentas fungsi yang lebih erat bagi memastikan pelaksanaan inisiatif digital yang lancar.

RISIKO UTAMA

- Risiko penipuan yang berterusan dan semakin canggih yang berkaitan dengan pembayaran digital dan saluran perbankan mudah alih.
- Risiko pengabaian segmen tertentu masyarakat, termasuk komuniti warga emas, daripada penerimaan digital sekiranya kebolehcapaian dan kebolehgunaan gagal ditangani dengan sempurna.

PELUANG

- Meningkatkan pemahaman kami tentang keperluan aplikasi digital dan mudah alih pelanggan secara berterusan untuk memenuhi jangkaan yang berubah-ubah dalam persekitaran pembayaran domestik dan rentas sempadan.
- Pelaburan dalam analisis data yang terkemuka di pasaran untuk membolehkan pemahaman tentang pembayaran hampir masa nyata, tawaran peribadi dan peluang pendapatan baharu.

RESPONS

- Melancarkan Aplikasi Perbankan Mudah Alih yang diperbaharui pada Jun 2025 yang memenangi anugerah *Best Mobile Banking Initiative* daripada The Digital Banker di Anugerah Inovasi Perbankan Runcit Global.
- Meningkatkan keselamatan aplikasi melalui SecurePlus dengan pengesanan penipuan berbilang aplikasi dan operasi akaun berbilang mata wang yang diperkukuh, termasuk transaksi mata wang asing yang dipertingkatkan dan penukaran mata wang silang.
- Memperkenalkan *widget* perbankan mudah alih boleh suai pertama di Malaysia yang membolehkan pengguna membuat pembayaran dan pemindahan terus daripada skrin utama telefon pintar mereka tanpa melancarkan aplikasi penuh.
- Membolehkan pautan akaun *Single Global Multi-Currency* ("SG-MY") untuk menyokong pengurusan akaun dwi-negara yang menawarkan kemudahan lebih baik bagi pelanggan rentas sempadan.
- Memperkenalkan keupayaan pembayaran QR Rentas Sempadan dalam aplikasi perbankan mudah alih yang memudahkan perjalanan dan pembayaran antarabangsa pelanggan.

PROSPEK

Kumpulan akan meningkatkan ekosistem pembayaran digitalnya dengan memperkukuh rangka kerja transaksi yang selamat, menambah baik pengalaman pengguna dan mengembangkan ciri-ciri produk terutamanya mudah alih. Usaha ini akan menyokong pertumbuhan selanjutnya dalam bahagian pasaran mudah alih serta menggiatkan penglibatan pelanggan dalam pembayaran digital.

Modal: FC IC MC SRC

Perkara Material: DC FI DI CX

Tonggak Strategik: BS

Risiko Utama: TCR OR RR

TREND 6: Peningkatan Keperluan Tadbir Urus, Pematuhan dan Kawal Selia

HURAIAN

Tadbir urus yang kukuh kekal menjadi asas bagi keupayaan Kumpulan untuk beroperasi secara mampan dan bertanggungjawab. Ia menyediakan panduan etika, perundangan dan kawal selia yang membimbing proses membuat keputusan beretika di peringkat Lembaga Pengarah dan pengurusan, menyokong pengurusan risiko dan pematuhan yang berkesan dan memperkukuh pendirian sifar toleransi terhadap rasuah dan korupsi. Secara keseluruhannya, elemen-elemen ini melindungi kepercayaan awam dan menyokong penjana nilai jangka panjang untuk pemegang taruh.

POTENSI IMPAK

- Tadbir urus yang lemah atau tidak berkesan boleh menjejaskan pertumbuhan, reputasi dan daya tahan jangka panjang Kumpulan.
- Peningkatan kemungkinan menghadapi liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 jika tiada kawalan pencegahan dan pengesanan yang mencukupi serta tindakan daya respons.
- Peningkatan jangkaan kawal selia yang memerlukan usaha operasi tambahan, dokumentasi dan pengawasan pematuhan yang dipertingkatkan.

RISIKO UTAMA

- Pengawasan risiko dan keberkesanan tadbir urus yang tidak mencukupi.
- Akauntabiliti dan pengawasan yang tidak mencukupi terhadap inisiatif anti-korupsi di peringkat Lembaga Pengarah dan pengurusan.
- Amalan rasuah atau korupsi yang menyebabkan liabiliti korporat.
- Kekurangan kesedaran tentang peraturan baharu dan pindaan yang menyebabkan pelanggaran peraturan secara tidak disengajakan.
- Risiko operasi, strategik atau pemegang taruh akibat daripada penerapan piawaian dan kawalan etika yang tidak konsisten.

PELUANG

- Menghindari kerosakan kewangan dan reputasi yang timbul daripada sekatan peraturan, litigasi atau prosiding jenayah.
- Memperkukuh kepercayaan dan keyakinan pemegang taruh melalui amalan tadbir urus proaktif dan kepimpinan beretika yang kukuh.

RESPONS

- Mewujudkan Piagam Integriti dan Tadbir Urus untuk memastikan pelaksanaan, pemantauan dan semakan Prinsip T.R.U.S.T. yang berkesan di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dengan pengawasan Lembaga Pengarah untuk mengesan, mencegah dan memerangi rasuah serta korupsi.
- Memperkukuh proses membuat keputusan beretika dan mengekalkan semakan berkala terhadap rangka kerja risiko dan pematuhan untuk memastikan kerelevanan dan keberkesanan yang berterusan.
- Membina budaya integriti yang kukuh melalui bimbingan, komunikasi dan latihan berterusan di seluruh Kumpulan bagi menyokong penjana nilai yang mampan dan kepercayaan pemegang taruh.

PROSPEK

Dalam keadaan jangkaan pengawalseliaan dan pemegang taruh yang berubah-ubah ini, Kumpulan akan memberi penekanan yang lebih tinggi terhadap pemanfaatan pendigitalan dan teknologi untuk meningkatkan tadbir urus, memantau risiko rasuah dan korupsi, dan memperkukuh kawalan anti-rasuah dan korupsi. Pada masa yang sama, kami akan melaksanakan arahan pengurusan atasan, memperkukuh proses bersuara dan mempertingkatkan mekanisme pendedahan maklumat untuk mengekalkan keyakinan pemegang taruh serta mengurus risiko tadbir urus dan pematuhan secara proaktif bagi menyokong kemampan jangka panjang.

Modal: **FC** **IC** **MC** **SRC**

Perkara Material: **GB** **FC** **T**

Tonggak Strategik: **RP**

Risiko Utama: **RNC** **CPR** **OR** **RR**

Trend Pasaran

TREND 7: Keperluan dan Keutamaan Pelanggan yang Berkembang Pesat

HURAIAN

Pelanggan semakin mengharapkan pengalaman perbankan yang lebih bersifat peribadi, penggunaan digital yang lancar dan akses kepada perkhidmatan kewangan yang lebih pantas dan intuitif. Di seluruh Kumpulan, pelanggan semakin mengharapkan penyelesaian khusus melalui khidmat nasihat peribadi dan melalui saluran layan diri digital. Pelanggan komersial dan korporat mahukan pengurusan hubungan yang diperibadikan untuk keperluan pembiayaan yang kompleks, manakala pelanggan runcit dan mewah lebih gemarkan pengalaman perbankan mengikut gaya hidup, segera dan mudah alih. Begitu juga, pelanggan perbankan institusi dan pelaburan mahukan penyelesaian yang lebih canggih dan berpandukan data, struktur pasaran modal yang disesuaikan dan akses pasaran masa nyata untuk mengemudi persekitaran pasaran yang semakin kompleks.

POTENSI IMPAK

- Keperluan pelaburan yang lebih tinggi untuk menyokong platform digital, analitik dan perjalanan pelanggan yang diperibadikan di seluruh segmen perniagaan.
- Peningkatan peluang untuk mengembangkan pendapatan berasaskan yuran melalui perdagangan digital, penyelesaian kekayaan dan perkhidmatan nasihat.
- Peningkatan kepentingan keupayaan pelaksanaan yang berbeza, terutamanya dalam produk pelaburan, penyelesaian berstruktur dan perkhidmatan rentas sempadan.

RISIKO UTAMA

- Pendedahan yang tinggi terhadap keselamatan digital, penipuan dan risiko perlindungan data apabila penglibatan pelanggan menjadi semakin digital.
- Risiko pengekalan pelanggan yang timbul daripada persaingan yang semakin meningkat dan gangguan perkhidmatan.
- Risiko kehilangan kerelevanan jika keupayaan produk, kelajuan pelaksanaan atau pemeribadian tidak mencapai jangkauan pelanggan.
- Ketidaktentuan pasaran dan ketidakpastian geopolitik yang memberi kesan pada tingkah laku pelaburan, aliran urus niaga dan aktiviti rentas sempadan.

PELUANG

- Meningkatkan pengalaman pelanggan dan kecekapan operasi melalui pembolehan digital dan penyelarasan proses.
- Mengurangkan kos perkhidmatan hasil daripada perubahan kepada saluran digital dan platform layan diri.
- Memanfaatkan data untuk penjana nilai dan analitik untuk menyampaikan tawaran dan pandangan hiper-peribadi.
- Memperluas jangkauan serantau dan mengambil peluang rentas sempadan di seluruh ASEAN.
- Membangunkan produk dan penyelesaian nasihat yang disesuaikan untuk memenuhi permintaan daripada pelanggan korporat, institusi dan pelanggan bernilai bersih tinggi.

RESPONS

- Mengguna pakai model perkhidmatan berbilang saluran yang mengintegrasikan platform digital, cawangan dan pusat hubungan untuk memastikan pengalaman pelanggan yang lancar.
- Memajukan platform mudah alih dan digital dengan ciri-ciri seperti penyesuaian digital, eKYC, perkhidmatan perbankan komersial yang cekap kos dan sambungan ekosistem yang dipertingkatkan untuk pembayaran segera.
- Mengembangkan pinjaman korporat dan portfolio sejajar ESG untuk mengukuhkan daya tahan dan menyokong pertumbuhan mampan.
- Memberi keutamaan kepada aktiviti perbendaharaan dan perniagaan rentas sempadan untuk mengembangkan pendapatan bukan faedah.
- Mempercepat pembangunan platform perdagangan digital dengan keupayaan pelaksanaan lanjutan, analitik masa nyata dan amaran pelaburan yang diperibadikan untuk pelabur runcit dan institusi.
- Menstrukturkan secara aktif penyelesaian pembiayaan khas dan khidmat nasihat bagi sektor pertumbuhan tinggi seperti pusat data dan tenaga boleh diperbaharui, termasuk program pembiayaan hijau dan berkaitan kelestarian berskala besar.
- Mentransformasikan liputan pelanggan dan model jualan termasuk menubuhkan pasukan liputan hibrid dan keupayaan serantau yang khusus untuk memenuhi kecanggihan pelanggan dengan lebih baik dan memperdalam penglibatan di seluruh pasaran.

PROSPEK

Kumpulan akan memperkukuh keupayaan digital dan keupayaan yang didorong hubungan untuk menyokong pilihan pelanggan yang semakin berkembang pesat dalam segmen runcit, komersial, korporat dan institusi. Keutamaan kami termasuk memperdalam pemeribadian melalui analitik termaju, meningkatkan infrastruktur perdagangan dan pembayaran digital, memperkukuh sambungan rentas sempadan serta meningkatkan kecekapan dan pematuhan operasi. Melalui usaha ini, kami berhasrat untuk memberikan penyelesaian yang lebih relevan, berdaya tahan dan berpusatkan pelanggan sambil mengekalkan pertumbuhan dan keuntungan jangka panjang.

Modal: **FC** **IC** **HC** **MC** **SRC**

Perkara Material: **DC** **FI** **DI** **CX** **FC**

Tonggak Strategik: **BS**

Risiko Utama: **TCR** **OR** **MR** **RR**

TREND 8: Perkembangan Geopolitik dan Ekonomi

HURAIAN

Ketegangan geopolitik yang berterusan dan keadaan ekonomi yang sentiasa berubah masih lagi memberi kesan ke atas persekitaran operasi global. Perubahan tarif dan peningkatan dasar perlindungan A.S. mengganggu aliran perdagangan global manakala ketegangan A.S.-China yang berpanjangan dan pemecahan geopolitik yang lebih luas berterusan. Di peringkat serantau, ekonomi A.S. yang semakin lemah dan pelarasan Kadar Dana Persekutuan susulan itu berpotensi memberi kesan kepada dinamik pasaran. Pada masa yang sama, perkembangan seperti ketegangan sempadan antara Thailand dan Kemboja menjejaskan pelancongan dan perdagangan, sekali gus meningkatkan ketidakpastian ekonomi di beberapa negara ASEAN.

POTENSI IMPAK

- Keadaan yang tidak menggalakkan untuk sektor berorientasikan eksport, termasuk permintaan luaran dan aliran pesanan yang lebih lemah.
- Pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di seluruh pasaran ASEAN dalam persekitaran ketidakpastian yang meningkat.
- Tekanan berterusan ke atas margin faedah bersih ("NIM") akibat perubahan Kadar Dana Persekutuan A.S.

RISIKO UTAMA

- Penurunan keuntungan akibat daripada pendapatan faedah bersih yang lebih rendah disebabkan oleh pemampatan margin.
- Peruntukan kredit lebih tinggi yang dikaitkan dengan tekanan dalam sektor dan pasaran yang terjejas.
- Peningkatan pendedahan terhadap turun naik kadar faedah dan pertukaran asing.

PELUANG

- Memperkukuh perdagangan intra-ASEAN dan mengeratkan kerjasama ekonomi Malaysia-Singapura.
- Memanfaatkan inisiatif kerajaan dan program sokongan untuk perniagaan yang terjejas oleh tarif dan gangguan perdagangan.
- Mempelbagaikan struktur pembiayaan dan saluran hasil untuk meningkatkan daya tahan.

RESPONS

- Mengembangkan pinjaman korporat dan mengukuhkan portfolio yang sejajar ESG.
- Menggiatkan penglibatan dengan pelanggan yang terjejas dan pemantauan kualiti aset yang lebih teliti dan tindakan penstrukturan semula serta pemulihan proaktif jika perlu.
- Beralih ke arah pendapatan berasaskan yuran untuk mengurangkan tekanan ke atas pendapatan faedah.
- Memperkukuh rangka kerja pengurusan risiko untuk meningkatkan pemantauan risiko pasaran, kredit dan kecairan.
- Mempertingkat keupayaan khidmat nasihat dan sokongan pelanggan termasuk penyediaan penyelesaian lindung nilai dan pengurusan risiko yang tepat pada masanya.
- Mengekalkan penanaman modal dan kecairan yang kukuh untuk memelihara daya tahan kunci kira-kira.

PROSPEK

Walaupun dalam keadaan ketegangan perdagangan yang berterusan dan ketidakpastian berkaitan tarif, permintaan global kekal agak berdaya tahan, terutamanya daripada rakan perdagangan utama. Walau bagaimanapun, risiko geopolitik dan tarif dijangka kekal tinggi dan mungkin akan mempengaruhi aliran pelaburan, sentimen pasaran dan keadaan ekonomi untuk tempoh akan datang.

Modal: **FC** **SRC**

Perkara Material: **GB** **SF**

Tonggak Strategik: **HP** **RP**

Risiko Utama: **CR** **MR** **LR** **IBR** **RR**

Perkara Material

PROSES PENILAIAN MATERIAL

Perkara material kami membentuk asas strategi dan pelaporan kelestarian RHB, membimbing kami dalam menangani risiko dan peluang berkaitan kelestarian dan berkaitan iklim yang paling memberi kesan kepada Kumpulan dan pemegang taruh kami. Dalam hal ini, RHB menggunakan pendekatan strategik dan berpandangan jauh untuk mengenal pasti dan mengutamakan perkara kelestarian material.

Pada tahun 2025, kami mengesahkan bahawa 14 perkara kelestarian material yang dikenal pasti semasa penilaian materialiti 2023 kekal relevan berdasarkan trend kelestarian global, perkembangan kawal selia serta rangka kerja dan piawaian berkaitan kelestarian. Kami mempertingkatkan pendekatan dengan menjalankan penilaian materialiti kewangan, yang hasilnya melengkapi penilaian materialiti impak yang disediakan pada tahun 2023 dan membolehkan Kumpulan mewujudkan matriks materialiti berganda.

Dengan mengintegrasikan pertimbangan materialiti kewangan, kami menilai bagaimana risiko dan peluang berkaitan kelestarian boleh mempengaruhi nilai perusahaan, aliran tunai, akses ke atas modal dan kos modal. Penilaian tersebut mempertimbangkan segmen perniagaan, kawasan geografi utama dan rantaian nilai Kumpulan bagi memastikan keselarasan dengan strategi dan persekitaran operasi Kumpulan.


Pendekatan kami sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") S1 dan Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Kebangsaan ("NSRF") yang memberikan RHB pemahaman yang lebih jelas tentang cara risiko dan peluang berkaitan kelestarian boleh mempengaruhi prestasi kewangan, kedudukan dan daya tahan perniagaan untuk tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang.

Proses Penilaian Materialiti

Pengenalpastian Risiko dan Peluang Berkaitan Kestarian	<ul style="list-style-type: none"> 14 perkara kelestarian material RHB disahkan terhadap rangka kerja dan piawaian berkaitan kelestarian, trend kelestarian global dan keperluan kawal selia tempatan bagi memastikan kerelevanan berterusannya. Perkara kelestarian dipetakan dalam operasi perniagaan dan rantaian nilai RHB untuk mengenal pasti potensi risiko dan peluang kewangan berdasarkan trend global, piawaian industri dan perbandingan setara.
Penilaian dan Keutamaan	<ul style="list-style-type: none"> Pemegang taruh dalaman utama, yang terdiri daripada pemimpin kanan daripada kumpulan perniagaan dan fungsian Kumpulan dilibatkan melalui bengkel penilaian materialiti. Bengkel ini bertujuan untuk menilai dan mengutamakan perkara-perkara kelestarian, dengan mempertimbangkan metrik berikut bagi setiap potensi risiko dan peluang berkaitan kelestarian yang dikenal pasti: <ul style="list-style-type: none"> Magnitud: Diperoleh berdasarkan potensi magnitud impak kewangan kepada RHB (positif atau negatif) dan kaitan strategik dengan model perniagaan RHB. Kemungkinan: Kemungkinan risiko atau peluang berkaitan kelestarian memberi kesan kepada RHB dalam tempoh masa yang berbeza. Bengkel penilaian materialiti menghasilkan matriks materialiti berganda awal tertakluk pada pengesahan oleh Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah.
Pengesahan dan Pengawasan Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none"> Matriks materialiti berganda disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan ("GSC") dan matriks materialiti berganda akhir diluluskan oleh Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah ("BSC").

Matriks Materialiti

Matriks materialiti berganda RHB menyerlahkan keutamaan perkara-perkara kelestarian material RHB berdasarkan kepentingannya kepada Kumpulan dan pemegang taruh kami, yang mencerminkan kedua-dua perspektif impak dan materialiti kewangan.




Untuk maklumat lanjut tentang perkara material kami, sila rujuk bahagian Perkara Material dalam Laporan Kelestarian 2025 kami.

TADBIR URUS PERNIAGAAN YANG BAIK

GB

Mengutamakan tatakelakuan perniagaan yang baik melalui pematuhan peraturan, amalan beretika, tadbir urus yang kukuh, pengurusan risiko proaktif bagi korupsi, penipuan, pengubahan wang haram dan anti-persaingan, serta menangani risiko hak asasi manusia di seluruh rantaian nilai kami.



PERKHIDMATAN KEWANGAN MAMPAN

SF

Menyokong keperluan kelestarian perniagaan dan pelanggan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang mewujudkan impak sosial dan alam sekitar yang positif sambil mengurus ESG dan risiko berkaitan iklim di seluruh perniagaan pinjaman, pembiayaan, pasaran modal, pengurusan kekayaan, pelaburan, pengurusan aset dan insurans kami.



PENDIGITALAN DAN PELABURAN DALAM TEKNOLOGI

DI

Memanfaatkan pelaburan teknologi untuk merebut peluang, mengurangkan risiko, menyampaikan produk inovatif dan memacu penerimaan digital pelanggan.



PERLINDUNGAN DATA DAN KESELAMATAN SIBER

DC

Mengekalkan infrastruktur digital yang selamat, meningkatkan keupayaan keselamatan siber secara berterusan dan melindungi privasi data pelanggan, warga kerja dan pemegang taruh kami.



RANGKUMAN KEWANGAN

FI

Memperkasakan pengguna dengan keupayaan untuk membuat keputusan kewangan yang baik dan mengambil bahagian secara bermakna dalam sistem kewangan dengan menyediakan produk dan penyelesaian yang berpatutan dan inklusif kepada individu dan perniagaan yang kurang mendapat perkhidmatan serta pendidikan literasi kewangan yang sesuai.



PENGALAMAN PELANGGAN

CX

Memberikan perkhidmatan yang cemerlang selaras dengan Piagam Khidmat Pelanggan RHB serta membina kepercayaan pelanggan melalui produk yang kompetitif dan inovatif.



Perkara Material

LAYANAN ADIL TERHADAP PELANGGAN KEWANGAN

FC

Memastikan layanan adil terhadap pelanggan dalam semua interaksi dengan menyediakan maklumat yang tepat, jelas dan mudah difahami tentang produk dan perkhidmatan kami.

Tonggak Strategik:

BS RP

Tonggak Kelestarian:

SRF

Modal:

FC SRC

Pemegang Taruh:

EM CU RE RA

SDGs:



PERUBAHAN IKLIM

CC

Menyokong peralihan pelanggan kami kepada ekonomi rendah karbon dengan menguruskan risiko dan peluang berkaitan iklim, menyokong penyesuaian dan langkah mitigasi iklim dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau ("GHG") operasi sejajar dengan komitmen kami terhadap peneutralan karbon menjelang 2030 dan pelepasan sifar bersih menjelang 2050.

Tonggak Strategik:

HP RP

Tonggak Kelestarian:

ANZ

Modal:

FC MC NC SRC

Pemegang Taruh:

CU SI RE RA
AN FI

SDGs:



RANTAIAN BEKALAN YANG MAMPAN

SC

Menanamkan amalan pemerolehan yang bertanggungjawab, beretika, adil dan telus sambil menggalakkan kemampunan di seluruh rantaian bekalan kami.

Tonggak Strategik:

HP RP

Tonggak Kelestarian:

EGP

Modal:

MC SRC

Pemegang Taruh:

BD CO SS

SDGs:



PENGAWASAN ALAM SEKITAR

ES

Menyokong penggunaan sumber yang bertanggungjawab dan menggalakkan amalan cekap alam sekitar dalam penggunaan bahan, tenaga dan air serta pengurusan sisa untuk meminimumkan impak alam sekitar.

Tonggak Strategik:

RP

Tonggak Kelestarian:

ANZ

Modal:

FC NC SRC

Pemegang Taruh:

EM RA AN

SDGs:



BAKAT

T

Memupuk bakat melalui pembelajaran berterusan, pengurusan yang dioptimumkan dan penglibatan pekerja serta membina budaya berprestasi tinggi yang bersedia untuk masa depan dengan pekerja yang proaktif, inovatif dan berbangga dengan kerja mereka.

Tonggak Strategik: **BS RP** Tonggak Kelestarian: **EGP** Modal: **FC NC SRC**


Pemegang Taruh: **EM AN** SDGs: 

KESIHATAN, KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN PEKERJA

EHS

Mengutamakan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan emosi warga kerja RHB serta menggalakkan keseimbangan kerja-kehidupan untuk meningkatkan penglibatan dan produktiviti secara keseluruhan.

Tonggak Strategik: **BS RP** Tonggak Kelestarian: **EGP** Modal: **FC HC IC SRC**

Pemegang Taruh: **EM AN** SDGs: 

KEPELBAGAIAN DAN PELUANG SAMA RATA

DO

Memupuk tempat kerja yang pelbagai dan inklusif dengan menyediakan peluang sama rata merentasi jantina, umur, etnik, ketidakupayaan dan kewarganegaraan, di samping menerapkan dasar Kepelbagaian, Ekuiti & Rangkuman ("DEI") dalam amalan dan pembuatan keputusan kami.

Tonggak Strategik: **RP** Tonggak Kelestarian: **EGP** Modal: **HC IC SRC**

Pemegang Taruh: **EM RA** SDGs: 

PENGAYAAN DAN PEMERKASAAN KOMUNITI

CE

Mewujudkan impak positif dalam komuniti kami melalui pendidikan, pembangunan ekonomi, kebajikan sosial dan inisiatif pembinaan kapasiti, termasuk program pembangunan kemahiran.

Tonggak Strategik: **RP** Tonggak Kelestarian: **EEC** Modal: **HC SRC**

Pemegang Taruh: **CU CO** SDGs: 

Risiko Utama dan Pengurangan

Pengurusan risiko merupakan proses penting di RHB bagi memacu pertumbuhan mampan, meningkatkan nilai pemegang saham dan melindungi daya saing Kumpulan.

Kami komited sepenuhnya untuk menangani risiko secara proaktif sebagai teras dalam persekitaran operasi Kumpulan. Dalam menghadapi cabaran berkaitan persekitaran ekonomi yang lebih luas, Kumpulan secara konsisten menunjukkan prestasi yang kukuh dan mengekalkan asas risiko yang kukuh. Walaupun ada segmen mungkin mengalami peningkatan pendedahan risiko, namun Kumpulan mengambil langkah untuk memastikan kestabilan operasi. RHB sentiasa menjalankan semakan portfolio yang komprehensif dan ujian tekanan untuk menjangka potensi impak dan melaksanakan tindakan pengurusan risiko yang sesuai.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko kami bertujuan untuk:

Memberikan gambaran menyeluruh tentang landskap risiko dan mekanisme kawalan dalam Kumpulan. Objektif utamanya adalah untuk meminimumkan kerugian dan melindungi Kumpulan daripada potensi kerugian yang mungkin timbul.

Menggariskan sumbangan fungsi pengurusan risiko terhadap proses penjaan nilai. Sumbangan ini terutamanya berpunca daripada kecanggihan amalan pengurusan risiko dan pengkuantifikasian risiko yang lebih baik bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan terlaras risiko.

☑ Untuk maklumat lanjut tentang Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan, sila rujuk Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 182 hingga 191 dalam Laporan ini.

Penyataan Selera Risiko

Fokus utama pernyataan selera risiko Kumpulan adalah pada modal dan pengurusan risiko untuk kemampanan dan peningkatan nilai; seperti berikut:

- Kami akan mengurus modal secara berhemat untuk mengekalkan kedudukan modal yang kukuh bagi memacu pertumbuhan perniagaan yang mampan dan mencari peluang strategik untuk meningkatkan nilai.
- Kami akan memacu pertumbuhan mampan dan nilai pemegang saham melalui pengurusan risiko yang proaktif.

☑ Untuk maklumat lanjut tentang Penyataan Selera Risiko, sila rujuk Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 182 hingga 191 dalam Laporan ini.

Peta Haba Risiko

Risiko Sisa	● Sederhana ● Ketara		
	2023	2024	2025
CR Risiko Kredit	●	●	●
MR Risiko Pasaran	●	●	●
IBR Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan	●	●	●
LR Risiko Kecairan	●	●	●
OR Risiko Operasi	●	●	●
SNC Risiko Ketidapatuhan Syariah	●	●	●
TCR Risiko Teknologi dan Siber	●	●	●
RNC Risiko Ketidapatuhan Kawal Selia	●	●	●
RR Risiko Reputasi	●	●	●
CPR Risiko Korupsi	●	●	●
SR Risiko Kelestarian	●	●	●

Jadual 1: Ringkasan Risiko Utama dalam TK2025

RHB Bank mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko utama yang boleh memberi kesan kepada objektif strategik kami. Peta haba risiko menunjukkan trend risiko sisa Kumpulan bagi semua risiko dengan tindakan pengurangan digariskan di halaman berikutnya. Dengan sentiasa mengemas kini penilaian risiko, kami memastikan penjarangan berterusan dengan keutamaan strategik Kumpulan, selaras dengan tempoh sebelumnya.

Petunjuk

Kesan Risiko



Trend Risiko



Tempoh Masa



CR RISIKO KREDITKesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **ST****HURAIAN**


Risiko kerugian yang timbul akibat kegagalan pelanggan atau rakan niaga memenuhi obligasi kewangan dan kontraktual mereka mengikut terma yang dipersetujui. Ia berpunca terutamanya daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan, pembiayaan perdagangan, penempatan, penajajaminan, pelaburan, lindung nilai dan perdagangan Kumpulan dan Bank daripada transaksi dalam dan luar kunci kira-kira. Risiko Kredit biasanya tidak berlaku bersendirian; ia bergantung pada peristiwa risiko tertentu (cth. turun naik kadar faedah, pertukaran asing) risiko lain mungkin berlaku.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Pengurusan risiko kredit yang berkesan amat penting bagi mengekalkan kestabilan kewangan dan melindungi asas modal Kumpulan. Dengan menilai kelayakan kredit peminjam dalam kitaran ekonomi dan kredit, Kumpulan memastikan bahawa risiko dikenal pasti, diukur dan dikurangkan dengan sewajarnya. Hal ini dicapai melalui penggunaan model pemarkahan kredit, penetapan harga berasaskan risiko yang komprehensif dan perjanjian yang direka untuk melindungi kepentingan Kumpulan.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Melaksanakan kawalan dan parameter kredit yang berkesan dalam rantai nilai kredit, seperti Kriteria Penerimaan Risiko, had kelulusan kredit/sisihan yang luar biasa, penganan perjanjian dan keperluan cagaran.
- Mengguna pakai pelbagai alat amaran awal untuk mengenal pasti segmen atau akaun berisiko tinggi, membolehkan intervensi proaktif, pemantauan yang lebih teliti dan, jika perlu, pelaksanaan strategi akaun untuk portfolio.
- Mengenakan selera/had risiko kredit dan panduan postur risiko untuk memastikan semua kredit yang diberikan kekal dalam selera risiko yang diluluskan oleh Bank.
- Menilai potensi impak risiko portfolio yang baru muncul melalui ujian tekanan dan semakan tematik.
- Melaksanakan inisiatif transformasi kredit menyeluruh untuk melindungi kualiti aset sambil memacu pertumbuhan, termasuk menambah baik kelulusan kredit, masa pusing ganti dan proses kutipan/pemulihan.

PERGERAKAN RISIKO

- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar Kumpulan meningkat sebanyak 5.4% tahun ke tahun kepada RM250.64 bilion, terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan dalam segmen Perbankan Komuniti Kumpulan, Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan dan Singapura.
- Nisbah pinjaman terjejas kasar ("GIL") Kumpulan bertambah baik kepada 1.41% (RM3.54 bilion) pada Disember 2025 daripada 1.47% (RM3.49 bilion) pada Disember 2024 disebabkan oleh penyelesaian pendedahan pelanggan korporat bermasalah serta pengurusan kredit proaktif. Nisbah GIL domestik sebanyak 1.20% pada Disember 2025 adalah lebih baik daripada nisbah industri (1.37% pada Disember 2025).
- Purata wajaran risiko kredit meningkat sebanyak 2.8% tahun ke tahun ("YoY"), sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan pendedahan korporat dengan wajaran risiko lebih tinggi daripada purata.

PELUANG BERKAITAN

- Memperkukuh hubungan dengan pelanggan dan mempelbagaikan portfolio kami untuk menyokong pertumbuhan yang mampan.
- Memanfaatkan pengurusan risiko proaktif untuk mengenal pasti peluang baharu.
- Mengurangkan potensi kerugian dengan memantau industri yang terdedah.
- Meningkatkan kualiti aset melalui strategi kutipan yang dipertingkatkan.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Prestasi kredit yang stabil dalam Portfolio Korporat, Komersial, Luar Negara serta Runcit & PKS. Nisbah GIL meningkat kepada 1.41% bagi Disember 2025. Kos kredit meningkat kepada 13 mata asas (TK2024: 22 mata asas). Kualiti aset yang meningkat di Kemboja dan Thailand masih membimbangkan dan dikurangkan secara berterusan melalui usaha kutipan dan pemulihan. Risiko sektor, seperti sektor yang terjejas oleh tarif A.S., kekal terkawal, disokong oleh peruntukan Jangkaan Kerugian Kredit ("ECL") yang mencukupi untuk mengurangkan risiko penurunan.



PROSPEK

Prospek Malaysia 2026 kekal positif (pertumbuhan eksport TK26F: 9.3%, TK25: 6.5%) disokong oleh pelonggaran risiko tarif, kepelbagaian asas produk dan destinasi eksport, daya tahan berterusan dalam eksport Elektrik dan Elektronik ("E&E") dan peningkatan kejelasan susulan Perjanjian Perdagangan Timbal Balik A.S.-Malaysia. Kadar Dasar Semalaman ("OPR") kekal tidak berubah pada 2.75% pada tahun 2026, dengan risiko penurunan NIM yang terhad. Kumpulan akan mengambil langkah berhati-hati dengan meningkatkan piawaian penajajaminan kredit dan menjalankan semakan berkala terhadap dasar risiko kredit Kumpulan untuk memastikan ia kekal berkesan dalam mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko kredit.

Modal: **FC** Strategi: **BS HP** Pemegang Taruh: **RE CU SI** Perkara Material: **GB SF**

Risiko Utama dan Pengurangan

MR RISIKO PASARAN

Kesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **ST**

HURAIAN

Risiko pasaran ialah risiko kerugian akibat pergerakan tidak menguntungkan dalam pemacu pasaran, seperti kadar faedah/keuntungan, tebaran kredit, harga ekuiti, kadar pertukaran mata wang dan harga komoditi. Berdasarkan definisi ini, risiko pasaran terdiri daripada:

- kadar faedah/keuntungan dan risiko ekuiti yang berkaitan dengan instrumen kewangan dalam buku dagangan; dan
- risiko pertukaran asing dan risiko komoditi dalam buku dagangan dan perbankan.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Pergerakan buruk dalam pemacu pasaran utama boleh menjejaskan penilaian aset, keuntungan dan kedudukan modal Kumpulan secara negatif. Untuk mengurangkan risiko ini, strategi pengurusan risiko yang komprehensif disediakan untuk meminimumkan potensi kesan buruk, melindungi kestabilan kewangan dan mengekalkan prestasi portfolio sesuai dengan selera risiko yang diluluskan oleh Kumpulan.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Memastikan struktur dan proses tadbir urus risiko pasaran yang mantap, dan berkesan, bebas daripada operasi dagangan Kumpulan.
- Menerapkan dasar risiko dan metodologi pengukuran berkesan untuk mengesan potensi turun naik pasaran, memanfaatkan rangka kerja yang ditetapkan bagi meningkatkan pengurusan risiko melalui semakan dan penilaian selera risiko secara berkala, terutamanya sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran yang tidak menggalakkan.
- Memastikan kawalan pengurangan risiko dan selera risiko kami diselaraskan dan sejajar dengan objektif perniagaan jangka pendek dan jangka panjang, dan diperkukuh melalui analisis senario tekanan.
- Memperkukuh pengawasan melalui pelaporan risiko lebih komprehensif dan peningkatan penglibatan dengan jawatankuasa pengurusan risiko peringkat Pengurusan dan peringkat Lembaga Pengarah.


PERGERAKAN RISIKO

Situasi awal penghindaran risiko yang berlaku pada separuh pertama tahun 2025 tidak berpanjangan, dan penunjuk ekonomi global serta keyakinan pelabur bertambah baik menjelang akhir tahun. Pelabur didorong oleh kebimbangan tarif yang semakin berkurangan dan kadar dasar bank pusat lebih rendah, yang sepatutnya menyokong prospek pertumbuhan global jangka sederhana. Rizab Persekutuan A.S. melaksanakan pemotongan kadar kumulatif 75 mata asas pada bulan September, Oktober dan Disember manakala kebanyakan ekonomi ASEAN mengalami persekitaran monetari lebih akomodatif sepanjang tahun. Kami yakin prospek Malaysia adalah positif, disokong oleh momentum kukuh daripada prestasi makroekonomi lebih baik daripada jangkaan pada tahun 2025, dan persekitaran dasar yang menggalakkan dalam Bajet 2026 serta Rancangan Malaysia ke-13.

Walau bagaimanapun, potensi turun naik tidak diketepikan, terutamanya akibat daripada kejutan luaran dan cabaran khusus rantau. Ketegangan geopolitik dan perkembangan politik domestik seperti kesan rusuhan di Indonesia dan ketidakpastian politik di Thailand, yang menyaksikan kerajaan ketiganya dalam tempoh dua tahun dengan prospek pilihan raya mengejut pada tahun 2026, boleh menjejaskan kestabilan serantau dan sentimen pelabur.

Peningkatan RWA Pasaran adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pendedahan risiko kadar faedah untuk MYR yang terhasil daripada peningkatan kedudukan bon dagangan.

RWA Pasaran
(RM juta)



PELUANG BERKAITAN

- Memperkukuh tadbir urus risiko untuk memenuhi piawaian kawal selia yang sentiasa berubah.
- Meningkatkan pengurangan risiko melalui analitik data lanjutan dan pemodelan senario.
- Meningkatkan keupayaan untuk bertindak balas dengan cepat terhadap turun naik pasaran dengan strategi risiko yang tangkas.
- Meningkatkan daya tahan kewangan melalui mempelbagaian dalam pasaran dan kelas aset.



KEPUTUSAN TAHUN 2025

Pada tahun 2025, ekonomi global mengharungi landskap kompleks yang dicirikan oleh pertumbuhan yang lembap, inflasi yang sederhana tetapi berterusan, dan risiko geopolitik yang meningkat. Walaupun harga komoditi secara umumnya menurun, namun harga logam berharga melonjak dalam persekitaran ketidakpastian geopolitik dan turun naik pasaran kewangan. Perniagaan menerima pakai strategi pelaburan konservatif, menekankan daya tahan operasi, transformasi digital dan rangka kerja pengurusan risiko yang dipertingkatkan untuk menangani pengetatan dasar dan gangguan rantaian bekalan. Pasaran kewangan menghadapi pergolakan berselang-seli, sekali gus meningkatkan keperluan bagi kawalan dalaman yang kukuh serta strategi yang fleksibel untuk mengekalkan prestasi dalam persekitaran yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, selaras dengan strategi perniagaan dan selera risiko yang diluluskan oleh Kumpulan, keadaan diuruskan dengan berkesan dalam julat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

PROSPEK

Kami masih optimis dengan prospek untuk tahun 2026. Ekonomi global menunjukkan daya tahan di persekitaran gangguan perdagangan, dengan pasaran ekuiti menunjukkan trend positif sepanjang sebahagian besar tahun 2025. Tekanan inflasi yang sederhana dan harga komoditi yang stabil berkemungkinan akan memberikan bank pusat fleksibiliti untuk menerima pakai dasar akomodatif, jika diperlukan, pada tahun hadapan. Pelonggaran tarif dan penurunan ketegangan geopolitik yang berterusan akan menyokong selera risiko dan keyakinan pasaran. Sebaliknya, ketidakpastian yang berterusan boleh menjejaskan pasaran kewangan dan mempengaruhi sentimen pelabur serta dinamik pasaran keseluruhan.

IBR RISIKO KADAR FAEDAH DALAM BUKU PERBANKAN/RISIKO KADAR PULANGAN DALAM BUKU PERBANKAN

Kesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **ST**

HURAIAN

Risiko kerugian pendapatan dan nilai ekonomi ekuiti disebabkan oleh pergerakan negatif kadar faedah atau penanda aras. Risiko ini timbul akibat ketidakpadanan dalam penetapan semula harga aset dan liabiliti, perubahan cerun dan bentuk lengkung hasil, risiko asas dan pilihan.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Kesan kewangan akibat kegagalan mengurus risiko ini dengan berkesan boleh menghakis margin keuntungan dan mengurangkan nilai kewangan keseluruhan portfolio Kumpulan, manakala kesan reputasi termasuk potensi kehilangan keyakinan orang ramai disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap keperluan kawal selia.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Memantau pendedahan risiko terhadap had risiko Pencetus Tindakan Pengurusan ("MAT") dan Selera Risiko ("RA") kami sambil menjalankan unjuran berkala untuk menilai impak daripada strategi perniagaan baharu atau yang disemak semula.
- Melaksanakan model tingkah laku Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan ("IRRBB") dalam pelaporan risiko dalaman untuk memperbaiki risiko jurang.
- Menjalankan ujian tekanan berkala untuk menilai impak terhadap pendapatan faedah bersih, dan kecukupan modal berikutan pergerakan dalam pelbagai kadar penanda aras faedah.

PERGERAKAN RISIKO

OPR dijangka kekal stabil berikutan pemotongan 25 mata asas pada Julai 2025. Walau bagaimanapun, kami kekal berwaspada terhadap sebarang potensi impak daripada pergerakan dalam Kadar Dana Persekutuan A.S. dan ketegangan geopolitik yang masih berterusan.

Pada September 2025, BNM mengeluarkan Draf Pendedahan IRRBB dan meminta maklum balas industri, bersama dengan penyerahan Kajian Impak Kuantitatif ("QIS") menjelang Januari 2026.

Perubahan dicadangkan bertujuan untuk menyelaraskan keperluan tempatan dengan rangka kerja IRRBB Basel dan dijangka akan menjejaskan aset berwujud risiko ("RWA") Tonggak 2. Pada peringkat ini, masih terlalu awal untuk menentukan impak bersih terhadap industri memandangkan pelaksanaannya dijangka berkuat kuasa dalam tempoh satu tahun selepas pengeluaran Dokumen Dasar (dijangka pada tahun 2027).

PELUANG BERKAITAN

- Mengoptimumkan pendapatan faedah bersih ("Nil") dengan mengurus pendedahan risiko secara aktif melalui pemantauan berterusan dan unjuran ke hadapan.
- Memperkukuh pembuatan keputusan strategik dengan melakukan unjuran secara tetap dalam keadaan pasaran berubah.
- Meningkatkan pengurusan risiko melalui pelaksanaan model tingkah laku IRRBB yang sejajar dengan piawaian Basel dan industri.
- Menilai kecekapan modal dengan memanfaatkan keputusan ujian tekanan bagi menilai daya tahan dan potensi pengoptimuman modal.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Pada tahun 2025, IRRBB RWA dioptimumkan berikutan pelaksanaan model tingkah laku. Kami menilai impak pelbagai senario kejutan kadar faedah ke atas Pendapatan Berisiko dan Nilai Ekonomi Ekuiti untuk menilai potensi kerugian di bawah struktur kunci kira-kira sedia ada Kumpulan.

PROSPEK

Kami menjangkakan BNM akan mengekalkan OPR pada 2.75% pada tahun 2026, disokong oleh tanda-tanda pelonggaran tarif A.S. dan permintaan domestik yang berdaya tahan.

Modal: **FC** Strategi: **HP** Pemegang Taruh: **RE CU SI FI** Perkara Material: **GB SF**

Risiko Utama dan Pengurangan

LR RISIKO KECAIRAN

Kesan Risiko: Trend Risiko: Tempoh Masa: **ST**

HURAIAN

Risiko ketidakupayaan untuk mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi komitmen dan obligasi kewangan apabila tiba masanya dan untuk mengurus niaga pada kos yang munasabah. Risiko kecairan berlaku akibat ketidakupayaan untuk mengurus penurunan atau perubahan sumber pendanaan yang tidak dirancang.


IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Implikasi kewangannya termasuk kos pendanaan yang berlebihan disebabkan oleh kesukaran pendanaan, manakala kesan reputasi melibatkan potensi kehilangan keyakinan orang ramai dan ketidakpatuhan terhadap keperluan kawal selia.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Memantau pendedahan risiko terhadap had risiko yang ditetapkan, termasuk ambang Pencetus Tindakan Pengurusan ("MAT") dan Selera Risiko ("RA") serta Pencetus Krisis Kecairan ("LCT").
- Menjalankan ujian tekanan secara berkala untuk menilai kapasiti pendanaan dalam keadaan buruk dan menilai pilihan pemulihan yang ada.
- Melakukan latihan simulasi krisis kecairan untuk menilai kesedaran dan kewaspadaan unit yang bertanggungjawab bagi memastikan ketersediaan untuk pengurusan yang berkesan serta peningkatan potensi isu kecairan.

PERGERAKAN RISIKO



Kedudukan kecairan Kumpulan kekal sihat pada tahun 2025, dengan Nisbah Perlindungan Kecairan ("LCR") dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih ("NSFR") diuruskan pada tahap sasaran melebihi aras minimum kawal selia 100%. Tiada insiden ketidakupayaan Kumpulan untuk memenuhi obligasi pembiayaannya.

Berikutan pemotongan OPR BNM pada Julai 2025, persaingan untuk CASA kekal tinggi kerana pelanggan cenderung memilih deposit tetap bertempoh pendek. Sebagai tindak balas, Kumpulan kekal tangkas dalam strategi pembiayaan dengan mendapatkan pembiayaan jangka panjang dan lebih stabil pada masa yang sesuai untuk mengurangkan tekanan daripada deposit pelanggan yang lebih tinggi kosnya.

PELUANG BERKAITAN

- Mempelbagaikan sumber pembiayaan untuk mengukuhkan daya tahan kewangan dalam keadaan pasaran yang sentiasa berubah.
- Meningkatkan kecekapan kos melalui gabungan sumber pendanaan dan tempoh pembiayaan yang optimum.
- Mengoptimumkan penampakan kecairan untuk merebut peluang pasaran sambil memenuhi peraturan.
- Mengenal pasti dan memantau potensi kelemahan melalui ujian tekanan dan latihan pendanaan kontingensi.



KEPUTUSAN TAHUN 2025

Pada tahun 2025, kami mewujudkan atau memperbaharui pengeluaran pendanaan jangka panjang, termasuk senior atau sub-hutang untuk mempelbagaikan sumber pendanaan kami pada masa yang sesuai. Di samping itu, kami melaksanakan penjejakan prestasi deposit secara berkala dan membuat semakan segera dalam strategi deposit kami sebagai tindak balas terhadap persaingan pasaran.

PROSPEK

OPR dijangka kekal stabil berikutan pemotongan 25 mata asas pada Julai 2025. Walau bagaimanapun, kami kekal berwaspada terhadap potensi kesan daripada pergerakan Kadar Dana Persekutuan A.S. dan perkembangan geopolitik yang masih berterusan. Secara keseluruhan, kecairan pasaran dalam sistem perbankan Malaysia dijangka kekal sihat.

Modal: **FC** Strategi: **HP** Pemegang Taruh: **RE CU SI FI** Perkara Material: **GB SF**

OR RISIKO OPERASIKesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **ST****HURAIAN**

Risiko operasi merujuk pada potensi kerugian akibat proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal, kesilapan manusia, kerosakan sistem atau peristiwa luaran. Ia merangkumi risiko ketidakpatuhan IT, perundangan dan Syariah, tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi. Kegagalan sedemikian boleh mengganggu operasi, menjejaskan prestasi kewangan dan melemahkan daya tahan perkhidmatan, reputasi jenama dan nilai bersama. Pengurusan risiko operasi yang berkesan memerlukan tadbir urus yang kukuh, tindak balas insiden tepat pada masanya dan penambahbaikan kawalan dalaman berterusan untuk melindungi kestabilan organisasi dan kepercayaan pemegang taruh.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Dengan mengurus risiko operasi secara proaktif, Kumpulan bukan sahaja melindungi diri daripada gangguan kewangan dan perkhidmatan tetapi mewujudkan nilai jangka panjang. Rangka kerja tadbir urus yang diperkukuh, pelaporan yang dipertingkatkan melalui Sistem Perisikan Risiko Bersepadu ("IRIS") dan penggunaan pengautomasian digital meningkatkan kecekapan, daya tahan dan pematuhan kawal selia. Langkah-langkah ini menyokong pembuatan keputusan yang lebih pantas, mengurangkan kelemahan sistemik dan memperkukuh keyakinan pemegang taruh. Akhirnya, pengurusan risiko operasi menjadi pemacu penciptaan nilai yang mampan, mengimbangi kecekapan kos, tanggungjawab alam sekitar dan kepercayaan terhadap kemampuan institusi untuk memberikan prestasi yang konsisten.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Memperkukuh tadbir urus pengurusan perubahan kami, termasuk pelaksanaan penilaian yang lebih ketat dan memperluas ujian kesinambungan perniagaan berkala bagi mengurangkan kebimbangan berkaitan gangguan operasi.
- Melancarkan inisiatif transformasi untuk meningkatkan kesinambungan perniagaan dengan cara memupuk daya tahan perkhidmatan dan operasi yang lebih baik.
- Mewujudkan rangka kerja peningkatan yang mantap untuk mengesan taktik penipuan yang semakin berkembang, kerugian operasi yang ketara, penipuan dalaman dan risiko reputasi bagi memastikan pelaporan yang tepat pada masanya kepada kepimpinan dan pengawal selia.


PERGERAKAN RISIKO

Pada tahun 2025, pengurusan risiko operasi kekal sebagai tumpuan utama sambil Kumpulan mengemudi penelitian kawal selia yang semakin meningkat dan perniagaan yang semakin kompleks. Kami memperkukuh rangka kerja tadbir urus kami dengan penambahbaikan kawalan dalaman, tindak balas yang lebih pantas terhadap insiden penting, proses pengurusan perubahan yang lebih baik dan latihan kesinambungan perniagaan kerap bagi memperkukuh daya tahan terhadap gangguan operasi.

Untuk mengurangkan risiko baru muncul, kami melaksanakan rangka kerja peningkatan mantap untuk kerugian operasi ketara, penipuan dalaman dan risiko reputasi, memastikan pelaporan tepat pada masanya kepada Pengurusan Kanan, Lembaga Pengarah dan pengawal selia. Pendekatan proaktif ini menyokong pembuatan keputusan yang lebih pantas dan lebih bermaklumat sambil memperkukuh pengawasan risiko.

Kami menggerakkan pelaksanaan IRIS yang akan menggantikan Sistem Evolusi Risiko Operasi ("EVO") sedia ada, dengan pelaksanaan penuh semua modul disasarkan pada Suku Pertama 2026. IRIS akan meningkatkan kemampuan pelaporan kami, meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan risiko berkaitan dengan sistem legasi. Di samping itu, penggunaan digital dan pengautomasian kami yang berterusan menyokong kecekapan kos sambil meminimumkan impak terhadap alam sekitar.

Kumpulan menerima pakai metodologi Basel III untuk pengiraan modal risiko operasi kawal selia dan RWA sejak Januari 2025. Peningkatan RWA Operasi sebanyak 10.08% pada tahun 2025 adalah disebabkan oleh perubahan dalam pengiraan RWA daripada Basel 2 kepada Basel 3 dan pemetaan item data yang berkaitan, di mana semua Petunjuk Perniagaan (Komponen Faedah/Keuntungan, Komponen Perkhidmatan, Komponen Kewangan) meningkat berbanding dengan angka dalam Basel 2.

RWA Risiko
(RM juta)**PELUANG BERKAITAN**

- Memperkukuh daya tahan operasi untuk memastikan perkhidmatan yang lancar semasa gangguan.
- Meningkatkan pengesanan penipuan dengan menggunakan analitik lanjutan bagi mengurangkan risiko.
- Memacu kecekapan proses melalui pengautomasian dan penambahbaikan berterusan.
- Meningkatkan tadbir urus untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan.
- Membina ketangkasan dalam pengurusan perubahan untuk memacu penyesuaian pantas terhadap perniagaan dan perubahan peraturan.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Beberapa pencapaian berjaya dicapai sepanjang tahun lalu. Hasil utama termasuklah pembangunan dan pelaksanaan Papan Pemuka Pusat Saraf Operasi yang membolehkan pihak pengurusan memerhatikan petunjuk risiko utama. Di samping itu, melalui pelancaran IRIS, pendigitalan proses risiko dipertingkatkan, integriti data diperkukuh dan kemampuan pelaporan dipertingkatkan. Metrik selera risiko dikaji semula dan diperhalusi bagi mencerminkan trend semasa, ambang kerugian penipuan luaran diselaraskan dan suatu metrik risiko reputasi baharu diperkenalkan pada tahun 2025. Dengan penerapan pendigitalan dan pengukuhan pengawasan secara berterusan, kami kekal berada pada kedudukan yang baik untuk bertindak balas secara berkesan terhadap sebarang risiko yang muncul sambil menyokong penjana nilai mampan untuk pemegang taruh.

Risiko Utama dan Pengurangan

PROSPEK


Pada tahun 2026, pendedahan risiko operasi di seluruh Kumpulan dijangka akan berkembang selaras dengan peningkatan jangkaan kawal selia dan perniagaan yang semakin rumit. Keutamaan utama kami termasuk meningkatkan ketepatan masa peningkatan insiden dan pelaporan untuk memastikan penyelesaian yang lebih cepat dan komunikasi yang lebih berkesan dengan Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah. Kami menasaskan untuk memperkukuh pengawasan Pihak Ketiga melalui pengenalan garis panduan dan proses pengurusan risiko pihak ketiga baharu. Hal ini akan meningkatkan penyeliaan penyedia perkhidmatan luaran dan memastikan kebergantungan kritikal diuruskan dengan berkesan.

Penglibatan dengan pemegang taruh di seluruh Bank akan dijalankan untuk memperkukuh budaya kesedaran risiko yang kukuh. Hal ini termasuk program kesedaran bersasar, latihan dan inisiatif komunikasi untuk memastikan pemilikan risiko dan akauntabiliti diterapkan di setiap peringkat organisasi.

Dengan tumpuan pada keutamaan ini, Kumpulan menasaskan untuk membina rangka kerja pengurusan risiko yang lebih tangkas. Usaha ini bukan sahaja akan melindungi kami daripada ancaman yang baru muncul tetapi meningkatkan keyakinan pemegang taruh, kecekapan operasi dan penjaan nilai jangka panjang.

Modal: **FC** Strategi: **BS HP** Pemegang Taruh: **RE CU SI FI** Perkara Material: **GB SF**

SNC RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Kesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **ST**

HURAIAN

Risiko sekatan kawal selia, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan, termasuk kerosakan reputasi akibat kegagalan mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah ("SAC") badan kawal selia tempatan (seperti SAC BNM untuk operasi Malaysia), standard mengenai perkara Syariah yang dikeluarkan oleh pengawal selia tempatan serta keputusan atau nasihat daripada jawatankuasa/penasihat Syariah yang dilantik oleh entiti RHB yang berkenaan. Risiko sedemikian boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan Kumpulan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan patuh Syariah yang akan menjejaskan kedudukan pasaran dan nilai jenama Kumpulan.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Memastikan pematuhan ketat terhadap prinsip Syariah adalah asas bagi mengekalkan integriti, reputasi dan kepercayaan pemegang taruh jangka panjang Kumpulan. Rangka kerja yang mantap untuk pengurusan risiko Syariah yang berkesan adalah penting untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengawal sebarang potensi risiko ketidakpatuhan terhadap keperluan Syariah dalam operasi, produk dan perkhidmatan. Dengan menerapkan tadbir urus Syariah dan kawalan pematuhan dalam setiap peringkat pembuatan keputusan dan aktiviti perniagaan, Kumpulan memperkukuh komitmennya terhadap tatakelakuan beretika, ketelusan dan akauntabiliti. Pendekatan proaktif ini bukan sahaja melindungi kepentingan pemegang saham, pelanggan dan pengawal selia tetapi meningkatkan kredibiliti Kumpulan sebagai institusi kewangan Islam yang dipercayai yang beroperasi selari dengan nilai teras dan kewajipan agamanya.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Menjalankan latihan dan program kesedaran berterusan mengenai pengurusan risiko Ketidakpatuhan Syariah untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman pekerja. Sesi ini bukan sahaja merangkumi warga kerja RHB Islamic Bank Berhad tetapi tenaga kerja lain yang menyokong perniagaan dan transaksi Syariah dalam RHB Bank Berhad dan RHB Investment Banking Group.
- Menggabungkan pertimbangan risiko ketidakpatuhan Syariah ke dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif transformasi peringkat Kumpulan. Hal ini termasuk memperkukuh budaya risiko kami dan meningkatkan sistem dan teknologi bagi menambah baik pelaporan insiden berkaitan Syariah kepada BNM.
- Membangunkan Kad Skor Risiko Syariah Berwawasan dalam metodologi Pemprofilan Risiko Syariah kami untuk membimbing Jawatankuasa Syariah dalam menilai potensi kesan insiden sebelum menentukan statusnya.

PERGERAKAN RISIKO

Sama seperti rangka kerja kawal selia lain, peraturan berkaitan Syariah mengalami evolusi berterusan seiring dengan dinamik pasaran. Bagi memastikan patahan yang ketat, kami memantau prestasi dengan teliti dan terlibat secara aktif dalam memperkukuh tadbir urus dan pengawasan Syariah kami. Pendekatan proaktif ini memastikan sebarang penemuan ketidakpatuhan ditangani dengan segera, dengan langkah-langkah diambil untuk memastikan ia tidak berulang. Ketika entiti Islam RHB berusaha untuk memberikan nilai yang dipertingkatkan kepada pelanggan Islam, kami mengakui bahawa risiko ketidakpatuhan mungkin akan meningkat seiring dengan pengembangan segmen perniagaan ini, didorong oleh faktor seperti peningkatan kerumitan produk, pertumbuhan perniagaan yang pesat, jangkaan kawal selia yang tinggi, batasan sistem dan proses serta kemungkinan kesilapan manusia dalam persekitaran operasi.

PELUANG BERKAITAN

- Memperkukuh kepimpinan dalam kewangan Islam dengan mengekalkan pematuhan Syariah yang ketat.
- Membina kepercayaan pemegang taruh melalui tadbir urus Syariah yang telus dan pengurusan risiko yang proaktif.
- Memacu inovasi dengan penyelesaian patuh Syariah melalui transformasi digital.
- Meningkatkan kecekapan operasi menggunakan teknologi untuk pemantauan risiko Syariah yang lebih baik.
- Meningkatkan kecekapan tenaga kerja dengan latihan dan program kesedaran Syariah yang berterusan.
- Meneroka sumber pendapatan baharu dengan memasuki pasaran yang ada permintaan yang semakin meningkat untuk kewangan Islam.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Walaupun terdapat tiga peristiwa ketidakpatuhan Syariah sebenar dilaporkan, risiko ketidakpatuhan Syariah kekal stabil, disokong oleh usaha gigih kami untuk mengekalkan budaya pematuhan Syariah yang ketat.

PROSPEK

Mengurus risiko Ketidapatuhan Syariah kekal sebagai keutamaan utama, yang mencerminkan komitmen Kumpulan untuk menegakkan prinsip Syariah di seluruh aktiviti perbankan Islam. Prospek untuk risiko ini dibentuk oleh jangkaan penyeliaan, pertumbuhan perniagaan dan peningkatan kerumitan produk serta perkhidmatan kewangan Islam. Dengan disokong oleh struktur tadbir urus yang kukuh, kami kekal fokus untuk meminimumkan kelemahan pematuhan dan mengekalkan persekitaran kawalan yang mantap.

Untuk mengukuhkan lagi keupayaan kami, kami melabur dalam inisiatif pensisteman untuk meningkatkan proses pengurusan risiko ketidapatuhan Syariah. Inisiatif ini dijangka akan meningkatkan masa pemulihan untuk penilaian insiden ketidapatuhan Syariah dengan menutup jurang proses, mengurangkan intervensi manual dan mengukuhkan konsistensi penilaian. Ia akan membolehkan pembangunan pangkalan data berpusat bagi menyokong latihan ujian tekanan ketidapatuhan Syariah yang ditetapkan serta analitik lain yang diperlukan oleh fungsi kawalan risiko Syariah.

Di peringkat Kumpulan, penggantian sistem dan platform risiko operasi sedia ada dijangka akan meningkatkan pengurusan risiko pematuhan Syariah dari hujung ke hujung melalui penyepaduan ketidapatuhan Syariah ke dalam sistem dan infrastruktur risiko operasi Kumpulan.

Modal: **IC** **HC** **MC** Strategi: **BS** **RP** Pemegang Taruh: **RE** **CU** Perkara Material: **GB** **SF**

TCR RISIKO TEKNOLOGI DAN SIBER

Kesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **ST**

HURAIAN

Risiko Teknologi merujuk pada risiko perniagaan yang berkaitan dengan penggunaan, pemilihan, operasi, penglibatan, pengaruh dan penerimaan Teknologi Maklumat ("IT") dalam Kumpulan. Risiko siber merujuk pada ancaman dan kelemahan yang timbul daripada kesalinghubungan infrastruktur teknologi dalaman ke Internet. Selagi industri perbankan semakin menerima pakai saluran digital untuk penyampaian perkhidmatannya, risiko ini akan wujud dan menjadi signifikan. Kumpulan mengakui kepentingan mengurus risiko siber dan, sebagai sebahagian daripada rangka kerja tadbir urusnya, sentiasa menilai dan menggunakan teknologi keselamatan yang sesuai, mengukuhkan keupayaan pengesanan dan tindak balas, dan memastikan peruntukan sumber mahir yang mencukupi untuk melindungi persekitaran teknologi organisasi dan data pelanggan.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Pengurusan teknologi dan risiko siber yang berkesan mewujudkan nilai dengan memastikan sistem IT dan platform digital beroperasi dengan selamat, boleh dipercayai dan mematuhi peraturan kawal selia. Dengan mengenal pasti dan mengurangkan risiko yang timbul akibat daripada penggunaan, pemilihan dan penyepaduan teknologi secara proaktif – baik secara dalaman mahupun melalui kebergantungan pihak ketiga – Kumpulan melindungi kesinambungan perniagaan, melindungi kepercayaan pelanggan dan mengukuhkan reputasinya. Daya tahan siber yang kukuh membolehkan Kumpulan meneruskan inovasi digital dan kecekapan operasi dengan yakin sambil mengekalkan integriti dan keselamatan aset maklumatnya.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Menjalankan penilaian wajar terhadap pihak ketiga luaran, termasuk rakan kongsi, vendor dan penyedia perkhidmatan untuk memastikan pematuhan berterusan terhadap kedua-dua keperluan dalaman dan peraturan luaran.
- Membangunkan garis panduan untuk teknologi baru muncul, contohnya Kecerdasan Buatan ("AI"), memperkukuh tadbir urus dan menyediakan kawalan bagi penggunaan yang bertanggungjawab dan beretika.
- Melaksanakan secara berterusan Pengesanan & Tindak Balas Lanjutan ("XDR") untuk memperkukuh keupayaan pemantauan dan pengesanan ancaman.
- Memastikan kesihatan sistem dan penggunaan kapasiti yang optimum melalui pemantauan berpusat yang membolehkan pengesanan awal dan langkah pencegahan isu IT yang mungkin timbul.
- Mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Risiko Kecerdasan Buatan Bertanggungjawab & Beretika ("REAIRM") bagi menyediakan prinsip panduan untuk penggunaan AI yang bertanggungjawab.
- Meningkatkan keteguhan pengujian AI dengan mewujudkan templat Strategi Ujian dan menggabungkannya dalam Manual Operasi Pengujian Perisian Kumpulan.
- Meningkatkan daya tahan terhadap pelanggaran data dengan memulakan pelaksanaan penyelesaian sandaran terasing bagi memastikan data kritikal tidak terjejas dan boleh dicapai semula dengan selamat.

Risiko Utama dan Pengurangan

PERGERAKAN RISIKO

Walaupun percepatan penggunaan produk dan perkhidmatan Kumpulan didayakan oleh teknologi awan menyediakan peluang pertumbuhan, pada masa yang sama ia mendedahkan model perniagaan kami yang semakin digital kepada ancaman siber yang semakin meningkat. Ancaman ini termasuk peningkatan kes penipuan yang melibatkan aplikasi berniat jahat yang dikongsi melalui pautan internet, media sosial dan platform pihak ketiga.

Sehubungan dengan itu, Kumpulan menggunakan pendekatan dua serampang: meningkatkan pengesanan penipuan melalui analitik lanjutan, termasuk melalui AI dan pembelajaran mesin, dan meningkatkan kesedaran pelanggan melalui kempen bersasar. Langkah-langkah ini memastikan pengesanan ancaman secara proaktif, melindungi infrastruktur IT dan mengekalkan pematuhan terhadap peraturan dan piawaian privasi data yang sentiasa berubah.

Sementara itu, integrasi teknologi AI yang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini menimbulkan kedua-dua kelebihan strategik dan risiko baharu. Walaupun AI meningkatkan keupayaan pengautomasian, analitik data dan pengesanan ancaman, namun ia menimbulkan cabaran baharu yang berkaitan dengan ketidaktepatan model AI atau 'halusinasi', kebimbangan privasi data, bias algoritma dan penyalahgunaan AI generatif untuk mencipta kandungan yang mengelirukan atau berbahaya. Kesemua perkembangan ini menekankan keperluan untuk tadbir urus yang lebih kukuh, pemantauan berterusan dan kawalan yang dipertingkatkan bagi memastikan penggunaan teknologi digital dan berasaskan AI yang selamat dan bertanggungjawab.

Pada tahun 2025, risiko tertumpu terutamanya pada peningkatan kecanggihan serangan siber yang didayakan AI, dengan menganggap AI sebahagian besarnya sebagai alat yang digunakan oleh pelaku ancaman untuk meningkatkan vektor ancaman tradisional seperti pancingan data, perisian hasad dan ransomware. Menjelang 2026, landskap risiko beralih ke arah cabaran sistemik yang lebih mendalam berkaitan dengan AI itu sendiri, termasuk kebocoran data, penyalahgunaan model, kegagalan tadbir urus dan akibat tidak diingini hasil daripada penggunaan AI yang meluas.

PELUANG BERKAITAN

- Membina keyakinan pelanggan melalui penyelesaian perbankan digital yang selamat dan boleh dipercayai.
- Memacu inovasi melalui penerimgunaan teknologi baharu yang beretika dan bertanggungjawab.
- Meningkatkan daya tahan operasi dengan menerima pakai penyelesaian keselamatan siber yang canggih.
- Memperkukuh pengurusan risiko pihak ketiga melalui proses penelitian wajar yang teliti.
- Meningkatkan daya tahan, kesediaan dan tindak balas Kumpulan terhadap ancaman siber yang canggih dan pelanggaran kehilangan data.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Kumpulan mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi yang dipercayai dan berdaya tahan secara digital, pada sebahagiannya disokong oleh peningkatan penerimgunaan AI yang beretika dan bertanggungjawab, serta memastikan ketelusan, keadilan dan akauntabiliti dalam semua inisiatif yang dipacu AI. Suatu Kumpulan Kerja AI ditubuhkan untuk menyediakan tadbir urus, menangani pertimbangan etika, mengurus risiko dan memastikan keselarian dengan objektif strategik Kumpulan. Selain tadbir urus AI, Kumpulan memperkukuh pengurusan risiko pihak ketiga melalui pengawasan yang dipertingkatkan, proses penilaian wajar ketat dan pemantauan berterusan untuk melindungi Kumpulan daripada teknologi dan ancaman siber yang semakin berkembang pesat. Pada masa yang sama, keupayaan kesediaan dan tindak balas siber Kumpulan dipertingkatkan melalui risikan ancaman secara proaktif, pengesanan canggih dan tindak balas insiden diselaraskan untuk melindungi privasi pelanggan dan memastikan daya tahan operasi. Usaha ini dilengkapi dengan inisiatif untuk memupuk budaya kesedaran dan akauntabiliti siber yang kukuh di seluruh Kumpulan melalui latihan bersasar, simulasi pancingan data berkala dan komunikasi dalaman yang berterusan untuk menggalakkan tingkah laku selamat di seluruh Kumpulan. Kesemua inisiatif ini secara keseluruhannya mencerminkan pendekatan komprehensif Kumpulan untuk memperkukuh kepercayaan digital, daya tahan dan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab.

Kumpulan mengakhiri tahun 2025 dengan postur risiko yang ditakrifkan semula secara menyeluruh. Risiko siber dan teknologi tidak lagi dianggap sebagai peristiwa frekuensi rendah dan berimpak tinggi tetapi sebagai risiko penting yang boleh menjejaskan kewangan Kumpulan serta memerlukan pengawasan berterusan di peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan selaras dengan keperluan kawal selia. Dengan pelancaran RMIIT yang disemak semula pada November 2025, Kumpulan perlu menilai bukan sahaja inovasi dan pertumbuhan, tetapi keupayaan untuk mencegah gangguan teruk, membendung peristiwa siber dan pulih dalam tahap toleransi yang boleh diterima – dengan itu mengesahkan faktor daya tahan teknologi sebagai tonggak penentu kredibiliti kawal selia dan kemampuan institusi jangka panjang.

PROSPEK

Dalam ekonomi yang semakin digital, risiko teknologi dan siber dijangka kekal penting dan akan berkembang seiring dengan kemajuan pesat dalam transformasi digital dan penerimgunaan teknologi baharu seperti AI. Mengimbangi inovasi dengan jangkaan pelanggan adalah penting kerana Kumpulan mesti memastikan kemajuan teknologi tidak mengatasi kematangan persekitaran risiko dan kawalan.

Seiring dengan peningkatan penerimgunaan AI, kami akan memantau risiko khusus AI dengan teliti seperti bias model, integriti data, penggunaan beretika dan peningkatan pendedahan kepada ancaman siber yang canggih. Selaras dengan peningkatan tumpuan BNM terhadap tadbir urus AI dan daya tahan keselamatan siber, Kumpulan akan memastikan akauntabiliti dan ketelusan yang lebih kukuh dalam penggunaan teknologi digital dan pintar.

Dalam perkembangan ini terdapat penekanan berterusan untuk memperkukuh keselamatan siber bagi memerangi penipuan, yang semakin meluas dan rumit. Keadaan ini memerlukan Kumpulan untuk melaksanakan dan mengekalkan sempadan keselamatan yang kukuh yang memupuk kepercayaan sambil kami meningkatkan pengalaman pelanggan dan memacu kesalinghubungan operasi. Kejayaan transformasi digital akhirnya akan bergantung pada keupayaan Kumpulan untuk menjangka dan mengurangkan risiko teknologi dan siber secara proaktif. Hal ini memerlukan pengukuhan berterusan barisan pertahanan, pelaburan berterusan dalam infrastruktur keselamatan siber, di samping peningkatan kemahiran bakat yang diperlukan untuk mengurus ancaman yang muncul, terutamanya yang berkaitan dengan AI dan pengautomasian.

Risiko siber menjadi risiko pelbagai dimensi yang bersilang dengan rantaian bekalan, rangka kerja kawal selia dan tadbir urus. Insiden siber semakin dibentuk oleh kebimbangan kedaulatan teknologi dan kebergantungan pada infrastruktur digital global. Di samping itu, tumpuan beralih kepada kerentanan peringkat ekosistem, terutamanya kebergantungan kepada pihak ketiga, pengkomputeran awan dan rantaian bekalan berbanding kebimbangan sebelumnya yang berkaitan dengan penerimgunaan digital yang pesat.

Pada tahun 2026, tumpuan dijangka beralih daripada kecukupan dasar kepada hasil yang boleh dibuktikan khususnya tentang cara Kumpulan boleh bertahan, menyerap dan pulih daripada peristiwa teknologi dan siber yang teruk tetapi munasabah tanpa menjejaskan kestabilan kewangan atau keyakinan pelanggan. Penipuan yang didorong oleh AI, kegagalan tadbir urus data dan risiko penumpuan yang timbul daripada penyedia perkhidmatan awan dan kritikal berkemungkinan akan mendominasi agenda risiko, memberi tekanan kepada model operasi, struktur kos dan halaju inovasi Kumpulan. Berlatarbelakangkan situasi ini, daya tahan digital akan menjadi faktor pembeza dan bukannya keperluan minimum seperti menerapkan risiko teknologi ke dalam perancangan strategik, pertimbangan modal, dan tadbir urus ekosistem diletakkan pada kedudukan lebih baik untuk mengekalkan kredibiliti kawal selia dan kerelevanan daya saing.

Modal: **FC** **MC** Strategi: **BS** Pemegang Taruh: **RE** **CU** **SI** Perkara Material: **GB** **DC** **SF** **DI**

RNC RISIKO KETIDAKPATUHAN KAWAL SELIA

Kesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **MT**

HURAIAN

Pematuhan kawal selia melibatkan pematuhan kepada undang-undang, peraturan, piawaian dan jangkaan kawal selia direka untuk memenuhi keperluan kawal selia perbankan, kewangan dan anti-pengubahan wang haram bagi memastikan keselamatan, integriti dan ketelusan sesebuah institusi kewangan. Pematuhan Kumpulan kekal fokus dalam memacu fungsi pematuhan yang mantap melalui inovasi berterusan untuk menyokong objektif perniagaan dan pengurusan pematuhan yang berkesan. Hal ini dicapai melalui inovasi, menyokong daya tahan perniagaan, jaminan, menerapkan budaya pematuhan, membina tenaga kerja pematuhan yang mahir dan kecemerlangan operasi jenayah kewangan.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Risiko sekatan kawal selia yang timbul daripada ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, piawaian dan keperluan kawal selia (termasuk sebarang keputusan Majlis Penasihat Syariah) berkaitan dengan aktiviti institusi kewangan dalam semua bidang kuasa di mana institusi kewangan atau mana-mana cawangan atau anak syarikatnya menjalankan aktiviti boleh mengakibatkan institusi kewangan tersebut mengalami kerugian kewangan atau kerosakan reputasi. Kegagalan untuk mematuhi piawaian perundangan, kawal selia atau industri dalam mana-mana bidang kuasa boleh mendedahkan Kumpulan pada penalti kewangan, kerosakan reputasi atau pembatalan lesen operasi. Risiko ini boleh mengganggu operasi, menghakis kepercayaan awam dan menjejaskan keupayaan Kumpulan untuk memenuhi obligasinya dengan berkesan.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Memperkukuh ekosistem pematuhan melalui pelbagai projek termasuk peningkatan pendigitalan proses melalui pelaksanaan serantau Program Peningkatan AML/CFT RHB ("RACE"), peningkatan Penyata Selera Risiko AML/CFT ("RAS"), aplikasi analitik data, kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin, sistem notis pertukaran asing ("FEN"), pelaporan FATCA/CRS dan penilaian risiko pematuhan berterusan ("CRA").
- Mengemas kini dasar, pekeliling dan garis panduan RHB untuk menyelaraskan proses operasi dan perniagaan dengan piawaian kawal selia.
- Menggunakan analitik data untuk menyokong aktiviti pemantauan/semakan berasaskan data, sambil menjalankan semakan, penilaian dan pemantauan pematuhan secara berterusan.
- Menyediakan sumber pematuhan yang boleh dipercayai dan mudah diakses secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran kakitangan.

Risiko Utama dan Pengurangan

PERGERAKAN RISIKO

Landskap kawal selia berkembang pesat dengan peningkatan keperluan untuk keselamatan siber dan pematuhan ESG, didorong oleh transformasi digital dan penekanan yang semakin meningkat terhadap pembiayaan mampan. Apabila pendigitalan diterapkan merentasi model dan operasi perniagaan, peningkatan mandat untuk menilai sistem teknologi kritikal mencerminkan tumpuan yang semakin meningkat untuk memperkukuh daya tahan digital terhadap ancaman siber yang semakin meningkat dan gangguan operasi.

Perkembangan ini memerlukan tadbir urus yang kukuh merentasi tiga barisan pertahanan bagi memastikan penajaran dengan piawaian dan kesediaan untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran pematuhan yang kompleks.

PELUANG BERKAITAN

- Memperkukuh keyakinan pasaran melalui rangka kerja pematuhan yang mantap dan pemantauan digital.
- Meningkatkan kecekapan operasi dengan mendigitalkan proses pematuhan dan memanfaatkan pemantauan masa nyata.
- Memperoleh kelebihan daya saing melalui amalan pematuhan yang kukuh dalam pasaran dan produk baharu.
- Meningkatkan kebolehsuaian melalui kemas kini dasar dan semakan pematuhan yang kerap.
- Membina kepercayaan pelanggan melalui pelaporan telus dan pematuhan terhadap piawaian kawal selia.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Pada tahun 2025, Pematuhan Kumpulan memperkukuh ekosistem pematuhan, meningkatkan daya tahan perniagaan dan mengoptimumkan lagi struktur tadbir urus pematuhan dengan mengintegrasikan analitik data, inovasi digital dan keutamaan ESG. Kumpulan kekal komited untuk memperkukuh pengurusan risiko pematuhan di semua barisan pertahanan dan memupuk budaya pematuhan yang kukuh melalui program latihan, bengkel dan forum yang berterusan. Usaha digiatkan untuk memperkukuh kecekapan kakitangan barisan hadapan dan Pegawai Pematuhan Risiko Perniagaan ("BRCO").

PROSPEK

Bagi menyokong matlamat jangka panjang Kumpulan, Pematuhan Kumpulan komited terhadap beberapa keutamaan utama termasuk menjadi peneraju dalam memacu inovasi dalam pematuhan dan membentuk perbincangan industri mengenai peraturan dan dasar. Kami berhasrat untuk mengoptimumkan struktur tadbir urus pematuhan bagi menyokong aspirasi strategik Kumpulan dengan lebih baik sambil memperkukuh keyakinan pemegang taruh terhadap Pematuhan Kumpulan. Kami akan mewujudkan pendekatan holistik dan berwawasan untuk mengkaji semula risiko pematuhan peraturan, menjalankan usaha untuk menerapkan budaya pematuhan yang mantap di seluruh organisasi, dan menumpukan usaha untuk menarik dan membangunkan bakat pematuhan yang sedia untuk masa hadapan. Keutamaan utama ini secara kolektif bertujuan untuk meluaskan liputan dan pengawasan secara menyeluruh dalam keadaan ekosistem jenayah kewangan yang semakin cekap.

Modal: **IC** **HC** **MC** Strategi: **RP** Pemegang Taruh: **RE** **CU** Perkara Material: **GB** **SF**

RR RISIKO REPUTASI

Kesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **ST**

HURAIAN

Risiko reputasi ditakrifkan sebagai risiko akibat publisiti negatif mengenai tingkah laku Kumpulan atau mana-mana entiti dalam Kumpulan, serta amalan perniagaan atau rakan niaganya, sama ada benar atau tidak, yang menjejaskan pendapatan, operasi atau pangkalan pelanggannya, atau memerlukan kos litigasi yang mahal atau langkah pertahanan lain. Risiko ini menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap Kumpulan dan hal ini akan menjejaskan harga sahamnya.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Risiko ini boleh menjejaskan pendapatan, operasi, kepercayaan pelanggan dan keyakinan pasaran, yang boleh menyebabkan kerugian kewangan, penurunan harga saham atau langkah pengurangan risiko yang mahal. Tadbir urus yang mantap dan penglibatan pemegang taruh yang proaktif adalah penting untuk melindungi reputasi Kumpulan dan mengekalkan keyakinan orang ramai.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Mengutamakan tadbir urus korporat yang kukuh dan memupuk budaya integriti di seluruh Kumpulan.
- Mengekalkan toleransi risiko yang rendah, dengan toleransi sifar untuk peristiwa yang boleh menjejaskan reputasi Kumpulan.
- Melaksanakan strategi pengurusan risiko yang berkesan termasuk memupuk "modal reputasi" dan memupuk muhibah dalam kalangan pemegang taruh penting.
- Mewujudkan mekanisme yang ketat untuk segera mengesan dan menangani sebarang pelanggaran ketara dalam pematuhan peraturan atau perkara yang boleh menimbulkan risiko reputasi.
- Memanfaatkan proses sedia ada untuk memantau dan bertindak balas dengan pantas terhadap sebarang peristiwa yang berpotensi menjejaskan reputasi kami sekiranya keadaan bertambah buruk.

PERGERAKAN RISIKO

Kemungkinan dan kesan risiko reputasi dipengaruhi oleh pelbagai pemicu risiko yang menyebabkannya, oleh itu mungkin berubah-ubah apabila keadaan berubah. Bagi menangani perkara ini, Kumpulan mengekalkan Dasar Pengurusan Risiko Reputasi yang merangkumi komponen penting seperti kod tatakelakuan, amalan tadbir urus, strategi pengurusan risiko, dasar, prosedur dan garis panduan latihan. Menyedari kesan penting yang boleh diakibatkan oleh risiko reputasi terhadap penjana nilai, Dasar ini memberi penekanan yang kuat terhadap tadbir urus korporat yang kukuh dan mengekalkan budaya integriti dan kepercayaan di seluruh Kumpulan.

PELUANG BERKAITAN

- Memperkukuh reputasi jenama dengan menggalakkan integriti dan tadbir urus korporat yang mantap.
- Memupuk keyakinan pemegang taruh melalui rangka kerja pengurusan risiko yang berkesan, komunikasi yang jelas dan penyelesaian isu yang segera.
- Meningkatkan kesediaan dan daya tahan menghadapi krisis dengan membangunkan strategi pengurangan risiko yang proaktif untuk melindungi dan memulihkan reputasi.
- Memperkukuh hubungan kawal selia dengan mengekalkan piawaian pematuhan yang ketat dan mengamalkan tadbir urus risiko yang kukuh.

KEPUTUSAN TAHUN 2025



Pada tahun ini, Kumpulan mengalami beberapa insiden gangguan sistem yang mengakibatkan gangguan perkhidmatan dan aduan pelanggan. Sebagai tindak balas, unit perniagaan dan fungsi sokongan bekerjasama rapat untuk menambah baik masa tindak balas terhadap insiden dan meningkatkan pengalaman pelanggan. Usaha-usaha ini membawa kepada peningkatan ketara dalam kebolehpercayaan sistem pada separuh kedua tahun 2025.

PROSPEK

Kami akan memantau dan mengurangkan pelbagai jenis risiko, dan kekal fokus untuk menyampaikan usaha pengurusan risiko proaktif dengan cara yang jelas dan tepat pada masanya untuk mengekalkan keyakinan pemegang taruh dan melindungi daripada risiko reputasi. Usaha yang lalu membolehkan kami mengukuhkan reputasi RHB sebagai rakan kongsi perbankan komuniti yang dipercayai. Bagi memperkukuh kedudukan positif ini, kami akan berwaspada untuk mencegah dan menangani sebarang risiko reputasi yang berpotensi berlaku di seluruh landskap perniagaan.

Modal: **FC** **SRC** Strategi: **BS** **RP** Pemegang Taruh: **RE** **CU** **SI** **AN** **ME** Perkara Material: **GB** **SF** **FC**

CPR RISIKO KORUPSI

Kesan Risiko:  Trend Risiko:  Tempoh Masa: **MT**

HURAIAN

Risiko yang dihadapi oleh Kumpulan sekiranya pengarah, pegawai, pekerja, ejen atau rakan kongsi perniagaan lain RHB terlibat dalam perbuatan rasuah atau korupsi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan atau tanpa pengetahuan dan persetujuan/kebenaran, untuk mendapatkan, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan atau kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Perbuatan ini dilarang oleh Kumpulan kerana ia melanggar undang-undang dan kod etika serta dasar dan prosedurnya.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Perbuatan seperti ini boleh merosakkan kepercayaan orang ramai, menjejaskan hubungan perniagaan dan mengakibatkan denda kawal selia, penalti undang-undang serta kerosakan reputasi. Tadbir urus kukuh dan amalan perniagaan beretika adalah penting untuk mengurangkan risiko ini dan mengekalkan keyakinan pemegang taruh.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Kumpulan menyelaraskan program antirasuah dan antikorupsinya agar selaras dengan Garis Panduan Kementerian tentang Prosedur yang Mencukupi yang dipandu oleh Prinsip T.R.U.S.T.
- Menyemak dan memantau inisiatif dan sasaran utama Pelan Antikorupsi Organisasi Kumpulan ("OACP") 2022-2026 yang berfungsi sebagai pelan tindakan untuk menangani sebarang kelemahan dan jurang penting yang dikenal pasti dalam kawalan dalaman sedia ada Kumpulan.
- Memasukkan klausa anti-rasuah dan antikorupsi dalam perjanjian dan kontrak baharu.
- Melaksanakan penilaian risiko korupsi melalui Penilaian Risiko Material ("MRA") separuh tahunan dan Penilaian Kendiri Risiko & Kawalan ("RCSA") tahunan untuk mengenal pasti dan mengurus bidang berisiko tinggi serta memastikan kecukupan kawalan.

PERGERAKAN RISIKO

Skor Indeks Persepsi Rasuah ("CPI") Malaysia sebanyak 50 pada tahun 2023 dan 2024 menunjukkan bahawa rasuah kekal menjadi kebimbangan berterusan, terutamanya dalam bidang seperti operasi perniagaan dan perolehan. Sebagai sebuah institusi kewangan, kami menyedari risiko bahawa produk dan perkhidmatan kami boleh disalahgunakan oleh penjenayah atau pelanggan berisiko tinggi yang ingin mendapatkan akses tidak wajar kepada kemudahan perbankan. Ini mungkin termasuk percubaan untuk mempengaruhi pegawai melalui rasuah untuk memintas kawalan dalaman, mendapatkan layanan istimewa atau mendapatkan kemudahan secara haram dan seterusnya menyalahgunakan sistem kewangan untuk mengubah wang hasil daripada aktiviti haram.

Risiko Utama dan Pengurangan

PELUANG BERKAITAN

- Meningkatkan kepercayaan dan reputasi pasaran melalui langkah antikorupsi yang kukuh, memperkukuh keyakinan awam dan nilai jenama.
- Memperkukuh perkongsian perniagaan dengan memupuk hubungan telus dengan pelanggan, pelabur dan pengawal selia, yang akan menyokong pertumbuhan jangka panjang.
- Meningkatkan kecekapan operasi dengan mengenal pasti dan menangani kelemahan melalui penilaian risiko yang kerap dan mempertingkatkan kawalan dalaman.
- Meningkatkan kelebihan daya saing sebagai rakan kongsi perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab dengan mengekalkan pendirian toleransi sifar terhadap rasuah dan memanfaatkan reputasi kukuh untuk berkembang dalam pasaran baru muncul yang baharu.
- Mengurangkan risiko perundangan dan kewangan melalui pemantauan proaktif dan pematuhan ketat terhadap undang-undang anti-rasuah, melindungi Kumpulan daripada penalti dan kerugian.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Kumpulan menganggap risiko Liabiliti Korporat sebagai material dan mengekalkan toleransi sifar terhadap sebarang amalan korupsi, termasuk rasuah, sogokan atau duit kopi. Pada tahun ini, Penilaian Risiko Material dikaji semula dan dicabar secara berkala untuk mengenal pasti dan menangani risiko yang baru muncul. Tumpuan kami kekal teguh pada pencegahan, pengesanan dan tindak balas terhadap amalan korupsi dan rasuah, disokong oleh tadbir urus yang kukuh, proses penilaian wajar mantap, kesedaran dan latihan anti-rasuah dan korupsi berterusan, serta komunikasi dan promosi berterusan tentang saluran pendedahan khusus Kumpulan untuk memperkukuh budaya tempat kerja yang beretika.

PROSPEK

Kami kekal komited untuk mengekalkan persekitaran bebas rasuah di seluruh operasi perniagaan kami. Usaha yang bermula daripada pihak pengurusan teratas ini kukuh dan diperkukuh melalui OACP 2022–2026 Kumpulan. Untuk masa hadapan, kami akan memperuntukkan sumber yang mencukupi untuk memastikan amalan perniagaan kami mematuhi dasar, garis panduan, undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah dan korupsi yang berkenaan. Kami akan memperkukuh penerapan Nilai P.R.I.D.E dan Prinsip T.R.U.S.T di seluruh Kumpulan, dengan menerapkan integriti dan ketelusan sebagai keutamaan dalam tingkah laku dan proses membuat keputusan seharian kami.

Modal: **FC** **SRC**


Strategi: **RP**

Pemegang Taruh: **RE** **CU** **SI** **AN** **ME**

Perkara Material: **GB** **SF** **EHS**

SR RISIKO KELESTARIAN

Kesan Risiko: 

Trend Risiko: 

Tempoh Masa: **MT**

HURAIAN

Risiko Kelestarian ditakrifkan sebagai risiko Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") yang timbul daripada operasi sendiri atau melalui operasi pelanggan, klien atau penerima pelaburan. Jika dibiarkan tidak terurus, risiko ini boleh memberi impak negatif kepada perniagaan dan operasi Kumpulan serta imej reputasi.

IMPLIKASI BAGI PENJANAAN NILAI

Pengurusan risiko kelestarian yang mantap melalui rangka kerja ESG yang kukuh memastikan daya tahan, pematuhan dan kepercayaan pemegang taruh yang berterusan. Di samping itu, ia membolehkan RHB menyediakan perkhidmatan kewangan mampan yang komprehensif kepada pelanggan kami untuk menyokong peralihan rendah karbon mereka.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- Mewujudkan struktur tadbir urus kelestarian yang mantap, serta Strategi dan Peta Hala Tuju Kelestarian, berserta dasar dan garis panduan dalaman yang jelas, serta proses pengurusan risiko ESG komprehensif yang mengintegrasikan pertimbangan risiko berkaitan iklim bagi meningkatkan daya tahan organisasi dan memastikan pengurusan risiko kelestarian yang kukuh.
- Menubuhkan tonggak Kelestarian Kumpulan khusus yang melapor kepada Pengarah Urusan Kumpulan untuk memperkukuh komitmen Kumpulan terhadap kelestarian, dan mempertingkatkan tadbir urus kelestarian dengan melantik Ketua Pengurusan Strategik dan Tadbir Urus Kelestarian Kumpulan dan Ketua Kewangan Mampan.
- Mengambil kira keperluan Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario ("CRMSA") BNM serta pertimbangan Prinsip dan Taksonomi Perubahan Iklim ("CCPT") BNM ke dalam proses pengurusan risiko ESG kami.
- Membangunkan Komitmen dan Strategi Sifar Bersih Menjelang 2050, pendirian Kumpulan mengenai tiada arang batu baharu dan Dasar NDPE, Kredit Terlarang, buku panduan sektor untuk 5 sektor berimpak tinggi, kalkulator pelepasan pembiayaan dipermudah, serta Rangka Kerja dan Garis Panduan Kewangan Mampan dan Peralihan. Kesemua ini secara kolektifnya memacu portfolio Bank ke arah penyahkarbonan sambil memperkukuh pengurusan kelestarian dan risiko berkaitan iklim kami.
- Melaksanakan metrik selera risiko iklim sejak 2023, yang dipantau dan dilaporkan setiap bulan kepada Jawatankuasa Modal & Risiko Kumpulan, Jawatankuasa Risiko Lembaga dan Lembaga Pengarah, sebagai sebahagian daripada Laporan Risiko Kumpulan.
- Melaksanakan mekanisme pengawasan dan kawalan yang mantap melalui papan pemuka risiko iklim sejak 2023 untuk memastikan pemantauan sistematik terhadap risiko berkaitan iklim, membolehkan pengesanan dan pengurusan yang berkesan di seluruh aktiviti penajajaminan, pelaburan dan operasi.
- Meneruskan perjalanan Kumpulan ke arah pematuhan Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Negara ("NSRF") dan penerimgunaan piawaian IFRS S1 dan S2 bagi memastikan pendedahan kelestarian kami kekal kukuh dan telus.

PERGERAKAN RISIKO

Walaupun trend ini masih sama, namun Kumpulan akan meletakkan risiko kelestarian sebagai keutamaan yang tinggi, memandangkan risiko ini sentiasa berubah dengan pantas. Hal ini termasuk perkembangan baharu dalam bidang seperti perubahan iklim dan penyahkarbonan, kewangan mampan dan peralihan, hak buruh dan manusia, bencana alam, rantaian bekalan mampan dan perubahan peraturan.

Pergerakan dalam risiko kelestarian akan didorong oleh peningkatan jangkaan pemegang taruh dan keperluan kawal selia untuk institusi kewangan mengintegrasikan pertimbangan kelestarian ke dalam aktiviti dan operasi perniagaan mereka, yang boleh mewujudkan implikasi yang berpotensi dari sudut reputasi, perundangan dan pematuhan. Pemacu alam sekitar, seperti perubahan iklim dan degradasi ekosistem, menimbulkan cabaran yang semakin meningkat kepada perniagaan dalam persekitaran fizikal mereka, sekali gus meningkatkan risiko. Atas sebab-sebab ini, Kumpulan akan memperkukuh tadbir urus, rangka kerja, dasar dan garis panduan kelestarian kami untuk memastikan pengurusan risiko berkaitan kelestarian yang mantap dan komprehensif.

PELUANG BERKAITAN

- Memacu pertumbuhan perniagaan dengan menyokong peralihan rendah karbon dan mampan pelanggan yang memanfaatkan peluang daripada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan ("NETR") serta projek dan inisiatif negara berkaitan kelestarian yang lain.
- Memperkukuh reputasi dan memastikan pematuhan melalui rangka kerja, dasar dan komitmen berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") yang jelas.
- Meningkatkan pengurusan risiko dengan mengintegrasikan risiko dan impak berkaitan iklim di seluruh Kumpulan.
- Meningkatkan keupayaan dan kepakaran dalaman melalui program dan inisiatif latihan kemampanan bersasar yang bertujuan untuk menambah baik amalan kami dan memacu penjimatan kos.

KEPUTUSAN TAHUN 2025

Kumpulan membuat beberapa pencapaian besar pada tahun 2025. Penggerakan Perkhidmatan Kewangan Lestari melepasi sasaran tahunan TK2025 sebanyak RM15.6 bilion, mencerminkan momentum yang kukuh dalam memajukan pembiayaan mampan. Pelancaran Rangka Kerja Kewangan Lestari dan Peralihan ("STFF") mengukuhkan lagi penggerakkan kewangan mampan sambil meningkatkan pengurusan risiko berkaitan kemampan kami. Kumpulan menunjukkan kemajuan dalam usaha penyahkarbonan, memperkukuh komitmen kami untuk Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050.

PROSPEK

Memandangkan ada keperluan mendesak untuk mencapai matlamat pembangunan mampan dan selaras dengan cadangan Perjanjian Paris, maka pengurusan risiko kelestarian dan berkaitan iklim kekal sebagai keutamaan utama bagi Kumpulan. Kami memajukan Kelestarian dan pengurusan risiko iklim selaras dengan PROGRESS27, iaitu strategi korporat tiga tahun baharu kami yang menerapkan kelestarian sebagai keutamaan strategik teras. Usaha kami dipandu oleh Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, yang disokong oleh empat tonggak iaitu Kewangan Mampan dan Bertanggungjawab, Komitmen Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050, Penerapan Amalan Baik dan Memperkaya serta Memperkasa Komuniti. Rangka kerja ini mengintegrasikan amalan mampan di seluruh aktiviti perniagaan, operasi dan proses membuat keputusan kami, dan memainkan peranan penting dalam menyokong nilai jangka panjang Kumpulan serta pemegang taruh utama kami.

[🔗 Untuk maklumat terperinci tentang usaha kelestarian di seluruh Kumpulan, sila rujuk Laporan Kelestarian 2025 kami.](#)

Modal: **FC** **HC** **MC** **SRC** **NC**

Strategi: **RP**

Pemegang Taruh: **BP** **CU** **EM** **SI** **RE** **CO** **SS** **FI** **BP** **RA** **AN** **ME**

Perkara Material: **GB** **DC** **SF** **FI** **DI** **CX** **FC** **SC** **T** **EHS** **DO** **CE** **CC** **ES**

Strategi Kami

PROGRESS27: Ke Arah Pertumbuhan Seterusnya

Penyataan Tujuan "MEMASTIKAN KEMAJUAN DINIKMATI SEMUA"

≥12% Pulangan Atas Ekuiti
menjelang 2027

≤44.8% Nisbah Kos-kepada-
Pendapatan
menjelang 2027

≤1.3% Pinjaman Terjejas Kasar
menjelang 2027

OBJEKTIF STRATEGIK

Perkhidmatan Terbaik

Memberikan pengalaman pelanggan yang lebih pantas, lebih mudah dan menyenangkan melalui kecemerlangan perkhidmatan, perjalanan digital yang dipertingkatkan, serta keupayaan data, analitik dan inovasi yang diperkukuh.

Keuntungan Tinggi

Meningkatkan keuntungan Kumpulan melalui pengembangan hasil tertumpu, peningkatan operasi yang disasarkan dan usaha pengoptimuman kos yang dikuasakan oleh keupayaan digital dan analitik.

Bertanggungjawab & Bermatlamat

Memajukan kepimpinan mampan dalam semua aspek perbankan serta menerima pakai pendekatan yang bermatlamat dan dipimpin segmen yang mengubah cara kami bertindak balas terhadap keperluan pelanggan.

PROGRAM TRANSFORMASI

Menggalakkan Pertumbuhan CASA Domestik

Menyusun Semula Hubungan Pelanggan Korporat

Fokus Pengurusan terhadap Kekayaan Runcit

Mengembangkan Sinergi Perniagaan Antarabangsa

Mengoptimumkan Kos & Produktiviti

Kemampuan melalui Strategi ESG

Mengembangkan Portfolio Pinjaman Domestik

Memajukan Digital & Teknologi

PROGRESS27 menandakan permulaan usaha strategik RHB yang seterusnya — pelan tiga tahun yang dilancarkan pada tahun 2025 untuk mempercepat hala tuju pertumbuhan kami dan membina asas kukuh yang ditetapkan dalam pelan Bersama Kita Maju 2024 ("TWP24"). Strategi baharu ini memperkemas fokus kami terhadap perkara yang paling penting, iaitu memberikan kecemerlangan perkhidmatan, memacu pertumbuhan mampan dan menguntungkan, dan mewujudkan nilai jangka panjang untuk semua pemegang taruh.

Pada asasnya, PROGRESS27 menetapkan cita-cita yang jelas untuk tahun 2027: mencapai pulangan ke atas ekuiti ("ROE") sebanyak 12%, menjadikan nisbah kos-kepada-pendapatan kami di bawah 44.8%, dan mengekalkan nisbah pinjaman terjejas kasar ("GIL") di bawah 1.3%. Sasaran ini mencerminkan komitmen kami terhadap prestasi operasi yang berdisiplin dan daya tahan kewangan.

Sama pentingnya, PROGRESS27 mentakrifkan jenis bank yang kami cita-citakan. Berlandaskan tiga objektif strategik — Terbaik dalam Perkhidmatan, Keuntungan Tinggi, dan Bertanggungjawab & Bermatlamat — PROGRESS27 menyediakan rangka kerja yang disusun untuk meningkatkan pengalaman pelanggan, meningkatkan pulangan, dan mengukuhkan peranan kami sebagai institusi kewangan yang bertanggungjawab.

Bagi mencapai kesemua objektif ini, lapan program transformasi diperkenalkan, setiap satunya direka untuk memajukan tuas perniagaan dan operasi tertentu. Kesemua keutamaan ini meletakkan RHB dalam keadaan daya tahan jangka panjang dan memastikan kami menjana nilai yang berkekal untuk pelanggan, warga kerja dan komuniti tempat kami menawarkan perkhidmatan.

PENEKANAN UTAMA OBJEKTIF STRATEGIK KAMI

Perkhidmatan Terbaik

Cita-cita RHB untuk menjadi bank Perkhidmatan Terbaik mencerminkan keyakinan kami bahawa kami mampu melakukannya pada suatu hari nanti melalui penyampaian pengalaman perbankan yang paling dipercayai, lancar dan intuitif di Malaysia.

- **Menerajui Kecemerlangan Perkhidmatan** – Memperkukuh kualiti dan kelajuan perkhidmatan di semua titik sentuh untuk memastikan pengalaman yang konsisten, boleh dipercayai dan berkualiti tinggi
- **Perjalanan Digital Peneraju Pasaran** – Memperkasa pasukan untuk mencipta pengalaman digital yang paling memuaskan di Malaysia untuk perbankan, kekayaan dan perlindungan harian
- **Data dan Analitik yang Lebih Kukuh** – Memajukan keupayaan analitik, data dan inovasi untuk membentuk perjalanan yang lebih relevan, intuitif dan diperibadikan

Kesemua usaha ini mengukuhkan kedudukan kami sebagai bank yang terkenal dengan kecemerlangan, kemudahan dan keseronokan pelanggan.

Keuntungan Tinggi

Objektif Keuntungan Tinggi kami memberi tumpuan pada memacu pertumbuhan strategik dalam segmen sasaran sambil memperkukuh kualiti dan daya tahan pendapatan kami.

- **Pertumbuhan Melebihi Pasaran** – Menyasarkan pertumbuhan pinjaman domestik lebih daripada 6% setiap tahun, dengan pengembangan yang lebih kukuh dalam segmen yang memberikan hasil lebih tinggi, seperti syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana

- **Campuran Pembiayaan yang Dipertingkatkan** – Meningkatkan CASA domestik sebanyak lebih 10% setahun melalui cadangan bersasar, yang menyokong matlamat mencapai nisbah CASA melebihi 30% menjelang 2027
- **Pendapatan Yuran Dipertingkatkan** – Membentuk semula struktur dan insentif pasukan Liputan Pelanggan Korporat kami dan memperkukuh alatan serta keupayaan kakitangan kekayaan dan perlindungan runcit kami untuk meningkatkan pendapatan yuran
- **Pengurusan Kos yang Berdisiplin** – Mengoptimumkan kos dan melaksanakan inisiatif pengambilan kos untuk mengekalkan pertumbuhan kos yang rendah
- **Kecekapan Didayakan Digital** – Memanfaatkan keupayaan digital dan analitik untuk mengurangkan kos pemerolehan pelanggan dan kos untuk berkhidmat

Pendekatan bersepadu ini menentukur semula pusat keuntungan kami dan meningkatkan kecekapan kos untuk menyokong prestasi kewangan jangka panjang yang lebih kukuh.

Bertanggungjawab & Bermatlamat

Bertanggungjawab & Bermatlamat ialah asas yang mendasari cara kami beroperasi dan berkembang – secara berintegriti, berimpak dan dengan pemahaman yang mendalam tentang keperluan pelanggan.

- **Menerajui Amalan Kelestarian** – Memperkukuh pendekatan kami terhadap pembiayaan mampan, perlindungan alam sekitar, jangkauan sosial dan tadbir urus
- **Penglibatan Berpandukan Keperluan** – Beralih daripada imej “penjual produk” kepada “penyelesai keperluan perbankan setempat” yang menawarkan penyelesaian berpandukan keperluan sebenar pelanggan
- **Pengukuran Prestasi Berkembang** – Menyelaraskan ganjaran mengikut penciptaan nilai melalui peningkatan bahagian kekayaan, jumlah nilai hubungan dan metrik khusus segmen yang dipertingkatkan

Tumpuan kami terhadap tanggungjawab dan matlamat mengukuhkan kepercayaan, menambah kerelevanan pelanggan dan memastikan pertumbuhan kami memberi manfaat kepada komuniti dan segmen tempat kami menawarkan perkhidmatan.

ULASAN PRESTASI STRATEGIK

Kami menyokong dan menjejak prestasi di bawah PROGRESS27 melalui lapan program transformasi bersasar yang secara kolektif memacu hasil strategik yang kami ingin capai. Program-program ini direka bentuk untuk menterjemahkan tiga objektif strategik kami kepada tindakan, setiap satunya menampilkan inisiatif utama untuk memacu tuas perniagaan dan operasi tertentu di seluruh Kumpulan, di samping penunjuk prestasi utama (“KPI”) yang ditetapkan yang membolehkan pemantauan keputusan dan kemajuan.

PROGRAM 1

MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN CASA DOMESTIK

Keutamaan Utama

Cipta cadangan baharu dan berbeza untuk mengembangkan baki CASA domestik kami, sekali gus membendung kos deposit keseluruhan.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Kewangan** untuk melabur dalam penambahbaikan digital, keupayaan analitik dan cadangan bersasar yang mengukuhkan pemerolehan dan pengekalan CASA.
- Memanfaatkan **Modal Pembuatan, Intelpek serta Sosial & Perhubungan** untuk meningkatkan kemudahan platform, menambah penglibatan pelanggan dan membina ekosistem pedagang lebih kukuh yang menyokong program ini.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)

Pelanggan Runcit

- Meningkatkan CASA runcit melalui inisiatif digital dan analitik yang meningkatkan kemudahan dan kemudahan penggunaan di seluruh saluran perbankan internet dan mudah alih RHB.
- Membangunkan cadangan perbankan baharu dan unik yang disesuaikan dengan segmen runcit keutamaan seperti keluarga, pelajar universiti dan pelancong.

Pelanggan Bukan Runcit

- Memacu pemerolehan pedagang yang lebih tinggi melalui penyelesaian “kedai sehenti” yang dipertingkatkan yang mengintegrasikan pembiayaan, pembayaran dan sokongan operasi.
- Bekerjasama dengan rakan kongsi pemerolehan pedagang DuitNow QR point-of-sale (“POS”) yang besar untuk meningkatkan penyertaan.
- Mengeratkan hubungan pedagang dengan menawarkan penyelesaian merangkumi keseluruhan keperluan transaksi, operasi dan perniagaan mereka.

KPI & Pencapaian 2025

- Pertumbuhan CASA Kumpulan sebanyak 11.6%
- Pertumbuhan CASA Domestik sebanyak 9.2%
- Nisbah CASA sebanyak 30.4% (meningkat daripada 27.6% pada tahun 2024)

Modal: **FC** **MC** **IC** **SRC**

Risiko: **LR** **IBR** **OR** **RR**

Perkara Material: **DC** **FI** **DI** **CX**

Kumpulan Pemegang Taruh: **CU** **BP**

Strategi Kami

PROGRAM 2

FOKUS PENGURUSAN KEKAYAAN RUNCIT

Keutamaan Utama

Meningkatkan cadangan produk kekayaan kami dan menyampaikannya kepada pelanggan melalui saluran pengedaran yang diperkukuh dan lebih berkesan.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Kewangan, Intelekt dan Insan** untuk meningkatkan alat khidmat nasihat, keupayaan jualan dan struktur ganjaran merentasi segmen kekayaan.
- Memanfaatkan **Modal Pembuatan dan Sosial & Perhubungan** untuk meningkatkan platform kekayaan digital dan mengeratkan perkongsian yang boleh meluaskan tawaran pelaburan dan perlindungan kami.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)

Saluran Pengedaran

- Mengubah budaya pasukan jualan dan struktur ganjaran untuk menekankan kegigihan Aset Bawah Pengurusan ("AUM") jangka panjang selain komisen.
- Melancarkan alat penasihat kekayaan yang dipertingkat untuk mengukuhkan kualiti penglibatan dan meningkatkan keberkesanan jualan.
- Memperkukuh keupayaan layan diri dengan menambahkan platform perkhidmatan digital seperti MyInvest dan Perbankan Mudah Alih RHB.

Cadangan Produk

- Memacu peningkatan prestasi dana dengan mengurus portfolio dana yang menarik dan berprestasi baik yang memaksimumkan pulangan pelanggan.
- Meningkatkan penawaran kekayaan dan perlindungan melalui kerjasama yang lebih erat dengan rakan kongsi.
- Menjadikan cadangan Pengurusan Kekayaan Islam ("IWM") lebih menarik dengan memperkenalkan pelbagai pilihan pelaburan patuh syariah.

KPI & Pencapaian 2025

- Pertumbuhan AUM Pengurusan Aset RHB sebanyak 5.3%
- Pertumbuhan Jualan Pelaburan Runcit RHB Bank sebanyak 24.7%

Modal: **MC** **HC** **IC** Risiko: **MR** **OR** **RR** **RNC** Perkara Material: **DI** **CX** **T** Kumpulan Pemegang Taruh: **CU** **EM**

PROGRAM 3

MENGOPTIMUMKAN KOS & PRODUKTIVITI

Keutamaan Utama

Melakukan perubahan untuk memacu kecekapan di seluruh proses modal insan, teknologi dan sistem operasi kami.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Insan dan Intelekt** untuk mengukuhkan struktur organisasi, membina keupayaan dalaman dan meningkatkan kecekapan proses.
- Menggunakan **Modal Pembuatan** untuk mengoptimumkan sistem, infrastruktur teknologi dan operasi cawangan untuk produktiviti yang lebih kukuh.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)

Kecekapan Sumber

- Mereka bentuk semula struktur organisasi dan mengoptimumkan sumber untuk memperkemas lapisan, memperbaiki julat kawalan dan mempertingkatkan pengurusan prestasi.

Kecekapan Sistem

- Memperkemas sistem IT untuk menghapuskan kelewahan dan pertindihan.
- Membina keupayaan dalaman untuk meningkatkan kecekapan dan mengukuhkan daya tahan.
- Meningkatkan strategi perolehan untuk memastikan semua sistem yang diperolehi memenuhi kepentingan terbaik RHB.

Kecekapan Operasi

- Mengoptimumkan rangkaian cawangan dengan memastikan cawangan "sesuai dengan tujuan" di lokasi operasinya.
- Memanfaatkan pengautomasian dan AI untuk merekayasa semula proses hujung ke hujung di pelbagai operasi (cth., pinjaman, penyesuaian tugas, pemulihan).

KPI & Pencapaian 2025

- Nisbah Kos kepada Pendapatan Kumpulan ("CIR") sebanyak 47.3%
- Pengurangan overhead asas sebanyak RM158 juta
- Peningkatan produktiviti pekerja (keuntungan sebelum cukai ("PBT") setiap pekerja) sebanyak 12.1%

Modal: **MC** **HC** **IC** Risiko: **OR** **RR** **TCR** Perkara Material: **DC** **FI** **DI** **CX** **SC** **T** **ES** Kumpulan Pemegang Taruh: **EM** **SS**

PROGRAM 4

MENINGKATKAN PORTFOLIO PINJAMAN DOMESTIK

Keutamaan Utama

Membezakan produk kami, mengubah suai model perkhidmatan kami dan memperkemas proses untuk membolehkan pertumbuhan pinjaman yang pantas dan berkualiti tinggi.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Insan dan Intelek** untuk memperkukuh keupayaan model perkhidmatan, meningkatkan pengurusan risiko, menyediakan produk berpusatkan pelanggan yang diperibadikan dan memperkukuh kepakaran penajajaminan.
- Menggunakan **Modal Pembuatan** untuk menambah baik platform pinjaman digital, memperkemas proses permohonan hujung ke hujung dan menyokong penggunaan alat yang dipacu AI.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)

Penambahbaikan Model Perkhidmatan

- Mengubah suai model perkhidmatan kami melalui kerjasama antara perniagaan yang dipertingkat untuk membolehkan jualan silang yang lebih besar.
- Memanfaatkan pendigitalan untuk memperkemas dan memudahkan permohonan pinjaman bagi pelanggan runcit melalui saluran dalam talian.
- Memperkenalkan spesifikasi produk berbeza yang disesuaikan dengan keperluan pelanggan (cth., pemrosesan dipercepat, harga berbeza).

Kualiti Aset dan Pengurusan Risiko

- Mengubah suai proses penajajaminan untuk menilai kredit pelanggan secara menyeluruh dengan mengambil kira kesihatan kewangan dan tingkah laku transaksi masa lalu.
- Memperkukuh pengurusan risiko dan pemulihan melalui penggunaan AI sebagai alat sokongan di seluruh kitaran pinjaman.
- Memberi insentif kepada pasukan untuk memberikan perkhidmatan pelanggan yang kukuh sambil kekal selektif bagi memastikan pinjaman baharu berkualiti tinggi.

KPI & Pencapaian 2025

- Pertumbuhan Keseluruhan Pinjaman Domestik sebanyak 6.2%
- Pertumbuhan Pinjaman Runcit Domestik sebanyak 6.9%
- Pertumbuhan Pinjaman Bukan Runcit Domestik sebanyak 5.1%
- Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar ("GIL") Domestik sebanyak 1.20%

Modal: MC HC IC

Risiko: CR IBR LR OR

Perkara Material: DI FC CX T

Kumpulan Pemegang Taruh: CU EM

PROGRAM 5

MEMBENTUK SEMULA HUBUNGAN PELANGGAN KORPORAT

Keutamaan Utama

Mengamalkan pendekatan yang tidak tertumpu kepada produk tertentu bagi memastikan pelanggan memanfaatkan sepenuhnya keupayaan RHB sebagai sebuah bank universal.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Insan dan Intelek** untuk memperkukuh keupayaan pengurusan perhubungan, meningkatkan kemahiran khidmat nasihat dan menerapkan model liputan agnostik produk.
- Memanfaatkan **Modal Sosial & Perhubungan** untuk menyokong pengembangan liputan ke pasaran luar negara yang baharu.
- Memanfaatkan **Modal Pembuatan** untuk meningkatkan platform data, alat analitik dan sistem bersepadu yang menyokong pengurusan pelanggan secara holistik.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)

Model Perhubungan Pelanggan

- Memperkukuh struktur Pasukan Liputan Pelanggan dengan mengembangkan pasaran antarabangsa baharu untuk menyokong keperluan perbankan luar negara pelanggan.
- Mewujudkan proses dan kriteria peralihan yang jelas untuk PKS berpotensi tinggi yang beralih kepada liputan Perbankan Borong Kumpulan ("GWB") bagi memastikan pengurusan perhubungan yang lancar apabila saiz dan kerumitannya semakin meningkat.
- Menggalakkan pendekatan yang tidak tertumpu kepada satu produk untuk meningkatkan jualan silang dan memenuhi keperluan pelanggan secara menyeluruh.

Teknologi dan Alat

- Memanfaatkan keupayaan data lanjutan untuk membina pandangan 360 darjah pelanggan, mengintegrasikan pandangan dan analitik untuk meningkatkan permulaan perjanjian, penjejakan idea dan pengurusan pelanggan yang berterusan.
- Mengintegrasikan alatan pengurusan kepimpinan yang di pertingkat yang dikuasakan oleh keupayaan data moden untuk melengkapkan pengurus perhubungan dengan pandangan yang lebih kukuh untuk perkhidmatan nasihat.

KPI & Pencapaian 2025

- Pertumbuhan Pendapatan Bukan Faedah ("NOII") Pelanggan Permodalan Besar sebanyak 6.3%
- Pertumbuhan NOII Pelanggan Permodalan Sederhana dan Kecil sebanyak 2.8%

Modal: MC HC IC

Risiko: CR MR OR RR

Perkara Material: DI CX T

Kumpulan Pemegang Taruh: CU EM

Strategi Kami

PROGRAM 6

MELUASKAN SINERGI PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Keutamaan Utama

Meningkatkan cadangan rentas sempadan untuk merebut peluang pertumbuhan di Singapura dan rantau Indochina.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Pembuatan dan Intelekt** untuk memperkukuh infrastruktur rentas sempadan, meningkatkan keupayaan produk dan menyokong cadangan serantau bersepadu.
- Memanfaatkan **Modal Sosial & Perhubungan** untuk mengeratkan perkongsian, mengembangkan rangkaian pelanggan serantau dan menguatkan kerjasama antara pasaran Malaysia, Singapura dan Indochina.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)

Singapura

- Menganggap Malaysia dan Singapura sebagai pasaran tunggal dan ekosistem yang terhubung untuk mempromosikan aktiviti rentas sempadan dan meningkatkan penawaran pelanggan (cth., pengurusan kekayaan, transaksi rentas sempadan).
- Merebut peluang perniagaan bukan runcit yang sinergi melalui model hab-dan-jejari Perbankan Korporat & Pelaburan rentas sempadan.

Indochina

- Memacu perniagaan perbendaharaan serantau untuk memaksimumkan pulangan daripada perkhidmatan perbendaharaan yang disediakan di seluruh Kemboja, Thailand dan Laos melalui Perbendaharaan Wilayah RHB Mekong, sambil meminimumkan kos sokongan.
- Menyasarkan pelanggan korporat yang dikenali untuk mengembangkan kunci kira-kira melalui pinjaman berkualiti tinggi.
- Mengetatkan piawaian kualiti aset dan memperkukuh kualiti aset dan pengurusan kos yang berhemat sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran yang tidak menentu di rantau ini.

KPI & Pencapaian 2025

- Pertumbuhan Pinjaman Singapura sebanyak 4.3%
- Sumbangan PBT Perniagaan Antarabangsa kepada Kumpulan sebanyak 5.9%

Modal: **MC** **HC** **IC**

Risiko: **CR** **MR** **LR** **OR** **RR**

Perkara Material: **CX** **T**

Kumpulan Pemegang Taruh: **CU** **EM**

PROGRAM 7

KELESTARIAN MELALUI STRATEGI ESG

Keutamaan Utama

Mengintegrasikan ESG dalam strategi perniagaan sambil kami mempercepat peralihan secara bertanggungjawab ke arah ekonomi rendah karbon.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Intelekt dan Insan** untuk memperkukuh integrasi ESG, meningkatkan keupayaan kemampunan dan mengurus risiko kelestarian dengan berkesan.
- Menggunakan **Modal Kewangan dan Pembuatan** untuk meningkatkan penyelesaian pembiayaan mampan, menyokong inisiatif penyahkarbonan dan memperkukuh sistem untuk pengesanan dan pelaporan impak.
- Memanfaatkan **Modal Sosial & Perhubungan** untuk menambah perkongsian dengan pengawal selia, pemain industri dan komuniti bagi memajukan rangkuman kewangan dan tindakan iklim.
- Mengurus **Modal Semula Jadi** secara bertanggungjawab untuk memacu kemajuan ke arah Sifar Bersih Menjelang 2050.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)

Kewangan Mampan & Bertanggungjawab

- Mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam strategi perniagaan untuk memacu kewangan mampan merentasi tiga bidang utama, iaitu peluang PKS hasil daripada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("NETR"), pengurusan aset dan insurans.
- Mengembangkan peluang pembiayaan mampan merentasi segmen pelanggan korporat dan runcit.

Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050

- Mempercepat peralihan yang adil dan bertanggungjawab ke arah ekonomi rendah karbon, berpandukan strategi Sifar Bersih Kumpulan Menjelang 2050.
- Memanfaatkan peluang NETR untuk menyokong penyahkarbonan dalam lima sektor keutamaan: Bekalan Tenaga, Minyak Sawit, Minyak & Gas, Hartanah & Pembinaan dan Pengangkutan.

Memperkasa Komuniti

- Mewujudkan impak sosial positif jangka panjang dengan memperluas program rangkuman kewangan, memperkukuh pengukuran dan penjejakan hasil sosial, dan meningkatkan perkongsian strategik yang dipacu komuniti.

KPI & Pencapaian 2025

- Jumlah Perkhidmatan Kewangan Lestari kira-kira RM60 bilion
- Anggaran Pengurangan Pelepasan yang Dibiayai sebanyak 0.33 tCO₂e mn pada 2025
- Lebih 1.5 juta Individu dan Perniagaan Diperkasa

Modal: **FC** **IC** **HC** **MC** **SRC** **NC**

Risiko: **SR** **RNC** **CR** **RR**

Perkara Material: **SF** **FI** **CE** **CC**

Kumpulan Pemegang Taruh: **CU** **BP** **CO**

PROGRAM 8

MEMPERKUKUH DIGITAL & TEKNOLOGI

Keutamaan Utama

Meningkatkan keupayaan digital dan analitik untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan dan mengurangkan kos dalaman bagi memperoleh dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Peruntukan Sumber

- Menggunakan **Modal Pembuatan dan Intelekt** untuk mempertingkatkan platform pelanggan, mengukuhkan integrasi sistem dan meningkatkan keupayaan digital.
- Menggunakan **Modal Insan** untuk membina bakat digital, meningkatkan pasukan pengalaman pelanggan dan memacu penerimaan pelanggan terhadap perkhidmatan dan proses digital baharu.

Bidang Fokus dan Inisiatif Utama (2025–2027)**Pengalaman Pelanggan**

- Meletakkan RHB sebagai platform perbankan dalam talian dan mudah alih pilihan Malaysia melalui pelancaran aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB yang diperbaharui dengan keupayaan yang dipertingkatkan.
- Melancarkan perjalanan hujung ke hujung yang lancar untuk pelanggan sedia ada memohon produk tambahan.
- Membolehkan log masuk tunggal ("SSO") dan penyiapan data secara automatik di semua platform RHB untuk memaksimumkan kemudahan.

Kepuasan Pelanggan

- Memposisikan RHB sebagai peneraju perbankan digital dengan mempertingkatkan platform Perbankan Internet ("IBK") dan Perbankan Mudah Alih ("MBK") dengan pengalaman pengguna yang lebih baik, prestasi yang lebih pantas dan ciri-ciri diperibadikan untuk meningkatkan penglibatan.
- Meningkatkan aktiviti transaksi digital dengan mengaktifkan pelanggan yang tidak berurus niaga melalui kempen dalam aplikasi bersasar, gesaan melalui pendidikan dan inisiatif penglibatan berasaskan ganjaran.

KPI & Pencapaian 2025

- Skor Promoter Bersih ("NPS") pada kedudukan #2 antara bank-bank di Malaysia
- Skor CSAT Perbankan Internet ("IBK") sebanyak 85%
- Skor CSAT Perbankan Mudah Alih ("MBK") sebanyak 75%

Modal: MC HC IC

Risiko: TCR OR RNC RR

Perkara Material: DC DI CX

Kumpulan Pemegang Taruh: CU EM

Petunjuk Prestasi Utama

Selain tiga KPI utama dalam pelan tindakan PROGRESS27, kami mewujudkan satu set metrik prestasi yang lebih menyeluruh untuk menentukan kemajuan setiap objektif strategik. Petunjuk ini memberikan pandangan berstruktur tentang prestasi inisiatif kami dan sama ada ia diterjemahkan kepada hasil yang ingin kami capai, yang membolehkan kami kami mengenal pasti bidang yang memerlukan intervensi atau sumber tambahan.

KPI Utama PROGRESS27

	2022 Pencapaian	2023 Pencapaian	2024 Pencapaian	2025 Pencapaian	2025 Sasaran
Pulangan ke atas Ekuiti ("ROE") (%)	9.6	9.5	10.0	10.5	10.4 - 10.8
Nisbah Kos kepada Pendapatan ("CIR") (%)	44.2	47.5	46.7	47.3	45.5 - 46.0
Pinjaman Terjejas Kasar ("GIL") (%)	1.55	1.74	1.47	1.41	1.40 - 1.50

Objektif Strategik 1: Perkhidmatan Terbaik

	2022 Pencapaian	2023 Pencapaian	2024 Pencapaian	2025 Pencapaian	2025 Sasaran
Kedudukan (#) Skor Promoter Bersih ("NPS")	#3	#2	#2	#2	Tiga Teratas
Skor Kepuasan Pelanggan ("CSAT") untuk Aplikasi Perbankan Mudah Alih (%)	78	81	81	75	>81

Objektif Strategik 2: Keuntungan Tinggi

	2022 Pencapaian	2023 Pencapaian	2024 Pencapaian	2025 Pencapaian	2025 Sasaran
Nisbah CASA (%)	29.2	27.9	27.6	30.4	28.0 - 29.0
Pertumbuhan Pinjaman (%)	6.9	4.8	6.9	5.4	5.0 - 6.0
Margin Faedah Bersih ("NIM") dengan liabiliti pengurusan (%)	2.25	1.93	1.96	1.88	1.88 - 1.91
Nisbah Caj Kredit (bps)	15	16	22	13	15 - 20

Objektif Strategik 3: Bertanggungjawab & Bermatlamat

	2022 Pencapaian	2023 Pencapaian	2024 Pencapaian	2025 Pencapaian	2025 Sasaran
Perkhidmatan Kewangan Mampan Kumulatif (RM bilion)	13.5	25.3	42.0	~60.0	55.6
Individu & Perniagaan Diperkasa (#)	408,869	925,554	1,219,514	1,545,927	1,364,000



Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

MOHAMED RASTAM
SHAHROM

Mengekalkan Pertumbuhan Mantap dan Asas Kukuh

Pada tahun 2025, Kumpulan Perbankan RHB meningkatkan standard prestasi kewangan dengan mencapai prestasi keuntungan lebih tinggi. Inovasi demi pelanggan dan pelaksanaan PROGRESS27 yang berdisiplin memperkukuh kecekapan operasi, pengurusan risiko, pengoptimuman kos dan penciptaan nilai di seluruh Kumpulan.

RINGKASAN PRESTASI

Dalam persekitaran landskap operasi yang kompleks dan sentiasa berubah, Kumpulan telah mencapai prestasi kewangan yang kukuh pada TK2025. Keuntungan bersih meningkat 7.8% tahun ke tahun kepada RM3.4 bilion, menandakan satu lagi rekod tertinggi bagi Kumpulan. Jumlah pendapatan meningkat 2.0% kepada RM8.8 bilion, disokong oleh pengembangan berterusan dalam pendapatan berasaskan dana bersih. Pendapatan ini sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan berasaskan bukan dana yang lebih lemah, mencerminkan keuntungan bersih yang lebih rendah daripada pertukaran asing dan derivatif, aktiviti pembrokeran yang berkurangan, keuntungan lebih rendah daripada pelupusan anak-anak syarikat, dan ketiadaan keuntungan tidak direalisasikan sekali beli berasaskan penandaan pasaran yang ketara daripada dana ekuiti persendirian sepertimana yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

SOROTAN KEWANGAN UTAMA

Keuntungan Sebelum Cukai
RM4.4 bilion

↑ **8.9%**

Kos Kredit
13 bps

↓ **9 mata asas**

Pinjaman Kasar
RM251 bilion

↑ **5.4%**

Nisbah GIL
1.41%

↓ **6 mata asas**

Deposit Pelanggan
RM253 bilion

↑ **1.2%**

CASA
RM77 bilion

↑ **11.6%**

Prestasi tahun ini mencerminkan peruntukan modal berdisiplin, usaha pengoptimuman kos berterusan, pengurusan kos kredit berhemat, dan peningkatan berterusan dalam kualiti aset. Kesemua faktor ini secara keseluruhannya mengukuhkan daya tahan profil pendapatan dan kekuatan rangka kerja tadbir urus risiko kami.

Kunci kira-kira kekal kukuh untuk pertumbuhan. Jumlah aset meningkat 2.3% kepada RM358 bilion, manakala pinjaman kasar berkembang 5.4% kepada RM251 bilion, diterajui oleh pertumbuhan kukuh dalam Perbankan Komuniti Kumpulan (6.9%), Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan (4.8%), dan Singapura (4.3%). Pertumbuhan pinjaman domestik sebanyak 6.2% adalah membanggakan, yang mengatasi purata industri sebanyak 4.8%, manakala pembiayaan Islam mendapat perhatian dengan menyumbang 46.4% daripada jumlah pembiayaan domestik, iaitu meningkat daripada 44.6% pada tahun sebelumnya.

Deposit pelanggan meningkat 1.2% kepada RM253 bilion, dengan peningkatan sebanyak 11.6% dalam baki CASA yang meningkatkan nisbah CASA daripada 27.6% pada tahun sebelumnya kepada 30.4% dan meningkatkan daya tahan kecairan serta kestabilan pendanaan kami. CET1 kami sebanyak 15.2% dan Nisbah Jumlah Modal sebanyak 17.6% kekal selesa melebihi keperluan kawal selia, memberikan kami penampakan modal yang kukuh untuk menangani ketidakpastian luaran sambil menyokong keutamaan pertumbuhan masa hadapan.

KUALITI ASET & PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan mengukuhkan kualiti asetnya pada TK2025, dengan nisbah GIL meningkat sebanyak enam mata asas kepada 1.41% daripada 1.47% pada TK2024. Nisbah GIL domestik kami sebanyak 1.20% adalah lebih baik berbanding purata industri sebanyak 1.37%, mencerminkan kecermatan piawaian penajajaminan kami dan pengurusan portfolio yang berdisiplin.

LLC berada pada 76.6% manakala jumlah perlindungan, termasuk rizab kawal selia, meningkat kepada 118.2%. Dengan disokong oleh peningkatan kualiti aset yang meluas dalam portfolio domestik dan antarabangsa, ECL menurun dengan ketara sebanyak 60.0%, iaitu daripada RM535 juta kepada RM214 juta.

Kesemua data ini memperkukuh daya tahan portfolio kami dalam persekitaran operasi yang dinamik.

MENINGKATKAN KEBERKESANAN KOS

Disiplin kos kekal sebagai tonggak utama PROGRESS27. Melalui transformasi digital yang berterusan, pengautomasian dan inisiatif pengoptimuman proses, kami memacu kecekapan struktur di seluruh Kumpulan. Hasilnya, Kumpulan berjaya mengoptimumkan kos sehingga RM158 juta pada TK2025, manakala pertumbuhan kos terkawal pada 3.3%, jauh lebih rendah daripada peningkatan sebanyak 9.0% pada tahun sebelumnya.

PRESTASI SEGMENT

Prestasi segmen pada TK2025 mencerminkan kekuatan perniagaan kami yang pelbagai dalam mengimbangi turun naik pasaran, serta manfaat yang baru terhasil daripada pelaksanaan PROGRESS27. Di seluruh segmen, kami kekal fokus terhadap pertumbuhan aset berkualiti, pembiayaan berhemat serta pengurusan kos dan risiko yang berdisiplin dalam keadaan pasaran yang sentiasa berubah.

PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN

Mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil, dengan pinjaman kasar berkembang 6.9% YoY kepada RM130 bilion, disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam segmen gadai janji (+7.8%) dan pembiayaan kereta (+9.6%). Deposit pelanggan meningkat 5.9% kepada RM94 bilion, didorong oleh pertumbuhan dalam deposit tetap (+6.6%) dan CASA (+3.8%), yang mengukuhkan lagi kestabilan pendanaan.

Jumlah pendapatan meningkat 6.0% disokong oleh pertumbuhan dalam kedua-dua pendapatan berasaskan dana bersih dan bukan berasaskan dana, dan menutup tahun dengan keuntungan sebelum cukai ("PBT") sebanyak RM1.1 bilion.

PERBANKAN KORPORAT DAN PERNIAGAAN KUMPULAN

Memberikan prestasi yang kukuh pada tahun pertamanya sebagai segmen perniagaan yang disatukan, dengan PBT meningkat 23.6% YoY kepada RM1.9 bilion. Pinjaman kasar berkembang 4.8% kepada RM83 bilion, didorong oleh pertumbuhan merentasi segmen utama, termasuk Korporat (+6.7%), Komersial (+12.0%) dan PKS pasaran pertengahan (+6.7%), yang mencerminkan pengembangan yang disasarkan dalam portfolio hasil yang lebih tinggi. Deposit pelanggan meningkat sebanyak 0.7% kepada RM90 bilion, disokong oleh pertumbuhan CASA yang sihat sebanyak 12.5%, sebahagiannya diimbangi oleh deposit tetap yang lebih rendah.

PERBANKAN BORONG KUMPULAN

Pinjaman kasar meningkat sebanyak 13.2% kepada RM3 bilion manakala deposit pelanggan menurun sebanyak 7.9% kepada RM31 bilion. Segmen ini mencapai prestasi yang stabil, dengan PBT meningkat sebanyak 0.6% YoY kepada RM1.5 bilion.

PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN

Mencapai prestasi yang ketara lebih baik, dengan PBT meningkat kepada RM257 juta, lebih daripada dua kali ganda YoY, disokong terutamanya oleh ECL yang lebih baik. Pinjaman kasar meningkat sebanyak 0.9% kepada RM34 bilion, didorong terutamanya oleh pertumbuhan berterusan di Singapura (+4.3%) manakala deposit pelanggan berkurangan sedikit sebanyak 0.5% kepada RM37 bilion.

PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN

Pembiayaan kasar meningkat dengan kukuh sebanyak 10.4% kepada RM100 bilion, meningkatkan sumbangan segmen ini terhadap jumlah pembiayaan kasar domestik Kumpulan kepada 46.4%, meningkat daripada 44.6% setahun yang lalu. PBT YoY secara amnya stabil pada RM1.1 bilion.

INSURANS KUMPULAN

Mencatat prestasi yang kukuh, dengan PBT meningkat 25.6% YoY kepada RM103 juta hasil daripada pendapatan bersih yang lebih tinggi daripada perniagaan insurans dan pendapatan pelaburan. Nisbah tuntutan meningkat kepada 53.7% daripada 55.3% pada tahun sebelumnya.

KEUTAMAAN STRATEGIK

Berdasarkan prestasi tahun 2025 kukuh yang mengakhiri tahun pertama strategi tiga tahun PROGRESS27, Kumpulan nyata berada pada kedudukan baik untuk mencapai keutamaan strategiknya. Pelaburan dihalakan secara strategik untuk memperkukuh asas pertumbuhan yang kukuh. Bersama-sama dengan inisiatif berpusatkan pelanggan, inovasi dan keupayaan digital yang diperkukuh, kesemua usaha ini akan membolehkan Kumpulan memacu nilai jangka panjang yang mampan dan menjana pertumbuhan yang konsisten dan stabil.

Dari sudut pengurusan kewangan, keutamaan kami adalah jelas: mengekalkan disiplin risiko dan kredit yang kukuh, mempercepat kecekapan kos serta mengoptimumkan modal dan kecairan untuk mengekalkan daya tahan di samping memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang saham.



Mohamed Rastam Shahrom
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Kumpulan Perbankan RHB


Ringkasan 5 Tahun Kewangan Kumpulan

	2025	2024	2023	2022	2021
KEPUTUSAN OPERASI (RM juta)					
Keuntungan operasi sebelum peruntukan	4,620	4,583	4,081	4,554	4,266
Keuntungan sebelum cukai	4,378	4,020	3,753	4,133	3,529
Keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	3,363	3,120	2,806	2,678	2,618
KEDUDUKAN KEWANGAN (RM juta)					
Jumlah aset	358,104	349,915	328,692	310,752	289,467
Pinjaman kasar, pendahuluan dan pembiayaan	250,643	237,758	222,416	212,200	198,512
Jumlah liabiliti	323,914	317,383	297,781	281,988	261,387
Deposit daripada pelanggan	252,537	249,565	245,083	227,160	218,733
Ekuiti pemegang saham	34,146	32,492	30,875	28,732	28,045
Komitmen dan kontingensi	427,187	413,060	246,063	206,796	157,777
MAKLUMAT SAHAM					
Dividen kasar sesaham (sen)	50.00	43.00	40.00	40.00	40.00
Aset bersih sesaham (RM)	7.83	7.45	7.20	6.76	6.77
Aset ketara bersih sesaham (RM)	7.03	6.65	6.39	5.96	5.96
Pendapatan asas sesaham (sen)	77.13	72.02	65.69	63.99	64.65
Harga saham (RM)	7.71	6.48	5.45	5.79	5.37
Permodalan pasaran (RM juta)	33,630	28,249	23,361	24,592	22,247
NISBAH KEWANGAN (%)					
Keuntungan					
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti	10.5	10.0	9.5	9.6	9.6
Pulangan bersih ke atas purata aset	1.0	0.9	0.9	0.9	0.9
Nisbah kos kepada pendapatan	47.3	46.7	47.5	44.2	45.2
Kecairan					
Nisbah pinjaman kasar kepada deposit	99.2	95.3	90.8	93.4	90.8
Kualiti Aset					
GIL	1.41	1.47	1.74	1.55	1.49
Dividen					
Hasil dividen	6.5	6.6	7.3	6.9	7.4
Nisbah pembayaran dividen	65	60	61	63	63

Sorotan Kewangan Kumpulan 5 Tahun


KEUNTUNGAN BERSIH

(RM juta)




JUMLAH ASET

(RM juta)




PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN KASAR

(RM juta)




DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

(RM juta)




EKUITI PEMEGANG SAHAM

(RM juta)




DIVIDEN BERSIH

(RM juta)




Analisis Segmen

JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT SEGMENT PERNIAGAAN



JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT LOKASI GEOGRAFI




Prestasi Suku Tahunan

Prestasi Kewangan (RM juta)	Suku Pertama		Suku Kedua		Suku Ketiga		Suku Keempat		Jumlah	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,487	1,386	1,492	1,442	1,506	1,494	1,533	1,469	6,018	5,790
Pendapatan bukan berasaskan dana	561	703	663	670	733	700	800	742	2,756	2,815
Jumlah pendapatan	2,048	2,088	2,155	2,112	2,239	2,194	2,333	2,211	8,774	8,605
Keuntungan operasi sebelum peruntukan	1,077	1,129	1,139	1,125	1,201	1,197	1,203	1,132	4,620	4,583
Keuntungan sebelum cukai	963	910	1,042	974	1,186	1,088	1,188	1,047	4,378	4,020
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	750	730	804	722	904	833	906	835	3,363	3,120
Pendapatan asas sesaham (sen)	17.20	17.03	18.43	16.71	20.73	19.11	20.76	19.14	77.13	72.02
Dividen sesaham (sen)	-	-	15.00	15.00	-	-	35.00	28.00	50.00	43.00


* Jumlah mungkin tidak tepat disebabkan oleh pembundaran

Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan

JUMLAH ASET



JUMLAH LIABILITI & EKUITI




Aset dan Liabiliti Berfaedah Utama

	Amaun (RM juta)		Kadar Faedah Efektif (%)		Pendapatan/Perbelanjaan Faedah (RM juta)	
	2025	2024	2025	2024	2025	2024
Aset Perolehan Faedah						
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	7,197	12,363	3.76	4.33	222	276
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	5,859	5,700	3.38	3.65	121	94
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	56,024	51,777	3.68	3.78	1,985	1,830
Pelaburan kewangan pada kos dilunaskan	27,815	30,112	4.07	4.13	1,170	1,208
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	250,643	237,758	4.85	5.18	11,613	11,629
Liabiliti Berfaedah						
Deposit daripada pelanggan & deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	283,555	276,770	2.92	3.20	7,986	8,102
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad	2,772	2,104	3.95	3.85	112	147
Pinjaman/Obligasi Subordinat/Sekuriti hutang senior	15,546	12,577	3.74	3.77	487	446

Penyata Nilai Tambah

	2025 (RM juta)	2024 (RM juta)
Pendapatan faedah bersih	3,880	3,869
Pendapatan bukan faedah	2,735	2,560
Pendapatan daripada perniagaan Perbankan Islam	2,159	2,176
Overhed tidak termasuk kos kakitangan, susut nilai, pelunasan & penghapusan	(1,295)	(1,196)
Peruntukan untuk kerugian kredit & rosot nilai	(214)	(537)
Perkongsian keputusan syarikat bersekutu	(28)	(26)
Nilai tambah tersedia untuk pengagihan	7,237	6,846

Pengagihan Nilai Tambah







Pengurusan Modal

GAMBARAN KESELURUHAN

Pendekatan pengurusan modal Kumpulan tertumpu pada mengekalkan kedudukan modal yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan perniagaan sambil mengoptimalkan pulangan kepada pemegang saham kami. Struktur dan rangka kerja modal direka bentuk bukan sahaja untuk memenuhi keperluan kawal selia tetapi untuk memenuhi jangkaan pelbagai pemegang taruh, termasuk pemegang saham, pelabur dan agensi penarafan.

Untuk tujuan ini, CMF Kumpulan diwujudkan untuk menyediakan pengawasan menyeluruh terhadap aktiviti pengurusan modal kami. Pengawasan ini merangkumi fungsi risiko, kewangan dan perbendaharaan untuk memberikan nilai lebih besar kepada perniagaan.

Prinsip utama CMF Kumpulan ialah:

<p>Prinsip 1: Tadbir Urus Pengurusan Modal</p> 	<p>Prinsip 2: Aktiviti Pengurusan Modal - Strategi Modal</p> 	<p>Prinsip 3: Aktiviti Pengurusan Modal - Perancangan Modal</p> 
<p>Proses tadbir urus untuk menyelia aktiviti pengurusan modal dilaksanakan dan mentakrifkan peranan dan tanggungjawab dalam organisasi dengan jelas.</p>	<p>Strategi modal diselaraskan dengan strategi perniagaan keseluruhan, profil risiko dan keperluan kawal selia.</p>	<p>Kumpulan merangka pelan modal yang komprehensif dan berpandangan ke hadapan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan memastikan kemampunan.</p>
<p>Prinsip 4: Aktiviti Pengurusan Modal - Peruntukan/Penstrukturan/Pengoptimuman Modal</p> 	<p>Prinsip 5: Analisis Modal</p> 	<p>Prinsip 6: Pelaporan dan Pemantauan Modal</p> 
<p>Aktiviti pengurusan modal yang mantap membolehkan Kumpulan menstrukturkan peruntukan modal secara cekap di seluruh perniagaan dan entitinya untuk memaksimumkan pulangan dan memastikan penggunaan modal yang optimum.</p>	<p>Prinsip ini membantu Kumpulan merangka strategi pengurusan modal dan membantu menentukan keperluan bekalan dan permintaan modal.</p>	<p>Prinsip ini penting untuk memastikan penyediaan maklumat modal yang lengkap, tepat pada masanya dan jitu untuk keputusan pihak pengurusan.</p>

PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN MODAL

Pengurusan modal yang berkesan adalah penting untuk memastikan kemampunan perniagaan. Kumpulan secara proaktif menguruskan kedudukan modalnya untuk mematuhi keperluan kawal selia dan memenuhi jangkaan pelbagai pemegang taruh, serta untuk menyokong objektif perniagaan strategiknya.

Kumpulan mencapai objektif ini melalui Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman ("ICAAP") tahunan. Proses ini membolehkan kami memantau dan mengurus kedudukan modal kami secara aktif dalam tempoh tiga tahun, yang melibatkan aktiviti kritikal berikut:

1

Menetapkan sasaran modal dalam keadaan pasaran biasa dan tertekan

untuk semua subsidiari perbankan, baik di peringkat Kumpulan mahupun entiti, dengan mengambil kira perubahan kawal selia masa hadapan yang dijangkakan dan jangkaan pemegang taruh.

2

Meramal permintaan modal

untuk risiko material berdasarkan selera risiko Kumpulan.

3

Menentukan keperluan modal

yang merangkumi terbitan dan profil kematangan instrumen modal.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah ("BRC") dan Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ("GCRC") bertanggungjawab untuk mengawasi proses perancangan dan penilaian modal dalam Kumpulan dan untuk memastikan Kumpulan dan anak-anak syarikat perbankannya mengekalkan tahap dan kualiti modal yang sesuai selaras dengan profil risiko keseluruhan dan strategi perniagaan Kumpulan.

Pengurusan Modal

INISIATIF MODAL SEPANJANG TAHUN

Kumpulan komited untuk mengekalkan tahap modal yang mencukupi bagi mematuhi keperluan kawal selia pada setiap masa, sambil mengurus modal dengan cara yang stabil dan berhemat. Inisiatif pengurusan modal utama yang dijalankan pada tahun 2025 termasuk:

- Pada Mei 2025, RHB Bank Berhad menebus Obligasi Subordinat Tahap 2 berjumlah RM500.0 juta dan diisi semula sepenuhnya dengan Obligasi Subordinat Tahap 2 bersamaan RM500.0 juta yang dikeluarkan di bawah program nota berbilang mata wang RM10.0 bilion ("Program Nota").
- Pada November 2025, RHB Bank Berhad menebus Obligasi Subordinat Tahap 2 berjumlah RM500.0 juta dan diisi semula sepenuhnya dengan Obligasi Subordinat Tahap 2 bersamaan RM500.0 juta yang dikeluarkan di bawah Program Nota RM10.0 bilion.
- Penubuhan program sukuk wakalah berbilang mata wang sehingga RM5.0 bilion (atau yang setara dengannya dalam mata wang lain) dalam nilai nominal berdasarkan prinsip Syariah Wakalah Bi Al-Istithmar ("Program Sukuk Wakalah") untuk penerbitan sukuk wakalah senior, sukuk wakalah subordinat Tahap-2 dan/atau sukuk wakalah modal Tahap-1 Tambahan (secara kolektif, "Sukuk Wakalah") oleh RHB Islamic Bank Berhad, sebuah anak syarikat milik penuh RHB Bank Berhad. Program Sukuk Wakalah membolehkan RHB Islamic Bank Berhad menerbitkan Sukuk Wakalah yang akan mematuhi prinsip panduan Rangka Kerja Sukuk dan Bon Kelestarian RHB serta garis panduan, prinsip, rangka kerja atau piawaian kelestarian yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Forum Pasaran Modal ASEAN dan Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa.

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Keperluan modal minimum

Bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Komponen Modal) BNM, semua institusi kewangan dikehendaki mengekalkan mengekalkan tahap minimum kawal selia bagi ekuiti biasa tahap 1 ("CET1"), Modal Tahap 1 ("Tahap 1") dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing sebanyak 4.5%, 6.0% dan 8.0%.

Keperluan penampungan modal

Institusi kewangan dikehendaki mengekalkan penampungan modal tambahan, iaitu Penampungan Pemuliharaan Modal ("CCB") dan Penampungan Modal Kitaran Balas ("CCyB") jauh melebihi nisbah modal minimum kawal selia. CCB bertujuan untuk membolehkan sistem perbankan bertahan dalam tempoh tekanan pada masa hadapan dan diperkenalkan secara berperingkat sejak 2016 sehingga mencapai jumlah sebanyak 2.5% pada 2019.

CCyB ialah purata wajaran kadar CCyB semasa yang digunakan dalam bidang kuasa di mana institusi kewangan mempunyai pendedahan kredit. Penampungan ini bertujuan untuk melindungi sektor perbankan secara keseluruhan daripada peningkatan risiko sistemik semasa peningkatan ekonomi apabila pertumbuhan kredit agregat cenderung berlebihan. Penggunaan CCyB melebihi nisbah modal minimum adalah dalam julat 0% hingga 2.5%. CCyB belum ditetapkan, dan BNM akan memaklumkan sebarang keputusan mengenai kadar CCyB sehingga 12 bulan sebelum tarikh kadar tersebut terpakai.

Selain CCB dan CCyB, BNM mewajibkan institusi kewangan yang ditetapkan sebagai Bank Domestik Penting secara Sistemik ("D-SIB") untuk mengekalkan penampungan modal yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan modal kawal selia yang merangkumi keperluan Penyerapan Kerugian Tinggi ("HLA"). Keperluan HLA yang berkenaan adalah antara 0.5% hingga 1.0% daripada aset berwajaran risiko, pada tahap disatukan. RHB Bank Berhad bukan D-SIB menurut penyenaraian D-SIB terkini yang diterbitkan dalam Kajian Kestabilan Kewangan BNM untuk separuh pertama TK2025.

Jadual di bawah menunjukkan nisbah modal yang berkaitan bagi entiti perbankan terkawal utama Kumpulan, yang semuanya jauh melebihi keperluan kawal selia minimum.

Setakat 31 Disember 2025	Kumpulan Perbankan RHB	RHB Bank	RHB Islamic Bank	Kumpulan Pelaburan RHB	RHB Investment Bank	Nisbah Kawal Selia Minimum ^{N1}
Sebelum dividen dicadangkan:						
Nisbah CET1	16.138%	15.183%	15.443%	36.402%	32.593%	7.000%
Nisbah Tahap 1	16.138%	15.183%	15.443%	36.432%	32.593%	8.500%
Nisbah Jumlah Modal	18.542%	17.850%	17.823%	39.369%	37.619%	10.500%
Selepas dividen dicadangkan:						
Nisbah CET1	15.234%	13.912%	14.934%	33.222%	26.292%	7.000%
Nisbah Tahap 1	15.234%	13.912%	14.934%	33.252%	26.292%	8.500%
Nisbah Jumlah Modal	17.639%	16.579%	17.315%	36.189%	31.318%	10.500%

^{N1} Termasuk Penampungan Pemuliharaan Modal sebanyak 2.50%.

Penarafan Kredit

RHB BANK BERHAD

RAM Rating Services Berhad	Institusi Kewangan Jangka Panjang AA1	Institusi Kewangan Jangka Pendek P1	Prospek Stabil
Moody's Investors Service	Deposit Bank Jangka Panjang A3	Deposit Bank Jangka Pendek P-2	Penilaian Kredit Garis Dasar baa1 Prospek Stabil

RHB INVESTMENT BANK BERHAD

RAM Rating Services Berhad	Institusi Kewangan Jangka Panjang AA1	Institusi Kewangan Jangka Pendek P1	Prospek Stabil
----------------------------	--	--	-------------------

RHB ISLAMIC BANK BERHAD

RAM Rating Services Berhad	Institusi Kewangan Jangka Panjang AA1	Institusi Kewangan Jangka Pendek P1	Prospek Stabil
----------------------------	--	--	-------------------

Pengurusan Kunci Kira-kira

STRUKTUR KUNCI KIRA-KIRA

Pengurusan kunci kira-kira bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan dan meminimumkan kos melalui pengurusan aset dan liabiliti yang berkesan. Ia memerlukan semakan, pemantauan dan analisis mendalam kedudukan kunci kira-kira secara berkala untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang diingini dan memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham, dalam keadaan persekitaran kawal selia yang berubah-ubah serta landskap ekonomi dan perniagaan kompetitif.

Sinergi antara semua unit perniagaan dan fungsian di seluruh Kumpulan adalah penting untuk memacu dan membentuk kedudukan kunci kira-kira Kumpulan yang optimum melalui penyelarasan strategi. Strategi menyeluruh dikaji semula dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("GALCO") dan pertimbangan wajar dibuat sehubungan dengan selera risiko Kumpulan. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai strategi padu yang diterajui oleh unit perniagaan dan fungsian untuk mencapai pengurusan kunci kira-kira yang berkesan.

Asas pembiayaan aset Kumpulan dibina atas ekuiti pemegang saham, hutang jangka panjang dan deposit pelanggan teras. Melalui pengurusan kunci kira-kira yang strategik, pinjaman bersih, pendahuluan dan pembiayaan serta portfolio sekuriti Kumpulan meningkat masing-masing sebanyak RM13 bilion dan RM2 bilion kepada RM248 bilion dan RM90 bilion pada 31 Disember 2025. Pertumbuhan aset dicapai dengan tumpuan yang lebih besar pada kualiti kredit.

Strategi pembiayaan, pemerolehan dan campuran produk dikaji semula secara berkala untuk memastikan kemampunan dan kecekapan kos. Usaha berterusan dan kerjasama antara pelbagai perniagaan menghasilkan pertumbuhan deposit pelanggan Kumpulan sebanyak 1.2% tahun ke tahun (2024: 1.8%).

Asas deposit kami yang stabil dan hutang jangka panjang merupakan sumber dana utama untuk menyokong pertumbuhan aset. Kepelbagaian sumber deposit dan pembiayaan menjadi strategi jangka panjang kami yang berterusan. Pemerolehan deposit daripada semua perniagaan diuruskan melalui hubungan kukuh kami dengan pelanggan dan peningkatan tumpuan pada saluran digital.

STRUKTUR PEMBIAYAAN ASET

pada 31 Disember 2025

**RM248
bilion**

**Pinjaman, Pendahuluan
& Pembiayaan Bersih**

**RM90
bilion**

**Portfolio
Sekuriti**

**RM34
bilion**

**Jumlah Dana
Pemegang Saham^{N1}**

**RM253
bilion**

**Deposit daripada
Pelanggan**

^{N1} Jumlah Dana Pemegang Saham termasuk kepentingan bukan kawalan

Perhubungan Pelabur

Kumpulan komited untuk memastikan bahawa maklumat mengenai strategi korporat dan prestasi kewangannya dikongsi dengan pelabur dan pemegang taruh secara tepat pada masanya dan telus.

Kami percaya bahawa interaksi yang berterusan dan kehadiran saluran komunikasi terbuka dengan pemegang taruh adalah penting untuk memupuk kepercayaan dan persefahaman antara Kumpulan dengan pemegang taruhnya.

Kumpulan mewujudkan unit perhubungan pelabur yang khusus untuk mengurus komunikasi dengan komuniti pelabur, seperti pelabur institusi, penganalisis kewangan, pengurus dana dan agensi penarafan kredit. Pelbagai cara komunikasi digunakan, termasuk mesyuarat individu dan kumpulan, persidangan, pameran, jerayawara, panggilan persidangan, e-mel dan laman web korporat.

Susulan pengumuman keputusan kewangan suku tahunan di Bursa Malaysia, siaran akhbar disebarkan secara meluas melalui perkhidmatan berita bursa saham, laman sesawang korporat, berita elektronik dan perkhidmatan pagedaran berita.

Laman web korporat Kumpulan berfungsi sebagai repositori untuk data kewangan terkini dan lampau serta maklumat berkaitan lain yang tidak terhad kepada penyata kewangan.

Pada tahun 2025, kami meneruskan penglibatan kami dengan komuniti pelabur melalui persidangan dan mesyuarat yang melibatkan kedua-dua pelabur tempatan dan asing.

Pada 31 Disember 2025, Jumlah Pulangan Pemegang Saham 1 Tahun mencapai 26.7%, tertinggi dalam kalangan 6 Bank Teratas, dan Nilai Harga-ke-Buku meningkat kepada 1.0x, dengan peningkatan harga saham sebanyak 19% kepada RM7.71 daripada RM6.48 setahun yang lalu.

Perhubungan Pelabur melaksanakan:

- Taklimat Penganalisis bagi Pengumuman Keputusan Kewangan Suku Tahunan
- Taklimat Penganalisis Khas bagi strategi korporat baharu "PROGRESS27"
- Taklimat Penganalisis Khas bagi perkongsian bankasurans/bankatakaful baharu dengan Tokio Marine Life Insurance dan *The ONE Unified Banca Collective* Takaful Malaysia
- Jerayawara Tanpa Urus Niaga Singapura 2025

 **58**
Mesyuarat

 **598**
Peserta

Pengumuman Keputusan Kewangan

27 Februari 2025	Keputusan RHB Bank S4 2024/TK2024
28 Mei 2025	Keputusan RHB Bank S1 2025
28 Ogos 2025	Keputusan RHB Bank S2 2025/Setengah tahun 2025
27 November 2025	Keputusan RHB Bank S3 2025/9 bulan pertama 2025
27 Februari 2026	Keputusan RHB Bank S4 2025/TK2025


Taklimat, Persidangan dan Jerayawara Penganalisis Khas

10 Januari 2025	Forum Kewangan ASEAN J.P. Morgan 2025
7 Mac 2025	Taklimat Penganalisis Khas - PROGRESS27
5 Ogos 2025	Taklimat Penganalisis Khas - The ONE Unified Banca Collective
16 Oktober 2025	Jerayawara Tanpa Urus Niaga Singapura 2025

Senarai Liputan Penganalisis

- 1 Affin Hwang Investment Bank
- 2 AmResearch
- 3 CFRA Research
- 4 CGS International
- 5 CIMB Securities
- 6 Citi Investment Research
- 7 CLSA Securities
- 8 Hong Leong Investment Bank
- 9 J.P. Morgan Securities
- 10 Kenanga Investment Bank
- 11 Macquarie Capital Securities
- 12 Maybank Investment Bank
- 13 MBSB Research
- 14 Nomura Securities
- 15 TA Securities
- 16 UBS Securities
- 17 UOB Kay Hian

Perhubungan Pelabur



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Lembaga Pengarah menggalakkan pemegang saham untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan, yang notisnya disertakan dalam laporan ini, di mana pemegang saham berpeluang untuk mengemukakan soalan kepada Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan dan Pengerusi pelbagai jawatankuasa.

Prestasi Harga Saham

RHB BANK - PERGERAKAN HARGA SAHAM



MODAL PASARAN

↑ **RM34 bilion**
2024: RM28 bilion

PURATA VOLUM DAGANGAN HARIAN

↓ **6.9 juta**
2024: 7.1 juta

PURATA NILAI DAGANGAN HARIAN

↑ **RM45.7 juta**
2024: RM41.8 juta

DIVIDEN SESAHAM

↑ **50 sen**
2024: 43 sen

HARGA SAHAM

↑ **RM7.71 Penutup**
RM6.48 Pembukaan
RM7.83 Puncak

PENDAPATAN ASAS SESAHAM

↑ **77.13 sen**
2024: 72.02 sen

JUMLAH PULANGAN PEMEGANG SAHAM 1 TAHUN

↓ **26.7%**
2024: 27.4%

Perbankan Komuniti Kumpulan

SIAPA KAMI DAN APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbankan Komuniti Kumpulan ("GCB") menyediakan perkhidmatan kepada individu dan keluarga dengan menawarkan spektrum penuh penyelesaian perbankan konvensional dan patuh Syariah – daripada Pengurusan Kekayaan dan Bankasurans kepada Gadai Janji, Pembiayaan Kenderaan, Pembiayaan ASB, Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit dan Deposit.

Berlandaskan kecekapan dan berpaksikan pelanggan, kami sentiasa berusaha untuk menjadikan perbankan mudah, mudah diakses dan lancar. GCB menyediakan sokongan yang tepat dalam setiap langkah perjalanan pelanggan, sama ada dalam membantu mereka merancang masa depan mahupun dalam menguruskan soal kewangan harian.



JEFFREY NG EOW OO
Pegawai Urusan,
Perbankan Komuniti Kumpulan

PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Landskap operasi pada tahun 2025 kekal mencabar, dipengaruhi oleh ketidakpastian global dan tekanan domestik – termasuk pemotongan Kadar Dasar Semalaman dan persaingan yang semakin sengit untuk mendapatkan deposit, yang menekan margin faedah bersih industri dan melemahkan pendapatan bukan faedah dalam keadaan sentimen pasaran yang lemah. Pada masa yang sama, penggunaan digital yang pesat meningkatkan jangkaan pelanggan terhadap pengalaman perbankan yang lancar, intuitif dan diperibadikan.

Walaupun berdepan cabaran ini, GCB berjaya mengharungi persekitaran tersebut dengan berkesan melalui pelaburan digital yang bersasar, penambahbaikan produk dan perkhidmatan yang diperibadikan, pengurusan kos yang berhemat serta budaya yang berteraskan prestasi. Usaha ini membolehkan kami menjana nilai mampan serta menghasilkan hasil yang lebih baik kepada pelanggan sepanjang tahun sepanjang tahun.

BIDANG TUMPUAN UTAMA

Sejajar dengan PROGRESS27, fokus GCB adalah untuk mencapai objektif perniagaan utama berikut menjelang 2027:

Pengembangan Perniagaan Kekayaan

Mempercepat pertumbuhan francais kekayaan melalui keupayaan khidmat nasihat yang lebih baik dan penawaran produk yang diperluas.



Perperibadian Cadangan

Membangunkan cadangan berbeza yang disesuaikan dengan persona dan segmen pelanggan utama bagi meningkatkan penglibatan dan jualan silang.



Pertumbuhan Akaun Semasa dan Akaun Simpanan ("CASA")

Memacu pemerolehan deposit yang diterajui CASA melalui kempen bersasar dan cadangan transaksi yang dipertingkatkan.



Transformasi Digital

Memajukan pendigitalan untuk meningkatkan pemerolehan, penglibatan dan kecekapan operasi pelanggan.



Bahagian Pasaran Pinjaman Runcit

Mengukuhkan bahagian pasaran bagi pinjaman runcit melalui pertumbuhan bersasar dalam produk utama sambil mengekalkan kualiti aset.



Budaya dan Kecemerlangan Prestasi

Memacu transformasi budaya melalui pengurusan prestasi yang lebih kukuh, kecemerlangan perkhidmatan dan disiplin risiko.



PENCAPAIAN 2025

SOROTAN

KEWANGAN UTAMA

- Pendapatan runcit meningkat 6.0% tahun ke tahun ("YoY") kepada RM3.0 bilion, disokong oleh pendapatan bukan faedah ("NOII") yang lebih kukuh (+21.3%) dan pendapatan faedah bersih ("NII") (+3.7%).
- Keuntungan runcit sebelum cukai ("PBT") menurun 11.0% kepada RM1.1 bilion daripada RM1.2 bilion.
- Pinjaman dan pembiayaan kasar runcit meningkat 6.9% YoY kepada RM130.4 bilion, didorong oleh gadai janji (+7.8%), pembiayaan kereta (+9.6%) dan kad kredit (+12.4%).
- Bahagian pasaran pinjaman dan pembiayaan kasar runcit meningkat kepada 9.3% daripada 9.1%.
- Deposit runcit meningkat 5.9% YoY kepada RM94.3 bilion, dengan deposit tetap meningkat 6.6% dan CASA meningkat 3.8% untuk memacu pertumbuhan keseluruhan.
- Bahagian pasaran deposit runcit meningkat kepada 9.9% daripada 9.5%.
- Kualiti aset kekal stabil dengan Pinjaman Terjejas Kasar ("GIL") Runcit (0.93%), mengatasi purata industri sebanyak 1.13%.

SOROTAN PERNIAGAAN
DAN KEMAMPAHAN

Sorotan Kemampanan

1. **Pertumbuhan Kukuh dalam Pembiayaan Mampan**

Mencapai peningkatan 13.9% YoY dalam jualan pembiayaan mampan, mencecah RM3.3 bilion — 38.4% melebihi bajet (RM2.4 bilion).

Sorotan Perniagaan

2. **Pertumbuhan Deposit**

- Program Malaysia Rumah Keduaku ("MM2H"): Berurusan dengan 437 pelanggan dengan baki deposit sebanyak RM250 juta.
- Joy@Work: Pangkalan aktif meningkat sebanyak 41.4k YoY kepada 637.7k pelanggan dengan kenaikan gaji bulanan sebanyak RM214 juta.

3. **Ekosistem Kekayaan Diperkukuh**

Memeterai perjanjian bankasurans dan bankatakaful eksklusif 20 tahun dengan Tokio Marine Life Insurance Malaysia dan Takaful Malaysia.

4. **Peningkatan Jualan Digital**

Pengguna digital meningkat 17.0% YoY kepada 3.5 juta pengguna (+4.6% YoY berbanding bajet), disokong oleh pelancaran perbankan mudah alih baharu kami pada separuh pertama tahun 2025. Jualan digital⁽¹⁾ meningkat 19.3% YoY kepada RM26.4 bilion.

5. **Kecemerlangan Perkhidmatan Dipertingkat**

Pelancaran metodologi Cohen Brown SPARK oleh GCB memacu budaya berprestasi tinggi melalui bimbingan dan peningkatan kemahiran yang berterusan. Hal ini membantu mengekalkan kepuasan pelanggan yang kukuh dan mendapat kedudukan kedua dalam NPS. GCB Mencapai Skor SEE sebanyak 92.

⁽¹⁾ Jualan Digital bagi 7 produk - Gadai Janji, AF, PF, FD, ASNB, CashXcess dan Pemindahan Baki

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK

Inisiatif Utama

Hasil

Program 1 PROGRESS27: Menggalakkan Pertumbuhan CASA Domestik

- **Deposit runcit:** Memacu pemerolehan dan penggunaan gaji ("SMART 2.0"), dengan pertumbuhan bersasar dalam segmen MCA, Program Malaysia Rumah Keduaku ("MM2H"), pelajar institut pendidikan tinggi dan siswazah.
 - Baki CASA Runcit: RM23.5 bilion (+3.8% YoY).
 - Baki Akaun Pelbagai Mata Wang Runcit ("MCA"): RM2.7 bilion (+17.4% YoY).
 - Nisbah CASA Runcit: 24.9% (-0.5% YoY).

Program 2 PROGRESS27: Fokus Pengurusan Kekayaan Runcit

- Meluaskan penawaran untuk memindahkan pelanggan sedia ada menjadi pelabur aktif.
- Mengukuhkan fokus cawangan terhadap pertumbuhan Unit Amanah dan Bankasurans dalam segmen Pelanggan Mewah dan pasaran umum melalui pengenalan Perunding Kewangan Peribadi ("PFC").
- Melatih Pengurus Perhubungan Utama untuk menjadi penasihat kewangan berprestasi tinggi melalui latihan SPARK, dan memupuk budaya berprestasi tinggi.
- Mempertingkatkan cadangan Pengurusan Kekayaan Islam secara menyeluruh dengan memperkenalkan pelbagai penyelesaian pelaburan patuh Syariah.
 - AUM Kekayaan GCB: RM7.2 bilion (+25.2% YoY), yang mana AUM Islamik: RM985 juta (+21.0% YoY).
 - Jualan Kekayaan GCB: RM8.5 bilion (+34.3% YoY), yang mana Jualan Islamik: RM1.9 bilion (44.3% YoY).
 - Pendapatan Yuran Kekayaan GCB: RM369 juta (+34.4% YoY), yang mana Pendapatan Yuran Islamik: RM152 juta (+48.8% YoY).

Nota: Kekayaan terdiri daripada Pelaburan dan Bankasurans.

Perbankan Komuniti Kumpulan

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK (SAMB.)

Inisiatif Utama

Hasil

Program 4 PROGRESS27: Mengembangkan Portfolio Pinjaman Domestik

- Melancarkan produk hasil tinggi melalui pendekatan berasaskan segmen untuk menyasarkan pelanggan berkualiti yang diinginkan (cth. Pengubahsuaian dan Pembiayaan Hartanah Luar Negara, Pemanfaatan Kekayaan, Pembiayaan Pendidikan Pembiayaan Peribadi ("PF")).
 - Meningkatkan jumlah penyertaan digital dan Pemprosesan Terus ("STP") untuk meningkatkan kos pemerolehan.
 - Meningkatkan kualiti aset runcit melalui disiplin pemerolehan yang lebih kukuh, usaha kutipan yang dipertingkatkan dan inisiatif pemulihan yang dipercepatkan.
- Baki pinjaman runcit: RM130.4 bilion (+6.9% YoY).
 - Jualan pinjaman runcit: RM32.8 bilion (+5.9% YoY).
 - GIL Runcit: 0.93% (RM1.2 bilion).

Digital

- Memajukan perjalanan kewangan terangkum kami dengan menyediakan integrasi API Terbuka untuk rakan kongsi bagi meningkatkan perjalanan jualan STP dan digital untuk Kad Kredit, Pembiayaan Peribadi, Gadai Janji dan Pembiayaan Kenderaan.
 - Melancarkan aplikasi Perbankan Mudah Alih yang diperbaharui, direka untuk meningkatkan kesederhanaan, kemudahan dan kebolehcapaian.
 - Memanfaatkan AI Voicebot untuk kutipan dan pemulihan, termasuk prestasi prabayar Kad Kredit.
- Perbankan Dalam Talian dan Mudah Alih RHB:
 - Peningkatan pengguna digital: 3.5 juta (+17.0% YoY).
 - Kadar penembusan lebih tinggi berbanding asas runcit: 71.8% (+7.4% YoY).
 - Purata kadar penembusan pemerolehan digital: 32%.

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Nisbah kos-kepada-pendapatan ("CTI") YoY semakin meningkat. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan struktur kos melalui langkah penjimatan kos bersasar, termasuk beralih daripada pengeluaran penyata bercetak kepada format digital dan mengoptimumkan proses di cawangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai penjimatan kos sebanyak RM47.6 juta (+118.0% YoY berbanding bajet) CIR Runcit untuk 2025 pada 57.8%.
<ul style="list-style-type: none"> Pemampatan NIM disebabkan oleh pemotongan OPR dan kos pembiayaan yang lebih tinggi akibat persaingan pasaran. 	<ul style="list-style-type: none"> Penetapan harga yang kompetitif seimbang dengan strategi bersasar yang dipacu nilai, sambil memajukan inisiatif utama (cth. Program 2: Pengurusan Kekayaan Runcit) untuk meningkatkan pendapatan yuran. 	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan Yuran Kekayaan GCB: RM369 juta (+34.4% YoY).

MASA DEPAN DAN PROSPEK

Memandang ke hadapan, GCB akan meningkatkan penawaran dan memudahkan perjalanan pelanggan dalam usaha yang berterusan untuk mencapai aspirasi – iaitu menjadi Bank Komuniti Pilihan. Dalam melangkah ke tahun kedua strategi PROGRESS27, kami akan mengekalkan momentum kami dengan memantapkan fokus kepada keutamaan berikut:

- Mengekalkan momentum dalam aset runcit**
 - Meningkatkan bahagian pasaran.
 - Meningkatkan keuntungan (NIM% dan hasil).
 - Meningkatkan kecekapan operasi (kos dan produktiviti).
- Mempercepat perniagaan kekayaan**
 - Meningkatkan penembusan melalui strategi segmen.
- Memastikan deposit seiring aset**
 - Memacu pertumbuhan CASA Runcit melalui penglibatan dan tawaran yang diperibadikan.
- Digital**
 - Fokus pada penyampaian penglibatan yang diperibadikan dan pandangan kewangan yang menyeluruh kepada pelanggan.
 - Memanfaatkan Perbankan Terbuka dan AI.
- Pengagihan cawangan untuk meneruskan pengoptimuman kos dan produktiviti**
 - Meningkatkan lagi tahap perkhidmatan.
 - Memodenkan keupayaan layan diri untuk mempercepat peralihan daripada transaksi di kaunter.

Perbankan Borong Kumpulan

SIAPA KAMI DAN APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbankan Borong Kumpulan ("GWB") merupakan portfolio strategik teras Kumpulan dan pemacu utama pendapatan bukan faedah ("NOII") yang menyediakan penyelesaian kewangan bersepadu kepada korporat, institusi dan pelabur di seluruh ASEAN. Melalui pendekatan berpusatkan pelanggan yang diketuai oleh pasukan Pengurus Hubungan Pelanggan kami, kami memanfaatkan kepakaran pasaran yang mendalam dan pandangan daripada bahagian Ekonomi dan Penyelidikan untuk menyediakan penyelesaian yang diselaraskan di seluruh pasaran modal, perbankan transaksi dan perkhidmatan pelaburan.

GWB beroperasi melalui empat tonggak perniagaan strategik:

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

Perbankan Transaksi Kumpulan

Perbankan Pelaburan Kumpulan

- Pengurusan Aset Kumpulan
- Pemegang Amanah Kumpulan

Pengurus Hubungan Pelanggan



NURJESMI MOHD NASHIR
Pegarah Urusan,
Perbankan Borong Kumpulan

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global ("GTGM") beroperasi dalam segmen pasaran wang, pendapatan tetap, pertukaran asing dan derivatif, serta bertindak sebagai rakan kongsi pasaran yang dipercayai buat pelanggan kami. Kami menyediakan rangkaian produk dan penyelesaian perbendaharaan komprehensif yang membantu pelanggan mengurus risiko mata wang, kadar faedah dan komoditi yang timbul daripada aktiviti perniagaan mereka. Dengan memanfaatkan pandangan pasaran, keupayaan berstruktur dan kepakaran pengurusan risiko, GTGM membantu pelanggan menangani turun naik pasaran dan mengoptimalkan kedudukan kewangan mereka.

Selain berurusan dengan pelanggan, GTGM juga memainkan peranan penting dalam mengurus pendanaan, kecairan dan kunci kira-kira Kumpulan. Melalui strategi pendanaan yang berhemat, pelbagai dan cekap kos, kami menyokong pertumbuhan aset yang mampan sambil secara aktif mengurus lebih kecairan dan modal untuk memberikan pulangan terlaras risiko yang lebih tinggi. GTGM juga menjalankan perdagangan berdisiplin dalam rangka kerja selera risiko dan tadbir urus jelas, yang menyumbang kepada daya tahan pendapatan dan prestasi kewangan keseluruhan.

Perbankan Transaksi Kumpulan

Perbankan Transaksi Kumpulan menyokong misi Kumpulan untuk memberikan pertumbuhan yang mampan dan berdaya tahan dengan menyediakan penyelesaian perbankan transaksi bersepadu dan didahulukan secara digital. Kami bekerjasama dengan PKS, korporat pertengahan, korporat besar, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank dengan menawarkan perkhidmatan yang boleh dipercayai dan boleh diskala yang membolehkan operasi harian dan pengembangan jangka panjang.

Bidang tumpuan utama kami termasuk Pengurusan Tunai dan Pembiayaan Perdagangan, di mana kami menyediakan penyelesaian hujung ke hujung yang dapat mengoptimalkan modal kerja, menambah baik pengurusan kecairan dan meningkatkan kecekapan operasi. Melalui tawaran pengurusan tunai yang komprehensif, kami membolehkan pelanggan mengurus kutipan, pembayaran, kecairan dan pelaporan dengan lancar, disokong oleh platform digital yang selamat dan intuitif.

Dalam Pembiayaan Perdagangan, kami menyokong perdagangan domestik dan rentas sempadan dengan menawarkan rangkaian penyelesaian lengkap termasuk instrumen perdagangan tradisional, pembiayaan rantaian bekalan dan struktur pembiayaan pembeli-penjual tersuai. Penyelesaian ini membantu pelanggan mengurangkan risiko, mengukuhkan rantaian bekalan dan memastikan kecairan dalam kitaran perdagangan mereka.

GTB memberi penekanan kuat terhadap inovasi, disiplin kawal selia dan kecemerlangan perkhidmatan melalui perkhidmatan yang ditawarkan. Dengan menggabungkan penglibatan pelanggan yang diperibadikan dengan keupayaan digital mantap, kami memperkasakan pelanggan untuk mengurus aliran tunai dan perdagangan cekap dan beroperasi dengan yakin dalam persekitaran perniagaan semakin kompleks.

Perbankan Pelaburan Kumpulan

- Pengurusan Aset Kumpulan
- Pemegang Amanah Kumpulan

Perbankan Pelaburan Kumpulan menyediakan spektrum produk dan perkhidmatan pasaran modal komprehensif dalam pasaran primer dan sekunder. Kami pakar dalam mencipta penyelesaian kewangan tersuai yang membantu perniagaan mengakses modal melalui pengumpulan dana hutang dan ekuiti, manakala keupayaan pasaran sekunder kami

menyediakan rangkaian produk perdagangan dan pelaburan luas untuk pasaran saham tempatan dan global. Disokong oleh francais penyelidikan yang memenangi anugerah, kami membolehkan pelanggan runcit dan institusi membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat.

Bagi melengkapkan aktiviti teras ini, ekosistem kami yang lebih luas merangkumi Pengurusan Aset Kumpulan ("GAM") dan Pemegang Amanah Kumpulan. GAM menawarkan penyelesaian pelaburan konvensional dan patuh Syariah melalui pelbagai strategi dana, sekali gus memperkukuh penawaran pasaran modal kami. Pemegang Amanah Kumpulan menyediakan perkhidmatan fidusiar dan pemegang amanah yang penting kepada pelanggan, di samping aktiviti perbankan pelaburan.

Berpandukan strategi PROGRESS27 Kumpulan, pelan perniagaan kami menetapkan pelan tindakan tiga tahun yang jelas (2025-2027), yang mengutamakan pertumbuhan pendapatan pasaran modal yang stabil, memanfaatkan keupayaan Pengurusan Aset dan Pemegang Amanah bersepadu untuk memperkukuh hubungan, serta mengembangkan kehadiran pasaran di seluruh ekuiti runcit dan institusi. Pada masa yang sama, kami menyasarkan untuk meningkatkan keupayaan derivatif ekuiti dan memperkukuh francais perbankan pelaburan luar negara bagi menyokong keuntungan operasi yang mampan.

Pelaksanaan yang tertumpu ini membolehkan hubungan lebih mendalam dan kerjasama lebih kukuh dalam kalangan pemegang taruh, sambil mengekalkan kedudukan kepimpinan pasaran tiga teratas kami di Malaysia melalui penyelesaian relevan dan berbeza.

Pengurus Hubungan Pelanggan

Pengurus Hubungan Pelanggan berfungsi sebagai pintu masuk utama untuk pelanggan korporat dan institusi. Fokus pasukan ini adalah terhadap membina perkongsian jangka panjang, memahami keperluan pelanggan dengan lebih jelas, dan memanfaatkan keupayaan produk bersepadu GWB bagi memberikan penyelesaian khusus melalui pelbagai perkhidmatan yang kami tawarkan.

Perbankan Borong Kumpulan

PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

Pada tahun 2025, Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global ("GTGM") mengurus landskap kewangan global yang semakin kompleks dan saling berkaitan. Ketegangan geopolitik yang berterusan, tekanan inflasi yang semakin sederhana, dan perubahan beransur-ansur dalam dasar monetari global terus mendorong turun naik dalam pasaran mata wang, pendanaan dan pasaran modal. Dalam keadaan ini, kami kekal komited terhadap

pengurusan kecairan yang berdisiplin, pengoptimuman kunci kira-kira proaktif serta strategi perbendaharaan yang tangkas untuk menangani ketidakpastian berkaitan rentak dan trajektori pelarasan dasar.

Berpandukan falsafah yang berpusatkan pelanggan, kami memanfaatkan kepakaran pasaran kami untuk menyediakan penyelesaian perbendaharaan bersepadu yang disesuaikan

dengan keperluan pelanggan yang sentiasa berubah. Dengan menyokong pelanggan untuk mengharungi turun naik kadar faedah, risiko pertukaran asing dan cabaran kecairan, kami berjaya mengukuhkan hubungan jangka panjang dan mengembangkan bahagian pasaran serta pendapatan pada tahun ini, seterusnya mengukuhkan kedudukan sebagai rakan kongsi perbendaharaan yang dipercayai dalam landskap kewangan global yang dinamik.

Perbankan Transaksi Kumpulan

Persekitaran operasi untuk Perbankan Transaksi Kumpulan pada tahun 2025 dibentuk oleh ketidakpastian ekonomi global yang berterusan, tekanan inflasi menyederhana dan penajajaran semula geopolitik serta rantaian bekalan berterusan. Walaupun prospek pertumbuhan antara pasaran adalah berbeza-beza, namun korporat dan perniagaan kekal fokus untuk memelihara kecairan, mengoptimumkan modal kerja dan mengukuhkan daya tahan aliran tunai dan perdagangan mereka.

Kepekaan yang meningkat terhadap kadar faedah serta penggunaan modal yang lebih berhati-hati meningkatkan permintaan bagi pengurusan tunai yang cekap, ketelusan kecairan yang dipertingkatkan, serta keupayaan peramalan yang lebih baik. Sehubungan itu, permintaan terhadap penyelesaian pengurusan tunai bersepadu, pelaporan masa nyata, serta perkhidmatan pembayaran dan kutipan automatik kekal kukuh. Pelanggan semakin mencari rakan kongsi perbankan yang mampu

menyediakan penyelesaian berskala dan berteraskan digital yang menyokong kecekapan operasi sambil mengekalkan rangka kerja risiko dan kawalan kukuh.

Aktiviti pembiayaan perdagangan mencerminkan penormalan volum perdagangan global secara beransur-ansur, di samping kepelbagaian berterusan rantaian bekalan dan strategi penyumberan. Syarikat-syarikat berkembang ke pasaran baharu dan koridor perdagangan yang diselaraskan untuk mengurangkan risiko penumpuan. Hal ini memacu permintaan untuk penyelesaian pembiayaan perdagangan berstruktur termasuk pembiayaan rantaian bekalan serta pengaturan pembiayaan pembeli dan penjual yang disesuaikan. Pengurangan risiko, pengoptimuman kunci kira-kira dan akses tepat pada masanya terhadap kecairan perdagangan kekal sebagai keutamaan utama bagi pelanggan yang mengharungi persekitaran perdagangan rentas sempadan yang kompleks.

Penerimgunaan digital terus maju dengan pelanggan menjangkakan platform yang lancar, selamat dan saling kendali yang mengintegrasikan pengurusan tunai dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan. Pada masa yang sama, jangkaan kawal selia mengenai pematuhan, ketelusan dan daya tahan operasi meningkat, yang menekankan kepentingan tadbir urus, kawalan dan infrastruktur teknologi yang kukuh dalam perbankan transaksi.

Berlatarbelakangkan keadaan ini, Perbankan Transaksi Kumpulan kekal pada kedudukan yang baik untuk menyokong pelanggan melalui penyelesaian pengurusan tunai dan pembiayaan perdagangan yang komprehensif, yang menggabungkan penglibatan pelanggan yang diperibadikan dengan keupayaan digital yang inovatif untuk menghasilkan pertumbuhan mampan dalam francais pelanggan kami.

Perbankan Pelaburan Kumpulan (termasuk Pengurusan Aset Kumpulan dan Pemegang Amanah Kumpulan)

Persekitaran pelaburan pada tahun 2025 dibentuk oleh ketidakpastian ekonomi yang meningkat akibat dasar perdagangan A.S. yang sentiasa berubah dan kesan berlarutan langkah kawalan inflasi. Keadaan geopolitik dan dasar yang berubah-ubah ini memberi kesan kepada sentimen global, peningkatan keadaan turun naik dalam ekuiti pasaran baru muncul, dan menguatkan keperluan untuk pembuatan keputusan yang berdisiplin dan peka risiko.

Di dalam negara, pasaran ekuiti Malaysia menunjukkan daya tahan yang ketara. Penyerahan pelabur yang kukuh membantu

mengurangkan kejutan luaran dan mengekalkan aktiviti pasaran yang sihat. Momentum ini menyumbang kepada bilangan Tawaran Awam Permulaan ("IPO") tinggi pada tahun ini —satu pencapaian penting yang menandakan minat berterusan untuk penyenaian dan peluang pelaburan baharu.

Keadaan ini juga mempengaruhi landskap operasi untuk tonggak kekayaan dan fidusiar kami. Apabila pilihan pelabur berubah dan persaingan semakin sengit, permintaan beralih ke arah penyelesaian pelaburan yang lebih berbeza dan dipacu data. Sebagai tindak balas,

cabang Pengurusan Aset kami memanfaatkan analitik lanjutan untuk meluaskan set penawarannya, termasuk strategi dana berbilang aset yang didayakan AI dan portfolio yang berfokus pada sektor. Disokong oleh rangka kerja tadbir urus perkhidmatan Pemegang Amanah kami yang kukuh, inisiatif ini telah meningkatkan daya saing kami dan memperkukuh keupayaan kami untuk memberikan penjanaan nilai mampan dalam pasaran yang pesat berkembang.

BIDANG TUMPUAN UTAMA

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

- Menambah kekayaan dan penyelesaian yang diterajui bon untuk meningkatkan penembusan pelanggan dan mempelbagaikan aliran pendapatan.
- Menajamkan penjarangan pasaran dan disiplin risiko sebagai tindak balas kepada keadaan yang sentiasa berubah dan permintaan pelanggan.
- Mengoptimumkan portfolio untuk meningkatkan hasil, daya tahan dan kecekapan modal.
- Memperluas sumber pendanaan merentasi mata wang dan tenor untuk memperkukuh daya tahan dan meningkatkan kecekapan kos.

Perbankan Transaksi Kumpulan

- Memacu pertumbuhan yang berpusatkan pelanggan dan diterajui inovasi melalui perkongsian ekosistem yang lebih kukuh.
- Memperluas penyelesaian pembiayaan perdagangan yang diterajui perkhidmatan untuk mengembangkan bahagian dompet dan meningkatkan penembusan pelanggan.
- Mengintegrasikan kemampunan ke dalam penyelesaian perbankan transaksi untuk menyokong keperluan peralihan pelanggan.
- Mempercepatkan penggunaan platform digital untuk meningkatkan masa pemulihan, ketelusan dan kebolehskalaan.
- Memperluas ekosistem pengurusan pedagang dan tunai, terutamanya untuk pelanggan PKS dan komersial.
- Memacu pertumbuhan yang berfokus pada sektor melalui kerjasama ekosistem dalam industri utama seperti pendidikan.

Perbankan Pelaburan Kumpulan

- Memajukan keutamaan strategik secara berdisiplin untuk mengekalkan daya saing dalam keadaan turun naik pasaran.
- Mengekalkan kepimpinan perdagangan dalam segmen runcit dan institusi.
- Meningkatkan penawaran berpusatkan pelanggan yang berbeza untuk meningkatkan kerelevanan dan merebut peluang.
- Memperkukuh kecekapan pelaksanaan dan kerjasama seluruh Kumpulan untuk menyokong pertumbuhan yang mampan.

Pengurusan Aset Kumpulan

- Menambah kehadiran pasaran melalui pengagihan runcit dan institusi yang lebih kukuh.
- Menyampaikan strategi pelaburan inovatif yang selaras dengan keperluan pelanggan yang sentiasa berubah.
- Mengekalkan disiplin pelaburan yang berhemat untuk memberikan hasil yang konsisten di seluruh kitaran pasaran.
- Membina platform yang berdaya tahan dan berdaya saing untuk kemampunan jangka panjang.

Pemegang Amanah Kumpulan

- Melindungi kepentingan benefisiari melalui pengawasan yang berhemat dan pentadbiran amanah yang dipandu pematuhan.
- Meningkatkan kecekapan operasi dan kerjasama pemegang amanah untuk menyokong pertumbuhan jangka panjang.
- Meningkatkan perkhidmatan amanah yang berpusatkan benefisiari melalui penyelesaian pematuhan fidusiari dan khusus yang disesuaikan.

PENCAPAIAN 2025

SOROTAN

KEWANGAN UTAMA

Perbankan Borong Kumpulan

Pendapatan bersih: RM2.3 bilion
(2024: RM2.3 bilion)
PBT: RM1.5 bilion
(2024: RM1.5 bilion)

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

PBT: RM1.4 bilion
(2024: RM1.2 bilion)

Perbankan Pelaburan Kumpulan

PBT: RM0.1 bilion
(2024: RM0.3 bilion)

Perbankan Transaksi Kumpulan

PBT: RM1.0 bilion
(2024: RM0.9 bilion)

Nota: Untuk tujuan pelaporan segmen, keputusan Perbankan Transaksi Kumpulan dimasukkan dalam Perbankan Korporat dan Perniagaan Kumpulan, serta Perbankan Komuniti Kumpulan.

SOROTAN PERNIAGAAN DAN KEMAMPANAN

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

- Berjaya menyelesaikan transaksi Perjanjian Jual dan Beli Balik ("SBBA") hijau Islam pertama di Malaysia, yang mewakili pencapaian penting dalam inovasi kewangan lestari Islam.

Pengurusan Aset Kumpulan

- Menguruskan tujuh dana ESG/Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab ("SRI").

Perbankan Transaksi Kumpulan

- Berjaya mengeluarkan Jaminan Bank ("BG") bernilai tinggi berjumlah RM687 juta dan Surat Kredit ("LC") berjumlah RM285 juta.
- Mencatat pendapatan yuran sebanyak RM9.0 juta daripada BG dan RM4.0 juta daripada LC.
- Segmen pedagang terus mengatasi pasaran, dengan jumlah transaksi meningkat 73% YoY (daripada 212 juta kepada 366 juta transaksi) dan nilai transaksi meningkat 20% YoY (daripada RM73.5 bilion kepada RM89 bilion).

Perbankan Pelaburan Kumpulan

- Terus memajukan kewangan lestari dengan menyelaraskan strategi dengan peningkatan permintaan untuk penyelesaian yang mematuhi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG").
- Mengukuhkan kedudukan daya saing sambil memperkukuh peranan Kumpulan dalam menyokong pembangunan mampan.
- Menyokong pelanggan dengan penyelesaian khusus yang menggalakkan pelaburan yang bertanggungjawab dan mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi rendah karbon.
- Terus menjana nilai jangka panjang untuk pemegang taruh sambil menyumbang kepada agenda pertumbuhan mampan Malaysia.

Perbankan Borong Kumpulan

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

Inisiatif Utama	Hasil
<p>Mengembangkan Pelaburan Berstruktur Kekayaan & Jualan Bon</p> <ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan Duta Perbendaharaan dan Pakar Kekayaan perintis di Wilayah dan Cawangan Utama terpilih. Meningkatkan kelajuan-ke-pasaran untuk produk Pelaburan Berstruktur. 	<ul style="list-style-type: none"> Hasil jualan pelaburan berstruktur kekayaan meningkat 74% YoY Hasil jualan bon premier meningkat 37% YoY.
<p>Mengembangkan Pelaburan dalam Bon Mata Wang Asing</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengikuti trend dasar monetari pasaran utama lain dengan tujuan mengembangkan pelaburan bon dalam mata wang utama lain. 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pegangan bon mata wang asing, dengan bon FVOCI mata wang asing meningkat sebanyak 28.5% (YTD Dis'25). Keuntungan modal domestik daripada bon FVOCI mata wang asing meningkat sebanyak 117% (YTD Dis'25).
<p>Mempelbagaikan Sumber Pembiayaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan produk pembiayaan baharu yang inovatif untuk meningkatkan daya tahan pembiayaan sambil mengoptimumkan kos dana. 	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran SBBA hijau Islam pertama sebagai sebahagian daripada inisiatif ESG sambil meningkatkan kos dana. Pengeluaran kertas komersial dan pinjaman dua hala jangka panjang untuk meningkatkan LCR dan NSFR.

Perbankan Transaksi Kumpulan

Inisiatif Utama	Hasil
<p>Pengembangan Industri Perkhidmatan untuk Pembiayaan Perdagangan</p> <ul style="list-style-type: none"> Program rintis yang tertumpu pada industri perkhidmatan (Teknologi Maklumat dan Komunikasi ("ICT"), Logistik dan Pengangkutan, Pelancongan dan Hospitaliti). 	<ul style="list-style-type: none"> Aset perdagangan keseluruhan meningkat 4.1%.
<p>Integrasi Pembiayaan Perdagangan ESG</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempromosi Kewangan Maman dengan melancarkan promosi bersasar sebanyak RM1.0 bilion dalam Kemudahan Perdagangan ESG/i-ESG. 	<ul style="list-style-type: none"> Kemudahan ESG/i-ESG yang diluluskan mencecah kira-kira RM600 juta. Meluaskan penglibatan pelanggan kami dalam rantai bekalan yang mampan.
<p>Meningkatkan Penggunaan Platform Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penggunaan Saluran Digital Perdagangan ("Pembiayaan Perdagangan Refleks"). 	<ul style="list-style-type: none"> Penembusan platform digital yang lebih baik daripada 29.8% (2024) kepada 60.6% (2025).
<p>Perkongsian Strategik dengan Penyedia Sistem Tempat Jualan ("POS")</p> <ul style="list-style-type: none"> Bekerjasama dengan penyedia POS untuk mengintegrasikan pedagang DuitNow QR ("DNQR") bagi memacu pemerolehan akaun semasa ("CA") Baharu-Ke-Bank ("NTB"). Peningkatan penerimaan merentasi pelbagai sektor dan meletakkan RHB sebagai bank pilihan untuk penyelesaian pembayaran luar talian yang lancar. 	<ul style="list-style-type: none"> Memperoleh 15.2 ribu (sehingga Dis'25) pedagang NTB sepanjang tahun, iaitu pertumbuhan sebanyak 45.0% YoY. Mencapai pertumbuhan baki CASA pedagang YoY 21.8% (sehingga Dis'25) Mencapai kedudukan ke-2 dalam bahagian pasaran DNQR.
<p>Meningkatkan Bahagian Pasaran Belia melalui Kolaborasi</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkembang ke dalam sektor pendidikan melalui MOHE 2.0 dan Kementerian Pendidikan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai pertumbuhan keseluruhan 14.0% dalam CASA Perbankan Transaksi.

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK (SAMB.)

Perbankan Pelaburan Kumpulan

Inisiatif Utama	Hasil
<p>Meluaskan Keupayaan Produk Serantau</p> <ul style="list-style-type: none"> Bekerjasama dengan pengawal selia untuk melancarkan instrumen inovatif dalam pasaran yang kurang mendapat perkhidmatan, dengan fokus khusus terhadap Kemboja ("CSX") dan Indonesia untuk meluaskan suit produk serantau. 	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya melancarkan sub-bon pertama Kemboja. Mengeluarkan Waran Put pertama industri dan waran mogok mendalam di Indonesia yang menyasarkan pelabur jangka panjang.
<p>Menyampaikan Penyelesaian Borong & Rentas Sempadan Holistik</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyampaikan penyelesaian borong yang komprehensif dalam semua segmen pelanggan dengan tumpuan strategik ke atas pelaksanaan perjanjian rentas sempadan yang kompleks. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyelesaikan pelbagai terbitan bon rentas sempadan, perdagangan blok, khidmat nasihat dan urusan pembiayaan yang dilaksanakan secara bersama oleh pasukan di Singapura, Indonesia dan Malaysia.
<p>Memperkuh Perkongsian Penaja Pensindiketan & Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan pasukan khusus untuk mengukuhkan hubungan dengan Ekuiti Persendirian ("PE"), Dana Kekayaan Negara ("SWF") dan rakan kongsi perbankan untuk pensindiketan pinjaman. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengoperasikan <i>Financial Sponsor Coverage</i> di Singapura untuk memacu penjana idea dan penglibatan aktif dengan dana serantau.
<p>Mengukuhkan Kerjasama Kerajaan & Berkaitan Negeri</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyelaraskan pasukan <i>coverage</i> dalaman untuk menyasarkan projek sektor awam berimpak tinggi, khususnya melibatkan kerajaan negeri dan zon ekonomi khas. 	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya memperoleh kerja pembiayaan projek dan khidmat nasihat daripada Kerajaan Sarawak. Mengambil bahagian dalam urus niaga penting SEZ Johor-Singapura.
Pengurusan Aset Kumpulan	
Inisiatif Utama	Hasil
<p>Sinergi Dalaman yang Lebih Baik</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kerjasama di semua saluran runcit dan institusi untuk membangunkan penyelesaian pelaburan khusus untuk setiap segmen. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengukuhkan penglibatan dengan pelanggan daripada segmen runcit dan institusi, memberikan penyelesaian yang selari dengan matlamat/keperluan pelaburan mereka.
<p>Meningkatkan Pembezaan untuk Merebut Peluang yang Baru Muncul</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan tawaran produk yang inovatif dan unik yang membolehkan pelanggan merebut peluang yang baru muncul. 	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya melancarkan produk yang dipacu AI dan berfokuskan sektor, memberikan pelanggan strategi yang berbeza untuk merebut peluang yang baru muncul dan meningkatkan hasil pelaburan.
<p>Menyokong Daya Tahan Portfolio</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperkuh pengurusan portfolio dan pengawasan risiko untuk mengekalkan amalan pelaburan yang berdisiplin dan konsisten. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan prestasi dana melalui pengurusan portfolio yang berdisiplin dan kawalan risiko yang mantap, memperkuh keyakinan pemegang taruh dan menyokong penjana nilai jangka panjang.

Perbankan Borong Kumpulan

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Turun naik pasaran akibat ketidakpastian tentang dasar perdagangan dan perkembangan geopolitik yang mengakibatkan prestasi perdagangan dan pelaburan yang tidak menentu. 	<ul style="list-style-type: none"> Memberi tumpuan kepada asas ekonomi dan trend pasaran jangka panjang dan bukannya gangguan jangka pendek, disokong oleh amalan pengurusan risiko yang kukuh. Meningkatkan pulangan pelanggan dan pendapatan GTGM dengan menggunakan strategi yang mendapat manfaat daripada ketidakstabilan pasaran yang meningkat, seperti penyelesaian pelaburan berstruktur dengan pilihan terangkum. 	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan perdagangan meningkat sebanyak 16.5% YoY. Keuntungan modal daripada aktiviti pelaburan meningkat sebanyak 61.3%. Pendapatan jualan pelaburan berstruktur kekayaan meningkat 74.2% YoY.

Perbankan Transaksi Kumpulan

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Landskap pemerolehan pedagang yang sangat kompetitif. 	<ul style="list-style-type: none"> Mempercepatkan penyertaan pedagang DNQR melalui perkongsian POS yang strategik. Meningkatkan cadangan nilai pedagang melalui penyelesaian MDR dan CASA bersepadu yang kompetitif. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai kedudukan ke-2 dalam bahagian pasaran DNQR ("nilai"). Pertumbuhan volum transaksi YoY mengatasi industri (125% berbanding 81%).
<ul style="list-style-type: none"> Tekanan harga pengurusan tunai dan pemampatan NIM. 	<ul style="list-style-type: none"> Memberi tumpuan kepada perkhidmatan nilai tambah melangkaui produk yang dipacu kadar, menekankan penerimgunaan digital, pelaporan berasaskan analitik dan penyelesaian modal kerja bersepadu. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan pertumbuhan CASA sebanyak 14% YoY sambil mengekalkan keuntungan.
<ul style="list-style-type: none"> Perubahan kawal selia dalam infrastruktur pembayaran (cth. FPX kepada DuitNow Pay). 	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan proaktif dengan PayNet mengenai kesediaan RPP dan DuitNow Pay, memastikan kestabilan sambil memanfaatkan kelebihan rangkaian. 	<ul style="list-style-type: none"> Pertama di pasaran yang melancarkan DuitNow Pay untuk kutipan berulang dengan pelanggan GLC.
<ul style="list-style-type: none"> Permintaan yang semakin meningkat untuk penyelesaian pembiayaan perdagangan yang mampan. 	<ul style="list-style-type: none"> Melancarkan Kemudahan Perdagangan ESG/i-ESG bersasar selaras dengan garis panduan Perubahan Iklim BNM dan Taksonomi Berasaskan Prinsip. 	<ul style="list-style-type: none"> Kemudahan ESG/i-ESG yang diluluskan mencapai kira-kira RM600 juta. Memperluas penyertaan pelanggan dalam rantaian bekalan yang mampan.
<ul style="list-style-type: none"> Keperluan yang semakin meningkat untuk menggantikan Penerimaan Jurubank (BA) konvensional dengan penyelesaian pembiayaan invoice yang lebih fleksibel. 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan produk FlexiTrade yang dinaik taraf untuk menyokong keperluan pembiayaan pelanggan yang lebih luas, termasuk barangan, perkhidmatan dan perbelanjaan operasi. 	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya melaksanakan strategi pertumbuhan yang mengembangkan Aset Perdagangan sebanyak RM360 juta YoY.
<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan keperluan pematuhan dan kawal selia. 	<ul style="list-style-type: none"> Berurusan dengan pengawal selia secara proaktif supaya maklum tentang garis panduan baharu dan memastikan keperluan lebih awal. Memperkuh keupayaan dalaman untuk menilai dan memastikan pematuhan. 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkuh kerjasama dengan pengurus risiko dalaman. Melaksanakan Senarai Semak Penilaian Kendiri untuk menyokong kesediaan pematuhan yang berterusan.
<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan insiden penipuan dalam pemerolehan pedagang dan eBanking. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil bahagian secara aktif dalam pasukan petugas pemerolehan industri dan pedagang untuk sama-sama menerima pakai amalan terbaik yang baru muncul. Menjalankan semakan keupayaan pemantauan transaksi untuk mengenal pasti peluang peningkatan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengetatkan kawalan dalaman dan peraturan pemantauan transaksi. Menubuhkan Pasukan Penipuan di seluruh cabang perniagaan untuk menambah baik pengurusan dan pencegahan kes penipuan.

CABARAN DAN MITIGASI (SAMB.)

Perbankan Pelaburan Kumpulan

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Mengalami pemampatan yuran yang semakin meningkat akibat persaingan sengit daripada pengganggu digital dan pendatang pasaran baharu yang menggunakan strategi <i>loss-leader</i> yang agresif untuk mengurangkan yuran. 	<ul style="list-style-type: none"> Memberi tumpuan kepada penyelesaian khidmat nasihat khusus dan istimewa untuk beralih daripada persaingan yang dipacu harga. Membuat penawaran berbeza dengan meluaskan liputan ekosistem, termasuk khidmat nasihat serantau, dan keupayaan pelaksanaan komprehensif. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan kepimpinan pasaran dari segi pendapatan pembrokeran. Menetapkan IPO utama dengan model perkhidmatan ditempah khas. Melaksanakan urus niaga khidmat nasihat dan pengumpulan dana penting untuk mengukuhkan rekod prestasi dan menjamin saluran pendapatan masa hadapan yang kukuh.

Pengurusan Aset Kumpulan

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Keadaan pasaran yang mencabar, dicirikan oleh turun naik yang tinggi serta sentimen pelabur yang berhati-hati, yang mempengaruhi momentum. 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan tawaran dana baharu untuk merebut peluang pasaran baru muncul dan menangani keperluan pelabur yang sentiasa berubah. Mempertingkatkan kepelbagaian portfolio dan memperkukuh rangka kerja pengurusan risiko untuk mengekalkan daya tahan. 	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya melancarkan 11 dana baharu pada tahun 2025, mengembangkan suit produk dan mengukuhkan kedudukan daya saing. Mencapai prestasi dana yang stabil meskipun dalam keadaan pasaran yang tidak menentu.
<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kos kawal selia. 	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan fokus terhadap pengoptimuman sumber dan kos, disokong oleh kecekapan proses. 	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pematuhan penuh dengan rangka kerja yuran Suruhanjaya Keselamatan yang disemak semula sambil mengekalkan kecekapan operasi.

PANDANGAN DAN PROSPEK

Dalam situasi global yang tidak menggalakkan seperti turun naik pasaran, tekanan inflasi dan ketidakpastian geopolitik, Perbankan Borong Kumpulan kekal yakin dengan prospek pertumbuhan Malaysia untuk tahun 2026. Pandangan ini disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan di pelbagai sektor dan rantau.

Pada masa akan datang, kami menjangkakan sokongan daripada persekitaran dasar akan mengekalkan aktiviti domestik dan mengukuhkan momentum pendapatan korporat. KDNK Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar stabil 4.7% setahun, disokong oleh pelaburan berterusan, penggunaan sihat dan persekitaran luaran yang beransur-ansur stabil.

Mengambil kira situasi ini, Perbankan Borong Kumpulan akan terus fokus untuk mengukuhkan hubungan pelanggan di semua tonggak perniagaan dan segmen pelanggan dengan menyediakan suit penyelesaian berkualiti tinggi yang komprehensif dan direka khusus. Dengan mengenal pasti peluang yang muncul secara proaktif dan sentiasa menginovasi penawaran, kami berhasrat untuk membantu pelanggan menavigasi keadaan pasaran yang sentiasa berubah dan mencapai hasil mampan serta terlaras risiko.

Kami kekal komited untuk melaksanakan pelan tindakan PROGRESS27 melalui rangkain produk yang tersendiri, perkongsian strategik, model operasi berpusatkan pelanggan dan keupayaan digital yang lebih kukuh. Kesemua keutamaan ini akan terus membimbing usaha kami untuk memacu pertumbuhan mampan, mengukuhkan penjanaan nilai dan memberikan nilai jangka panjang untuk semua pemegang taruh.

Perbankan Korporat & Perniagaan Kumpulan

SIAPA KAMI DAN APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbankan Korporat & Perniagaan Kumpulan ("GCBB") ditubuhkan pada 1 Mei 2025 yang menyatukan aktiviti perbankan bukan runcit Kumpulan bawah satu platform bagi memperkukuh sinergi, kecekapan operasi dan pemusatan kepada pelanggan. GCBB beroperasi dalam tiga segmen teras:

Perbankan Korporat Kumpulan

Perbankan Komersial

Perbankan PKS

GCBB menyediakan suit penyelesaian kewangan Konvensional dan patuh Syariah yang komprehensif kepada pelanggan bukan runcit, merangkumi syarikat korporat besar hingga perusahaan kecil dan sederhana ("PKS"). Penggabungan perkhidmatan bukan runcit kami menambahkan jenis dan kualiti penyelesaian yang tersedia untuk PKS, sambil membolehkan peralihan yang lebih lancar apabila perniagaan berkembang dan berevolusi.



WENDY TING WEI LING
Pengarah Urusan,
Perbankan Korporat & Perniagaan Kumpulan

Perbankan Korporat Kumpulan

Perbankan Korporat Kumpulan menawarkan spektrum penuh penyelesaian kewangan Konvensional dan patuh Syariah yang disesuaikan untuk pelanggan korporat tersenarai di bursa saham tempatan dan antarabangsa. Keupayaan kami merangkumi pembiayaan modal kerja, pembiayaan perdagangan, lindung nilai mata wang asing, pembiayaan projek, pensindiketan dan khidmat nasihat pelaksanaan korporat, serta sokongan menyeluruh dalam pelbagai keperluan pembiayaan.

Kami beroperasi di seluruh Asia Tenggara bagi menyokong pengembangan serantau pelanggan melalui penyelesaian pembiayaan berstruktur ditempah khas yang selaras dengan keutamaan strategik dan rangka kerja risiko Kumpulan. Kepakaran pasaran kami yang mendalam, pendekatan inovatif dan pemahaman kukuh tentang dinamik korporat membolehkan kami membina perkongsian jangka panjang dan menyokong pertumbuhan perniagaan yang mampan.

Perbankan Komersial

Perbankan Komersial menawarkan perkhidmatan kepada syarikat tersenarai dan tidak tersenarai bermodal kecil dan sederhana bagi merapatkan jurang antara syarikat korporat besar dan PKS. Segmen ini menyokong pengembangan perniagaan dengan menyediakan penyelesaian pembiayaan Konvensional dan patuh Syariah penting, termasuk pembiayaan perbelanjaan modal, pembiayaan penyambungan dan jangka panjang, pembiayaan projek dan perdagangan, penyelesaian modal kerja, pengurusan kecairan dan lindung nilai mata wang asing. Perkhidmatan kami ini dilengkapi dengan kepakaran khusus mengikut sektor dan sokongan khidmat nasihat yang disesuaikan.

Perbankan PKS

Perbankan PKS menyediakan suit penyelesaian kewangan komprehensif kepada perusahaan kecil dan sederhana serta perniagaan keluarga. Dengan memanfaatkan kepakaran kami dalam industri utama, kami menyediakan perkhidmatan perbankan inovatif dan praktikal yang direka untuk menyokong pertumbuhan perniagaan, meningkatkan daya tahan dan membolehkan kejayaan jangka panjang. Penawaran kami merangkumi pembiayaan modal kerja, pembiayaan hartanah, kemudahan perdagangan, penyelesaian deposit tersuai dan perkhidmatan pengurusan tunai. Bersandarkan tumpuan kuat kami dalam menyokong agenda pertumbuhan PKS negara, kami mewujudkan kedudukan pasaran kukuh dan diiktiraf sebagai salah satu peserta utama dalam Skim Pembiayaan BNM.

Selaras dengan komitmen terhadap inovasi dan pembolehan digital, kami menawarkan sambungan API langsung dengan penyedia penyelesaian perniagaan pihak ketiga melalui e-penyelesaian PKS RHB, serta aplikasi pembiayaan dalam talian untuk PKS melalui Pembiayaan Dalam Talian PKS RHB – kedua-duanya adalah antara yang terawal dalam kalangan bank-bank Malaysia.

PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Persekitaran operasi pada tahun 2025 kekal mencabar dalam ketidakpastian global dan domestik yang berterusan. Pengumuman tarif A.S. pada S2 2025 mencetuskan turun naik dalam sektor terjejas, walaupun keadaan bertambah baik susulan penstabilan langkah tarif yang menjejaskan eksport Malaysia ke A.S. pada S3 2025. Di dalam negeri, perniagaan menghadapi tekanan kos yang berterusan berikutan langkah dasar seperti peluasan SST, pelarasan tarif elektrik dan air, peningkatan gaji minimum dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") yang lebih tinggi bagi pekerja asing.

Sebagai tindak balas, peminjam korporat meningkatkan usaha pengoptimuman kos untuk mengurangkan tekanan margin dan menyokong prestasi kewangan yang agak stabil, meskipun terdapat peningkatan kos yang berterusan dan sedikit pemampatan margin.

Berlatarbelakangkan situasi ini, pertumbuhan pinjaman dalam portfolio Perbankan Korporat dan Perbankan Komersial GCBB terutamanya disokong oleh aktiviti domestik, terutamanya projek dan pembangunan yang dijalankan oleh syarikat bersaiz sederhana dan syarikat berkaitan kerajaan ("GLC"). Pelonggaran dasar monetari, inisiatif kerajaan seperti Budi95, pengembangan infrastruktur yang berterusan dan Ringgit yang

lebih kukuh membantu membendung kos dan mengekalkan permintaan domestik. Kadar faedah yang lebih rendah juga mengurangkan kos pinjaman dan memberikan sedikit kelegaan kepada perniagaan dalam landskap operasi yang masih mencabar.

Sebaliknya, pertumbuhan pinjaman PKS menjadi sederhana apabila kami mengekalkan pendirian kredit yang berhemat dalam kesekitaran ketidakpastian ekonomi, kos operasi yang lebih tinggi dan peningkatan mungkir kredit dalam kalangan perniagaan yang lebih kecil. Tumpuan kami kekal pada kualiti aset dan kemampuan aliran tunai, disokong oleh penilaian dan keperluan dokumentasi yang lebih ketat, yang memperlambatkan kelulusan untuk peminjam yang lebih marginal. Walaupun begitu, pasaran perbankan PKS yang lebih luas terus berkembang, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, skim jaminan kerajaan dan keperluan pembiayaan yang berterusan. PKS yang mantap masih dapat mengakses pembiayaan, sementara bank semakin meningkatkan hubungan melalui perbankan transaksi jualan silang, penyelesaian rantaian bekalan dan pembiayaan berkaitan kemampuan untuk menyokong pertumbuhan meskipun momentum pinjaman adalah lebih perlahan.

BIDANG TUMPUAN UTAMA

Pertumbuhan Aset

Mengembangkan portfolio secara selektif dalam segmen dan sektor yang disasarkan melalui cadangan yang berbeza.



Kualiti Aset

Menguatkan disiplin kredit dan pemantauan portfolio untuk memelihara kualiti aset.



Deposit

Memacu pertumbuhan CASA dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian perbankan transaksi dan pengurusan tunai untuk pelanggan yang seterusnya membantu meningkatkan daya tahan pendanaan dan mengurangkan kos dana untuk Bank.



Jualan Silang

Meningkatkan bahagian dompet melalui pinjaman bersepadu, perdagangan, tunai, perbendaharaan, perbankan pelaburan dan penyelesaian kemampuan.



Digital dan STP

Mempertingkatkan pemprosesan digital dan secara terus untuk meningkatkan kecekapan, kelajuan dan pengalaman pelanggan.



PENCAPAIAN 2025

SOROTAN KEWANGAN DAN PERNIAGAAN UTAMA

GCBB Disatukan

- PBT: RM1.9 bilion (2024: RM1.5 bilion)
- Pinjaman & Aset Kasar: RM90.3 bilion (2024: RM87.6 bilion)
- GIL: RM1.4 bilion (2024: RM1.3 bilion)
- Deposit: RM90.5 bilion (2024: RM89.9 bilion)
- CASA: RM42.5 bilion (2024: RM37.8 bilion)

Perbankan Komersial

- PBT: RM0.2 bilion (2024: RM0.2 bilion)
- Pinjaman & Aset Kasar: RM10.9 bilion (2024: RM9.8 bilion)
- GIL: RM0.2 bilion (2024: RM0.1 bilion)
- Deposit: RM4.8 bilion (2024: RM3.9 bilion)
- CASA: RM2.7 bilion (2024: RM2.2 bilion)

Perbankan Korporat Kumpulan

- PBT: RM1.0 bilion (2024: RM0.8 bilion)
- Pinjaman & Aset Kasar: RM51.6 bilion (2024: RM49.9 bilion)
- GIL: RM0.2 bilion (2024: RM0.3 bilion)
- Deposit: RM46.8 bilion (2024: RM50.2 bilion)
- CASA: RM18.5 bilion (2024: RM16.1 bilion)

Perbankan PKS

- PBT: RM0.7 bilion (2024: RM0.6 bilion)
- Pinjaman Kasar: RM27.8 bilion (2024: RM27.9 bilion)
- GIL: RM0.9 bilion (2024: RM0.9 bilion)
- Deposit: RM38.9 bilion (2024: RM35.7 bilion)
- CASA: RM21.3 bilion (2024: RM19.4 bilion)

Perbankan Korporat & Perniagaan Kumpulan

PENCAPAIAN 2025 (SAMB.)

SOROTAN KEMAMPAHAN

GCBB Disatukan

- Jumlah Perkhidmatan Pembiayaan Mampan diluluskan – RM6,520 juta (2024: RM4,080 juta).

Perbankan Korporat Kumpulan

- Jumlah Perkhidmatan Pembiayaan Mampan diluluskan – RM4,089 juta (2024: RM1,214 juta).
- Bekerjasama dengan Perbankan PKS untuk membantu pelanggan korporat membangunkan penyelesaian pembiayaan rantaian bekalan bagi vendor mereka bawah Skim Rantaian Nilai Penghijauan BNM.

Perbankan Komersial

- Jumlah Perkhidmatan Pembiayaan Mampan diluluskan – RM781 juta (2024: RM996 juta).

Perbankan PKS

- Jumlah Perkhidmatan Pembiayaan Mampan diluluskan – RM1,650 juta (2024: RM1,870 juta).
- Bekerjasama dengan PETRONAS untuk melancarkan Program Pembiayaan Vendor Mampan ("SVFP") yang menyokong vendor bawah Program Sokongan Pembekal PETRONAS.
- Bekerjasama dengan Perbankan Korporat untuk membangunkan penyelesaian pembiayaan rantaian bekalan untuk ekosistem vendor pelanggan korporat bawah Skim Rantaian Nilai Penghijauan BNM.

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK

Perbankan Korporat Kumpulan

Inisiatif Utama

Hasil

Memacu Pertumbuhan Pinjaman dan Aset

- Mengutamakan pertumbuhan aset dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC") dan konglomerat besar dengan profil kredit yang kukuh dan potensi pendapatan sampingan.
- Menumpukan pertumbuhan aset pada segmen permodalan sederhana dengan hasil lebih tinggi.
- Mencapai pertumbuhan 19% YoY bagi pinjaman dan aset kasar GLC.
- Jumlah NOII meningkat 19.1% YoY.
- Mencapai pertumbuhan 11% YoY bagi pinjaman dan aset kasar syarikat permodalan sederhana melalui pemerolehan pelanggan bersasar.
- NIM Pinjaman & Aset Perbankan Korporat keseluruhan meningkat sebanyak 3 mata asas.

Mengukuhkan Pengurusan Kualiti Aset

- Mengurus kualiti portfolio secara proaktif melalui penilaian kredit yang berdisiplin dan pemantauan.
- Mengurangkan nisbah GIL daripada 0.68% (2024) kepada 0.48% (2025) melalui pengurusan risiko kredit secara proaktif.

Mempercepat Pertumbuhan CASA

- Meningkatkan mobilisasi CASA melalui penglibatan pelanggan dan penyelesaian perbankan transaksi bersasar.
- Mencapai pertumbuhan 14.6% YoY dalam keseluruhan CASA Perbankan Korporat.

Mengukuhkan Hubungan Pelanggan dan Jualan Silang

- Menawarkan penyelesaian holistik dan secara aktif mengejar peluang jualan silang bagi semua produk dan perkhidmatan.
- Mencapai pertumbuhan 4.1% dalam jumlah pendapatan melalui peningkatan bahagian dompet.
- Skor Promoter Bersih ("NPS") menurun tetapi mengekalkan kedudukan industri pada #2.

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK (SAMB.)

Perbankan Komersial

Inisiatif Utama	Hasil
Memacu Pertumbuhan Pinjaman dan Aset <ul style="list-style-type: none"> Fokus pada sektor ekonomi dan wilayah yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai pertumbuhan pinjaman dan aset kasar sebanyak 11.6%.
Pengurusan Kualiti Aset Proaktif <ul style="list-style-type: none"> Mengurus kualiti portfolio secara proaktif melalui penilaian dan pemantauan kredit yang berdisiplin. 	<ul style="list-style-type: none"> Nisbah GIL meningkat daripada 1.25% (2024) kepada 1.99% (2025), disebabkan terutamanya oleh masa penyelesaian akaun terjejas tunggal yang hampir selesai.
Meningkatkan Pertumbuhan CASA <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan mobilisasi CASA melalui penyelesaian penglibatan pelanggan dan perbankan transaksi yang dipacu data. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai pertumbuhan kukuh CASA sebanyak 21.0% YoY, didorong oleh hubungan yang semakin kukuh, penyelesaian pengurusan tunai yang dipertingkatkan dan analitik data gunaan. Deposit Perbankan Komersial NIM keseluruhan meningkat sebanyak 8 mata asas.
Mengeratkan Hubungan Pelanggan dan Jualan Silang <ul style="list-style-type: none"> Menyampaikan penyelesaian holistik dan secara aktif mengejar peluang jualan silang merentasi produk dan perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai pertumbuhan jumlah pendapatan sebanyak 15.8%, mencerminkan bahagian dompet yang lebih mendalam dengan pelanggan utama. Skor Promoter Bersih menurun dan mengekalkan kedudukan dalam industri pada kedudukan #4.

Perbankan PKS

Inisiatif Utama	Hasil
Memacu Pertumbuhan Pinjaman dan Aset <ul style="list-style-type: none"> Memberi tumpuan kepada sektor ekonomi keutamaan yang sejajar dengan dasar negara contohnya Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("NIMP 2030"), Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 ("NAP 2.0"), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara Malaysia ("NETR"). Melaksanakan penunjangan strategik daripada segmen PKS Runcit ("RSME") kepada portfolio Pasaran Pertengahan ("MM"). Meningkatkan akaun besar terpilih daripada pengurus bukan perhubungan ("RM") dan Program RSME terurus kepada liputan MM yang dilayan RM. Menyenaraiputihkan pelanggan pinjaman dengan tatalaku akaun yang kukuh bagi meningkatkan bahagian dompet. Memperudahkan templat permohonan kredit bagi pelanggan Sedia Ada-ke-Bank ("ETB") terpilih. 	<ul style="list-style-type: none"> Pinjaman MM meningkat sebanyak 6.7% manakala pinjaman RSME menurun sebanyak 3.0% YoY. Pinjaman dalam sektor ekonomi fokus meningkat; pembuatan pada RM1,368 juta dan pertanian pada RM249 juta.
Pengurusan Kualiti Aset Proaktif <ul style="list-style-type: none"> Menguatkan kawalan kredit untuk sektor berisiko tinggi terpilih termasuk meningkatkan penilaian terhadap keupayaan pembayaran balik oleh pelanggan. Mengubah haluan pertumbuhan pinjaman ke arah pinjaman bercagar yang ketara (cth. pinjaman bersandarkan hartanah dan pinjaman bersandarkan Deposit Tetap), dengan pergantungan yang berkurangan pada kemudahan berasaskan jaminan. Melaksanakan sistem amaran awal untuk mengenal pasti, melibatkan dan memantau pelanggan yang menghadapi tekanan kewangan dengan teliti. Meningkatkan usaha mendapatkan semula pinjaman. 	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun GIL meningkat sebanyak 5.7% YoY dan nisbah GIL meningkat daripada 3.21% (2024) kepada 3.41% (2025), jumlah pelanggan baharu daripada sektor berisiko tinggi menurun sebanyak 8.7% YoY, yang membantu mengurangkan risiko masa hadapan. Pemulihan hutang lapuk meningkat sebanyak 11.2% tahun ke tahun (YoY). Walaupun GIL meningkat sebanyak 5.7% YoY dan nisbah GIL naik daripada 3.21% (2024) kepada 3.41% (2025), jumlah pengambilan pelanggan daripada sektor berisiko tinggi menurun sebanyak 8.7% YoY, sekali gus membantu mengurangkan risiko pada masa hadapan. Pemulihan hutang lapuk meningkat sebanyak 11.2% YoY.
Meningkatkan Pertumbuhan CASA dan Deposit Tetap <ul style="list-style-type: none"> Melancarkan kempen CASA dan Deposit Tetap ("FD") bersasar yang disokong oleh inisiatif pemerolehan pedagang. Deposit PKS: Meningkatkan pembangunan pemerolehan pedagang dan ekosistem (cth. perjalanan, pendidikan) sambil meneruskan pemerolehan dan perancangan akaun utama yang disasarkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai pertumbuhan CASA dan FD masing-masing sebanyak 9.7% dan 7.7% YoY.
Meluaskan Penawaran Digital dan Pemprosesan Terus <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penawaran digital dan pemprosesan terus untuk menambah baik masa pusing ganti dan pengalaman pelanggan. 	<ul style="list-style-type: none"> Kelulusan kredit automatik untuk saiz pinjaman RM200,000 dan ke bawah.

Perbankan Korporat & Perniagaan Kumpulan

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN

Perbankan Korporat Kumpulan

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Margin daripada pelanggan korporat peringkat tertinggi kekal tipis dalam keadaan tekanan persaingan yang sengit. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan pulangan modal terlaras risiko ("RAROC") dengan memacu sumbangan pendapatan yang lebih tinggi daripada perniagaan sampingan melalui jualan silang yang aktif. Melaksanakan peralihan strategik ke arah segmen permodalan pertengahan margin lebih tinggi untuk mengoptimalkan keuntungan portfolio. 	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pendapatan perniagaan sampingan meningkat sebanyak 19.1%. Margin faedah bersih ("NIM") aset dan pinjaman kasar Perbankan Korporat Kumpulan keseluruhan meningkat sebanyak 3 mata asas.

Perbankan Komersial

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan pinjaman dan aset yang membanggakan dalam Perbankan Komersial meningkatkan keperluan pembiayaan sendiri, yang diburukkan oleh persaingan industri yang sengit untuk deposit. 	<ul style="list-style-type: none"> Bekerjasama dengan Perbankan Transaksi Kumpulan untuk memperkenalkan pengurusan tunai dan penyelesaian pedagang yang inovatif bagi menarik akaun operasi yang sukar. Memanfaatkan analitik data untuk menawarkan pelanggan dengan potensi deposit tambahan, termasuk cadangan akaun semasa berfaedah yang disesuaikan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai pertumbuhan CASA YoY sebanyak 21.0%. Mencapai pertumbuhan FD dan CASA YoY masing-masing sebanyak 22.4% dan 21.0%. Mendapat 34 pedagang baharu.

Perbankan PKS

Cabaran	Langkah Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pinjaman terjejas kasar ("GIL") dalam segmen RSME. 	<ul style="list-style-type: none"> Kriteria penilaian kredit yang diperketat untuk pelanggan yang beroperasi dalam sektor ekonomi berisiko tinggi. Pertumbuhan pinjaman yang diseimbangkan semula ke arah kemudahan bercagar yang ketara, termasuk pinjaman bersandarkan hartanah dan pinjaman bersandarkan Deposit Tetap, sambil mengurangkan pergantungan pada pinjaman berasaskan jaminan. 	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan pelanggan daripada sektor berisiko tinggi menurun sebanyak 8.7% YoY.
<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan pinjaman PKS runcit kekal lembap. 	<ul style="list-style-type: none"> Beralih secara strategik daripada segmen RSME ke arah portfolio MM. 	<ul style="list-style-type: none"> Pinjaman MM meningkat sebanyak 6.7%, manakala pinjaman RSME menurun sebanyak 3.0% YoY.

PANDANGAN DAN PROSPEK

Menjelang Tahun Kewangan 2026, kami menjangkakan ekonomi domestik akan kekal berdaya tahan dan terus berkembang. Prospek ini disokong oleh jangkaan perbelanjaan yang kukuh daripada sektor swasta, kesinambungan aktiviti pelaburan jangka sederhana yang mantap, terutamanya dalam sektor dan wilayah yang diberi keutamaan bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, serta pendirian dasar monetari yang akomodatif daripada bank pusat.

Dengan jangkaan ini, kami akan memperhebat trajektori pertumbuhan dengan memanfaatkan kekuatan tonggak perniagaan kami. Kami akan terus memanfaatkan struktur bersepadu kami di bawah GCBG untuk mencapai sinergi yang lebih mendalam – daripada peruntukan aset strategik dan penggunaan modal kepada penyelarasan proses dalaman dan KPI – kepada pengukuhan rujukan silang dan jualan silang dalam GCBG dan di seluruh Kumpulan Perbankan.

Kepentingan pelanggan kekal sebagai keutamaan kami. Kami akan meningkatkan penglibatan pelanggan dan menyediakan perkhidmatan serta penyelesaian nilai tambah yang tepat pada masanya untuk mengukuhkan hubungan jangka panjang. Pada masa yang sama, kami akan menambah ciri dan keupayaan platform digital PKS kami sambil membantu pelanggan mengakses skim yang dibiayai BNM dan penyelesaian pembiayaan mampan sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap ESG.

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

SIAPA KAMI DAN APA YANG KAMI LAKUKAN

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan ("GIB") RHB ialah tonggak teras agenda pertumbuhan serantau Kumpulan, yang mengukuhkan kehadiran perbankan komersial kami di lima pasaran – **Singapura, Kemboja, Thailand, Brunei** dan **Laos** – sambil memanfaatkan kepakaran dan keupayaan ibu pejabat kami di Malaysia.

Dengan menyelaraskan strategi kami dengan dinamik dan rangka kerja kawal selia pasaran tempatan, kami memperkukuh keupayaan untuk merebut peluang pertumbuhan di seluruh rantau ini dan memenuhi keperluan pelanggan yang pelbagai melalui rangkaian penyelesaian kewangan yang komprehensif, yang merangkumi pembiayaan, deposit, pengurusan kekayaan, pembiayaan perdagangan, perbankan utama, bankasurans dan sokongan PKS yang khusus.

Matlamat kami adalah untuk memperkukuh integrasi serantau sambil membina perniagaan yang mampan dan boleh dimajukan lagi bagi mengembangkan jejak antarabangsa Kumpulan.



DANNY QUAH BOON LENG
Pegawai Urusan,
Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Di seluruh rantau ini, persekitaran operasi pada tahun 2025 dibentuk oleh jangkakan pelanggan yang sentiasa berubah, peningkatan penggunaan digital, persaingan yang meningkat untuk deposit dan pinjaman, dan permintaan yang semakin meningkat untuk penyelesaian sejajar ESG – mengukuhkan kepentingan ketangkasan, pelaksanaan yang berdisiplin dan strategi khusus pasaran.



Singapura: Sebagai hab kewangan serantau utama, Singapura terus memberikan peluang yang kukuh dalam pengurusan kekayaan dan perkhidmatan kewangan inovatif, dengan tumpuan yang kuat pada portfolio aset pelaburan yang pelbagai serta pembiayaan dan pelaburan sejajar ESG.



Thailand: Pasaran kekal tertumpu pada peluang perbankan komersial dan korporat yang besar, di mana keutamaan pelanggan semakin tertumpu pada kecekapan dan integrasi ESG untuk memacu kemajuan yang mampan.



Kemboja: Pasaran perbankan kekal sangat kompetitif dan progresif secara digital, dengan penambahbaikan kawal selia berterusan yang bertujuan untuk memperkukuh kebolehkendalian pembayaran dan kestabilan kewangan.



Brunei: Aktiviti pinjaman kekal stabil dalam segmen isi rumah dan korporat, disokong oleh penekanan berterusan yang diberikan pada pengukuhan kualiti perkhidmatan dan peningkatan penglibatan pelanggan.



Laos: Pasaran terus mengutamakan pembangunan perbankan asas, memperkukuh asas perbankan runcit dan komersial untuk memperkukuh daya tahan jangka panjang.

BIDANG TUMPUAN UTAMA

Fokus ke atas pendapatan bukan faedah

Memacu keuntungan yang mampan melalui pendapatan yuran daripada portfolio perbendaharaan, aktiviti pensindikatan dan kekayaan runcit.



Kerjasama rentas sempadan

Memperkukuh kerjasama rentas sempadan dan usaha jualan silang di seluruh rangkaian serantau RHB untuk menyokong korporat yang memerlukan perbankan serantau.



Kualiti Aset

Memfokuskan pertumbuhan pinjaman pada segmen pelanggan yang berkualiti tinggi, sambil mempercepat pemuliharaan pinjaman serta langkah penjadualan semula dan penstrukturan semula ("R&R") secara proaktif.



Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

PENCAPAIAN 2025

SOROTAN KEWANGAN DAN PERNIAGAAN UTAMA

GIB kekal sebagai pemacu utama strategi pertumbuhan serantau Kumpulan. Dengan memanfaatkan sinergi rentas sempadan dan kepakaran pasaran tempatan, kami mengukuhkan kewujudan kami dalam ekonomi serantau berpotensi tinggi dan menyediakan penyelesaian berpusatkan pelanggan yang menyokong pertumbuhan mampan.

Pada tahun 2025:

- GIB menyumbang 11.6% daripada jumlah pendapatan Kumpulan.
- Keuntungan sebelum cukai ("PBT") meningkat kepada RM257 juta daripada RM104 juta, didorong terutamanya oleh kerugian kredit jangkaan ("ECL") yang lebih rendah.
- Pinjaman kasar meningkat 0.9%, mencerminkan pengembangan kunci kira-kira yang stabil di seluruh pasaran utama.
- Deposit pelanggan menurun sebanyak 0.5%.

Tumpuan kami terhadap inovasi, kecemerlangan operasi dan perbankan yang berpusatkan pelanggan akan terus memperkukuh daya saing serantau RHB dan menyokong penjana nilai jangka panjang.

RHB Singapura	SGD juta		
	2025	2024	YoY
Pinjaman Kasar	9,718	8,950	8.6%
Deposit Pelanggan	10,274	9,820	4.6%
Jumlah Pendapatan	249.2	252.6	-1.3%
Keuntungan Operasi yang Boleh Dikekalkan	94.1	103.1	-8.7%
Keuntungan Sebelum Cukai	104.6	98.7	5.9%

RHB Kemboja	USD juta		
	2025	2024	YoY
Pinjaman Kasar	646	723	-10.6%
Deposit Pelanggan	657	674	-2.5%
Jumlah Pendapatan	31.7	22.8	38.7%
Keuntungan Operasi yang Boleh Dikekalkan	13.8	4.7	191.2%
Keuntungan Sebelum Cukai	(8.5)	(4.1)	-106.3%

RHB Thailand	THB juta		
	2025	2024	YoY
Pinjaman Kasar	7,385	9,690	-23.8%
Deposit Pelanggan	9,344	9,660	-3.3%
Jumlah Pendapatan	335.9	199.7	68.2%
Keuntungan Operasi yang Boleh Dikekalkan	16.6	(93.8)	117.7%
Keuntungan Sebelum Cukai	(197.9)	(1,750.7)	88.7%

RHB Brunei	BND juta		
	2025	2024	YoY
Pinjaman Kasar	59	58	0.5%
Deposit Pelanggan	132	112	17.8%
Jumlah Pendapatan	4.0	4.5	-11.0%
Keuntungan Operasi yang Boleh Dikekalkan	0.3	1.1	-68.1%
Keuntungan Sebelum Cukai	0.3	0.9	-63.8%

RHB Laos	LAK bilion		
	2025	2024	YoY
Pinjaman Kasar	330	389	-15.2%
Deposit Pelanggan	59	76	-22.1%
Jumlah Pendapatan	49.8	49.2	1.1%
Keuntungan Operasi yang Boleh Dikekalkan	(4.7)	(1.6)	-189.3%
Keuntungan Sebelum Cukai	6.3	32.1	-80.5%

PENCAPAIAN 2025 (SAMB.)

SOROTAN
KEMAMAPAN

GIB terus memajukan agenda kelestarian dalam operasi serantanya dengan menerapkan amalan perbankan bertanggungjawab yang menyokong penjana nilai jangka panjang serta memberikan impak positif kepada komuniti dan pasaran di mana kami menawarkan perkhidmatan.

Singapura:

- Meluluskan lebih daripada SGD600 juta dalam bentuk pinjaman dan bon hijau di seluruh bidang keutamaan termasuk bangunan hijau, tenaga boleh diperbaharui dan pengangkutan bersih.
- Menerima Anugerah Gangsa untuk Program ESG Terbaik di Anugerah Pengalaman Pekerja 2025.

Thailand:

- Melabur THB50 juta dalam bon ESG bagi mengukuhkan komitmen kami terhadap kewangan mampan.

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK

RHB SINGAPURA

Inisiatif Utama	Hasil
<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kerjasama antara RHB Singapura dan rangkaian serantau untuk menjual silang produk perbankan pelaburan. • Memulakan Sistem Pengasalan Pinjaman ("LOS") untuk permohonan pinjaman Perbankan Komersial. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh kerjasama rentas sempadan dan usaha jualan silang di seluruh rangkaian serantau RHB untuk memacu peluang perbankan pelaburan. • Bertindak sebagai Pengatur Utama Bermandat dan Pengurus Buku ("MLAB") dalam Kemudahan Pinjaman Sindiket RM1,115 juta bagi membiayai pemerolehan sebuah perniagaan Malaysia oleh firma ekuiti persendirian yang beribu pejabat di Singapura. • Ujian Penerimaan Pengguna ("UAT") LOS Fasa 1 sedia untuk dimulakan pada 2026.
<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh keupayaan penajajaminan dan pensindiketan pinjaman. • Penumpuan pada pasaran Singapura, terutamanya sektor Pembinaan dan Bangunan. • Penambahbaikan mengikut keutamaan dalam kualiti aset Perbankan Komersial. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh hubungan pelanggan melalui penyelesaian pembiayaan yang disesuaikan bagi memenuhi keperluan perniagaan yang khusus. • Meningkatkan pendapatan berasaskan yuran dan kecekapan modal sambil mengukuhkan kehadiran kompetitif RHB dalam pasaran pinjaman korporat dan institusi. • Berjaya mensindiketkan pinjaman bernilai lebih SGD350 juta pada TK2025. • Mencapai had tambahan 9% dalam segmen Pembinaan dan Bangunan.
<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuh komitmen terhadap pembiayaan hijau dan mengusahakan pertumbuhan lestari untuk menyokong masa depan yang lebih hijau bagi industri dan masyarakat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan lebih daripada SGD600 juta dalam bentuk pinjaman dan bon hijau bagi pelbagai kategori, termasuk bangunan hijau, tenaga boleh diperbaharui dan pengangkutan bersih.

RHB KEMBOJA

Inisiatif Utama	Hasil
<ul style="list-style-type: none"> • Memperluas perbankan digital dengan memanfaatkan platform goWave untuk mengembangkan asas perbankan digital. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan keselamatan Aplikasi goWave melalui Pengesahan Wajah dan paparan notifikasi masa nyata. • Memperkenalkan Pembukaan Akaun Dalam Talian ("OAO") melalui "eKYC" sepenuhnya elektronik untuk memudahkan penyertaan.
<ul style="list-style-type: none"> • Mempercepatkan pemulihan pinjaman terjejas melalui jualan perjanjian persendirian bagi mengoptimumkan kualiti aset. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berjaya mendapatkan semula USD4.3 juta.

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK (SAMB.)

RHB THAILAND

Inisiatif Utama

- Memperluas kerjasama rentas sempadan dan kehadiran serantau RHB.
- Menyiapkan dokumentasi tadbir urus utama.
- Menubuhkan fungsi Semakan Kredit Bebas.
- Menstruktur semula peranan untuk meningkatkan kecekapan.

Hasil

- Memulakan penerokaan rakan niaga rentas sempadan baharu di Singapura dan Kemboja.
- Memuktamadkan Analisis Jurang dan membangunkan Manual Operasi Tempatan untuk fungsi kritikal bagi memperkukuh kejelasan dan pematuhan operasi.
- Melaksanakan fungsi semakan bebas untuk memantau dan menilai proses kredit hujung ke hujung, meningkatkan pengawasan dan membolehkan pengenalpastian isu sejak awal.
- Menyusun semula tanggungjawab Pengurus Perhubungan ("RM") dan Penganalisis Kredit untuk menghapuskan pertindihan peranan, meningkatkan pemahaman maklumat pelanggan, meningkatkan kecekapan operasi dan menyokong peningkatan kemahiran kakitangan.

- Memberi tumpuan kepada pendapatan faedah dan bukan faedah untuk menambah hasil pendapatan Perbendaharaan.
- Mengimbangi semula portfolio ke arah pelanggan korporat yang berkualiti tinggi.
- Mempergiat usaha R&R.

- Pengoptimuman penggunaan portfolio dengan meningkatkan pinjaman kepada pelanggan korporat sambil secara aktif mengurangkan pendedahan kepada akaun berisiko tinggi ("Pengurusan Pendapatan Dipertingkatkan ("EAM")/Peringkat 2/Peningkatan Risiko Kredit yang Ketara ("SICR") sebanyak THB700 juta, yang menghasilkan penjimatan ECL hampir THB140 juta.
- Peningkatan pelaburan dalam bon korporat yang dikeluarkan oleh syarikat yang diberi penarafan kukuh untuk meningkatkan kecekapan dan penggunaan modal.
- Lebih daripada THB300 juta telah berjaya didapatkan semula melalui R&R, jualan lelongan dan pengelasan semula akaun pada tahun 2025.

RHB BRUNEI

Inisiatif Utama

- Memperkenalkan insentif tunai rujukan gadai janji untuk ejen hartanah.
- Menghadiri jerayawara ejen hartanah untuk mempromosi kadar promosi pinjaman gadai janji RHB Brunei, disokong oleh kempen radio, pawagam dan video dengan kerjasama ejen hartanah.

Hasil

- Pada tahun 2025, sejumlah BND8.3 juta pinjaman gadai janji telah diluluskan melalui rujukan ejen hartanah.

RHB LAOS

Inisiatif Utama

- Menyempurnakan Program Serantau Risiko, Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pematuhan dan Etika ("RACE"), termasuk integrasi Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia ("SWIFT"), Pelaporan Ambang Tunai ("CTR") dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram ("AML") dengan bank-bank penting secara sistemik ("SIB").
- Melaksanakan inisiatif pengoptimuman kos untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mencapai penjimatan kos yang mampan.
- Menggunakan penapisan proksi web HQ Skyhigh untuk menggantikan proksi Bluecoat yang digunakan secara tempatan.
- Memindahkan pelaporan Pemantauan Aktiviti Pangkalan Data Imperva ("DAM") ke HQ untuk menggantikan sistem yang dihoskan secara tempatan.

Hasil

- Pelaksanaan penuh sistem AML, penggantian pelbagai proses manual, pengurangan potensi ralat dan meminimumkan risiko kesilapan pelaporan yang disebabkan oleh kawalan manual.
- Membolehkan saringan nama masa nyata dan memperkukuh proses penilaian wajar pelanggan bagi tujuan penyertaan dan pengawasan transaksi.
- Inisiatif pengoptimuman kos dilaksanakan, dengan penjimatan yang dijangka akan direalisasikan pada tahun 2026.
- Penjimatan perbelanjaan modal ("CAPEX") sebanyak LAK0.9 bilion.
- Penjimatan kos berulang sebanyak LAK0.4 bilion setahun.

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN

RHB SINGAPURA

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> • Margin pinjaman berterusan mengecil apabila peminjam menuntut saiz tiket penajajaminan yang lebih besar untuk peranan pensindiketan. • Kos pendigitalan dan peningkatan sistem yang tinggi, didorong oleh keperluan keselamatan digital dan pencegahan penipuan yang lebih tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan yuran tarahan dan mengukuhkan peletakan harga melalui aktiviti pensindiketan yang diperhebat dan infrastruktur penajajaminan dalaman yang dipertingkatkan. • Meningkatkan langkah pengurusan keselamatan dan penipuan, termasuk menerapkan senario pengesanan penipuan dan menaik taraf kawalan keselamatan. • Bersedia untuk mengambil peluang pertumbuhan daripada aktiviti rentas sempadan di Zon Ekonomi Johor-Singapura, dengan Sistem Transit Pantas ("RTS") Link dijangka memulakan operasi pada tahun 2026. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat lebih banyak peluang penajajaminan apabila pelanggan semakin mengiktiraf keupayaan RHB untuk memulakan, menstruktur dan mengedarkan penyelesaian kredit yang boleh ditingkatkan. • Memperkukuh kepercayaan pelanggan dengan membolehkan transaksi lebih selamat di semua saluran digital.

RHB KEMBOJA

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan pinjaman terjejas disebabkan oleh keadaan makroekonomi mencabar yang memberi kesan kepada pasaran yang lebih luas. • Pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan dalam keadaan ekonomi yang lebih lemah, mendorong parameter pinjaman yang lebih ketat untuk memelihara kualiti aset. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempercepat pemulihan pinjaman terjejas melalui jualan perjanjian persendirian dan program penstrukturkan semula proaktif. • Mengukuhkan penilaian risiko kredit untuk menyokong pinjaman yang mampan dan mengurangkan kebarangkalian pinjaman tidak berbayar ("NPL") pada masa hadapan. • Menumpukan pertumbuhan pinjaman pada segmen pelanggan yang berkualiti tinggi. • Mengembangkan segmen korporat dengan memanfaatkan hubungan erat dari Malaysia dan pasaran serantau seperti Singapura. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berjaya mendapatkan semula pinjaman terjejas sebanyak USD4.3 juta. • Mencapai pengeluaran pinjaman baharu sebanyak USD53 juta pada tahun 2025, suatu pencapaian penting yang disokong oleh hubungan strategik dengan rakan niaga serantau.

RHB THAILAND

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> • Peluang terhad untuk pertumbuhan pinjaman baharu disebabkan oleh sekatan kawal selia. • Bilangan pinjaman terjejas yang lebih tinggi akibat cabaran ekonomi. • Ketidakstabilan pasaran yang mempengaruhi prestasi dan keuntungan portfolio. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan penggunaan daripada pelanggan sedia ada dan menurunkan had yang tidak digunakan. • Melaksanakan langkah penstrukturkan semula dan pemulihan selaras dengan Garis Panduan Kemerosotan Nilai Kumpulan ("GIG") dan garis panduan Pinjaman Bertanggungjawab Bank of Thailand. • Memperkukuh prestasi portfolio dengan membeli bon dengan pulangan yang menarik. • Memanfaatkan peluang arbitraj melalui perdagangan strategik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan pinjaman tertunggak dan penggunaan pinjaman dalam kalangan pelanggan yang mempunyai profil kredit yang kukuh. • Menjalankan latihan penstrukturkan semula pencegahan untuk mencegah kemerosotan selanjutnya dalam kualiti aset. • Meningkatkan hasil portfolio melalui pengurusan yang berkesan dan peningkatan keuntungan perdagangan meskipun keadaan pasaran adalah mencabar.

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN (SAMB.)

RHB BRUNEI

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Penurunan kadar faedah pasaran wang yang memberi kesan kepada aliran pendapatan, mengakibatkan pengurangan 25% dalam pendapatan pasaran wang. 	<ul style="list-style-type: none"> Mempelbagaikan pelaburan jangka pendek kami untuk mengurangkan penurunan dalam pendapatan faedah. 	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan faedah bersih menurun daripada BND3.6 juta pada tahun 2024 kepada BND3.2 juta pada tahun 2025 (pengurangan 12.9%).

RHB LAOS

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Keputusan
<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan bakat akibat keperluan penukaran gaji kawal selia (USD kepada mata wang tempatan), diburukkan lagi oleh persaingan untuk bakat mahir yang semakin sengit, dengan pesaing industri menawarkan pakej imbuhan yang lebih menarik. Pelemahan LAK berbanding THB dan USD. 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan inisiatif pengkalan proaktif untuk meminimumkan kos penggantian dan mengurangkan kadar pusing ganti. Mengenal pasti bakat melalui perekrut serantau dan memilih calon yang sesuai secara selektif. Melaksanakan inisiatif pengoptimuman kos untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mencapai penjimatan kos yang mampan. Memperkenalkan penapisan proksi web HQ bagi menggantikan proksi Bluecoat yang digunakan secara tempatan. Memindahkan Pemantauan Aktiviti Pangkalan Data Imperva ("DAM") untuk menghantar log terus ke HQ, menggantikan sistem yang dihoskan secara tempatan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan kos berkaitan perolehan melalui inisiatif pengkalan bersasar. Mengenal pasti dan merekrut bakat yang sesuai untuk mengukuhkan keupayaan pasukan. Mencapai penjimatan kos kira-kira LAK6.5 bilion.

PELUANG

RHB SINGAPURA

Peluang	Strategi
<ul style="list-style-type: none"> Pemulihan struktur pasaran ekuiti Singapura susulan pelancaran Program Pembangunan Pasaran Ekuiti ("EQDP") oleh Pihak Berkuasa Kewangan Singapura ("MAS"). 	<ul style="list-style-type: none"> Memanfaatkan rangkaian Perbankan Perdagangan kami untuk mengenal pasti syarikat permodalan kecil dan sederhana yang sesuai untuk penyenaian atau pengumpulan dana ekuiti memandangkan modal EQDP mengalir ke dalam segmen ini. Menggunakan rangkaian pelanggan serantau kami untuk mengenal pasti korporat ASEAN yang mencari piawaian tadbir urus yang lebih kukuh dan akses kepada kumpulan modal Singapura yang lebih besar.

RHB KEMBOJA

Peluang	Strategi
<ul style="list-style-type: none"> Penembusan pelanggan bernilai tinggi untuk mengukuhkan hubungan dan mengembangkan bahagian dompet. Pengutomasian dan pendigitalan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengukuhkan kawalan. 	<ul style="list-style-type: none"> Memposisikan RHB sebagai rakan kongsi perbankan rentas sempadan pilihan untuk korporat peringkat tertinggi dengan memanfaatkan jejak serantau kami bagi menangkap aliran dan peluang rentas sempadan. Memberi tumpuan pada Individu Bernilai Bersih Tinggi ("HNWI") yang dikaitkan dengan korporat peringkat pertengahan hingga teratas, membina hubungan menyeluruh melalui Perbankan Runcit dan Perniagaan. Mengautomasikan proses dalaman untuk mengurangkan risiko operasi dan meningkatkan produktiviti.

RHB THAILAND

Peluang	Strategi
<ul style="list-style-type: none"> Peluang lebih besar untuk bekerjasama dan mempromosikan perjanjian rentas sempadan dalam ASEAN, disokong oleh kehadiran serantau RHB, apabila pelanggan bertindak balas terhadap dinamik perdagangan yang berkembang dan tekanan berkaitan tarif. Peningkatan permintaan untuk penyelesaian korporat yang disesuaikan selaras dengan keperluan pelanggan tertentu dan keutamaan perniagaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Memanfaatkan jejak serantau RHB yang kukuh di seluruh Malaysia, Singapura, Brunei, Laos dan Kemboja untuk memudahkan transaksi rentas sempadan dan menyokong korporat dengan keperluan perbankan serantau. Memperkuh liputan pelanggan melalui RM yang berdedikasi dan berpengalaman, disokong oleh pasukan Perdagangan dan Pasaran Modal pakar untuk memberikan sokongan perniagaan yang komprehensif.

RHB BRUNEI

Peluang	Strategi
<ul style="list-style-type: none"> Peluang pinjaman pensindiketan dengan bank tempatan untuk menyokong inisiatif pembangunan dan pembiayaan kerajaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Bekerjasama dengan bank Kumpulan dan serantau untuk mengambil bahagian dalam transaksi pensindiketan, memanfaatkan kepakaran dan sumber yang dikongsi untuk mengembangkan jangkauan pasaran dan memberikan penyelesaian pembiayaan yang komprehensif.

RHB LAOS

Peluang	Strategi
<ul style="list-style-type: none"> Peluang untuk mengoptimalkan lebihan kecairan melalui instrumen pasaran wang alternatif. Potensi untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan bagi menyokong pertumbuhan pinjaman dan pengembangan kunci kira-kira. 	<ul style="list-style-type: none"> Memaksimumkan pulangan dengan melabur dalam bon jangka pendek yang dikeluarkan oleh Bank of the Lao P.D.R. Menerokai sumber pembiayaan alternatif seperti projek Akses kepada Kewangan untuk Sokongan Pemulihan Kecemasan ("A2F-ERS") yang dibiayai oleh Bank Dunia untuk menyokong pertumbuhan pinjaman.

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

PANDANGAN DAN PROSPEK

Pada tahun 2026, GIB akan terus meningkatkan pengalaman rentas sempadan yang lancar, mengukuhkan sinergi serantau dan menyediakan penyelesaian yang bermatlamat serta berpaksikan pelanggan di seluruh ASEAN. Dalam usaha mempertingkatkan pelaksanaan, tumpuan kami akan kekal pada usaha memacu pertumbuhan berkualiti, memperluas pembiayaan mampan serta memberikan nilai yang unggul kepada pemegang taruh kami.

RHB Singapura

RHB Singapura telah ditetapkan sebagai hab serantau Kumpulan, disokong oleh kedudukan strategiknya yang berdekatan dengan rangkaian pelanggan utama dan aliran modal, serta sumbangannya yang konsisten kepada GIB selama ini. Kami akan mengukuhkan integrasi serantau sambil membina perniagaan yang mampan dan boleh diskalakan di seluruh jejak antarabangsa kami dengan mengembangkan ekosistem kami dan menawarkan pengalaman perbankan yang lancar untuk individu dan perniagaan.

Kami akan mengukuhkan pendapatan bukan faedah, terutamanya melalui pensindiketan yang dipergiatkan dengan menaja jamin perjanjian dalam mata wang antarabangsa dan mengejar mandat yang lebih besar melalui hubungan serantau yang diperkukuh. Kami juga akan terus fokus untuk mendapatkan pinjaman berkualiti tinggi, disokong oleh sektor hartanah dan sektor pertumbuhan tinggi yang berdaya tahan.

Selain itu, kami berhasrat untuk menjadikan RHB Singapura sebagai rakan kongsi jangka panjang untuk pelanggan bermodal kecil dan sederhana, yang dapat menyediakan sokongan hujung ke hujung, memandangkan segmen pelanggan ini masih kekal sebagai enjin teras bagi aktiviti penyenaian dan pengumpulan modal di Singapura.

RHB Kemboja

RHB Kemboja akan mengutamakan korporat peringkat teratas di seluruh industri, serta HNWI yang dikaitkan dengan korporat peringkat pertengahan hingga teratas, untuk memperkukuh hubungan melalui Perbankan Runcit dan Perniagaan. Kami akan memberi tumpuan untuk menjadi rakan kongsi perbankan rentas sempadan pilihan dalam jejak RHB dan memperkukuh model Perbankan Korporat & Pelaburan ("CIB") kami, dengan memanfaatkan hubungan yang diperkukuh ini untuk mengembangkan baki CASA melalui penawaran pengiriman wang dan pembiayaan perdagangan yang dipertingkatkan.

Pada masa yang sama, kami akan mengautomatikan proses dan memperkemas keupayaan perbankan digital untuk meningkatkan kecekapan operasi dan menyokong pertumbuhan yang mampan. Pengurusan kualiti aset aktif dan usaha pemulihan akan kekal sebagai keutamaan kami.

RHB Thailand

RHB Thailand akan memperkukuh prestasi kewangan keseluruhan dengan memberi tumpuan kepada pendapatan faedah dan bukan faedah, terutamanya melalui pengembangan aliran hasil Perbendaharaan seperti pelaburan bon korporat, perdagangan swap dan pengurusan portfolio aktif. Kami akan terus mengimbangi semula portfolio kami ke arah pelanggan korporat yang berkualiti tinggi sambil mengukuhkan kerjasama rentas sempadan dengan memanfaatkan kehadiran serantau RHB yang kukuh di seluruh ASEAN.

Selaras dengan itu, kami akan memperhebat usaha R&R untuk melindungi kualiti aset sambil menyediakan penyelesaian kewangan yang disesuaikan dengan keperluan dan keutamaan khusus pelanggan korporat.

RHB Brunei

RHB Brunei akan mengekalkan pertumbuhan pinjaman yang positif dengan disokong oleh segmen isi rumah dan juga korporat. Tumpuan kami adalah untuk menangani cabaran deposit, mengukuhkan prestasi pasaran dan meneroka peluang baharu secara aktif bagi menyokong pertumbuhan berterusan.

RHB Laos

RHB Laos akan memberi tumpuan ke atas penyampaian nilai intrinsik dengan mengukuhkan pendapatan teras melalui pinjaman bersasar dalam sektor utama, mobilisasi deposit strategik dan pengoptimuman pulangan daripada bon jangka pendek. Kami akan terus memacu kecekapan operasi dan pengoptimuman proses sambil mengekalkan portfolio pinjaman yang sihat dengan meminimumkan NPL melalui pemantauan pembayaran balik yang ketat dan pengasalan yang berdisiplin, dengan mengutamakan peminjam berkualiti tinggi yang selaras dengan keutamaan strategik.

Perniagaan Syariah Kumpulan

SIAPA KAMI DAN APA YANG KAMI LAKUKAN

RHB Islamic Bank ialah cabang patuh Syariah Kumpulan Perbankan RHB yang menyediakan suit perkhidmatan kewangan yang komprehensif di semua segmen runcit, PKS, korporat, komersial, pengurusan kekayaan dan perbankan pelaburan.

Dengan memanfaatkan skala, rangkaian dan kepakaran Kumpulan, RHB Islamic Bank menyediakan penyelesaian perbankan patuh Syariah hujung ke hujung selaras dengan keperluan pelanggan dan jangkauan pasaran yang sentiasa berubah.

Dengan komitmen terhadap kesederhanaan, kelajuan dan kebolehcapaian, kami memanfaatkan rangkaian cawangan seluruh negara yang kukuh, terminal layan diri serta platform perbankan mudah alih dan dalam talian yang mantap untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang lancar. Melalui penyelesaian kewangan yang berpusatkan pelanggan dan tenaga kerja yang berdedikasi untuk memupuk hubungan yang boleh dipercayai dengan pemegang taruh, RHB Islamic Bank terus menawarkan pengalaman perbankan Islam yang inklusif, mudah diakses dan dipacu nilai.



DATO' ADISSADIKIN ALI
Pengarah Urusan,
RHB Islamic Bank

PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Walaupun dalam persekitaran global yang mencabar, dengan pertumbuhan yang lebih perlahan, ketegangan geopolitik serta normalisasi dasar monetari pada tahun 2025, sektor perbankan Islam Malaysia menunjukkan daya tahan dan kebolehsuaian. Sektor ini telah beralih daripada fasa pengembangan pesat kepada fasa yang dicirikan oleh pertumbuhan mampan dan dipacu nilai serta peningkatan kematangan teknologi.

Persaingan dalam landskap perbankan Islam domestik kekal sengit, sekali gus mengukuhkan keperluan untuk pembezaan dan kecemerlangan operasi. Rangka kerja kawal selia Malaysia yang kukuh, kecairan pasaran yang kuat, ekosistem teknologi kewangan (*fintech*) yang bertenaga dan integrasi strategik kewangan Islam dengan prinsip ESG terus meletakkan negara sebagai salah satu pasaran perbankan Islam yang paling canggih di dunia.

Dalam keadaan persekitaran sebegini, peranan RHB Islamic Bank sebagai peneraju memerlukan momentum berterusan dalam pengembangan perniagaan, inovasi produk dan transformasi digital, yang diimbangi dengan pelaksanaan berdisiplin. Peningkatan pengalaman pelanggan melalui platform digital yang lancar, proses penyertaan yang lebih pantas, dan perkhidmatan yang cekap dan kos efektif kekal penting untuk mengekalkan kerelevanan kami dalam kalangan pelanggan muda yang celik digital dan pelanggan 'berusia' yang lebih matang.

BIDANG TUMPUAN UTAMA

Memandangkan perniagaan teras kami berada pada trajektori pertumbuhan yang stabil, fokus strategik RHB Islamic untuk tahun 2025 dan berikutan adalah berpaksikan pada gabungan antara kewangan beretika, pertumbuhan kekayaan peribadi dan kemampanan yang boleh diukur.

Untuk mencapai cita-cita ini, kami mengutamakan beberapa usaha yang saling berkaitan:

Mengukuhkan kedudukan kecairan dengan meningkatkan kehadiran kami dalam ekosistem penting, termasuk pendidikan dan kerajaan.



Memajukan platform Pengurusan Kekayaan Islam melalui infrastruktur yang dipertingkatkan dan penawaran produk yang lebih luas.



Menggiatkan integrasi komitmen ESG dan menghubungkan kemampanan secara lebih langsung dengan prestasi komersial.



PENCAPAIAN 2025

SOROTAN UTAMA KEWANGAN DAN PERNIAGAAN

- PBT menurun 0.2% kepada RM1,061.8 juta.
- Pembiayaan Kasar meningkat sebanyak 10.4% kepada RM100.2 bilion.
- Sumbangan RHB Islamic kepada Pembiayaan Domestik Kumpulan meningkat kepada 46.4% (2024: 44.6%).
- CASA RHB Islamic meningkat sebanyak 24.6% kepada RM19.6 bilion.
- Deposit Pelanggan meningkat sebanyak 7.9% kepada RM95.6 bilion.
- Zakat yang diagihkan kepada pihak berkuasa zakat negeri ("SZA") meningkat sebanyak 20.0% kepada RM12.0 juta.

Perniagaan Syariah Kumpulan

PENCAPAIAN 2025

SOROTAN KELESTARIAN

Ocean Harmoni ("OH"):

- Penganjur bersama acara OH sulung dengan Universiti Malaysia Sabah, yang menggabungkan pembinaan kapasiti pemuliharaan marin dengan khidmat literasi kewangan:
 - Melibatkan 35 peserta dalam Bengkel Pengeluaran Benih Gamat.
 - Menyampaikan ceramah literasi kewangan kepada 113 pelajar daripada 9 sekolah di Sabah.
- Melalui OH, RHB telah menandatangani MOU Strategik 3 tahun untuk menjadi satu-satunya bank yang mengambil bahagian di Ekspo Menyelam Antarabangsa Malaysia ("MIDE") yang bertujuan untuk memperkenalkan perkhidmatan berkaitan OH kami kepada ekosistem menyelam dan resort. Melalui kerjasama ini, kami:
 - Melancarkan Kad Debit Pelbagai Mata Wang RHB VISA Ocean Harmoni-I (edisi terhad), dan telah mengeluarkan 4,965 kad dalam tempoh 3 bulan.
 - Memperoleh RM31.6 juta dalam CASA dan menyediakan RM11.1 juta pembiayaan (ASB-i dan PF-i).
 - Perbincangan lanjut dengan 37 peniaga selepas MIDE; 19 telah menyertai (51%) dan 18 dalam proses (49%) di seluruh Terengganu, Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur.
 - Mengajukan dua sesi perbincangan panel mengenai kelestarian bersama dengan rakan kongsi OH tentang penyelaman adaptif untuk penyelam kurang upaya dan pemulihan karang.
- Penganjur bersama acara OH pertama kami dengan Universiti Pengurusan Sultan Idris:
 - Melancarkan program untuk menggunakan penyelenggaraan rangka besi bagi pembiakan karang.
 - Mengadakan majlis anugerah Persaraan Alumni Bawah Air Pertama, di mana kad olok-olok Ocean Harmoni MCA-i disampaikan kepada pesara alumni dan telah memperoleh pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records*.
- Mengajukan acara OH pertama kami dengan Universiti Kebangsaan Malaysia:
 - Mengambil bahagian dalam pembersihan dasar laut dan penyelaman pembasmian *Crown of Thorns* ("COT") yang berjaya mengeluarkan 30kg serpihan marin dan 30kg jaring hantu dari dasar laut.
 - Menyampaikan ceramah literasi kewangan kepada 50 pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Perhentian.
 - 50 akaun CASA baharu dibuka dengan pengeluaran kad debit RHB Ocean Harmoni MCA-i.
- Menghadiri acara *Adaptive Diveheart Special Kids* di Pulau Perhentian untuk menyertai dan mengagihkan zakat dengan kerjasama rakan kongsi OH kami, Diveheart Malaysia:
 - Mengagihkan bantuan zakat kepada 15 kanak-kanak berkeperluan khas dan melibatkan mereka dalam sesi skuba dan snorkeling, aktiviti Pantai serta bengkel pemuliharaan marin.

Memacu Pemerksaan Ekonomi:

- Memupuk dan memperkasa komuniti asnaf dan B40 melalui peluang dalam perniagaan francais dan pra-francais bawah program keusahawanan Strategi Pemerksaan B40 – Jadilah Bos Anda Sendiri ("BEST-BYOB"), yang dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Nasional Berhad ("Pernas"):
 - Bagi tahun 2025, seramai 62 peserta telah dipilih dan mendapat manfaat daripada program ini yang membantu mengukuhkan kapasiti keusahawanan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka.
 - BEST-BYOB telah diperluaskan kepada empat universiti awam Malaysia pada tahun 2025, iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Menyediakan latihan berstruktur tentang pengetahuan asas dan kemahiran praktikal untuk kejayaan dalam usaha niaga francais dan pra-francais bagi para peserta program BEST-BYOB.

Memperluas Akses Pendidikan:

- Meningkatkan akses pendidikan bagi kanak-kanak dalam komuniti asnaf dan B40 melalui Program Pemerksaan Pendidikan B40 ("BEEP") yang menangani isu kekangan kewangan, sumber terhad dan peluang yang tersekat:
 - Bawah kerjasama kami dengan Yayasan Pelajaran MARA ("YPM"), antara tahun 2023 hingga 2025 RHB Islamic telah memperuntukkan sehingga RM1 juta daripada dana bayaran balik zakat untuk menyokong program ini.
 - Lebih daripada 2,000 pelajar, guru dan ibu bapa B40 telah mendapat manfaat daripada program ini, dengan RM442,180 diperuntukkan untuk BEEP pada tahun 2025.

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK

Inisiatif Utama	Hasil
<p>Pertumbuhan Terjamin dalam Ekosistem Pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempertahankan dan mengembangkan kedudukan kami di semua titik sentuh pendidikan utama. Mempercepatkan usaha untuk membina skala kritikal bagi semua pelanggan dan hubungan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan trajektori pertumbuhan perniagaan yang kukuh: <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pemerolehan pelanggan Peningkatan pengekalan pelanggan Pertumbuhan yang direkodkan dalam deposit CASA Mempertingkatkan cadangan produk dan perkhidmatan, memacu penglibatan yang lebih kukuh daripada pelanggan langsung dan tidak langsung. Memperkuhkan kedudukan dan prospek pertumbuhan kami dalam ekosistem pendidikan.
<p>Mengembangkan Aktiviti Pengurusan Kekayaan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan keupayaan dan kapasiti dalaman tersedia untuk merebut peluang pertumbuhan. 	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya memperkenalkan produk baharu, memperkuhkan kapasiti khidmat nasihat dan mewujudkan perkongsian perniagaan strategik, menyediakan organisasi untuk pertumbuhan yang dipercepatkan dan impak pasaran.
<p>Mengembangkan Program Ocean Harmoni</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengewangkan program OH dengan menghubungkan penawaran kami dengan pemegang taruh utama, termasuk rakan kongsi OH dan ekosistem mereka, pelanggan OH sedia ada dan orang awam melalui cadangan nilai yang menarik dan jelas. Mereka bentuk, membangunkan dan melancarkan kad perbankan berkaitan kelestarian baharu di bawah OH. 	<ul style="list-style-type: none"> Mendapat rakan kongsi perniagaan dengan platform strategik yang mantap untuk meluaskan kesedaran tentang kelestarian dan membuka peluang perniagaan baharu. Mempercepatkan pelancaran Kad Debit-i OH VISA baharu dalam masa yang singkat. Mengembangkan ekosistem OH melalui perkongsian baharu yang berkongsi aspirasi yang sama.

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Keputusan
<p>Ekosistem Pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> Kekangan dari segi modal insan dan pembiayaan menghadkan keupayaan kami untuk mempercepat inovasi dan penambahbaikan. 	<ul style="list-style-type: none"> Bekerjasama rapat dengan Kumpulan Perbankan RHB untuk mengutamakan inisiatif yang paling berkesan bagi mengimbangi keperluan penyampaian dengan tenaga kerja dan bajet yang terhad. Memperkuhkan hubungan pelanggan melalui cadangan yang berbeza, disokong oleh rekod prestasi kami yang kukuh dan penambahbaikan ciri secara berterusan. 	<p>Mengekalkan trajektori pertumbuhan yang kukuh dan kehadiran ekosistem yang diperluas:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelanggan: Meningkatkan sebanyak 35% berbanding TK2024. Kadar Pengekalan Tahunan: Meningkatkan kepada 53% daripada 30% pada TK2025. Deposit CASA: Mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 25%. Titik pulang modal dicapai pada tahun 2025, lebih awal daripada yang disasarkan. <p>Penguhan kedudukan dalam ekosistem:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penembusan dan kesedaran perniagaan diperkuhkan dalam segmen pendidikan berikut: <ul style="list-style-type: none"> Milik Kerajaan Berkaitan Kerajaan Milik Negeri Dipacu sektor swasta

Perniagaan Syariah Kumpulan

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN (SAMB.)

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Hasil
Pengurusan Kekayaan Islam <ul style="list-style-type: none"> Mengimbangkan pecutan penentuan kedudukan pasaran dengan pengukuhan keupayaan dan kapasiti dalaman untuk merebut peluang. 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkukuh kesediaan organisasi melalui perancangan keupayaan dan kapasiti yang berdisiplin, disokong oleh pengawasan pelaburan strategik dan tadbir urus Kumpulan Perbankan RHB. 	<ul style="list-style-type: none"> Tawaran: Melancarkan 5 produk runcit. Keupayaan khidmat nasihat: Memperluas pangkalan penasihat bertauliah RISWA* di seluruh negara sebanyak lebih daripada 100%. Perkongsian perniagaan: Memperoleh 5 bentuk kerjasama. <p>* <i>Penasihat Kekayaan RHB Islamic</i></p>
Program Ocean Harmoni <ul style="list-style-type: none"> Skala dan keterlihatan pasaran yang terhad untuk mengukuhkan kemajuan terdahulu dan membina pengiktirafan yang lebih luas. 	<ul style="list-style-type: none"> Memanfaatkan hubungan sedia ada dan rangkaian baharu untuk mendapatkan rakan kongsi dan platform sesuai yang selari dengan objektif kami. Membangunkan dan melancarkan penawaran bersasar untuk mengesahkan penerimaan pasaran. Memperluas ekosistem OH melalui rakan kongsi baharu yang berkongsi aspirasi yang sama. 	<ul style="list-style-type: none"> Platform: Mendapat platform strategik jangka panjang untuk mempamerkan keupayaan yang terbukti, diperkuatkan dengan inisiatif penembusan pasaran bersasar dan penglibatan rapat dengan pemegang taruh. Tawaran: Melancarkan kad MCA-i Edisi Terhad yang mendapat sambutan baik. Perkongsian: Melantik 2 kolaborator baharu bagi program OH yang diformalkan melalui kerjasama jangka panjang.

PANDANGAN DAN PROSPEK

Menjelang akhir tahun 2026, perbankan Islam di Malaysia dijangka lebih digital, lebih bersepadu dengan objektif kemampunan global, dan lebih terangkum dalam keputusan kewangan harian pelanggan dan perniagaan. Sektor ini akan terus beralih daripada alternatif yang dilihat kepada tonggak sistem kewangan arus perdana yang didayakan teknologi – diukur bukan sahaja melalui pertumbuhan aset tetapi juga sumbangannya kepada rangkuman kewangan, kewangan hijau dan kesejahteraan sosial, sambil kekal kukuh pada asas etikanya.

Bagi kami, prospek ini memperkukuh agenda transformasi yang jelas: untuk menjadi lebih tangkas, lebih canggih dan lebih tersendiri dalam cara kami berkhidmat. Dengan kekuatan Kumpulan dan penggunaan teknologi yang berdisiplin, kami bukan sahaja akan menutup jurang persaingan tetapi juga mempertajam cadangan nilai unik kami sebagai rakan kongsi yang dipercayai yang mampu menyediakan penyelesaian hujung ke hujung bersepadu secara pintar. Dengan dipandu oleh kesedaran jelas terhadap kewangan beretika, pertumbuhan kekayaan yang diperibadikan dan impak kemampunan yang boleh diukur, kami berhasrat untuk menunjukkan keunggulan agar dapat dibezakan daripada institusi tradisional dan pencabar digital.

Insurans Kumpulan

SIAPA KAMI DAN APA YANG KAMI LAKUKAN

RHB Insurance menyediakan rangkaian luas insurans am dan penyelesaian berkaitan yang direka untuk memenuhi keperluan perlindungan pelanggan runcit dan korporat. Berlandaskan komitmen kami untuk melindungi perkara yang paling penting, kami memberi tumpuan kepada penyampaian perlindungan yang boleh dipercayai, perkhidmatan yang berdaya respons dan ketenangan fikiran di setiap titik sentuh pelanggan.

Capaian seluruh negara kami didayakan oleh rangkaian perkhidmatan yang luas, terdiri daripada:

- 14 cawangan RHB Insurance
- Lebih 600 cawangan Pos Malaysia
- Lebih 2,000 pejabat ejen sah

Kami diiktiraf sebagai antara penanggung insurans am Malaysia yang berada dalam semua segmen utama serta rekod prestasi baik dalam menyediakan penyelesaian perlindungan yang boleh dipercayai kepada pelanggan, termasuk perlindungan Kenderaan, Kebakaran dan Kemalangan Diri. Seiring dengan perkembangan keperluan pelanggan, kami kekal fokus untuk meningkatkan kebolehpasaran, mengukuhkan kualiti perkhidmatan dan memajukan inovasi berpusatkan pelanggan bagi memastikan rakyat Malaysia dilindungi dengan baik di setiap peringkat kehidupan mereka.



OLIVER TAN CHUAN LI
Pengarah Urusan,
RHB Insurance

PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Landskap insurans am Malaysia berkembang stabil pada tahun 2024 hingga 2025, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan inflasi yang sederhana. Industri ini mencatatkan premium bertulis kasar kira-kira RM23 bilion pada tahun 2024, mewakili pertumbuhan 6.9% YoY. Pengembangan diterajui oleh segmen motor (+6.7%) dan disokong oleh peningkatan 2.1% dalam pendaftaran kenderaan baharu, manakala insurans kebakaran meningkat sebanyak 5.8% di tengah-tengah aktiviti pembinaan semula yang lebih rancak dan kos bahan yang tinggi. Pada separuh pertama tahun 2025, industri ini mencatatkan pertumbuhan 4.0% dengan ramalan kadar pertumbuhan tahunan kompaun ("CAGR") sekitar 6.6% dari tahun 2025 hingga 2029.

Walaupun ada pertumbuhan, namun kenaikan tuntutan, peningkatan kos pembaikan dan peningkatan kekerapan insiden berkaitan cuaca terus memberi tekanan kepada margin penajajaminan. Hal ini mengukuhkan keperluan untuk proses penajajaminan yang berdisiplin dan kualiti portfolio yang lebih kukuh.

Dalam keadaan ini, RHB Insurance mengekalkan fokus strategik yang jelas terhadap pengimbangan semula portfolio sebagai asas untuk pertumbuhan mampan. Kami akan terus mempelbagaikan perkhidmatan selain insurans motor dengan mengukuhkan portfolio bukan motor kami bagi membina campuran perniagaan yang lebih sihat. Segmen ini bukan sahaja menawarkan potensi keuntungan yang lebih kukuh tetapi juga memenuhi permintaan pelanggan terhadap perlindungan yang lebih komprehensif dan bernilai tambah.

Dengan memanfaatkan ekosistem pelanggan RHB Bank yang lebih luas, kami berusaha untuk meningkatkan penembusan bankasurans dan meluaskan jangkauan produk ke dalam setiap segmen pelanggan. Seiringan itu, penggunaan alat digital dan pemprosesan terus meningkatkan lagi kecekapan operasi, mengurangkan masa pusing ganti dan meningkatkan pengalaman pelanggan.

Dalam persekitaran pasaran yang dinamik, kami akan terus mengoptimalkan campuran produk kami, mengukuhkan keupayaan dipacu data dan menerapkan daya tahan ke dalam model operasi bagi memastikan kami kekal tangkas, berfokuskan pelanggan dan berada dalam kedudukan baik untuk menghasilkan pertumbuhan yang konsisten dan menguntungkan.

BIDANG TUMPUAN UTAMA

Meningkatkan Pertumbuhan Berkualiti bagi Perniagaan Mampan

Memacu pertumbuhan yang seimbang dan menguntungkan melalui kepelbagaian portfolio, mengembangkan segmen bukan motor dan PKS serta mengukuhkan kecekapan teknikal dan operasi.



Mengoptimalkan Keuntungan untuk Sumbangan Lebih Kukuh kepada Kumpulan

Menambah baik disiplin penajajaminan dan campuran perniagaan untuk mengukuhkan margin, mengutamakan segmen pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi yang disokong oleh penetapan harga dan analitik berasaskan data.



Meningkatkan Pengalaman Pelanggan dan Pendigitalan

Mengukuhkan penglibatan pelanggan dan kedudukan jenama melalui perjalanan pelanggan yang direka bentuk semula, pemasaran bersasar dan transformasi digital yang berterusan.



Memanfaatkan Kecemerlangan Pendedaran

Mempercepat pertumbuhan di seluruh saluran utama – bankasurans, agensi, pembrokeran dan digital – dengan memajukan pengautomasian, mengukuhkan perkongsian dan meningkatkan produktiviti lapangan.



Memajukan ESG dan Amalan Lestari

Merangkumkan prinsip ESG di seluruh operasi dengan menawarkan penyelesaian yang bertanggungjawab dan menyokong pertumbuhan inklusif dan lestari selaras dengan jangkauan pelanggan dan kawal selia yang berubah-ubah.



Insurans Kumpulan

PENCAPAIAN 2025

SOROTAN UTAMA KEWANGAN DAN PERNIAGAAN

- GWP: RM847.7 juta (2024: RM914.4 juta)
- PBT: RM102.6 juta (2024: RM81.7 juta)
- ROE: 12.5% (2024: 11.2%)
- Nisbah Gabungan: 93.0% (2024: 94.9%)

SOROTAN KELESTARIAN

Portfolio ESG yang Mantap

- Sehingga akhir tahun 2025, lebih daripada 50% aset pelaburan RHB Insurance adalah tertumpu kepada ESG.
- Sehingga akhir tahun 2025, lebih daripada 100,000 polisi telah dikeluarkan untuk produk yang sejajar dengan ESG, termasuk polisi Kemalangan Diri Rahmah, Penjimat Motor, Kenderaan Elektrik/Hibrid, solar, kebakaran serta polisi motor terpilih dengan perlindungan banjir.

Pembinaan Keupayaan dan Program Outreach

- Sebanyak 173 pekerja menerima latihan untuk meningkatkan pemahaman tentang ESG dalam industri insurans.
- RHB menyampaikan ceramah literasi kewangan di sekolah, universiti dan platform maya. Pada tahun 2025, inisiatif ini melibatkan lebih 1,000 peserta melalui lapan sesi dan bakal dikembangkan ke seluruh negara.

ULASAN PRESTASI PERNIAGAAN STRATEGIK

Inisiatif Utama	Hasil
Meningkatkan penembusan bankasurans dengan memanfaatkan pangkalan pelanggan bank melalui penambahbaikan proses.	Membangunkan hubungan kerja yang lebih erat untuk menambah baik kawalan dan meningkatkan perlindungan insurans daripada pelanggan perbankan. Segmen runcit bankasurans yang terdiri daripada cawangan dan Pembiayaan Kenderaan berkembang lebih daripada 10%.
Mengukuhkan disiplin penajajaminan untuk mengimbangi keperluan perniagaan dengan selera risiko.	Mencapai pertumbuhan membanggakan dalam segmen pilihan dan perniagaan berkualiti tinggi, menambahbaik nisbah kerugian keseluruhan dan mencapai ~55%.
Merangsang pertumbuhan berkualiti untuk perniagaan mampan dengan memberi tumpuan kepada akaun komersial bersaiz sederhana.	Mencatat pertumbuhan perniagaan berkualiti tinggi, menyumbang lebih daripada RM100 juta kepada PBT.
Mengutamakan pengalaman pelanggan dan pendigitalan dengan meningkatkan perjalanan pelanggan.	Memperkuh penyelarasan dengan Kumpulan Perbankan RHB untuk mengintegrasikan penawaran insurans. Perniagaan digital mencapai pertumbuhan >20% YoY.

CABARAN DAN LANGKAH PENGURANGAN

Cabaran	Tindakan Pengurangan	Keputusan
Penyahtarifikasi kawal selia dan liberalisasi berperingkat, yang memerlukan penetapan semula harga yang lebih kompetitif.	Melaksanakan penetapan semula harga strategik yang disokong oleh enjin penetapan harga dan analitik yang dipertingkatkan.	Memperkuh daya saing dan kedudukan pasaran.
Perubahan dinamik pasaran dan pengurusan perkongsian yang semakin kompleks.	Memperkenalkan pengautomasian dalam pengedaran perkongsian untuk meningkatkan kecekapan operasi.	Meningkatkan produktiviti dan masa pusing ganti di seluruh merentasi titik sentuh pelanggan yang kritikal.
Peningkatan jangkaan pelanggan untuk pengalaman perkhidmatan digital yang lebih pantas.	Memperkemas proses operasi utama untuk meningkatkan ketangkasan dan daya respons.	Kesediaan proses yang dipertingkatkan untuk menyokong pertumbuhan berterusan dalam pasaran yang lebih liberal.

PANDANGAN DAN PROSPEK

Memandang ke hadapan, RHB Insurance akan terus fokus untuk memberikan nilai mampan melalui penyelesaian insurans yang pelbagai dan berpusatkan pelanggan. Persekitaran operasi akan terus dibentuk oleh liberalisasi peraturan, jangkauan pelanggan yang berkembang dan perubahan teknologi yang pesat. Untuk kekal di hadapan, kami perlu menajamkan pelaksanaan di seluruh inisiatif pertumbuhan strategik, transformasi digital dan kecemerlangan operasi bagi menyokong prestasi jangka panjang.

- **Fokus terhadap Portfolio dan Pertumbuhan:** RHB Insurance akan terus mengoptimumkan campuran perniagaan dengan mengembangkan bahagian bukan motor, memperkukuh akaun komersial bersaiz sederhana dan meningkatkan segmen runcit bermargin tinggi. Langkah ini akan meningkatkan kualiti penajajaminan, meningkatkan keuntungan dan memastikan Syarikat dalam kedudukan baik untuk pertumbuhan seimbang dan mampan dalam pasaran yang kompetitif.
- **Kecemerlangan Digital dan Penedaran:** Kami akan mengembangkan perkongsian bankasurans dan francais kami sambil memajukan saluran agensi, pembrokeran dan afiniti. Pendigitalan bersasar akan kekal menjadi keutamaan – membolehkan pemprosesan terus, tempoh tuntutan yang lebih pantas dan perjalanan pelanggan yang lancar bagi meningkatkan kecekapan, kebolehcapaian dan pengalaman perkhidmatan.
- **Inovasi dan ESG:** Inovasi produk akan kekal sebagai pembeza utama. Kami akan memperhalusi penetapan harga dan faedah untuk kekal berdaya saing di tengah-tengah penyahtarifan dan keperluan kawal selia yang berubah-ubah, sambil mengembangkan penyelesaian berkaitan ESG yang menyokong pilihan kewangan yang bertanggungjawab untuk individu dan perniagaan.
- **Penajajaminan dan Pengurusan Risiko:** Kami akan memperkukuh daya tahan kewangan melalui penajajaminan berasaskan data, penilaian risiko yang dipertingkat dan ketepatan penetapan harga yang lebih baik – menyokong keuntungan mampan dan pengurusan risiko portfolio yang berdisiplin.

Dengan menggabungkan pertumbuhan portfolio strategik, kecekapan operasi, transformasi digital di samping integrasi ESG, RHB Insurance berada pada kedudukan yang baik untuk menavigasi pasaran yang dinamik, memberikan perlindungan yang boleh dipercayai dan menjana nilai jangka panjang untuk pelanggan, pemegang saham dan komuniti.

Kenyataan Kelestarian

Mengenai Kenyataan Ini

Kenyataan Kelestarian ini membentangkan gambaran ringkas mengenai pendekatan Kumpulan Perbankan RHB dalam mengurus risiko dan peluang berkaitan kelestarian. Perkara ini perlu dibaca bersama Laporan Kelestarian 2025 serta Suplemen Kelestarian Dalam Talian 2025, yang mengandungi maklumat lebih terperinci mengenai kemajuan dan pencapaian kelestarian kami. Jadual yang ditetapkan daripada Platform Pelaporan Kelestarian Bursa turut disertakan dalam Suplemen Kelestarian Dalam Talian 2025.

Skop dan Sempadan

Kenyataan ini merangkumi tempoh yang bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember 2025, melainkan terdapat perkara yang dinyatakan sebaliknya. Sempadan pelaporan meliputi semua entiti yang diiktiraf dalam penyata kewangan kami yang disatukan, termasuk operasi Kumpulan di Malaysia dan luar negara. Terdapat maklumat tertentu yang mungkin terhad atau hanya terpakai kepada entiti atau lokasi operasi tertentu dalam Kumpulan ini, sejajar dengan usaha berterusan untuk memperkukuh keupayaan pengumpulan data dan pelaporan. Bagi perkara-perkara yang berkenaan, entiti, lokasi dan parameter berkaitan juga dinyatakan dengan jelas.

Penyata Jaminan

Bagi meningkatkan kredibiliti Laporan Kelestarian dan Kenyataan Kelestarian 2025 ini, terdapat maklumat utama tertentu yang terdapat dalam laporan tersebut telah melalui proses jaminan terhad yang dijalankan oleh sebuah badan bebas, PricewaterhouseCoopers PLT ("PwC"), selaras dengan piawaian ISAE 3000 (Semakan Semula) "Assurance Engagements Other Than Audits or Reviews of Historical Financial Information."

[🔗](#) Untuk maklumat lanjut mengenai perkara yang dinilai ini, skop jaminan serta kesimpulan jaminan oleh PwC, sila rujuk Laporan Jaminan Terhad Bebas dalam Suplemen Kelestarian Dalam Talian kami.

KELESTARIAN DI RHB

RHB komited untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab serta memberikan impak yang bermakna dan berkekal kepada Kumpulan dan para pemegang taruh. Dengan mengintegrasikan pertimbangan kelestarian dan iklim dalam aktiviti perniagaan, operasi dan proses membuat keputusan, kami meningkatkan sumbangan alam sekitar dan sosial, di samping meningkatkan daya tahan serta mengukuhkan keyakinan setiap pemegang taruh.

Kenyataan Kelestarian ini menggariskan kemajuan yang dicapai ke arah komitmen strategik kelestarian kami. Ia menonjolkan bagaimana kami menangani isu kelestarian yang bersifat material, selaras dengan matlamat jangka panjang kami.

[🔗](#) Untuk maklumat lanjut mengenai kemajuan kelestarian kami, sila rujuk Laporan Kelestarian 2025.

STRATEGI DAN PELAN HALA TUJU KELESTARIAN

Kelestarian terus menjadi teras dalam cara kami menjalankan perniagaan. Di bawah PROGRESS27, strategi korporat bagi tempoh 2025–2027, "Kelestarian Melalui Strategi ESG" dikenal pasti sebagai salah satu program transformasi utama. Agenda kelestarian kami dipandu oleh Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, yang memberi tumpuan kepada penyampaian hasil yang ketara melalui objektif dan tindakan yang jelas.

Tujuan Kelestarian

Menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab secara lestari dengan mempromosikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan, memupuk kesejahteraan pelanggan, warga kerja dan komuniti, serta menegakkan tadbir urus yang baik bagi menjana nilai.

Aspirasi Kami

Memobilisasi

RM90 bilion

dalam Perkhidmatan Kewangan lestari menjelang tahun 2027

Mencapai

operasi Neutral Karbon

menjelang tahun 2030, serta Pelepasan Sifar Bersih menjelang tahun 2050

Memperkasa

2.5 juta

individu dan perniagaan sasaran di seluruh ASEAN menjelang tahun 2027

Mengekalkan

33.3%

perwakilan wanita dalam jawatan pengurusan tertinggi dan kanan menjelang tahun 2027

Teras Strategik



Pembiayaan Yang Lestari & Bertanggungjawab

Mengintegrasikan pertimbangan ESG dalam strategi perniagaan dan proses membuat keputusan, di samping memupuk pelanggan dan komuniti ke arah mencapai pertumbuhan yang mampan.

- **Perkhidmatan Kewangan lestari**
Mewujudkan impak yang positif melalui aktiviti pembiayaan, pasaran modal, pengurusan kekayaan, deposit, pelaburan, pengurusan aset dan perniagaan insurans.
- **Keterangkuman Kewangan**
Menggalakkan keterangkuman kewangan dengan menyediakan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan kepada individu serta perniagaan.
- **Memajukan PKS ke Arah Amalan Perniagaan Lestari**
Membimbing dan menyokong PKS dalam perjalanan mereka membina perniagaan yang lestari.



Komitmen Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050

Kami terus mempercepat proses peralihan yang adil dan bertanggungjawab ke arah ekonomi rendah karbon, berpandukan Strategi Sifar Bersih Kumpulan serta komitmen iklim jangka panjang.

- **Pengurangan Pelepasan Dibiayai**
Mengurangkan pelepasan karbon merentasi lima sektor berimpak tinggi dalam portfolio kami.
- **Pertumbuhan Perkhidmatan Kewangan Hijau**
Memperluas Perkhidmatan Kewangan Hijau serta menyokong perniagaan dengan pelan peralihan yang jelas dan berwibawa ke arah matlamat neutral karbon.
- **Operasi Rendah Karbon**
Mengintegrasikan amalan lestari dan rendah karbon dalam operasi bagi mencapai operasi Neutral Karbon menjelang 2030.



Memupuk Amalan Mulia

Memupuk amalan bertanggungjawab serta membina budaya kelestarian yang kukuh.

- **Etika & Tatakelakuan**
Menegakkan integriti, etika dan pematuhan melalui dasar serta amalan yang mantap.
- **Pekerja & Tempat Kerja**
Menggalakkan pembangunan pekerja serta memupuk tenaga kerja yang adil, pelbagai dan inklusif.
- **Rantaian Bekalan yang Lestari**
Menggalakkan amalan bertanggungjawab dan lestari dalam keseluruhan rantaian bekalan Kumpulan ini.



Memperkasa dan Memperkasa Komuniti

Mewujudkan impak positif jangka panjang dengan memberi tumpuan kepada sokongan dan pembangunan kanak-kanak serta belia.

- **Memupuk Generasi Masa Hadapan**
Menggalakkan pertumbuhan dan daya tahan dalam kalangan kanak-kanak dan belia melalui program pembelajaran holistik serta pembangunan diri.
- **Memperkasa Komuniti**
Meningkatkan kesejahteraan golongan rentan dan kurang mendapat perkhidmatan melalui inisiatif penglibatan komuniti yang bermakna, termasuk program pembangunan kapasiti dan kemahiran.

Pemangkin Kelestarian

TADBIR URUS

Tadbir urus kelestarian dan iklim yang kukuh di seluruh Kumpulan bagi memacu proses membuat keputusan serta menyediakan pengawasan yang sewajarnya terhadap kelestarian.

DATA & TEKNOLOGI

Memanfaatkan data dan teknologi untuk tujuan pemantauan dan pelaporan, bagi memastikan ketepatan, kebolehpercayaan serta keyakinan terhadap maklumat kelestarian.

MODAL INSAN & LATIHAN

Menarik, mengekalkan dan membangunkan bakat dengan kemahiran serta keupayaan yang bersesuaian untuk menyokong pelaksanaan agenda kelestarian Kumpulan.

KERJASAMA & ADVOKASI

Membina kerjasama yang dipercayai serta terus memupuk pihak lain ke arah amalan yang lestari dan rendah karbon.

Kenyataan Kelestarian


KOMITMEN KELESTARIAN DAN KAD SKOR

Bagi memperkukuh akauntabiliti, kami telah mengenal pasti Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators, "KPI") yang membolehkan kami memantau kemajuan serta menilai impak. Kemajuan kami berdasarkan KPI ini diringkaskan seperti berikut.

KPI 1

Memobilisasikan **sebanyak RM90 bilion** dalam Perkhidmatan Kewangan lestari menjelang 2027


Perkhidmatan Kewangan Lestari Kumulatif (RM)




KPI 2

Mencapai **Karbon Neutral** menjelang 2030 dan **Sifar Bersih** menjelang 2050

Pengurangan Pelepasan Skop 1 dan Skop 2 Berbanding Garis Dasar Tahun 2016 (%)




Pengurangan Pelepasan Dibiayai Berbanding Garis Dasar Tahun 2022 (%)¹



KPI 3

Memperkasa **2.5 juta** individu dan perniagaan sasaran di seluruh ASEAN menjelang tahun 2027


Jumlah Kumulatif Individu dan Perniagaan yang Diperkasa



KPI 4

Mengekalkan **sebanyak 33.3%** penglibatan para wanita dalam pengurusan tertinggi dan kanan menjelang 2027

Penglibatan Para Wanita dalam Pengurusan Tertinggi dan Kanan




¹ Pendedahan pelepasan dibiayai RHB dalam laporan tahunan berkanun pada masa ini lewat sebanyak 12 bulan berbanding tempoh perakaunan kewangan, berikutan masa yang diperlukan oleh pelanggan dan pihak pelaburan untuk menyediakan data kewangan dan pelepasan.

Pendekatan Kelestarian Kami

STRUKTUR TADBIR URUS KELESTARIAN

Struktur tadbir urus kelestarian Kumpulan yang kukuh memastikan pertimbangan berkaitan kelestarian dan perubahan iklim diintegrasikan dalam proses membuat keputusan di semua peringkat, sekali gus memperkukuh daya tahan perniagaan serta menyokong penciptaan nilai jangka panjang.



Pada peringkat tertinggi, pengawasan oleh Lembaga Pengarah memastikan perkara berkaitan kelestarian diterapkan dalam keseluruhan strategi perniagaan serta perancangan strategik Kumpulan. Lembaga telah memperkasakan BSC untuk menyediakan pengawasan terhadap setiap perkara berkaitan kelestarian, termasuk pengintegrasian pertimbangan kelestarian dan perubahan iklim dalam aktiviti perniagaan, operasi, rantai nilai serta proses membuat keputusan strategik Kumpulan. Apabila diperlukan, BSC bekerjasama rapat dengan BAC, BNRC dan BRC bagi memberikan panduan dalam bidang di bawah bidang kuasa jawatankuasa masing-masing.

Pada peringkat pengurusan, GSC memacu pelaksanaan strategik inisiatif kelestarian dan menyediakan kemas kini kepada BSC secara suku tahunan. SBC menyokong GSC dalam perkara berkaitan pembiayaan lestari dan terdiri daripada pemimpin kanan merentasi Kumpulan Perniagaan Strategik ("SBGs"). Bagi pengintegrasian kelestarian dalam operasi dan rantai bekalan Kumpulan, pelaksanaan dipacu oleh peneraju dalam Kumpulan Fungsi Strategik ("SFGs") dan SBGs, dengan pengawasan oleh pihak pengurusan serta jawatankuasa Lembaga Pengarah yang masing-masing.

Pendekatan Kelestarian

Penambahbaikan utama yang diperkenalkan pada tahun 2025 merupakan penubuhan Kumpulan Pelestarian sebagai sebuah jabatan sendiri dan melapor kepada Pengarah Urusan Kumpulan. Perubahan ini menyatukan fungsi Kumpulan Kewangan Kelestarian dan Kumpulan Pengurusan dan Tadbir Urus Kelestarian Strategik, bagi menegaskan komitmen RHB dalam memajukan penjaanaan nilai lestari untuk Kumpulan dan pemegang taruh.

Dalam mengurus risiko dan peluang berkaitan kelestarian, Kumpulan telah berpandukan rangka kerja, piawaian dan garis panduan yang kukuh. Ini termasuk Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan, Garis Panduan Aktiviti Perniagaan Layak ESG ("EBAG"), Pendekatan Kumpulan terhadap Arang Batu, Polisi Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut dan Tiada Eksploitasi ("NDPE"), dan lain-lain. Pada tahun 2025, kami turut membangunkan dan melancarkan Rangka Kerja Pembiayaan Lestari dan Peralihan ("STFF"), yang akan menjadi panduan dalam mengenal pasti, mengklasifikasi serta menggerakkan pembiayaan lestari dan peralihan pada masa hadapan.

- ☑ Untuk maklumat lanjut mengenai tadbir urus kelestarian kami, sila rujuk bahagian Tadbir Urus Kelestarian dan Iklim dalam Laporan Kelestarian 2025.
- ☑ Bagi maklumat lanjut berkaitan dasar dan garis panduan kelestarian, sila rujuk Suplemen Kelestarian Dalam Talian kami.

PERKARA MATERIAL KAMI

Jangkaan pemegang taruh memainkan peranan penting dalam membentuk agenda kelestarian kami, serta membimbing kami dalam mengurus risiko dan peluang kelestarian yang semakin berkembang. Perkara kelestarian material Kumpulan dikenal pasti dan diberi keutamaan melalui proses komprehensif yang menggabungkan input daripada pemegang taruh dalaman dan luaran. Pada tahun 2025, kami memperkukuh pendekatan ini dengan mengguna pakai perspektif materialiti berganda, dengan mengintegrasikan pertimbangan materialiti kewangan ke dalam penilaian materialiti impak sedia ada.

Perkara material kami diurus melalui rangka kerja, dasar, garis panduan dan inisiatif yang mantap, bagi memastikan daya tahan jangka panjang serta penjaanaan nilai yang berterusan.

- ☑ Untuk maklumat lanjut mengenai perkara material serta proses penilaian materialiti, sila rujuk halaman 58 hingga 61 dalam Laporan ini.



Pendedahan Berkaitan Iklim

Seksyen ini membentangkan ringkasan pendedahan berkaitan iklim secara rasmi oleh pihak Kumpulan yang selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) S2, yang disediakan mengikut keperluan serta garis masa penerimaan di bawah Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Nasional (“NSRF”). Pendedahan ini dibangunkan berdasarkan usaha terbaik, dengan mengambil kira ketersediaan data semasa, metodologi serta keupayaan dalaman. Kumpulan akan secara berperingkat mempertingkatkan pendedahan berkaitan iklim selaras dengan IFRS S2, sejajar dengan peningkatan kualiti data serta kematangan tadbir urus, sistem dan proses berkaitan iklim.

Untuk maklumat lanjut mengenai pendedahan berkaitan iklim kami, sila rujuk bahagian Komited Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050 dalam Laporan Kelestarian 2025.

RISIKO DAN PELUANG BERKAITAN IKLIM

Risiko berkaitan iklim berpotensi memberi impak kepada RHB merentasi tiga dimensi utama, seperti yang ditakrifkan dalam *Risk Library* RHB di bawah kategori risiko alam sekitar.

Risiko Fizikal

Risiko fizikal muncul daripada kejadian iklim yang bersifat akut atau perubahan iklim jangka panjang yang boleh merosakkan aset, menjejaskan produktiviti serta mengganggu aktiviti ekonomi. Risiko ini berpotensi memberi implikasi kewangan kepada institusi kewangan, termasuk kesan terhadap profil kredit peminjam serta nilai cagaran.

Perubahan iklim jangka panjang boleh menyebabkan aset dan portfolio sedia ada menjadi usang lebih awal atau mengalami penurunan nilai, sekali gus berpotensi menjejaskan kedudukan kewangan Bank dari semasa ke semasa.

Risiko Peralihan

Risiko peralihan timbul daripada peralihan ke arah ekonomi rendah karbon dan boleh berpunca daripada perubahan dasar, teknologi, keadaan pasaran serta keutamaan pelanggan. Perkembangan ini berpotensi mempengaruhi kadar dan bentuk peralihan tersebut.

Kemajuan pesat dalam teknologi rendah karbon boleh mengubah amalan industri serta jangkaan pelanggan, sekali gus memberi kesan kepada keupayaan Bank untuk berinteraksi dengan pemegang taruh yang sedang melalui proses peralihan. Keadaan ini boleh mempengaruhi hubungan perniagaan, komposisi portfolio serta peluang pembiayaan Bank.

Risiko Liabiliti

Risiko liabiliti berpunca daripada pendedahan kepada tuntutan undang-undang berkaitan kerugian dan kerosakan, termasuk tuntutan daripada pihak yang menuntut pampasan akibat kegagalan yang didakwa dalam mengurus atau menangani impak risiko iklim fizikal dan peralihan.

Gangguan operasi yang berkaitan dengan iklim juga boleh menjejaskan keupayaan Bank untuk memenuhi obligasi kontrak atau perkhidmatan, yang berpotensi mengakibatkan tuntutan undang-undang, liabiliti pampasan atau pertikaian, seterusnya memberi implikasi terhadap kedudukan kewangan Bank.

Sebaliknya, RHB telah berjaya mengenalpasti beberapa kategori bagi peluang yang berkaitan dengan iklim material:

Produk dan Perkhidmatan

Berinovasi, membangunkan dan menawarkan produk, perkhidmatan serta penyelesaian kewangan yang memenuhi perubahan dalam keutamaan pengguna, khususnya dalam menyokong peralihan pelanggan ke arah amalan rendah karbon.

Peningkatan permintaan pelanggan terhadap pembiayaan lestari mendorong unit perniagaan untuk berinovasi dan membangunkan produk serta penyelesaian pembiayaan lestari dan peralihan yang baharu bagi memenuhi keperluan pembiayaan pelanggan, sekali gus mempercepat pertumbuhan perkhidmatan kewangan lestari, seperti yang dihuraikan dalam Laporan Kelestarian 2025.

Pasaran

Meneroka peluang secara proaktif dalam pasaran baharu, segmen pelanggan atau jenis aset bagi memanfaatkan peluang yang muncul serta menyokong perniagaan dan pelanggan dalam peralihan ke arah ekonomi rendah karbon.

Peningkatan permintaan terhadap pembiayaan lestari dan peralihan daripada segmen pelanggan tertentu, seperti PKS, mendorong unit perniagaan untuk memperluas sokongan kepada segmen ini, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kepada pergerakan perkhidmatan kewangan lestari.

Sumber Tenaga & Kecekapan Sumber

Melaksanakan amalan rendah karbon dalam operasi melalui pelaburan dalam tenaga yang boleh diperbaharui serta peningkatan kecekapan tenaga.

Peningkatan terhadap Perbelanjaan Modal (“CAPEX”) dalam jangka masa pendek bagi pelaburan ke arah inisiatif kecekapan tenaga yang dijangka mampu menghasilkan penjimatan kos dalam jangka masa panjang melalui pengurangan penggunaan tenaga elektrik. Sila rujuk Laporan Kelestarian 2025 untuk maklumat lanjut berkaitan usaha kami dalam mencapai operasi neutral karbon menjelang 2030.

Nota: Risiko dan peluang berkaitan iklim yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh dan bertujuan sebagai ilustrasi sahaja. Perkara ini tidak mengambil kira langkah penyesuaian dan pengurangan yang telah atau akan dilaksanakan oleh RHB pada masa hadapan.

Pendedahan Berkaitan Iklim

STRATEGI IKLIM: KOMITED UNTUK MENCAPAI SIFAR BERSIH

Pengurusan yang berkesan terhadap risiko dan peluang berkaitan iklim memerlukan pendekatan yang kukuh dan berstruktur yang merangkumi keseluruhan aktiviti perniagaan serta operasi. RHB telah membangunkan strategi yang jelas untuk mencapai Sifar Bersih menjelang tahun 2050, yang disokong oleh objektif strategik, inisiatif utama serta pendekatan penyahkarbon mengikut sektor. Usaha ini diperkukuh melalui langkah mitigasi yang mantap, berpandukan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan bagi mengurus risiko serta impak berkaitan iklim.

Strategi Sifar Bersih RHB			
Mencapai Pelepasan Sifar Bersih Menjelang 2050			
	Objektif Strategik 1	Objektif Strategik 2	Objektif Strategik 3
Objektif Strategik	Pengurangan dalam pelepasan dibiayai ¹ dalam lima sektor berimpak tinggi ² dalam perniagaan kami.	Memacu pertumbuhan dalam Perkhidmatan Kewangan Hijau ("GFS") serta menyokong syarikat yang komited ke arah neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap.	Pengintegrasian amalan lestari dan rendah karbon dalam operasi kami.
Sasaran 2030	Mencapai pengurangan sebanyak 20% dalam pelepasan dibiayai bagi lima sektor berimpak tinggi utama dalam perniagaan kami.	40% daripada portfolio kami terdiri daripada GFS dan/atau menyokong syarikat yang komited ke arah neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap.	Mencapai Operasi Neutral Karbon menjelang tahun 2030, merangkumi pelepasan gas rumah kaca ("GHG") Skop 1, Skop 2 dan Skop 3 (perjalanan perniagaan melalui darat dan udara).
Sasaran 2050	Mencapai sehingga 96% pengurangan dalam pelepasan dibiayai bagi lima sektor berimpak tinggi utama dalam perniagaan kami.	90% daripada portfolio kami terdiri daripada GFS dan/atau menyokong syarikat yang komited ke arah neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap.	
Pencapaian Kami	Pelepasan dibiayai bagi lima sektor utama ³ : Sebanyak 6.62 juta tCO ₂ e, bersamaan dengan pengurangan 13.2% berbanding garis dasar tahun 2022.	Sebanyak 68% daripada jumlah baki tertunggak diklasifikasikan di bawah kategori C1-C3 dalam Taksonomi Perubahan Iklim dan Berasaskan Prinsip Bank Negara Malaysia ("CCPT"), bersamaan dengan 23% daripada jumlah aset keseluruhan.	Pengurangan pelepasan GHG operasi berbanding garis dasar tahun 2016: 49.9%.

¹ Merujuk kepada pelepasan GHG yang berkaitan dengan aktiviti pembiayaan Kumpulan.

² Lima sektor berimpak tinggi ialah Bekalan Tenaga, Minyak Sawit, Minyak & Gas, Hartanah & Pembinaan, serta Pengangkutan.

³ Data pelepasan dibiayai dilaporkan setakat 31 Disember 2024, dengan kelewatan 12 bulan disebabkan ketersediaan data daripada pelanggan dan pihak pelaburan. RHB sedang mempertingkatkan infrastruktur data bagi memperkemas pendedahan pada masa hadapan.

Nota: Strategi Sifar Bersih RHB Menjelang 2050 mungkin akan diperhalusi dari semasa ke semasa dengan mengambil kira perkembangan dasar, arahan dan insentif kerajaan, serta keperluan kawal selia berkaitan peralihan rendah karbon.

[🔗](#) Untuk maklumat lanjut mengenai metrik dan sasaran berkaitan iklim, sila rujuk bahagian Metrik dan Sasaran dalam Laporan Kelestarian 2025.

PENGURUSAN RISIKO BERKAITAN IKLIM

Pengurusan risiko berkaitan iklim memerlukan pendekatan berstruktur dalam mengenal pasti, mengukur, memantau, mengurangkan serta melaporkan potensi impaknya terhadap portfolio, operasi dan pelanggan RHB. Pendekatan ini berpandukan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan, bagi memastikan pelaksanaan yang konsisten di semua negara operasi.

Pengenalpastian dan Penilaian Risiko Berkaitan Iklim

- Penilaian risiko berkaitan iklim diintegrasikan dalam proses Penilaian Risiko Material Tahunan Kumpulan ("MRA"), bagi memastikan pendekatan yang berstruktur dan menyeluruh dalam mengenal pasti risiko.

Pengurusan Risiko Berkaitan Iklim

- Risiko berkaitan iklim diintegrasikan dalam semua kategori risiko yang relevan, termasuk risiko kredit, pasaran, kecairan dan operasi.

- Usaha mitigasi risiko berkaitan iklim dipandu oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan ("GCRMF") dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan ("GCRMP"), yang menetapkan pengawasan berstruktur, pemantauan, analisis senario serta had pendedahan sektor.

Integrasi Pengurusan Risiko Iklim dalam Pengurusan Risiko Keseluruhan

- Pengurusan Risiko di Peringkat Perusahaan:** Proses yang jelas serta kawalan dalaman diwujudkan bagi mengurus pendedahan terhadap risiko peralihan dan fizikal dalam portfolio pembiayaan, pelaburan dan insurans, dengan mengintegrasikan pertimbangan iklim dalam strategi, ujian tekanan serta rangka kerja penilaian risiko.
- Pengurusan Risiko di Peringkat Pelanggan:** Pertimbangan risiko iklim disepadukan dalam penilaian ESG pelanggan, proses pemberian kredit serta penglibatan pelanggan, bagi memastikan keputusan pembiayaan selaras dengan selera risiko dan pendekatan kelestarian Kumpulan.

[🔗](#) Untuk maklumat lanjut mengenai kaedah kami mengenal pasti dan menilai risiko berkaitan iklim, sila rujuk bahagian Pengurusan Risiko dalam Laporan Kelestarian 2025.

Kemajuan Kelestarian

Sepanjang tahun 2025, RHB terus mencatat kemajuan di semua tonggak Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian kami, memperkukuh komitmen terhadap pertumbuhan perniagaan lestari serta penciptaan nilai yang bermakna untuk para pemegang taruh.

Nota: Bahagian ini membentangkan teras Pembiayaan Lestari dan Bertanggungjawab, Menginstitusikan Amalan Baik, serta Memperkaya dan Memperkasa Komuniti yang telah dikemas kini. Bagi teras berkaitan Komitmen Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050 yang telah dikemas kini, sila rujuk bahagian Pendedahan Berkaitan Iklim dalam Kenyataan Kelestarian ini.

KEWANGAN LESTARI & BERTANGGUNGJAWAB

Program-program PROGRESS27:

- Kelestarian Melalui Strategi ESG
- Skala Digital dan Teknologi
- Permodelan Semula Hubungan Bersama Pelanggan Korporat

Bidang Tumpuan Kelestarian:

- Perkhidmatan Kewangan lestari
- Rangkuman Kewangan
- Memajukan PKS ke Arah Amalan Perniagaan Lestari

Modal: **FC IC MC SRC** Perakara Material: **DC SF DI CX FC**

SDGs: 

Kami komited untuk memperkasa pelanggan dalam mengharungi peralihan ke arah ekonomi rendah karbon dengan menyediakan produk kewangan yang inovatif dan berimpak tinggi. Komitmen ini dizahirkan melalui integrasi pertimbangan kelestarian dan berkaitan iklim merentasi semua segmen perniagaan kami. Melalui pendekatan ini, kami membina asas yang kukuh bagi menggerakkan pembiayaan lestari. Pada masa yang sama, tumpuan kami terhadap kecemerlangan perkhidmatan, peningkatan keupayaan digital serta perlindungan data yang mantap memastikan kami terus memacu pertumbuhan yang inklusif di samping memberikan pengalaman pelanggan yang unggul.

Menggerakkan Perkhidmatan Kewangan Lestari bagi Menyokong Peralihan Pelanggan Secara Bertanggungjawab

Apa yang Kami Laksanakan

- Melancarkan Rangka Kerja Pembiayaan Lestari dan Peralihan ("STFF"), iaitu rangka kerja gabungan pertama Kumpulan bagi perkhidmatan kewangan lestari yang turut disahkan oleh pihak luar.
- Membangunkan EkoKitaran Peralihan Pelanggan, iaitu pendekatan penglibatan pelanggan yang berstruktur bagi menyokong perjalanan peralihan pelanggan.
- Melaksanakan Perjanjian Jual dan Beli Balik Lestari ("SBBA"), sebagai langkah bagi memajukan integrasi kelestarian dalam kewangan Islam.
- Menandatangani Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*, "MoU") dengan PETRONAS bagi melaksanakan Program Pembiayaan Rantaian Nilai Lestari.
- Memperkenalkan model pembiayaan lestari berkonsepkan ekonomi kitaran melalui Ekosistem Pembiayaan Lestari RHB x MRL 360°.
- Memperkenalkan Deposit ESG untuk pelanggan korporat dan komersial, dengan hasil dana disalurkan sepenuhnya kepada aktiviti hijau dan sosial yang layak.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Memobilisasikan kira-kira RM19 bilion dalam Perkhidmatan Kewangan lestari pada tahun 2025, yang merangkumi:
 - Kira-kira RM12 bilion disalurkan kepada aktiviti hijau.
 - Kira-kira RM3 bilion menyokong aktiviti sosial.
 - Kira-kira RM5 bilion berkaitan aktiviti berteraskan ESG.

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk seksyen Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab dalam Laporan Kelestarian 2025.](#)

Memupuk Kecemerlangan Perkhidmatan

Apa yang Kami Laksanakan

- Melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh budaya yang konsisten, termasuk rangka kerja Tingkah Laku Perkhidmatan RHB Way dan pelaksanaan Premier Greenlane.
- Memupuk budaya perkhidmatan yang kukuh melalui peningkatan kemahiran pekerja serta inisiatif pengiktirafan dan ganjaran kecemerlangan operasi, termasuk program RHB Way Service Achiever, RHB Way Star Awards dan RHB Way Champions Club.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Mencapai skor keseluruhan NPS sebanyak +28 bagi RHB Bank Berhad (Malaysia) pada tahun 2025.
- 99.5% aduan/maklum balas berjaya diselesaikan melalui Perjanjian Tahap Perkhidmatan ("SLA").
- 85.2% tahap kepuasan pelanggan terhadap penyelesaian setiap aduan.
- Memberikan pengiktirafan kepada lebih 1,000 kakitangan barisan hadapan serta lebih 100 pekerja tambahan dan operasi atas kecemerlangan dalam perkhidmatan.

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk seksyen Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab dalam Laporan Kelestarian 2025.](#)

Kemajuan Kelestarian

KEWANGAN LESTARI & BERTANGGUNGJAWAB (SAMBUNGAN)

Pelaburan dalam Keupayaan Digital

Apa yang Kami Laksanakan

- Melebarkan jaringan keupayaan digital bagi meningkatkan kemudahan pelanggan, khususnya melalui pelancaran pengalaman Perbankan Mudah Alih RHB yang ditambahbaik, termasuk pengenalan *widget* aplikasi perbankan pertama di Malaysia. Menambah baik akses digital melalui pelaksanaan *Joy@Work Payroll Digital Onboarding*, Akaun Pelbagai Mata Wang dengan keupayaan pertukaran asing ("FX") yang intuitif, serta pautan akaun Malaysia-Singapura.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk seksyen *Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab dalam Laporan Kelestarian 2025*.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Meningkatkan kelajuan dan kemudahan dalam perkhidmatan perbankan harian.
- Menambah baik pengalaman pelanggan melalui pengurangan masa pemrosesan serta pengurangan keperluan interaksi manual.
- Memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi kepada pelanggan dalam mengurus transaksi mata wang asing serta akaun yang merentas sempadan.

Memperkuhuk Perlindungan Data dan Keselamatan Siber

Apa yang Kami Laksanakan

- Seiring dengan peluasan keupayaan digital, kami terus memperkuhuk langkah keselamatan siber sepanjang tahun.
- Pada tahun 2025, kami meningkatkan tahap keselamatan aplikasi RHB Perbankan Mudah Alih RHB serta melaksanakan penilaian berkompromi dan latihan Red Team bagi memperkuhuk keupayaan mengesan serta bertindak balas terhadap ancaman siber yang lebih maju.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk seksyen *Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab dalam Laporan Kelestarian 2025*.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Memperkuhuk perlindungan terhadap ancaman berasaskan aspek mudah alih serta risiko kebocoran data.
- Meningkatkan keupayaan pengesanan ancaman masa nyata serta ketahanan siber keseluruhan bagi menyokong penggunaan perbankan digital yang selamat.
- Meningkatkan tahap keterlihatan terhadap teknik serangan siber yang kompleks dan terselindung, sekali gus memperkuhuk keupayaan pengesanan ancaman.


MENERAPKAN AMALAN BAIK

Program-program PROGRESS27:

- Kelestarian Melalui Strategi ESG
- Mengoptimum Kos dan Produktiviti

Bidang Tumpuan Kelestarian:

- Etika dan Tatakelakuan
- Pekerja dan Tempat kerja
- Rantaian Bekalan Lestari



Memajukan agenda kelestarian kami memerlukan asas yang kukuh, berteraskan integriti, ketelusan dan akauntabiliti. Prinsip-prinsip ini diterapkan dalam struktur organisasi, amalan, proses membuat keputusan serta setiap interaksi kami dengan para pemegang taruh. Komitmen ini dizahirkan melalui rangka kerja tadbir urus korporat yang mantap, budaya tempat kerja yang inklusif, pengurusan rantaian bekalan yang lestari serta operasi yang prihatin terhadap alam sekitar. Melalui pendekatan ini, kami berusaha untuk menjadi peneraju dalam tadbir urus korporat, di samping menjana nilai jangka masa panjang untuk Kumpulan dan para pemegang taruh.

Etika dan Tatakelakuan

Apa yang Kami Laksanakan

Terus menegakkan standard yang kukuh dalam etika perniagaan melalui pelaksanaan *Pelan Antirasuah Organisasi Kumpulan ("OACP")*, penglibatan bersama Pegawai Integriti dan Perhubungan ("*IOs/LOs*"), Latihan Mandatori Anti-Rasuah dan Anti-Suapan ("*ABC*") untuk kakitangan baharu, serta penilaian berkala terhadap risiko rasuah di seluruh organisasi.

Memperkuhuk dasar serta kawalan dalaman berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan ("*AML/CFT*"), termasuk pelaksanaan Program Serantau RACE, pendigitalan proses *AML/CFT*, semakan pematuhan di seluruh organisasi serta penglibatan berterusan dengan cawangan dan jabatan berkaitan isu pematuhan.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- 100% operasi dinilai bagi risiko berkaitan rasuah.
- Lebih 2,000 kakitangan baharu telah melengkapkan modul e-pembelajaran ABC yang diwajibkan.
- 26 daripada 27 inisiatif dalam OACP Kumpulan telah berjaya diselesaikan.

- Memperkuhuk konsistensi dalam pengurusan risiko dan kawalan *AML/CFT* di seluruh Kumpulan.
- Mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan organisasi serta keupayaan pematuhan melalui latihan bersasar, inisiatif kesedaran dan penambahbaikan sistem.
- Memperkuhuk kesedaran pematuhan di seluruh Kumpulan melalui program budaya pematuhan serta pelbagai penerbitan pembelajaran.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen *Menerapkan Amalan Baik dalam Laporan Kelestarian 2025*.

MENERAPKAN AMALAN BAIK (SAMBUNGAN)

Pekerja dan Tempat Kerja

Apa yang Kami Laksanakan

Membina Bakat Terbaik Dalam Kumpulan: Terus meningkatkan kemahiran pekerja dalam bidang kelestarian dan perkara berkaitan iklim. Pada masa yang sama, kami menggalakkan pembangunan profesional secara holistik dan berterusan, serta memupuk bakat kepimpinan masa hadapan bagi memperkukuh barisan kepimpinan RHB.

Memperjuangkan Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan:

Melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan kesejahteraan dan keselamatan pekerja melalui sesi kesedaran, bengkel yang mudah disertai serta program latihan, di samping inisiatif gaya hidup lestari.

Menggalakkan Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman:

Melancarkan Jaringan Pemerksaan Wanita ("WIN"), sebuah badan khas yang ditubuhkan untuk wanita bertujuan membina persekitaran kerja yang inklusif dan saling menyokong. Kami turut melaksanakan penstrukturan semula strategik bagi program utama Liga Wanita dalam Kepimpinan ("WiLL") dan Pemimpin Wanita Baharu Muncul ("EWL") untuk menghasilkan impak yang lebih bermakna pada masa hadapan.

[🔗 Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen Menerapkan Amalan Baik dalam Laporan Kelestarian 2025.](#)

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- RM30.3 juta dilaburkan dalam pembelajaran dan pembangunan.
- 34 jam purata latihan bagi setiap pekerja.
- 129,762 penyertaan pekerja dalam aktiviti pembelajaran dan pembangunan.
- Lebih 23,900 jam pembelajaran dalam program pembangunan keupayaan berkaitan kelestarian.
- 12 sesi latihan kesihatan dan keselamatan, melibatkan 291 pekerja.
- Wanita mewakili 39.9% daripada jawatan kepimpinan tertinggi dan kanan.

Rantaian Bekalan yang Lestari

Apa yang Kami Laksanakan

Kami terus mencatat kemajuan dalam pelaksanaan Kod Tatakelakuan Pembekal ("CoC"), termasuk memperluaskan pelaksanaannya ke operasi kami di Singapura bagi memperkukuh integrasi pertimbangan ESG dalam rantaian nilai kami.

[🔗 Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen Menerapkan Amalan Baik dalam Laporan Kelestarian 2025.](#)

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Lebih 70% pembekal sedia ada di Malaysia dan lebih 80% pembekal sedia ada di Singapura telah memberikan komitmen kepada Kod Tatakelakuan RHB.

Pengurusan Impak Alam Sekitar Kami

Apa yang Kami Laksanakan

Memastikan penggunaan sumber secara bertanggungjawab melalui pelaksanaan inisiatif yang menggalakkan pengurusan berhemah terhadap penggunaan kertas, penggunaan air serta pengurusan sisa secara lestari.

[🔗 Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen Menerapkan Amalan Baik dalam Laporan Kelestarian 2025.](#)

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Penggunaan air: > 137,000 m³
- Penggunaan kertas: > 92,000 rim
- Kitar semula sisa: > 115,000 kg

Kemajuan Kelestarian






MEMPERKAYA DAN MEMPERKASA KOMUNITI

Program-program PROGRESS27:

- Kelestarian Melalui Strategi ESG
- Skala Digital dan Teknologi

Bidang Tumpuan Kelestarian:

- Memupuk Generasi Masa Hadapan
- Memajukan Komuniti

Modal:  Perkara Material:   SDGs:  

Asas utama visi kemampuhan RHB adalah komitmen untuk memupuk hubungan sosial yang bermakna serta membina kepercayaan institusi. Kami ingin memacu pembangunan lestari melalui kerjasama strategik berimpak tinggi serta penglibatan aktif bersama komuniti, bagi memastikan setiap inisiatif menghasilkan impak yang boleh diukur dan berkekalan.

Dengan menggerakkan warga kerja serta memberi tumpuan kepada kemajuan sosioekonomi bagi golongan yang kurang mendapat perkhidmatan, kami juga memupuk budaya tanggungjawab sosial dan kemajuan bersama. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan lesen sosial kami untuk beroperasi, malah berjaya bagi memastikan penciptaan nilai jangka panjang yang inklusif dan saksama untuk semua pemegang taruh.


Memajukan Keterangkuman Kewangan

Apa yang Kami Laksanakan

MySISWA: Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi ("MOHE") serta universiti awam di seluruh Malaysia, Kad Debit MySISWA menawarkan penyelesaian tanpa tunai yang membantu para mengurus kewangan serta membentuk tabiat kewangan yang bertanggungjawab.

RHB Smart Money: Melalui program ini, Kumpulan menyediakan pendidikan kewangan yang berstruktur dan mudah diakses kepada pelajar, belia serta komuniti di seluruh negara.

RHB Access: Memperkukuh keterangkuman digital melalui bantuan pendaftaran secara langsung dan panduan penggunaan aplikasi, bagi menyokong penyertaan yang lebih inklusif dan selamat dalam sistem kewangan formal.

 Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen *Memperkaya dan Memperkasa Komuniti* dalam *Laporan Kelestarian 2025*.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- > 149,000 akaun dibuka melalui program MySISWA.

- Lebih 70,000 penerima manfaat berjaya dicapai.

- Lebih 93,000 pengguna digital baharu telah berjaya didaftarkan.

Memperkasa Perniagaan Kecil dan Usahawan


Apa yang Kami Laksanakan

RHB #JomBiz: Menyokong perusahaan mikro melalui pembangunan keupayaan, bimbingan (*mentorship*) serta pembiayaan permulaan.

BEST-BYOB (Strategi Pemerksaan B40 – Be Your Own Boss): Memperkasa pelajar kolej daripada golongan yang kurang mendapat akses melalui pendedahan kepada model mikrofrancis perniagaan lestari.

RHB e-Solutions: Menyediakan akses kepada PKS terhadap penyelesaian digital bagi meningkatkan kecekapan operasi serta pengurusan aliran tunai.

RHB Elevate: Menawarkan khidmat nasihat perniagaan dan pembangunan keupayaan, khususnya dalam amalan perniagaan lestari.

 Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen *Memperkaya dan Memperkasa Komuniti* dalam *Laporan Kelestarian 2025*.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- 352 perusahaan mikro telah disokong.
- 70% peserta mencatat pertumbuhan jualan positif, dengan purata peningkatan sebanyak 36% dalam kalangan peserta yang berkembang.

- 62 peserta mendapat manfaat daripada program ini, sekali gus memperkukuh keupayaan keusahawanan serta meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka.

- Lebih 8,000 PKS mendapat manfaat daripada inisiatif pendigitalan dan pemerksaan.

- Lebih 1,000 PKS telah terlibat melalui jerayawara dan program pembangunan keupayaan.

MEMPERKAYA DAN MEMPERKASA KOMUNITI (SAMBUNGAN)

Memperkasa Komuniti Melalui Pendidikan, Mata Pencarian dan Hubungan Insan

Apa yang Kami Laksanakan

RHB X-Cel: Menyediakan tuisyen percuma kepada pelajar SPM daripada latar belakang kurang berkemampuan.

RHB X-Cel Star: Membantu para pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui pemberian biasiswa dan bantuan kewangan kepada individu berprestasi tinggi.

[🔗](#) Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen *Memperkaya dan Memperkasa Komuniti* dalam *Laporan Kelestarian 2025*.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Menjangkau lebih 3,000 pelajar di 72 sekolah.
- 4 biasiswa telah diberikan kepada pelajar cemerlang bagi menyokong pendidikan tertiar.

Warga Kerja Kami, Sukarelawan Kami

Apa yang Kami Laksanakan

RHB Touch Hearts: Melaksanakan kerja penambahbaikan dan keceriaan di 44 buah sekolah dan institusi, di samping mengadakan sesi literasi kewangan dan meningkatkan kemahiran untuk para pelajar serta golongan dewasa.

Touch Hearts 360: Menyediakan bantuan kepada golongan B40 dan komuniti rentan, khususnya semasa musim perayaan serta selepas bencana alam seperti banjir.

[🔗](#) Untuk maklumat lanjut sila rujuk seksyen *Memperkaya dan Memperkasa Komuniti* dalam *Laporan Kelestarian 2025*.

Prestasi dan Nilai yang Dijana

- Menggerakkan lebih 2,000 sukarelawan dalam, operasi Kumpulan, dengan jumlah melebihi 1,200 jam sukarelawan.
- Membantu lebih 19,000 penerima manfaat daripada golongan B40 dan komuniti rentan, termasuk lebih 2,000 keluarga.

Pencapaian Kelestarian

Fasa 1 (Pra-2022):

MEMBINA ASAS, MENGINTEGRASIKAN KELESTARIAN

Sejak tahun 2016, kelestarian telah diintegrasikan secara sistematik dalam strategi perniagaan, operasi dan proses membuat keputusan kami. Sepanjang fasa pembentukan perjalanan kelestarian ini, kami memberi tumpuan kepada penginstitutionan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") dalam Kumpulan, memperkukuh tadbir urus berkaitan ESG serta meningkatkan keupayaan dalaman dalam mengurus risiko dan peluang berkaitan kelestarian dan iklim. Secara kolektif, pencapaian berperingkat ini telah membina asas yang kukuh bagi amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan berterusan menjana nilai yang ketara kepada pemegang taruh.

📄 Untuk maklumat lanjut mengenai perjalanan kami dalam membina asas kelestarian yang kukuh, sila rujuk Laporan Kelestarian terdahulu kami.

Fasa 2 (2022-2024):

MEMACU PERUBAHAN, MENJANA IMPAK POSITIF

Antara tahun 2022 hingga 2024, selaras dengan strategi korporat Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024 ("TWP24"), kami memperkukuh tadbir urus kelestarian, memperluas penawaran pembiayaan lestari, memajukan komitmen iklim serta menginstitutionkan amalan bertanggungjawab merentasi operasi dan rangkaian nilai kami. Fasa ini menandakan tempoh pecutan yang penting, meletakkan asas bagi impak jangka panjang yang boleh diskalakan, serta memposisikan RHB untuk memacu kemajuan bermakna kepada pelanggan, komuniti dan ekosistem kewangan yang lebih luas.

2022

- Menubuhkan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga ("BSC").
- Melantik Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan.
- Memperkenalkan Rangka Kerja RACI (*Responsible, Accountable, Consulted, Informed*) bagi Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk memperkukuh pengawasan terhadap perkara kelestarian dan iklim.
- Menggabungkan majlis perniagaan di bawah Majlis Perniagaan Lestari.
- Menguatkuasakan Pendirian Kumpulan mengenai Arang Batu serta Dasar Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut dan Tiada Eksploitasi ("NDPE").
- Menyelesaikan Fasa 1 Program Tindakan Iklim Kumpulan ("GCAP") dan memulakan Fasa 2 bagi menetapkan laluan ke arah Sifar Bersih menjelang 2050.

2023

- Meningkatkan komitmen Perkhidmatan Kewangan Lestari daripada RM20 bilion kepada RM50 bilion.
- Memformalkan Laluan RHB ke arah Sifar Bersih menjelang 2050 serta memperkukuh pengurusan risiko iklim.
- Melancarkan Rangka Kerja Bon dan Sukuk Lestari RHB.
- Mengintegrasikan kelestarian dalam rangkaian nilai melalui Pelan Hala Tuju Kelestarian Insurans RHB serta Kod Tatakelakuan Pembekal.
- Melancarkan kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad ("TNB") bagi mempercepat peralihan rendah karbon PKS.
- Menjadi ahli Inisiatif Global Bangsa-Bangsa Bersatu ("UNGC").

2024

- Menyelaraskan Strategi Kelestarian serta memperhalusi KPI selaras dengan PROGRESS27.
- Menandatangani jaminan portfolio pertama Malaysia bagi Peralihan Fasiliti Rendah Karbon ("LCTF") bernilai RM100 juta.
- Menyelesaikan semua inisiatif GCAP serta memperkukuh keupayaan pengurusan risiko iklim.
- Menerima anugerah Platinum bagi Pelaporan Kelestarian dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan ("NACRA") 2024.

📄 Untuk maklumat lanjut mengenai perjalanan kami dalam menjana impak positif, sila rujuk Laporan Kelestarian terdahulu kami.

Fasa 3 (2025 dan ke atas):

KEPIMPINAN DALAM KELESTARIAN

Tahun 2025 menandakan peralihan ke arah mempercepatkan pelaksanaan dan meningkatkan skala impak. Berbekalkan asas kukuh yang telah dibina dalam fasa terdahulu, kami mula melaksanakan Strategi Kelestarian Kumpulan yang diperhalusi di bawah PROGRESS27, disokong oleh KPI yang jelas dan boleh diukur.

Bagi memperkukuh pelaksanaan, fungsi Kelestarian Kumpulan telah ditubuhkan sebagai satu tonggak tersendiri dalam Kumpulan Perbankan RHB susulan penjajaran semula organisasi. Penambahbaikan ini menegaskan kepentingan nilai kelestarian kepada RHB serta membolehkan Kumpulan terus memacu kemajuan yang boleh diukur dalam bidang pembiayaan lestari, tindakan iklim, impak sosial dan operasi perniagaan yang bertanggungjawab.

Memperkasa Peralihan Pelanggan Secara Bertanggungjawab dan Terukur



Kami akan terus memperkukuh keupayaan untuk menggerakkan pembiayaan lestari dan peralihan melalui pelancaran Rangka Kerja Pembiayaan Lestari dan Peralihan ("STFF"), yang akan dilaksanakan pada tahun 2026. Kami juga akan terus berinovasi dalam pembangunan produk dan penyelesaian kewangan lestari bagi menyokong perjalanan peralihan pelanggan.

Kerjasama Strategik untuk Tindakan Lestari



Menjalinkan kerjasama strategik dengan pelanggan utama, rakan perniagaan dan persatuan industri bagi merealisasikan aspirasi bagi membangunkan ekosistem kewangan lestari yang dinamik, inovatif dan berimpak tinggi.

Meningkatkan Pengalaman Pelanggan dan Keterangkuman Kewangan



Produk, perkhidmatan dan penyelesaian kewangan yang diperkenalkan pada tahun 2025 membolehkan pengalaman perbankan yang lebih lancar dan mudah. Ini termasuk pelancaran aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB baharu yang menampilkan *widget* aplikasi perbankan pertama di Malaysia.

Menginstitusikan Amalan Terbaik



Memperkenalkan Program Tanda Aras ESG, iaitu program peringkat pertengahan bagi meningkatkan kemahiran kakitangan barisan hadapan. Selain itu, kami turut meneruskan pelaksanaan Kod Tatakelakuan Pembekal bagi operasi yang dijalankan di Malaysia dan Singapura bagi mengintegrasikan pertimbangan kelestarian dalam rantaian bekalan.

[📄](#) Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Laporan Kelestarian 2025 kami.

Melaksanakan Komitmen ke Arah Mencapai Sifar Bersih Menjelang 2050

SOROTAN UTAMA



EKOSISTEM KEWANGAN ESG 360° RHB-MRL

Pada tahun 2025, Kumpulan Perbankan RHB melancarkan model pembiayaan lestari kitaran penuh yang menerajui pasaran, iaitu Ekosistem Kewangan ESG 360°, melalui kerjasama dengan Malaysia Rail Link Berhad ("MRL"). Inisiatif inovatif ini mentakrifkan semula cara sesebuah institusi mengurus dan mengagihkan modal sepanjang kitaran hayatnya, sekali gus menunjukkan bagaimana pembiayaan lestari mampu menjana impak alam sekitar dan sosial yang berpanjangan, melangkaui pendekatan pembiayaan tradisional.

Pada teras ekosistem ini adalah integrasi instrumen pembiayaan lestari dengan Deposit ESG RHB, di mana 100% dana yang didepositkan diperuntukkan kepada aktiviti iklim dan sosioekonomi yang boleh disahkan. Melalui struktur ini, hasil daripada penerbitan Sukuk SDG oleh MRL ditempatkan ke dalam Deposit ESG RHB sebelum disalurkan kepada projek Laluan Rel Pantai Timur ("ECRL"). Pendekatan ini memastikan setiap Ringgit memberikan nilai alam sekitar dan sosial yang boleh diukur, bahkan dapat dilihat sebelum pelaksanaan projek fizikal bermula.

Dana yang terdapat dalam Deposit ESG ini disalurkan kepada aktiviti yang sejajar dengan keutamaan kelestarian dan peralihan nasional Malaysia, termasuk:



Tenaga yang boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga



Pengangkutan yang bersih dan rendah karbon



Infrastruktur dengan ketahanan cuaca dan rendah karbon



Pembangunan sosioekonomi yang inklusif

Melalui pendekatan ini, hasil kelestarian diterapkan sepanjang fasa pegangan dan pengagihan modal, sekali gus memperkukuh daya tahan iklim dan pertumbuhan inklusif melangkaui peringkat pembinaan aset.

Bagi Kumpulan Perbankan RHB, ekosistem ini mencerminkan komitmen teguh kami dalam memacu peralihan yang adil dan bertanggungjawab dengan mengintegrasikan kelestarian merentasi perbankan teras, perbankan transaksi serta instrumen pasaran modal lestari. Dengan menggabungkan deposit, instrumen pasaran modal lestari dan pembiayaan dalam satu rangka kerja bersepadu yang ditadbir dengan baik, RHB menunjukkan bagaimana pembiayaan lestari boleh berkembang daripada sekadar produk individu kepada pemangkin

“

Dengan Deposit ESG, kami mengintegrasikan kelestarian ke dalam teras perbankan, memastikan aliran kewangan secara aktif menyokong daya tahan iklim serta pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir,
Pengerusi Kumpulan Perbankan RHB

sistemik yang menyokong objektif peralihan nasional di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("NETR").

Seiring dengan peningkatan dalam jangkaan terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") dalam kalangan pengawal selia, pelabur dan pemegang taruh, Ekosistem Kewangan ESG 360° ini telah menyediakan pelan tindakan yang telus, boleh diskalakan dan diikuti Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLCs") serta korporat. Usaha ini seterusnya membantu memperkukuh pengurusan modal, membuktikan impak iklim dan sosial yang boleh diukur, serta membina daya tahan jangka masa panjang, sekali gus menetapkan penanda aras baharu bagi kepimpinan pembiayaan lestari di Malaysia.

SOROTAN UTAMA

PEMBIAYAAN RANTAIAN NILAI LESTARI PETRONAS

Pada November 2025, Kumpulan Perbankan RHB telah menjalin kerjasama strategik dengan PETRONAS melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman ("MoU") untuk terlibat sebagai salah sebuah institusi kewangan panel di bawah Program Pembiayaan Vendor Lestari PETRONAS ("SVFP") bagi sektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas ("OGSE").

Dilaksanakan di bawah Program Sokongan Pembekal PETRONAS ("PSSP"), inisiatif ini dijadualkan untuk dimeterai secara rasmi dan pengaktifan program pada suku tahun kedua bagi 2026. Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama antara Kumpulan Perbankan RHB dan PETRONAS dalam menyokong peralihan sektor yang sukar dinyahkarbon dengan menyediakan akses langsung kepada penyelesaian pembiayaan lestari dan peralihan kepada vendor PETRONAS yang layak.

Melalui SVFP, PETRONAS menyediakan platform untuk menghubungkan institusi kewangan yang mengambil bahagian dengan ekosistem vendornya, di samping menggalakkan pembekal untuk memperkukuh amalan ESG. Sebagai institusi kewangan panel, RHB menawarkan penyelesaian pembiayaan yang disesuaikan kepada vendor yang layak, bagi menyokong usaha peralihan dan ketahanan operasi mereka, khususnya bagi perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") yang berdepan dengan cabaran kelestarian dan penyahkarbonan.

Program ini mengamalkan pendekatan berfokuskan peralihan dengan menghubungkan akses kepada pembiayaan melalui penambahbaikan berperingkat dalam prestasi ESG, dan bukan hanya tertumpu kepada projek hijau pada peringkat akhir. Pendekatan ini membolehkan pembekal melaksanakan tindakan peralihan yang praktikal dan boleh diukur, sekali gus meningkatkan daya saing, memperkukuh ketahanan rantaian bekalan serta menyokong hasil penyahkarbonan jangka panjang.

Bagi RHB, penyertaan dalam SVFP ini menyokong aspirasi Sifar Bersih Kumpulan serta strategi untuk mengurangkan pelepasan yang dibiayai dalam sektor berintensif karbon. Dengan mengintegrasikan pertimbangan kelestarian dalam pembiayaan rantaian nilai, RHB menggerakkan penyelesaian kewangan yang mampu memberi impak menyeluruh pada peringkat sistem, selaras dengan keutamaan nasional di bawah NETR. Kerjasama ini menunjukkan bagaimana perkongsian antara syarikat peneraju dan institusi kewangan dapat memacu peralihan tenaga yang adil dan teratur, di samping memastikan para pembekal akan terus disokong dalam menghadapi peningkatan jangkaan kelestarian.

Maklumat Korporat

Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan

TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

DATO' MOHD RASHID MOHAMAD

Pengarah Urusan Kumpulan /
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

ONG AI LIN

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

LIM CHENG TECK

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

DONALD JOSHUA JAGANATHAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

DATUK IAIN JOHN LO

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

HIJAH ARIFAKH OTHMAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

NADZIRAH ABD RASHID

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AZMAN SHAH MD YAMAN

Ketua Pegawai Perundangan & Tadbir Urus
Kumpulan / Setiausaha Syarikat Kumpulan

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 10, Menara Satu
RHB Centre, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : +603-9206 8118
Faks : +603 9281 9314
Laman Sesawang
Korporat : www.rhbgroup.com

NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT

196501000373 (6171-M)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT
Akauntan Berkanun
Aras 10, Menara TH 1 Sentral
Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral
Peti Surat 10192
50706 Kuala Lumpur
Tel : +603 2173 1188
Faks : +603 2173 1288

SETIAUSAHA SYARIKAT

Azman Shah **Filza Zainal Abidin**
Md Yaman (LS 0008413)
(LS 0006901)

PENDAFTAR SAHAM

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd

Aras 11, Menara Symphony
No. 5, Jalan Professor Khoo Kay Kim
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor

Untuk pertanyaan pemegang saham

No. Meja
Bantuan : +603 7890 4700
Faks : +603 7890 4670
E-mel : BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com

Sekilas Pandang Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN LEMBAGA

- Kepimpinan dan Pengurusan
- Perbankan dan Kewangan
- Kelestarian
- Perbendaharaan dan Pasaran Modal
- Risiko dan Pematuhan
- Sistem Maklumat Pengurusan ("MIS") dan Teknologi
- Keselamatan Siber dan Kerahsiaan Data

TEMPOH PERKHIDMATAN LEMBAGA

30% (3) <5 Tahun
70% (7) >5 Tahun


JANTINA

70% Lelaki **30%** Perempuan

Ciri-ciri Utama Lembaga Pengarah Kami:


- Pengerusi adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.
- Jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan disandang oleh individu-individu yang berlainan.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH




- Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif

KUMPULAN UMUR



- 56 - 60 tahun
- 61 - 65 tahun
- 66 tahun & ke atas

ETNIK



Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan



TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	65	Lelaki

14/14	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
-------	---

Tarikh Pelantikan

16 November 2020*

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Tanah dan Hartanah, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan ("MBA"), University of Hull, United Kingdom

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Sime Darby Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Foundation (Pengerusi)

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Penilaian Kanan di C.H. Williams, Talhar & Wong Sdn Bhd sebelum dilantik sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan pada tahun 1989. Beliau telah berkhidmat selama hampir 30 tahun dalam pelbagai kapasiti, dengan jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Tan Sri Ahmad Badri tidak lagi menjadi ahli Panel Pelaburan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") selepas dilantik sebagai Pengerusi KWSP, dan berkhidmat dari Mei 2020 hingga Ogos 2024.

Tan Sri Ahmad Badri sebelum ini pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia ("BNM"), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Permodalan Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

Tan Sri Ahmad Badri kini merupakan Pengerusi Lembaga Getah Malaysia, sebuah Badan Berkanun Persekutuan di Malaysia.

*Seterusnya dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi RHB Bank Berhad pada 24 Mac 2021.



TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

BCC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	81	Lelaki

14/14	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
-------	---

Tarikh Pelantikan

20 November 2012

KELAYAKAN

- Sijil Persekutuan Malaysia yang dianugerahkan oleh Methodist English School
- Lesen Perwakilan Pasaran Modal dan Perkhidmatan keluaran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi urusanniaga sekuriti

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- OSK Holdings Berhad (Pengerusi Eksekutif)
- OSK Ventures International Berhad (Pengerusi)

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad (Pengerusi)
- PJ Development Holdings Berhad (Pengerusi)
- OSK Property Holdings Berhad (Pengerusi)
- KE-ZAN Holdings Berhad
- Yayasan OSK (Pengerusi)

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Selama lebih 17 tahun, Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa berkhidmat dengan sebuah institusi kewangan terkemuka, di mana jawatan terakhir yang disandang oleh beliau adalah sebagai Pengurus Besar Kanan. Beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") OSK Investment Bank Berhad (kini dikenali sebagai OSKIB Sdn. Bhd.) dari Julai 1985 hingga Januari 2007, dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan/CEO. Beliau seterusnya telah dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sebelum meletak jawatan pada 30 April 2013.

Tan Sri Ong berkhidmat sebagai Pengarah MESDAQ dari Julai 1999 hingga Mac 2002, serta sebagai ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal yang dilantik oleh SC pada tahun 2004 bagi memberi nasihat mengenai isu-isu berkaitan pelaksanaan Pelan Induk Pasaran Modal. Beliau juga memegang jawatan Pengarah dalam Lembaga Pengarah Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2008 hingga 2015, dan sebelum itu merupakan Ahli Panel Perundingan Pasaran Sekuriti Bursa Malaysia Berhad.



DATO' MOHD RASHID MOHAMAD

Pengarah Urusan Kumpulan /
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	58	Lelaki

14/14	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
-------	---

Tarikh Pelantikan

1 April 2022

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan Cemerlang, University of Wales, Cardiff, United Kingdom
- Jurubank Bertauliah, Institut Jurubank Berkanun Asia ("AICB")
- Program Pengurusan Strategik Lanjutan, Institute for Management Development, Lausanne, Switzerland

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Dato' Mohd Rashid Mohamad mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan, dengan memegang jawatan kanan di institusi kewangan terkemuka di dalam dan luar Malaysia, termasuk BNM, ABN AMRO NV, The Royal Bank of Scotland serta AmBank Group. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Pencen (Diperbadankan) dari tahun 2019 hingga 2021.

Beliau kini merupakan Ahli Majlis AICB serta Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan AICB. Pada tahun 2025, beliau turut dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Payments Network Malaysia Sdn Bhd sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah untuk Dana Latihan Pekerja serta menjadi Pengarah STF Resources Sdn Bhd.

Sebelum dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan RHB Bank Berhad, Dato' Mohd Rashid menyandang jawatan Pengarah Urusan Perbankan Borong Kumpulan.

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan



ONG AI LIN

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

BAC BRC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	70	Perempuan

14/14 Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah

Tarikh Pelantikan

1 Julai 2017

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi, University of Leeds, United Kingdom
- Ahli Bersekutu Institut Akauntan Bertauliah, England dan Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Program Kelestarian Perniagaan INSEAD
- Perancang Kesenambungan Perniagaan Bertauliah

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tenaga Nasional Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Puan Ong Ai Lin memulakan kerjaya beliau dengan Deloitte Haskins & Sells di London pada tahun 1978, sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers ("PwC") Malaysia pada tahun 1991 sebagai Pengurus Kanan. Di PwC, beliau membangunkan amalan audit teknologi maklumat, IT, yang merupakan komponen penting dalam perkhidmatan audit kewangan firma tersebut. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Rakan Kongsi PwC Malaysia pada tahun 1993. Beliau juga merupakan Ketua Amalan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan dan Keselamatan Maklumat di PwC Malaysia sebelum bersara pada tahun 2016.

Selain audit kewangan, pengalaman beliau meliputi tadbir urus, risiko dan pematuhan, keselamatan maklumat, dan privasi data, keselamatan siber, risiko teknologi dan tadbir urus serta pengurusan kesinambungan perniagaan di United Kingdom, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Sri Lanka, Kemboja dan Malaysia.

Pengetahuan dan pengalaman beliau telah melayakkan Cik Ong Ai Lin menerima anugerah "Ahli Profesional Kesenambungan Perniagaan Bertauliah Terbaik di Malaysia" dari Institut Pemulihan Bencana Antarabangsa pada tahun 2012.

Beliau juga dianugerahkan "Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Keselamatan Siber" pada tahun 2018 oleh CyberSecurity Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai mantan Presiden Persatuan Sistem Maklumat Audit dan Kawalan ("ISACA")-Chapter Malaysia.



DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

BNRC BSC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	67	Lelaki

14/14 Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah

Tarikh Pelantikan

16 Mac 2020

KELAYAKAN

- Sarjana Muda dalam Sains Sosial (Ekonomi), Universiti Sains Malaysia
- Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan, University of Stirling, United Kingdom
- Diploma Profesional Perakaunan dan Kewangan, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Malaysian Resources Corporation Berhad (Pengerusi)
- United Plantations Berhad (Pengerusi)

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad (Pengerusi)
- PLUS Malaysia Berhad (Pengerusi)

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Dato' Mohamad Nasir Ab Latif memulakan kerjayanya bersama Lembaga Pengarah KWSP Pekerja pada tahun 1982 dan telah memegang pelbagai jawatan, termasuk Pegawai Penguatkuasa Negeri (1990 hingga 1995), Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan dalam Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi (1995 hingga 2003) dan Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa (Julai 2009 hingga 2013).

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada tahun 2013 dan memegang jawatan tersebut sehingga persaraannya pada Disember 2019.

Beliau telah menamatkan perkhidmatan sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada Februari 2025.

Beliau kini menyandang jawatan Pengerusi Panel Pelaburan KWSP. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Yinson Production Offshore Holdings Ltd (UK).



LIM CHENG TECK

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BCC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Singapura	65	Lelaki

11/14 Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah

Tarikh Pelantikan

28 November 2018

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera, National University of Singapore
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Brunel University, United Kingdom

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Lim Cheng Teck merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Serantau ASEAN di Standard Chartered Bank. Beliau mula menyertai Standard Chartered Bank pada tahun 1988 dan telah menyandang pelbagai jawatan dalam Bahagian Perbankan Korporat dan Institusi sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi, Standard Chartered Bank (China) Ltd pada tahun 2005. Pada tahun 2006, beliau dilantik sebagai Pengerusi Standard Chartered Bank (Singapore) Ltd. Beliau kembali ke China pada tahun 2009 untuk menggalas jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Pengerusi Eksekutif Standard Chartered Bank (China) Ltd.

Beliau telah berkhidmat dalam beberapa lembaga subsidiari Standard Chartered Bank, termasuk Pengerusi Standard Chartered Bank (Mauritius) Ltd, Standard Chartered Bank (Thailand) Ltd, Standard Chartered Bank (Singapore) Ltd, dan sebagai Timbalan Pengerusi Standard Chartered Bank (Malaysia) Ltd dan Presiden Pesuruhjaya PT Bank Permata, Indonesia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Standard Chartered Bank (Taiwan) Ltd. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Lembaga Pengarah Clifford Capital Pte Ltd dan Dewan Perniagaan Antarabangsa Singapura, Gabenor bagi Yayasan Antarabangsa Singapura dan menjadi Ahli Majlis Institut Perbankan dan Kewangan Singapura dan Persekutuan Majikan Kebangsaan Singapura.

Di samping itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan Luar Negara, Dewan Perniagaan China, Naib Pengerusi Persatuan Bank-Bank di Singapura dan menjadi Ahli Jawatankuasa Lembaga Kewangan Pusat Pembangunan Kewangan Singapura.

Setelah berkhidmat lebih 28 tahun dalam industri perbankan, beliau bersara daripada Standard Chartered Bank pada April 2016 dan terus memegang jawatan sebagai penasihat kanan bukan eksekutif sehingga April 2017. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pontiac Land Group dari Mac 2017 hingga Mei 2018.

Kini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah RHB Bank (Cambodia) Plc, RHB Bank Lao Sole Co., Ltd dan The Farrer Park Company Pte Ltd.



DONALD JOSHUA JAGANATHAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BRC

BAC

BNRC

BSC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	66	Lelaki

14/14	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
-------	---

Tarikh Pelantikan

17 Ogos 2020

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Cranfield School of Management, United Kingdom
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia
- Felo Jurubank Bertauliah, AICB
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Amerika Syarikat

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Insurance Berhad
- Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Donald Joshua Jaganathan merupakan Ahli Majlis Asian Institute of Chartered Bankers serta Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan institut tersebut. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Asian Banking School dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bakat.

Encik Donald mencapai kemuncak kecemerlangannya bersama BNM selama 36 tahun, dengan menyandang jawatan terakhir sebagai Penolong Gabenor, yang memegang tanggungjawab utama dalam fungsi kestabilan kewangan, termasuk pengawasan terhadap Laporan Kestabilan Kewangan BNM. Pengalaman kerja beliau merangkumi kepimpinan serta pengawasan pengurusan dalam penyeliaan dan pengawalseliaan industri perbankan dan insurans di Malaysia, serta aktiviti latihan dan pembangunan bersama institusi perbankan dan insurans. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai wakil Malaysia dalam badan penyeliaan antarabangsa, termasuk Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel dan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa.

Beliau turut pernah menyandang beberapa jawatan penting termasuk sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Payments Network Malaysia Sdn Bhd, Ahli Lembaga Pengarah Finance Accreditation Agency Berhad, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Institut Insurans Malaysia, Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia serta Ahli Yayasan Laporan Kewangan Malaysia.



DATUK IAIN JOHN LO

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BNRC

BSC

BAC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	64	Lelaki

14/14	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
-------	---

Tarikh Pelantikan

15 September 2020

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Awam, University of California, Los Angeles ("UCLA")
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Awam, UCLA

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- CelcomDigi Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Datuk Iain John Lo kini berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Kekayaan Masa Hadapan Berdaulat Sarawak serta Pengerusi Jawatankuasa Risiko. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Lembaga CelcomDigi Berhad. Pada masa ini, beliau menganggotai Lembaga Pengarah Sepang International Circuit Sdn Bhd bagi tempoh dua tahun sehingga Ogos 2026.

Datuk Iain bersara sebagai Pengerusi Negara Shell Malaysia Limited pada 31 Mac 2021. Beliau merupakan seorang pemimpin berwibawa dengan pengalaman luas serta rekod prestasi yang kukuh, merangkumi lebih 30 tahun dalam perniagaan penerokaan dan pengeluaran, gas serta hilir Shell di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Beliau pernah menjadi Pengerusi Shell Refining Company Bhd sehingga syarikat tersebut dijual pada tahun 2016.

Beliau menyertai Sarawak Shell Berhad sebagai Jurutera Lapangan pada tahun 1990 sebelum memegang pelbagai jawatan dalam bidang kejuruteraan, pembangunan perniagaan dan korporat di Malaysia, Singapura dan Belanda. Bidang tanggungjawab beliau merangkumi tadbir urus usaha sama LNG dan bahan kimia di Malaysia, Timur Tengah, China dan Rusia. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Economic Development Board Singapura pada tahun 2009 dan berkhidmat sehingga 2012 sebelum kembali ke Malaysia sebagai Pengerusi dan Pengarah Urusan Sarawak Shell Berhad serta Sabah Shell Petroleum.

Pada tahun 2017, Datuk Iain dilantik sebagai Naib Presiden Komersial Asia Pasifik bagi perniagaan penerokaan, pengeluaran dan gas Shell, dengan tanggungjawab terhadap pemerolehan, pelupusan serta pembangunan perniagaan baharu di peringkat serantau.



HIJAH ARIFAKH OTHMAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BNRC

BSC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	65	Perempuan

14/14	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
-------	---

Tarikh Pelantikan

1 Jun 2023

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sains dalam Matematik dan Sains Komputer, City University of London, United Kingdom

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Puan Hijah Arifakh Othman merupakan seorang jurubank yang mempunyai pengalaman luas melebihi 38 tahun, dengan pengkhususan dalam bidang Pengurusan Perbendaharaan dan Pengurusan Kunci Kira-Kira.

Beliau memulakan kerjayanya dengan BNM pada tahun 1984 dan merupakan antara perintis dalam penubuhan Danamodal Nasional Berhad ("Danamodal") pada Ogos 1998, iaitu sebuah agensi permodalan semula yang dimiliki sepenuhnya oleh BNM semasa krisis kewangan 1998. Beliau turut menubuhkan Bahagian Perbendaharaan Danamodal serta menggubal dasar berkaitan pelaburan dan had kredit selaras dengan matlamat Danamodal untuk memastikan keselamatan dan kecairan portfolio.

Sepanjang kerjayanya, beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam kumpulan perbankan terkemuka, antaranya sebagai Pengarah di Asian Fixed Income Malaysia, Pengarah di Standard Chartered Bank Berhad, Naib Presiden Eksekutif/Ketua Perniagaan Perbendaharaan Kumpulan di Malayan Banking Berhad, serta sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif di Hong Leong Islamic Bank Berhad.

Puan Hijah juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Takaful Ikhlas General Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, MNRB Holdings Berhad dan KAF Investment Bank Berhad.

Selain itu, beliau turut berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Penyenaian di Bursa Malaysia Berhad dari Julai 2016 hingga Disember 2024.

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan



NADZIRAH ABD RASHID

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BAC

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	62	Perempuan

14/14 Kehadiran Mesyuarat
Lembaga Pengarah

Tarikh Pelantikan

15 Mac 2024

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sastera dalam Perakaunan, University of South Australia
- Jurubank Bertauliah, Institut Perakaunan Malaysia
- Felo CPA Australia

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Insurance Berhad

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Puan Nadzirah Abd Rashid mempunyai pengalaman melebihi 35 tahun dalam sektor perbankan dan kewangan. Beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebelum menyertai BNM sebagai pemeriksa bank. Beliau kemudiannya berpindah untuk mengetuai fungsi kewangan sebuah institusi kewangan. Pada tahun 1999, beliau menyertai Kumpulan Bursa Malaysia dan memegang pelbagai jawatan dalam Bahagian Kewangan dan Pentadbiran. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Bursa Malaysia Berhad, yang disandang selama tujuh tahun sehingga awal tahun 2014.

Puan Nadzirah sebelum ini turut berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, CIMB Bank Berhad dan CIMB Investment Bank Berhad.



AZMAN SHAH MD YAMAN

Ketua Pegawai Perundangan & Tadbir Urus Kumpulan / Setiausaha Syarikat Kumpulan

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	58	Lelaki

Tarikh Pelantikan

23 Ogos 2004

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Peguambela dan Peguamcara, Mahkamah Tinggi Malaya
- Setiausaha Syarikat Bertauliah (LS 0006901)
- Ahli Gabungan, Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators
- Pegawai Integriti Bertauliah yang diiktiraf oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
- Program Pembangunan Kepimpinan Kanan, INSEAD

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Azman Shah Md Yaman menerajui fungsi perundangan, kesetiausahaan dan tadbir urus Kumpulan. Sebagai Ketua Pegawai Undang-Undang dan Tadbir Urus Kumpulan, beliau bertanggungjawab memimpin serta memelihara pelaksanaan dasar dan prinsip amalan tadbir urus yang baik serta integriti dan anti rasuah dalam Kumpulan.

Beliau turut menyandang peranan sebagai Setiausaha Syarikat Kumpulan dan bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah, melalui Pengerusi, dalam semua perkara berkaitan fungsi rasmi Lembaga. Selain itu, beliau juga memegang tanggungjawab sebagai Penasihat Undang-Undang Am serta Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus ("CIGO") dalam Kumpulan Perbankan RHB.

Sebelum menyertai Kumpulan Perbankan RHB, Encik Azman Shah berkhidmat sebagai Peguambela dan Peguamcara selepas diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1991. Beliau mempunyai pengalaman dalam bidang korporat dan litigasi sebelum menyertai Bursa Saham Kuala Lumpur [kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia")] pada tahun 1993.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya di Bursa Malaysia selama lebih 10 tahun, beliau telah memegang pelbagai jawatan dengan skop tanggungjawabnya merangkumi penasihat perundangan berkaitan penjelasan, penyelesaian dan depositori, serta pematuhan bagi perkhidmatan korporat dan kesetiausahaan syarikat.

<input checked="" type="checkbox"/>	Pengerusi	<input type="checkbox"/>	Ahli
<input checked="" type="checkbox"/>	BAC	Jawatankuasa Audit Lembaga	
<input checked="" type="checkbox"/>	BCC	Jawatankuasa Kredit Lembaga	
<input checked="" type="checkbox"/>	BRC	Jawatankuasa Risiko Lembaga	
<input checked="" type="checkbox"/>	BNRC	Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga	
<input checked="" type="checkbox"/>	BSC	Jawatankuasa Kelestarian Lembaga	

Deklarasi:

Selain yang telah dinyatakan, para Pengarah dengan ini:

1. Tiada percanggahan kepentingan dengan RHB Bank dan/atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama kecuali bagi:
 - (a) Tan Sri Ong Leong Huat, yang dianggap sebagai pemegang saham utama RHB Bank menurut Seksyen 8(4) Akta Syarikat 2016, berdasarkan pegangan saham menerusi OSK Holdings Berhad.
 - (b) Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir dan Dato' Mohamad Nasir Ab Latif yang merupakan penama bagi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, yang merupakan pemegang saham utama RHB Bank.
2. Tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh lima tahun yang lalu atau telah dikenakan sebarang sekatan atau penalti awam oleh badan kawal selia sepanjang tahun kewangan dalam kajian.

Profil Pengerusi Syarikat Operasi Utama



DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Pengerusi RHB Islamic Bank Berhad

Kewarganegaraan	Malaysia
Umur	67
Jantina	Lelaki
Tarikh Pelantikan	2 Mei 2020*

*Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif RHB Islamic Bank Berhad pada 28 Mei 2020.

[Untuk butiran lanjut, sila rujuk halaman 146](#)



TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Pengerusi RHB Investment Bank Berhad

Kewarganegaraan	Malaysia
Umur	81
Jantina	Lelaki
Tarikh Pelantikan	20 November 2012*

*Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif RHB Investment Bank Berhad pada 22 April 2021.

[Untuk butiran lanjut, sila rujuk halaman 145](#)



DONALD JOSHUA JAGANATHAN
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Pengerusi RHB Insurance Berhad

Kewarganegaraan	Malaysia
Umur	66
Jantina	Lelaki
Tarikh Pelantikan	1 Oktober 2020*

*Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif RHB Insurance Berhad pada 1 November 2025.

[Untuk butiran lanjut, sila rujuk halaman 147](#)

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA

- Jawatankuasa Risiko Lembaga



DATUK CHUNG CHEE LEONG
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Pengerusi RHB Asset Management Sdn Bhd

Kewarganegaraan	Malaysia
Umur	65
Jantina	Lelaki
Tarikh Pelantikan	1 Julai 2025*

*Dilantik kemudiannya sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif RHB Asset Management Sdn Bhd pada 1 Ogos 2025.

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA

- Jawatankuasa Kredit Lembaga RHB Bank Berhad
- Jawatankuasa Risiko Lembaga RHB Investment Bank Berhad
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Asset Management Sdn Bhd
- Jawatankuasa Audit RHB Asset Management Sdn Bhd
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Islamic International Asset Management Berhad
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Asset Management Pte Ltd (Pengerusi)

KELAYAKAN

- Ijazah Ekonomi (Pengkhususan dalam Pentadbiran Perniagaan) (Kepujian)

JAWATAN PENGARAH LAIN

Syarikat Tidak Tersenarai:

- RHB Investment Bank Berhad
- RHB Bank (L) Ltd (Pengerusi)
- RHB International Investments Pte Ltd (Pengerusi)

Kumpulan RHB Asset Management:

- RHB Asset Management Sdn Bhd (Malaysia) (Pengerusi)
- RHB Islamic International Asset Management Berhad (Malaysia) (Pengerusi)
- RHB Asset Management Pte Ltd (Singapura) (Pengerusi)

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Datuk Chung merupakan mantan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad dari April 2012 hingga Ogos 2023. Sebelum pelantikan tersebut, beliau berkhidmat sebagai Pengarah di Jabatan Penyeliaan Perbankan dan juga di Jabatan Pengurusan Risiko BNM. Beliau mempunyai 29 tahun pengalaman dalam perbankan pusat, dengan tumpuan utama terhadap kestabilan sistem kewangan dan sektor kewangan.

Datuk Chung juga merupakan ahli Panel Pakar di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pengerusi Pengasas Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Antarabangsa, serta berkhidmat sebagai Pengerusi pertama Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia. Beliau sebelum ini juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Berhad.

Datuk Chung terlibat secara langsung dalam pembangunan Pelan Induk Sektor Kewangan, penubuhan skim insurans deposit serta penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di BNM, beliau juga melaksanakan tugas bagi Tabung Kewangan Antarabangsa serta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. Beliau telah menerajui kemasukan Cagamas ke pasaran bon antarabangsa. Bermula dengan Penarafan Antarabangsa Setara Kedaulatan A3 oleh Moody's Investors Service, beliau memainkan peranan penting dalam penubuhan Program EMTN Pelbagai Mata Wang berjumlah USD5 bilion. Di bawah program tersebut, bon Renminbi luar pesisir suling Cagamas yang juga merupakan yang terbesar Asia Tenggara, telah berjaya diterbitkan.

Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau kepada kewangan Islam dan pasaran modal Islam, Datuk Chung telah dianugerahkan Anugerah Kewangan Islam Global 2020 bagi Advokasi Kewangan Islam dan Anugerah Kewangan Islam Triple A 2022 bagi Kepimpinan Industri serta Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat 2023.

Profil Jawatankuasa Syariah



AZIZI CHE SEMAN
Pengerusi

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	53	Lelaki

Tarikh Pelantikan

1 April 2023

KEANGGOTAAN SEMASA DALAM JAWATANKUASA SYARIAH DI INSTITUSI LAIN

- Bank Simpanan Nasional Malaysia
- Sun Life Malaysia Takaful Berhad
- Jawatankuasa Penasihat Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia ("AIBIM") (Pengerusi)
- Jemaah Ulama di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia ("YaPEIM")
- Yayasan Hijrah Selangor (Pengerusi)

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Penasihat Syariah Bertauliah ("CSA"), Persatuan Penasihat Syariah Malaysia ("ASAS")

BIDANG KEPAKARAN

- Perbankan dan Kewangan Islam
- Pasaran Modal Islam
- Ekonomi Islam
- Usul Fiqh dan Fiqh Muamalat

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Kini berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mantan Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Jawatankuasa Syariah Agrobank.
- Mantan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat.
- Mantan Ahli Jawatankuasa Pelaburan YaPEIM.
- Pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Penasihat Syariah bagi Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia ("IBFIM") serta Amara Investment Management Sdn. Bhd.
- Memegang pelbagai peranan dalam ASAS termasuk sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Lembaga Peperiksaan ASAS.
- Bekas Ahli Panel Penilai, Lembaga Akreditasi Kewangan, yang bertanggungjawab menilai dan mengesyorkan akreditasi bagi program yang ditawarkan oleh Penyedia Pendidikan Tinggi.
- Menyumbang kepada pelbagai penerbitan ilmiah, termasuk artikel jurnal, bab buku serta prosiding persidangan.
- Membentangkan kertas penyelidikan di pelbagai persidangan dan seminar berkaitan Kewangan Islam dan Syariah.



DR. MD. NURDIN NGADIMON

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	63	Lelaki

Tarikh Pelantikan

1 Mei 2021

KEANGGOTAAN SEMASA DALAM JAWATANKUASA SYARIAH DI INSTITUSI LAIN

- Sun Life Malaysia Takaful Berhad

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Syariah (Syariah & Ekonomi), Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana dalam Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Jordan
- Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Pengajian Islam, Universiti Birmingham

BIDANG KEPAKARAN

- Fiqh Muamalat (Perundangan Transaksi Islam)
- Fiqh dan Asas Perundangan Islam (Fiqh dan Usul Fiqh)
- Kaedah Fiqh (Qawaid Fiqh)
- Objektif Syariah (Maqasid Syariah)
- Pasaran Modal Islam dan Derivatif

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Malaya.
- Melaksanakan pelbagai peranan di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), dengan jawatan terakhir sebagai Timbalan Pengarah pada tahun 2020.
- Merupakan ahli perintis Kumpulan Kajian Instrumen Islam yang ditubuhkan oleh SC.
- Memainkan peranan penting dalam membangunkan metodologi saringan sekuriti patuh Syariah bagi sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
- Mewakili Malaysia dalam badan kawal selia dan penasihat utama, termasuk Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSB"), Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, Jawatankuasa Pengharmonian Undang-Undang, serta Jawatankuasa Khas Kewangan Islam di bawah Kementerian Kewangan.
- Pernah berkhidmat sebagai ahli panel Majlis Perundangan Islam ("ICC") di bawah Jabatan Perdana Menteri, serta sebagai wakil perunding bagi Agensi Kelayakan Malaysia ("MQA").



MOHD ZUBIR AWANG

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	42	Lelaki

Tarikh Pelantikan

1 Februari 2023

KEANGGOTAAN SEMASA DALAM JAWATANKUASA SYARIAH DI INSTITUSI LAIN

- Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Pengajian Islam, University of Wales
- Ijazah Sarjana Sastera dalam Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan, Loughborough University
- Penasihat Syariah Bertauliah ("CSA"), Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam Malaysia ("ASAS")

BIDANG KEPAKARAN

- Perbankan dan Kewangan Islam
- Usul Fiqh dan Fiqh Muamalat
- Kewangan Sosial Islam

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Kini berkhidmat sebagai Eksekutif di PETRONAS Global HR Partners.
- Pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah di KAF Investment Bank dari tahun 2014 hingga 2022.
- Penasihat Syariah berdaftar di bawah SC serta ahli EXCO Persatuan Penasihat ASAS.
- Ahli kumpulan kerja Jawatankuasa Semakan Kurikulum ("CRC") bagi Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam ("AAOIFI").
- Memulakan kerjaya dalam industri halal antarabangsa di United Kingdom sebagai Pegawai Pemeriksaan Syariah bagi Jawatankuasa Pemantauan Halal di Leicester.
- Beralih ke bidang industri kewangan Islam sebagai Eksekutif Syariah di RHB Islamic Bank.
- Pernah bertugas sebagai pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan pensyarah sambilan di Universiti Sains Islam Malaysia, mengajar pelbagai subjek seperti termasuk Undang-Undang Perdagangan Islam, Kaedah Fiqh, Fiqh, serta Pengenalan kepada Fiqh, Fatwa dan Ekonomi Islam.



**PROF. MADYA
DR. SITI SALWANI
RAZALI**

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	50	Perempuan

Tarikh Pelantikan

19 April 2024

KEANGGOTAAN SEMASA DALAM JAWATANKUASA SYARIAH DI INSTITUSI LAIN

- Masryef Advisory Sdn. Bhd.

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB (Kepujian) dan Undang-Undang Syariah (LLB.S (Kepujian)), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM")
- Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan, UIAM
- Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Undang-Undang Perniagaan, Universiti Putra Malaysia
- Penasihat Syariah Bertauliah (CSA), ASAS
- Ahli Chartered Islamic Finance Professional ("CIFP")
- Felo di World Business Institute, Victoria, Australia

BIDANG KEPAKARAN

- Undang-Undang Kontrak Islam (Fiqh Muamalat)
- Undang-Undang Perniagaan dan Komersial
- Kewangan dan Perbankan Islam
- Tadbir Urus dan Penasihatannya Syariah

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Profesor Madya di Jabatan Pentadbiran Perniagaan, Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM"), mengajar pelajar prasiswazah (Perniagaan dan Perakanaan) serta pascasiswazah (Sarjana Sains dalam Kewangan dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan) sejak tahun 2001.
- Pernah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bagi MIDF Investment Bank, Great Eastern Takaful dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
- Memegang pelbagai peranan penasihat, termasuk Ahli Panel Syariah bagi SilverBirds Group of Companies, Penasihat Bersekutu bagi AFTAAS Syariah Advisory Sdn. Bhd., serta Ahli Lembaga Pengarah Institut Perbankan dan Kewangan Islam UIAM.
- Pernah berkhidmat sebagai perunding dan jurulatih bagi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ("JAWHAR") di bawah Jabatan Perdana Menteri.
- Membentangkan kertas kerja dalam pelbagai persidangan serta menerbitkan penulisan secara meluas dalam jurnal antarabangsa, dengan beberapa kertas kerja menerima Anugerah Kertas Terbaik.
- Mengarang pelbagai buku, termasuk Islamic Law of Contract, Commercial Law in Malaysia dan Malaysian Business Law, yang diterbitkan oleh penerbit antarabangsa.
- Diiktiraf sebagai antara 300 Wanita Berpengaruh dalam Perniagaan dan Kewangan Islam bagi tahun 2022 dan 2023.



**PROF. MADYA DR.
NOR FAHIMAH
MOHD RAZIF**

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	40	Perempuan

Tarikh Pelantikan

1 April 2025

KEANGGOTAAN SEMASA DALAM JAWATANKUASA SYARIAH DI INSTITUSI LAIN

- Perbadanan Nasional Berhad ("PERNAS")
- Dana Peladang Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan ("NAFAS")
- Masryef Advisory Sdn. Bhd.

KELAYAKAN

- Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Fiqh al-Muamalat, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul Fiqh), Universiti Malaya
- Penasihat Syariah Bertauliah (CSA), ASAS

BIDANG KEPAKARAN

- Perbankan dan Kewangan Islam
- Pasaran Modal Islam
- Fiqh, Usul Fiqh dan Fiqh Muamalat

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Kini berkhidmat sebagai Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul serta Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya ("UM").
- Pernah berkhidmat di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam ("ISRA") sebagai Penolong Penyelidik, menjalankan penyelidikan berkaitan mekanisme lindung nilai melalui produk opsyen dalam kewangan Islam, sebelum berkhidmat sebagai Eksekutif di Jabatan Pasaran Modal Islam, SC.
- Pernah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Syariah bagi Affin Islamic Bank Berhad.
- Menghasilkan pelbagai penulisan dalam bidang ekonomi Islam, kewangan Islam, sukuk serta hutang dari perspektif Islam, membentangkan kertas kerja di persidangan peringkat antarabangsa dan tempatan, serta menerbitkan artikel berkaitan perbankan dan kewangan Islam dalam prosiding, buku dan jurnal.



**MOHD
BAHRODDIN
BADRI**

Kewarganegaraan	Umur	Jantina
Malaysia	48	Lelaki

Tarikh Pelantikan

7 Ogos 2025

KEANGGOTAAN SEMASA DALAM JAWATANKUASA SYARIAH DI INSTITUSI LAIN

- Swiss Re (Retakaful) (Pengerusi)
- Perbadanan Nasional Berhad (Pengerusi)
- Siraj Finance, Emiriah Arab Bersatu (Timbalan Pengerusi)
- United Arab Bank, Emiriah Arab Bersatu
- EXIM Bank
- Koperasi Islam Angkasa ("KOPSYA")

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Syariah (Ekonomi), Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu Islam (Fiqh dan Usul Fiqh), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Penasihat Syariah Bertauliah (CSA), Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam Malaysia (ASAS)
- Penasihat dan Juruaudit Bertauliah ("CSAA"), Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam ("AAOIFI"), Bahrain

BIDANG KEPAKARAN

- Perbankan dan Kewangan Islam
- Pasaran Modal Islam
- Fiqh, Usul Fiqh dan Fiqh Muamalat
- Ekonomi

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Kini berkhidmat sebagai Perunding Utama dan Ketua Penasihat Syariah di ISRA Consulting, INCEIF University ("ISRA-INCEIF"), serta mengajar dalam program Sarjana dan pensijilan profesional dalam kewangan Islam di INCEIF University.
- Pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM"); sebelum ini memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah MBSB Bank Berhad dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Citibank Malaysia.
- Beliau menyumbang kepada pembangunan dasar kewangan Islam, termasuk garis panduan dasar berkaitan Syariah (Piawaian Syariah) serta skim faedah patuh Syariah yang diterbitkan oleh pengawal selia Malaysia; merupakan penulis beberapa buku teks berkaitan kewangan Islam.
- Beliau aktif menjalankan latihan korporat, serta menghasilkan penulisan artikel dan kertas penyelidikan berkaitan Syariah dan kewangan Islam, di samping menjadi penceramah dalam persidangan antarabangsa di seluruh dunia.

Pengurusan Kanan Kumpulan



Duduk dari kiri

**FAZLINA MOHAMED
GHAZALI**

Ketua Pegawai Pematuhan
Kumpulan

**MOHAMED RASTAM
SHAHROM**

Ketua Pegawai Kewangan
Kumpulan

WENDY TING WEI LING

Pengarah Urusan,
Perbankan Korporat dan
Perniagaan Kumpulan

DATO' ADISSADIKIN ALI

Pengarah Urusan,
RHB Islamic Bank

Berdiri dari kiri

DR CHONG HAN HWEE

Ketua Pegawai Risiko
Kumpulan

TAN BOON CHING

Ketua Juraudit Dalaman
Kumpulan

RYAN TEOH JUN FATT

Ketua Pegawai Strategi
dan Inovasi Kumpulan

WONG KWANG LEH

Ketua Pegawai Teknologi
Kumpulan

JEFFREY NG EOW OO

Pengarah Urusan,
Perbankan Komuniti Kumpulan

VASHTA MAHENDRAN

Ketua Pegawai Operasi
Kumpulan

NURJESMI MOHD NASHIR

Pengarah Urusan,
Perbankan Borong Kumpulan

[🔗](#) Untuk maklumat mengenai Pengurusan Kanan kami, sila rujuk profil mereka di bahagian Pengurusan Kanan Kumpulan dalam laman web korporat kami.



Duduk dari kiri

DATO' MOHD RASHID MOHAMAD

Pengarah Urusan Kumpulan /
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

DANNY QUAH BOON LENG

Pengarah Urusan,
Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

Berdiri dari kiri

KEVIN VIJENDREN DAVIES

Pengarah Urusan,
RHB Investment Bank

OLIVER TAN CHUAN LI

Pengarah Urusan,
RHB Insurance Berhad

NORAZZAH SULAIMAN

Ketua Pegawai Jenama dan
Pengalaman Pelanggan Kumpulan

AZMAN SHAH MD YAMAN

Ketua Pegawai Undang-Undang
dan Tadbir Urus Kumpulan

ANGUS SALIM AMRAN

Ketua Pegawai Kelestarian
Kumpulan


WAN MARIAH ABU HASSAN

Ketua Pegawai Sumber Manusia
Kumpulan

[🔗](#) Untuk maklumat mengenai Pengurusan Kanan kami, sila rujuk profil mereka di bahagian Pengurusan Kanan Kumpulan dalam laman web korporat kami.

Struktur Organisasi Kumpulan

Setakat 1 Mei 2025



PENYATA SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat merupakan pemangkin strategik terhadap kepercayaan, daya tahan dan penciptaan nilai jangka panjang bagi Kumpulan Perbankan RHB.

Berpandukan rangka kerja tadbir urus yang kukuh serta corak kepimpinan yang jelas daripada pihak pengurusan tertinggi, Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi pengawasan bagi memastikan akauntabiliti, integriti dan pembuatan keputusan yang berhemah dilaksanakan secara konsisten di seluruh Kumpulan. Melalui pengawasan yang berdisiplin serta pendelegasian tanggungjawab yang jelas, Lembaga memperkukuh keyakinan pemegang taruh serta meletakkan Kumpulan dalam kedudukan yang teguh untuk mengemudi persekitaran kawal selia yang semakin kompleks.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat ini menggariskan struktur tadbir urus, amalan serta aktiviti utama Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya sepanjang tahun dalam tinjauan. Lembaga mengaplikasikan atau menerima pakai kesemua Prinsip yang disyorkan di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 kecuali Amalan 8.3 (*Step-up*), yang memerlukan pendedahan imbuhan terperinci bagi setiap ahli Pengurusan Kanan secara individu berdasarkan nama mereka. Untuk maklumat lanjut, pemegang taruh digalakkan untuk turut merujuk Laporan Tadbir Urus Korporat 2025, yang menyediakan perincian menyeluruh mengenai setiap pelaksanaan amalan tadbir urus termasuk hasil yang disasarkan, yang boleh diakses melalui www.rhbgroup.com.

PRINSIP A PA

Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

PRINSIP B PB

Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan

PRINSIP C PC

Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Bermakna dengan Pemegang Taruh


Model Dan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Kami

Lembaga Pengarah mewujudkan model dan rangka kerja tadbir urus di peringkat Kumpulan bagi memastikan penajajaran, keseragaman serta saluran komunikasi yang jelas di seluruh Kumpulan. Rangka kerja ini membolehkan pendelegasian kuasa yang sewajarnya kepada Lembaga dan Jawatankuasa subsidiari untuk melaksanakan fungsi pengawasan ke atas perkara kewangan dan bukan kewangan, hala tuju strategik, pengurusan risiko dan pematuhan, termasuk risiko serta peluang berkaitan kelestarian, serta dasar dan amalan tadbir urus korporat. Lembaga Pengarah sedar bahawa struktur tadbir urus dan pelaporan perlu mengekalkan keupayaan keseluruhan Lembaga untuk melaksanakan pengawasan yang berkesan.

Sehubungan itu, rangka kerja tadbir urus Kumpulan dipandu oleh, antara lain, oleh perkara-perkara berikut:

- Akta Syarikat 2016;
- Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad;
- Dasar Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;
- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- Panduan Tadbir Urus Korporat (Edisi Ke-4) yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia;
- Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN serta panduan yang dikeluarkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti;
- Garis Panduan Tatakelakuan Pengarah Syarikat Tersenarai dan Subsidiarinya yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- Garis panduan tadbir urus korporat dan pengundian yang dikeluarkan oleh pelabur institusi; dan
- Perkembangan kawal selia serantau yang berkaitan serta amalan pasaran antarabangsa.

Sebagai respons terhadap peraturan rangka kerja dan garis panduan baharu atau yang disemak semula, Kumpulan melaksanakan penilaian menyeluruh bagi menentukan langkah yang sewajarnya, termasuk penambahbaikan terhadap struktur dasar, proses serta tadbir urus. Ini bagi memastikan amalan terbaik yang sentiasa berkembang diterapkan secara berkesan dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat RHB.



Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat



Pada tahun 2025, RHB menerima pengiktirafan berprestij berikut, yang mencerminkan komitmen kukuh Kumpulan dalam mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi:

Anugerah Tadbir Urus Korporat dan Kelestarian Kebangsaan 2025

Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan –
Kedudukan #3

Persidangan dan Anugerah Tadbir Urus Korporat ASEAN 2025

5 Syarikat Tersenarai Awam Teratas di Malaysia
dan 50 Syarikat Tersenarai Awam Teratas ASEAN

PRINSIP A PA

Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

Peranan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah terdiri daripada profesional berpengalaman dengan kemahiran serta perspektif yang pelbagai, sekali gus menyediakan kepimpinan yang berkesan dan panduan strategik kepada Kumpulan. Selaras dengan MCCG 2021, Lembaga komited untuk memacu pertumbuhan mampan jangka panjang, meningkatkan nilai pemegang saham serta memberikan hasil yang positif kepada masyarakat.

Lembaga Pengarah beroperasi berpandukan Piagam Lembaga yang ditetapkan, yang memperincikan dengan jelas peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa Lembaga serta Jawatankuasa Lembaga, dan berfungsi sebagai panduan kepada ahli Lembaga Pengarah.

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah seperti yang diperincikan dalam Piagam Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:



Penetapan Strategi

Menyemak, meluluskan dan memantau pelaksanaan pelan perniagaan, objektif kewangan, bajet serta dasar utama Syarikat.



Pengurusan Syarikat

Memantau prestasi Pengurusan serta meluluskan objektif prestasi bagi memastikan Syarikat diurus dengan baik.



Perancangan Penggantian

Memastikan perancangan penggantian yang berkesan bagi Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta Pengurusan Kanan, dengan pelantikan berasaskan merit dan keupayaan.



Pengurusan Risiko dan Perancangan Pemulihan

Mengenal pasti risiko utama serta memastikan rangka kerja pengurusan risiko, kawalan dan pemulihan yang bersesuaian diwujudkan.



Integriti Kawalan Dalaman

Memantau kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, rangka kerja pematuhan serta fungsi audit.



Pelan Komunikasi

Memastikan komunikasi yang jelas, seimbang dan tepat pada masanya dengan pemegang saham, pelabur, pengawal selia serta pemegang taruh lain.



Kelestarian (Integrasi E.S.G/E.E.S.)

Menggalakkan amalan perniagaan mampan dengan mengintegrasikan pertimbangan ESG, termasuk faktor persekitaran, ekonomi dan sosial yang lebih luas.

Lembaga Pengarah mengekalkan satu senarai rasmi perkara yang memerlukan keputusan mereka, di samping mendelegasikan kuasa kepada pihak Pengurusan bagi pelaksanaan operasi harian. Keputusan Lembaga dibuat melalui pertimbangan yang sewajarnya dan diluluskan secara undian majoriti, walaupun kebiasaannya dicapai secara konsensus.

Piagam Lembaga boleh diakses melalui laman sesawang Syarikat: www.rhbgroup.com

Perkara yang Dikhaskan Kepada Lembaga

- Strategi perniagaan dan operasi
- Pelan perniagaan baharu atau perubahan kepada pelan sedia ada
- Pelaburan baharu dan pelupusan pelaburan
- Penggabungan dan pengambilalihan
- Pengembangan atau kemasukan ke pasaran/geografi/rantau baharu
- Penstrukturan semula atau penyusunan semula korporat
- Penubuhan subsidiari baharu atau usaha sama
- Perkongsian strategik atau pakatan
- Pemerolehan atau pelupusan aset yang signifikan
- Pemantauan kemajuan strategi perniagaan

Peranan dan Tanggungjawab

Pengarah

- Bertindak secara proaktif dalam mendapatkan maklumat berkaitan Syarikat dan industri bagi mengekalkan pengetahuan yang luas dan terkini, seterusnya membolehkan penyampaian maklum balas yang berkesan dalam mesyuarat;
- Melaksanakan pengawasan dan pertimbangan bebas dalam membuat keputusan, dengan bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat dan pemegang saham secara keseluruhan, dan bukan untuk kepentingan mana-mana pemegang saham atau kumpulan pemegang saham tertentu. Pengarah digalakkan untuk bersikap terbuka dalam mesyuarat Lembaga, mengemukakan soalan, mendapatkan maklumat atau membangkitkan sebarang isu yang membimbangkan kepada Lembaga dan pihak Pengurusan;
- Mendapatkan nasihat profesional bebas dengan kos ditanggung oleh Syarikat apabila perlu, sekiranya mana-mana Pengarah mengesan sebarang ketidakaturan dalam hal berkaitan Syarikat. Pengarah hendaklah memastikan kos yang dikenakan adalah munasabah serta berbincang dengan Pengerusi sebelum mendapatkan nasihat tersebut;
- Memelihara kerahsiaan perbincangan dan pertimbangan Lembaga Pengarah. Sehubungan itu, semua maklumat sulit yang diterima oleh seseorang Pengarah dalam pelaksanaan tugasnya kekal sebagai hak milik Syarikat. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar untuk mendedahkan maklumat tersebut atau membenarkan ia didedahkan, melainkan pendedahan tersebut diluluskan oleh Lembaga Pengarah atau dikehendaki oleh undang-undang.
- Sentiasa peka terhadap potensi konflik kepentingan dan mendedahkan sebarang konflik sebenar atau berpotensi dengan segera;
- Sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembangunan profesional berterusan; dan
- Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif atau Pengurusan Kanan.

Pengarah Penama

- Seorang Pengarah yang dilantik sebagai wakil kepada pemegang saham utama hendaklah bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan, dan sekiranya berlaku sebarang konflik antara tanggungjawabnya kepada pihak pencalon dan kewajipannya, beliau tidak boleh mengutamakan kepentingan pihak pencalon tersebut berbanding tanggungjawabnya untuk bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan Perbankan RHB.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ("INED")

- Memantau serta mencabar prestasi pihak Pengurusan; dan
- Melaksanakan pertimbangan bebas dalam meneliti, membincangkan serta menyemak perkara-perkara yang dibentangkan kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga.

Pengerusi Lembaga Pengarah

- Memimpin Lembaga dalam perbincangan dan pertimbangan;
- Mempengerusikan Mesyuarat Agung;
- Memastikan komunikasi yang berkesan antara Lembaga dengan pemegang taruh;
- Berkomunikasi secara berkala dengan GMD/CEO serta pegawai Pengurusan Kanan lain berhubung perkara berkaitan hal ehwal Kumpulan;
- Memberikan kepimpinan yang berkesan dalam merangka hala tuju strategik Syarikat dan Lembaga serta mencapai objektif Syarikat;
- Bekerjasama dengan Setiausaha Syarikat dalam menjadualkan mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa;
- Bekerjasama dengan Lembaga dalam mewujudkan struktur dan piagam Jawatankuasa Lembaga yang bersesuaian;
- Memastikan kebebasan Lembaga dalam melaksanakan tugasnya;
- Memastikan Lembaga dan setiap Pengarah melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya serta mematuhi dasar, undang-undang, peraturan, ketetapan, arahan dan garis panduan yang berkuat kuasa;
- Meneliti dan menangani keperluan pembangunan bagi setiap Pengarah serta Lembaga secara keseluruhan;
- Bekerjasama dengan Lembaga dalam menetapkan kriteria prestasi dan penilaian bagi Lembaga, pelbagai Jawatankuasa Lembaga, setiap Pengarah, GMD/CEO serta pasukan Pengurusan Kanan;
- Menggalakkan hubungan yang berkesan dan komunikasi terbuka antara Lembaga dan pasukan Pengurusan Kanan, khususnya berkaitan tadbir urus korporat dan prestasi korporat; dan
- Mewakili Syarikat dan pandangan kolektif Lembaga di peringkat luaran serta menyelia hal ehwal perhubungan awam, termasuk hubungan dengan pelanggan utama, pegawai kerajaan, organisasi awam lain dan masyarakat umum.

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif ("SINED")

- Sedia untuk dihubungi oleh pemegang saham sekiranya mereka mempunyai kebimbangan berkaitan perkara yang tidak dapat diselesaikan melalui saluran biasa melibatkan Pengerusi atau GMD/CEO, atau jika saluran tersebut dianggap tidak sesuai.
- Bertindak sebagai penghubung antara Pengarah Bebas dengan Pengerusi Lembaga;
- Mengekalkan hubungan dengan pemegang saham utama seperti yang diperlukan bagi memahami secara seimbang isu dan kebimbangan mereka;
- Menjadi titik rujukan utama bagi pihak dalaman dan luaran untuk melaporkan (*whistleblowing*) sebarang tatalaku tidak beretika atau salah laku perniagaan oleh pihak dalaman (termasuk Pengarah) Syarikat dan dalam Kumpulan Perbankan RHB; dan
- Menerajui Pengarah Bebas dalam mengadakan sesi bersama pihak Pengurusan Kanan tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Lembaga

Kumpulan mengekalkan pengasingan yang jelas antara peranan Pengerusi dan GMD/CEO bagi memastikan keseimbangan yang wajar dari segi kuasa, akauntabiliti serta pengawasan bebas di peringkat Lembaga. Peranan-peranan ini disandang oleh individu yang berasingan, dengan Pengerusi menerajui Lembaga dan memastikan keberkesanannya, manakala GMD/CEO bertanggungjawab terhadap pengurusan harian Kumpulan serta pelaksanaan strategi yang diluluskan oleh Lembaga. Pengerusi Lembaga tidak berkhidmat sebagai ahli dalam mana-mana Jawatankuasa Lembaga. Pengasingan tanggungjawab ini menyokong pembuatan keputusan yang objektif, mengurangkan penumpuan kuasa serta memperkukuh amalan tadbir urus korporat yang baik selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Lembaga disokong oleh seorang Setiausaha Syarikat yang memiliki kelayakan undang-undang yang sewajarnya serta dilesenkan untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat. Setiausaha Syarikat tersebut merupakan seorang pegawai integriti bertauliah. Beliau memastikan ahli Lembaga menerima maklumat yang tepat dan tepat pada masanya, termasuk bahan mesyuarat dan minit mesyuarat, bagi memudahkan cara pertimbangan yang berasaskan maklumat serta pembuatan keputusan yang

berkesan. Semua Pengarah mempunyai akses langsung kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat, dan Bank turut menyediakan akses, dengan kos ditanggung oleh Bank, kepada penasihat profesional bebas apabila perlu bagi membolehkan Pengarah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Struktur Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah disusun bagi menyediakan suatu platform yang seimbang dan berkesan untuk pengawasan yang mantap, pertimbangan yang wajar serta cabaran yang membina. Terdiri daripada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif bersama seorang Pengarah Eksekutif, Lembaga menghimpunkan pelbagai perspektif, kemahiran dan pengalaman yang penting dalam membimbing Kumpulan dalam mengharungi persekitaran operasi yang semakin kompleks dan dinamik. Di bawah kepimpinan Pengerusi, Lembaga menggalakkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi, memudah cara perbincangan yang terbuka dan teliti, serta memastikan proses membuat keputusan adalah berasaskan maklumat yang mencukupi, objektif dan selaras dengan kepentingan jangka panjang Kumpulan. Kepelbagaian kepakaran dan komposisi yang seimbang ini membolehkan Lembaga melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan serta memberikan panduan yang bermakna kepada pihak Pengurusan.

Pecahan Komposisi Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga Pengarah

Kehadiran Mesyuarat Lembaga	Komposisi Pengarah Bebas	Bilangan Mesyuarat pada 2025
98%	60%	14


Jantina



Kumpulan Umur

56 - 60 tahun	61 - 65 tahun	66 - 69 tahun	70 - 81 tahun
10%	50%	20%	20%


Komposisi Lembaga



- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif ("NINED")*
- Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif ("SINED")
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas ("INED")
- Pengarah Eksekutif ("ED")

* Termasuk seorang Pengerusi

Etnik



Pengalaman Industri & Set Kemahiran

- Kepimpinan & Pengurusan
- Risiko & Pematuhan
- Perbendaharaan & Pasaran Modal
- Keselamatan Siber & Privasi Data
- Kelestarian
- Perbankan & Kewangan
- Sistem Maklumat Pengurusan (MIS) & Teknologi

Tempoh Perkhidmatan*

• Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir	5 tahun, 3 bulan	• Donald Joshua Jaganathan	5 tahun, 6 bulan
• Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa	13 tahun, 3 bulan	• Datuk Iain John Lo	5 tahun, 6 bulan
• Dato' Mohamad Nasir Ab Latif	5 tahun, 11 bulan	• Hijah Arifakh Othman	2 tahun, 9 bulan
• Ong Ai Lin	8 tahun, 8 bulan	• Nadzirah Abd Rashid	2 tahun, 0 bulan
• Lim Cheng Teck	7 tahun, 3 bulan	• Dato' Mohd Rashid Mohamad	3 tahun, 11 bulan

* Nota: Maklumat adalah setakat 15 Mac 2026

AKTIVITI DAN FOKUS LEMBAGA SEPANJANG TAHUN

Semasa tahun dalam kajian, Lembaga melaksanakan fungsi pengawasan merangkumi bidang-bidang utama yang kritikal terhadap daya tahan, kelestarian serta prestasi jangka panjang Kumpulan. Perbincangan Lembaga tertumpu kepada hala tuju strategik, prestasi kewangan, pengawasan kawal selia dan risiko, perkembangan teknologi serta perkara berkaitan tadbir urus, bagi memastikan penajajaran dengan tahap penerimaan risiko Kumpulan serta persekitaran operasi yang sentiasa berubah.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga menyediakan panduan, cabaran yang membina, semakan serta kelulusan ke atas perkara-perkara penting seperti berikut:

1. Menyemak pelan strategik PROGRESS27.
2. Menerima kemas kini mengenai prestasi syarikat subsidiari luar negara (serantau), termasuk cabaran utama pasaran.
3. Memastikan perancangan penggantian jangka panjang Lembaga disemak dengan sokongan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga.
4. Memberi penekanan terhadap amalan tadbir urus perniagaan yang baik, dengan tumpuan khusus terhadap usaha membanteras penipuan, penipuan kewangan dalam talian, sogokan serta rasuah, dengan sokongan Jawatankuasa Audit Lembaga.

Perbincangan Utama Lembaga Pengarah Pada Tahun 2025

Prestasi dan Strategi

- Menyemak dan memantau PROGRESS27.
- Menilai prestasi operasi tempatan dan serantau, termasuk segmen perniagaan utama.
- Menyemak strategi pembiayaan Kumpulan, bajet serta unjuran kewangan.

Tadbir Urus, Kelestarian, Risiko dan Pematuhan


- Mengawasi profil risiko Kumpulan, kecukupan modal serta kedudukan kawal selia, termasuk Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam ("ICAAP") dan penarafan penyeliaan.
- Menyemak laporan audit, pematuhan dan integriti, termasuk perkara berkaitan pelaporan pemberi maklumat (*whistleblowing*) dan anti-rasuah.
- Meluluskan pendedahan tadbir urus berkanun, termasuk pendedahan Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam.
- Melaksanakan penilaian Lembaga dan Jawatankuasa serta menyemak perkara berkaitan imbuan.
- Membincangkan komposisi Lembaga dan Jawatankuasa serta kemas kini rangka kerja tadbir urus.
- Membincangkan perkara-perkara utama berkaitan organisasi, struktur dan kawal selia, termasuk penambahbaikan struktur pengurusan serta melaksanakan semakan menyeluruh ke atas rangka kerja tadbir urus.

Kewangan

- Menyemak prestasi kewangan dan bukan kewangan Kumpulan, termasuk penyata kewangan yang diaudit serta kualiti aset.
- Meluluskan dividen, bajet, suntikan modal serta cadangan pembiayaan utama yang lain.
- Mengawasi pengurusan modal, perkara kemerosotan nilai, had risiko pasaran serta pertimbangan selera risiko Kumpulan.

Modal Insan dan Budaya

- Meluluskan pelantikan dan pelantikan semula Pengarah di seluruh Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga Kumpulan.
- Meluluskan pelantikan dan pelantikan semula Pengurusan Kanan utama merangkumi operasi di Malaysia dan negara serantau.
- Menyemak dan meluluskan perkara berkaitan imbuan termasuk kenaikan gaji, bonus prestasi, pemberian saham serta insentif tunai tertunda.

 Maklumat lanjut mengenai perkara yang dibincangkan oleh Lembaga dinyatakan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat 2025 di laman sesawang kami di www.rhbgroup.com, serta Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam di halaman 182 hingga 191 dalam laporan ini.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan secara berkala oleh Pengerusi atau wakil setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara utama yang dibincangkan dan dipertimbangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa yang memerlukan perhatian Lembaga. Amalan pelaporan ini turut diterima pakai di seluruh entiti operasi utama Kumpulan. Setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah beroperasi berdasarkan Terma Rujukan yang jelas, yang menetapkan skop kuasa, peranan dan tanggungjawab, serta jangkaan tadbir urus bagi jawatankuasa berkenaan.

Jawatankuasa Lembaga bermesyuarat secara berkala sepanjang tahun bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Maklumat berkaitan kehadiran Pengarah dalam mesyuarat Jawatankuasa Lembaga adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA ("BAC")

BAC berperanan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam memelihara integriti pelaporan kewangan Kumpulan serta memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko. BAC menyediakan pengawasan bebas terhadap fungsi audit dalaman dan luaran, memantau pematuhan terhadap undang-undang dan keperluan kawal selia yang berkenaan, serta menyemak perkara-perkara utama berkaitan kewangan, audit dan tadbir urus bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti serta amalan tadbir urus korporat yang mantap di seluruh organisasi. Di samping itu, BAC mengawasi pelaksanaan program anti-rasuah Kumpulan oleh Kumpulan Integriti & Tadbir Urus, serta sentiasa dimaklumkan secara berkala berhubung kes pelaporan pemberi maklumat yang melibatkan salah laku atau pelanggaran etika perniagaan, termasuk tindakan pengurusan susulan yang berkaitan.

BAC terdiri daripada empat orang ahli, yang kesemuanya terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang mempunyai literasi kewangan dan kepakaran, pengetahuan serta pengalaman kewangan yang diperlukan untuk menyemak secara berkesan perkara-perkara kewangan dan bukan kewangan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa.

Kehadiran BAC	Komposisi Pengarah Bebas	Bilangan Mesyuarat yang diadakan pada tahun 2025	Ahli Jawatankuasa:	
98%	100%	18	1. Ong Ai Lin (Pengerusi)	3. Datuk Iain John Lo
			2. Donald Joshua Jaganathan	4. Nadzirah Abd Rashid

[Maklumat lanjut mengenai BAC dan GIA Kumpulan boleh didapati dalam Laporan Tadbir Urus Korporat 2025 serta di bawah Laporan BAC di halaman 175 hingga 180 dalam laporan ini.](#)

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN LEMBAGA ("BNRC")

Objektif BNRC adalah untuk membantu Lembaga dalam memastikan Kumpulan mengekalkan struktur kepimpinan yang berkesan serta rangka kerja imbuhan yang kukuh bagi menyokong pencapaian objektif strategiknya. BNRC menyemak dan menilai pelantikan serta pelantikan semula Pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga dan Pegawai Kanan Utama, serta mengemukakan cadangan pelantikan tersebut kepada Lembaga Pengarah masing-masing untuk kelulusan. BNRC menilai prestasi Pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga dan Pegawai Kanan Utama, termasuk GMD serta Pengarah Urusan/CEO yang melapor kepada GMD, menyemak komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya, serta mengawasi reka bentuk dan pelaksanaan rangka kerja imbuhan. Di samping itu, BNRC melaksanakan penilaian kesesuaian dan kelayakan (*fit and proper*) ke atas individu yang merupakan pengambil risiko material utama bagi menggalakkan tadbir urus yang kukuh serta akauntabiliti di seluruh Kumpulan.

Kehadiran BNRC	Komposisi Pengarah Bebas	Bilangan Mesyuarat yang diadakan pada tahun 2025	Ahli Jawatankuasa:	
100%	75%	10	1. Datuk Iain John Lo (Pengerusi)	3. Hijah Arifakh Othman
			2. Dato' Mohamad Nasir Ab Latif	4. Donald Joshua Jaganathan

[Maklumat lanjut mengenai BNRC boleh didapati dalam Laporan Tadbir Urus Korporat 2025.](#)

JAWATANKUASA RISIKO LEMBAGA ("BRC")

BRC ditubuhkan bagi membantu Lembaga dalam mengawasi profil risiko keseluruhan Kumpulan serta memastikan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Sebagai sebuah institusi kewangan yang diamanahkan untuk mengurus dana awam, BRC memastikan proses yang mantap diwujudkan bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus kedua-dua risiko kewangan dan bukan kewangan di seluruh Kumpulan, sekali gus melindungi pelaburan pemegang saham, dana pendeposit, kepentingan pemegang dasar serta aset Kumpulan. BRC menyediakan pengawasan terhadap aktiviti pengurusan risiko oleh Pengurusan Kanan, menyemak dan mengesyorkan strategi risiko serta selera risiko Kumpulan, memantau pelaksanaan tahap toleransi risiko, serta memastikan keselarasan antara pengurusan risiko dan rangka kerja prestasi risiko-pulangan yang diluluskan, termasuk pengintegrasian Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman ("ICAAP") ke dalam perancangan strategik dan penyediaan bajet. Jawatankuasa ini menyemak dan meluluskan produk baharu serta perubahan material terhadap produk bagi memastikan risiko dinilai dan diurus dengan sewajarnya.

Kehadiran BRC	Komposisi Pengarah Bebas	Bilangan Mesyuarat yang diadakan pada tahun 2025	Ahli Jawatankuasa:		
95%	100%	16	1. Donald Joshua Jaganathan (Pengerusi)		
			2. Ong Ai Lin		
			3. Anthony Lim Choon Eng (dilantik berkuat kuasa 1 November 2025)		
			4. Tunku Arifakh Tunku Abdul Malek (dilantik berkuat kuasa 1 November 2025)		
			5. Chin Yoong Kheong (meletak jawatan berkuat kuasa 1 Ogos 2025)		
			6. Lim Cheng Teck (meletak jawatan berkuat kuasa 1 November 2025)		

JAWATANKUASA KREDIT LEMBAGA ("BCC")

Objektif BCC adalah untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan pengawasan terhadap pendedahan risiko kredit Kumpulan serta keputusan penting berkaitan kredit.

BCC menyemak dan mengesahkan, menolak atau mengenakan syarat tambahan ke atas permohonan kredit, termasuk yang berkaitan dengan urusan niaga pembrokeran saham dan niaga hadapan serta cadangan penajajaminan yang melebihi had kelulusan Pengurusan.

BCC juga membincangkan penstrukturan semula dan/atau penjadualan semula akaun berprestasi, serta memberikan panduan kepada Pengurusan berhubung penetapan harga kemudahan kredit dan komitmen, dengan mengambil kira hubungan risiko-pulangan serta keuntungan keseluruhan akaun.

Melalui tanggungjawab ini, BCC memastikan keputusan kredit adalah selaras dengan selera risiko Kumpulan, dasar kredit serta piawaian pengurusan risiko yang berhemat.

Kehadiran
BCC
84%

Komposisi
Pengaruh Bebas
75%

Bilangan mesyuarat yang
diadakan pada tahun 2025
24

Ahli Jawatankuasa:

- | | |
|-------------------------------|---------------------------|
| 1. Lim Cheng Teck (Pengerusi) | 3. Datuk Chung Chee Leong |
| 2. Tan Sri Ong Leong Huat | 4. Hizamuddin Jamalluddin |

JAWATANKUASA KELESTARIAN LEMBAGA ("BSC")

BSC ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam menyediakan pengawasan strategik serta kepimpinan dalam memacu agenda berkaitan kelestarian dan perubahan iklim Kumpulan. BSC memastikan strategi kelestarian, pelan tindakan iklim serta rangka kerja tadbir urus Kumpulan diselaraskan dengan visi kelestarian, komitmen dan nilai-nilai tonggak Kumpulan, serta Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("SDGs") yang utama. BSC menyediakan panduan berkaitan strategi, sasaran serta perkembangan kawal selia dalam aspek kelestarian dan perubahan iklim, di samping mengawasi risiko dan peluang material berkaitan alam sekitar dan sosial serta memantau keberkesanan tadbir urus kelestarian di seluruh Kumpulan. BSC turut melaksanakan pengawasan strategik terhadap pelaporan dan pendedahan kelestarian Kumpulan, di samping menyokong usaha mengenal pasti serta memajukan peluang komersial berteraskan kelestarian dan inisiatif impak sosial.

Kehadiran
BSC
100%

Komposisi
Pengaruh Bebas
75%

Bilangan mesyuarat yang
diadakan pada tahun 2025
5

Ahli Jawatankuasa:

- | | |
|-----------------------------------|-----------------------------|
| 1. Datuk Iain John Lo (Pengerusi) | 3. Donald Joshua Jaganathan |
| 2. Dato' Mohamad Nasir Ab Latif | 4. Hijah Arifakh Othman |

[🔗](#) Untuk butiran terperinci mengenai kehadiran Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga, sila rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat 2025 RHB Bank Berhad.

LAPORAN MENGENAI AKTIVITI JAWATANKUASA PENCALONAN & IMBUHAN LEMBAGA ("BNRC")


BNRC memainkan peranan penting dalam memastikan Lembaga mengekalkan keseimbangan yang wajar dari segi kemahiran, pengalaman, kepelbagaian dan kebebasan, serta memastikan Pengarah yang dilantik berupaya menyumbang secara berkesan kepada Kumpulan. BNRC juga menyelia pembaharuan komposisi Lembaga secara berkala dan menilai tempoh perkhidmatan setiap Pengarah selaras dengan keperluan kawal selia yang berkuat kuasa serta dasar Syarikat. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, BNRC memastikan bahawa pemilihan semula tahunan Pengarah tertakluk kepada penilaian yang menyeluruh terhadap prestasi dan sumbangan mereka kepada Lembaga.

Ringkasan aktiviti utama yang dilaksanakan oleh BNRC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

- Menerima keputusan Penilaian Keberkesanan Lembaga Kumpulan Perbankan RHB bagi TK2024.
- Mengkaji semula dan mengesahkan cadangan ganjaran prestasi serta kenaikan gaji bagi Pegawai Pengurusan Kanan Utama.
- Mengkaji semula dan mengesahkan Bonus/Insentif Prestasi yang dicadangkan bagi TK2024.
- Meluluskan penerima yang layak bagi Skim Pemberian Saham dan Peruntukan Unit Saham bagi TK2024.
- Mengkaji semula dan mengesahkan penerima yang dicadangkan bagi Skim Pemberian Saham Pekerja TK2024.
- Mengkaji semula dan meluluskan pelantikan serta pelantikan semula pegawai Pengurusan Kanan utama dan Pengarah dalam Kumpulan.
- Mengkaji semula Penilaian Sesuai dan Wajar untuk Individu Bertanggungjawab Utama RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad.
- Menerima kemas kini mengenai Kad Skor Seimbang bagi petunjuk prestasi utama ("KPI") Pengurusan Kanan utama dan pengambil risiko material dalam Kumpulan Perbankan RHB.
- Menerima kemas kini mengenai perancangan penggantian bagi RHB Bank Berhad, Jawatankuasa Lembaga serta Lembaga subsidiari termasuk semakan Rangka Kerja Perancangan Penggantian Lembaga dengan memberi tumpuan kepada tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas Kumpulan.
- Mengkaji semula gambaran keseluruhan komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga merentas entiti dalam Kumpulan Perbankan RHB.
- Meluluskan semakan Pelaksanaan Kajian Imbuhan Pengarah bagi RHB Bank Berhad dan syarikat subsidiarinya.
- Menerima maklumat terkini mengenai Kajian Prestasi Pertengahan Tahun bagi TK2024 bagi Pengurusan Kanan, pengambil risiko material lain serta Ketua Pegawai Eksekutif Negara Kumpulan Perbankan RHB.
- Memperakukan penubuhan Skim Pemberian Saham Pekerja dan Prinsip Panduan Insentif Tunai Tertunda.
- Menerima keputusan penilaian "Kebebasan" Pengarah Bebas Kumpulan Perbankan RHB.
- Meluluskan cadangan kenaikan gaji pekerja, Bonus dan Insentif Kumpulan Perbankan RHB bagi TK2024.
- Menerima cadangan Struktur Organisasi Pengurusan Kumpulan yang dipertingkatkan serta Terma Rujukan yang disemak bagi Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan.
- Menerima keputusan Tinjauan Penglibatan Pekerja RHB bagi TK2024 serta Pelan Tindakan berkaitan.
- Mencadangkan pelantikan Ahli Jawatankuasa Syariah baharu bagi RHB Islamic Bank Berhad.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

Proses pelantikan Lembaga RHB adalah seperti berikut:



IMBUHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah berperanan memastikan bahawa rangka kerja imbuhan menyokong pencapaian objektif strategik Kumpulan dan sejajar dengan budaya RHB, selera risiko dan keperluan kawal selia yang berkenaan. BNRC dipertanggungjawabkan untuk menyelia strategi imbuhan Kumpulan selaras dengan Terma Rujukannya, yang boleh diakses melalui laman sesawang korporat RHB.

Susulan semakan bebas dan berdasarkan perakuan BNRC, struktur yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga yang disemak telah diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada tahun 2025. Perincian struktur imbuhan terkini adalah seperti berikut:

Jawatankuasa/Perkara	Pengerusi Bukan Eksekutif ("RM")	Pengarah Bukan Eksekutif/ Ahli Lembaga ("RM")	Elaun Kehadiran Mesyuarat ("RM")
Lembaga	340,000	240,000	3,000
Jawatankuasa Audit Lembaga	75,000	45,000	3,000
Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga	75,000	45,000	3,000
Jawatankuasa Risiko Lembaga	75,000	45,000	3,000
Jawatankuasa Kredit Lembaga	75,000	45,000	3,000
Jawatankuasa Kelestarian Lembaga	60,000	40,000	3,000

Untuk maklumat terperinci mengenai amalan imbuhan RHB bagi Pengarah dan Pengurusan Kanan, sila rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat 2025 RHB Bank Berhad.

Penilaian Keberkesanan Lembaga

Selaras dengan keperluan Dokumen Dasar Tadbir Urus Korporat oleh Bank Negara Malaysia serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang menggalakkan pelantikan pihak luar secara berkala bagi melaksanakan penilaian yang objektif dan bebas terhadap keberkesanan Lembaga, RHB telah melantik Ernst & Young Consulting Sdn Bhd ("EY") untuk memudah cara pelaksanaan Penilaian Keberkesanan Lembaga ("BEE") bagi TK2025. Penilaian ini telah dijalankan antara September hingga Disember 2025 dan merangkumi penilaian ke atas Lembaga, Jawatankuasa Lembaga serta Pengarah Individu RHB Bank Berhad dan beberapa subsidiari utama yang terpilih. Penilaian tersebut melibatkan temu bual berstruktur secara individu, penilaian sendiri dan rakan setara, serta soal selidik yang melibatkan Pengarah dan Pengurusan Kanan yang mempunyai interaksi berkala dengan Lembaga.

Keputusan penilaian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa Lembaga kekal berkesan dan berfungsi dengan baik, dengan mencerminkan amalan tadbir urus, kebebasan dan pengawasan yang kukuh dalam melaksanakan mandatnya. Lembaga mempamerkan prestasi yang memberangsangkan merentasi semua bidang penilaian utama termasuk kepimpinan dan budaya, komposisi, tanggungjawab, Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta pentadbiran dan operasi. Pengarah individu turut menerima penilaian yang tinggi, mencerminkan tahap kebebasan, komitmen, sumbangan serta kecekapan yang kukuh.

Budaya Lembaga Pengarah yang sihat, yang dipacu oleh kepimpinan Pengerusi serta disokong oleh Pengarah yang berpengalaman dan komited, terus menyokong perbincangan yang mantap dan konstruktif. Lembaga turut diiktiraf kerana menyediakan cabaran yang membina kepada pihak Pengurusan, di samping mengekalkan keterbukaan dan rasa hormat dalam interaksi. Komposisi Lembaga dinilai sebagai seimbang dan pelbagai, dengan gabungan kemahiran, pengalaman dan perspektif yang sesuai bagi menyokong proses membuat keputusan efektif.

Penilaian ini turut menekankan keberkesanan pengawasan Lembaga terhadap strategi, risiko, tadbir urus dan pematuhan, yang disokong oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang kukuh dan beroperasi secara berkesan di bawah kepimpinan Pengerusi Jawatankuasa yang berwibawa. Dari segi pentadbiran dan operasi, Lembaga turut menerima penilaian yang positif, dengan proses mesyuarat yang tersusun, kertas cadangan yang berkualiti tinggi serta sokongan padu daripada Setiausaha Syarikat yang menyumbang kepada keberkesanan operasi Lembaga.

Antara bidang yang dikenal pasti untuk penambahbaikan termasuk perancangan penggantian, khususnya dalam memperkukuh kepakaran berkaitan risiko teknologi serta keupayaan digital baharu, meningkatkan penekanan terhadap inovasi, pengurusan bakat dan teknologi baharu, serta usaha berterusan untuk memperkemas proses tadbir urus bagi mengoptimumkan penggunaan masa Lembaga dan Pengurusan.

Secara keseluruhan, BEE mengesahkan bahawa Lembaga terus beroperasi pada tahap keberkesanan yang tinggi, dengan peluang penambahbaikan yang berterusan bagi memperkukuh amalan tadbir urus serta menyokong kelestarian jangka panjang dan pencapaian - aspirasi strategik Kumpulan.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN TADBIR URUS KORPORAT (“CG”)

Refleksi Perkara-perkara Utama: Bidang Fokus Lembaga bagi Tadbir Urus Korporat 2025

- Memantau kemajuan PROGRESS27
- Menerima kemas kini serta menyemak laporan risiko, pematuhan dan audit Kumpulan
- Meluluskan pendedahan berkanun Tadbir Urus Korporat tahunan Kumpulan
- Meluluskan laporan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- Mengambil maklum Transaksi Pihak Berkaitan bagi RHB Bank Berhad dan anak-anak syarikatnya
- Mengambil maklum pengisytiharan Konflik Kepentingan oleh Pengarah
- Menerima maklumat terkini secara berkala daripada Pengerusi Jawatankuasa Lembaga
- Mengkaji semula perkara tadbir urus berkaitan subsidiari tempatan dan luar negara
- Mengkaji semula kemajuan pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (“OACP”)
- Meluluskan laporan setengah tahun kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Memantau kemajuan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan
- Menilai semula Penilaian Keberkesanan Lembaga bagi tahun 2024 yang dilaksanakan secara dalaman
- Menerima maklumat berkaitan integriti, tadbir urus, pemberi maklumat dan anti-rasuah
- Mengkaji semula komposisi Lembaga dengan memberi penekanan terhadap kepelbagaian jantina
- Membincangkan penganjuran Mesyuarat Agung Tahunan ke-59 RHB Bank Berhad

Keutamaan dan Aspirasi Masa Hadapan: Fokus Lembaga bagi Tadbir Urus Korporat 2026

- Memantau kemajuan PROGRESS27
- Menyelia kemajuan dan penyempurnaan OACP 2022–2026
- Mengkaji semula laporan BEE bagi tahun 2025 yang dilaksanakan oleh pihak luar
- Mengkaji semula Dasar Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan
- Menyelia Pelan Penggantian bagi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- Mengkaji semula Piagam Lembaga bagi memasukkan keperluan Dokumen Dasar Pemetaan Tanggungjawab oleh Bank Negara Malaysia
- Mengkaji semula dan menambah baik Garis Panduan Hadiah dan Hospitaliti Kumpulan, termasuk penerbitan dokumen Soalan Lazim (“FAQ”) bagi menyokong kefahaman yang lebih jelas serta pelaksanaan yang konsisten

Bidang Bidang Fokus Lembaga Pengarah 2027

- Menyemak laporan BEE yang dilaksanakan secara dalaman bagi tahun 2026.
- Mengawasi pembangunan Strategi Pencegahan Rasuah Organisasi 2027–2031 (“OACS”).
- Mengkaji semula Dasar dan Proses Pemberi Maklumat Kumpulan.

Bidang Fokus Lembaga Pengarah 2028

- Mengawasi pembangunan Pelan Strategik baharu Kumpulan.
- Menyemak laporan pelaksanaan BEE yang dikendalikan secara dalaman bagi tahun 2027.
- Mengkaji semula kemajuan pencapaian penting yang ditetapkan di bawah OACS yang telah diluluskan.
- Mengkaji semula Strategi Kelestarian dan Pelan Hala Tuju Kumpulan.

Bidang Fokus Lembaga Pengarah 2029

- Menyemak laporan pelaksanaan BEE yang dijalankan secara luaran bagi tahun 2028.
- Mengkaji semula OACS bagi Kumpulan.

SOROTAN TADBIR URUS KORPORAT



Panduan Dividen Syarikat

Syarikat mempunyai panduan dividen tetap yang diperkenalkan pada tahun 2020, dengan nisbah pembayaran dividen minimum ditetapkan pada 30% daripada keuntungan bersih, mencerminkan komitmen berterusan Syarikat untuk menyediakan pulangan yang mampan kepada pemegang saham.



Buku Panduan Tadbir Urus Lembaga

Lembaga Pengarah telah menyediakan Buku Panduan Tadbir Urus Lembaga sebagai rujukan utama untuk menyediakan panduan yang jelas dan mudah diakses berkaitan dasar-dasar utama tadbir urus, termasuk kod etika dan tatakelakuan perniagaan, dasar kepelbagaian, dasar imbuan serta dasar pembangunan latihan dan lain-lain.



Kebebasan dan Penilaian “Sesuai & Wajar”

- Pengerusi Lembaga bukan merupakan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga mahupun Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga.
- Semua Pengarah Bebas telah lulus penilaian tahunan “Kebebasan” dan keperluan “Sesuai & Wajar” bagi memastikan tiada konflik kepentingan.



Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga bagi sesuatu tahun kalendar dijadualkan lebih awal, iaitu sebelum bermulanya tahun kalendar baharu, bagi memastikan pengurusan mesyuarat dan perancangan jadual Lembaga dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Agenda bagi setiap mesyuarat Lembaga turut ditetapkan dan diedarkan secara tepat pada masanya serta cepak sebelum mesyuarat diadakan, bagi membolehkan Pengarah membuat persediaan yang sewajarnya.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat



Sistem Mesyuarat BoardPAC

Selaras dengan perkembangan era digital, Lembaga Pengarah terus memanfaatkan teknologi dalam pengendalian dan urusan perniagaannya. Pihak Lembaga Pengarah menggunakan sistem BoardPAC yang dilindungi dengan penyulitan keselamatan yang tinggi, membolehkan ahli Lembaga Pengarah untuk menerima dokumen dan komunikasi penting secara selamat dan peribadi dengan tahap kerahsiaan yang tinggi.



Urus Niaga Pihak Berkaitan

Kumpulan mempunyai Dasar Urus Niaga Pihak Berkaitan yang menjadi panduan kepada proses semakan dan pelaporan bagi semua urus niaga pihak berkaitan dalam Kumpulan. Di bawah dasar ini, semua urus niaga pihak berkaitan akan disemak oleh Bahagian Perundangan Kumpulan terlebih dahulu sebelum melalui semakan bebas oleh Audit Dalaman Kumpulan, sebelum sebarang pembentangan dibuat kepada Jawatankuasa Audit Lembaga untuk pertimbangan. Kumpulan melaksanakan semua urus niaga pihak berkaitan secara adil dan telus.



Konflik Kepentingan ("COI")

Kumpulan telah membangunkan dan menyediakan Rangka Kerja dan Dasar Konflik Kepentingan ("COI") bagi mendokumentasikan pendekatan Kumpulan dalam mengenal pasti, mengurus, memantau dan melaporkan COI. Dasar ini menetapkan piawaian minimum Kumpulan berhubung pengenalpastian, pengurusan dan/atau kawalan konflik kepentingan.

Kebebasan Lembaga

Kebebasan Pengarah dikaji semula setiap tahun dan ditanda aras dengan peruntukan kawal selia serta amalan-amalan tadbir urus yang terbaik. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga ("BNRC") menilai kebebasan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas melalui pelaksanaan Penilaian Keberkesanan Lembaga ("BEE") tahunan, yang menilai keupayaan setiap Pengarah untuk melaksanakan pertimbangan bebas serta menyumbang secara berkesan kepada perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah. Berdasarkan keputusan BEE terkini, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa semua Pengarah Bebas terus menunjukkan tahap kebebasan yang tinggi dan bertindak demi kepentingan terbaik RHB.

Pada setiap Mesyuarat Lembaga, Pengarah dikehendaki mengisytiharkan sebarang kepentingan sebenar atau berpotensi, termasuk konflik kepentingan, berhubung perkara yang dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan. Sekiranya berlaku konflik, Pengarah yang terlibat hendaklah menarik diri daripada perbincangan berkaitan dan tidak mengambil bahagian dalam pengundian bagi memastikan keputusan yang objektif dan tidak berat sebelah dapat dibuat. Bagi cadangan korporat yang memerlukan kelulusan pemegang saham, Pengarah yang berkepentingan akan menarik diri daripada pengundian yang berkaitan dengan pegangan saham mereka dalam Syarikat (sekiranya ada) dan seterusnya akan memastikan bahawa pihak yang berkaitan dengan mereka juga tidak mengundi ke atas resolusi berkenaan semasa mesyuarat agung.

Latihan Lembaga Pengarah

Program Induksi

Satu program induksi yang komprehensif telah diwujudkan bagi membiasakan Pengarah dengan peranan dan tanggungjawab mereka, di samping meningkatkan pemahaman terhadap strategi perniagaan dan operasi Kumpulan. Pengarah baharu dikehendaki menghadiri program induksi tersebut secepat mungkin sejurus selepas pelantikan mereka. Program ini lazimnya merangkumi taklimat berstruktur serta sesi perbincangan mendalam secara individu bersama ahli Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan dan ketua-ketua fungsi perniagaan serta sokongan. Sepanjang program ini, Pengarah diberikan taklimat mengenai operasi perniagaan Kumpulan, cabaran utama serta isu-isu material.

Tiada pelantikan Pengarah baharu bagi Syarikat pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, Pengarah baharu lain yang menyertai Kumpulan, iaitu Zaida Khalida binti Shaar, Anthony Lim Choon Eng dan Tunku Afwida binti Tunku Abdul Malek, telah menghadiri program induksi yang diadakan pada Januari 2026 berikutan pelantikan mereka dalam syarikat-syarikat subsidiari masing-masing pada 15 Oktober 2025 dan 1 November 2025.

Latihan dan Pembangunan Pengarah

Sepanjang TK2025, ahli Lembaga telah menyertai pelbagai program latihan dan bengkel berkaitan topik yang relevan kepada Kumpulan, termasuk teknologi maklumat dan keselamatan siber, kemampanan serta e-invois, yang dirumuskan seperti berikut:

Bidang Fokus Latihan	Bilangan Latihan
Perakaunan/Audit/Kewangan	40
Pengurusan Perniagaan/Kepimpinan Korporat	2
Pelaburan/Kewangan Korporat dan Penggabungan & Pengambilalihan ("M&A")	6
Perundangan & Tadbir Urus Korporat	12
Operasi & Daya Tahan Organisasi	6
Pengurusan Risiko (termasuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan ("AML"/"CFT"), Basel III, Pengurusan Risiko Perusahaan ("ERM"))	17
Kelestarian & Perubahan Iklim	20
Teknologi, Keselamatan Siber & Transformasi Digital	9




Lembaga mengiktiraf kepentingan pembelajaran berterusan bagi memastikan Pengarah sentiasa dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan, serta menyokong kemampanan jangka panjang Kumpulan. Sehubungan itu, Lembaga telah dimaklumkan mengenai Kalendar Latihan Pengarah bagi TK2025, yang menghimpunkan semua program latihan dalaman dan luaran yang berkaitan, termasuk persidangan, seminar dan webinar. Senarai latihan yang dihadiri oleh setiap Pengarah sepanjang TK2025 boleh dirujuk dalam Bahagian B Laporan Tadbir Urus Korporat 2025.

Ringkasan Pematuhan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (“MCCG”)

Amalan	Status	Ringkasan	Halaman Laporan TGK
Amalan 1.1 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah RHB Bank menetapkan matlamat strategik bagi Kumpulan dan memastikan bahawa sumber yang diperlukan disediakan bagi membolehkan Kumpulan mencapai objektifnya. Lembaga juga memantau dan menyemak prestasi pasukan pengurusan RHB. Selain itu, Lembaga menetapkan nilai dan standard bagi Kumpulan serta memastikan bahawa tanggungjawab RHB kepada pemegang saham dan pemegang taruh lain difahami dengan jelas dan dilaksanakan dengan sewajarnya.	2-11
Amalan 1.2 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah dipimpin oleh seorang Pengerusi yang bertanggungjawab untuk memupuk amalan tadbir urus korporat yang baik, kepimpinan dan keberkesanan dalam Lembaga.	12-13
Amalan 1.3 	Diterima pakai	Jawatan Pengerusi Lembaga dan Pengarah Urusan Kumpulan dipegang oleh dua individu yang berbeza.	15
Amalan 1.4 	Diterima pakai	Pengerusi Lembaga bukan ahli dalam mana-mana Jawatankuasa Lembaga di dalam Kumpulan.	17
Amalan 1.5 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah disokong oleh Setiausaha Syarikat yang kompeten dan berkelayakan.	18-19
Amalan 1.6 	Diterima pakai	Pengarah diberikan bahan mesyuarat yang lengkap dan tepat lima hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat. Minit mesyuarat juga diedarkan dalam masa yang tepat selepas tamatnya mesyuarat Lembaga pengarah dan Jawatankuasa Lembaga.	20
Amalan 2.1 	Diterima pakai	Piagam Lembaga Pengarah yang memperincikan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah serta jawatankuasa-jawatankuasa yang menyokongnya telah diwujudkan dan kali terakhir dikaji semula pada tahun 2023. Piagam ini juga menjelaskan tanggungjawab tadbir urus keseluruhan Lembaga Pengarah serta perkara-perkara yang dikhususkan untuk keputusan Lembaga.	22
Amalan 3.1 	Diterima pakai	Kod Etika dan Tatakelakuan Kumpulan bagi Lembaga Pengarah dan Pekerja telah diwujudkan serta diterbitkan di laman sesawang korporat RHB Bank Berhad. Kod ini menekankan jangkaan minimum serta piawaian etika yang perlu dipatuhi oleh pengarah dan pekerja dalam tatakelakuan perniagaan harian mereka.	24-27
Amalan 3.2 	Diterima pakai	Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan telah diwujudkan oleh Lembaga Pengarah dan kali terakhir dikaji semula pada tahun 2025. Kenyataan Dasar tersebut diterbitkan di laman sesawang korporat RHB Bank Berhad.	28-30
Amalan 4.1 	Diterima pakai	Lembaga mempunyai pengawasan terhadap perkara-perkara kelestarian material Kumpulan serta memikul tanggungjawab utama dalam menetapkan hala tuju strategik bagi Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, termasuk strategi berkaitan iklim.	31-33
Amalan 4.2 	Diterima pakai	Lembaga memastikan komunikasi dan pendedahan berkaitan kelestarian adalah jelas bagi membolehkan strategi dan inisiatif Kumpulan disampaikan dengan berkesan kepada semua pemegang taruh.	34-37
Amalan 4.3 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah memastikan pembangunan profesional berterusan dilaksanakan oleh setiap ahlinya. Pengarah Kumpulan diberi peluang yang relevan untuk sentiasa mengikuti perkembangan terkini, termasuk perubahan undang-undang dan peraturan, perkembangan industri, pembangunan perniagaan serta perkara berkaitan kelestarian.	38
Amalan 4.4 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah melaksanakan penilaian prestasi tahunan melalui Penilaian Keberkesanan Lembaga (“BEE”), yang merangkumi aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) sebagai sebahagian daripada komponen penilaian yang dinilai.	39-40
Amalan Dipertingkatkan 4.5 	Diterima pakai	Pasukan Pengurusan Kelestarian (“SM”) yang khusus telah ditubuhkan dalam Kumpulan Perbankan RHB. Pasukan ini kini melapor kepada Angus Salim Amran, Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan yang baharu.	41
Amalan 5.1 	Diterima pakai	Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga (“BNRC”) menyokong Lembaga dalam melaksanakan semakan tahunan terhadap komposisi tahunan, menilai kesesuaian calon baharu dan mencalonkan calon yang disenarai pendek yang memenuhi kriteria pelantikan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.	42-45
Amalan 5.2 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah terdiri daripada enam Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (“INED”), tiga Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Eksekutif (“CEO”), menjadikan keseluruhannya sepuluh orang Pengarah dalam Lembaga.	46
Amalan 5.3 	Tidak Berkenaan	Tidak berkenaan - Amalan 5.4 diterima pakai.	47
Amalan Dipertingkatkan 5.4 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah telah menetapkan Dasar had tempoh perkhidmatan bagi Pengarah Bebas.	48
Amalan 5.5 	Diterima pakai	Pelantikan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan dibuat berdasarkan kriteria objektif, merit serta mengambil kira kepelbagaian dari segi kemahiran, pengalaman, umur, latar belakang budaya dan jantina.	49-51
Amalan 5.6 	Diterima pakai	Lembaga Pengarah tidak semata-mata bergantung kepada cadangan daripada ahli Lembaga Pengarah sedia ada, pihak pengurusan atau pemegang saham dalam mengenal pasti calon bagi pelantikan ke Lembaga Pengarah.	53
Amalan 5.7 	Diterima pakai	Lembaga memastikan pemegang saham sentiasa dimaklumkan mengenai sebarang perubahan kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang menyokongnya. Sebarang perubahan berkaitan komposisi dan struktur Lembaga didedahkan melalui pautan Pengumuman Bursa Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak pengawal selia. Laman sesawang korporat Syarikat juga dikemas kini dengan segera bagi mendedahkan perubahan komposisi Lembaga.	55-56

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

Amalan	Status	Ringkasan	Halaman Laporan TGK
Amalan 5.8 (PA)	Diterima pakai	BNRC dipengerusikan oleh Datuk lain John Lo, seorang INED	57-58
Amalan 5.9 (PA)	Diterima pakai	Lembaga Pengarah terdiri daripada 30% pengarah wanita	59
Amalan 5.10 (PA)	Diterima pakai	Lembaga Pengarah telah menyatakan Dasar kepelbagaian jantina di dalam Laporan Tahunannya	60-61
Amalan 6.1 (PA)	Diterima pakai	Lembaga melaksanakan penilaian tahunan secara formal dan objektif bagi menentukan keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pengarah individu.	62-65
Amalan 7.1 (PA)	Diterima pakai	Lembaga Pengarah mempunyai Dasar dan Rangka Kerja Imbuan bagi menentukan imbuan pengarah dan pihak Pengurusan Kanan.	66-69
Amalan 7.2 (PA)	Diterima pakai	BNRC melaksanakan Dasar dan Rangka Kerja Imbuan termasuk mengkaji semula dan mengesyorkan perkara-perkara berkaitan imbuan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan Kanan.	70
Amalan 8.1 (PA)	Diterima pakai	Lembaga mendedahkan butiran imbuan setiap Pengarah secara individu berdasarkan nama masing-masing.	71-73
Amalan 8.2 (PA)	Diterima pakai	Lembaga mendedahkan butiran imbuan lima Pengurusan Kanan tertinggi berdasarkan nama.	74-76
Amalan Dipertingkatkan 8.3 (PA)	Tidak Diterima pakai	Lembaga akan meneliti amalan pasaran sebelum membuat keputusan berhubung pendedahan tersebut. Sehingga kini, pendedahan dibuat bagi Pengurusan Kanan di bawah Amalan 8.2 secara berasaskan nama (iaitu, lima (5) teratas sahaja) serta bagi pengurusan utama secara keseluruhan dalam Nota 51(c) Penyata Kewangan.	77
Amalan 9.1 (PB)	Diterima pakai	Jawatankuasa Audit Lembaga ("BAC") dipengerusikan oleh Ong Ai Lin, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan yang bukan Pengerusi RHB Bank Berhad.	79-80
Amalan 9.2 (PB)	Diterima pakai	Tiada seorang pun ahli BAC merupakan bekas rakan kongsi utama yang terlibat atau rakan kongsi penyetuju bagi juruaudit luar RHB.	82
Amalan 9.3 (PB)	Diterima pakai	BAC menjalankan penilaian tahunan terhadap prestasi juruaudit luaran. Penilaian tersebut merangkumi pelbagai aspek seperti prestasi, kesesuaian, kebebasan dan objektiviti selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") ke atas Juruaudit Luar.	83-84
Amalan Dipertingkatkan 9.4 (PB)	Diterima pakai	Sepanjang TK2025, BAC terdiri daripada empat Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, memastikan jawatankuasa ini dianggotai sepenuhnya oleh INED.	86
Amalan 9.5 (PB)	Diterima pakai	Semua ahli BAC celik kewangan, kompeten dan mampu memahami semua perkara di bawah bidang kuasa mereka termasuk proses pelaporan kewangan. Profil penuh ahli BAC didedahkan pada halaman 175 hingga 180 Laporan Bersepadu 2025.	87
Amalan 10.1 (PB)	Diterima pakai	RHB Bank Berhad mempunyai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan bagi menyediakan gambaran menyeluruh mengenai persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan.	88
Amalan 10.2 (PB)	Diterima pakai	Komponen sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta kecukupan dan keberkesanannya diperincikan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ("SORMIC") pada halaman 182 hingga 191 Laporan Bersepadu 2025.	89
Amalan Dipertingkatkan 10.3 (PB)	Diterima pakai	Jawatankuasa Risiko Lembaga terdiri daripada majoriti Pengarah Bebas.	90-92
Amalan 11.1 (PB)	Diterima pakai	Fungsi Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") beroperasi berdasarkan suatu Piagam Audit yang diluluskan oleh Lembaga RHB Bank Berhad, yang mentakrifkan tujuan, kuasa dan tanggungjawab fungsi audit dalaman tersebut. GIA melapor secara langsung kepada BAC berhubung semua aktivitinya, selaras dengan peruntukan di bawah Perenggan 15.27 Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad.	93
Amalan 11.2 (PB)	Diterima pakai	Butiran mengenai aktiviti dan fungsi Audit Dalaman Kumpulan dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga ("BAC") pada halaman 176 hingga 178 Laporan Bersepadu 2025.	95-96
Amalan 12.1 (PC)	Diterima pakai	Lembaga memastikan komunikasi yang berkesan, telus dan berkala dengan pemegang taruh.	97-100
Amalan 12.2 (PC)	Diterima pakai	Syarikat telah menerbitkan Laporan Bersepadu 2025 (edisi ke-7) berdasarkan Rangka Kerja <IR> oleh International Integrated Reporting Council ("IIRC").	102
Amalan 13.1 (PC)	Diterima pakai	Notis Mesyuarat Agung Tahunan diberikan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 28 hari sebelum mesyuarat.	103
Amalan 13.2 (PC)	Diterima pakai	Semua Pengarah telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun 2025.	104
Amalan 13.3 (PC)	Diterima pakai	Kumpulan memanfaatkan teknologi untuk memudahkan proses pengundian termasuk pengundian tanpa kehadiran dan penyertaan pemegang saham secara jarak jauh dalam mesyuarat agung.	106

Amalan	Status	Ringkasan	Halaman Laporan TGK
Amalan 13.4 	Diterima pakai	Pengerusi memastikan bahawa mesyuarat agung menyokong penglibatan bermakna antara Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dengan pemegang saham.	107-108
Amalan 13.5 	Diterima pakai	Lembaga memastikan bahawa pelaksanaan mesyuarat agung secara maya (sepenuhnya maya atau hibrid) menyokong penglibatan bermakna antara Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan pemegang saham.	109-110
Amalan 13.6 	Diterima pakai	Minit mesyuarat agung diedarkan kepada pemegang saham selewat-lewatnya dalam tempoh 30 hari bekerja selepas mesyuarat berlangsung.	111

Pendedahan berhubung Amalan Tadbir Urus Korporat selaras dengan Lampiran 4 Dokumen Dasar Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia disediakan di bawah Seksyen B dalam Laporan Tadbir Urus Korporat 2025.

PRINSIP B

Pengurusan Audit dan Risiko yang Berkesan

KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga terus terlibat secara aktif dalam mengenal pasti risiko utama Kumpulan di samping memastikan kawalan dalaman dan langkah mitigasi yang bersesuaian dilaksanakan, dengan mengambil kira objektif strategik Kumpulan serta pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG"). Lembaga menyediakan pengawasan bagi memastikan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan kekal berkesan, kukuh dan daya respons terhadap perubahan persekitaran perniagaan, kawal selia dan operasi.

PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan menggunakan rangka kerja pengurusan risiko sebagai pendekatan berstruktur dan bersepadu untuk mengurus risiko dan peluang di seluruh organisasi. Rangka kerja ini menyediakan metodologi yang konsisten kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengukur, mengawal serta memantau risiko sedia ada dan risiko baharu, dengan mengambil kira perubahan dalam strategi perniagaan, keadaan pasaran, perkembangan kawal selia serta persekitaran luaran.

BRC menyediakan pengawasan dan tadbir urus terhadap profil risiko Kumpulan. Jawatankuasa ini memantau aktiviti Pengurusan Kanan dalam mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko, serta memastikan proses pengurusan risiko yang berkesan diwujudkan dan dilaksanakan di semua entiti dalam Kumpulan. BRC memastikan pengurusan risiko Kumpulan adalah sejajar dengan rangka kerja pengurusan prestasi risiko-pulangan yang diluluskan, serta menyokong Pengurusan Kanan dengan menyediakan kepimpinan dalam memupuk budaya risiko yang kukuh dan memperkukuh pemilihan risiko di seluruh Kumpulan.

KAWALAN DALAMAN

BAC membantu Lembaga Pengarah dalam menyelia kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Fungsi audit dalaman beroperasi secara bebas dan melapor terus kepada BAC, serta memberikan jaminan yang bebas dan objektif terhadap keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

Pelan audit dalaman dibangunkan menggunakan metodologi penilaian berasaskan risiko dengan mengambil kira profil risiko Kumpulan, aktiviti perniagaan utama dan keutamaan strategik. Selain audit yang dirancang, fungsi audit dalaman turut melaksanakan kajian semula dan siasatan khas, sekiranya perlu, atas permintaan pihak Pengurusan, Lembaga atau badan kawal selia.

Penemuan audit yang signifikan, bersama cadangan tindakan pembetulan, dilaporkan kepada BAC. Pengurusan bertanggungjawab memastikan tindakan pemulihan yang dipersetujui dilaksanakan dalam tempoh masa yang diluluskan. BAC memantau dengan teliti status tindakan pembetulan tersebut, dan sebarang kelewatan yang tidak wajar hendaklah dijelaskan serta disokong dengan justifikasi yang munasabah.

Bagi memastikan keberkesanan berterusan serta pematuhan kepada piawaian profesional, fungsi audit dalaman adalah tertakluk kepada penilaian kualiti luaran yang dijalankan secara berkala oleh penilai bebas, selaras dengan Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Audit Dalaman yang dikeluarkan oleh Institut Audit Dalam.

 Butiran lanjut mengenai rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan disediakan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 182 hingga 191 dalam laporan ini.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

PRINSIP C PC

Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Bermakna dengan Pemegang Taruh

MEMACU BUDAYA

Kumpulan mengguna pakai kerangka budaya berasaskan 3P, iaitu, Kecekapan (Proficiency) + P.R.I.D.E – Kemajuan (Progress) yang menjadi asas dalam memacu budaya korporat Kumpulan. Kecekapan teras yang mendorong usaha kami dan diterapkan oleh warga kerja Kumpulan adalah seperti berikut:

Kecekapan Teras



Kecekapan Teras memberikan panduan yang jelas mengenai kemahiran dan ciri-ciri yang kami harapkan dimiliki oleh semua warga kerja Kumpulan.

Kecekapan ini diklasifikasikan kepada tiga bidang tumpuan utama.

Memacu Pertumbuhan & Kelestarian

Memacu pertumbuhan perniagaan untuk mencapai kejayaan jangka panjang sambil kekal berdaya tahan dan berupaya menyesuaikan diri.

- Menerima Perubahan
- Kecekapan Komersial

Membudayakan Minda Mengutamakan Pelanggan

Keutamaan dalam memberikan pengalaman yang cemerlang kepada pelanggan yang pada setiap titik interaksi dengan memenuhi dan melangkaui keperluan mereka.

- Berorientasikan Pelanggan
- Kecekapan Digital

Memperkasa Bakat Terbaik

Memupuk tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan bermotivasi dengan menerapkan budaya pembelajaran berterusan serta persekitaran kerja kolaboratif bagi mempertingkatkan prestasi organisasi.

- Kepimpinan Kendiri dan Orang Lain
- Pemikiran Kritis
- Penglibatan Pemegang taruh
- Kolaborasi



Dalam ekosistem nilai teras bersama Kumpulan, semua warga kerja dijangka bertindak secara jujur dan beretika, serta mengekalkan standard etika perniagaan dan tadbir urus yang tinggi. Sebarang pelanggaran terhadap dasar Kumpulan atau Kod Etika dan Tatakelakuan Pekerja adalah tertakluk kepada pengurusan tindakan, termasuk tindakan tatatertib yang bersesuaian.

Kecekapan teras yang dinyatakan di atas merupakan kekuatan kami, manakala nilai **P.R.I.D.E** menjadi panduan kepada setiap keputusan dan tindakan kami selaras dengan cara kerja RHB. Komitmen perkhidmatan utama kami adalah untuk membina kepercayaan, menyediakan kemudahan serta mencipta nilai kepada pemegang taruh.

ETIKA PERNIAGAAN DAN INTEGRITI

Lembaga Pengarah, bersama pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Lembaga yang berkaitan, terus memupuk serta menerapkan amalan tadbir urus perniagaan yang baik di seluruh Kumpulan. Kepimpinan Pengurusan Kanan secara berterusan mengingatkan warga kerja untuk sentiasa bertindak dengan integriti serta menegakkan nilai-nilai teras RHB dalam urusan harian mereka. Matlamat utama Lembaga Pengarah adalah untuk membentuk pemikiran dan tingkah laku budaya yang betul, iaitu sentiasa melakukan perkara yang betul pada setiap masa, walaupun tanpa pengawasan.

Kumpulan mengamalkan pendirian toleransi sifar terhadap rasuah dan sogokan, dengan Lembaga Pengarah memberikan sokongan penuh kepada pihak Pengurusan dalam memastikan amalan perniagaan dijalankan secara beretika, telus dan bertanggungjawab. Sehubungan itu, Lembaga telah mewujudkan rangka kerja tadbir urus dan dasar yang kukuh bagi menyokong sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan, sekali gus melindungi operasi Kumpulan daripada penipuan, rasuah dan sogokan.

Kawalan Utama Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan

- Dasar Anti-Rasuah dan Sogokan Kumpulan
- Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan Kumpulan
- Pelan Anti-Rasuah Organisasi 2022 - 2026
- Dasar Pemberian Maklumat Kumpulan
- Penilaian Risiko Rasuah Tahunan
- Garis Panduan Pemberian Hadiah dan Hospitaliti Kumpulan
- Buku Panduan Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan
- Penyata Integriti Korporat

Usaha RHB ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan bebas rasuah adalah berteraskan Prinsip **T.R.U.S.T** yang digariskan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM"). Ringkasan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan pada tahun 2025 selaras dengan setiap prinsip tersebut adalah seperti berikut:

Komitmen Peringkat Tertinggi (T)

- Ahli-ahli Lembaga Pengarah telah menyertai satu sesi latihan khas mengenai Integriti dan Tadbir Urus: Membina Organisasi yang Berdaya Tahan yang dikendalikan oleh jurulatih luar pada 27 November 2025.

Penilaian Risiko (R)

- Risiko rasuah telah dinilai melalui pelaksanaan Penilaian Risiko Material secara separuh tahunan di seluruh Kumpulan. Penilaian separuh tahunan ini turut merangkumi penilaian risiko rasuah bagi operasi domestik dan serantau (luar negara).
- Selain itu, risiko rasuah, termasuk risiko penipuan, turut disemak semula melalui pelaksanaan Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan Tahunan ("RCSA") di bawah Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan.

Melaksanakan Langkah Kawalan (U)

- Kumpulan turut mewujudkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi ("OACP"). Kemaskini berhubung kemajuan inisiatif OACP yang telah dikenal pasti telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga pada November 2025.
- Melaksanakan siri latihan khusus kepada pasukan Pemantauan Transaksi AML Kumpulan mengenai kaedah mengesan dan memantau transaksi yang berkaitan dengan rasuah dan sogokan.

Semakan Sistemik, Pemantauan dan Penguatkuasaan (S)

- Semakan tahunan terhadap kawalan Pencegahan Rasuah dan Sogokan Kumpulan telah dilaksanakan oleh Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") bagi memastikan prosedur yang mencukupi tersedia dan berkesan untuk membanteras rasuah dan sogokan di tempat kerja.
- Kumpulan turut mengambil tindakan pengurusan yang sewajarnya terhadap kakitangan yang terlibat dalam salah laku serius atau ketidakpatuhan, hasil daripada 11 kes yang dikendalikan oleh fungsi Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan sepanjang TK2025.


Latihan dan Komunikasi (T)

- Sebanyak 59 sesi latihan telah dilaksanakan melibatkan pekerja (di dalam negara dan di peringkat serantau), vendor serta rakan niaga lain.
- Beberapa sesi Cabaran Integriti (*Integrity Challenge*) telah diadakan bersama Pegawai Integriti dan Pegawai Perhubungan masing-masing ("IOs/LOs"), dengan memberi tumpuan kepada kemajuan inisiatif utama OACP serta perkara-perkara berkaitan integriti yang lain. Sesi ini diikuti dengan kemas kini berhubung Daftar Pemberian Hadiah dan Hospitaliti, Semakan Kesihatan Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan, serta perkembangan berkaitan risiko rasuah yang sedang muncul dalam industri.
- Sebanyak lapan risalah (berserta Soalan Lazim) dan empat buletin suku tahunan telah diterbitkan pada tahun 2025 bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran warga kerja mengenai isu berkaitan anti-rasuah dan sogokan, pemberian hadiah dan hospitaliti, serta pemberian maklumat.

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat

PEMBERI MAKLUMAT ATAU 'SPEAKUP' ('BERSUARA')¹

¹Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan disediakan kepada semua warga kerja di seluruh wilayah operasi RHB dan pendedahan boleh dibuat dalam apa juga bahasa.



Petunjuk:
 GIG Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan
 ICAC Jawatankuasa Penilaian Maklumat dan Aduan
 BAC Jawatankuasa Audit Lembaga
 IR Perhubungan Perusahaan

Terdapat pengurangan dalam jumlah keseluruhan kes (pemberi maklumat dan bukan pemberi maklumat) yang diterima dan dikendalikan oleh Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya. Usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan dalam meningkatkan kesedaran warga kerja berhubung anti-rasuah dan sogokan telah memperkukuh tahap kesedaran serta integriti warga kerja, sebagaimana yang dicerminkan melalui penambahbaikan budaya integriti, sekali gus menyumbang kepada pengurangan jumlah kes.

Perkembangan ini turut mencerminkan pemahaman yang lebih jelas terhadap mekanisme saluran pemberi maklumat serta perlindungan yang disediakan. Ia juga menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi terhadap sistem sedia ada, memandangkan tindakan diambil terhadap laporan pemberi maklumat yang berwibawa dan disokong bukti, di samping memastikan pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang bentuk tindakan balas.

Kes Pemberi Maklumat			Kes Bukan Pemberi Maklumat			Jumlah Kes		
Tahun 2024	Tahun 2025	Perubahan Tahun ke Tahun %	Tahun 2024	Tahun 2025	Perubahan Tahun ke Tahun %	Tahun 2024	Tahun 2025	Perubahan Tahun ke Tahun %
12	8	-33%	2	3	50%	14 (10 kes berasas)	11 (5 kes berasas)	-21%

Jadual: Kes yang Dikendalikan oleh GIG

Pengurusan Tindakan

11

kes disiasat

5

Kes Berasas

Sebanyak 8 surat tunjuk sebab telah dikeluarkan, yang membawa kepada tindakan berikut: 1 kakitangan dikenakan teguran, 1 kakitangan diberikan amaran, 1 kakitangan diberikan amaran keras, 2 kakitangan dikenakan penahanan kenaikan gaji, 1 kakitangan meletak jawatan bagi mengelakkan tindakan tatatertib dan 2 kakitangan telah ditamatkan perkhidmatan.

Sebanyak 2 kes telah dirujuk kepada agensi penguatkuasaan undang-undang.

Sebanyak 2 cadangan penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur telah dikemukakan.

Sebanyak 1 kes telah dirujuk kepada jabatan atau bahagian lain bagi tujuan peringatan dan peningkatan kesedaran.

4

Kes Tidak Berasas

Sebanyak 1 kes telah dirujuk dalam jabatan atau bahagian yang sama bagi tujuan peringatan dan peningkatan kesedaran.

Sebanyak 1 cadangan penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur telah dikemukakan.

Sebanyak 1 kes telah dirujuk kepada jabatan atau bahagian lain bagi tujuan peringatan dan peningkatan kesedaran.

Sebanyak 1 kes tidak memerlukan tindakan lanjut.

2

Kes Selebihnya

Siasatan sedang dijalankan

HUBUNGAN PELABUR DAN PENGLIBATAN PEMEGANG TARUH

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan mengekalkan penglibatan yang berterusan, telus dan bermakna dengan pemegang taruh. Lembaga Pengarah turut mengakui bahawa komunikasi yang jelas berhubung prestasi kewangan dan bukan kewangan Kumpulan, rangka kerja tadbir urus serta amalan perniagaan beretika membolehkan pemegang taruh memahami dengan lebih baik objektif strategik Kumpulan serta prestasi mampan jangka panjangnya.

Sehubungan itu, Lembaga memastikan penglibatan berterusan dengan pemegang taruh dilaksanakan melalui mekanisme berikut:

- Laporan Tahunan
- Mesyuarat Agung
- Taklimat Media/Sidang Media
- Laporan Kewangan
- Persidangan Pelabur
- Laman Sesawang Korporat RHB
- Laporan Tadbir Urus Korporat
- Jerayawara
- Pengiklanan di Media dan di Cawangan
- Laporan Kelestarian
- Taklimat Penganalisis
- Pengumuman Umum di dalam Penyata Bank, SMS, dan melalui Bursa LINK

[Maklumat lanjut mengenai Hubungan Pelabur dan Penglibatan Pemegang Taruh boleh didapati pada halaman 30 hingga 42 dalam laporan ini.](#)

MESYUARAT AGUNG

Lembaga Pengarah memastikan hak pemegang saham untuk menghadiri dan mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat agung terus dipelihara. Sebagai pemegang amanah kepada Syarikat, Lembaga Pengarah sentiasa memastikan bahawa hak pemegang saham diberi keutamaan dan mereka diberikan semua peluang yang ada untuk mengambil bahagian, mengemukakan soalan serta mendapatkan penjelasan berhubung perkara berkaitan prestasi kewangan dan bukan kewangan Kumpulan dalam mesyuarat agung.

Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) hibrid yang pertama diadakan pada 8 Mei 2025 selepas hampir lima tahun pelaksanaan AGM secara maya. Format hibrid tersebut diterima baik oleh pemegang saham, yang menghargai kemudahan penyertaan secara fizikal dan maya, dengan kedua-dua kaedah interaksi disediakan.



















Semua resolusi yang dibentangkan dalam mesyuarat agung diputuskan melalui kaedah pengundian secara undi pungutan (*poll*), selaras dengan Perenggan 8.29A Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Pemegang saham yang tidak menghadiri mesyuarat agung boleh melantik seorang atau lebih proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihak mereka. Untuk maklumat lanjut berkenaan perjalanan mesyuarat agung, sila rujuk kepada Laporan Tadbir Urus Korporat 2025 RHB Bank Berhad.

Selain itu, Kumpulan mengekalkan fungsi Perhubungan Pelabur (“IR”) khusus bagi memudahkan penglibatan yang tepat pada masanya dan mudah diakses dengan pelabur sedia ada serta pelabur berpotensi. Pelabur boleh menghubungi pasukan IR di investor.relations@rhbgroup.com untuk mendapatkan maklumat dan mengemukakan pertanyaan yang berkaitan.

DASAR DAN GARIS PANDUAN UTAMA

Pendekatan Kumpulan terhadap risiko dan pematuhan bukan sekadar untuk memenuhi keperluan semata-mata. Pendekatan ini disokong oleh kod, dasar, prosedur dan dokumen sokongan yang ditetapkan dan diterbitkan, yang dirangka bagi memupuk budaya etika, integriti dan akauntabiliti yang kukuh di seluruh Kumpulan.

Kumpulan turut memastikan pematuhan terhadap keperluan berkanun dan penyeliaan yang berkenaan, termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Garis Panduan Mengenai Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada Disember 2018, Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Tadbir Urus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) pada tahun 2019, Pelan Strategik Unit Integriti dan Tadbir Urus 2019–2021 yang dikeluarkan oleh SPRM, serta keperluan kawal selia dan dasar lain yang berkaitan.

Kawalan Dalaman Utama RHB Pelaksanaan langkah-langkah anti-rasuah dan anti-sogokan dikuatkuasakan melalui dokumen dalaman dan inisiatif-inisiatif berikut:		Dasar Konflik Kepentingan Kumpulan 	Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan 
Kod Etika dan Tatakelakuan Pekerja 	Garis Panduan Pemberian Hadiah dan Hospitaliti Kumpulan 	Ikrar Bebas Rasuah RHB 	Pelan Anti-Rasuah Organisasi RHB 
Pengurusan Risiko Rasuah 	Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan bagi Pengarah 	Nilai-Nilai Teras (“P.R.I.D.E”) 	Dasar Pengurusan Risiko Penyelewangan Kumpulan 
Dasar Urus Niaga Pihak Berkaitan 	Penilaian Risiko Rasuah Tahunan 	Pendirian dan Komitmen Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan Kumpulan 	Saluran dan Mekanisme Pemberi Maklumat atau ‘Speak Up’ 
Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasannya Pembiayaan Keganasan Kumpulan 	Dasar Layak & Wajar (Fit & Proper) Kumpulan 	Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan Kumpulan 	Dasar Tajaan dan Sumbangan Korporat Kumpulan 

Pematuhan Kumpulan

Persekitaran kawal selia bagi institusi kewangan menjadi semakin kompleks apabila undang-undang baharu dan jangkaan kawal selia berkembang merentasi pasaran Kumpulan beroperasi. Kegagalan untuk memastikan pematuhan boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang ketara, tindakan penalti oleh pihak kawal selia serta menjejaskan reputasi Kumpulan.

Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan

Puan Fazlina Mohamed Ghazalli, menerajui strategi pematuhan Kumpulan, dengan memastikan Kumpulan mengekalkan tahap pematuhan yang kukuh terhadap keperluan kawal selia dalam operasinya. Beliau melapor kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga.

Berpengalaman selama lebih 22 tahun dalam industri perbankan, Puan Fazlina memulakan kerjaya dalam bidang perundangan sebelum menyertai industri perbankan pada tahun 2001. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari University of East Anglia, United Kingdom, serta merupakan seorang Chartered Banker dan Profesional Bertauliah dalam Anti-Pengubahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan ("AML"/"CFT").

Fokus Strategik Pematuhan

Memperkuh fungsi Pematuhan yang mantap dan berteraskan risiko kekal sebagai teras utama dalam rangka kerja tadbir urus Kumpulan. Pematuhan Kumpulan memperkuh pengawasan melalui pemerksaan teknologi, jaminan berasaskan risiko, amalan tadbir urus yang kukuh serta pembangunan keupayaan tenaga kerja. Usaha ini menyokong pengurusan pematuhan yang berkesan, di samping membolehkan Kumpulan meneruskan pencapaian objektif perniagaan yang lestari.

Pematuhan Berteraskan Teknologi

- Menambah baik teknologi sistem Anti-Pengubahan Wang Haram.
- Melaksanakan libat urus dengan penyedia Teknologi Kawal Selia ("RegTech") terkemuka bagi meneroka penyelesaian inovatif dalam pengurusan pematuhan
- Meningkatkan penggunaan penyelesaian chatbot, Analitik Data ("DA"), Kecerdasan Buatan dan Pembelajaran Mesin ("AI/ML") dalam teknologi pematuhan.

Menyokong Daya Tahan Perniagaan & Mitigasi Risiko Pematuhan

- Melalui inisiatif pendigitalan Pematuhan Kumpulan, ia akan memberi tumpuan kepada penyelarasan aliran kerja serta penyeragaman proses pengumpulan data, bagi meningkatkan kecekapan dan seterusnya mengoptimalkan operasi pematuhan.
- Mengukuhkan keupayaan pematuhan dengan memperkasa kakitangan barisan hadapan serta Pegawai Pematuhan Risiko Perniagaan dalam proses membuat keputusan, di samping memastikan penajajaran yang berterusan dengan keperluan kawal selia.
- Mengekalkan kepercayaan sebagai rakan perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab dalam kalangan komuniti pelanggan serta pemegang taruh.

Jaminan Berasaskan Risiko & Pengawasan

- Penggunaan keupayaan pemantauan yang lebih dinamik dan berasaskan data.
- Menambah baik penilaian pemantauan dan kawalan bagi memastikan keberkesannya, di samping meminimumkan gangguan terhadap operasi perniagaan.
- Menyelaraskan semakan dengan Selera Risiko Kumpulan melalui pemberian keutamaan kepada bidang berisiko tinggi.

Memperkuh Tadbir Urus, Akauntabiliti dan Budaya

- Menetapkan peranan dan akauntabiliti yang jelas di semua peringkat organisasi.
- Mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada kakitangan yang menunjukkan amalan pematuhan yang kukuh.
- Memanfaatkan platform teknologi bagi menyediakan akses pantas kepada dasar, Soalan Lazim ("FAQ") dan dokumentasi pematuhan.

Membina Tenaga Kerja Pematuhan yang Mahir dan Mampan

- Menggalakkan latihan rentas fungsi secara jangka pendek dan latihan sambil bekerja dalam GC.
- Meningkatkan kemahiran kakitangan GC melalui program latihan bersasar berdasarkan Analisis Keperluan Pembelajaran Berterusan ("LNA").
- Meningkatkan kerjasama antara kakitangan GC dan Barisan Pertahanan Pertama ("1LOD") melalui sesi libat urus berkala serta inisiatif perkongsian pengetahuan.

Memperkuh Tadbir Urus, Akauntabiliti dan Budaya

- Memperkemas pengurusan berpusat bagi arahan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang ("LEA") untuk RHB Bank, termasuk pengurusan senarai serta urusan surat-menyurat dengan LEA.
- Membolehkan tindak balas pantas terhadap insiden penipuan utama melalui tindakan bersepadu antara pasukan Global Anti-Pengubahan Wang Haram ("GAML"), Operasi AML, Penipuan dan Analitik Data.

Berikut merupakan antara pencapaian utama GC bagi tahun 2025.

Menyokong Daya Tahan Perniagaan

- Menambah baik/mengemas kini perkara berikut:
 - Kenyataan Selera Risiko AML/CFT ("RAS") yang diselaraskan dengan Metrik Hasil RACE
 - Mengkaji semula Senarai Pengurusan>Nama/Manual Operasi Saringan Perdagangan ("OM")
 - Garis Panduan Penilaian Konflik Kepentingan ("COI")
 - Manual Fungsion Pematuhan Perbankan Pelaburan Kumpulan ("IB")
 - Addendum RHB Singapore ("RHBSG") kepada Garis Panduan Sekatan Kumpulan v1.0 dan Rangka Kerja Pengurusan Senarai AML/CFT Kumpulan v2.0

- Pelaksanaan/penambahbaikan di seluruh Kumpulan bagi perkara berikut:
 - Dasar Chinese Wall Kumpulan 9.0
 - Garis Panduan Konflik Kepentingan Kumpulan
 - Rangka Kerja Penemuan Semakan Ketidapatuhan dan Implikasi terhadap Kakitangan (“NCSI”)
- Penambahbaikan perjalanan *Mini Marketplace*, dengan 17 sesi *Mini Marketplace* (22 produk) setakat 31 Disember 2025
- Memperkukuh pemantauan komunikasi melalui pengecualian kata kunci dan penyenaian putih e-mel
- Menyemak Terma Rujukan Jawatankuasa AML (“AMLC”)

Inovasi

- Analitik Data/Kecerdasan Buatan/Pembelajaran Mesin (“DA”/“AI”/“ML”):
 - Melancarkan AML Triage bagi mengurus amaran pemantauan transaksi
 - Menyelesaikan Pengoptimuman Ambang AML bagi RHB Bank dan RHB Islamic Bank
 - Mempertingkatkan keupayaan pemantauan transaksi melalui penambahbaikan peraturan pengesanan menggunakan analitik data, sekali gus meningkatkan ketepatan dan mengurangkan amaran palsu
 - Menjana tambahan tujuh laporan pengecualian menggunakan analitik data bagi meningkatkan liputan dan kecekapan semakan pematuhan
- Menubuhkan pasukan petugas pendigitalan bagi menambah baik proses dalaman menggunakan DA/AI/ML, dengan satu kes penggunaan perintis dirancang untuk pelaksanaan pada tahun 2026
- Memulakan pelaksanaan menaiktaraf Sistem AML
- Melaksanakan *UBO Tool Analyzer* bagi RHB Bank dan RHB Islamic Bank

Budaya Pematuhan

- Forum Pegawai Pematuhan Perniagaan (“BCO”)/Pegawai Pematuhan Risiko Perniagaan (“BCRO”) (4 sesi)
- Bengkel Pematuhan Cawangan (10 sesi)
- Sesi Pengenalan kepada Pematuhan (6 sesi)
- Sesi ringkas untuk Pengurus Cawangan (“BM”)/Penolong Pengurus Cawangan (“ABM”) (16 sesi)

- Klinik Pematuhan (12 sesi)
- Latihan Dasar Pertukaran Asing (“FEP”) (10 sesi)
- Latihan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”)/Piawaiian Pelaporan Bersama (“CRS”) (3 sesi)
- Latihan AML bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (“PKS”) (4 sesi)
- Latihan AML Luaran (2 sesi)
- Sesi taklimat mengenai Dasar Perdagangan Kakitangan/Dasar Urus Niaga Peribadi Pekerja (1 sesi)
- Sesi taklimat mengenai Garis Panduan Pendaftaran dan Tatakelakuan Penyedia Perkhidmatan Pasaran Modal
- Taklimat pemantauan pasaran untuk RHB Investment Bank (“RHBIB”) (1 sesi)
- Sesi libat urus AML Perbankan Pelaburan (“IB”) bersama pasukan Barisan Pertama Pertahanan (“1LOD”) dan Barisan Kedua Pertahanan (“2LOD”) (40 sesi)
- Latihan UBO Analyzer Tool (9 sesi)
- Latihan AML/CFT (10 sesi)
- Penerbitan pematuhan melalui buletin/penjimat skrin *Learn and Lead* (9 keluaran)
- Libat urus pematuhan melalui program Hari Pematuhan Cawangan (“ABCD”) 2025 (18 cawangan)

Membangunkan Tenaga Kerja Mahir

- Mengenal pasti kakitangan utama GC untuk menyertai program pensijilan Pematuhan Kawal Selia, AML dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”)
- Menubuhkan pasukan petugas kecil bagi memacu penambahbaikan proses dalaman di bawah Program Pendigitalan GC
- Menganjurkan sesi pembinaan pasukan bagi menggalakkan perkongsian pengetahuan serta menyampaikan pelan strategik GC 2025-2027

Mewujudkan Kecemerlangan Operasi Jenayah Kewangan

- Arahan siasatan narkotik daripada Polis Diraja Malaysia (“PDRM”), yang diterima melalui Sistem Rangkaian Perisikan Kewangan (“FINS”), diuruskan oleh pasukan Pengurusan LEA di bawah GAML dan dikemukakan kepada Pegawai Pematuhan Keselamatan Cawangan (“BCSO”)

Sorotan Pematuhan 2026

Dalam persekitaran jangkaan kawal selia yang semakin dinamik di Malaysia, institusi kewangan dikehendaki untuk memperkukuh amalan tadbir urus, pengurusan risiko dan pematuhan. Fungsi Pematuhan kekal memberi tumpuan kepada menyokong keutamaan strategik Kumpulan, di samping mempertingkatkan pengawasan risiko. Antara keutamaan teras termasuk memperkukuh kecemerlangan operasi jenayah kewangan melalui proses yang diperkemas, memanfaatkan teknologi termaju serta penyelesaian yang dipacu Kecerdasan Buatan (“AI”), di samping membangunkan tenaga kerja pematuhan yang berkemahiran tinggi dan berupaya menangani cabaran kawal selia serta operasi yang semakin kompleks.

TERAS KEUTAMAAN BAGI TAHUN 2026

- Menambah baik sistem Notifikasi Pertukaran Asing (“FEN”) bagi memastikan pematuhan terhadap Polisi Pertukaran Asing (“FEP”) oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”).
- Menambah baik sistem Pemantauan Perdagangan bagi mengekstrak data transaksi daripada peniaga Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global
- Meningkatkan kapasiti pelayan sistem FATCA bagi memperbaiki prestasi dan kestabilan.
- Membangunkan Chatbot AI Pematuhan bagi membolehkan kakitangan mengakses dasar kawal selia, garis panduan dalaman serta jangkaan penyeliaan dengan pantas.
- Mendigitalkan proses semakan dan pemantauan kes berkaitan Syariah, termasuk kes Ketidapatuhan Syariah.
- Mendigitalkan Penilaian Risiko Pematuhan (“CRA”) bagi memperkemas Penarafan Risiko Tahunan dan Cawangan serta mengurangkan kebergantungan kepada proses manual berasaskan Excel.
- Menaik taraf sistem AML bagi menangani risiko akhir hayat sistem serta menyokong penambahbaikan berasaskan AI/ML untuk operasi AML/CFT di Malaysia dan pasaran serantau.
- Memperkukuh pengurusan risiko IT serantau dengan menangani jurang dalam sistem dan pengetahuan serta menyokong penerapan AI/ML selaras dengan penambahbaikan sistem AML.
- Meneroka keupayaan AI/ML bagi meningkatkan Pemantauan Transaksi serta mengesan corak yang mencurigakan melangkaui sistem tradisional berasaskan peraturan.
- Mewujudkan Data Mart berfokuskan AML melalui pengintegrasian data daripada Enterprise Data Lake (“EDL”) Kumpulan dan sistem AML bagi menyokong analisis rangkaian.
- Mengemas kini rangka kerja utama Kumpulan, termasuk garis panduan CRS, FATCA, Konflik Kepentingan dan AML/CFT bagi memastikan penajajaran dengan keperluan kawal selia.
- Meneroka pendigitalan proses Semakan Kesihatan (*Health Checks*) bagi meningkatkan kualiti, memperkemas pelaporan serta mengenal pasti potensi bidang risiko.

Laporan Jawatankuasa Syariah

RHB Islamic Bank Berhad ("Bank" atau "RHB Islamic") menubuhkan Jawatankuasa Syariah dengan objektif utama seperti berikut:

Untuk memberi nasihat yang objektif dan berwibawa kepada Bank bagi memastikan bahawa matlamat, operasi, perniagaan, hal ehwal serta aktiviti Bank mematuhi prinsip Syariah.

Untuk memastikan pengaturan kerja yang berkesan diwujudkan antara Jawatankuasa Syariah, Majlis Penasihat Syariah ("SAC") Bank Negara Malaysia ("BNM") serta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC").

Untuk memastikan prosedur yang bersesuaian diwujudkan bagi menjamin pematuhan terhadap prinsip Syariah dilaksanakan dengan segera.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Sebanyak sebelas (11) mesyuarat berkala diadakan setakat 31 Disember 2025. Semua ahli sedia ada telah memenuhi keperluan minimum kehadiran sebagaimana ditetapkan di bawah Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah oleh BNM, yang memperuntukkan bahawa setiap ahli Jawatankuasa Syariah dikehendaki menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan dalam setiap tahun kewangan. Butiran kehadiran setiap ahli adalah seperti berikut:

Ahli Jawatankuasa Syariah	Jumlah Mesyuarat Dihadiri	Peratus Kehadiran
Azizi Che Seman (Pengerusi)	11/11	100%
Dr. Md. Nurdin Ngadimon	11/11	100%
Mohd Zubir Awang	11/11	100%
Assoc. Prof. Dr. Siti Salwani Razali	11/11	100%
Assoc. Prof. Dr. Nor Fahimah Mohd Razif*	8/8	100%
Mohd Bahroddin Badri**	4/4	100%
Dr. Abdul Rahman A. Shukor***	4/4	100%

Nota:

*Dilantik sebagai Ahli berkuat kuasa 1 April 2025

**Dilantik sebagai Ahli berkuat kuasa 7 Ogos 2025

***Tempoh perkhidmatan sebagai Ahli berakhir pada 30 April 2025

SESI LIBAT URUS & LATIHAN YANG DIHADIRI

Sebagai sebahagian inisiatif yang bertujuan untuk mengekalkan komunikasi berkesan antara Jawatankuasa Syariah, Pengurusan Kanan serta Lembaga Pengarah RHB Islamic Bank, sesi libat urus dan program latihan dalaman khas diadakan seperti berikut:

- Sesi libat urus antara Lembaga Pengarah RHB Islamic Bank dan ahli Jawatankuasa Syariah diadakan pada 11 Jun 2025 dan 21 Oktober 2025.
- "*Establishing Islam through Islamic Finance*" oleh Tan Sri Azman Mokhtar yang diadakan pada 28 November 2025.

Di samping itu, Jawatankuasa Syariah turut memainkan peranan proaktif dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kesedaran Syariah dalam kalangan warga kerja Kumpulan Perbankan RHB melalui perkongsian pandangan, kepakaran serta pengalaman menerusi Sesi Perkongsian Jawatankuasa Syariah seperti berikut:

- "*Beyond Profit: Exploring the Social and Environmental Impact of Islamic Finance through Value-Based Intermediation*" oleh En. Mohd Zubir Awang pada 18 Februari 2025;
- "*Key Difference between Conventional and Islamic Banking*" oleh Prof. Madya Dr. Nor Fahimah Mohd Razif pada 24 Jun 2025 dan 5 Ogos 2025;
- "*Syariah Non-Compliance and Risk of Supporting Wrongdoing Activities in Islamic Banking*" oleh En. Azizi Che Seman pada 4 September 2025;
- "*Humanitarian Values in Islamic Finance*" oleh Dr. Md. Nurdin Ngadimon pada 23 Oktober 2025; dan
- "*Strengthening Syariah Governance: Enhancing Risk Mitigation in Islamic Finance*" oleh Prof. Madya Dr. Siti Salwani Razali pada 25 November 2025.

Ahli Jawatankuasa Syariah turut mengambil bahagian secara aktif dalam persidangan dan kursus yang diadakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti berikut:

- Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-19, Bangkok, Thailand
- Forum Ulama Syariah Antarabangsa ("ISSF") ke-20, Tashkent, Uzbekistan
- Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF) ke-20, Kuala Lumpur, Malaysia
- Program Pengarah Pasaran Modal ("CMDP") oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), Kuala Lumpur, Malaysia
- Nadwah Ke-3 Penasihat Syariah: Pasaran Modal Islam 2025 oleh SC, Kuala Lumpur, Malaysia

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah





Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 disediakan selaras dengan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (“Keperluan Penyenaraian”) Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Malaysia”).

Bagi tahun kewangan yang dilaporkan, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (“BAC”) melaksanakan tanggungjawab penyeliaannya dalam persekitaran operasi dan kawal selia yang semakin kompleks. BAC memberikan tumpuan utama terhadap integriti pelaporan kewangan, keberkesanan kawalan dalaman, kualiti audit serta disiplin tadbir urus, di samping memastikan risiko yang muncul serta jurang kawalan dikenal pasti dan ditangani secara tepat pada masanya.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Sebanyak lapan belas (18) mesyuarat BAC diadakan sepanjang tahun yang dilaporkan. Kekerapan mesyuarat mencerminkan komitmen BAC dalam memberikan perhatian yang menyeluruh dan mendalam terhadap keluasan serta kedalaman perkara yang memerlukan pertimbangan sepanjang tahun, termasuk pelaporan kewangan, penemuan audit, perkara kawal selia serta isu tadbir urus.

BAC terdiri daripada empat (4) orang ahli, yang kesemuanya terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Butiran kehadiran setiap ahli dalam mesyuarat BAC yang diadakan sepanjang tahun yang ditinjau adalah seperti berikut:

 <p>ONG AI LIN Pengerusi / Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif</p>	 <p>DONALD JOSHUA JAGANATHAN Ahli / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</p>	 <p>DATUK IAIN JOHN LO Ahli / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</p>	 <p>NADZIRAH ABDUL RASHID Ahli / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</p>
18/18 100%	18/18 100%	17/18 94%	18/18 100%

Jawatankuasa Audit Lembaga (“BAC”) melaksanakan fungsi Jawatankuasa Audit bagi entiti utama dalam Kumpulan, merangkumi RHB Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad. Entiti lain dalam Kumpulan, iaitu RHB Insurance Berhad, RHB Asset Management Sdn. Bhd., RHB Bank (Cambodia) Plc, RHB Securities (Cambodia) Plc dan RHB Bank Lao Sole Co., Ltd, mempunyai Jawatankuasa Audit masing-masing yang ditubuhkan.

Mesyuarat BAC turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit Pengurusan (“MAC”) RHB Bank Berhad, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan serta Ketua Audit Dalaman Kumpulan (“Group CIA”), manakala kehadiran Pengurusan Kanan lain adalah atas jemputan, bergantung kepada perkara yang dibincangkan oleh BAC.

Pihak Pengurusan Kanan dan ketua fungsi dijemput, mengikut keperluan, untuk menghadiri mesyuarat BAC bagi memberikan penjelasan berhubung kelemahan kawalan, punca asas serta langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil berbangkit daripada dapatan atau pemerhatian audit.

Perkara-perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat BAC, bersama dengan syor dan keputusan BAC, dirumus dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah yang berkaitan pada bulan yang sama oleh Pengerusi atau wakil BAC. Ini membolehkan Lembaga Pengarah dimaklumkan secara tepat pada masanya mengenai perkara-perkara penting yang dibincangkan oleh BAC serta memberikan panduan, sekiranya perlu.

Pengerusi atau wakil BAC akan membentangkan dan merumuskan perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat BAC, seterusnya menyampaikan pengesoran serta keputusan yang dibuat oleh BAC kepada Lembaga Pengarah yang berkaitan pada bulan yang sama. Langkah ini membolehkan Lembaga Pengarah yang berkaitan dimaklumkan secara tepat pada masanya

mengenai perkara penting yang dibincangkan oleh BAC serta membolehkan Lembaga Pengarah menetapkan arah tindakan, sekiranya perlu. Pengarah Petikan minit mesyuarat BAC yang diadakan turut dikemukakan kepada Lembaga Pengarah yang berkaitan untuk makluman.

BIDANG KUASA

BAC merupakan jawatankuasa yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, BAC diberi kuasa oleh Lembaga untuk, antara lain, menyiasat sebarang perkara dalam skop Terma Rujukannya (“TOR”); mendapatkan sumber yang diperlukan; mempunyai akses penuh dan tanpa sekatan kepada maklumat yang berkaitan; mempunyai saluran komunikasi secara langsung dengan juruaudit luaran dan dalaman; serta mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain, sekiranya perlu. Terma Rujukan (“TOR”) penuh, termasuk bidang kuasa, tugas dan tanggungjawab BAC, boleh diakses menerusi laman sesawang RHB Bank di www.rhbgroup.com.

RINGKASAN AKTIVITI BAC BAGI TAHUN KEWANGAN (“TK”) 2025

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sepanjang TK2025, tumpuan utama BAC adalah untuk memastikan integriti pelaporan kewangan kekal terpelihara, membantu pihak Pengurusan mengenal pasti langkah tambahan bagi meningkatkan keberkesanan kawalan dalaman, menyelia kualiti audit serta memperkukuh amalan tadbir urus dan piawaian etika di seluruh Kumpulan. Jawatankuasa Audit Lembaga turut memberikan perhatian yang signifikan terhadap dapatan audit, perkara kawal selia, risiko yang muncul serta kecukupan tindakan pembetulan oleh pihak Pengurusan, dengan penekanan khusus terhadap analisis punca asas, implikasi yang lebih luas kepada organisasi serta aspek akauntabiliti.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Aktiviti yang dilaksanakan oleh BAC dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya bagi TK2025 diringkaskan seperti berikut:

1. PELAPORAN KEWANGAN

BAC melaksanakan fungsi pengawasan ke atas integriti dan kebolehpercayaan pelaporan kewangan Kumpulan bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang berkenaan, keperluan kawal selia serta pembentangan yang saksama bagi kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan.

- a) Menyemak dan menilai secara kritikal keputusan kewangan suku tahunan yang tidak diaudit serta penyata kewangan tahunan yang diaudit bagi RHB Bank Berhad dan Kumpulan, termasuk draf pengumuman berkaitan, sebelum mengemukakannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Dalam meneliti keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan, BAC memberikan tumpuan khusus kepada:

- Perubahan dasar perakaunan serta penerimaan piawaian perakaunan baharu atau yang dikemas kini, dan kesannya terhadap penyata kewangan;
- Perkara penting yang dibangkitkan, termasuk pertimbangan signifikan dan andaian yang dibuat oleh pihak Pengurusan; dan

- Pematuhan terhadap piawaian perakaunan serta keperluan perundangan lain yang berkaitan.
- b) Menyemak dan membincangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ("SORMIC"), Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat serta Laporan Tadbir Urus Korporat sebelum mengemukakannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- c) Membincangkan dengan juruaudit luaran perkara-perkara berikut seperti yang dibangkitkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit mereka bagi TK2025:

- Perkara audit dan perakaunan yang signifikan melibatkan hal-hal berkaitan kredit;
- Cadangan penambahbaikan kawalan dalaman;
- Perkara berkaitan percukaian; dan
- Ringkasan salah nyata yang tidak diperbetulkan.

Nota: Mesyuarat tertutup turut diadakan bersama juruaudit luaran, seperti yang diperincikan di bawah Seksyen 3(c).

2. AUDIT DALAMAN

BAC memberikan penekanan yang signifikan terhadap keberkesanan, kebebasan dan keupayaan fungsi audit dalaman sebagai salah satu tonggak utama rangka kerja tadbir urus Kumpulan.

- a) Menyemak dan meluluskan pelan audit tahunan bagi TK2025 bagi memastikan kecukupan skop, liputan dan sumber, serta kompetensi juruaudit dalaman;
- b) Menyemak aktiviti audit yang dilaksanakan oleh Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") bagi TK2025 yang merangkumi tugas audit terancang, siasatan, semakan yang diwajibkan oleh pengawal selia, projek audit ad hoc serta penyertaan dalam projek teknologi maklumat.
- c) Menyemak dan meluluskan Kad Skor Prestasi Seimbang bagi Ketua Audit Dalaman Kumpulan ("CIA Kumpulan"). Menilai prestasi CIA Kumpulan serta menyemak penilaian prestasi pegawai kanan GIA, dan meluluskan ganjaran prestasi bagi CIA Kumpulan dan pegawai kanan tersebut selaras dengan matriks yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- d) Menyemak dan membincangkan ringkasan dapatan/pemerhatian audit yang dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC"), minit bagi semua mesyuarat MAC serta laporan audit dalaman. Ini merangkumi penilaian terhadap syor audit, tahap risiko dan impak, maklum balas Pengurusan terhadap syor tersebut, punca utama yang dikenal pasti, serta tindakan pembetulan yang diambil secara tepat pada masanya oleh pihak Pengurusan bagi menambah baik sistem kawalan dalaman dan prosesnya dalam bidang yang dikenal pasti.
- e) Menyemak dan membincangkan laporan siasatan yang dibentangkan kepada BAC serta mengarahkan pihak Pengurusan untuk mewujudkan dan melaksanakan kawalan yang diperlukan bagi memperkukuh sistem kawalan dalaman.
- f) Menyemak laporan yang dikeluarkan oleh badan kawal selia serta maklum balas pihak Pengurusan, termasuk tindakan pembetulan yang diambil berhubung dapatan yang dilaporkan, bagi memastikan semua perkara yang dibangkitkan ditangani secara menyeluruh dan menepati tempoh masa yang ditetapkan.
- g) Menyemak minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga lain dalam Kumpulan setakat yang dibenarkan oleh badan kawal selia yang berkaitan bagi memastikan bahawa semua perkara yang berbangkit daripadanya ditangani dengan sewajarnya oleh jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

- h) Memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai isu/kebimbangan utama yang dibincangkan dalam mesyuarat BAC melalui Ringkasan BAC kepada Lembaga.
- i) Mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Jawatankuasa Audit bagi entiti-entiti dalam Kumpulan, termasuk syarikat subsidiari luar negara, serta membincangkan dapatan dan isu penting daripada laporan audit yang dibentangkan di BAC entiti berkenaan, di samping perkara-perkara lain yang berkaitan, termasuk punca asas dan cabaran merentas entiti. Semakan ini memastikan perkara-perkara tersebut ditangani secara menyeluruh dan berkesan, sekali gus mengekalkan konsistensi pengawasan BAC di seluruh Kumpulan.
- j) Menyemak dan meluluskan Terma Rujukan ("TOR") MAC yang dikemas kini bagi entiti utama dalam Kumpulan.
- k) Menyemak dan meluluskan laporan audit dalaman RHB Bank Lao Sole Co., Ltd., selaras dengan keperluan di bawah Undang-Undang Bank Perdagangan yang Disemak semula yang diwartakan oleh Bank of Lao ("BOL"), selepas pengesahan daripada BOL.
- l) Menyemak hasil penilaian kualiti dalaman ke atas aktiviti audit dalaman serta pelan yang dicadangkan bagi program penilaian kualiti luaran pada tahun 2026 sebagai sebahagian daripada Program Jaminan dan Penambahbaikan Kualiti yang ditetapkan di bawah Piawaian Audit Dalaman Global.
- m) Menyemak dan meluluskan Pelan Strategik Tiga Tahun GIA (TK2025-TK2027), yang merangkumi inisiatif strategik yang dirangka untuk memperkukuh keupayaan audit dalaman serta menyokong matlamat strategik Kumpulan.
- n) Menyemak dan mengesyorkan Piagam Audit Dalaman GIA yang dikemas kini, selaras dengan keperluan Piawaian Audit Dalaman Global, untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- o) Menyemak dan mengesyorkan TOR BAC yang dikemas kini, selaras dengan keperluan Piawaian Audit Dalaman Global, untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- p) Menyemak dan meluluskan Huraian Tugas yang dipertingkatkan bagi CIA Kumpulan serta Matriks RACI bagi GIA.

3. AUDIT LUARAN

BAC mengadakan sesi libat urus yang kerap dan terbuka dengan juruaudit luaran bagi memastikan kualiti audit, kebebasan serta objektiviti sentiasa terpelihara.

- Menyemak pelan audit 2025 oleh juruaudit luaran bagi Kumpulan, merangkumi strategi audit, penilaian risiko serta bidang tumpuan audit bagi tahun kewangan yang dilaporkan.
- Membuat semakan bersama juruaudit luaran hasil audit mereka berserta pengesyoran serta maklum balas Pengurusan terhadap penemuan tersebut seperti yang diperincikan dalam laporan berikut, serta memberikan pandangan dan hala tuju BAC terhadap bidang yang menjadi perhatian, sekiranya perlu:

Laporan yang dikeluarkan oleh Juruaudit Luaran	Tarikh dibentangkan kepada BAC
Laporan Cadangan Kawalan Dalaman bagi TK2024	23 April 2025
Semakan Terhad penyata kewangan tidak diaudit RHB Bank dan RHB Islamic Bank bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2025	23 Julai 2025
Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga bagi TK2025	22 Januari 2026

BAC mengarahkan Jawatankuasa Audit Pengurusan masing-masing untuk memantau dapatan audit yang diberi penekanan oleh juruaudit luaran dalam Laporan Kawalan Dalaman mereka bagi memastikan semua perkara diselesaikan tepat pada masanya oleh pihak Pengurusan.

- Bertemu dengan juruaudit luaran pada 23 April 2025, 23 Julai 2025 dan 22 Januari 2026 tanpa kehadiran pihak Pengurusan bagi membolehkan juruaudit luaran mengadakan perbincangan secara tertutup dengan BAC.
- Mengkaji semula pelantikan juruaudit luaran bagi penyediaan perkhidmatan bukan audit sebelum mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Aspek yang dipertimbangkan termasuk kepakaran juruaudit luaran, kecukupan pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan bagi perkhidmatan yang diberikan, daya saing kadar yuran yang ditawarkan serta sama ada kebebasan dan objektiviti mereka akan terjejas.
- Menyemak secara suku tahunan perkhidmatan bukan audit yang diberikan oleh juruaudit luaran serta yuran berkaitan dengan mengambil kira kadar yuran yang ditetapkan di bawah dasar Kumpulan bagi memastikan kebebasan dan objektiviti juruaudit luaran tidak terjejas.

- Mengkaji semula prestasi dan kebebasan juruaudit luaran sebelum mengesyorkan mereka kepada Lembaga Pengarah bagi pelantikan semula sebagai juruaudit luaran Kumpulan:
 - Juruaudit luaran mengisytiharkan dalam pelan audit 2025 dan Laporan BAC 2025 bahawa mereka mengekalkan kebebasan mereka dalam mengaudit penyata kewangan Kumpulan selaras dengan keperluan firma, dengan peruntukan Undang-undang Kecil mengenai Kebebasan Profesional Institut Akauntan Malaysia ("MIA") serta Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan ("IESBA Code"). Mereka mengesahkan bahawa perkhidmatan bukan audit yang diberikan kepada Kumpulan sepanjang tahun tidak menjejaskan kebebasan mereka sebagai juruaudit luaran Kumpulan.
 - Penilaian tahunan juruaudit luaran merangkumi aspek utama prestasi, kebebasan dan objektiviti menurut Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") mengenai Juruaudit Luaran.
 - Prestasi juruaudit luaran turut dinilai melalui kaji selidik yang dijalankan dalam kalangan kakitangan Pengurusan Kumpulan berdasarkan interaksi mereka dengan juruaudit luaran, meliputi aspek seperti tenaga kerja, pencapaian objektif, daya respons, pengetahuan mengenai perniagaan dan industri, idea yang memberikan nilai tambah serta komunikasi.

Juruaudit luaran turut membentangkan Laporan Ketelusan 2025 kepada BAC, yang menyorot hasil semakan kualiti audit serta komitmen berterusan mereka terhadap kualiti audit.

- Semakan komprehensif turut dilaksanakan pada Disember 2025 sebelum pelantikan semula juruaudit luaran bagi menilai kebebasan mereka serta potensi risiko ancaman hubungan rapat di seluruh entiti perbankan dalam Kumpulan. Semakan komprehensif ini merangkumi tiga kategori utama, iaitu tadbir urus dan kebebasan, komunikasi dan interaksi, serta kualiti perkhidmatan dan sumber. Semakan ini dilaksanakan oleh Kewangan Kumpulan dan disahkan secara bebas oleh GIA sebelum dibentangkan kepada BAC untuk pertimbangan.
- Menyemak Surat Perakuan Pengurusan kepada juruaudit luaran berhubung semakan terhad ke atas keputusan kewangan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, audit berkanun serta SORMIC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 sebelum mengemukakannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

4. INTEGRITI & TADBIR URUS

BAC menyelia rangka kerja integriti dan tadbir urus Kumpulan bagi menggalakkan amalan beretika, ketelusan serta pematuhan terhadap undang-undang yang berkenaan dan jangkauan kawal selia.

- Menyemak dan membincangkan kemajuan inisiatif utama seperti yang ditetapkan di bawah Pelan Anti-Rasuah Organisasi Kumpulan ("OACP") 2022-2026.
 - Menyemak dan memperakukan laporan separuh tahunan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") yang disediakan oleh Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- Menyemak dan membincangkan laporan bulanan yang dibentangkan oleh Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan yang merangkumi statistik serta status kes pemberi maklumat dan bukan pemberi maklumat yang disiasat.
 - Menyemak dan membincangkan laporan siasatan berkaitan kes pemberi maklumat dan bukan pemberi maklumat.
 - Menerima kemas kini mengenai kemajuan inisiatif seperti program kesedaran dan latihan yang merangkumi anti-rasuah dan sogokan, pemberi maklumat, pemberian hadiah dan hospitaliti serta bidang lain yang berkaitan dengan amalan perniagaan beretika, serta memberikan panduan dan hala tuju kepada Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan, dari semasa ke semasa, apabila perlu.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

5. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

BAC menyemak urus niaga komersial biasa serta selaras dengan dasar yang diluluskan dan keperluan kawal selia yang berkenaan.

- Menyemak laporan urus niaga pihak berkaitan ("RPT") secara suku tahunan yang merangkumi sifat dan jumlah urus niaga serta jumlah agregat pertimbangan bagi RPT berulang ("RRPT"), yang dipantau dan dijejaki secara individu berbanding had siling yang ditetapkan bagi memastikan pelaporan dan pendedahan yang sewajarnya selaras dengan keperluan kawal selia yang berkenaan.
- Kumpulan mempunyai dasar dan garis panduan berkaitan RPT yang diluluskan, yang mengawal proses mengenal pasti, menilai, meluluskan, melaporkan dan memantau RPT dan RRPT, di samping memperincikan tugas dan tanggungjawab pihak-pihak berkaitan yang terlibat dalam proses tersebut.

6. KONFLIK KEPENTINGAN

BAC menyemak dan menilai konflik kepentingan sebenar, berpotensi dan yang dianggap wujud bagi memastikan pendedahan yang sewajarnya dibuat serta langkah mitigasi dilaksanakan selaras dengan keperluan kawal selia dan amalan terbaik tadbir urus.

BAC turut menyemak dan menilai perkara berkaitan konflik kepentingan ("COI") sedia ada atau yang berpotensi menurut Perenggan 15.12(1)(h) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia serta Panduan Bursa Malaysia mengenai COI.

Kumpulan mempunyai rangka kerja dan dasar COI yang diluluskan, yang mengawal proses mengenal pasti, menilai, mengurus, memantau dan melaporkan COI, di samping memperincikan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak berkaitan dalam memastikan pematuhan terhadap keperluan COI.

BAC menilai sama ada Pengarah Kumpulan mempunyai kepentingan langsung dalam syarikat atau berada dalam kedudukan atau mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi urusan perniagaan atau keputusan lain dengan cara yang boleh membawa kepada keuntungan atau kelebihan peribadi dalam apa jua bentuk.

Bagi mengatasi atau mengurangkan kejadian COI¹, Jawatankuasa Audit Lembaga ("BAC") bergantung pada langkah-langkah berikut:

- Keperluan bagi Pengarah untuk mendedahkan sebarang COI secepat yang dilaksanakan sebaik sahaja menyedari fakta yang berkaitan.
- Pengarah yang mempunyai COI hendaklah berkecuali dan menarik diri daripada semua perbincangan serta proses membuat keputusan; dan
- Penilaian tahunan terhadap kebebasan Pengarah melalui Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah.

¹ *Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah menyelia semua perkara berkaitan kemudahan kredit yang melibatkan pihak berkaitan menurut Garis Panduan mengenai Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan oleh BNM.*

Melalui aktiviti-aktiviti ini, BAC berpuas hati bahawa ia melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan, serta mekanisme tadbir urus, kawalan dan jaminan yang sewajarnya diwujudkan bagi menyokong operasi Kumpulan.

LATIHAN

Sepanjang TK2025, ahli BAC menghadiri pelbagai program latihan, persidangan dan seminar bagi memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam industri perbankan, selain meningkatkan pengetahuan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Perincian program pembangunan mandatori dan profesional yang dihadiri oleh ahli BAC didedahkan dalam Seksyen B, Laporan Tadbir Urus Korporat yang boleh diakses melalui laman sesawang korporat di www.rhbgroupp.com.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Kumpulan menyediakan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah mengenai kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

GIA beroperasi dalam rangka kerja yang ditetapkan dalam Piagam Audit Dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. GIA mempunyai akses kepada semua data, rekod, fail, maklumat, aset fizikal dan kakitangan yang berkaitan bagi melaksanakan tanggungjawab audit dalaman, setakat yang diperuntukkan dalam Piagam Audit Dalaman tersebut.

Aktiviti GIA dipandu oleh Piawaian Audit Dalaman Global yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman, sebagaimana yang diperincikan dalam Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa, serta keperluan pengawal selia berkaitan yang mentadbir fungsi audit dalaman.

Ketua Audit Dalaman Kumpulan ("Group CIA") melapor secara fungsian kepada BAC dan secara pentadbiran kepada Pengarah Urusan Kumpulan

bagi mengekalkan kebebasan, ketelusan dan objektiviti GIA. Bagi memelihara kebebasan fungsi audit dalaman, pelantikan dan penilaian prestasi Ketua Audit Dalaman Kumpulan, serta skop kerja dan sumber GIA, diluluskan oleh BAC.

Encik Tan Boon Ching (Ketua Audit Dalaman Kumpulan) mengetuai fungsi audit dalaman Kumpulan. Beliau mempunyai pengalaman pelbagai selama lebih 20 tahun dalam industri perbankan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan & Kewangan dari University of East London, United Kingdom dan merupakan Juruaudit Dalaman Bertauliah [Institute of Internal Auditors ("IIA")], Akauntan Bertauliah (Institute of Chartered Accountants in England and Wales ("ICAEW")), Jurubank Bertauliah (Asian Institute of Chartered Bankers), ahli MIA, ahli bersekutu IIA Malaysia, serta ahli Chief Internal Auditors Networking Group ("CIANG").

Semua juruaudit dalaman dikehendaki mematuhi piawaian etika dan profesionalisme serta bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka.

Piagam Audit Dalaman

Piagam Audit Dalaman ("Piagam Audit") mentakrifkan tujuan, mandat Audit Dalaman Kumpulan ("GIA"), kedudukan organisasi, hubungan pelaporan, tanggungjawab, skop kerja serta jenis perkhidmatan, dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Piagam Audit yang diluluskan diterbitkan di portal intranet Kumpulan dan boleh diakses oleh semua warga kerja Kumpulan. Piagam Audit disemak oleh Ketua Audit Dalaman Kumpulan dan BAC setiap dua tahun atau apabila perlu bagi menilai sama ada tujuan, mandat dan tanggungjawab GIA, seperti yang ditakrifkan dalam Piagam Audit, kekal mencukupi dan relevan untuk membolehkan fungsi audit dalaman mencapai objektifnya. Piagam Audit dikemas kini pada tahun 2025.

RINGKASAN AKTIVITI AUDIT DALAMAM KUMPULAN ("GIA") BAGI TK2025

Aktiviti Audit Utama

- a) Menyediakan pelan audit tahunan berasaskan risiko bagi Kumpulan yang merangkumi objektif dan skop audit, serta keperluan sumber manusia bagi setiap unit yang akan diaudit.
- b) Melaksanakan audit selaras dengan pelan audit yang diluluskan. Bidang yang diaudit sepanjang tahun kewangan dalam semakan merangkumi semua tonggak perniagaan dan sokongan, termasuk operasi luar negara yang meliputi Perbankan Borong, Perbankan Komuniti, Perbankan Korporat dan Perniagaan, Saluran Pengedaran, Perniagaan Syariah, Perniagaan Insurans, Keselamatan dan Operasi IT, Keselamatan Siber, Pengurusan Risiko Iklim, Pengurusan Kelestarian, Fungsi Sokongan Kumpulan serta semakan yang diwajibkan oleh pengawal selia. Bidang utama lain yang diaudit termasuk Anti-Pengubahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT"), Anti-Rasuah dan Sogokan, tatakelakuan pasaran, kerahsiaan maklumat pelanggan serta penyumberluaran. Sebanyak 821 unit audit diliputi sepanjang TK2025, dengan hasil audit dikomunikasikan melalui laporan audit.
- c) Melaksanakan siasatan terhadap aktiviti penipuan yang disyaki, kes pemberi maklumat, salah laku kakitangan, potensi pelanggaran kerahsiaan serta aktiviti lain, apabila diperlukan.
- d) Melaksanakan analisis punca utama serta mengemukakan syor kepada pihak Pengurusan bagi menambah baik persekitaran kawalan serta mencegah berulangnya insiden yang serupa.
- e) Laporan audit dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") bagi entiti masing-masing. Status pembetulan bagi semua penemuan audit serta pelaksanaan pelan tindakan pengawalan risiko yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan untuk menangani punca asas secara menyeluruh dipantau rapi oleh MAC pada setiap mesyuarat.
- f) Memantau dan membuat susulan melalui MAC masing-masing terhadap pembetulan tepat pada masanya bagi semua penemuan audit yang dilaporkan oleh juruaudit dalaman dan luaran. Status sebarang penemuan audit yang masih belum diselesaikan, termasuk permohonan lanjutan tempoh pembetulan berserta justifikasi, diringkaskan dan dilaporkan kepada BAC secara bulanan.
- g) Melaksanakan audit bertema dan audit berterusan bagi bidang yang disasarkan untuk mengenal pasti kelemahan operasi, di samping membolehkan intervensi tepat pada masanya melalui pemantauan berterusan untuk menangani punca asas.
- h) Melaksanakan pengesahan inisiatif Peningkatan Keupayaan AML/CFT RHB ("RACE") serta menilai keberkesanan operasi dan kemampuan kawalan AML pasca pelaksanaan RACE, termasuk tema-tema khusus AML/CFT seperti yang ditetapkan oleh BNM.
- i) Melaksanakan semakan kredit pasca kelulusan ke atas portfolio pinjaman dan pembiayaan bagi memastikan proses pembuatan keputusan kredit kekal selaras dengan keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko kredit Kumpulan.
- j) Membangunkan peta jaminan sebagai sebahagian usaha berterusan GIA untuk memperkukuh penyelarasan jaminan di seluruh Kumpulan. Peta jaminan tersebut menyediakan gambaran menyeluruh aktiviti jaminan merentasi tiga barisan pertahanan, meningkatkan penyelarasan dalam kalangan penyedia jaminan, serta mengenal pasti peluang untuk GIA memanfaatkan atau menyelaraskan liputan jaminan dengan barisan pertahanan lain.
- k) Menganjurkan sesi perkongsian oleh Pengerusi BAC untuk kakitangan GIA bagi memperkukuh piawaian profesional, keberkesanan audit dan pengurusan pemegang taruh.
- l) Bekerjasama rapat dengan juruaudit luaran melalui sesi perancangan dan perkongsian maklumat bagi memastikan liputan yang berkesan ke atas bidang risiko utama serta meminimumkan pertindihan usaha.

Aktiviti Audit Lain

- a) Mengkaji kesesuaian dan keberkesanan Pelan Pengawalan Risiko yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan bagi menangani perkara berkaitan Penilaian Risiko Komposit ("CRR") yang dibangkitkan oleh BNM dalam Laporan CRR mereka. Hasil semakan tersebut dibentangkan kepada BAC untuk perbincangan.
- b) Mengkaji semula rangka kerja, dasar dan garis panduan baharu atau yang dikemas kini atas permintaan pihak Pengurusan untuk memberikan maklum balas mengenai kecukupan kawalan dalaman dalam menangani risiko yang berkaitan.
- c) Menyertai aktiviti-aktiviti pembangunan sistem IT baharu atau produk baharu bagi memberikan cadangan awal berhubung ciri-ciri kawalan yang relevan untuk dipertimbangkan oleh pihak Pengurusan.
- d) Menghadiri mesyuarat Pengurusan sebagai jemputan tetap dalam kapasiti perunding dan nasihat bagi memberikan maklum balas bebas, apabila perlu, berkaitan dengan kawalan dalaman.
- e) Membantu BAC dalam melaksanakan kajian semula secara tahunan berhubung pelantikan semula juruaudit luaran dengan menilai tahap kebebasan mereka serta potensi risiko ancaman keakraban di semua entiti perbankan dalam Kumpulan.
- f) Menganjurkan mesyuarat MAC, menyediakan bahan mesyuarat dan minit mesyuarat, serta ringkasan penemuan audit utama dan permohonan untuk lanjutan tempoh pembetulan dikemukakan kepada BAC.
- g) Menyediakan Laporan BAC dan SORMIC untuk kelulusan BAC dan Lembaga Pengarah masing-masing, serta untuk dimasukkan dalam Laporan Bersepadu RHB Bank bagi tahun 2025.
- h) Menganjurkan latihan dalaman dan luaran untuk juruaudit dalaman dalam pelbagai bidang seperti Piawaian Audit Dalaman Global, Pengurusan Kelestarian, AML, Anti-Rasuah dan Sogokan, Keselamatan Siber, Kerahsiaan dan Perlindungan Maklumat, Analitik Data, Pengkomputeran Awan, Kecerdasan Buatan dan lain-lain, untuk mempertingkatkan kemahiran serta kompetensi mereka dalam bidang berkaitan.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Sumber Audit Dalam

CIA Kumpulan, dalam perundingannya bersama BAC, menetapkan kecekapan, kelayakan serta sumber yang diperlukan bagi GIA dengan mengambil kira saiz dan tahap kerumitan operasi Kumpulan. Carta/struktur organisasi utama GIA dikaji semula dan diluluskan oleh BAC secara tahunan.

Sehingga 31 Disember 2025, GIA mempunyai seramai 160 juruaudit (Malaysia: 138; Serantau: 22) yang memiliki kelayakan akademik/profesional serta pengalaman yang relevan bagi melaksanakan fungsi audit dalaman di Malaysia dan syarikat subsidiari Kumpulan di luar negara. Jumlah kos sebanyak RM44.4 juta (Malaysia: RM37.5 juta; Serantau: RM6.9 juta) ditanggung untuk mengekalkan fungsi audit dalaman Kumpulan bagi TK2025.

Kecekapan Profesional

CIA Kumpulan memastikan bahawa juruaudit dalaman adalah berkelayakan yang bersesuaian dan dilengkapi dengan latihan yang diperlukan dan pembangunan profesional berterusan bagi meningkatkan kemahiran audit dan teknikal yang berkaitan, bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan.

Juruaudit dalaman memperoleh atau sedang mengikuti program pensijilan yang berkaitan bagi melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang yang berkaitan dengan fungsi masing-masing. Kelayakan profesional tersebut merangkumi yang berikut:

- Institut Jurubank Bertauliah Asia ("AICB") – Juruaudit Bank Bertauliah, Jurubank Bertauliah, Pensijilan dalam AML/CFT, Profesional Kredit Bertauliah, Pensijilan Pasaran Kewangan Malaysia
- Institut Juruaudit Dalaman ("IIA") – Juruaudit Dalaman Bertauliah, Akreditasi dalam Penaksiran/Pengesahan Kualiti Dalaman
- Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat ("ISACA") – Juruaudit Sistem Maklumat Bertauliah
- Konsortium Pensijilan Sekuriti Sistem Maklumat Antarabangsa ("ISC") – Bertauliah dalam Sekuriti Siber: Profesional Sekuriti Sistem Maklumat Bertauliah ("CISSP")
- Persatuan Pakar Pencegahan Pengubahan Wang Haram Bertauliah ("ACAMS")
- Pemeriksa Penipuan Bertauliah
- Pemeriksa Bertauliah EnCase
- Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam

- Juruaudit Syariah Profesional Bertauliah
- Pensijilan Kemampunan dan Risiko Iklim
- Pensijilan Pakar Pengaturcaraan Pangkalan SAS
- Pensijilan perakaunan profesional – Persatuan Akauntan Bertauliah ("ACCA"), ICAEW, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia ("MICPA")

Berdasarkan Pelan Pembangunan Individu setiap warga kerja bagi TK2025, juruaudit dalaman menghadiri kursus teknikal, kepimpinan dan pengurusan yang berkaitan, serta Program Kemahiran Masa Hadapan yang ditawarkan oleh RHB Academy, iaitu Pusat Pembelajaran dan Pembangunan Kumpulan, selain program-program luaran.

Seiring dengan kemajuan pesat inovasi dan teknologi dalam persekitaran perniagaan, GIA secara berterusan menyediakan warga kerjanya dengan program latihan dan pembelajaran khusus yang berkaitan. GIA mengguna pakai teknologi baharu serta memperluas penggunaan analitik data bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan audit.

Sebagai sebahagian usaha memperkasa keupayaan dan dalam menyediakan kakitangan audit dalaman sebagai "juruaudit masa hadapan", GIA memperkukuh rangka kerja kompetensi dengan kerjasama Sumber Manusia Kumpulan.

Sorotan Jaminan Kualiti Audit Dalaman

Bagi memastikan keberkesanan fungsi audit dalaman, CIA Kumpulan membangunkan dan mengekalkan satu program jaminan kualiti dan penambahbaikan yang merangkumi semua aspek aktiviti audit dalaman. Program jaminan kualiti ini menilai keberkesanan proses di dalam fungsi audit dalaman serta mengenal pasti peluang penambahbaikan melalui penilaian dalaman dan luaran.

Penilaian dalaman dilaksanakan selaras dengan pelan tahunan Semakan Jaminan Kualiti ("QAR") yang diluluskan oleh pasukan Pusat Kecemerlangan Jaminan Kualiti & Tadbir Urus ("CoE") dalam GIA. Ketua Jaminan Kualiti & Tadbir Urus CoE melapor secara langsung kepada Ketua Audit Dalaman Kumpulan bagi mengekalkan kebebasan fungsi tersebut daripada aktiviti audit dalaman dalam GIA.

Sebagai tambahan kepada penilaian dalaman, penilaian kualiti luaran dijalankan sekali setiap lima tahun oleh penilai luaran yang berkelayakan. Pelantikan penilai luaran bebas adalah tertakluk kepada proses perolehan yang ditetapkan oleh Kumpulan dan disahkan oleh BAC.

Penilaian kualiti luaran terakhir dijalankan pada tahun 2021, di mana GIA dinilai sebagai mematuhi sepenuhnya semua peraturan, piawaian dan keperluan yang berkaitan sebagaimana yang ditetapkan dalam Piawaian Antarabangsa Amalan Profesional Audit Dalaman oleh The Institute of Internal Auditors ("IIA"), Garis Panduan BNM mengenai Fungsi Audit Dalaman Institusi Berlesen, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia: Prinsip B – Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan, serta Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia – Bab 15.27 Audit Dalaman.

Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan

PERJANJIAN BANKASURANS/BANKATAKAFUL DAN PERJANJIAN RANGKA KERJA DENGAN TOKIO MARINE LIFE INSURANCE MALAYSIA BHD ("TMLM"), SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD ("STMKB") DAN SUBSIDIARI MILIK PENUHNYA, SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD ("STMAB")

Pada 1 Ogos 2025, RHB Bank dan RHB Islamic Bank telah memeterai perjanjian-perjanjian berikut dengan TMLM, STMKB dan STMAB berkaitan kerjasama bankasurans/bankatakaful selama 20 tahun, dengan jumlah yuran akses sehingga RM1,615 juta:

- Perjanjian bankasurans antara RHB Bank dan TMLM bagi pendedaran produk insurans hayat konvensional;
- Perjanjian bankatakaful antara RHB Islamic dan STMKB bagi pendedaran produk takaful keluarga;
- Perjanjian bankatakaful antara RHB Islamic dan STMAB bagi pendedaran produk takaful am; dan
- Perjanjian rangka kerja antara RHB Bank, RHB Islamic Bank, TMLM, STMKB dan STMAB sebagai sebahagian daripada rangka kerja keseluruhan bagi kerjasama bankasurans/bankatakaful ("Perjanjian Rangka Kerja").

Di bawah terma perjanjian bankasurans/bankatakaful tersebut, RHB Bank akan mendedarkan produk insurans hayat konvensional secara eksklusif yang ditaja jamin oleh TMLM, manakala RHB Islamic pula akan mendedarkan produk takaful keluarga dan takaful am secara eksklusif yang ditaja jamin oleh STMKB dan STMAB, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang serta keperluan kawal selia yang berkenaan, untuk tempoh 20 tahun bermula dari 1 Ogos 2025 sehingga 31 Julai 2045.

Di bawah Perjanjian Rangka Kerja, TMLM, STMKB dan STMAB juga akan melakukan pelarasan di antara satu dengan yang lain bagi melaksanakan aktiviti kerjasama bankasurans/bankatakaful, termasuk pengurusan bankasurans untuk menyokong inisiatif pendedaran serta memastikan pelaksanaan model operasi yang dipersetujui secara tepat pada masanya pada keseluruhan kerjasama tersebut.

Perjanjian bankatakaful dan Perjanjian Rangka Kerja di atas dianggap sebagai sebuah transaksi pihak berkaitan selaras dengan perenggan 10.08 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, memandangkan kepentingan pemegang saham utama RHB Bank Berhad, iaitu Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), yang juga merupakan pemegang saham utama STMKB dengan pegangan ekuiti sebanyak 18.63% pada 18 Julai 2025, serta kepentingan seorang Pengarah RHB Islamic yang turut berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji, yang merupakan pemegang saham utama STMKB dengan pegangan ekuiti sebanyak 30.80% pada tarikh yang sama.

[Untuk maklumat lanjut mengenai pelaburan dalam Boost Bank, sila rujuk Nota 58\(1\) dalam Laporan Kewangan 2025.](#)

PELABURAN DALAM BOOST BANK BERHAD OLEH RHB BANK BERHAD

Boost Bank Berhad ("Boost Bank") telah dilancarkan di Malaysia kepada umum pada 6 Jun 2024, dan telah memanfaatkan gabungan kekuatan Boost Bank Holdings Sdn Bhd ("Boost Holdings") dalam bidang teknologi kewangan (*fintech*) serta RHB Bank Berhad ("RHB Bank") dalam sektor perbankan. Boost Bank menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan digital dengan tumpuan khusus kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan dan tidak mendapat perkhidmatan, dengan matlamat untuk membina sebuah sektor kewangan yang lebih inklusif di Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada syarat yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan Kementerian Kewangan ("MOF") dalam meluluskan operasi Boost Bank sebagai bank digital, RHB Bank, sebagai pemegang saham Boost Bank, telah memberikan aku janji kepada BNM bahawa sekiranya Boost Bank ditutup dan perlu melaksanakan pelan keluar semasa fasa penubuhannya, RHB Bank akan menyediakan dana yang mencukupi secara berkadar dengan pegangan sahamnya pada masa tersebut. Ini bagi memastikan Boost Bank mempunyai dana mencukupi untuk memenuhi semua obligasi dan liabiliti yang masih tertunggak, termasuk deposit pelanggan. Boost Holdings turut memberikan aku janji yang sama.

Sehingga 28 Februari 2026, jumlah modal berbayar Boost Bank adalah sebanyak RM382 juta, merangkumi 382 juta saham biasa dalam Boost Bank ("Saham Boost Bank"). Daripada jumlah tersebut, 40% pegangan ekuiti atau 152.8 juta saham dimiliki oleh RHB Bank, manakala baki

MODAL BOOST BANK sehingga 28 Februari 2026

RM382
juta

Jumlah modal berbayar

40%

pegangan ekuiti RHB Bank

RM152.8
juta

modal berbayar yang dipegang oleh RHB Bank

60% pegangan ekuiti atau 229.2 juta saham dimiliki oleh Boost Holdings. Sumber dana bagi pelaburan RHB Bank dalam Boost Bank adalah daripada dana dalaman yang dijana oleh RHB Bank.

Pelaburan dalam Boost Bank ini dianggap sebagai transaksi pihak yang berkaitan selaras dengan perenggan 10.08 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, berikutan kepentingan pemegang saham utama RHB Bank, iaitu Lembaga KWSP, yang juga merupakan pemegang saham utama Axiata Group dengan pegangan ekuiti sebanyak 19.13% pada 28 Februari 2026.

[Untuk maklumat lanjut mengenai pelaburan ini, sila rujuk Nota 16 dalam Laporan Kewangan 2025.](#)

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam 2025

Selaras dengan perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Malaysia”), Lembaga Pengarah (“Lembaga”) dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam (“Penyata”) ini. Penyata ini merangkumkan ciri-ciri utama sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB (“Kumpulan”) bagi tahun kewangan yang dikaji.

Penyata ini disediakan selaras dengan garis panduan yang ditetapkan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam (“SORMIC”): Panduan untuk Pengarah Syarikat Tersenarai serta merujuk kepada Panduan SORMIC 2025.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga telah menegaskan bahawa tanggungjawab keseluruhannya dalam memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh bagi Kumpulan. Tanggungjawab ini merangkumi penilaian ke atas kecukupan dan keberkesanan sistem tersebut bagi melindungi kepentingan pemegang saham serta aset Kumpulan.

Walaupun matlamat bagi penghapusan risiko sepenuhnya adalah mustahil, sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman telah dibentuk untuk mengurus selera risiko Kumpulan dalam had toleransi risiko yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga dan Pengurusan, bagi menyokong pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Oleh itu, sistem ini memberikan jaminan yang munasabah, tetapi bukan mutlak, terhadap berlakunya sebarang salah kenyataan material, kerugian atau penipuan.


Menyedari kepentingan sistem yang kukuh, Lembaga juga telah mewujudkan struktur tadbir urus bagi memastikan pengawasan yang berkesan terhadap risiko dan kawalan dalaman di seluruh Kumpulan pada semua peringkat. Sehubungan itu, Lembaga juga telah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga (“BRC”) dan Jawatankuasa Audit Lembaga (“BAC”), yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab utama dalam pengawasan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

Peranan utama BRC termasuklah:

- Memberikan panduan serta menyelaraskan hala tuju pengurusan risiko;
- Menyemak dan mengesyorkan strategi risiko keseluruhan serta selera risiko Kumpulan;
- Meluluskan dasar dan rangka kerja untuk mengenal pasti, mengukur, memantau, mengurus dan mengawal risiko material yang memberi kesan kepada perniagaan;
- Mengawasi program pengurusan risiko merentas seluruh perusahaan;
- Meluluskan metodologi risiko, had risiko, model serta produk baharu; dan
- Menyemak serta meluluskan pendedahan dan laporan Kumpulan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kawal selia.

Entiti utama dalam Kumpulan mempunyai BRC sendiri yang melapor kepada Lembaga masing-masing bagi membolehkan perbincangan yang lebih tertumpu terhadap isu khusus berkaitan entiti. Walau bagaimanapun, Lembaga kekal bertanggungjawab terhadap tadbir urus risiko serta semua tindakan Jawatankuasa Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasan seperti yang telah diarahkan.

BAC juga melaksanakan fungsi Jawatankuasa Audit bagi entiti utama dalam Kumpulan, termasuk RHB Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad. Bagi entiti lain dalam Kumpulan seperti RHB Insurance Berhad, RHB Asset Management Sdn Bhd, RHB Bank (Cambodia) Plc, RHB Securities (Cambodia) Plc dan RHB Bank Lao Sole Co., Ltd, masing-masing mempunyai Jawatankuasa Audit yang telah ditubuhkan sendiri.



¹ Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank Berhad (“SCR”) menyediakan nasihat yang objektif dan berwibawa kepada RHB Islamic Bank Berhad berhubung perkara-perkara Syariah berkaitan perniagaan dan operasi berlandaskan Islam bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah. Entiti lain dalam Kumpulan Perbankan RHB yang tidak mempunyai Jawatankuasa Syariah dalaman telah memberikan mandat kepada SCR untuk memberikan nasihat berkaitan Syariah, yang seterusnya tertakluk kepada tadbir urus Lembaga Pengarah masing-masing.

TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan keseluruhan dasar dan proses Kumpulan untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, memantau dan melaporkan risiko, serta memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman melalui tindakan pembetulan yang sesuai dan tepat pada masanya apabila diperlukan. Antara peranan utama bahagian Pengurusan adalah seperti berikut:

- Mengetahui dan menilai risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan serta pencapaian objektif dan strategi perniagaan;
- Merangka dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko selaras dengan strategi dan selera risiko Kumpulan, serta memantau keberkesannya; dan
- Melaporkan perubahan risiko, risiko yang muncul serta tindakan sewajarnya yang diambil untuk menangani risiko kepada pihak Lembaga secara tepat pada masanya.

Sehubungan itu, bahagian Pengurusan telah memberikan jaminan kepada pihak Lembaga bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalam Kumpulan beroperasi dengan baik dan berkesan, melalui proses yang sepatutnya untuk dilaksanakan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga bagi mengenal pasti, menilai dan mengukur, mengawal, memantau serta melaporkan risiko-risiko signifikan yang dihadapi oleh Kumpulan dalam mencapai objektif dan strategi perniagaan mereka. Rangka kerja ini akan memastikan wujudnya proses berterusan yang berkesan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko di seluruh Kumpulan, dan diperincikan dalam rajah berikut:



Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Lembaga Pengarah berada pada peringkat tertinggi dalam struktur tadbir urus risiko dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap strategi pengurusan risiko, selera risiko, rangka kerja, serta pengawasan aktiviti pengurusan risiko bagi Kumpulan dan entiti masing-masing.

Pada peringkat Kumpulan, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyelia pengurusan risiko merentasi semua entiti dan subsidiari secara bersepadu. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam menetapkan hala tuju strategik, membangunkan rangka kerja tadbir urus, serta menggalakkan amalan terbaik. Walau bagaimanapun, Kumpulan turut mengekalkan jawatankuasa khusus bagi setiap entiti untuk membolehkan perbincangan yang lebih tertumpu kepada isu-isu khusus entiti. Contohnya, BRC bagi RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad melapor terus kepada Lembaga masing-masing, serta menyediakan pengawasan dan membantu dalam menyemak falsafah, rangka kerja, dasar dan model pengurusan risiko Kumpulan, di samping menangani isu risiko yang relevan dan unik kepada perniagaan masing-masing.

Tanggungjawab bagi penyeliaan pengurusan risiko perusahaan harian dan perkara berkaitan modal telah diamanahkan kepada Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ("GCRC"), yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan. GCRC melaporkan kepada jawatankuasa Lembaga yang berkaitan serta Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan. Di samping itu, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perbankan Pelaburan bertanggungjawab menyelia perkara berkaitan pengurusan risiko bagi perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("Group ALCO") pula menyelia risiko pasaran, risiko kecairan, serta pengurusan kunci kira-kira.

Lembaga juga menyelia pembangunan, penyelenggaraan dan pelaksanaan Pelan Pemulihan Kumpulan. Proses perancangan pemulihan ini diintegrasikan dalam selera risiko keseluruhan, perancangan strategik dan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan.

Selera Risiko

Selera risiko Kumpulan ditakrifkan sebagai jumlah dan jenis risiko yang sanggup diterima oleh Kumpulan dalam usaha mencapai objektif strategik dan perniagaan. Ia merupakan komponen penting dalam rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan yang kukuh, didorong oleh kepimpinan Lembaga Pengarah secara atas ke bawah serta penglibatan pihak Pengurusan di semua peringkat secara bawah ke atas.

Sebaliknya, toleransi risiko merujuk kepada tahap variasi yang boleh diterima berbanding pencapaian objektif strategik dan perniagaan Kumpulan. Perkara ini diukur menggunakan unit yang sama dengan objektif berkaitan dan berfungsi untuk menterjemahkan selera risiko kepada metrik operasi yang boleh ditetapkan pada mana-mana peringkat dalam Kumpulan.

Pengurusan dan Lembaga secara berkala menyemak selera risiko dan toleransi risiko yang ditetapkan bagi memastikan keselarasan dengan strategi perniagaan dan persekitaran operasi semasa. Ini termasuk mengenal pasti dan menetapkan metrik selera risiko baharu bagi entiti perniagaan, menghapuskan metrik yang tidak lagi relevan dan mengemas kini ambang selera risiko agar selaras dengan strategi serta kedudukan risiko Kumpulan.

Antara risiko utama dalam perniagaan dan operasi yang diambil kira dalam semakan selera risiko termasuk risiko ketidakpatuhan peraturan, risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan, risiko operasi, risiko penipuan, risiko teknologi dan siber dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam 2025

Budaya Risiko dan Pematuhan

Budaya risiko dan pematuhan dipacu oleh nada kepimpinan yang kukuh daripada peringkat atasan. Polisi risiko dan pematuhan ditakrifkan dengan jelas, disampaikan secara berterusan serta diperkukuh di seluruh Kumpulan bagi membudayakan amalan yang mantap dalam mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko secara aktif.

Pengurusan risiko merupakan elemen teras dalam semua aspek perniagaan dan operasi Kumpulan serta menjadi tanggungjawab semua pekerja di seluruh Kumpulan. Selaras dengan keperluan kawal selia dan amalan terbaik industri, Kumpulan mengamalkan prinsip bahawa "Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua," justeru pengurusan risiko merupakan tanggungjawab utama bagi setiap perniagaan dan unit operasi. Prinsip ini telah dihuraikan dan didokumenkan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan.

Berpandukan prinsip tersebut, Kumpulan telah melaksanakan program Budaya dan Kesedaran Risiko secara berterusan yang merangkumi latihan serta kempen kesedaran pada seluruh Kumpulan bagi memupuk budaya risiko yang sihat. Budaya risiko yang kukuh dapat meminimumkan pendedahan Kumpulan terhadap risiko kewangan dan bukan kewangan, termasuk impak reputasi dalam jangka masa panjang.

Selain itu, Kumpulan telah melaksanakan program Pegawai Risiko dan Pematuhan Perniagaan/Pegawai Risiko Perniagaan/Pegawai Pematuhan Perniagaan ("BRCO"/"BRO"/"BCO") yang bertujuan untuk memupuk pengurusan risiko dan pematuhan yang proaktif serta membentuk budaya risiko yang teguh. Program BRCO/BRO/BCO ini melibatkan pelantikan pegawai-pegawai berkenaan pada setiap unit perniagaan dan fungsi yang bertindak sebagai penghubung utama bagi semua perkara berkaitan risiko dan pematuhan.

Kumpulan RHB telah memanfaatkan analitik tingkah laku dan cerapan sebagai pendekatan berbeza untuk membentuk tingkah laku budaya risiko yang diinginkan. Pada tahun 2025, Kumpulan telah mempertingkatkan lagi sokongan kepada BRCO/BRO/BCO melalui penguatkuasaan penerapan budaya risiko di peringkat Kumpulan, yang membolehkan akses yang hampir pada masa yang nyata kepada cerapan yang boleh diambil tindakan bagi mencegah dan memperbetulkan tingkah laku yang tidak diinginkan. Di samping itu, Kumpulan terus membangunkan model analitik tingkah laku berasaskan Pembelajaran Mesin yang mempunyai keupayaan untuk memberikan amaran awal bagi memperkukuh pengawasan barisan pertahanan kedua serta melengkapi kawalan sedia ada pada barisan pertahanan pertama. Inisiatif ini turut disokong oleh penyampaian mesej yang disasarkan melalui sesi latihan, kempen kesedaran, jayawara serta mesej daripada pihak tertinggi melalui ilustrasi grafik bagi membentuk tingkah laku budaya risiko yang diinginkan.

[Sila rujuk halaman anugerah di muka surat 12 bagi pengiktirafan berkaitan budaya risiko.](#)

Proses Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko merangkumi aktiviti mengenal pasti, menilai dan mengukur, mengawal, memantau serta melapor/menganalisis risiko. Proses ini memastikan pendedahan risiko diurus dengan sewajarnya dan pulangan yang dijangka adalah setimpal dengan tahap risiko yang diambil.

1. Pengenalpastian

Pengenalpastian dan analisis risiko sedia ada serta potensi merupakan proses berterusan bagi memudahkan pengenalpastian risiko secara proaktif dan tepat pada masanya dalam operasi perniagaan Kumpulan, termasuk risiko yang sedang muncul. Ini memastikan risiko dapat diurus dan dikawal dalam lingkungan selera risiko Kumpulan dan entiti tertentu, sekiranya perlu.

2. Penilaian dan Pengukuran

Risiko diukur, dinilai dan digabungkan menggunakan metodologi pengukuran risiko kualitatif dan kuantitatif yang komprehensif. Proses ini juga berfungsi sebagai alat penting dalam menilai kecukupan modal dan tahap kesolvenan.

3. Kawalan

Risiko yang dikenal pasti dalam proses pengenalpastian risiko hendaklah diurus dan dikurangkan dengan sewajarnya bagi mengawal potensi kerugian. Ini juga bagi memastikan pendedahan risiko kekal dalam had selera risiko Kumpulan atau entiti.

4. Pemantauan

Proses pemantauan yang berkesan memastikan Kumpulan sentiasa menyedari kedudukan pendedahan risikonya berbanding selera risiko yang diluluskan, serta memudahkan pengenalpastian awal terhadap potensi isu secara tepat pada masanya melalui pemantauan berterusan ke atas pendedahan risiko dan langkah kawalan/pengurangan risiko.

5. Analitik dan Pelaporan

Analisis dan laporan risiko disediakan oleh entiti masing-masing termasuk di peringkat gabungan dan perniagaan, dan dikemukakan secara berkala kepada Pengurusan Kanan serta Lembaga Pengarah entiti Kumpulan bagi memastikan risiko yang dikenal pasti kekal dalam had selera risiko yang ditetapkan serta menyokong proses pembuatan keputusan yang berinformasi. Pelaporan dan analitik juga terus dipertingkatkan bagi menyediakan kecerdasan risiko kepada pemegang taruh yang relevan dalam Kumpulan untuk memudahcara sesuatu keputusan dibuat dengan lebih baik dan berkesan.

Selain itu, pengurusan risiko turut memastikan bahawa keputusan berkaitan risiko selaras dengan objektif strategik perniagaan dan berada dalam lingkungan selera risiko yang ditetapkan.

- ➔ Pelaksanaan program BRCO/BRO/BCO adalah selaras dengan model "Tiga Barisan Pertahanan" yang diamalkan di peringkat global. Model ini memperjelaskan akauntabiliti pemilihan risiko di seluruh Kumpulan. Perincian model adalah seperti berikut:

Barisan Pertahanan Pertama

1 Tahap Perniagaan/Fungsi

- Bertanggungjawab mengurus risiko harian serta isu pematuhan.
- Pegawai Risiko dan Pematuhan Perniagaan/Pegawai Risiko Perniagaan/Pegawai Pematuhan Perniagaan atau yang setara membantu unit perniagaan/fungsi dalam mengurus risiko dan pematuhan harian.

Barisan Pertahanan Kedua

2 Pengurusan Risiko & Kredit Kumpulan serta Pematuhan Kumpulan

- Bertanggungjawab terhadap fungsi pengawasan, penetapan tadbir urus serta penyediaan sokongan kepada unit perniagaan/fungsi dalam hal-hal berkaitan risiko dan pematuhan.

Barisan Pertahanan Ketiga

3 Audit Kumpulan Dalaman

- Menyediakan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah bahawa fungsi pengurusan risiko dan pematuhan beroperasi dengan berkesan seperti yang direka bentuk.

DOKUMENTASI RISIKO

Kumpulan mengiktiraf bahawa pelaksanaan sistem dan proses pengurusan risiko yang berkesan mestilah disokong oleh set dokumentasi dan infrastruktur yang mantap. Sehubungan itu, Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja, dasar serta dokumen kawalan berkaitan bagi memastikan amalan dan proses yang jelas ditakrifkan dilaksanakan secara konsisten di seluruh Kumpulan. Dokumen-dokumen ini tertakluk kepada proses semakan yang menyeluruh bagi memastikan ia kekal relevan dan terkini.

INFRASTRUKTUR RISIKO

Kumpulan telah menyusun seluruh sumber dan bakatnya ke dalam fungsi pengurusan risiko khusus serta melabur dalam aspek teknologi, termasuk pengurusan data, bagi menyokong aktiviti pengurusan risiko Kumpulan. Para pekerja diberikan peranan dan tanggungjawab jelas, akses kepada maklumat risiko relevan dan terkini, serta peluang untuk meningkatkan kompetensi secara berterusan melalui program pembelajaran dan pembangunan.

Sistem dan peralatan risiko direka untuk menyediakan maklumat risiko mudah diakses bagi menyokong melengkapkan proses pengurusan risiko berkesan. Ketersediaan data untuk tujuan analitik dan pemantauan, serta penggunaan papan muka dan pelaporan, membantu dalam mempertingkatkan keupayaan pengurusan risiko secara berterusan. Laporan Pengurusan Risiko Kumpulan berkembang menjadi lebih berasaskan analitik, termasuk elemen kuantitatif dan kualitatif dengan unjuran berpandangan ke hadapan.

Pengurusan risiko yang berkesan memerlukan Kumpulan untuk sentiasa menyemak keupayaan pengurusan risikonya dalam mengurus risiko serta menambah baik amalan di seluruh peringkat Kumpulan. Sehubungan itu, Kumpulan telah melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi bagi mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan yang lebih tinggi.

Selaras dengan strategi PROGRESS27 Kumpulan, fungsi Pengurusan Risiko & Kredit Kumpulan telah membangunkan pelan strategik komprehensif selama tiga tahun bagi memperkukuh daya tahan, meningkatkan keanjalan, memenuhi jangkaan kawal selia, serta menyokong inisiatif pertumbuhan dan pengoptimuman kos RHB.

[Maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko boleh dirujuk dalam seksyen "Risiko Utama dan Langkah Mitigasi" dalam Laporan Bersepadu ini.](#)

PROSES UTAMA KAWALAN DALAMAN

Sistem kawalan dalaman Kumpulan direka untuk mengurus dan mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat dan objektif Kumpulan. Sistem ini merangkumi dasar, prosedur, proses, struktur organisasi serta aspek kawalan lain yang dilaksanakan bagi memastikan pencapaian objektif Kumpulan dari segi keberkesanan dan kecekapan operasi, kebolehpercayaan pelaporan kewangan serta pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan dasar dalaman.

Proses utama diwujudkan oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan tadbir urus dan pengawasan berkesan ke atas sistem kawalan dalaman termasuk:

Persekitaran Kawalan dan Aktiviti Kawalan

Struktur Organisasi

Kumpulan mempunyai struktur organisasi formal dengan garis akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas, termasuk had kuasa serta pelaporan. Struktur organisasi ini menyediakan rangka asas bagi memastikan perniagaan dan operasi Kumpulan berjalan lancar, di samping dapat menggambarkan skop kawalan yang diperlukan untuk pengawasan berkesan terhadap pelaksanaan aktiviti perniagaan harian serta akauntabiliti.

Pengurusan Kelestarian

Kumpulan telah mewujudkan struktur tadbir urus kelestarian kukuh bagi memastikan pengurusan risiko berkaitan kelestarian dan iklim dilaksanakan dengan berkesan, serta mengintegrasikan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") ke dalam operasi teras. Risiko ESG dan aspek berkaitan iklim tertakluk kepada kawalan dalaman, pemantauan serta proses jaminan, termasuk kawalan ke atas pelaporan dan pendedahan berkaitan kelestarian.

Usaha kelestarian dan berkaitan iklim dipandu oleh Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan yang menggariskan empat teras utama, iaitu Kewangan Mampan dan Bertanggungjawab, Komitmen Mencapai Pelepasan Bersih Sifar Menjelang 2050, Pembudayaan Amalan Baik dan Memperkasa dan Memperkaya Komuniti. Pendekatan ini memastikan konsistensi, ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan inisiatif kelestarian di seluruh Kumpulan.

Pengawasan oleh Lembaga Pengarah memastikan perkara berkaitan ESG diambil kira dalam perancangan strategik Kumpulan, selaras dengan objektif perniagaan dan jangkaan kawal selia. Jawatankuasa Kelestarian Lembaga ("BSC") turut membantu Lembaga dalam menyediakan pengawasan terhadap pengintegrasian pertimbangan kelestarian dan iklim ke dalam strategi serta proses membuat keputusan Kumpulan. Bagi memastikan pengurusan yang menyeluruh terhadap perkara berkaitan kelestarian dan iklim, BSC bekerjasama rapat dengan BRC, Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan Lembaga ("BNRC") serta BAC.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan ("GSC"), yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan, menerajui pelaksanaan strategik strategi kelestarian dan agenda iklim Kumpulan secara strategik. GSC melaporkan secara langsung kepada BSC setiap suku tahun.

Bagi menyokong GSC dalam mengintegrasikan pertimbangan kelestarian ke dalam aktiviti perniagaan, Majlis Perniagaan Lestari ("SBC") telah ditubuhkan dan terdiri daripada pimpinan kanan daripada semua Kumpulan Perniagaan Strategik ("SBG"). SBC memberi tumpuan kepada pemacuan inovasi produk serta pertumbuhan dalam perkhidmatan kewangan lestari. Selain itu, pengintegrasian pertimbangan kelestarian ke dalam operasi dan rantaian bekalan Kumpulan dipacu oleh SBG dan Kumpulan Fungsi Strategik ("SFG"). Ini merangkumi pengurusan bidang seperti etika dan integriti, penjagaan alam sekitar, pengurusan tenaga kerja dan tempat kerja, serta rantaian bekalan lestari. Kemajuan dalam bidang ini dipantau oleh GSC dan BSC.

Pada tahun 2025, RHB telah menubuhkan fungsi Kelestarian Kumpulan sebagai satu tonggak yang tersendiri dalam Kumpulan, dengan menggabungkan fungsi Kewangan Lestari Kumpulan serta Pengurusan Strategik dan Tadbir Urus Kelestarian Kumpulan. Penambahbaikan ini menegaskan komitmen Kumpulan dalam memacu pertumbuhan perniagaan lestari serta mengintegrasikan pertimbangan ESG dalam semua aktiviti dan operasi perniagaan.

Dalam mengurus risiko berkaitan kelestarian dan iklim, Kumpulan berpandukan rangka kerja, dasar dan garis panduan yang selaras dengan keperluan kawal selia. Ini termasuk Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan, Pendirian Kumpulan terhadap Arang Batu, Dasar "Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut dan Tiada Eksploitasi" ("NDPE"), serta senarai Kredit Larangan dalam Dasar Kredit Kumpulan. Selain itu, Rangka Kerja dan Garis Panduan Kewangan Lestari dan Peralihan Kumpulan akan berkuat kuasa bermula Tahun Kewangan 2026. RHB juga telah menetapkan pelan tindakan komprehensif bagi memastikan pematuhan terhadap Piawaian Pendedahan Kelestarian Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), seperti yang diwajibkan oleh Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Nasional, menjelang tahun 2027.

[Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Laporan Kelestarian RHB 2025.](#)

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam 2025

Persekitaran Kawalan dan Aktiviti Kawalan (Samb.)

Dasar dan Garis Panduan

Dasar, garis panduan dan proses yang mengawal selia perniagaan serta operasi Kumpulan didokumen dan disebarluaskan kepada seluruh pekerja melalui portal intranet Kumpulan bagi memudahkan rujukan dan pematuan. Dokumen-dokumen ini disemak dan dikemas kini secara berkala oleh unit perniagaan dan fungsi melalui proses semakan dan kelulusan yang berstruktur bagi menyesuaikan diri dengan perubahan undang-undang, peraturan serta persekitaran perniagaan dan operasi.

Had Kuasa

Lembaga Pengarah telah meluluskan Manual Had Kuasa Kumpulan ("MOA") yang mentakrifkan pihak berkuasa yang boleh memberikan kelulusan berserta had kelulusan bagi pelbagai peringkat Pengurusan dalam Kumpulan. Sehubungan itu, pihak Pengurusan diberi kuasa untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing serta bertanggungjawab ke atas keputusan dan tindakan yang diambil. MOA disemak secara berkala dan dikemas kini selaras dengan perubahan dalam struktur organisasi, persekitaran perniagaan atau keperluan operasi.

Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber

Kumpulan menganggap Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber sebagai bidang berkeutamaan tinggi bagi memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan aset maklumat serta infrastruktur teknologi maklumat ("IT") Kumpulan, selaras dengan pelaksanaan strategi Kumpulan. Bidang ini berada di bawah pengawasan Jawatankuasa Risiko Lembaga ("BRC"), dan selaras dengan keperluan RMIIT, komposisi Lembaga merangkumi sekurang-kurangnya seorang ahli yang mempunyai pengalaman dan kompetensi dalam bidang teknologi.

Keselamatan IT dalam Kumpulan dilaksanakan melalui pendekatan kawalan berasaskan risiko yang merangkumi aspek modal insan, proses dan teknologi. Rangka kerja, dasar, garis panduan dan prosedur Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber telah diwujudkan dengan kukuh serta disokong oleh struktur organisasi yang sesuai dan sumber yang kompeten. Pendekatan strategi pertahanan berlapis telah digunakan, di mana pelbagai lapisan kawalan Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber dilaksanakan merentasi keseluruhan infrastruktur dan sistem IT. Sama penting dengan kawalan teknologi dan proses ialah program berterusan yang dijalankan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja di semua peringkat, termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan penyedia perkhidmatan teknologi pihak ketiga.

Seiring dengan peningkatan ancaman siber di peringkat global dan tempatan, Kumpulan telah mewujudkan Garis Panduan Tindak Balas Insiden Siber bagi memastikan proses pemantauan yang tersusun dan tindak balas yang pantas terhadap ancaman serta insiden siber. Inisiatif ini dilaksanakan melalui Pusat Operasi Keselamatan dan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Siber yang terdiri daripada kumpulan profesional dalam bidang keselamatan siber yang berkelayakan serta dilengkapi dengan penyelesaian terkemuka dalam pasaran. Ujian berkala turut dijalankan bagi memastikan kesiapsiagaan sumber manusia serta keteguhan proses dan penyelesaian.

Bagi memperkukuh bahagian pengurusan keselamatan maklumat, Kumpulan telah memperoleh pensijilan ISO/IEC 27001:2022 serta pensijilan Persatuan Industri Telekomunikasi ("TIA")-942-B, di samping mematuhi pelbagai keperluan kawal selia untuk mengurus risiko teknologi maklumat secara menyeluruh.

Selain itu, peningkatan pesat dalam pendigitalan, penggunaan pengkomputeran awan dan Kecerdasan Buatan ("AI") telah meningkatkan risiko terhadap sistem pengkomputeran tradisional yang terdapat dalam premis. Bagi menangani risiko ini, Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan pelbagai dimensi, antaranya:

- Pelaksanaan penyelesaian digital dengan peningkatan pelaburan dalam infrastruktur keselamatan serta pengambilan tenaga kerja mahir dalam system keselamatan awan dan penipuan digital.
- Penilaian risiko teknologi dan awan yang komprehensif bagi menilai kepentingan dan tahap kesiapsiagaan penggunaan awan merangkumi seni bina, antara muka, kerahsiaan dan lebihan sistem.
- Penubuhan tadbir urus yang kukuh dalam pengurusan pelaksanaan digital, termasuk semakan keselamatan bebas oleh pihak ketiga serta pengenalan dasar bagi memperkukuh kawalan keselamatan.
- Penilaian berterusan terhadap tahap keselamatan siber pihak ketiga serta langganan perkhidmatan risikan ancaman bagi meningkatkan keterlihatan terhadap landskap ancaman semasa.
- Penguatkuasaan amalan pengekodan selamat yang mengambil kira aspek keselamatan dalam pembangunan perisian bagi melindungi daripada serangan atau kerentanan siber.
- Pembangunan rangka kerja, dasar dan garis panduan bagi teknologi baharu seperti AI untuk memastikan tadbir urus serta penggunaan yang bertanggungjawab dan beretika.
- Pembangunan pelan hala tuju keselamatan IT tiga tahun (2025–2027) bagi memperkukuh kedudukan keselamatan IT/siber, memenuhi keperluan pematuan kawal selia serta memastikan infrastruktur IT yang berdaya tahan melalui penambahbaikan berterusan dalam pencegahan serta penggunaan kecerdasan dan automasi dalam pengesanan dan tindak balas.

Proses Belanjawan

Kumpulan mempunyai proses belanjawan yang kukuh, yang memerlukan semua entiti operasi utama dalam Kumpulan menyediakan belanjawan dan pelan perniagaan setiap tahun untuk kelulusan Lembaga masing-masing. Belanjawan, pelan perniagaan serta inisiatif strategik – dengan mengambil kira selera risiko yang ditetapkan – akan melalui sesi perbincangan dan cabaran bersama pihak Pengurusan sebelum dibentangkan kepada Lembaga untuk pertimbangan.

Pengurusan Modal Insan

Modal insan merupakan komponen penting dalam persekitaran kawalan dalaman Kumpulan, memandangkan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman bergantung kepada integriti, kompetensi dan pertimbangan profesional pekerja. Sehubungan itu, Kumpulan telah menetapkan dasar dan prosedur yang mengawal aspek pengambilan, pelantikan, pengurusan prestasi, ganjaran, pengurusan bakat, tindakan tatatertib dan, sekiranya perlu, penamatan perkhidmatan.

Kumpulan membangunkan modal insan selaras dengan strategi Kecemerlangan Progresif: Memperkasa Modal Insan untuk Pertumbuhan Masa Hadapan. Sumber Manusia Kumpulan ("GHR") memacu empat keutamaan strategik, iaitu **Kerja Bermakna, Tenaga Kerja Dinamik, Persekitaran Kerja Sejahtera** dan **Asas Kukuh** bagi memastikan kesiapsiagaan serta daya tahan organisasi.

• Kerja Bermakna

Kumpulan memperkukuh keberkesanan organisasi dengan mengoptimalkan kapasiti dan konfigurasi tenaga kerja, menambah baik komposisi tenaga kerja serta melaksanakan model tenaga kerja yang fleksibel. Proses membuat keputusan berasaskan data disokong melalui penggunaan analitik tenaga kerja yang dipertingkatkan serta cerapan berasaskan AI bagi memastikan penempatan tenaga kerja kekal cekap dan selaras dengan keperluan perniagaan.

Persekitaran Kawalan dan Aktiviti Kawalan (Samb.)

● Tenaga Kerja Dinamik

Bagi membangunkan tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan, Kumpulan turut melabur dalam pembangunan kemahiran melalui program peningkatan kemahiran teknikal dan kemahiran masa hadapan, rangka kerja kompetensi berstruktur serta inisiatif pembangunan kepimpinan. Pengurusan bakat juga diperkukuh melalui Pelan Pembangunan Individu, perancangan penggantian, bimbingan serta mobiliti merentas fungsi bagi memastikan kesinambungan kepimpinan yang kukuh dan pelbagai.

● Persekitaran Kerja Sejahtera

Kumpulan terus memupuk persekitaran kerja yang selamat, inklusif dan kondusif. Antara usaha utama termasuk inisiatif penjenamaan majikan, penglibatan pekerja melalui pelbagai saluran, program kesejahteraan dan sokongan serta inisiatif Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman ("DEI"), bertujuan memperkukuh pengalaman pekerja serta kadar pengekalan tenaga kerja. Dasar berkaitan turut disemak secara berkala bagi memastikan kesesuaian dengan keperluan tenaga kerja yang sentiasa berubah.

● Asas Kukuh

Bagi memastikan menegakkan tadbir urus dan pematuhan mantap, Kumpulan melaksanakan program pembelajaran mandatori – disampaikan secara fizikal dan digital – bagi memenuhi keperluan kawal selia serta meningkatkan kompetensi pekerja dalam bidang seperti pengurusan risiko, tatakelakuan, pengalaman pelanggan dan kecemerlangan operasi. Senarai program mandatori disemak setiap tahun bagi memastikan keselarasan dengan keperluan kawal selia dan keutamaan perniagaan.

Kod Etika dan Tatakelakuan Kumpulan

Kod Etika dan Tatakelakuan Kumpulan ("Kod") diwujudkan bagi memastikan standard etika dan profesionalisme tinggi diamalkan oleh semua pekerja dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Semua pekerja dikehendaki memahami dan mematuhi Kod tersebut. Pekerja baharu akan diberikan taklimat mengenai Kod dan dikehendaki menandatangani Borang Pengisytiharan Pematuhan Pekerja semasa menyertai Kumpulan.

Garis Panduan Hadiah dan Hospitaliti Kumpulan

Kumpulan telah mewujudkan Garis Panduan Hadiah dan Hospitaliti bagi mempromosikan integriti dan ketelusan dalam pemberian dan penerimaan hadiah, serta memastikan aktiviti hospitaliti perniagaan dijalankan secara beretika. Garis panduan ini, yang melengkapi Kod dan telah dikemas kini pada tahun 2025, bertujuan membantu Kumpulan dan pekerjanya memahami tanggungjawab masing-masing dalam menegakkan integriti korporat dan ketelusan dalam urusan pemberian hadiah.

Dasar Anti-Rasuah dan Sogokan Kumpulan

Kumpulan kekal teguh dengan pendirian toleransi sifar terhadap rasuah dan sogokan, prinsip yang berakar kukuh dalam nilai teras bersama RHB. Komitmen ini diperkukuh melalui pematuhan ketat terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta semua undang-undang dan peraturan berkaitan yang berkuat kuasa. Bagi menegakkan komitmen ini, Kumpulan telah menetapkan Dasar Anti-Rasuah dan Sogokan Kumpulan yang menggariskan piawaian minimum serta prinsip

panduan bagi melindungi operasi perniagaan dan membantu pekerja mengekalkan integriti korporat serta melindungi reputasi Kumpulan.

Inisiatif dan sasaran utama di bawah Pelan Anti-Rasuah Organisasi Kumpulan (2022-2026) dipantau dan disemak secara berterusan bagi menangani potensi kelemahan dalam kawalan dalaman serta menyokong penambahbaikan berterusan. Dasar dan garis panduan berkaitan juga dikemas kini secara berkala bagi mengelakkan kelemahan operasi atau ketidakpatuhan.

Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram, Dasar Pembanterasan Pembiayaan Keganasan dan Pembanterasan Pembiayaan Percambahan Senjata Kumpulan

Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram, Pembanterasan Pembiayaan Keganasan dan Pembanterasan Pembiayaan Percambahan Senjata Kumpulan ("AML/CFT/CPF") Kumpulan telah disemak dan dikemas kini pada tahun 2025 selaras dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 serta dasar Anti-Pengubahan Wang Haram, Pembanterasan Pembiayaan Keganasan, Pembanterasan Pembiayaan Percambahan Senjata dan Sekatan Kewangan Bersasar bagi Institusi Kewangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"). Dasar ini menetapkan piawaian peringkat tinggi bagi membangunkan rangka kerja pematuhan AML/CFT/CPF yang lebih kukuh dan mantap dalam Kumpulan, memastikan konsistensi dalam pengurusan risiko pematuhan AML/CFT/CPF serta menetapkan prinsip umum dan langkah utama yang dipatuhi oleh Kumpulan.

Selaras dengan dasar tersebut, entiti dan/atau pekerja dalam Kumpulan dikehendaki mengguna pakai Pendekatan Berasaskan Risiko ("RBA") dalam penerimaan pelanggan serta melaksanakan rangka kerja Program Pematuhan AML/CFT/CPF. Pendekatan ini merangkumi penilaian keperluan usaha wajar pelanggan ("CDD"), pemantauan aktiviti atau transaksi pelanggan, pelaporan transaksi mencurigakan, penyimpanan rekod, latihan AML/CFT/CPF, perlindungan maklumat pelanggan serta tindakan penguatkuasaan terhadap ketidakpatuhan.

Dasar ini turut memperincikan peranan dan tanggungjawab Lembaga dalam menetapkan dasar dan garis panduan AML/CFT/CPF, serta memastikan Pengurusan Kanan bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pengurusan program pematuhan tersebut selaras dengan kelulusan Lembaga. Perkara ini juga menjelaskan tanggungjawab Pengurusan Kanan, Audit Dalaman Kumpulan dan Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan.

Kumpulan turut mewujudkan Dasar Sekatan Kumpulan serta mengemas kini Garis Panduan Sekatan Kumpulan pada tahun 2025 agar lebih ketat, sekali gus menunjukkan komitmen tinggi dalam menangani risiko AML/CFT/CPF serta memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan berkaitan sekatan kewangan yang terpakai. Sekatan dan larangan dalam dasar tersebut telah dipertingkatkan bagi mengurangkan risiko pelanggaran sekatan serta mengekalkan pendekatan toleransi sifar terhadap sebarang ketidakpatuhan.

Pelbagai inisiatif AML yang dilaksanakan oleh Kumpulan adalah didorong oleh komitmen berterusan untuk mematuhi semua sekatan, undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam 2025

Persekitaran Kawalan dan Aktiviti Kawalan (Samb.)

Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan

Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan memastikan tingkah laku organisasi yang konsisten melalui pembangunan, pelaksanaan dan semakan berkala bagi strategi pencegahan, pengesanan serta tindak balas terhadap penipuan. Dasar ini menggariskan prinsip tadbir urus teras dalam pengurusan risiko penipuan di seluruh Kumpulan, termasuk kepimpinan dan budaya beretika, kesedaran serta pencegahan penipuan, kawalan dan pengesanan penipuan, pelaporan serta eskalasi penipuan, dan tindak balas penipuan dengan tindakan pembetulan yang bersesuaian. Dasar ini juga memperincikan peranan dan tanggungjawab Lembaga, Pengurusan Kanan serta pemegang taruh lain dalam pengurusan risiko penipuan.

Kumpulan berusaha membanteras penipuan melalui keupayaan pemantauan dan pengesanan berterusan sepanjang masa, selaras dengan jangkaan BNM terhadap pengurusan risiko yang proaktif.

Kumpulan terus melaksanakan langkah pencegahan penipuan yang ditetapkan oleh BNM termasuk langkah pencegahan penipuan yang dipertingkatkan. Sebagai sebahagian daripada inisiatif tersebut, Kumpulan telah memulakan proses penamatan penggunaan versi sistem operasi mudah alih ("OS") yang tidak lagi disokong. Kumpulan juga bekerjasama dengan pihak industri bagi menetapkan piawaian minimum untuk platform OS mudah alih yang selamat dan terkini.

Selain itu, dengan memanfaatkan analitik data lanjutan dan risikan penipuan, Kumpulan menggunakan profil risiko penipuan yang komprehensif bagi mengenal pasti segmen pelanggan yang mempunyai kerentanan tinggi terhadap penipuan, sekali gus memperkukuh keberkesanan pengesanan.

Kumpulan kekal komited untuk menambah baik proses secara berterusan bagi menangani kelemahan baharu dengan segera serta memastikan pelaksanaan pelan tindakan yang bersesuaian, selaras dengan amalan tadbir urus dan akauntabiliti yang baik.

Langkah pencegahan risiko penipuan Kumpulan merangkumi peningkatan kesedaran dalam kalangan pekerja, pelanggan dan orang awam mengenai penipuan dan scam:

- (i) Dalam kalangan pekerja, Kumpulan memupuk budaya kewaspadaan dalam mengendalikan dan membanteras penipuan serta mencegah kejadian daripada berulang.
 - Menyediakan alat, infrastruktur dan program latihan yang komprehensif bagi memastikan risiko penipuan dikenal pasti, dilaporkan dan diurus secara tegas serta tepat pada masanya.
 - Menguatkuasakan dasar toleransi sifar terhadap penipuan merentasi tiga barisan pertahanan Kumpulan, termasuk tindakan tatatertib tegas terhadap pekerja yang terlibat.
- (ii) Di peringkat industri dan awam, Kumpulan juga terlibat secara aktif dalam usaha seluruh industri untuk membanteras penipuan, khususnya melibatkan perbankan dalam talian.
 - Penerbitan amaran terhadap penipuan dan makluman scam secara berkala bagi meningkatkan kesedaran mengenai penipuan dan scam, yang disiarkan melalui saluran komunikasi pelanggan, laman sesawang Bank dan platform media sosial.

- Kerjasama dengan Persatuan Bank-Bank Malaysia ("ABM") dan Kementerian Pendidikan Tinggi ("MOHE") dalam menganjurkan program kesedaran, ceramah dan kempen berkaitan penipuan di universiti, syarikat swasta dan kepada orang awam.

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Kumpulan mengiktiraf dan komited sepenuhnya terhadap keperluan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kritikal tanpa gangguan kepada pelanggan, menjamin keselamatan pekerja, melindungi aset termasuk data, serta menjaga kepentingan para pemegang taruh utama bagi memastikan kelangsungan organisasi. Sehubungan itu, Kumpulan turut menekankan kepentingan Rangka Kerja dan Program Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ("BCM") yang mantap bagi membina daya tahan operasi serta mewujudkan mekanisme tindak balas dan pemulihan yang berkesan. Program BCM Kumpulan adalah berasaskan amalan terbaik dalam kesinambungan perniagaan dan daya tahan operasi, selaras dengan garis panduan BNM serta piawaian antarabangsa.

Lembaga Pengarah menjalankan fungsi pengawasan terhadap tahap kesiapsiagaan BCM melalui Jawatankuasa Risiko Lembaga ("BRC") dan Jawatankuasa Risiko & Kredit Kumpulan ("GCRC"). Jawatankuasa Kesenambungan Perniagaan Kumpulan ditubuhkan di peringkat pengurusan untuk menyelia rangka kerja, dasar, belanjawan dan pelan BCM, serta melaporkan kepada GCRC.

Program BCM yang mantap juga telah dilaksanakan bagi memastikan pemulihan fungsi perniagaan kritikal dapat dilakukan dengan segera sekiranya berlaku gangguan. Semakan, penilaian, pengemaskinian dan ujian pelan BCM dijalankan secara berkala bagi memastikan kecukupan, keberkesanan dan tahap kesiapsiagaan pemulihan operasi. Latihan simulasi dan latihan praktikal turut dilaksanakan bagi melengkapkan pekerja dengan kemahiran dan proses yang diperlukan untuk memastikan kesinambungan operasi dalam situasi gangguan.

Berdasarkan pengajaran daripada pandemik COVID-19, pihak Pengurusan telah melaksanakan langkah proaktif dan pencegahan bagi mengurus risiko penularan wabak. Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan penting, strategi Pelan Kesenambungan Perniagaan ("BCP") untuk pandemik telah diperkenalkan, termasuk pelaksanaan strategi operasi berpecah, pengaturan kerja dari rumah, penggunaan platform digital bagi mengadakan mesyuarat serta saluran komunikasi bagi menyampaikan makluman dan kemas kini berkaitan prosedur operasi standard ("SOP") kepada semua pekerja.

Kumpulan turut memperkenalkan inisiatif baharu untuk memperkukuh program BCM dan proses pengurusan krisis bagi mempercepatkan tindak balas terhadap krisis serta meminimumkan impak gangguan. Skop ujian Pelan Kesenambungan Perniagaan/Pelan Pemulihan Bencana ("DRP") telah diperluaskan untuk merangkumi pelbagai senario. Selain itu, Kumpulan telah berjaya melaksanakan ujian Pemulihan Bencana Sistem Perbankan Teras pada hari bekerja bagi memastikan keupayaan dan kelestarian sistem pemulihan dalam menyokong jumlah operasi semasa gangguan berpanjangan. Pada tahun 2025, Kumpulan telah melaksanakan Latihan Simulasi Krisis secara dalaman dengan kerjasama perunding pihak ketiga. Selain itu, Kumpulan turut mengambil bahagian dalam Latihan Simulasi Siber Tahunan yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 8 Mei 2025 bersama entiti pasaran modal yang lain.

Persekitaran Kawalan dan Aktiviti Kawalan (Samb.)

Dalam persekitaran kewangan yang dinamik masa kini, institusi perbankan berdepan dengan cabaran yang semakin meningkat dalam mengurus risiko penyumberan luar serta memastikan kestabilan perkhidmatan perniagaan kritikal. Strategi Daya Tahan Operasi dan Risiko Pihak Ketiga 2025 bertujuan memperkukuh daya tahan operasi Kumpulan. Kumpulan sedang memperhalusi strateginya dengan mengenal pasti Perkhidmatan Perniagaan Kritikal ("CBS") yang penting untuk kelangsungan operasi, kepercayaan pelanggan dan pematuhan kawal selia. Ini termasuk penetapan ambang toleransi impak, pemetaan kebergantungan hujung ke hujung (meliputi sumber manusia, proses, teknologi dan pihak ketiga), serta pengintegrasian perancangan kontingensi berstruktur bagi menangani gangguan daripada insiden jangka pendek hingga krisis berpanjangan. Pengurusan risiko pembekal yang ketat, pemantauan berterusan serta kesiapsiagaan krisis di seluruh organisasi turut memperkukuh keupayaan Kumpulan dalam mengurangkan gangguan operasi secara berkesan.

Daya tahan operasi kekal diletakkan sebagai perkara utama bagi memastikan perkhidmatan kewangan dapat disampaikan secara berterusan, mengekalkan keadaan pasaran yang teratur serta memelihara keyakinan awam. Kumpulan terus mempertingkatkan reka bentuk senario yang teruk tetapi munasabah, melaksanakan latihan simulasi krisis yang disasarkan, serta memperkukuh rangka kerja kesinambungan perniagaan bagi menangani risiko yang sentiasa berkembang, termasuk kebergantungan pihak ketiga dan ancaman keselamatan siber. Strategi komunikasi dalaman dan luaran yang mantap

turut dilaksanakan bagi menyelaras tindak balas, mengurus risiko reputasi serta memulihkan keyakinan semasa berlakunya gangguan. Melalui pendekatan yang berdisiplin dan proaktif, Kumpulan kekal komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kewangan yang berdaya tahan dalam landskap risiko yang semakin kompleks.

Kumpulan berusaha untuk terus mempertingkatkan rangka kerja BCM melalui tahap kematangan, selaras dengan konsep daya tahan operasi, termasuk:

- (i) Keupayaan untuk menahan, pulih dan menyesuaikan diri terhadap insiden yang boleh menyebabkan kemudaratan, kemusnahan atau kehilangan keupayaan operasi; dan
- (ii) Penekanan terhadap hasil, bagi memastikan kesinambungan perniagaan dalam situasi mencabar.

Pelan Pemulihan

Selaras dengan keperluan BNM, Kumpulan telah mewujudkan Pelan Pemulihan ("RCP") yang menggariskan rangka kerja tadbir urus, petunjuk pemulihan, pilihan pemulihan, analisis senario serta elemen utama lain yang diperlukan untuk mengenal pasti dan mengurus gangguan yang berpotensi terhadap kekuatan kewangan, kecairan dan operasi Kumpulan secara tepat pada masanya. Pelan ini tertakluk kepada semakan berkala bagi memastikan kerelevanan dan keberkesanan yang berterusan.

Informasi dan Komunikasi

Ulasan Prestasi

Maklumat yang berkala dan komprehensif disediakan oleh pihak Pengurusan bagi memantau prestasi berbanding pelan perniagaan strategik serta belanjawan tahunan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Maklumat ini merangkumi semua petunjuk utama kewangan dan operasi, serta inisiatif strategik utama yang dilaksanakan oleh Kumpulan sepanjang tahun kewangan yang dikaji.


Lembaga Pengarah dan GMC menerima serta meneliti laporan kewangan berkaitan prestasi bulanan dan suku tahunan Kumpulan berbanding sasaran yang diluluskan, termasuk penjelasan mengenai sebarang varians ketara serta langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran tersebut.

Ketua-ketua perniagaan teras dan fungsi dalam Kumpulan turut membentangkan laporan pengurusan masing-masing kepada GMC dalam mesyuarat bulanan, meliputi aspek seperti prestasi kewangan, hasil aktiviti utama serta cadangan perniagaan atau proses baharu untuk makluman dan pertimbangan GMC.

Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan

Kumpulan komited untuk menyediakan saluran yang selamat dan sulit kepada pekerja bagi melaporkan kebimbangan tanpa rasa takut terhadap sebarang bentuk tindakan balas. Sejajar dengan komitmen ini, Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan ("GWBP") telah diperkenalkan pada tahun 2007 dan kali terakhir telah dikemas kini pada tahun 2025 bagi memastikan keselarasan dengan keperluan kawal selia dan tadbir urus.

GWBP ini disediakan kepada semua pekerja di semua wilayah operasi RHB dan pendedahan boleh dibuat dalam apa jua bahasa. Dasar ini menetapkan mekanisme yang jelas serta piawaian minimum yang perlu dipatuhi secara konsisten oleh semua entiti dalam Kumpulan dalam menangani pendedahan berkaitan tindakan meragukan atau salah laku yang berpotensi dilakukan oleh mana-mana kakitangan Kumpulan atau rakan niaga. Dasar ini turut menetapkan speakup@rhbgroup.com sebagai saluran utama pemberi maklumat Kumpulan bagi membolehkan pelaporan sulit dibuat dengan niat baik. Saluran pelaporan alternatif lain turut diperincikan dalam dasar tersebut.

 *Perincian lanjut mengenai GWBP boleh didapati di bawah Amalan 3.2 dalam Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank 2025 di laman sesawang rasmi Kumpulan www.rhbgroup.com.*

Pelaporan Pengurusan Insiden

Bagi melengkapi pemantauan kawalan dalaman Kumpulan, satu garis panduan pelaporan pengurusan insiden yang komprehensif telah dilaksanakan untuk memastikan eskalasi dan pengurusan insiden dilakukan dengan sewajarnya mengikut tahap keparahan. Proses pelaporan pengurusan insiden yang diwujudkan memastikan semua insiden yang melibatkan risiko material dan kerugian dilaporkan dengan segera kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah dalam tempoh masa yang ditetapkan, di samping langkah-langkah mitigasi yang sewajarnya diambil. Pemantauan berkala serta kemas kini kemajuan insiden sehingga penyelesaian membolehkan pihak pembuat keputusan membuat keputusan berasaskan maklumat, sentiasa mengikuti perkembangan semasa, serta mengurus risiko dengan lebih berkesan.


Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam 2025

Pemantauan

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga bagi menyokong fungsi pengawasan. Jawatankuasa tersebut merangkumi BAC RHB Bank, BAC RHB Insurance, BAC RHB Asset Management, BRC RHB Bank, Jawatankuasa Risiko Lembaga RHB Investment Bank ("IBBRC"), Jawatankuasa Risiko Lembaga RHB Islamic ("BRC-i"), Jawatankuasa Risiko Lembaga RHB Insurance ("Insurance BRC"), Jawatankuasa Kredit Lembaga, Jawatankuasa Kelestarian Lembaga ("BSC") serta Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan Lembaga.

Jawatankuasa ini diberi mandat khusus untuk meneliti dan mempertimbangkan semua perkara dalam skop tanggungjawab masing-masing seperti yang ditetapkan dalam Terma Rujukan ("ToR") mereka.

 Tanggungjawab terperinci Jawatankuasa Lembaga ini dinyatakan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad 2025, Piagam Lembaga serta ToR masing-masing di laman sesawang rasmi Kumpulan www.rhbgroup.com

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

GMC terdiri daripada Pengarah Urusan Kumpulan sebagai Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan anak syarikat operasi utama serta barisan Pengurusan Kanan Kumpulan. GMC menyediakan kepimpinan dan hala tuju dalam pelaksanaan strategi dan dasar yang diluluskan oleh Lembaga, serta bermesyuarat secara bulanan untuk membincangkan dan mempertimbangkan perkara strategik yang memberi kesan kepada operasi Kumpulan.

Jawatankuasa Audit Pengurusan

Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") telah ditubuhkan pada setiap entiti operasi utama Kumpulan bagi memastikan tindakan pembedahan terhadap dapatan audit serta punca asas yang dikenal pasti oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak pengawal selia dilaksanakan dengan segera. Status pelaksanaan tindakan pembedahan bagi semua dapatan audit serta pelan mitigasi yang berkaitan dipantau secara rapi oleh MAC dalam setiap mesyuarat.

MAC yang terdiri daripada wakil kanan bagi pelbagai kumpulan perniagaan dan fungsi dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan/Pengarah Urusan entiti berkenaan. Mesyuarat MAC diadakan secara bulanan atau suku tahunan, dan minit mesyuarat bersama laporan audit berkaitan akan dibentangkan kepada BAC untuk makluman, pertimbangan serta arahan lanjut, sekiranya perlu.

Pematuhan Kumpulan

Pematuhan Kumpulan menyokong Kumpulan dalam semua perkara berkaitan kawal selia dan pematuhan dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kumpulan komited untuk mengekalkan standard tertinggi dalam tatakelakuan perniagaan dan etika melalui penetapan dasar, prosedur, proses dan sistem yang komprehensif bagi memastikan kejujuran, ketelusan dan integriti, di samping melindungi reputasi serta kepentingan pemegang saham, pelanggan dan pekerja.

Pematuhan Kumpulan melaksanakan pelbagai inisiatif berterusan bagi membina "budaya pematuhan" yang kukuh dalam operasi hari ke hari dengan mengurus risiko secara berkesan serta memastikan pematuhan terhadap keperluan kawal selia. Dalam tahun kewangan yang dikaji, Kumpulan telah melaksanakan kira-kira 228 program budaya pematuhan serta menerbitkan pelbagai bahan pembelajaran bagi memperkukuh budaya pematuhan dalam organisasi. Pada 17 hingga 19 November 2025, Pematuhan Kumpulan telah menganjurkan program Kompas Pematuhan 2025 bertemakan Menavigasi Ke Arah Pematuhan. Program ini memperkukuh kesedaran pematuhan sebagai tanggungjawab bersama

dalam organisasi dan menerima penyertaan yang menggalakkan daripada pekerja RHB secara fizikal dan maya. Para peserta turut memperoleh cerapan praktikal berkaitan risiko pematuhan utama serta amalan terbaik industri melalui sesi ceramah, pameran dan aktiviti interaktif. Acara ini turut menghimpunkan pihak pengawal selia, agensi penguatkuasaan dan rakan pembelajaran, sekali gus memupuk kerjasama serta pembelajaran berimpak tinggi di seluruh Kumpulan.

Kumpulan terus mempergiat usaha memantau dan mengurus cabaran risiko pematuhan serta memupuk pemahaman bahawa pematuhan merupakan tanggungjawab bersama di semua peringkat pekerja. Kira-kira 301 semakan pematuhan telah dilaksanakan di seluruh Kumpulan, memberikan cerapan terhadap potensi risiko kawal selia serta menyokong penambahbaikan proses perniagaan.

Di bawah Program Peningkatan Keupayaan AML/CFT/CPF RHB ("RACE"), Pematuhan Kumpulan telah melengkapkan fasa penilaian jurang bagi semua cawangan dan anak syarikat serantau. Antara kemajuan yang dicapai termasuk:

- Penambahbaikan proses tadbir urus bagi perkara AML/CFT melalui pemanfaatan Jawatankuasa AML Kumpulan sebagai platform nasihat;
- Pelaksanaan kempen kesedaran AML;
- Penambahbaikan analisis keperluan pembelajaran serta pelaksanaan latihan AML/CFT;
- Pelaksanaan model penarafan risiko produk AML;
- Penambahbaikan proses dan piawai pemantauan transaksi secara menyeluruh;
- Pelaksanaan keupayaan sistem AML Kumpulan sepenuhnya di RHB Bank Lao Sole Co., Ltd;
- Pelaksanaan saringan pembayaran komprehensif melalui hab SWIFT SAA bagi RHB Bank Cambodia dan RHB Bank Lao Sole Co., Ltd, serta dalam pelaksanaan bagi RHB Bank Brunei;
- Penambahbaikan kawalan dan saringan bagi Pembiayaan Perdagangan; dan
- Pelaksanaan Kenyataan Selera Risiko ("RAS") AML/CFT serta penambahbaikan pelaporan risiko AML/CFT.

Selain itu, Kumpulan turut memperkukuh keupayaan AML/CFT/CPF melalui penambahbaikan dalam tadbir urus dan pengurusan data, liputan serta penentuan senario pemantauan transaksi, serta peraturan saringan dan pengesahan padanan. Inisiatif ini membantu memperkemas proses, mengurangkan kesilapan dan pertindihan usaha melalui penyeragaman pendekatan serta penggunaan automasi pintar.

Penambahbaikan automasi pintar termasuk:

- Pengukuhan kawalan Pengubahan Wang Haram Berasaskan Perdagangan, seperti saringan konsisten bagi barangan bersifat dwifungsi serta pendekatan standard dalam mengenal pasti pemilik benefisial;
- Liputan risiko yang lebih menyeluruh melalui senario pemantauan transaksi baharu; dan
- Pemulihan maklumat pelanggan dengan penggunaan alat penilaian risiko AML yang dipertingkatkan.

Operasi kawalan utama dilaksanakan pada tahap yang tinggi dan konsisten melalui pemusatan operasi kawalan AML/CFT/CPF di bawah Operasi Kumpulan, dengan penetapan pemilikan jelas pada Barisan Pertahanan Pertama yang disokong oleh BRCO/BRO/BCO serta jawatankuasa tadbir urus, selaras dengan Kenyataan Selera Risiko ("RAS"), dasar, pelaporan dan petunjuk prestasi utama ("KPI"). Ini turut merangkumi automasi beberapa proses utama seperti borang usaha wajar di peringkat dan kelulusan melalui sistem, serta penambahbaikan keberkesanan pemprofilan risiko pelanggan melalui sistem dan lain-lain.

Pemantauan (Samb.)

Pematuhan Syariah

Selaras dengan Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh BNM, Kumpulan telah mengekalkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang komprehensif merangkumi struktur tadbir urus Syariah, prinsip utama tadbir urus dan fungsi kawalan Syariah, struktur pelaporan serta peranan dan tanggungjawab.

Pelbagai aktiviti dan inisiatif seperti semakan Syariah, penilaian, sesi latihan dan taklimat telah dilaksanakan bagi memperkukuh pematuhan Syariah. Usaha ini termasuk menangani implikasi ketidakpatuhan berdasarkan dapatan semakan serta memupuk budaya pematuhan yang kukuh. Program kesedaran pematuhan Syariah dan pembelajaran berterusan turut dilaksanakan sepanjang tahun bagi mendidik pekerja mengenai kepentingan keperluan Syariah serta keperluan pemantauan pematuhan.

AUDIT DALAMAN

Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah bagi menyediakan jaminan bebas terhadap kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan. Aktiviti GIA berpandukan Piawaian Audit Dalaman Global yang dikeluarkan oleh Institute of Internal Auditors, sebagaimana yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa, serta keperluan pihak pengawal selia berkaitan fungsi audit dalaman. GIA diketuai oleh Ketua Audit Dalaman Kumpulan yang melapor secara fungsian kepada Jawatankuasa Audit Lembaga ("BAC") dan secara pentadbiran kepada Pengarah Urusan Kumpulan, sekali gus memastikan kebebasan GIA daripada pihak Pengurusan. GIA turut disokong oleh bahagian sumber manusia yang mencukupi serta berkelayakan.

Skop audit dalaman merangkumi semua aktiviti utama Kumpulan termasuk cawangan, fungsi perniagaan dan sokongan, operasi luar negara, anak syarikat, aktiviti penyumberan luar serta semakan yang diwajibkan oleh pengawal selia. GIA mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko dalam menentukan unit yang diaudit serta kekerapan audit, selaras dengan risiko utama, strategi dan bidang tumpuan Kumpulan yang dikenal pasti melalui metodologi penilaian risiko GIA. Pelan audit dalaman berasaskan risiko ini diluluskan oleh BAC setiap tahun.

Audit dilaksanakan mengikut pelan audit yang diluluskan, di samping semakan *ad hoc* dan siasatan yang dijalankan atas permintaan Pengurusan, Lembaga atau pihak pengawal selia. Siasatan kes pemberi maklumat dilaksanakan oleh GIA, Perhubungan Perusahaan & Tadbir Urus Sumber Manusia dan/atau Integriti & Tadbir Urus Kumpulan. Hasil siasatan ini dilaporkan kepada BAC untuk pertimbangan serta kepada Lembaga untuk makluman.

Laporan audit yang merangkumi dapatan audit, punca asas, risiko dan impak, ulasan serta cadangan GIA, serta maklum balas Pengurusan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") dan BAC secara bulanan. Selain itu, laporan Audit Syariah turut dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah untuk makluman dan pertimbangan.

GIA turut memperluas penggunaan analitik data bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan audit. Sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan keupayaan serta persediaan untuk melahirkan "juruaudit masa hadapan," GIA terus memperkukuh rangka kerja kompetensi dengan kerjasama bahagian Sumber Manusia Kumpulan.

[Maklumat lanjut mengenai fungsi GIA boleh didapati dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga dalam Laporan Bersepadu ini.](#)

KESIMPULAN

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit Lembaga RHB Bank, BAC RHB Insurance, BAC RHB Asset Management, BRC, IBBRC, BRC-i dan Insurance BRC, mengesahkan bahawa mereka telah menilai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko serta kawalan dalaman Kumpulan.

Lembaga juga telah menerima jaminan daripada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi secara mencukupi dan berkesan dalam semua aspek material.

Berdasarkan kemas kini bulanan daripada Jawatankuasa Lembaga serta jaminan yang diterima daripada pihak Pengurusan, Lembaga berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan adalah mencukupi dan berkesan bagi tahun kewangan yang dikaji serta sehingga tarikh kelulusan Penyata ini.

SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Selaras dengan perenggan 15.23 Keperluan Penyenaaran Pasaran Utama Bursa Malaysia, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan jaminan terhad tersebut dilaksanakan berdasarkan Panduan Amalan Audit dan Jaminan ("AAPG") 3 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG 3 tidak memerlukan juruaudit luar untuk memberikan pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

Analisis Pegangan Saham

setakat 27 Februari 2026

Bilangan Saham yang dikeluarkan : 4,361,913,750 saham biasa

Kelas Saham : Saham biasa

Hak Mengundi : Setiap pemegang saham yang hadir secara peribadi atau melalui proksi dalam mana-mana Mesyuarat Pemegang Saham mempunyai satu undi bagi setiap saham biasa yang dipegang

Bilangan Pemegang Saham : 67,885

Kategori	Bil. Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Bil. Saham yang Dipegang	% Pegangan Saham
Kurang daripada 100 saham	5,148	7.58	113,671	0.00
100 – 1,000 saham	27,027	39.81	13,527,704	0.31
1,001 – 10,000 saham	28,008	41.26	101,132,302	2.32
10,001 – 100,000 saham	6,398	9.43	183,250,812	4.20
100,001 hingga kurang daripada 5% saham yang diterbitkan	1,302	1.92	2,057,157,637	47.16
5% dan ke atas daripada saham yang diterbitkan	2	0.00	2,006,731,624	46.01
Total	67,885	100.00	4,361,913,750	100.00

PEMEGANG SAHAM UTAMA

Bil.	Nama Pemegang Saham Utama	Bilangan Saham			
		Secara Langsung	%	Secara Tidak Langsung	%
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") ¹	1,636,882,169	37.53	-	-
2.	OSK Holdings Berhad	447,768,886	10.27	-	-
3.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	211,910,046	4.86	11,973,510	0.27
4.	Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa ²	-	-	447,768,886	10.27
5.	Yellow Rock (L) Foundation ²	-	-	447,768,886	10.27

Nota:

¹ Kepentingan KWSP dipegang menerusi pelbagai pengurus dana.

² Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8(4) Akta Syarikat 2016, berdasarkan saham yang dipegang menerusi OSK Holdings Berhad.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SEKURITI SYARIKAT DAN PERBADANAN YANG BERKAITAN

Syarikat	Pegangan Saham	
	Bilangan Saham Dipegang	%
Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa – Tidak Langsung ¹	448,002,723	10.27
Ong Ai Lin – Langsung	29,071	*
Donald Joshua Jaganathan – Langsung	40,000	*
Dato' Mohd Rashid Mohamad – Langsung	182,000	*

Nota:

* Peratusan yang boleh diabaikan.

¹ Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8(4) dan 59 Akta Syarikat 2016, berdasarkan saham yang dipegang menerusi OSK Holdings Berhad dan ahli keluarganya.

Pengelasan Pemegang Saham

setakat 27 Februari 2026

Kategori	Bilangan Pemegang Saham		Pegangan Saham		% Daripada Jumlah Pegangan Saham	
	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing
Individu						
Bumiputera	797	0	5,496,333	0	0.13	0.00
Cina	35,515	0	249,780,093	0	5.73	0.00
India	1,018	0	6,413,662	0	0.15	0.00
Lain-lain	145	757	1,479,316	13,714,665	0.03	0.31
Badan Korporat						
Bank/Syarikat Kewangan	34	2	500,449,616	215,000	11.47	0.01
Amanah Pelaburan/Yayasan/ Badan Amal	17	0	532,884	0	0.01	0.00
Syarikat Industri dan Komersial	527	19	436,449,022	7,709,922	10.00	0.18
Agensi Kerajaan/Institusi						
	1	0	374,089	0	0.01	0.00
Penama	27,463	1,585	2,215,305,970	923,871,491	50.79	21.18
Lain-lain	5	0	121,687	0	0.00	0.00
Jumlah	65,522	2,363	3,416,402,672	945,511,078	78.32	21.68

Perubahan Modal Saham

setakat 27 Februari 2026

Bilangan saham terbitan Syarikat pada 27 Februari 2026 ialah 4,361,913,750 saham biasa.

Perubahan pada bilangan saham terbitan sejak 1999 adalah seperti berikut:

Tarikh	Bilangan Saham yang Diperuntukkan	Penerangan	Bilangan Saham Terkumpul yang Diterbitkan	
			Saham Keutamaan	Saham Biasa
03/06/1999	308,500,000 (saham keutamaan)	Diterbitkan menurut Perjanjian Jualan Saham antara RHB Bank Berhad ("RHB Bank"), Rashid Hussain Berhad (sebagai penganjur), Sime Darby Financial Services Holdings Sdn Bhd dan KUB Malaysia Berhad untuk pemerolehan 90.36% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	308,500,000	3,899,971,952
03/06/1999	1,000,000,000 (saham keutamaan)	Diterbitkan menurut Perjanjian Langganan bertarikh 30 November 1998 antara Danamodal Nasional Berhad, RHB Capital Berhad ("RHB Capital") dan RHB Bank.	1,308,500,000	3,899,971,952
01/09/1999	4,469,561 (saham keutamaan)	Diterbitkan menurut pemilikan wajib baki 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,312,969,561	3,899,971,952
23/09/1999	55,129,584 (saham keutamaan)	Diterbitkan menurut pemilikan wajib baki 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,368,099,145	3,899,971,952
27/03/2008	2,736,198,290 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Diterbitkan menurut Notis Penukaran yang diterima oleh RHB Bank berkenaan dengan pemegang Saham Keutamaan Boleh Tukar Bukan Kumulatif Tidak Boleh Tebus ("INCPS"), RHB Capital berhasrat untuk menukar keseluruhan 1,368,099,145 INCPS bernilai RM1.00 sesaham kepada saham biasa baharu bernilai RM0.50 sesaham.	-	6,636,170,242
31/10/2014	94,802,428 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Diterbitkan menurut Terbitan Hak pada dasar 1 saham biasa baharu bagi setiap 70 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,730,972,670
03/04/2015	190,197,391 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Diterbitkan menurut Terbitan Hak pada dasar 28.26 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,921,170,061
18/02/2016	Tidak berkenaan	Penyatuan setiap 2 saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 setiap satu kepada 1 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham.	-	3,460,585,030
07/04/2016	101,618,705 (saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)	Diterbitkan menurut Terbitan Hak berdasarkan 29.3646 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	3,562,203,735
14/04/2016	447,841,886 (saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)	Tunai	-	4,010,045,621
08/07/2021	58,314,499 (saham biasa bernilai RM4.61 sesaham)	Diterbitkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.	-	4,068,360,120
03/11/2021	74,558,388 (saham biasa bernilai RM4.69 sesaham)	Diterbitkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Interim bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.	-	4,142,918,508
16/06/2022	69,158,646 (saham biasa bernilai RM5.17 sesaham)	Diterbitkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang digunakan untuk Dividen Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.	-	4,212,077,154
07/11/2022	35,296,474 (saham biasa bernilai RM4.97 sesaham)	Diterbitkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Interim bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.	-	4,247,373,628
15/05/2023	38,974,473 (saham biasa bernilai RM4.74 sesaham)	Diterbitkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Interim Kedua bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.	-	4,286,348,101
16/05/2024	73,141,449 (saham biasa bernilai RM4.88 sesaham)	Diterbitkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Interim Kedua bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.	-	4,359,489,550
03/07/2025	2,424,200 (saham biasa bernilai RM5.71 sesaham)	Diterbitkan menurut Skim Geran Saham RHB Bank.	-	4,361,913,750

Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama

setakat 27 Februari 2026

Bil.	Nama	Pegangan Saham	
		Bilangan Saham	%
1	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA	1,636,882,169	37.53
2	OSK HOLDINGS BERHAD	369,849,455	8.48
3	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	211,910,046	4.86
4	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PENGECUALIAN UNTUK AIA BHD	91,010,735	2.09
5	PERMODALAN NASIONAL BERHAD	71,861,500	1.65
6	PUBLIC INVEST NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD UNTUK OSK HOLDINGS BERHAD	64,650,962	1.48
7	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM BUMIPUTERA	58,222,200	1.34
8	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM MALAYSIA 3	37,832,700	0.87
9	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM MALAYSIA	36,111,900	0.83
10	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD UBS AG	35,141,129	0.81
11	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN	34,105,700	0.78
12	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PAMB UNTUK PRULINK EQUITY FUND	33,627,472	0.77
13	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK JUMLAH DANA INDEKS SAHAM ANTARABANGSA VANGUARD	30,112,669	0.69
14	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK DANA INDEKS PASARAN BARU MUNCUL VANGUARD	28,413,700	0.65
15	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PRUDENTIAL ASSURANCE MALAYSIA BERHAD UNTUK DANA STRATEGIK PRULINK	26,934,474	0.62
16	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD PENGECUALIAN AN UNTUK CITIBANK NEW YORK (NORGES BANK 19)	23,092,000	0.53
17	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD PENGECUALIAN AN UNTUK BARCLAYS CAPITAL SECURITIES LTD (SBL/PB)	22,060,838	0.51
18	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD CBNY UNTUK TERAS ISHARES PASARAN BARU MUNCUL ETF MSCI	17,572,466	0.40
19	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 1)	17,019,188	0.39
20	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD J.P. MORGAN SECURITIES PLC	16,989,828	0.39
21	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMSE LUX UNTUK DANA PERTUMBUHAN ROBECO CAPITAL	16,740,174	0.38
22	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL	16,600,000	0.38

Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama

setakat 27 Februari 2026

Bil.	Nama	Pegangan Saham	
		Bilangan Saham	%
23	CIMB GROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD CIMB BANK BERHAD (EDP 2)	15,663,092	0.36
24	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK VANGUARD FIDUCIARY TRUST COMPANY INSTITUTIONAL TOTAL INTERNATIONAL STOCK MARKET INDEX TRUST I	15,252,100	0.35
25	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD PENGECEUALIAN UNTUK CITIBANK NEW YORK (NORGES BANK 14)	15,093,400	0.35
26	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD MORGAN STANLEY & CO. INTERNATIONAL PLC (FIRM A/C)	14,644,354	0.34
27	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD HSBC-FS G UNTUK PEOPLE'S BANK OF CHINA (SICL ASIA EM)	14,288,600	0.33
28	HONG LEONG ASSURANCE BERHAD SEBAGAI PEMILIK BERMANFAAT (LIFE PAR)	13,011,247	0.30
29	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK BLACKROCK INSTITUTIONAL TRUST COMPANY, N.A. DANA PELABURAN UNTUK AMANAH FAEDAH PEKERJA	12,075,350	0.28
30	HSBC NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD HSBC (M) TRUSTEE BHD UNTUK ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD (MEF)	10,874,156	0.25

Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama

setakat 31 Disember 2025

Lokasi	Pemilik	Perihalannya Hartanah	Keluasan Tanah (meter persegi)	Kegunaan	Usia Bangunan (Tahun)	Pegangan Tanah	Tahun Tamat Tempoh Pajakan	Nilai Buku Bersih 31.12.2025 (RM'000)	Tahun Pemerolehan atau Penilaian Semula
MALAYSIA									
Kuala Lumpur									
1. Tower 1, Tower 2 & 3, RHB Centre 424 & 426 Jalan Tun Razak	RHB Bank Berhad	Bangunan Pejabat 12 tingkat & 16 tingkat	10,270	Ruang Pejabat	36 & 30	Pegangan Bebas	-	164,514	2016
2. Lot 29 Jalan Tun Razak	RHB Bank Berhad	Tanah Kosong	5,478	Parkir Kereta Warga Kerja Berkecuali	Tidak Berkecuali	Pegangan Bebas	-	133,000	2016
Selangor									
3. Lot No. 8 Jalan Institusi Bandar Baru Bangi	RHB Bank Berhad	Blok Pejabat 6 Tingkat, Blok Latihan 5 Tingkat, & Blok Parkir Kereta 5 Tingkat	55,713	Pusat Latihan	25	Pegangan Pajak	2090	48,864	1992
Perak									
4. No. 2, 4, 6 & 8 Jalan Tun Sambanthan Ipoh	RHB Bank Berhad	Bangunan Pejabat 4 Tingkat	890	Cawangan Bank	28	Pegangan Bebas	-	3,836	1991
Pulau Pinang									
5. Unit 11 & 12 Jalan Chain Ferry Tmn Inderawasih Seberang Prai	RHB Bank Berhad	2 Unit Bangunan Komersial 3 Tingkat	603	Cawangan Bank	31	Pegangan Bebas	-	3,171	1998
Singapura									
6. 90 Cecil Street	Banfora Pte Ltd	Bangunan Komersial 17 Tingkat dengan Parkir Bawah Tanah	796	Bangunan Komersial	46	Pegangan Pajak	2883	148,012	1997
7. 10, Jalan Besar 01-03 & B1-13 Sim Lim Tower	RHB Bank Berhad	Dua Unit Kedai dalam Bangunan Komersial	543	Cawangan Bank	47	Pegangan Bebas	-	24,683	1999
8. 14A/B, 16A/B & 18A/B East Coast Road	RHB Bank Berhad	3 Unit Rumah Kedai 3 Tingkat	442	Pejabat	67	Pegangan Bebas	-	13,009	1999
9. 1/1A/1B Yio Chu Kang Road	RHB Bank Berhad	Bangunan Corner 3 Tingkat (Walk Up)	101	Pejabat	56	Pegangan Bebas	-	9,048	1999
10. No. 537/539 Geylang Road	RHB Bank Berhad	Rumah Kedai 3 Tingkat	374	Pejabat	46	Pegangan Bebas	-	8,680	1999

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-60

NOTIS DENGAN INI DIBERIKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (“**AGM**”) ke-60 RHB Bank Berhad (“**RHB Bank**” atau “**Syarikat**”) akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Ballroom 1, Aras 3, East Wing, Jalan Pinang, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia (“**Tempat Mesyuarat**”) dan akan disiarkan secara langsung daripada Tempat Mesyuarat pada hari Rabu, 6 Mei 2026 pada 10.00 pagi untuk urusan berikut:

AGENDA

SEBAGAI URUSAN BIASA:

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 dan Laporan Pengarah dan Juruaudit ke atasnya. **(Sila rujuk Nota Penerangan 1)**
2. Untuk memilih semula Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Klausa 94 Perlembagaan Syarikat dan kerana layak, menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula:
 - (i) Mr. Lim Cheng Teck **Resolusi Biasa 1**
 - (ii) Datuk Iain John Lo **Resolusi Biasa 2**
 - (iii) Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir **Resolusi Biasa 3**

Puan Ong Ai Lin, setelah mencapai had tempoh perkhidmatan sembilan tahun selaras dengan Garis Panduan Tempoh Pelantikan/Pelantikan Semula Pengarah Bukan Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB, telah menyatakan hasratnya untuk tidak menawarkan diri bagi pemilihan semula pada AGM yang akan datang. Sehubungan itu, beliau akan terus memegang jawatan sehingga tamatnya AGM ke-60.
3. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari AGM ke-60 hingga AGM ke-61 Syarikat. **Resolusi Biasa 4**
4. Untuk meluluskan pembayaran imbuhan Pengarah (tidak termasuk yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga) sehingga jumlah RM2,600,000.00 kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari AGM ke-60 hingga AGM ke-61 Syarikat. **Resolusi Biasa 5**
5. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan sehingga tamatnya AGM ke-61 Syarikat, dengan imbuhan yang akan ditentukan oleh para Pengarah. **Resolusi Biasa 6**

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, untuk meluluskan resolusi berikut:

6. **KUASA UNTUK PENGARAH MENERBITKAN SAHAM** **Resolusi Biasa 7**

“**BAHAWA** tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa kerajaan/kawal selia berkaitan, para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016, untuk menerbit dan memperuntukkan saham dalam Syarikat pada bila-bila masa dan berdasarkan terma dan syarat untuk tujuan sedemikian mengikut budi bicara mutlak para Pengarah sewajarnya, dengan jumlah agregat saham untuk diterbitkan tidak melebihi 10% daripada jumlah saham yang diterbitkan oleh Syarikat (kecuali saham perbendaharaan) (“**Saham Baharu**”) buat masa ini, **DAN BAHAWA** para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan penyenaraian dan sebut harga Saham Baharu yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad dan bahawa kuasa tersebut akan terus berkuatkuasa sehingga berakhirnya AGM Syarikat yang berikutnya.

DAN BAHAWA menurut Seksyen 85 Akta Syarikat 2016 dibaca bersama Perkara 14(e)(i) Perlembagaan Syarikat, pemegang saham Syarikat dengan ini mengetepikan hak preemptif berkanun mereka ke atas semua Saham Baharu yang diterbitkan di bawah kuasa tersebut.”
7. Untuk menjalankan sebarang urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Azman Shah Md Yaman (LS 0006901) (No. PC SSM: 201908001628)

Filza Zainal Abidin (LS 0008413) (No. PC SSM: 202208000377)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
7 April 2026

NOTA:**AGM Hibrid**

1. AGM ke-60 Syarikat akan diadakan secara hibrid dan ahli/proksi/wakil korporat diberi pilihan, sama ada:
 - (i) Menghadiri secara fizikal ("**Kehadiran Fizikal**") di Tempat Mesyuarat. Ahli/proksi/wakil korporat yang ingin menghadiri dan mengambil bahagian pada AGM ke-60 secara fizikal dikehendaki mendaftar untuk AGM di Tempat Mesyuarat.
 - (ii) Untuk menghadiri secara maya ("**Kehadiran Maya**") menggunakan kemudahan Penyertaan Jarak Jauh dan Pengundian Elektronik ("**RPEV**") yang akan disediakan oleh Pendaftar Saham yang dilantik untuk AGM ini, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd ("**Boardroom**"). Ahli/proksi/wakil korporat yang ingin menghadiri dan mengambil bahagian pada AGM ke-60 dari jauh, mesyuarat maya akan dijalankan melalui penstriman langsung dan pengundian jarak jauh dalam talian melalui kemudahan RPEV yang akan disediakan oleh platform Portal Boardroom Smart Investor ("**BSIP**") di <https://meeting.boardroomlimited.my>.

Rujuk kepada prosedur yang disediakan dalam Butiran Pentadbiran untuk mendaftar, mengambil bahagian dan mengundi dari jarak jauh.

Pelantikan Proksi

1. Bagi tujuan menentukan kelayakan ahli pada AGM ke-60 mengikut Perkara 51(c) Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Syarikat hendaklah meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd mengeluarkan Rekod Mesyuarat Agung bagi Pendeposit setakat 29 April 2026.

Hanya ahli yang namanya tertera pada Rekod Pendeposit layak untuk menyertai AGM ke-60 atau melantik proksi untuk mengambil bahagian dan mengundi bagi pihaknya.
2. Ahli Syarikat yang berhak untuk mengambil bahagian dan mengundi dari jarak jauh pada AGM ke-60 berhak melantik satu (1) atau lebih proksi untuk mengambil bahagian dan mengundi dari jarak jauh di tempatnya. Seorang proksi boleh tetapi tidak semestinya merupakan ahli Syarikat.
3. Borang Proksi mesti ditandatangani oleh pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis atau dalam kes sebuah perbadanan, hendaklah dimeterai dengan cop mohornya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah Surat Kuasa.

Jika Borang Proksi dikembalikan tanpa sebarang petunjuk tentang cara proksi itu akan mengundi, proksi akan mengundi atau berkecuali sebagaimana yang difikirkannya sesuai.
4. Jika ahli melantik dua (2) proksi, pelantikan itu adalah tidak sah melainkan dia menyatakan bahagian pegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi. Jika ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("**SICDA**"), ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dikreditkan dengan saham biasa Syarikat.
5. Jika ahli Syarikat adalah penama diberi kuasa terkecuali yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu (1) akaun sekuriti ("**Akaun Omnibus**"), tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa terkecuali berkenaan dengan setiap Akaun Omnibus yang dipegangnya. Penama diberi kuasa dikecualikan merujuk kepada penama diberi kuasa yang ditakrifkan di bawah SICDA yang dikecualikan daripada pematuhan peruntukan Seksyen 25A(1) SICDA.
6. Borang Proksi atau surat cara pelantikan lain mesti didepositkan di pejabat pendaftar saham Boardroom Share Registrars Sdn Bhd, Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia atau dikemukakan secara elektronik menerusi "Boardroom Smart Investor Portal" di <https://investor.boardroomlimited.com> tidak lewat daripada 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan AGM ke-60 yang akan datang atau sebarang penangguhan.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-60

Nota Penerangan

1. Perkara 1 Agenda – Penyata Kewangan Beraudit untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

Perkara 1 Agenda adalah bertujuan untuk perbincangan sahaja kerana peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 tidak memerlukan kelulusan rasmi pemegang saham untuk Penyata Kewangan Beraudit. Oleh itu, item Agenda ini tidak dikemukakan untuk pengundian.

2. Resolusi Biasa 1, 2 dan 3 – Pemilihan Semula Pengarah

2.1 Fasal 94 Perlembagaan Syarikat memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Pengarah yang sedang berkhidmat, atau sekiranya jumlah tersebut bukan gandaan tiga (3), maka bilangan yang paling hampir kepada satu pertiga, hendaklah bersara secara giliran pada AGM Syarikat dan layak untuk dipilih semula. Dengan saiz Lembaga semasa seramai 10 orang, empat (4) orang Pengarah dikehendaki bersara selaras dengan Fasal 94 Perlembagaan Syarikat.

Encik Lim Cheng Teck, Datuk Iain John Lo dan Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir akan bersara selaras dengan Fasal 94 Perlembagaan Syarikat dan layak untuk menawarkan diri bagi pemilihan semula.

Puan Ong Ai Lin, setelah mencapai had tempoh perkhidmatan sembilan tahun selaras dengan Garis Panduan Tempoh Pelantikan/Pelantikan Semula Pengarah Bukan Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB, telah menyatakan hasratnya untuk tidak menawarkan diri bagi pemilihan semula pada AGM yang akan datang. Sehubungan itu, beliau akan terus memegang jawatan sehingga tamatnya AGM ke-60.

2.2 Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan Lembaga ("BNRC") telah mempertimbangkan serta menilai prestasi dan sumbangan setiap Pengarah yang akan bersara melalui pelaksanaan penilaian keberkesanan Lembaga tahunan ("BEE") bagi Tahun Kewangan 2025 ("TK2025").

(a) Syarikat telah melaksanakan penilaian komprehensif terhadap Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga serta Pengarah Individu. Soal selidik bagi setiap Pengarah telah disesuaikan berdasarkan perwakilan Pengarah tersebut dalam Lembaga dan/atau Jawatankuasa Lembaga entiti masing-masing. Soal selidik BEE direka berasaskan prinsip serta amalan tadbir urus yang ditetapkan dalam piawaian dan keperluan kawal selia tempatan, serta amalan terbaik antarabangsa.

(b) Selaras dengan Standard 13.1 dan Garis Panduan 13.2 dalam Dokumen Dasar Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"), Lembaga Pengarah telah melantik Ernst & Young Consulting Sdn. Bhd. untuk melaksanakan penilaian keberkesanan BEE secara bebas terhadap para Pengarah Syarikat berdasarkan kriteria prestasi yang berkaitan, termasuk perkara-perkara berikut:

Bahagian A: Penilaian Lembaga Pengarah

Bahagian A menilai tingkah laku dan budaya keseluruhan Lembaga berdasarkan lima (5) dimensi yang dikenal pasti, iaitu kepimpinan dan budaya, komposisi, tanggungjawab, jawatankuasa, serta pentadbiran dan operasi Lembaga sebagai satu entiti kolektif, di samping penilaian khusus terhadap ciri-ciri pelaksanaan dan prestasi setiap Jawatankuasa Lembaga. Penilaian ini dilaksanakan melalui kaedah temu bual berstruktur serta soal selidik. Hasil penilaian menunjukkan bahawa Lembaga berfungsi dengan berkesan dan teratur, serta menyediakan pengawasan dan tadbir urus yang kukuh terhadap bidang utama di bawah mandatnya.

Bahagian B: Penilaian Kendiri dan Penilaian Rakan Sebaya Lembaga Pengarah

Bahagian B menilai sumbangan setiap ahli Lembaga kepada Lembaga serta aspek berkaitan kualiti dan ciri peribadi. Soal selidik direka untuk menilai para Pengarah berdasarkan ciri-ciri khusus seperti kebebasan, sumbangan dan komitmen, kompetensi, kemahiran serta kepakaran, di samping ulasan umum terhadap Pengarah lain. Berdasarkan hasil penilaian keberkesanan Lembaga BEE, para Pengarah individu memenuhi kriteria prestasi yang diperlukan bagi sebuah Lembaga yang berkesan dan berprestasi tinggi.

(c) Profil para Pengarah yang akan dipilih semula/dilantik semula boleh didapati dalam Laporan Bersepadu RHB Bank Berhad 2025, manakala penjelasan terperinci mengenai hasil penilaian keberkesanan BEE didedahkan di bawah **Amalan 6.1** dalam Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad 2025 ("**Laporan TGK**"). Butiran mengenai pandangan BNRC berhubung pemilihan semula/pelantikan semula para Pengarah berkenaan boleh dirujuk di bawah **Amalan 5.7** dalam Laporan TGK.

2.3 Seksyen 54(2)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("**FSA**") memperuntukkan bahawa pelantikan, pemilihan, pelantikan semula dan pemilihan semula Pengerusi, Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada BNM. Sehubungan itu, kelulusan yang diberikan oleh BNM berhubung tempoh perkhidmatan Pengarah yang memohon untuk dipilih semula di bawah Resolusi Biasa 1, 2 dan 3 kekal berkuat kuasa.

Berdasarkan perkara di atas, Lembaga Pengarah telah meluluskan cadangan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi pemilihan semula Pengarah yang bersara, iaitu Encik Lim Cheng Teck, Datuk Iain John Lo dan Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir. Ketiga-tiga (3) Pengarah yang bersara tersebut telah berkecuali daripada perbincangan dan keputusan berkaitan kelayakan mereka untuk menawarkan diri bagi pemilihan semula dalam mesyuarat Lembaga yang berkaitan. Lembaga turut mengambil maklum bahawa Puan Ong Ai Lin, yang juga bersara secara giliran selaras dengan Fasal 94 Perlembagaan Syarikat dan telah mencapai had tempoh perkhidmatan sembilan tahun berdasarkan Garis Panduan Tempoh Pelantikan/Pelantikan Semula Pengarah Bukan Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB, telah menyatakan hasratnya untuk tidak menawarkan diri bagi pemilihan semula pada AGM yang akan datang. Sehubungan itu, beliau akan terus memegang jawatan sehingga tamatnya AGM ke-60.

3. Resolusi Biasa 4 dan 5 – Pembayaran Yuran Pengarah, Elaun Jawatankuasa Lembaga serta Imbuan Pengarah (tidak termasuk Yuran Pengarah dan Elaun Jawatankuasa Lembaga) kepada Pengarah Bukan Eksekutif

Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berhak menerima yuran Pengarah tahunan serta elaun tahunan Jawatankuasa Lembaga. Kadar semasa yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Bil.	Penerangan	Pengerusi Bukan Eksekutif (RM)	Pengarah Bukan Eksekutif (RM)
1	Yuran Tahunan Pengarah	340,000.00	240,000.00
Elaun Tahunan Jawatankuasa Lembaga			
2	Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah	75,000.00	45,000.00
3	Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah	75,000.00	45,000.00
4	Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah	75,000.00	45,000.00
5	Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah	75,000.00	45,000.00
6	Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah	60,000.00	40,000.00
Imbuan Pengarah (Tidak Termasuk Yuran Pengarah dan Elaun Jawatankuasa Lembaga)			
7	Elaun Tetap Bulanan ^(a)	25,000.00	Tidak Berkaitan
8	Elaun Mesyuarat (setiap Mesyuarat)		
	(a) Lembaga Pengarah Syarikat	3,000.00	3,000.00
	(b) Jawatankuasa Lembaga Pengarah ^(b)	3,000.00	3,000.00
9	Skim Dana Sambutan Perpisahan (Untuk Keseluruhan Tempoh Jawatan) ^(c)	3,000.00	3,000.00
10	Faedah-Faedah Lain:		
	Keahlian kelab, perlindungan insurans liabiliti Pengarah dan Pegawai, pemandu, elaun kereta dan petrol, peranti elektronik serta aksesori bagi tujuan mesyuarat, kad kredit Pengarah bagi kegunaan perniagaan, insurans kemalangan diri, manfaat perbankan, perlindungan perjalanan udara, perlindungan perubatan dan lain-lain.		

Nota:

(a) Elaun tetap bulanan diberikan kepada Pengerusi Syarikat sebagai Elaun Khas, sebagai pengiktirafan terhadap peranan penting dalam kepimpinan dan pengawasan, dan skop tanggungjawab yang luas yang dijangkakan daripada beliau.

(b) Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang disebut di atas adalah Jawatankuasa Berpusat yang dikongsi oleh Syarikat dan subsidiarinya yang berkaitan dengan Kumpulan Perbankan RHB ("Kumpulan").

(c) Hadiah perpisahan dengan nilai sehingga RM3,000.00 akan diberikan kepada Pengarah Bukan Eksekutif untuk keseluruhan tempoh jawatan pengarah apabila dia berhenti daripada Kumpulan, sama ada selepas bersara atau meletak jawatan.

Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan tidak menerima sebarang imbuan sebagai Pengarah.

Dalam menentukan jumlah anggaran keseluruhan imbuan (tidak termasuk yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga) bagi Pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif Lembaga Syarikat, Lembaga Pengarah telah mengambil kira pelbagai faktor termasuk bilangan mesyuarat berjadual bagi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta bilangan Pengarah Bukan Eksekutif yang terlibat dalam mesyuarat tersebut.

Kelulusan pemegang saham dengan ini dipohon bagi pembayaran yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga serta imbuan Pengarah (tidak termasuk yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga) sehingga jumlah RM2,600,000.00 kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari AGM ke-60 hingga AGM ke-61 Syarikat.

Pembayaran imbuan kepada Pengarah Bukan Eksekutif akan dibuat oleh Syarikat secara bulanan dan/atau pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai, tertakluk kepada kelulusan Resolusi Biasa 4 dan 5 dalam AGM ke-60 Syarikat. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama untuk Pengarah Bukan Eksekutif menerima imbuan secara bulanan dan/atau apabila difikirkan sesuai, khususnya setelah mereka melaksanakan tanggungjawab dan memberikan perkhidmatan kepada Syarikat sepanjang tempoh berkenaan.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-60

4. Resolusi Biasa 6 – Pelantikan Semula Juruaudit

Jawatankuasa Audit Lembaga ("BAC") telah, pada 22 Januari 2026, melaksanakan penilaian tahunan terhadap juruaudit luar Syarikat, Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT ("PricewaterhouseCoopers") selaras dengan Garis Panduan Juruaudit Luar yang dikeluarkan oleh BNM. Penilaian tersebut merangkumi pelbagai aspek termasuk prestasi, kesesuaian, kebebasan dan objektiviti juruaudit luar, berdasarkan kriteria kelayakan bagi pelantikan semula juruaudit serta terma pelantikan audit.

Setelah berpuas hati dengan prestasi dan pematuhan terhadap kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Juruaudit Luar BNM, BAC telah mengesyorkan pelantikan semula PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit luar Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026.

Lembaga Pengarah telah, pada 28 Januari 2026, meluluskan cadangan BAC untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham pada AGM ke-60 Syarikat berhubung pelantikan semula PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit luar Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026, di bawah Resolusi Biasa 6.

5. Resolusi Biasa 7 – Kuasa kepada Pengarah untuk Menerbitkan Saham

Resolusi Biasa 7 yang dicadangkan adalah bagi memperbaharui mandat am kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham biasa Syarikat dari semasa ke semasa menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016. Sekiranya diluluskan, resolusi ini akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menerbitkan saham biasa dalam modal Syarikat, dengan syarat jumlah agregat saham yang diterbitkan di bawah resolusi ini tidak melebihi 10%¹ daripada jumlah keseluruhan saham terbitan Syarikat (tidak termasuk saham perbendaharaan) pada masa tersebut ("Mandat Am"), tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung. Mandat Am ini, melainkan dibatalkan atau diubah dalam mesyuarat agung, akan berkuat kuasa sehingga tamatnya AGM Syarikat yang berikutnya.

Mandat Am ini akan membolehkan para Pengarah bertindak dengan pantas sekiranya timbul keperluan, antaranya bagi pelaksanaan latihan korporat atau apabila terdapat peluang perniagaan atau keadaan lain yang memerlukan penerbitan saham baharu, serta mengelakkan kelewatan dan kos untuk mengadakan mesyuarat agung bagi meluluskan penerbitan saham tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan mandat ini hanya akan dilakukan sekiranya Lembaga berpendapat bahawa ia adalah demi kepentingan terbaik Syarikat.

Selaras dengan Seksyen 85 Akta Syarikat 2016 yang dibaca bersama Fasal 14(e)(i) Perlembagaan Syarikat, para pemegang saham dengan ini bersetuju untuk menyetujui hak keutamaan berkanun mereka untuk ditawarkan sebarang saham baharu yang mempunyai kedudukan setara dengan saham sedia ada yang diterbitkan oleh Syarikat.

¹ Peruntukan sebanyak 10% tersebut merangkumi sehingga 2% yang diperuntukkan di bawah Skim Pemberian Saham ("SGS") RHB Bank dan anak-anak syarikatnya, yang telah diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") pada 27 April 2022. Peruntukan 2% ini, yang diluluskan pada EGM Syarikat yang diadakan pada 27 April 2022, akan terus berkuat kuasa untuk tempoh sembilan (9) tahun sehingga tahun 2031 dan bertujuan untuk digunakan pada bila-bila masa sepanjang tempoh pelaksanaan SGS bagi pekerja dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB (tidak termasuk anak syarikat yang tidak aktif), yang memenuhi kriteria kelayakan dan dipilih untuk ditawarkan penyertaan dalam SGS selaras dengan peruntukan Undang-Undang Kecil yang mengawal SGS.

KENYATAAN MENGIRINGI NOTIS AGM KE-60 SYARIKAT

Maklumat tambahan menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dibentangkan dalam Lampiran A kepada Notis AGM ke-60 Syarikat.

LAMPIRAN A

Penyata yang Mengiringi Notis AGM ke-60 Syarikat

(Menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad)

- (i) Butiran lanjut mengenai individu yang menawarkan diri untuk pemilihan semula sebagai Pengarah pada AGM ke-60 adalah disediakan dalam Laporan Bersepadu RHB Bank 2025.

Tiada individu yang menawarkan diri untuk pelantikan sebagai Pengarah pada AGM ke-60 Syarikat.

- (ii) Penyata berkaitan mandat am bagi penerbitan sekuriti selaras dengan Perenggan 6.03(3) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Resolusi Biasa 7 yang dicadangkan bagi Mandat Am untuk penerbitan sekuriti merupakan mandat pembaharuan. Setakat tarikh Notis ini, tiada saham baharu yang diterbitkan menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016 yang diberikan kepada para Pengarah pada AGM yang lalu yang diadakan pada 8 Mei 2025.

Borang Proksi



No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)
(Diperbadankan di Malaysia di bawah
Ordinan Syarikat terdahulu, 1940-1946)

Bilangan Saham Dipegang	No. Akaun CDS

Saya/Kami _____ No. KP/No. Pasport/No. Syarikat _____
(Nama dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(Alamat penuh)

sebagai ahli **RHB BANK BERHAD** ("RHB Bank" atau "Syarikat") dengan ini melantik:

Nama _____ KP/No. (Wajib) _____
(Nama dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(Alamat penuh, emel & No. Tel)

dan/atau*

Nama _____ KP/No. (Wajib) _____
(Nama dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(Alamat penuh, emel & No. Tel)

atau sekiranya beliau tiada, Pengerusi Mesyuarat, sebagai proksi saya/kami* bagi mengundi untuk saya/kami* dan bagi pihak saya/kami* pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-60 ("AGM") Syarikat yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Ballroom 2, Aras 3, East Wing, Jalan Pinang, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia ("Tempat Mesyuarat") dan akan disiarkan secara langsung dari Tempat Mesyuarat pada hari Rabu, 6 Mei 2026 pada jam 10.00 pagi atau pada sebarang penangguhannya.

Bahagian pemegangan saya/kami* yang diwakili oleh proksi saya/kami* adalah seperti berikut:

Proksi Pertama (1)	Proksi Kedua (2)

Proksi Saya/Kami* akan mengundi seperti dinyatakan di bawah:

Resolusi		Bersetuju	Tidak Bersetuju
	Untuk memilih semula Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Perkara 94 Perlembagaan Syarikat:		
Resolusi Biasa 1	(i) Mr. Lim Cheng Teck		
Resolusi Biasa 2	(ii) Datuk lain John Lo		
Resolusi Biasa 3	(iii) Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir		
Resolusi Biasa 4	Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari AGM ke-60 hingga AGM ke-61 Syarikat.		
Resolusi Biasa 5	Untuk meluluskan pembayaran imbuhan Pengarah (tidak termasuk yuran Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga) sehingga jumlah RM2,600,000.00 kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari AGM ke-60 hingga AGM ke-61 Syarikat.		
Resolusi Biasa 6	Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan sehingga tamatnya AGM ke-61 Syarikat, dengan imbuhan yang akan ditentukan oleh para Pengarah.		
Resolusi Biasa 7	Untuk memberi kuasa kepada Pengarah untuk menerbitkan saham selaras dengan Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016.		

(Sila tandakan dengan "X" dalam ruang yang disediakan sebagaimana undian anda. Jika tiada arahan khusus untuk mengundi diberikan, proksi akan mengundi atau mengecualikan diri daripada mengundi mengikut budi bicara beliau sepenuhnya.)

Tarikh _____, 2026

Tandatangan

(Sekiranya pemegang saham adalah sebuah syarikat, bahagian ini hendaklah disempurnakan di bawah cap mohornya)

* Potong mana yang tidak berkenaan

Nota:

1. Berkenaan dengan sekuriti yang didepositkan, hanya ahli yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 29 April 2026 (Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung) berhak menyertai dan mengundi secara jarak jauh pada AGM ke-60 yang akan datang menggunakan penyertaan jarak jauh dan kemudahan pengundian elektronik.
2. Seorang ahli Syarikat yang berhak untuk menyertai dan mengundi secara jarak jauh pada AGM ke-60 yang akan datang berhak untuk melantik seorang atau lebih proksi untuk menyertai dan mengundi secara jarak jauh bagi pihaknya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya merupakan ahli Syarikat.
3. Borang Proksi mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis atau dalam kes sebuah syarikat, disempurnakan dengan mohor rasmi atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis.
4. Sekiranya Borang Proksi dipulangkan tanpa sebarang petunjuk sebagaimana proksi akan mengundi, proksi akan mengundi atau mengecualikan diri sebagaimana yang difikirkan wajar.
5. Sekiranya ahli melantik dua proksi, pelantikan tersebut tidak sah melainkan dia menyatakan bahagian pegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi. Di mana ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("**SICDA**"), ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dikreditkan dengan saham biasa Syarikat.
6. Sekiranya ahli Syarikat adalah penama diberi kuasa pengecualian yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("**Akaun Omnibus**"), tiada had kepada bilangan proksi di mana penama yang diberi kuasa pengecualian boleh melantik berkaitan dengan Akaun Omnibus yang dipegangnya. Penama yang diberi kuasa pengecualian merujuk kepada penama sah yang ditakrifkan di bawah SICDA yang dikecualikan daripada pematuhan kepada peruntukan sub seksyen 25A(1) SICDA.
7. Borang Proksi atau dokumen pelantikan lain mestilah didepositkan di pejabat pendaftar saham Syarikat, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd, Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia atau dikemukakan secara elektronik menerusi "Boardroom Smart Investor Portal" di <https://investor.boardroomlimited.com> tidak lewat daripada 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan AGM ke-60 yang akan datang atau sebarang penangguhan AGM.

Lipat di sini

Postage Stamp

Pendaftar Saham Syarikat **RHB BANK BERHAD**
BOARDROOM SHARE REGISTRARS SDN BHD
Tingkat 11, Menara Symphony
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim
Seksyen 13
46200 Petaling Jaya Selangor
Malaysia.

Lipat di sini



RHB Bank Berhad 196501000373 (6171-M)

Aras 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-9287 8888 Faks: 603-9281 9314

www.rhbgroup.com

RHBGroup



rhbgroupmy



RHB Foundation



Printed On

